

Arahan penerbit

sejarah  
PAHANG

# sejarah PAHANG

HAJI BUYONG BIN ADIL

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1984

KK. 490 - 915 0102

"Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium."

© Hakcipta Haji Buyong Adil (1972)  
Cetakan Pertama 1972  
Cetakan Kedua (Dengan Pembedulan) 1984

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KUALA LUMPUR  
\$10.00

M 614922

959.5123

BUY

- 2 FEB. 1993  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PERUTUSAN

Saya sangat gembira kerana dapat menatap buku Sejarah Pahang yang ditulis oleh seorang ahli sejarah yang terkenal ini.

Selama ini sejarah tanahair kita, dalam erti kata yang sebenarnya, sentiasa ditulis atau dihasilkan oleh orang asing terutama sekali orang Barat. Di samping kita menghargai sumbangan mereka itu, kita juga patut menyedari bahawa penulisan mereka tidaklah sebenarnya berpusatkan suasana, malah kejadian yang sebenarnya bersifat tempatan. Bagi ahli sejarah bangsa Inggeris, misalnya, proses sejarah tanahair kita ini adalah merupakan sebahagian dari proses sejarah tanah Inggeris. Begitu juga bagi ahli sejarah asing yang lain, mereka tidak pernah dan tidak mahu memandangi, serta mengakui, perjalanan sejarah tanahair kita sebagai proses yang unik, tersendiri dan mempunyai selok-belok yang terkhas.

Sekarang negara kita telah mencapai kemerdekaan. Selain daripada kita berusaha untuk mengisi kemerdekaan itu dalam berbagai aspek yang lain, kita seharusnya tidak melupakan langsung akan proses dan perkembangan sejarah yang telah membentuk negara kita dan menjadikan kita sebagai bangsa yang berdaulat. Kalau ahli sejarah mengabaikan sejarah tanahairnya sendiri, lebih-lebih lagi setelah kita mencapai kemerdekaan, maka sudah semestinyalah ahli sejarah asing akan masuk untuk mengisi kekosongan itu. Yang demikian penulisannya sudah pasti tidak berubah dari apa yang telah kita dapati selama ini dan kalau terdapat perubahan pun hanyalah dari satu pemusatan kepada yang lain yang juga asing.

Atas dasar inilah, antara lain, maka kita patut menuliskan kembali segala peristiwa sejarah tanahair kita. Terpulanglah kepada ahli sejarah kita untuk memberikan sumbangan dalam pergerakan dan perkembangan ini dengan sewajarnya. Kerana

mereka adalah di antara orang yang sedar dan sama bertanggungjawab untuk melayarkan kemerdekaan negara ke arah matlamat yang kita impikan.

Akhir kata, saya berharap semoga buku Sejarah Pahang ini akan merupakan salah satu sumbangan demi memenuhi konsep kemerdekaan kita.

(Datuk Abdul Samad bin Idris)

15hb. Januari 1971.

Pengerusi  
Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan  
Pustaka merangkap Timbalan Menteri  
Pembangunan Negara dan Luar Bandar  
Malaysia

## PENDAHULUAN

Saya mengucapkan Alhamdulillah dan bersyukur ke hadirat-Nya kerana terbitnya buku Sejarah Pahang dalam Siri Sejarah Nusantara terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini.

Dalam buku Sejarah Pahang ini, berkat adanya beberapa bahan pembacaan, dapatlah dikemukakan beberapa pendapat dan bukti yang telah menyingkap keadaan yang samar mengenai sejarah negeri Pahang pada zaman beribu-ribu tahun dahulu iaitu pada zaman yang disebut zaman sebelum sejarah atau *Zaman Batu*.

Kemudian daripada itu, setelah memasuki zaman sejarah, berdasarkan kepada penulisan orang zaman dahulu iaitu orang Arab, Cina, Siam, Jawa dan Portugis, dapatlah dibentangkan beberapa gambaran mengenai sejarah negeri Pahang dari akhir kurun masihi yang ke-10 hingga pertengahan kurun ke-15, dan dalam masa itu termasuklah juga semasa negeri Pahang di bawah kuasa kerajaan Seri Wijaya, di bawah pengaruh kerajaan Jawa Majapahit, dan juga semasa negeri itu diperintah oleh raja Melayu bukan Islam di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu (dari Ligor sampai ke Patani) dan dipengaruhi oleh Siam.

Menjelang akhir kurun yang ke-15, sejarah Pahang telah mulai agak jelas. Sejak itu hingga sekarang ini iaitu selama hampir lebih kurang lima ratus tahun, dapatlah sejarah negeri Pahang itu dipandang sebagai suatu gambaran yang jelas.

Dari akhir kurun yang ke-15 hingga hampir seratus lima puluh tahun lamanya negeri Pahang diperintah oleh Raja Melayu-Islam keturunan daripada Raja Melayu Melaka. Dari awal hingga ke pertengahan kurun yang ke-17, negeri Pahang telah menghadapi beberapa kesusahan dari serangan orang Aceh, Johor, Portugis dan Belanda hingga negeri itu

masuk ke bawah perintah kerajaan Aceh.

Di pertengahan kurun yang ke-17, apabila kuasa kerajaan Aceh di Semenanjung Tanah Melayu mulai lemah, pemerintahan negeri Pahang telah bersatu dengan Johor di bawah perintah Raja Johor.

Mulai dari suku pertama dalam kurun masihi yang ke-18, negeri Pahang menjadi sebahagian daripada wilayah pemerintahan Kesultanan Empayar Johor yang luas itu, dan seorang Bendahara ditempatkan untuk memerintah Pahang sebagai daerah pegangannya.

Setelah Belanda dan British dapat memecahbelahkan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, iaitu dengan cara Belanda menjajah Kepulauan Riau-Lingga dan British mengambil Singapura daripada tangan Raja-raja Melayu, menjelang pertengahan kurun yang ke-19, dengan sendirinya Bendahara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang yang memegang pemerintahan di negeri Pahang telah memutuskan hubungan Pahang dengan Johor, Singapura dan Riau-Lingga dan mengambil alih pemerintahan secara mutlak di negeri Pahang.

Tetapi tiada lama lepas itu, dalam pertengahan kurun yang ke-19 itu juga, berlakulah perang saudara di negeri Pahang (1857-1863) yang akhirnya negeri itu dapat dikuasai oleh Bendahara Wan Ahmad, dan memakai gelaran *Sultan* lalu membentuk Kesultanan baharu di negeri itu dan keturunannya terus memerintah Pahang hingga sekarang.

Setelah dua puluh lima tahun Sultan Ahmad (Bendahara Wan Ahmad) memerintah Pahang, iaitu setelah British dapat memasukkan jarum penjajahnya di negeri Perak, Selangor dan Daerah Sungai Ujong di Negeri Sembilan, British telah menjalankan tipu muslihatnya untuk memasukkan negeri Pahang ke bawah naungan perintah British.

British campur tangan dalam pemerintahan Pahang setelah tiga tahun orang-orang Melayu Pahang di bawah pimpinan beberapa orang besar dan pahlawan Pahang yang tiada suka negeri mereka dijajah oleh British telah memberontak dan berlakulah pertempuran bersenjata di merata tempat di negeri Pahang yang telah berlarutan selama lima tahun (1891-1895) di antara orang Melayu Pahang melawan British

yang telah membawa ramai askarnya (terutama pasukan polis) ke Pahang, dan pihak British telah berjaya mengusir pahlawan Pahang hingga ke hulu negeri Kelantan dan Terengganu. Akhirnya, dengan bantuan kerajaan Siam, beberapa orang daripada pahlawan Pahang itu telah diasingkan ke negeri Siam, dan berhentilah gerakan orang Melayu Pahang menentang penjajahan British. Sejak itu semakin kukuhlah kuasa British di Pahang, dan Pahang bersama dengan negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan (yang disebut Negeri Melayu Yang Bersekutu) menjalani sejarahnya sebagai negeri yang bernaung di bawah perintah British sehinggalah Tanah Melayu diserang oleh tentera Jepun.

Sejarah negeri Pahang pada masa pendudukan tentera Jepun selepas itu diganggu pula oleh pengganas komunis, menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu, mencapai kemerdekaan bersama dengan negeri Melayu lainnya dalam Persekutuan Tanah Melayu, dan akhirnya dibawa bersekutu dalam Malaysia, dan hampir samalah dengan peristiwa bersejarah yang telah berlaku di negeri jirannya seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Tarikh yang digunakan dalam buku sejarah ini ialah tarikh tahun masihi.

Dengan terbitnya hasil penulisan saya berupa buku Sejarah Pahang ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan merasa terhutang budi akan jasa penulisan sekaligus pengarang dan penulis rencana dan buku sejarah yang telah saya gunakan sebagai bahan bacaan untuk menyusun buku ini. Nama mereka serta tajuk rencana dan nama buku sejarah karangan mereka, ada saya tuliskan selengkapnya dalam buku ini.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pengerusi serta sekalian ahli Jawatankuasa Penyiasat yang telah ditubuhkan oleh kerajaan Pahang pada awal tahun 1970 berhubung dengan peristiwa seorang tua di negeri Pahang yang terkenal dengan nama samarannya *Mat Siam*, pada akhir tahun 1969, telah memperkenalkan dirinya bahawa dialah yang sebenarnya Mat Kilau anak Orang Kaya Indera Gajah Pahang, yang telah berjuang menentang penjajahan British di Pahang pada akhir abad yang ke-19 dahulu.



Dalam Laporan Jawatankuasa Penyiasat itu telah mengesahkan bahawa *Mat Siam* itu sememangnya ialah Mat Kilau.

Kepada Yang Berhormat Datuk Abdul Samad bin Idris yang telah bermurah hati memberi kata "Perutusan" bagi buku Sejarah Pahang ini, dengan sukacita saya mengucapkan setinggi terima kasih, semoga daripada kata Perutusan beliau itu, dapatlah kiranya buku sejarah ini menyumbangkan derma baktinya kepada kemajuan Negara Malaysia khususnya dalam bidang sejarah.

HAJI BUYONG BIN ADIL

Kuala Lumpur  
25hb. September 1971

## KANDUNGAN

muka surat

Perutusan .....	v
Pendahuluan .....	vii
Ringkasan Pengenalan Buku Rujukan .....	xiii
Pengenalan .....	1
Pahang pada Zaman Batu dan Zaman Gangsa-Besi .....	5
Pahang pada Zaman Sebelum Ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka .....	15
Pahang Ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka .....	31
Pahang dalam Zaman Pemerintahan Raja Keturunan dari Melaka .....	39
Pahang Ditakluk oleh Aceh dan Percantuman Pahang dengan Johor .....	71
Pahang dalam Pegangan Bendahara .....	87
Perang Saudara di Pahang .....	141
Pahang dari Tahun 1863-1871 Dalam Zaman Pemerintahan Bendahara Wan Ahmad .....	177
Bendahara Wan Ahmad Mencampuri Perang di Selangor .....	191
Pahang dari Tahun 1874-1881 .....	207
Bendahara Wan Ahmad Memakai Gelaran Sultan .....	219
Engku Muda Mansur Hendak Menyerang Pahang .....	225
Frank Swettenham Datang ke Pahang .....	231
Gabenor Weld dan Hugh Clifford Berikhtiar Memujuk Sultan Ahmad Membuat Perjanjian dengan British .....	239

↳ Kerajaan British Meletakkan Wakilnya di Pahang .....	251
↳ Kerajaan British Meletakkan Residen di Pahang .....	261
↳ Pahang pada Permulaan di Bawah Naungan Perintah British .....	279
↳ Penentangan Terhadap Campur Tangan British dalam Pemerintahan di Pahang .....	297
↳ British Gagal Menangkap Pahlawan Pahang di Kelantan dan Terengganu .....	353
Pahang dari Tahun 1895 hingga Tahun 1970 .....	411
Indeks .....	413

## RINGKASAN PENGENALAN BUKU RUJUKAN

Nama buku yang digunakan untuk menyusun buku "Sejarah Pahang" ini dituliskan di sebelah bawah tiap muka surat dengan perkataan ringkas yang telah dipilih seperti yang dituliskan di bawah ini (sebelah kiri), dan tajuk rencana atau nama buku itu selengkapnya dituliskan setentang dengan perkataan untuk pengenalan nama buku atau tajuk rencana itu (sebelah kanan):

- ABDULLAH : *Hikayat Abdullah* (Jilid I dan II Cetakan Ketiga): Malayan Publishing House Singapura - 1942.
- ACHEH : *Tarich Atjeh Dan Nusantara* (Jilid I), oleh H.M. Zainuddin: Pustaka Iskandar Muda, Medan-1961.
- ALLEN : *Two Imperialists*, oleh J. de V. Allen: JMBRAS, Jilid. XXXVII Bahagian II-Julai 1964.
- ALMANAC : *Two World Almanac and Book of Facts*, 1958: New York Telegram.
- ANCIENT : *The Study of Ancient in the Malay Peninsula*, oleh Roland Braddell: JMBRAS, Jilid. XIV Bahagian III-Disember 1936.
- ARAB : *The Malay Peninsula as known to the Arab Geographers*, oleh G.R. Tibbetts: *The Malayan Journal of Tropical Geography*, Jilid IX Disember. 1956, Department of Geography. University of Malaya, Singapore.

- BASTIN : *Malaysia Selected Historical Readings*, disusun oleh John Bastin dan Robin W. Winks: Oxford University Press, Kuala Lumpur—1966.
- BENDA : *Bendaharas and Temenggongs*, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Jilid X Bahagian I—Januari 1932.
- BENNETT : *Why Singapore Fell*, oleh Jeneral H. Gordon Bennett: Thacker & Co. Ltd., Bombay—1945.
- BRONZE : *Bronze and Iron Age Culture Associated in Malaya*, oleh W. Linchan: *JMBRAS* Jilid XXIV Bahagian II—Oktober 1951.
- BROWN : *Commentary on Sejarah Melayu*, oleh C.C. Brown: *JMBRAS* Jilid XXV Bahagian II & III—Oktober 1932.
- BUGIS : *Kitab Silsilah Melayu dan Bugis (Jawi)*, oleh Raja Ali Haji, Riau (Cetakan Pertama: Maktab Al-Imam, Singapura—Tahun Hijrah 1329).
- BUSTAN (I) : *The Genealogy of Malacca's Kings from a Copy of the Bustanu's-Salatin*, oleh R.O. Winstedt: *JSBRAS* No. 81—Mac 1920.
- BUSTAN (II) : *Bustanu's-Salatin*, disusun oleh Dr. T. Iskandar: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur—1966.
- CHART : *Malaya in the Wu-Pei-Chih Charts*, oleh J.V. Mills: *JMBRAS* Jilid XV Bahagian III—Disember 1937.
- CHINI : *The Prince of Chini*, oleh W. Linchan: *JMBRAS* Jilid XX Bahagian II—Disember 1947.
- CULTURE : *The Culture of South-East Asia*, oleh Reginald de May: George Allen & Unwin Ltd., London—1954.

- DART : *A Short History of Malaya*, oleh G.P. Dartford: Longmans, Green & Co., Ltd., London—1957.
- DOWN : *Malaya Upside Down*, oleh Chin Kee Onn: Jitta & Co., Ltd., Singapore—1946.
- EARLY : *The Early Rulers of Perak, Pahang and Aceh*, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Jilid X Bahagian I—Januari 1932.
- EDRUS : *Peristiwa Siasah di Tanah Melayu*, oleh A.H. Edrus: Qalam Printers, Singapura—1962.
- EMERSON : *Malaysia A Study In Direct and Indirect Rule*, oleh Rupert Emerson: The MacMillan Company; New York—1937.
- EREDIA : 1613 Description of Malacca and Meridional India and Cathay, Goldinho de Eredia, and Notes by O.V. Mills: *JMBRAS* Jilid VIII Bahagian I—September 1930.
- EXPEDITION : Expedition to Trengganu and Kelantan, reported by Hugh Clifford: *JMBRAS* Jilid XXXIV Bahagian I—Mei 1961.
- GAJAH : *Gajah Mada* (Cetakan Ketiga) oleh Muhammad Yamin: Balai Pustaka, Jakarta—1948.
- GEM : *Two Siamese Wars with Malacca*, oleh G.E. Marrison: *JMBRAS* Jilid XXII Bahagian I—Mac 1949.
- GIBSON : *On the Death of Sultan Alauddin II of Johore*, oleh C.A. Gibson-Hill: *JMBRAS* Jilid XXIX Bahagian I—Mei 1956.
- GOLDEN : *The Golden Khersonese*, oleh Paul Wheatley: University of Malaya

- Press, Kuala Lumpur—1961.
- GUA : Excavation at Gua Kecil Pahang, oleh Frederick L. Dunn: *JMBRAS* Jilid XXXVII Bahagian II—1964.
- HAJI : *Raja Haji*, oleh William E. Maxwell—1891.
- HALL : *A History of South-East Asia*, oleh D. G.E. Hall (Edisi Ketiga): MacMillan & Co. Ltd., London—1968.
- HALLETT : A Sketch of the History of Brunei, oleh H.R. Hughes-Hallett: *JMBRAS* Jilid XVIII Bahagian II—Ogos 1940.
- HIKAYAT (I) : A History of Johore (1773—ca 1800 A.D.), oleh R.O Winstedt: dari Hikayat Negeri Johor (Jawi): *JMBRAS* Jilid X Bahagian I—Januari 1932.
- HIKAYAT (II) : Dari naskhah asal *Hikayat Pahang* yang telah difoto, hadiah daripada Encik Khoo Kay Kim, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- HILL : Notes on Hikayat Abdullah, oleh A. H. Hill: *JMBRAS* Jilid XXVIII Bahagian III—Jun 1935.
- HIST : Malay Rulers of Malacca: *Malaya in History* Jilid VII No. 2—Julai 1962—Malayan Historical Society, Kuala Lumpur.
- HISNOT : *Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources*, disusun oleh W.P. Groeneveldt: C.V; Bharatara, Jakarta—1960.
- IBRAHIM : *Sejarah Kerajaan Melayu Petani* (Jawa), oleh Ibrahim Shukri.
- JOHOR : A History of Johore, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Jilid X Bahagian III—Disember 1932.
- KAJI : *Mengkaji Sejarah Trengganu* (Jilid

- III), oleh Haji Mohd. Salleh bin Haji, Awang, Terengganu: Al-Ahamadiah Press, Singapura—Disember, 1957.
- KAMPUNG : *In Court and Kampung* (Second Edition), oleh Sir Hugh Clifford: The Federal Rubber Stamp, Co., Singapore—1927.
- KINGS : *The Kings of 14th Century Singapore*, oleh W. Linehan: *JMBRAS* Jilid XX Bahagian II—Disember 1947.
- LAMA : *Johore Lama and Other Ancient Sites*, oleh C.A. Gibson-Hill: *JMBRAS* Jilid XXVIII Bahagian II—Mei 1955.
- MAHMUD : *Mahmud II and Abdul Jalil III*, oleh R.J. Wilkinson: *JMBRAS* Jilid IX Bahagian I—Mei 1931.
- MALAYA : *A History of Malaya*, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Jilid XIII—Bahagian I—Mac 1935.
- METAL : *Papers on the Malayan Metal Age*, oleh John Loewenstein and G. de G. Sieveking: *JMBRAS* Jilid XXIX Bahagian II—1956.
- MIDDLEBROOKE : *Yap Ah Loy (1837-1885)*, oleh S.M. Middlebrooke: *JMBRAS* Jilid XXIV Bahagian II—Julai 1951.
- MILLER : *Menace in Malaya*, oleh Harry Miller: George G. Harrap & Co. Ltd., London—1954.
- MUDA : *Marhum Muda Pahang*, by W. Linehan: *JMBRAS* Jilid XII Bahagian II—Ogos 1934.
- NAZAR : *An Outline of Malayan History* (Book One), oleh Philip N. Nazareth: Peter Chong & Co. Singapura—1958.
- NUSA : *Nusantara, A History of Indonesia*, oleh Bernard H.M. Vlekke: Eastern



- Universities Press Ltd., Singapura—1959.
- OWEN : *The Fall of Singapore*, oleh Frank Owen: Pan Books Ltd., London—1960.
- PAHANG : A History of Pahang, oleh W. Linehan: *JMBRAS* Jilid XIV Bahagian II—Jun 1936.
- PARKINSON : *British Intervention in Malaya 1867-1877*, oleh C. Northcote Parkinson: University of Malaya Press, Kuala Lumpur—1964.
- PELAYARAN : *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munshi* (Cetakan Ketiga Kali): M.P.H. Singapura—1913.
- PENINSULA : *The Malayan Peninsula*, oleh P.J. Begbie (1834): Oxford University Press, Kuala Lumpur—1967.
- PESAKA : *Pesaka Selangor*, oleh Wan Mohd. Amin bin Wan Mohd. Said: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur—1966.
- POLICE : A History of the Malayan Police, oleh Patrick Morrah: *JMBRAS* Jilid XXXVI Bahagian II—1968.
- PORT : The Portuguese in Malaya, oleh I.A. Mac-Gregor: *JMBRAS* Jilid XXVIII Bilangan II—Mei 1955.
- RAFFLES : *Raffles of the Eastern Isles*, oleh C.E. Wurtzburg: Hodder and Stoughton, London—1954.
- RECENT : Recent Archaeological Discoveries in Malaya in 1964 and 1965, oleh B.A. V. Peacock: *JMBRAS* Jilid XXXVIII Bahagian I, Julai 1965; *JMBRAS* Jilid XXXIX Bahagian I—Julai 1966.
- REPORT : *Report On A Mission to Malaya*, oleh Sir Harold MacMichael (Oktober

- 1945—Januari 1946): Malayan Government Press—1946.
- RJW : *The Malacca Sultanate*, oleh R.J. Wilkinson: *JMBRAS* Jilid XIII Bahagian II—Oktober 1935.
- ROFF : *The Origins of the Malay Nationalism*, oleh William R. Roff: University of Malaya Press, Kuala Lumpur/Singapura—1967.
- SAID (I) : *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar Johor*, oleh Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman (Cetakan Keempat): Cap Sidang Methodist, Singapura—1926.
- SAID (II) : *Hikayat Johor (Yang Kedua) dan Tawarikh Sultan Ibrahim Johor hingga tahun 1941*, oleh Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Pejabat Cetak Kerajaan Johor—1951.
- SEA : *South-East Asia, A Short History*, oleh Brian Harrison: MacMillan & Co. Ltd., London—1954.
- SEJARAH JOHOR : *Sejarah Johor*, oleh Haji Buyong Adil: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Kedua (dengan pembetulan) 1980.
- SELANGOR : *A History of Selangor*, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* XII—1954.
- SENG : *The Kuomintang in Malaya*, oleh Png Poh Seng: *Journal Southeast Asian History*, Jilid 2 No. 1—Mac 1961.
- SHEEHAN : *17th Century Visitor to the Malay Peninsula*, oleh J.J. Sheehan: *JMBRAS* Jilid XII Bahagian II—Ogos 1934.
- SINGA : *Singa Atjeh*, oleh H.M. Zainuddin: Pustaka Iskandar Muda, Medan—1957.
- SINGAPURA : *An Anecdotal History of Old Times*

- Singapore 1819-1867*, oleh C.B. Buckley: University of Malaya Press, Kuala Lumpur—1965.
- SKEAT : Reminiscence of Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States 1899-1900, oleh W.E. Skeat: *JMBRAS* Jilid XXVI Bahagian IV—1953.
- SKINNER : Abdullah's Voyage to the East Coast, oleh C. Skinner: *JMBRAS* Jilid XXXIX Bahagian II—Disember 1966.
- SLAMET : *Kerajaan Seriwijaya*, oleh Prof. Dr. Slametmuljana: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan, Singapura — 1962.
- SMAB : *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang, terbitan Abdullah Munshi, diselenggarakan kembali dan diberi anotasi oleh T.D. Situmorang dan Prof. Dr. A. Teeuw dengan bantuan Amal Hamzah: Penerbitan Djambatan, Jakarta—1952.
- SM18 : *Sejarah Melayu*, dari simpanan Kutub Khanah Raffles, Naskhah No. 18: *JMBRAS* Jilid XVI Bahagian III—Disember 1938.
- SMTSL : *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang, suntingan W.G. Shellabear (Cetakan Yang Kesepuluh): Malaya Publishing House Ltd., Singapore — 1961.
- STONE : *The Stone Age in Malaya*, oleh M.W. F. Tweedie: *JMBRAS* Jilid XXXVI Bahagian II—1953.
- STONIN : *The Stone Age In Indonesia*, oleh H.R. van Heekeren: 'S-Gravenhage-Martinus Nijhoff—1957.
- STRAITS : "Ruler Who was Kidnapped", oleh Harry Miller: *The Straits Times*,

- 29hb. Mei 1957.
- TATA : *Tatanegara Madjapahit* (I, II, III), oleh Prof. H. Muhammad Yamin: Jajasan Prapantja: Jakarta—1948.
- TARLING : *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824—1871*, oleh Nicholas Tarling: *JMBRAS* Jilid XXX Bahagian III—Oktober 1957.
- TAVARES : *A Portuguese Account of Johore*, oleh Joao Tavares, diterjemahkan oleh D.T. Hughes: *JMBRAS* Jilid XIII Bahagian II—Oktober 1935.
- TERĒNGGANU : *A Short History of Terengganu*, oleh M.C. ff. Sheppard: *JMBRAS* Jilid XXII Bahagian III—Jun 1949.
- THIO : *The Extension of British Control in Pahang*, oleh Dr. Eunice Thio: *JMBRAS* Jilid XXX Bahagian I—1957.
- TOMB : *Tomb-stones of Sultan Muhammad Shah I of Pahang*, oleh W. Linchan: *JMBRAS* Jilid IV Bahagian III—Oktober 1926.
- TUHFAT : *Tuhfatu'n-Nafis*, oleh Raja Ali Haji, Riau (Rumi): Malaysia Publications Ltd., Singapore—1965. Naskhah Asal Jawi: *JMBRAS* Jilid X Bahagian II Ogos 1932.
- ULU : *Noone of Ulu*, oleh Dennis Holman—1958.
- UMNO : *Majalah UMNO 20 TAHUN*.
- WONG : *The Malayan Tin Industry To 1914*, oleh Prof. Wong Lin Ken: The University of Arizona Press, Tucson—1965.
- ZERO : *Zero*, oleh Masatake Okumiya and Jiro Horikoshi with Martin Caidin: Ballantine Books, New York—1956.

- 
- JMBRAS** = Journal of the Malayan/Malaysia Branch Royal Asiatic Society.  
**JSBRAS** = Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society  
**m.s.** = Muka surat.

## Pengenalan

Sebelum terbentuknya kerajaan Melayu Melaka, wilayah selatan Semenanjung Tanah Melayu, semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu ini dengan nama Pahang sahaja.<sup>1</sup>

Pada awal kurun masihi yang ke-16, di peringkat permulaan terdirinya kerajaan Melayu Johor, sempadan negeri Pahang di sebelah selatannya sampai ke Sedili Besar dan ke utaranya sampai ke Terengganu;<sup>2</sup> sempadan ke baratnya hingga ke Rembau, Selangor dan Perak. Negeri Pahang sekarang ini, di sebelah utara dan baratnya dikelilingi oleh banjaran gunung, dan di sebelah timurnya terbentang Laut Cina Selatan.<sup>3</sup>

Pada zaman dahulu, sungai digunakan sebagai jalan raya, iaitu Sungai Pahang, Sungai Kuantan, Sungai Bebar, Sungai Rompin, Sungai Endau dan cabang sungai itu serta beberapa buah sungai kecil yang lain.<sup>4</sup>

Pada zaman dahulu, hubungan di antara negeri Pahang dengan negeri jiran adalah melalui sungai. Orang yang hendak pergi ke Kelantan, mengikut Sungai Tanum anak Sungai Jelai, atau Sungai Sat dan Sungai Sepia kedua-duanya anak Sungai Tembeling. Sungai Sepia itu boleh juga digunakan jika hendak pergi ke Terengganu. Perhubungan dengan negeri Perak adalah melalui jalan yang lebih sukar iaitu mengikut Sungai

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 1.

<sup>2</sup> SMTSL—m.s. 150.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 1.

<sup>4</sup> PAHANG—m.s. 1.

Bertam dan Sungai Lipis. Kedua-duanya anak Sungai Jelai. Perhubungan dengan negeri Selangor pula disambungkan oleh Sungai Semantan dan cabangnya.<sup>1</sup>

Jalan penting yang dilalui orang pada zaman dahulu ialah jalan yang menghubungkan negeri Pahang dengan daerah di Hulu Muar dan Melaka. Jalan ini, dari negeri Pahang, (mudik Sungai Pahang, kemudian masuk ke sebuah anak Sungai Bera bernama Sungai Serting. Di suatu tempat di hulu Sungai Serting, naik ke darat pada tempat yang bernama Penarikan, dan berjalan kira-kira sejauh tiga ratus ela, masuk pula ke Sungai Jempul; menghilir Sungai Jempul masuk ke Sungai Muar dan sampai ke Muar; dari Muar bolehlah pergi ke Melaka dan tempat lain di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu.<sup>2</sup> Jalan inilah yang telah diikuti oleh Sultan Mahmud Shah—Melaka dan putera baginda Sultan Ahmad setelah mereka dikalahkan oleh Portugis di Pagoh dan Bentayan<sup>3</sup> (Kuala Muar) pada akhir tahun 1511. Dan jalan inilah juga yang telah diikuti oleh Sultan Ali (putera Sultan Hussain Shah—Singapura) dari Kampung Umbai, Melaka, pergi berjumpa Bendahara Wan Ahmad di Pahang (Pekan) pada tahun 1863 (Lihat: Sejarah Johor).<sup>4</sup> Godinho de Eredia, seorang pengarang dan pegawai Portugis di Melaka (tahun 1613) mengatakan: "Dari Melaka jalan menempuh Penarikan itu boleh sampai ke Pahang (dan sebaliknya hanya selama enam hari perjalanan).<sup>5</sup>

Pada zaman dahulu, banyak nama mengenai negeri Pahang sama ada yang ditulis atau disebut orang. Pengarang Cina menyebutnya: Pang-heng, Peng-heng, Pang-hang. Pong-fong, Pehang, Pang-kang, Peng-keng dan banyak lagi. Orang Arab dan Eropah zaman dahulu menyebut nama negeri Pahang itu dengan berbagai nama, antaranya: Pam, Pan, Phang, Paam Pao, Paon, Phaan, Paham, Fanham, Phaung dan Pahangh. Walau bagaimanapun semuanya bermaksud negeri Pahang.<sup>6</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 1.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 1; GOLDEN—m.s. 167-168; EREDIA—m.s. 94-95.

<sup>3</sup> SMTL—m.s. 225.

<sup>4</sup> SEJARAH JOHOR.

<sup>5</sup> EREDIA—m.s. 210.

<sup>6</sup> EREDIA—m.s. 95, 231; HISNOT—m.s. 136-137; PAHANG—m.s. 2;

Perkataan Pahang berasal dari bahasa Siam asli (Orang Khmer seperti yang disebut oleh orang Eropah) bermakna timah.<sup>1</sup> Berkemungkinan nama negeri itu diambil dari bahasa Siam asli yang pada zaman dahulu telah mendiami negeri itu dan membuka lombong bijih timah terutamanya di lembahan Sungai Tembeling. Tetapi orang Jakun (bekas keturunan Melayu Purba) yang tinggal di Bebar, mengatakan: nenek moyang mereka dahulu menyebut nama negeri itu Mahang. Mengikuti cerita orang Melayu pula: pada zaman dahulu di Sungai Pahang itu, setentang dengan sebuah kampung yang bernama Kampung Kembahang, terdapat sebatang pokok kayu Mahang yang besar rebah melintang menyeberangi sungai itu; dari pokok Mahang itulah kononnya asal nama negeri Pahang itu.<sup>2</sup>

Gelaran tua bagi negeri Pahang ialah Inderapura, disebut juga Pahang Inderapura. Bandar dirajanya yang terkenal hingga sekarang dan ibu negeri Pahang zaman dahulu, bernama Pekan. Sebelum negeri itu ditakluki oleh kerajaan Melayu Melaka, orang Hindu asli (berbahasa Sanskrit) memanggil nama ibu negeri Pahang itu sebagai Pura (ertinya: pekan atau bandar); orang Melayu juga menyebutnya Pura (tersebut dalam hikayat Sejarah Melayu). Orang Melayu yang tinggal berhampiran dengan Sungai Endau, Sungai Rompin dan Sungai Bebar memanggilnya Pekan Pahang pula.<sup>3</sup>

Pada masa ini bandar diraja Pahang yang diberi nama Pekan terdiri dari daerah yang di kiri kanan Sungai Pahang dan Sungai Pahang Tua hingga ke hulu Tanjung Langgar. Bandar Pekan dibahagi kepada dua bahagian: Pekan Baharu dan Pekan Lama. Di Pekan Lama itulah tempat kediaman raja dan orang-orang besar Pahang. Pada zaman dahulu Pekan Baharu dipanggil Kampung Cina kemudian baharu disebut Pekan Baharu.<sup>4</sup>

GOLDEN—m.s. 62, 77, 90, 166; ARAB—m.s. 38.


<sup>1</sup> EREDIA — m.s. 95; PAHANG — m.s. 2.

<sup>2</sup> PAHANG — m.s. 2.

<sup>3</sup> SMTSL — Cetera XIII m.s. 99.

<sup>4</sup> PAHANG — m.s. 2.





Peta Penarikan

## *Pahang pada Zaman Batu dan Zaman Gangsa Besi*

Sebelum diceritakan perkara mengenai negeri Pahang pada zaman pra-sejarah itu, eloklah diterangkan dahulu zaman yang dipanggil Zaman Batu.

Zaman Batu itu dibahagikan kepada tiga zaman: (1) Zaman Batu Awal yang disebut oleh ahli kajipurba dan ahli sejarah Palaeolithic; (2) Zaman Batu Pertengahan yang disebut Mesolithic, dan (3) Zaman Batu Akhir yang disebut Neolithic. Zaman Batu atau disebut juga zaman pra-Sejarah itu ialah zaman manusia membuat alat perkakas yang digunakan daripada batu, iaitu zaman yang tiada meninggalkan sebarang kesan peringatn bertulis.

Di Semenanjung Tanah Melayu, ahli kajipurba menentukan: Zaman Batu Awal (Palaeolithic) itu dianggarkan tempoh masanya dari 10,000 sampai 8,000 tahun sebelum tahun masihi. Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic) lebih kurang tahun 8,000 hingga tahun 2,000 sebelum tahun masihi. Zaman Batu Akhir (Neolithic) pula bermula dari tahun 2,000 sampai tahun 300 sebelum tahun masihi. Lengkongan masa dari tahun 300 hingga 200 sebelum tahun masihi itu disebut juga Penghujung Zaman Batu Akhir (Late Neolithic) atau Permulaaan Zaman Gangsa Besi (Early Bronze-Iron Age). Zaman Gangsa Besi bermula dari tahun 300 sebelum tahun masihi hingga ke akhir tahun memasuki tahun masihi.<sup>1</sup>

Sejak tahun 1977, beberapa orang ahli kajipurba telah

<sup>1</sup> STONE - m.s. 18, 63; STONIN - m.s. 69.

DART - m.s. 1-6; NAZAR - m.s. 1-13.

menjalankan penyiasatan dengan membuat beberapa penggalian tanah secara ilmiah di beberapa buah tempat di Pahang (dan negeri lain juga), iaitu di gua batu di gunung-ganang, di tempat berhampiran dengan sungai, di tanah perlombongan lama dan juga di tempat lapang yang dipercayai di situ ada tertanam barang peninggalan zaman dahulu kala. Di antara ahli kajipurba yang telah menjalankan penyiasatan mengenai barang peninggalan zaman dahulu kala di Pahang itu antara yang terkenal ialah: I.H.N. Ivans, G.W. Thomson, Dr. W. Linchan, H.D. Noone, M.W.F. Tweedie, J.D. Collings, P.D.R. William-Hunt, Dr. P.V. Van Stein Callenfels, T.R. Hubback, W.E. MacNaught, W.L.H. Dicksworth, Dr. Snell, John Loewenstein, G. de G. Sieveking, B.A.V. Peacock dan Frederick L. Dunn.

Dalam penyiasatan yang telah dibuat, mereka telah menjumpai banyak benda dan perkakas yang tertentu dan diperbuat daripada batu, tembikar, gangsa dan besi-kuno buatan orang zaman purbakala, dan di beberapa buah tempat di Pahang terutama di gua batu yang disebut Kota Tongkat, Kota Gelanggi dekat Pulau Tawar, di Gua Kecil dekat Raub, di Gunung Senyum, di Bukit Cintamanis dekat Karak, di Sungai Lembing, di Tersang di tepi Sungai Lipis, di Sungai Selinsing, di Sungai Tui, di tepi Sungai Tembeling di tempat yang bernama Nyong, Teluk Lubuk, Batu Pasir Garam, Bukit Jong dan di Kampung Pagi di persimpangan Sungai Tembeling dengan Sungai Pengau, di lombong emas Tui, di Hulu Tanum atau Hulu Jelai, di daerah Kuantan dan di beberapa buah tempat sepanjang Sungai Pahang.<sup>1</sup>

Di antara barang dan perkakas zaman dahulu kala yang telah dijumpai tertanam di Pahang itu, diperbuat daripada batu yang diusahakan oleh Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic), dan antara barang-barang itu ialah kapak genggam, beliung dan pahat. Perkakas batu itu nampaknya diperbuat secara ka-

<sup>1</sup> STONE—m.s. 7, 8, 11, 19, 20;  
METAL—m.s. 15, 48, 49, 68;  
GUA—m.s. 87-124.

sar sahaja iaitu dengan menggesek atau mengasah batu kerikil bujur yang didapati di sungai yang dijadikan perkakas seperti yang disebutkan itu. Setengah perkakas itu ada yang ditajami di sebelah sahaja dan ada juga yang ditajami sekelilingnya. Selain daripada itu didapati juga kepingan batu besar yang dipercayai telah digunakan untuk tempat menumbuk atau mengisar, dan dijumpai juga batu kecil seperti batu penumbuk atau pengisarnya. Di samping itu, dijumpai juga tulang rangka manusia Zaman Batu Pertengahan. Di gua batu dan di bawah guguk (rock shelter) yang dipercayai tempat kediaman orang Zaman Batu Pertengahan telah dijumpai juga tulang kerbau, lembu, beruang, monyet, kambing hutan, rusa, babi, dan berbagai jenis tikus.

Berdasarkan kepada benda dan perkakas serta kesan yang telah dijumpai itu, ahli kajipurba telah mengatakan: manusia Zaman Batu Pertengahan yang telah bermastautin di Pahang (dan juga negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu) tinggal di gua batu dan di bawah guguk di kawasan pergunungan negeri itu. Ahli kajimanusia dan ahli sejarah pula berpendapat: mereka adalah kumpulan manusia yang pertama datang ke Semenanjung Tanah Melayu dari tanah besar benua Asia dalam lingkungan dari tahun 8,000 hingga tahun 2,000 sebelum tahun masihi. Tetapi manusia Zaman Batu Pertengahan itu telah meninggalkan Semenanjung Tanah Melayu dan berpindah ke timur iaitu di pulau-pulau Lautan Pasifik. Ahli kajimanusia mengagakkan mereka itulah nenek-moyang kepada rumpun bangsa Melanesia yang mendiami Pulau New Caledonia dan Pulau Papua (Irian Barat dan New Guinea).

Selain daripada menjumpai perkakas peninggalan orang Zaman Batu Pertengahan itu, mereka juga menjumpai banyak benda dan perkakas yang tertanam peninggalan orang Zaman Batu Akhir (Neolithic), iaitu di tempat yang telah disebutkan di atas tadi juga selalunya barang peninggalan Zaman Batu Akhir itu dijumpai bercampur dengan barang peninggalan Zaman Batu Pertengahan yang telah disebutkan tadi. Di Pahang, banyak benda dan perkakas buatan orang Zaman Batu Akhir itu yang telah dijumpai, terutamanya di

tepi Sungai Lipis dan Sungai Tembeling.<sup>1</sup>

Barang dan perkakas peninggalan orang Zaman Batu Akhir yang telah dijumpai di Pahang, merupakan perkakas batu yang digunakan sebagai kapak, beliung, pahat, gelang, cincin, mata lembing, pisau pengerat, kepingan batu tempat menumbuk kulit kayu (dipercayai bahawa kulit kayu itu dijadikan pakaian), batu penumbuk atau penukul dan banyak lagi benda yang diperbuat daripada batu; batu itu disebut oleh orang Melayu sebagai batu lintar. Tetapi benda dan perkakas yang diperbuat daripada batu oleh orang Zaman Batu Akhir itu, didapati telah bercanai dan dilicinkan pula, jauh lebih baik keadaannya daripada keadaan perkakas batu buatan orang Zaman Batu Pertengahan yang telah disebutkan itu.<sup>2</sup>

Bersama dengan perkakas batu buatan orang Zaman Batu Akhir itu, dijumpai juga perkakas tembikar seperti pasu, mangkuk, periuk-belanga dan ada pula di antara perkakas tembikar itu telah dilorek atau diukir. Dan di antara kapak batu itu, ada pula nampaknya ulunya dibuat dari kayu yang diikatkan pada kapak itu, dan telah dijumpai kulit lokan yang digunakan sebagai sudu.<sup>3</sup>

Sepanjang penyiasatan ahli kajipurba: sungguhpun orang Zaman Batu Akhir itu memburu binatang dengan menggunakan sumpitan, tetapi mereka sudah tahu bercucuk tanam dan mempunyai rumah. Kebanyakan mereka menanam jenis pokok yang berubi, dan rumah mereka itu ialah rumah atap bertiang kayu sama seperti rumah orang Melayu sekarang ini yang terpencil di hulu, dan mereka hidup berkampung di tepi sungai, mereka telah tahu berperahu dan menangkap ikan dan harus juga mereka menternak binatang seperti ayam itik di samping berburu binatang di hutan.<sup>4</sup>

Mengikut pendapat setengah ahli kajimanusia dan ahli sejarah: orang Zaman Batu Akhir itulah orang Melayu yang pertama datang ke Semenanjung Tanah Melayu dan pulau di se-

<sup>1</sup> STONE—m.s. 18; DART—m.s. 3; NAZAR—m.s. 6.

<sup>2</sup> DART—m.s. 3; NAZAR—m.s. 6.

<sup>3</sup> DART—m.s. 3.

<sup>4</sup> STONE—m.s. 18-19, 56-63; DART—m.s. 3; NAZAR—m.s. 6.

luruh Nusantara, yang datang dari tanah besar benua Asia terutama dari daerah Yunnan sekarang, dan mereka itulah orang Melayu Purba atau yang disebut oleh orang Barat Proto-Malays. Mengikuti anggapan ahli kajimanusia dan kaji sejarah, rombongan Melayu Purba (Proto-Malays) telah berpindah ke Semenanjung Tanah Melayu (termasuk negeri Pahang) dan pulau di Nusantara, lebih kurang dalam lingkungan masa 3,000 atau 2,000 tahun sebelum tahun masihi<sup>1</sup>, dan mereka (Melayu Purba) itulah nenek moyang rumpun bangsa Melayu yang dipanggil Melayu-Polinesia.<sup>2</sup> Bekas keturunan mereka itu yang masih ada lagi di Nusantara ini ialah orang Jakun (termasuk orang Mantera, Belandas, Orang Laut dan Orang Selat) di Semenanjung Tanah Melayu, orang Batak,<sup>3</sup> Gayo dan Akas di Sumatera,<sup>4</sup> Orang Asli di Pulau Nias,<sup>5</sup> Orang Toraja di Sulawesi<sup>6</sup>, Orang Dayak di hulu sungai di Kalimantan<sup>7</sup>, penduduk Pulau Sunda Kecil dan Orang Tagalog di Filipina.<sup>8</sup>

Seperti yang telah disebutkan di atas tadi, dari hasil penyiantasan yang telah dijalankan itu, selalunya bersama dengan barang peninggalan Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic) itu, dijumpai juga barang dan perkakas peninggalan Zaman Batu Akhir (Neolithic).

Barang dan perkakas buatan orang Zaman Batu Akhir yang telah dijumpai tertanam, banyak di antara benda itu berupa mata lembing, pisau, sabit, cangkul, tenggala dan perkakas lain yang ganjil rupanya yang diperbuat daripada besi zaman dahulu; dan dijumpai juga manek. Benda dan perkakas itu telah dijumpai di beberapa buah tempat di Pahang terutamanya di tepi Sungai Tembeling yang bernama Nyong, Teluk Lubuk Pwai, Bukit Jong; di Kampung Pagi, dan di Tersang di tepi

<sup>1</sup> NUSA—m.s. 9; STONE—m.s. 64; DART—m.s. 3, 5.

<sup>2</sup> NUSA—m.s. 9.

<sup>3</sup> SEA—m.s. 5; ACHEH—m.s. 34.

<sup>4</sup> NUSA—m.s. 10.

<sup>5</sup> SEA—m.s. 5.

<sup>6</sup> SEA—m.s. 5; ACHEH—m.s. 34.

<sup>7</sup> SEA—m.s. 5; ACHEH—m.s. 34.

<sup>8</sup> ACHEH—m.s. 34.

Sungai Lipis di Daerah Raub.<sup>1</sup> Besi zaman dahulu kala itu berupa perkakas dan alat senjata kuno yang telah dijumpai itu, biasa disebut oleh orang Melayu sebagai Tulang Mawas atau Besi Mawas.<sup>2</sup>

Pada masa bah (banjir) besar di Pahang yang telah berlaku pada akhir tahun 1926 hingga awal tahun 1927 (bah itu telah berlaku hampir di seluruh Semenanjung Tanah Melayu juga), tanah tebing Sungai Tembeling, telah rebak dan runtuh dan banyaklah barang peninggalan zaman dahulu kala yang selama ini tertanam di situ telah dijumpai. Di kampung yang bernama Batu Pasir Garam, di tepi Sungai Tembeling, telah dijumpai sebahagian daripada pecahan muka gendang zaman dahulu yang dibuat daripada gangsa (perunggu).

Muka gendang gangsa yang telah dijumpai di Batu Pasir Garam, di tepi Sungai Tembeling (Pahang) itu, sama dengan muka gendang gangsa yang dijumpai di Bukit Kuda, Kelang (Selangor) pada tahun 1944, dan dengan muka gendang gangsa yang dijumpai di Kampung Sungai Lang, di Daerah Kuala Langat (Selangor) pada bulan Jun 1964, dan juga sama dengan muka gendang gangsa yang dijumpai di Batu Buruk, Kuala Terengganu, pada bulan Julai 1965.

Semua gendang gangsa itu adalah buatan orang yang telah tahu menggunakan gangsa yakni orang yang telah memakai kebudayaan Gangsa. Kebudayaan Gangsa itu telah ada di bahagian utara Indo-Cina (Vietnam) dalam lingkungan masa 300 tahun sebelum Tahun Masihi; kemudiannya kebudayaan itu telah merebak ke selatan memasuki daerah di seluruh Nusantara (termasuk Semenanjung Tanah Melayu).

Di Semenanjung Tanah Melayu, nampaknya Kebudayaan Gangsa itu didapati telah bercampur dengan Kebudayaan Besi (Kuno) iaitu besi yang disebut tulang mawas atau besi mawas kerana perkakas yang diperbuat daripada gangsa (perunggu) zaman dahulu telah dijumpai di Semenanjung Tanah Melayu ini, didapati bercampur bersama dengan perkakas yang dibuat daripada besi kuno itu. Oleh sebab itu, di Semenanjung Ta-

<sup>1</sup> METAL—m.s. 47-49, 60.

<sup>2</sup> BRONZE—m.s. 11.

nah Melayu zaman itu disebut zaman Gangsa-Besi, dan kebudayaan orangnya disebut kebudayaan Gangsa-Besi, disebut juga Kebudayaan Dong-son, kerana mengambil sempena nama sebuah tempat di Vietnam bernama Dong-son; di situlah tempat yang mula sekali dijumpai secara besar-besaran (tahun 1924-1927) benda dan perkakas zaman dahulu peninggalan orang Zaman Gangsa itu.<sup>1</sup> Berkenaan dengan muka gendang gangsa yang telah dijumpai di Sungai Tembeling itu (dan juga telah dijumpai di Selangor dan di Terengganu), ahli kajipurba berpendapat; gendang gangsa itu bukanlah diusahakan di Semenanjung Tanah Melayu kerana di negeri ini tiada menghasilkan logam tembaga yang menjadi bahan campuran untuk membuat gangsa (perunggu).<sup>2</sup>

Ahli penyiasat gendang gangsa peninggalan zaman purbakala yang telah dijumpai di Indo Cina (Vietnam, Kemboja dan lain-lain) dan juga di Nusantara ini, mereka mempunyai berbagai pendapat bagi menetapkan tarikh dibuat gendang gangsa itu. Mereka berpendapat, gendang gangsa itu telah dibuat dalam lingkungan masa dari tahun 800 sebelum tahun masihi atau selewatnya dalam tahun 300 sebelum tahun masihi; pendeknya berbagailah pendapat mereka.<sup>3</sup>

Gendang gangsa yang telah dijumpai di Sungai Tembeling (Pahang) dan di Kelang (Selangor) itu, Dr. Linehan berpendapat: sungguhpun gendang gangsa itu telah dibuat di Wilayah Indo-Cina, tetapi gendang gangsa itu telah dibawa dari negeri Funan (dalam wilayah Kemboja sekarang ke Tembeling dan Kelang dalam masa di antara kurun masihi yang pertama hingga awal kurun masihi yang ketiga,<sup>4</sup> iaitu dibawa dengan benda dan perkakas yang dibuat daripada besi kuno (tulang mawas) itu.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> METAL—m.s. 15; RECENT (1965)—m.s. 248-253, (1966) m.s. 198-201; BRONZE—m.s. 22-29.

<sup>2</sup> METAL—m.s. 65; NUSA—m.s. 9; DART—m.s. 3-5; NAZAR—m.s. 10-13.

<sup>3</sup> BRONZE—m.s. 38-52.

<sup>4</sup> BRONZE—m.s. 38-52.

<sup>5</sup> BRONZE—m.s. 43.



Orang-orang dari wilayah Indo Cina dan daerah sekelilingnya yang telah berpindah ke Semenanjung Tanah Melayu dan wilayah lain di Nusantara di penghujung Zaman Batu Akhir (Late Neolithic) dan permulaan Zaman Gangsa-Besi (Early Bronze-Iron Age) ialah dalam lingkungan masa dari tahun 300 sebelum masihi hingga akhir tahun memasuki tahun masihi, dan mereka itu ialah orang Melayu Pesisir atau boleh juga disebut orang Melayu Jati yang disebut oleh orang Barat sebagai *Deutero-Malays* iaitu orang Melayu gelombang yang kedua datang ke Nusantara kemudian daripada gelombang kedatangan orang Melayu Purba (*Proto-Malays*) yang berselang hampir dua ribu tahun lamanya.

Orang Melayu Pesisir atau orang Melayu Jati (*Deutero-Malays*) gelombang yang kedua pindah ke Nusantara itulah yang mengenalkan Kebudayaan Besi-kuno (tulang mawas) di samping mengenalkan juga kebudayaan Gangsa yang telah dijumpai bekas peninggalannya itu; dan mereka itulah penduduk Semenanjung Tanah Melayu dan wilayah lain di Nusantara yang memakai Kebudayaan Gangsa-Besi, atau yang disebut juga Kebudayaan Dong-son, dan dipercayai bahawa mereka itu telah hidup bercampur dengan orang Melayu yang purba yang telah memang ada di Nusantara ini.

Ahli kaji manusia dan sejarah berpendapat orang Melayu pesisiran atau Melayu Jati (*Deutero-Malays*) itulah nenek moyang orang Melayu yang tinggal di kawasan pantai (pesisir) Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, pulau-pulau di selatan Singapura, Jawa, Madura, Bali, Kalimantan, Sulawesi dan di Pulau Filipina, bahkan merekalah nenek moyang kepada kebanyakan rumpun bangsa Melayu yang bermastautin di Asia Tenggara. Oleh sebab bangsa Melayu Jati (Melayu Pesisiran) itu tinggal di pantai, mudah sahajalah mereka bercampur dan kemudiannya bersemenda dengan bangsa asing yang datang dari negeri India, Farsi, Arab, Siam, Kemboja, Champa, China dan bangsa lain yang mendatang dan melahirkan bangsa Melayu moden yang ada di seluruh Nusantara sekarang ini.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> STONE—m.s. 63;

METAL—m.s. 47-49, 60-65;

Pendeknya, pada zaman purbakala, selain daripada Orang Asli iaitu orang Semang (atau Pagan) dan Sakai (serta puaknya), negeri Pahang telah diduduki oleh manusia yang disebut dalam ilmu sejarah, manusia Zaman Batu Pertengahan, manusia Zaman Batu Akhir dan manusia Penghujung Zaman Batu Akhir atau permulaan Zaman Gangsa-Besi.

---

RECENT - (1965) - m.s. 248-253; (1966) - m.s. 198-201;  
NUSA - m.s. 9; NAZAR - m.s. 10-13;  
DART - m.s. 3-5; ACHEH - m.s. 34-35.



## *Pahang pada Zaman Sebelum Ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka*

Pada tahun 943,<sup>1</sup> seorang pengarang dan pengembara<sup>2</sup> bangsa Arab bernama Mas'udi,<sup>3</sup> dalam buku karangannya bernama *Muruj al-Dhabab*,<sup>4</sup> menceritakan perihal kerajaan Seribuza (Srivijaya) yang mempunyai banyak daerah taklukannya.<sup>5</sup> Dalam riwayat Mas'udi itu juga menceritakan kisah Pahang; begini ceritanya:

Di Laut Kenderang ramai orangnya, termasuklah orang yang disebut *Fanjab* yang berambut ikal dan berbentuk badan yang ganjil rupanya. Mereka menggunakan perahu kecil, dan datang mengelilingi sebarang kapal yang tiba ke tempat mereka, dan mereka melepaskan (memanahkan) sejenis anak panah yang ganjil dan beracun. Di antara tempat orang ini dengan negeri Kedah adalah lombong timah dan gunung yang mengandungi perak. Ada juga lombong emas dan timah hitam yang jarang dibongkar mengeluarkannya.<sup>6</sup>

G.R. Tibbetts, seorang ahli sejarah, yang telah mengulas kisah yang ditulis oleh Mas'udi itu, berpendapat: Laut Kenderang itu ialah Laut China Selatan (di sebelah timur negeri Pahang), dan orang yang diceritakan itu ialah Orang Laut; *Fanjab* yang ditulis dengan huruf Arab dalam buku karangan Mas'udi itu, pada pendapat Tibbetts adalah kesilapan penyalin yang menuliskannya; dia lebih setuju menyebut perkataan

<sup>1</sup> - <sup>2</sup> GOLDEN—m.s. 247.

<sup>3</sup> ARAB—m.s. 25, 28; GOLDEN—m.s. 228.

<sup>4</sup> ARAB—m.s. 25.

<sup>5</sup> CULTURE—m.s. 78.

<sup>6</sup> GOLDEN—m.s. 228;—m.s. 38.

itu Fanhan, yang dimaksudkan Panghang atau Panhang, dan samalah dengan sebutan orang Cina yang kemudiannya menyebut P'eng-K'eng, dan nama-nama ini, walau bagaimanapun rupa tulisan Arabnya, maka kebanyakan ahli sejarah sekarang ini mengatakan ialah negeri Pahang.<sup>1</sup>

Oleh sebab itu, jika betul kisah yang disebutkan oleh Mas'udi mengenai negeri Pahang seperti pendapat Tibbetts itu, nyatalah telah ada kisah negeri Pahang itu yang ditulis oleh pengarang Arab dalam kurun masihi yang ke-10, dan negeri itu telah diduduki oleh Orang Laut (bekas keturunan Melayu Purba-Proto-Malays).

Pada tahun 1225, seorang pengarang dan pegawai bangsa Cina bernama Chao Ju-kua telah mengarang sebuah buku bernama Chu-fan-chi. Dalam bukunya itu antara lain, Chao Ju-kua menyatakan: di antara beberapa buah negeri yang takluk di bawah kuasa San-fo-Ch'i ialah negeri yang bernama P'eng-k'eng dan katanya juga negeri itu menghasilkan kayu laka (laka-wood).<sup>2</sup>

Ahli sejarah ini telah menentukan: negeri San-fo-ch'i yang disebut oleh Chao Ju-Kua pada tahun 1225 itu ialah kerajaan Seri Wijaya (Palembang); dan negeri P'eng-k'eng itu juga adalah negeri Pahang.<sup>3</sup> Oleh sebab itu bolehlah kita mengambil kesimpulan iaitu selewat-lewatnya pada awal kurun masihi yang ke-13, negeri Pahang telah dikuasai oleh kerajaan Seri Wijaya, kerana pada masa itu, iaitu sejak kurun masihi yang ke-7 lagi, Seri Wijaya telah menjadi sebuah negeri dan kerajaan yang berkuasa di Nusantara. Selain daripada Pahang, ada lagi beberapa buah negeri lain yang tunduk di bawah kuasa kerajaan Seri Wijaya.

Pada tahun 1349, seorang pengarang dan pengembara Cina yang lain bernama Wang Ta-yuan telah menyusun sebuah buku sejarah yang dinamakan Tao-i Chi-leo. Dalam pertengahan

<sup>1</sup> ARAB - m.s. 38-39; GOLDEN - m.s. 228-229.

<sup>2</sup> GOLDEN - m.s. 62, 64, 110; PAHANG - m.s. 5; CHART m.s. - 36.

<sup>3</sup> GOLDEN - m.s. 62, 64, 110; PAHANG - m.s. 5; CHART - 36.

kurun masihi yang ke-14 itu, Wang Ta-yuan sendiri telah beberapa kali datang ke negeri-negeri di Nusantara ini.<sup>1</sup> Berke-  
naan dengan P'eng-k'eng yakni negeri Pahang yang ditulis  
oleh Wang Ta-yuan dalam bukunya itu, dia mengatakan:

Negeri itu (P'eng-k'eng) dikelilingi oleh gunung batu yang ke-  
adaannya berbonggol-bonggol dan curam; dari jauh kelihatan se-  
perti kubu yang diratakan di atasnya. Tanah negeri itu subur dan  
baik bagi bertanam pohon bijian. Hawanya sederhana panas. Adat  
orang dalam negeri itu sedikit sahaja bezanya dengan adat orang di  
Ting-Chia-lu (Terengganu). Rambut lelaki dan perempuannya  
bersanggul, dan mereka memakai pakaian daripada kain benang  
kapas yang labuh dan kain itu diikat berkeliling pinggang dengan  
tali kain benang kapas juga. Perempuan kaya memakai beberapa  
buah gelang emas dililitkan di kepala, dan orang kebanyakan pula  
menjaga rambut mereka dengan memakai gelang manek panca  
warna. Perhubungan nikah kahwin disempurnakan dengan mem-  
bayar lima t'sao yang bersamaan nilai harganya dengan perak se-  
berat lima candarin (7). Penduduk P'eng-k'eng itu membuat ga-  
ram daripada air laut yang dimasak dan mereka memeram air ke-  
lapa membuat minuman keras (tuak). Mereka diperintahkan oleh  
seorang ketua. Hasil keluaran dari negeri itu ialah huang-shu, chen  
(berjenis-jenis kayu wangi), air wangi, tapai, kapur barus, timah  
dan kayu sampang jenis kasar. Barang yang diperdagangkan dalam  
negeri itu ialah sutera kasar yang bermacam warna, kain benang  
kapas She-P'o (Jawa), perkakas tembaga dan besi, barang cat-bar-  
nis dan perkakas bunyi-bunyian.<sup>2</sup>

Demikianlah gambaran dalam riwayat Cina yang ditulis  
oleh Wang-Ta-yuan dalam tahun 1349 mengenai negeri Pahang  
(P'eng-k'eng).

Dalam syair Jawa yang bernama Nagarakertagama dikarang  
dalam tahun 1365 oleh seorang ketua agama Budha di Maja-  
pahit bernama Prapancha, menyebutkan nama beberapa buah  
tempat di Semenanjung Tanah Melayu yang di bawah kuasa  
kerajaan Majapahit (di Tanah Jawa) iaitu: Pahang, Hujung  
Medini (Johor) Langkasuka, Sai, Kalanten, Tringgano, Nador  
(Ligor), Paka, Muara Dungun (di Terengganu), Tumasik (Si-  
ngapura), Sang-hyang-hujung (Sungai Ujong), Kelang, Keda,

<sup>1</sup> GOLDEN—m.s. 2, 76, 77; CHART—m.s. 35-36.

<sup>2</sup> GOLDEN—m.s. 78-79.  
KINGS—m.s. 120.

Jera (Kedah, Jerai), Lanjap (Singkap) dan Niran (Kerimun).<sup>1</sup>

Seorang pengarang dan pegawai Portugis di Melaka (tahun 1613) bernama Godinho de Eredia, telah menulis dalam laporannya mengenai sejarah beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini pada masa sebelum didirikan kerajaan Melayu Malaka.\* Mengenai negeri Patani dan Pahang, antara lain, Godinho de Eredia mengatakan:

Negeri Pattene (Petani) ialah tempat kedudukan kerajaan (empire) Melayu yang pertama di Semenanjung (Semenanjung Tanah Melayu); terletak di Pantai timur Semenanjung ialah sebuah daripada pelabuhan yang masyhur di sebelah timur; ia mempunyai lombong emas yang besar dan baharu dibuka di banjaran gunung negeri itu dan juga di bahagian lain dalam negeri itu, iaitu di sepanjang lembah Sungai Gea (Sia).<sup>2</sup>

Pan (Pahang) ialah kerajaan Melayu yang kedua di Semenanjung, menggantikan Pattene; terletak di pantai timur Semenanjung ini juga; raja negeri Pan itu ialah Raja Malaio (Melayu); lombong emas di negeri itu adalah yang terbaik dan terbesar sekali dalam Semenanjung; sebelum Melaka didirikan, negeri itu telah makmur.<sup>3</sup>

Demikianlah sebahagian daripada kisah negeri Pahang pada masa sebelum terdiri kerajaan Melayu mengikut keterangan Godinho de Eredia.

Dalam buku sejarah Raja-raja Cina keturunan Ming yang bernama Ming Shih (1968-1643), ada menceritakan kisah negeri Pahang; begini ceritanya:

P'eng-k'eng (Pahang) itu terletak di barat\* (Hsein-10).<sup>4</sup> Dalam tahun 1378 raja negeri itu bernama Maharaja Tajau telah menghantar utusan ke negeri China dengan membawa sepucuk surat

<sup>1</sup>TATA—m.s. 122; GAJAH—m.s. 54; GOLDEN—m.s. 301-302.

\*Kerajaan Melayu Melaka mula didirikan lebih kurang pada tahun 1393;

<sup>2</sup>EREDIA—m.s. 233.

<sup>3</sup>PAHANG—m.s. 7; EREDIA—m.s. 233.

\*Di barat Siam itu nyatalah tidak betul. Tetapi patutlah kita tahu iaitu orang Cina zaman dahulu, sebarang tempat yang terletak di sebelah barat daripada Pulau Kalimantan disebut "di Lautan Bahagian Barat" dan orang yang telah pergi mengarah ke sana, walaupun sebenarnya bukan ke arah itu tujuan mereka pergi, disebut juga oleh orang Cina pergi ke barat: HISNOT—m.s. 136.

<sup>4</sup>HISNOT—m.s. 136.

yang bertulis pada sekeping daun keemasan, serta membawa hamba abdi bangsa asing seramai enam orang sebagai ufti, dan juga membawa hasil keluaran negeri itu. Utusan itu telah disambut mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Pada tahun 1411 ada seorang raja bernama Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni telah menghantar utusan membawa ufti kepada Maharaja Cina. Pada tahun 1412, utusan Cina yang bernama Cheng Ho telah datang ke negeri raja yang tersebut itu; dan pada tahun 1414 sekali lagi kedua-dua raja itu menghantar ufti ke negeri China.

Pada tahun 1416 kedua-dua raja itu dan Raja Kalikat serta Raja Jawa ada menghantar ufti ke negeri China, dan Cheng Ho pun sekali lagi diperintahkan pergi ke negeri raja-raja itu.

Tanah negeri ini (P'eng-k'eng) subur; hawanya selalu panas dan di negeri itu banyak biji-bijian makanan; penduduk di situ membuat garam daripada air laut yang dimasak dan mereka membuat tuak daripada air kelapa yang diperam.

Orang-orang besar dengan orang-orang kebanyakan di negeri ini rapat hubungannya, dan dalam negeri ini tidak ada pencuri; orang di sini sangat mempercayai kepercayaan karut berkenaan dengan hantu dan roh; patung hantu itu dibuat daripada kayu wangi dan mereka mengorbankan manusia kepada hantu dengan maksud hendak menolak bala atau meminta sesuatu keuntungan.

Di antara persembahan yang dibawa sebagai ufti ke negeri China itu ialah gading gajah, kapur barus, kayu cendana, lada hitam, kayu sepang dan banyak lagi.<sup>1</sup>

Dalam buku sejarah Cina yang bernama *Hsing-ch'a Sheng-lan* dikarang dalam tahun 1436 oleh seorang pengarang Cina beragama Islam dan pandai berbahasa Arab, bernama Fei Hsin, ada juga menyebutkan kisah negeri Pahang (P'eng-k'eng) pada masa sebelum negeri Pahang itu ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka. Fei Hsin mengatakan:

Negeri ini (P'eng-k'eng) terletak di sebelah barat Hsien-lo (Siam). Negeri itu dikelilingi oleh banjaran gunung, berbonggol-bonggol dan curam, dari jauh kelihatan sebagai sebuah kubu yang diratakan. Tanahnya subur dan makanan biji-bijian mencukupi. Hawanya panas. Penduduk negeri itu dikuasai sepenuhnya oleh ilmu sihir. Mereka mericis-ricis kayu manis dan digunakan untuk membunuh orang, mengorbankan darah manusia, meminta kebaikan nasib dan menjauhkan kemalangan.<sup>2</sup>

Rambut lelaki dan perempuannya bersanggul dan pakaian me-

<sup>1</sup> HISNOT—m.s. 137; PAHANG—m.s. 5-6.

<sup>2</sup> GOLDEN—m.s. 90.



reka hanya sehelai kain. Budak perempuan anak orang kaya memakai empat atau lima buah gelang emas dililitkan di kepala; tetapi anak orang miskin pula memakai manek kaca warna warni dibentuk pada tali atau benang. Penduduk negeri itu memasak air laut dijadikan garam dan memeram beras dijadikan minuman keras. Hasil dalam negeri ialah gaharu, kapur barus, timah dan sejenis kayu yang digunakan untuk pencelup. Barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negeri ialah emas, perak, kain sutera yang berwarna-warni, kain Jawa, perkakas tembaga dan besi, gong, papan dan lain-lain.<sup>1</sup>

Sebelum kerajaan Melayu Melaka menakluki negeri Pahang (yakni sebelum tahun 1454), dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang, ada sedikit menceritakan perihal negeri Pahang itu:

Syahadan maka diceritakan oleh yang punya cetera: ada di dalam Pahang itu sebuah negeri *Pura* namanya; air sungainya tohor, dengan pasirnya terlalu baik; air sungainya itu tawar datang ke laut. Dan ada emas urai di sana, dan padangnya amat luas, dan isi hutannya gajah, seladang, rusa, beruk. Adapun diceritakan orang: adapun seladang itu kecil sedikit daripada gajah. Adapun dulu kala Pahang itu negeri besar, takluk ke benua Siam, Maharaja Dewa Sura nama rajanya, keluarga juga pada Paduka Bubunnya.<sup>2</sup>

Dengan mengemukakan beberapa tafsiran dan keterangan mengenai riwayat yang telah disebutkan di atas itu serta membentangkan pula bukti sejarah yang mungkin ada kaitannya dengan sejarah Pahang, di bawah ini dinyatakan beberapa kesimpulan sejarah mengenai negeri Pahang pada masa sebelum negeri itu ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka.

Perkataan *Tajau* yang tersebut dalam sejarah Cina itu, dipercayai, kepelatan orang Cina menyebut *Tanjung*. Jadi, *Maharaja Tajau* itu ialah *Maharaja Tanjung*. Tanjung yang dimaksudkan dalam riwayat Cina itu boleh jadi ialah tanjung yang di Kuala Sungai Pahang (sebelah utara); dan tanjung itu telah dikenali oleh ahli pelayaran dengan nama Tanjung Pahang. Dan *Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni* itu pula ialah kepelatan orang Cina menyebut Permaisura Teluk Chini.

Di Negeri Pahang, perkataan *Chini* itu dipakai bagi nama

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 7.

<sup>2</sup> SMTSL: Cetera XIII—m.s. 99.

sebuah gunung, sebuah tasik, sebuah sungai kecil dan sebuah kampung; Gunung Chini, Tasik Chini, Sungai Chini dan Kampung Chini. Di Kampung Chini (lebih kurang empat puluh batu dari kuala Sungai Pahang) telah dijumpai beberapa barang peninggalan lama dari zaman sebelum negeri Pahang itu ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka. Bagi beberapa orang Melayu di sana, Tasik Chini dan gunung yang berhampiran di situ dipercayai ada hubungannya dengan peristiwa zaman dahulu, sehingga ada pula orang yang menganggap tasik itu sebagai suatu tempat keramat dan ceritakan juga kononnya di Tasik Chini itu ada seekor buaya putih yang disebut namanya *Seri Pahang*. Perkataan *Teluk* yang dipakai itu boleh jadi pusat kerajaan raja yang bergelar Permaisuri yang terletak di tepi sebuah teluk dalam Tasik Chini.

Berdasarkan kepada riwayat Cina yang telah disebutkan itu, bolehlah dikatakan: pada tahun 1378 ada seorang raja memerintah di Tanjung Pahang dan raja itu memakai gelaran Maharaja; dan dalam tahun 1411, di Teluk Chini ada pula sebuah kerajaan yang diperintahkan oleh seorang raja yang bergelar Permaisuri; sama seperti gelaran raja Melayu yang membuka negeri Melaka.

Keterangan daripada Godinho de Eredia dalam karangannya mengenai Pahang (Pan), dan keterangan dari hikayat *Sejarah Melayu*, dapat dijadikan sokongan kepada kesimpulan yang disebutkan itu. Godinho de Eredia mengatakan: sebelum terdiri kerajaan Melayu Melaka, kerajaan Pan (Pahang) terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. *Sejarah Melayu* pula menyebutkan: raja yang memerintah di negeri Pahang (Pura) itu bergelar Maharaja = Maharaja Dewa Sura.<sup>1</sup>

Dari riwayat Godinho de Eredia itu juga dapatlah kita mengatakan: sebelum negeri Pahang ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, negeri itu telah diperintahkan oleh Raja Melayu (Malaio); di negeri itu banyak didapati emas dan negeri itu makmur. Sebelum kerajaan Melayu didirikan (yakni sebelum akhir kurun masihi yang ke-14), di Pahang telah ada kerajaan raja Melayu yang kedua di Semenanjung Tanah Melayu

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 6; EREDIA—m.s. 233; SMTSL: Cetera XII—m.s. 99.

menggantikan kerajaan Melayu Patani (Pattane).

Dalam buku *Chu-fan-chi* karangan Chao Ju-kua (tahun 1225) dan dalam buku *Tao-i-Chih-lao* susunan Wang Ta-yuan (tahun 1349), selain daripada menyebutkan kisah negeri Pahang (P'eng-k'eng), ada juga riwayat itu menyebutkan nama sebuah tempat bernama Tan-mo-ling. Chao-Ju-kua menyebutkan Tan-ma-ling itu tertakluk di bawah kuasa kerajaan Seri Wijaya (Palembang).

Ramai ahli sejarah yang terakhir zaman ini telah menyetujui bahawa Tan-ma-ling yang tersebut dalam riwayat Cina itulah yang disebut "Temberalingga" pada batu bersurat yang didapati di Ligor\* (tarikhnya tahun 1230), dan itulah juga Madamalinggam yang tersebut pada batu bersurat di Tanjora (di India, tahun 1030). Ahli sejarah zaman ini ramai yang telah menerima bahawa Tanmaling, Tamberalingga dan Madamalinggam yang disebutkan itu ialah daerah Ligor di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu walaupun ada seorang berdua ahli sejarah lainnya yang menempatkan di tempat lain pula.<sup>1</sup>

Pada batu bersurat di Ligor itu pula menerangkan: pada tahun 1239 masihi Raja Ligor yang bernama Chanderabhanu telah menggelarkan dirinya Seri Dharmaraja, Yang Dipertuan Tamberalingga. Pada tahun 1247, dan sekali lagi pada tahun 1270, Chanderabhanu itu telah menghantarkan pasukan perangnya ke Pulau Ceylon. Tetapi serangan Chanderabhanu pada tahun 1270 itu gagal. Dalam sejarah orang Ceylon yang bernama Mahavamsa mengatakan: askar Chanderabhanu yang datang menyerang ke Pulau Ceylon itu ialah orang Jawaka.<sup>2</sup>

Kitab undang-undang Siam bernama *Kot Month'ienban*

\*Batu bersurat yang didapati di Ligor itu, dahulu dikatakan terdapat di tempat yang dinamakan Gerahi; dan tempat ini kemudiannya dikenali dengan nama Chaiya atau Jaiya, terletak di sebelah utara Ligor. Tetapi sekarang telah diketahui bahawa batu bersurat yang menyebutkan Tamberalingga itu sebenarnya didapati di Ligor (Nakhoda Sri Tammarat): PAHANG—m.s. 9; GOLDEN—m.s. 67, 201.

<sup>1</sup>GOLDEN—m.s. 67, 201; PAHANG—m.s. 9.

<sup>2</sup>SLAMET—m.s. 140-145; CULTURE—m.s. 80; PAHANG—m.s. 9; HALL—m.s. 61.

(undang-undang Istana) dikarang dalam tahun 1358 (isinya telah ditambah dalam kurun masihi yang ke-15) yang menyebutkan: pada tahun 1280, kerajaan Siam-Thai yang berpusat di Sukhotai (Sukhodaya) bermusuhan dengan kerajaan Sriwijaya (Palembang) kerana berebut kuasa di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Chanderabhanu, Raja Tamberalingga (Ligor) itu membantu pihak Sukhotai.<sup>1</sup>

. Dalam sejarah bangsa Mon juga menyebutkan mulai dari tahun 1280 kerajaan Siam (Thai) yang berpusat di Sukhotai telah meluaskan kuasanya ke selatan hingga ke Semenanjung Tanah Melayu sampai ke tempat yang bernama Seri Tammarat (Ligor).<sup>2</sup>

Berkenaan dengan kisah Raja Chanderabhanu yang telah menggelarkan dirinya Seri Dharmaraja (tahun 1230) dan mengakuinya Yang Dipertuan Tamberalingga itu, ahli sejarah berpendapat; kerana raja itu hendak memberontak melepaskan dirinya dan negaranya daripada dikuasai oleh kerajaan Sriwijaya (Palembang) yang telah menguasai daerah Ligor sejak akhir kurun masihi yang ke-8 (tahun 775). Tambahan pula mulai pertengahan kurun masihi yang ke-13 itu kuasa kerajaan Srivijaya telah mula lemah. Tujuh belas tahun kemudian daripada itu (kemudian daripada tahun 1230) bahrulah Chanderabhanu menghantarkan pasukan perangnya yang terdiri dari orang Jawaka menyerang ke Pulau Ceylon, iaitu setelah kerajaan Srivijaya tiada lagi berdaya menguasai Ligor.

Berkenaan dengan orang Jawaka, ahli sejarah berpendapat: perkataan Jawaka ialah sebutan orang di Pulau Ceylon yang maksudnya Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, bukannya Tanah Jawa, seperti orang Arab sekarang memakai perkataan Jawi membahasakan seluruh rumpun bangsa Melayu di Nusantara ini. Dr. W. Linehan dalam bukunya *Sejarah Pahang* ada mencatatkan: nampaknya penduduk Ligor pada masa itu (masa Chanderabhanu) terdiri daripada bermacam bangsa di bawah perintah Raja-raja Melayu (bukan Islam). Sebuah batu bersurat yang telah dijumpai di Lopburi, di negeri

<sup>1</sup>GOLDEN—m.s. 301; TATA (I)—m.s. 131; SLAMET—m.s. 140-145.

<sup>2</sup>GOLDEN—m.s. 301.

Thai, menyebutkan pula: kerajaan Tamberalingga (Ligor) itu ialah kerajaan Melayu. Tetapi pada akhir kurun masihi yang ke-13 itu juga, kira-kira dalam tahun 1292, Raja Siam (Sukhotai) yang bernama Rama Khamheng telah menakluk Ligor dan menamakan tempat itu Nakhon Seri Tammarat. Kisah ini juga tertulis pada batu bersurat di negeri Thai yang menyatakan kebesaran pemerintahan Rama Khamheng itu.<sup>1</sup>

Dalam riwayat Godinho de Eredia yang disebutkan di atas tadi, menyebutkan: di lembahan Sungai Chea dalam wilayah Patani itu terdapat banyak emas. Sungai Chea yang disebutkan oleh Eredia itu tiada syak lagi ialah sungai yang terdapat di daerah Sai dan nama itu ada tersebut dalam *Nagarakertagama*, sebuah daripada jajahan takluk Majapahit di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu (tahun 1365). Daerah Sai itu sekarang ini berada dalam Wilayah Patani. Orang Melayu menyebut namanya Teluban, dan orang Siam menyebutnya Sai (ertinya: pasir) atau Saiburi. (Ada juga buku yang menulis = Telubin).

Apabila orang Siam-Thai berjaya merampas negeri Patani dari tangan Raja-raja Melayu, pada awal kurun masihi yang ke-19, iaitu setelah beberapa kali mereka gagal hendak mengalahkan Patani, negeri itu telah dipecahkan oleh kerajaan Siam-Thai kepada tujuh buah daerah dan setiap daerah dipertahankan oleh seorang raja atau orang besarnya yang dipilih dan di bawah perintah Siam-Thai, iaitu daerah yang bernama: (1) Patani, (2) Nawng Chik, (3) Jering, (4) Sai Saiburi atau orang Melayu menyebutnya Teluban, (5) Jala atau Jalor, (6) Raman atau Rhaman, dan (7) Legih. Sungai dalam daerah Teluban atau Sai itu disebut Sungai Sai atau Sungai Saiburi atau Sungai Teluban. Sungai Sai itulah yang disebut oleh Godinho de Eredia sebagai Sungai Chea.

Dalam tahun 1899-1900, satu rombongan yang terdiri dari ahli sejarah Universiti Cambridge yang diketuai oleh W.W. Skeat telah membuat lawatan pengkajian ilmiah ke daerah Patani, Teluban (Sai) dan tempat lain yang berdekatan, dan

<sup>1</sup> HALL—m.s. 111, 174; GOLDEN—m.s. 301; CULTURE—m.s. 169; SLAMET—m.s. 140-145.

dalam laporannya ada menyebutkan beberapa buah daerah dalam wilayah Patani itu masih terdapat raja-raja Melayu di situ yang dilantik dan di bawah kerajaan Siam-(Thai).

Daripada keterangan yang telah disebutkan itu, nyatalah bahawa semua daerah di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu itu iaitu dari luar Ligor (Nakhon Seri Tammarat) sampai ke Patani dan daerah lain di sekelilingnya, sejak zaman dahulu lagi, telah diduduki oleh orang Melayu dan di bawah perintah Raja-raja Melayu (sebelum ditakluk oleh Siam). Jika diperhatikan dalam sejarah, hingga akhir kurun masihi yang ke-13, kuasa Siam-Thai di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu itu hanya baharu sampai ke Ligor (Nakhon Seri Tammarat) mengalahkan kuasa Raja Melayu di situ. Pada awal kurun masihi yang ke-19 baharulah Siam-Thai berjaya mengalahkan Patani (dan Kedah pada tahun 1821), dan sejak itu, negeri-negeri Melayu di daerah itu pun masuk ke bawah perintah Siam-Thai.<sup>1</sup>

Sebelum dibuat kesimpulan mengenai sejarah negeri Pahang pada masa sebelum negeri itu ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, cubalah kita kaitkan pula keterangan sejarah yang telah disebutkan itu dengan sejarah yang ditulis di bawah ini.

Pada tahun 1454 angkatan perang kerajaan Melayu Melaka yang datang melalui laut telah menyerang negeri Pahang di tempat yang bernama Pura (atau Inderapura dan kemudiannya disebut Pekan). Hikayat Sejarah Melayu mengatakan: "Adapun dahulu kala Pahang itu negeri besar, takluk ke benua Siam, Maharaja Dewa Sura nama rajanya, keluarga juga dengan Paduka Bubunnya."<sup>2</sup>

Lebih kurang lima puluh tahun kemudian, kira-kira pada tahun 1500, pada masa Sultan Mahmud Shah memerintah Melaka (1488-1511), Raja Ligor (*Legor*) yang bernama Maharaja Dewa Sura dengan perintah Raja Siam, telah datang melalui darat dan menyerang negeri Pahang (pada masa negeri Pahang diperintahkan oleh Sultan keturunan dari Melaka).

<sup>1</sup> ANCIENT—m.s. 60; SKEAT—m.s. 66, 166, 169; IBRAHIM m.s. 101.

<sup>2</sup> CHINI—m.s. 133; SMTSL—(Cetera XIII) m.s. 99.

Angkatan Raja Ligor telah dikalahkan oleh orang Pahang yang dibantu oleh angkatan perang Melaka yang datang ke Pahang melalui laut. *Sejarah Melayu* mengatakan: "Maharaja Dewa Sura lari ke Hulu Pahang, lalu berjalan terus ke Kelantan, lalu kembali ke Legor".<sup>1</sup>

Daripada *Sejarah Melayu* itu nyatalah bahawa sebelum negeri Pahang ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, rajanya bergelar Maharaja, sama seperti gelaran yang disebutkan oleh riwayat Cina di atas tadi. Dan *Sejarah Melayu* juga mengatakan Raja Ligor yang datang menyerang negeri Pahang kemudiannya juga bergelar Maharaja Dewa Sura.

Daripada keterangan dan peristiwa sejarah yang telah di sebutkan itu, nampaklah bukti bahawa raja-raja yang memerintah di negeri Pahang pada masa sebelum negeri itu ditakluk oleh Melaka, terdiri daripada Raja-raja Melayu seperti yang dikatakan oleh Godinho de Eredia, dan Raja-raja Melayu di Pahang dipercayai datang dari daerah negeri Melayu di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu, tegasnya dari keturunan raja Melayu di Ligor (Tan-ma-ling = Tembeling). Ini berdasarkan kepada, kalau dalam kurun masihi yang ke-13, Raja Melayu di Ligor yang bernama Chanderabhanu itu sanggup menghantarkan angkatan perangnya (askar Melayu) dua kali menyerang Pulau Ceylon yang begitu jauh, tentulah tidak hairan jika ia dapat pula mengembangkan kuasa dan pengaruhnya ke negeri Pahang yang terletak di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu.

Setelah Siam menakluki Ligor pada akhir kurun masihi yang ke-13, negeri Pahang yang di bawah kuasa raja-raja keturunan dari Ligor itu dengan sendirinya masuk ke bawah kuasa Siam-Thai menerusi Ligor. Dalam pada itu nampaknya Siam tidak mengganggu pemerintahan raja-raja keturunan Ligor yang memerintah di negeri Pahang itu,<sup>2</sup> bahkan Pahang telah digunakan oleh askar dari Ligor, yang diperintahkan oleh Raja Siam, untuk menyerang Melaka. Serangan Raja Ligor ke atas Pahang, pada tahun 1500 iaitu setelah Pahang masuk ke

<sup>1</sup> CHINI—m.s. 133; SMTSL: (Cetera XXXI)—241.

<sup>2</sup> CHINI m.s. 133.


bawah Sultan keturunan dari Melaka itu, nyatalah kerana Siam hendak menguatkan semula kuasanya di Pahang tetapi tidak berjaya.

Dipercayai bahawa dalam kurun masihi yang ke-14 dan ke-15, orang Siam tidak dapat mengukuhkan kuasanya di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu kerana dalam kurun masihi yang ke-14, kerajaan Majapahit sedang menguasai beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Pahang); dan dalam pertengahan kurun masihi yang ke-15 pula, kerajaan Melayu Melaka sedang berada di kemuncak kebesarannya.

Berkenaan dengan penduduk Pahang semasa sebelum ditakluk oleh Melaka, selain daripada orang Asli dan orang Melayu Purba (Proto-Malays) serta orang Melayu Pesisir (Deutero-Malays) iaitu orang yang telah sedia ada di negeri itu, di percayai terdiri daripada orang Melayu dan sedikit orang Siam yang datang dari Ligor dan daerah yang berjiran dengannya di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Penduduk Pahang yang datang dari bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu yang mengusahakan perlombongan atau mencebak emas itu juga dipercayai adalah orang Melayu dan orang Siam juga. Orang Melayu yang mahir bekerja mengeluarkan hasil emas di Pahang, mungkin juga terdiri daripada orang Melayu yang datang dari kawasan di wilayah Patani yang bernama *Chea* yang dikatakan oleh Eredia; atau Sai (Teluban) seperti yang dikatakan oleh *Negarakerlagama*.

Kesimpulannya semasa belum ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, penduduk negeri Pahang itu kebanyakannya adalah orang Melayu dan sedikit orang Siam yang datang dari bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu, terutama dari daerah Ligor, negeri Patani, daerah Sai (Teluban) dan daerah lain yang berjiran di situ. Di percayai juga merekalah yang telah mengambil nama asal tempat yang mereka diami di Pahang seperti Tembeling, Chini (bahasa Siam bermakna ungka kata Dr. W. Linehan), Jeram Kuai (Koi, bahasa Siam bermakna perlahan-lahan, mengikut *Sejarah Melayu*), Tambak Siam dan Lombong Siam. Orang Melayu di Pahang ketika itu dipercayai belum beragama Islam. Sungguhpun dalam kurun ma-





Petani dan Daerah Sekitarnya.

sihi ke-14 agama Islam sudah ada di Terengganu, tetapi orang Melayu di Pahang belum dapat dipastikan sama ada sudah beragama Islam, kerana belum didapati bukti sejarah yang dapat dipegangi. Pendeknya, sebelum Pahang ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, raja-raja yang memerintah di Pahang, Raja Melayu, telah biasa menghantarkan barang hadiah kepada Maharaja Cina, dan hadiah itu dianggap oleh Maharaja Cina sebagai tanda ufti, kerana Maharaja Cina masa itu memang raja besar. Pahang telah dilawati oleh pengembara dan penulis bangsa Arab dan Cina. Negeri itu telah dikuasai oleh kerajaan Srivijaya (Palembang); kemudian masuk ke bawah perintah Raja Ligor (Melayu) yang dikuasai oleh Siam-Thai, dan dalam kurun masihi yang ke-14 dibawah kuasa kerajaan Majapahit.



## *Pahang Ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka*

Mengikut *Sejarah Melayu*: selepas kemangkatan Sultan Abu Shahid (Raja Ibrahim), kekandanya (berlain ibu) bernama Raja Kasim telah diangkat menjadi Sultan Melaka bergelar Sultan Muzaffar Shah.<sup>1</sup> Baginda mula memerintah pada akhir tahun 1445 atau awal tahun 1446.<sup>2</sup>

Semasa Melaka dalam pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Raja Siam telah mendengar khabar bahawa Melaka merupakan sebuah negeri besar dan tidak tunduk ke Siam. Oleh itu Raja Siam menghantar orangnya meminta surat sembah daripada Raja Melaka. Sultan Muzaffar Shah enggan menyembah ke Siam.<sup>3</sup>

Oleh sebab Raja Melaka tidak mahu menyembah ke Siam, Raja Siam telah marah, lalu menghantarkan satu angkatan yang diketuai oleh panglima perangnya bernama Okya Chakra,<sup>4</sup> berjalan melalui darat terus ke Hulu Pahang untuk menyerang Melaka.

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 88; SM18: (Cetera VII)—m.s. 92.

<sup>2</sup> RJW—m.s. 37; GEM—m.s. 62; HIS—m.s. 6.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 90; SM18: (Cetera VIII)—m.s. 93.

<sup>4</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 90-91; SM18: (Cetera VIII)—m.s. 93; GEM—m.s. 62-63. Dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang ada menyebutkan nama panglima Siam itu "Awi Chakri". Dalam *Sejarah Melayu Naskhah No. 18* menyebutkan namanya "Awi Chakra" pula. Mengikut pendapat G.E. Marrison, perkataan "Awi" (اوي) itu lebih baik disebut "Oya", dan seakan-akan bentuk perkataan Siam "Okya". "Okya Chakra" bukanlah nama khas bagi seseorang melainkan merupakan suatu gelaran bagi seorang pegawai Siam zaman dahulu. Lihat GEM—m.s. 62-63; BROWN—m.s. 223; SMTSL—m.s. 88; SM18—m.s. 93.

Apabila sampai ke Melaka berita mengenai kedatangan Siam itu, maka Sultan Muzaffar Shah pun telah menghimpunkan rakyat baginda dari segala teluk rantau. Tun Perak seorang daripada anak Bendahara Melaka, yang menjadi peng-hulu di Kelang, telah membawa orang Kelang lelaki dan pe-rempuan, datang untuk membantu Melaka.<sup>1</sup>

Apabila orang Siam sampai ke Melaka, berlakulah pertem-puran antara kedua belah pihak. Setelah lama berperang, ramailah orang Siam yang mati, dan Melaka berjaya menga-lahkan Siam. Orang Siam pun berundur meninggalkan Mela-ka melalui Hulu Muar dan kembali ke negeri mereka semula. Demikianlah kisah orang Siam mula-mula menyerang Melaka seperti yang termuat di dalam Sejarah Melayu.<sup>2</sup>

Mengikuti sebuah buku sejarah Siam yang bernama *Pong-sawadan Luang Prasaoet* (dikarang pada tahun 1608) menga-takan: angkatan Siam yang pertama datang menyerang Mela-ka itu ialah dalam tahun Siam (Chulasakaraj) 806, bersamaan dengan tahun masihi 1445, iaitu semasa Raja Siam yang ber-gelar Boromoraja II.<sup>3</sup> Tarikh itu ternyata bersamaan atau ber-hampiran dengan tarikh Sultan Muzaffar Shah mula menaiki takhta kerajaan Melaka seperti yang telah disebutkan di atas.<sup>4</sup>

Angkatan Siam yang menyerang Melaka itu datang melalui jalan darat menempuh Hulu Pahang dan adalah dipercayai tentulah dibantu juga oleh Raja Ligor dan Raja Pahang (Pura), kerana pada masa itu raja-raja itu masih di bawah kuasa Raja Siam (Thai) yang berpusat di Ayuthia seperti yang telah disebutkan dalam fasal yang lalu.

Tiada lama selepas Siam menyerang Melaka itu, Sultan

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 91; SM18: (Cetera VIII)—m.s. 93-94.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 92; SM18: (Cetera VIII)—m.s. 94-95.

<sup>3</sup> GEM - m.s. 61; BROWN - m.s. 223. Dipercayai nama Raja Siam yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* "Bubunnya" itu ialah kesilapan pengam-bilan daripada perkataan "Boroma-raja" itu; ataupun boleh jadi juga ke-silapan pengambilan daripada gelaran diraja bangsa Mon dalam per-tengahan kurun masihi ke-15 yang berbunyi "Bana" yang masih ada dalam bahasa orang Burma disebut "Binnya": GEM—m.s. 61; BROWN—m.s. 223; Lihat juga: HALL—m.s. 936.

<sup>4</sup> GEM - m.s. 61-62.

Muzaffar Shah telah mengangkat Tun Perak menjadi Bendahara Melaka bergelar Bendahara Paduka Raja, menggantikan iparnya Seri Nara Diraja Tun Ali yang telah memangku jawatan Bendahara itu selama ini.<sup>1</sup>

Kemudian, pada zaman Sultan Muzaffar Shah juga, datang lagi angkatan Siam, melalui laut pula, menyerang Melaka diketuai oleh panglima perang Siam yang bernama Okya Tejo.<sup>2</sup> Angkatan Siam itu telah ditentang oleh angkatan perang laut Melaka dipimpin oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang dibantu oleh panglima perang Melaka yang bergelar Seri Bija Diraja (namanya Tun Hamzah, disebut juga Datuk Bongkok) serta anak Seri Bija Diraja yang bernama Tun Umur. Peperangan di laut itu telah berlarutan hingga ke Batu Pahat dan angkatan Siam itu telah diikuti oleh angkatan Melaka sampai ke Singapura dan akhirnya orang Siam pun balik semula ke negeri mereka; tiada juga dapat Siam mengalahkan Melaka.<sup>3</sup>

Mengikut *Pongsawadan Luang Prasoet*: serangan Siam kali yang kedua ke atas Melaka itu, dalam tahun Siam (Chulasakarakaj) 817, bersamaan dengan tahun masihi 1456, semasa Siam diperintahkan oleh rajanya yang bergelar Boroma Trailokanat, iaitu lebih kurang sepuluh tahun kemudian daripada serangan yang pertama dahulu, dan nampaknya serangan ini telah dilancarkan pada akhir zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah di Melaka (Baginda memerintah 1445/46-1456).<sup>4</sup>

Mengikut *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang (Cetera XIII): tiada lama lepas itu, Sultan Muzaffar Shah telah mangkat, dan digantikan oleh puteranya yang bernama Raja Abdullah sebagai Sultan Melaka bergelar Sultan Mansur Shah.<sup>5</sup> Tarikh Sultan Muzaffar Shah mangkat dan Sultan

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XIII) – m.s. 95; SM18: (Cetera VIII) – m.s. 96.

<sup>2</sup> GEM – m.s. 63. Dalam *Sejarah Melayu* menyebutkan nama panglima perang Siam itu "Awi Dichu". Nama ini nyatakan pengambilan daripada bahasa Siam "Okya Tejo". Okya Tejo ini pun bukanlah khas bagi seseorang melainkan suatu gelaran bererti "ketua perang": GEM – m.s. 63.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XIII) – m.s. 96-97; SM 18: (Cetera VIII) – m.s. 96-97.

<sup>4</sup> GEM – m.s. 63.

<sup>5</sup> SMTSL: (Cetera XIII) – m.s. 98; SM18: (Cetera VIII) – m.s. 100.

Mansur dimasyhurkan sebagai Sultan Melaka ialah pada tahun 1456 itu juga.<sup>1</sup>

Tiada lama setelah Sultan Mansur Shah diangkat menjadi Sultan Melaka, baginda pun menghantarkan angkatan perang laut Melaka pergi menyerang Pahang di tempat yang bernama Pura. Angkatan Melaka itu mengandungi dua ratus buah perahu besar kecil, diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang dibantu oleh Seri Bija Diraja (Tun Hamzah, Datuk Bongkok) dan sebilangan besar hulubalang Melaka. Sampai di Pahang, bertempurlah orang Melaka dengan Pahang yang di bawah perintah rajanya yang bernama Maharaja Dewa Sura. Dalam peperangan itu dengan mudah sahaja Melaka dapat mengalahkan Pahang. Raja Pahang telah lari ke Hulu Pahang hingga ke tempat yang bernama Jeram Koi (Jeram Kuai). Tetapi akhirnya dapat juga ditawan oleh orang Melaka yang diketuai oleh Seri Bija Diraja, dan Raja Pahang telah di serahkan kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Raja Pahang serta seorang puterinya bernama Puteri Wanang (Onang) Seri serta gajah kenaikan Raja Pahang itu, semuanya dibawa ke Melaka dan diserahkan kepada Sultan Mansur Shah.<sup>2</sup>

Setelah Pahang ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka, Sultan Mansur Shah telah menitahkan Seri Bija Diraja (Tun Hamzah, Datuk Bongkok) tinggal di Pahang; beliau di lengkapi dengan gendang nobat, kecuali *nagara* (gendang tabal yang besar), dan payung iram berapit, dan pergilah Seri Bija Diraja menetap dan memerintah di Pahang. Puteri Pahang yang bernama Puteri Wanang (Onang) Seri itu diislamkan dan ditukar namanya kepada Puteri Lela Wangsa dan dikahwin-kan dengan Sultan Mansur Shah.<sup>3</sup>

Tiada lama selepas itu, mengikut *Sejarah Melayu* juga, oleh sebab "Siam tiada datang ke Melaka dan orang Melaka juga tiada pergi ke Siam," Sultan Mansur Shah pun berfikir lebih baik Melaka dan Siam berdamai; baginda menghantarkan

<sup>1</sup> HIST - m.s. 6.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XIII) - m.s. 99-102.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XIII) - m.s. 102-103; BUSTAN (1) - m.s. 41.

utusan yang diketuai oleh Tun Telanai anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak, dan Menteri Jana Putera membawa surat damai ke Siam. Kedatangan utusan Melaka itu telah diterima dengan baik oleh Raja Siam. Semasa berada di sana, orang Melaka telah membantu Siam menyerang dan mengalahkan sebuah negeri lain. Surat Sultan Melaka itu telah dibalas oleh pihak Siam, dan di permulaan surat itu menyebutkan: "Ini surat daripada Pra Chau Wadi datang kepada Awi Melaka". Sejak itu berdamailah Melaka dengan Siam.<sup>1</sup>

Dalam *Sejarah Melayu* (Naskhah No. 18) pula menceritakan: utusan damai daripada kerajaan Melaka yang dihantar ke Siam itu telah dibuat semasa dalam pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (ayah Sultan Mansur Shah). Lepas itu baharulah Sultan Muzaffar Shah mangkat, dan digantikan oleh Sultan Mansur Shah sebagai Sultan Melaka. Setelah Sultan Mansur Shah kembali daripada Majapahit, baharulah baginda menyerang dan menakluk Pahang.<sup>2</sup>

Dalam buku *Sejarah Pahang* (History of Pahang) karangan Dr. W. Linehan pula mengatakan: Melaka menyerang dan menakluk Pahang semasa Sultan Muzaffar Shah masih hidup lagi dan angkatan perang Melaka yang menyerang Pahang itu dilengkapkan oleh Sultan Mansur Shah itu lebih kurang pada tahun 1454.<sup>3</sup>

Tetapi dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang mengatakan: tiada lama setelah Sultan Mansur Shah menaiki takhta kerajaan Melaka, baginda pun menghantarkan angkatan perang menyerang dan menakluk Pahang seperti yang telah diceritakan di atas itu.

Di antara ketiga-tiga cerita itu lebih munasabahlah dikatakan: angkatan Melaka pergi menyerang dan menakluk Pahang setelah kemangkatan Sultan Muzaffar Shah, iaitu selepas Sultan Mansur Shah menjadi Sultan Melaka, tujuan baginda adalah untuk menyekat serangan Siam ke Melaka melalui Pahang dan dibantu oleh orang Pahang seperti yang telah ber-

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XIII)—m.s. 105-109.

<sup>2</sup> SM18: (Cetera VIII)—m.s. 98-100.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 12.



laku ketika Siam mula menyerang Melaka dahulu (tahun 1445). Dan jika diperhatikan keterangan dalam sejarah Siam mengenai serangan Siam ke Melaka itu, sudah nyatalah bahawa Melaka menyerang dan menakluk Pahang berlaku kemudian daripada tahun 1454; boleh jadi peristiwa itu telah berlaku di antara tahun 1457 dengan 1459. Dan setelah Pahang takluk ke Melaka, munasabah pula Sultan Mansur Shah menghantar utusan damai ke negeri Siam seperti yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang itu, jadi bukanlah pada zaman Sultan Muzaffar Shah iaitu sebelum Melaka menakluk Pahang. Dan jika benar ceritanya orang Melaka yang pergi ke Siam itu telah membantu Siam menyerang dan mengalahkan sebuah negeri lain seperti yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang itu, boleh jadi ialah serangan orang Siam (Thai) mengalahkan Chiangmai yang telah berlaku dalam tahun 1460.<sup>1</sup>

Dalam pada itu, sungguhpun Pahang telah takluk ke Melaka, dan kerajaan Siam dan kerajaan Melaka telah berdamai, tetapi nampaknya kerajaan Siam masih juga memikirkan bahawa negeri Melaka itu di bawah kuasa Siam kerana balasan surat daripada kerajaan Siam kepada Sultan Melaka itu bukannya datang daripada Raja Siam, melainkan daripada seorang putera Raja Siam yang berpangkat *Phra Ong Choa* (Pra Chau Wadi mengikut *Sejarah Melayu*) dan Sultan Melaka pun digelar dalam surat itu Okya Melaka (Awi Melaka kata *Sejarah Melayu*), dan Okya Melaka itu bolehlah diertikan sebagai wakil Raja Siam yang memerintah di Melaka.<sup>2</sup> Tetapi tentulah Sultan Mansur Shah Melaka tidak terfikir begitu.

Daripada keterangan yang telah disebutkan di atas itu, dan juga daripada huraian dalam fasal yang lalu, bolehlah diambil kesimpulan bahawa Pahang (*Pura*) yang selama ini di bawah takluk Siam (Thai) menerusi Raja Ligor, telah ditakluk oleh kerajaan Melaka pada zaman Sultan Mansur Shah memerintah di Melaka iaitu di antara tahun 1457 hingga tahun 1459, dan orang besar Melaka (panglima perang) yang bergelar Seri

<sup>1</sup> GEM—m.s. 65.

<sup>2</sup> GEM—m.s. 65.

Bija Diraja (Tun Hamzah, Datuk Bongkok) telah ditempatkan di Pahang sebagai wakil Sultan Melaka memerintah di situ. Puteri Pahang yang bernama Puteri Wanang Seri atau Puteri Lela Wangsa itu telah diperisterikan oleh Sultan Mansur Shah, dan itulah permulaan masanya Sultan Mansur Shah meluaskan kuasa kerajaan Melayu Melaka ke negeri lain.

The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry should be supported by a valid receipt or invoice. The second part outlines the procedures for handling discrepancies and errors, including the steps to be taken when a mistake is identified. The third part provides a detailed breakdown of the financial data, including a summary of income and expenses. The final part concludes with a statement of the total balance and a declaration of the accuracy of the information provided.

## *Pahang dalam Zaman Pemerintahan Raja-Raja Keturunan dari Melaka*

### 1) Sultan Muhammad Shah

Puteri Wanan (Onang) Seri atau Puteri Lela Wangsa puteri Pahang yang berkahwin dengan Sultan Mansur Shah Melaka telah mendapat dua orang putera bernama Raja Ahmad dan Raja Muhammad. Sultan Mansur sangat kasih kepada puteranya Raja Muhammad; kasad baginda Raja Muhammad itulah yang akan dirajakan di Melaka bagi menggantikan baginda.<sup>1</sup>

Setelah Raja Muhammad dewasa, pada suatu hari beliau bermain kuda dan pergi ke kampung Bendahara Paduka Raja (Tun Perak). Pada masa itu anak Bendahara Paduka Raja yang bernama Tun Besar sedang bermain sepak raga dengan beberapa orang rakannya. Semasa Raja Muhammad lalu berhampiran tempat itu, dengan tiada sengaja, raga yang disepak oleh Tun Besar telah jatuh menimpa destar Raja Muhammad dan destar itu jatuh ke tanah. Raja Muhammad pun marah, dan oleh sebab Raja Muhammad tiada dapat menahan perasaan marahnya, lalu ditikamnya Tun Besar dari belikat terus ke ulu hati dan Tun Besar pun mati.

Melihat Tun Besar mati, gemparlah semua anak buah Bendahara Paduka Raja dan mereka keluar dengan alat senjata hendak membela kematian Tun Besar itu. Tetapi pada ketika

---

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera VII) - m.s. 103; (Cetera XVIII) - m.s. 148.

SM18: (Cetera XI) - m.s. 124.

BUSTAN (I) - m.s. 42.

itu juga Bendahara Paduka Raja datang dan setelah mengetahui anaknya Tun Besar telah mati dibunuh oleh Raja Muhammad, dan sekalian anak buahnya hendak membalas kematian anaknya itu, Bendahara pun melarang mereka jangan berbuat apa-apa kepada Raja Muhammad sambil mengatakan kepada anak buahnya "hamba Melayu tidak pernah derhaka" kepada rajanya; tetapi diingatkannya pula anak buahnya semua supaya jangan bertuanan anak raja yang seorang itu (Raja Muhammad).

Apabila Sultan Mansur Shah mengetahui kejadian itu, baginda pun memanggil Raja Muhammad lalu memarahi dan menyesali di atas perbuatan Raja Muhammad yang telah menyebabkan dirinya tiada dapat lagi dirajakan di Melaka (kerana pengikut Bendahara Paduka Raja tiada mahu berajakan Raja Muhammad). Sultan Mansur Shah telah memanggil Datuk Seri Bija Diraja (Tun Hamzah, Datuk Bongkok) yang memerintah di Pahang balik ke Melaka. Setelah Seri Bija Diraja sampai di Melaka, Sultan Mansur Shah pun menyuruh membawa Raja Muhammad ke Pahang supaya dirajakan di sana. Bersama angkatan Raja Muhammad yang pergi ke Pahang itu, dibawa juga seratus orang lelaki dan seratus orang perempuan dari Melaka yang akan tinggal di Pahang. Sultan Mansur Shah telah menitahkan Seri Nara Diraja (Tun Tahir) Penghulu Bendahari Melaka pergi ke Pahang merajakan Raja Muhammad. Sampai di Pahang, Seri Nara Diraja pun merajakan Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang bergelar Sultan Muhammad Shah. Bagindalah Sultan Pahang yang pertama keturunan daripada Raja Melaka. Tun Hamzah, menantu Bendahara Seri Amar Diraja Melaka, diangkat menjadi Bendahara Pahang bergelar Bendahara Seri Amar Diraja. Anak Seri Bija Diraja Tun Hamzah (Datuk Bongkok) diangkat menjadi Hulubalang Besar bergelar Seri Akar Raja; selain daripada itu diangkat juga seorang untuk menjadi Penghulu Bendahari dan seorang Temenggung (tetapi tiada disebutkan siapa orangnya). Setelah itu Seri Nara Diraja Tun Tahir dan Seri Bija Diraja Tun Hamzah (Datuk Bongkok) pun balik ke Melaka. Sempadan negeri Pahang masa itu yang masuk dalam perintah Sultan Muhammad Shah ialah dari Sedili Besar di

sebelah selatan sampai ke Terengganu di sebelah utara<sup>1</sup> (namaknya sempadan yang disebutkan itu ialah di sebelah pantai laut sahaja). Sultan Muhammad Shah, Sultan Pahang yang pertama itu, telah bersemayam di Tanjung Langgar, di tepi Sungai Pahang, iaitu di tempat semayam Maharaja Dewa Sura, Raja Pahang yang ditakluk ke Siam dahulu, dan Sultan Muhammad Shah mula memerintah dalam tahun 1470.<sup>2</sup>

Setelah Sultan Muhammad Shah memerintah di Pahang, baginda pun beristerikan seorang puteri Kelantan, cucu Sultan Iskandar Raja Kelantan, bernama Puteri Mengendera, dan bersama isteri baginda itulah Sultan Muhammad berputerakan Raja Ahmad, Raja Abdul Jamil dan Raja Mahmud.<sup>3</sup>

Hampir enam tahun lamanya berkerajaan di Pahang, pada akhir tahun 1475, semasa ayahanda baginda Sultan Mansur Shah masih berkerajaan lagi di Melaka, Sultan Muhammad Sultan Pahang yang pertama itu pun mangkat. Batu nisan di makam almarhum itu telah dijumpai di Makam Langgar di tepi Sungai Pahang Tua, dan batu nisan itu bertarikh 16 hari bulan Jamadil Awal Sanah Hijrah 880 (bersamaan dengan 17 hari bulan September 1475).<sup>4</sup>

Dalam sebuah buku orang Portugis bernama *Commenteries* karangan anak Alfonso d'Albuquerque, mengatakan: seorang putera kepada Sultan Mansur Shah Melaka daripada isteri baginda anak Raja Pahang (Puteri Wanang Seri) itu telah diracun. Boleh jadi yang disebutkan oleh buku orang Portugis itu ialah Sultan Muhammad Shah,<sup>5</sup> Sultan Pahang yang pertama itu walaupun tidak ada bukti yang dapat mengesahkannya.

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XVIII)—m.s. 148-150; SM18: (Cetera XI)—m.s. 124-125.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 14.

<sup>3</sup> BUSTAN (I)—m.s. 44; SMAB: (Cetera XVIII)—163; PAHANG m.s. 170;

SMTSL: Cetera XVIII—m.s. 150 mengatakan: puteri Kelantan itu bernama Mengendera Puteri; berputerakan Raja Ahmad, Raja (Abdul) Jamil dan Raja Muhammad.

<sup>4</sup> PAHANG—m.s. 169-171; TOMB—m.s. 333.

<sup>5</sup> PAHANG—m.s. 14.

## (2) Sultan Ahmad Shah

Setelah Sultan Muhammad Shah, Sultan Pahang yang pertama itu mangkat pada tahun 1475, baginda telah digantikan oleh kekanda almarhum itu yang bernama Raja Ahmad, sebagai Sultan Pahang, Sultan Pahang yang kedua, bergelar Sultan Ahmad Shah<sup>1</sup> (dalam *Sejarah Melayu* gelaran baginda itu disebut juga Sultan Muhammad Shah, Sultan Mahmud Shah). Semasa Sultan Ahmad Shah mula memerintah Pahang (tahun 1475) ayahanda baginda Sultan Mansur Shah masih lagi hidup dan memerintah di Melaka. Oleh sebab itu dipercayai Raja Ahmad diangkat menjadi Sultan Pahang dengan kehendak ayahanda baginda sendiri.

Sultan Ahmad Shah itu telah beristerikan anak Bendahara Seri Amar Diraja (Tun Hamzah) Bendahara Pahang, dan beroleh seorang putera dinamakan Raja Mansur.<sup>2</sup> Bersama isteri baginda yang lain pula beroleh seorang anak perempuan dinamakan Raja Wati atau Raja Olah.<sup>3</sup>

Pada tahun 1477, Sultan Mansur Shah mangkat dan digantikan oleh putera almarhum yang bernama Raja Hussain menjadi Sultan Melaka bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah I.<sup>4</sup> Apabila Sultan Alauddin dimasyhurkan sebagai Sultan Melaka, kekanda baginda Sultan Ahmad yang berkerajaan di Pahang itu tiada berpuas hati, kerana Sultan Ahmad itu kekanda kepada Sultan Alauddin, dan Sultan Ahmad tidak juga dapat menjadi Sultan Melaka seperti almarhum adinda baginda Sultan Mahmud Shah.<sup>5</sup>

Semasa Sultan Alauddin memerintah di Melaka, Telanai Terengganu, orang besar yang memerintah di Terengganu, telah datang mengadap Sultan Alauddin di Melaka. Pada masa

<sup>1</sup> BUSTAN (I) - m.s. 44; PAHANG - m.s. 14.

<sup>2</sup> SMAB: (Cetera XXIII) - m.s. 187; SMTSL: (Cetera XXIII) - m.s. 171; BUSTAN (I) - m.s. 44.

<sup>3</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45; SMAB: (Cetera XXIII) - m.s. 187; SMTSL: (Cetera XXIII) - m.s. 172.

<sup>4</sup> HIST - m.s. 6; SNTSL: (Cetera XXIII) - m.s. 171; SMAB: (Cetera XXIII) m.s. 187.

<sup>5</sup> PAHANG - m.s. 14; SMTSL: (Cetera XXV) - m.s. 180.

itu Raja Maluku juga datang mengadap Sultan Alauddin di Melaka. Kedatangan mereka itu telah diterima dengan baik oleh Sultan Melaka. Tiada berapa lama di Melaka, Telanai Terengganu pun balik ke Terengganu.<sup>1</sup>

Apabila sampai di Pahang berita yang mengatakan Telanai Terengganu telah pergi ke Melaka mengadap Sultan Alauddin, Sultan Ahmad (atau Sultan Muhammad atau Sultan Mahmud Shah) Pahang pun murka kepada Telanai Terengganu, kerana Telanai itu telah pergi mengadap Sultan Alauddin dengan tiada memberitahu lebih dahulu kepada baginda di Pahang. Sultan Ahmad telah menitahkan Hulubalang Besar baginda Seri Akar Raja pergi ke Terengganu membunuh Telanai Terengganu. Seri Akar Raja pun pergi ke Terengganu dan telah membunuh Telanai Terengganu. Apabila Seri Akar Raja balik ke Pahang dan menyembahkan kepada Sultan Ahmad akan tugas yang telah disempurnakannya itu, baginda pun mengurniakan Terengganu kepada pegangan Seri Akar Raja turun-temurun.<sup>2</sup>

Bendahara Pahang, Bendahara Seri Amar Diraja, telah menyalahkan perbuatan Sultan Ahmad Shah telah menyuruh untuk membunuh Telanai Terengganu dengan tiada memberitahu terlebih dahulu kepada Sultan Alauddin di Melaka; perbuatan itu tentulah memurkakan Sultan Melaka, menurut kata Bendahara itu. Teguran Bendahara Pahang itu telah dijawab oleh Sultan Ahmad Shah: "Apatah ditakutkan Raja Melaka. Berlengkaplah orang kaya sekalian; aku hendak aku tua, lagipun aku sudah dirajakan Paduka Marhum di Melaka. Berlengkaplah orang kaya, sekalian; aku hendak mengambil kerajaan Melaka". Tatkala itu Sultan Ahmad sedang berada di atas gajah kenaikan baginda; dilanggarkan baginda gajah itu ke balairung baginda sambil mengatakan

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXV) - m. s. 178-179; SMAB: (Cetera XXV) - m. s. 196-197; SM 18: (Cetera XIV) - m. s. 141-142.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XXV) - m. s. 179-180; SMAB (Cetera XXV) - m. s. 197; SM18: (Cetera XIV) - m. s. 142.



begitulah juga baginda akan melanggar balairung Raja Melaka.<sup>1</sup>

Setelah Telanai Terengganu terbunuh, beberapa orang anak cucunya di Terengganu telah lari ke Melaka dan memberitahu Sultan Alauddin akan hal Telanai Terengganu yang telah dibunuh oleh Seri Akar Raja Pahang dan perihal Sultan Pahang hendak melanggar balairung Raja Melaka itu. Mendengar berita itu Sultan Alauddin pun tersangat murka dan baginda hendak menyerang Pahang. Tetapi serangan itu tiada jadi dilancarkan setelah Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) menasihatkan Sultan Alauddin dengan mengatakan jika Pahang diserang dan jika berlaku hal yang tiada diingini ke atas diri kekanda baginda Sultan Pahang itu, Sultan Alauddin juga yang rugi dan Bendahara mengesyorkan supaya Laksamana Hang Tuah diutus ke Pahang. Nasihat dan syor Bendahara itu diterima oleh Sultan Alauddin.<sup>2</sup>

Satu angkatan dari Melaka yang diketuai oleh Laksamana Hang Tuah yang membawa surat daripada Sultan Melaka kepada Sultan Pahang telah belayar pergi ke Pahang. Kedatangan Laksamana Hang Tuah itu telah disambut oleh Sultan Ahmad dengan kemuliaannya dan surat Sultan Melaka itu pun dibacakan di balai penghadapan Sultan Pahang dengan istiadatnya. Mengikut rancangan yang telah diaturkan oleh Hang Tuah, selesai sahaja surat Sultan Melaka itu dibacakan, maka orang-orang Laksamana Hang Tuah yang ditinggalkan di luar balai penghadapan itu akan membunuh seorang saudara sepupu Seri Akar Raja pembunuh Telanai Terengganu dahulu. Apabila orang-orang Hang Tuah yang membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja itu dibawa ke hadapan Sultan Pahang di balai penghadapan itu, Laksamana Hang Tuah menahan Sultan Pahang berbuat sesuatu kepada orangnya itu walaupun ia telah membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja dan Hang Tuah berkata: 'Sungguh patik itu telah membunuh sau-

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXV) – m.s. 180; SMAB (Cetera XXV) – m.s. 197-198.

<sup>2</sup> SMTSL (Cetera XXV) – m.s. 180-182; SMAB (Cetera XXV) – m.s. 198-200.

dara sepupu Seri Akar Raja. Tetapi tiada patik beri dipengapakan, kerana salah Seri Akar Raja ke bawah adinda (Sultan Melaka) membunuh Telanai Terengganu tiada memberitahu ke Melaka.' Mendengar sembah Laksamana Hang Tuah itu, Sultan Pahang pun tersenyum; titah baginda: 'Adapun Telanai Terengganu kita suruh bunuh sebab biadab mulutnya, mengata-ngata negeri Melaka di bawah kelengkapannya. Adapun saudara sepupu Seri Akar Raja yang mati itu, mana bicara Laksamana dengan Seri Akar Raja, kerana ia bukan orang lain kepada Laksamana'.

Setelah Laksamana Hang Tuah bersama Seri Akar Raja mengkebumikan saudara sepupu Seri Akar Raja itu, Laksamana Hang Tuah pun kembali ke Melaka. Sultan Alauddin merasa sukacita setelah mendengar apa yang telah dilakukan oleh Hang Tuah di Pahang.<sup>1</sup>

Tindakan Laksamana Hang Tuah di Pahang itu, nyatalah menghukum perbuatan Seri Akar Raja dan menyindir perbuatan Sultan Pahang yang menyuruh melakukan pembunuhan itu dengan tiada lebih dahulu memberitahu Sultan Melaka, dan juga kerana Sultan Pahang hendak melanggar balai-rung Sultan Melaka itu. Pendeknya Sultan Melaka masih mengirakan Pahang itu di bawah kuasa Melaka.

Pada tahun 1488 Sultan Alauddin Riayat Shah Melaka telah mangkat di Pagoh (dalam Dacrah Muar), dimakamkan di Pagoh dan digelar *Marhum Berdarah Puteh*. Ada riwayat mengatakan: kononnya baginda itu mangkat kerana diracun oleh Raja Pahang dan Raja Inderagiri. Kalau benar cerita itu, mungkinkah Raja Pahang yang meracun Sultan Alauddin itu kerana kekanda baginda (saudara seayah) Sultan Ahmad Pahang yang tiada dapat menjadi Sultan Melaka dan Raja Inderagiri yang masuk campur dalam pekerjaan itu boleh jadi Raja Merlang yang telah beristerikan Puteri Bakal anak almarhum Sultan Mansur Shah Melaka, beripar juga kepada Sultan

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXV)—m.s. 180-182;

SMAB: (Cetera XXV)—m.s. 198-100;

SM18: (Cetera XIV)—m.s. 142-143.

Alauddin. Raja Merlang memang tinggal di Melaka dan mangkatnya pun di Melaka.<sup>1</sup>

Kisah mengenai Pahang pada permulaan Sultan Mahmud Shah (putera almarhum Sultan Alauddin) berkerajaan di Melaka, dalam hikayat *Sejarah Melayu* nampaknya telah bercampur-aduk, hal yang berlaku pada zaman Sultan Ahmad Shah (atau Sultan Muhammad atau Sultan Mahmud Shah) bapa saudara Sultan Mahmud Shah Melaka itu, dikatakan oleh *Sejarah Melayu* berlaku dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Jamil (anak saudara Sultan Ahmad Shah).<sup>2</sup>

Semasa Sultan Ahmad Shah memerintah di Pahang, ada seorang anak perempuan Bendahara Pahang bernama Tun Teja, sangat masyhur kecantikannya. Mengikut *Sejarah Melayu*, Sultan Mahmud Shah Melaka telah jatuh berahi setelah mendengar berita kecantikan Tun Teja itu. Dengan kepandaian seorang orang besar Melaka bernama Hang Nadim, dapatlah melarikan Tun Teja itu dari Pahang dibawa ke Melaka. Setelah sampai di Melaka, Tun Teja telah diperisterikan oleh Sultan Mahmud Shah.<sup>3</sup>

Sultan Pahang amat murka kepada Sultan Melaka kerana perbuatan menghina baginda itu sehingga Sultan Pahang menyuruh berengkap untuk menyerang Melaka. Oleh kerana begitu murka, gajah kenaikan baginda telah dilanggarkan ke balairung baginda sendiri habis roboh dan baginda bertitah begitulah kelak baginda melanggar balairung Raja Melaka<sup>4</sup> (seperti perbuatan baginda selepas Telanai Terengganu terbunuh dahulu juga).

Setelah mendengar perbuatan Sultan Pahang itu, Sultan Mahmud Melaka murka pula, dan baginda menitahkan Lak-

<sup>1</sup> PAHANG - m.s. 15; SMTSL: (Cetera XXVIII) - m.s. 218.

<sup>2</sup> PAHANG - m.s. 15.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 226-233. Dalam *Hikayat Hang Tuah* pula menceritakan: orang yang melarikan Tun Teja dari Pahang dibawa ke Melaka itu ialah Laksamana Hang Tuah. Mengenai sejarah, lebih munasabah merujuk kepada *Sejarah Melayu* daripada *Hikayat Hang Tuah*. Lagipun pada masa Sultan Mahmud Shah itu Hang Tuah sudah tua benar.

<sup>4</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 233-234.

samana Khoja Hasan (yang menggantikan Laksamana Hang Tuah) membawa surat pergi ke Pahang. Kedatangan Laksamana itu telah disambut dengan baik oleh Sultan Pahang. Ketika Laksamana Khoja Hasan bertanya kepada Sultan Pahang adakah benar tidak baginda murka kepada Sultan Melaka, Sultan Pahang telah bertidak sahaja mengatakan baginda tiada berbuat demikian.

Semasa Laksamana Khoja Hasan hendak pulang ke Melaka, sebagai hendak menunjukkan kepintaran orang Melaka dan mencabar orang Pahang, Laksamana Khoja Hasan melarikan gajah kenaikan Sultan Pahang dan dibawanya ke Melaka, Sultan Pahang sangat murka perbuatan orang Melaka itu.<sup>1</sup>

Oleh sebab Sultan Ahmad Shah telah menerima beberapa penghinaan dari Melaka, baginda pun merasa sangat malu kepada rakyat baginda dan merasa bosan hendak memerintah negeri, dan akhirnya baginda telah turun dari takhta kerajaan berangkat pergi bersyaikh diri yakni mengasingkan diri daripada orang ramai dan berzahid, tinggal di hulu iaitu di tempat yang bernama Lubuk Pelang, dan tatkala baginda masih hidup, mengikut *Bustanu'salatin*, baginda disebut Sultan Shaikh. (*Sejarah Melayu* menyebutnya *Marhum Shaikh*; tetapi gelaran ini ialah gelaran setelah baginda mangkat).<sup>2</sup>

Peristiwa ini telah berlaku lebih kurang dalam tahun 1494.<sup>3</sup> (*Sejarah Melayu* menceritakan hal itu telah berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jamil, tetapi yang sebenarnya telah berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Shah, Sultan Pahang yang kedua, dan bagindalah yang telah menurunkan diri dari takhta kerajaan, dan setelah mangkat digelar *Marhum Shaikh*, bukannya Sultan Abdul Jamil. Setelah baginda bershaikh diri (membuang dunia) itu, Sultan Abdul Jamil pula menaiki takhta kerajaan negeri Pahang seperti yang akan diceritakan).

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 235-236.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 237; BUSTAN (I) - m.s. 44.

<sup>3</sup> PAHANG - m.s.17.

**(3) Sultan Abdul Jamil Shah**

Setelah Sultan Ahmad Shah turun dari takhta kerajaan, Raja Abdul Jamil Putera Sultan Muhammad Shah yang telah mangkat pada tahun 1475 itu, menjadi Sultan Pahang bergelar Sultan Abdul Jamil Shah.<sup>1</sup> Sultan Mahmud Shah Melaka telah menghantarkan orang besar baginda yang bergelar Seri Dewa Raja pergi ke Pahang merajakan dan menobatkan Sultan Abdul Jamil sebagai Sultan Pahang.<sup>2</sup> Sultan Abdul Jamil telah beristerikan sepupu baginda kakak Sultan Mahmud Shah Melaka yang bernama Raja Fatimah, dan Sultan Mahmud Shah membahasakan Sultan Abdul Jamil itu kekanda.<sup>3</sup>

Dalam pada itu setelah Sultan Ahmad Shah (Sultan Shaikh atau Marhum Shaikh) turun dari takhta kerajaan baginda telah merajakan pula putera baginda yang bernama Raja Mansur mengambil tempat baginda sebagai Sultan Pahang.<sup>4</sup> Jadi, nampaknya pada masa itu Sultan Abdul Jamil memerintah bersama saudara sepupu baginda Sultan Mansur Shah I putera Sultan Ahmad Shah (Sultan Shaikh). Tetapi oleh sebab Sultan Abdul Jamil lebih tua daripada Sultan Mansur Shah, Sultan Abdul Jamillah yang lebih berkuasa dan memimpin saudaranya Sultan Mansur Shah dalam pemerintahan negeri.<sup>5</sup>

Lebih kurang dalam tahun 1500, Raja Ligor (Legor) telah diperintahkan oleh Raja Siam (Thai-Ayuthia) menghantarkan satu angkatan perang yang besar menyerang Pahang yang di bawah perintah Sultan-sultan keturunan dari Melaka. Apabila sampai di Pahang berita yang mengatakan Raja Ligor hendak datang menyerang negeri itu, Sultan Abdul Jamil pun menitahkan rakyat baginda berlengkap kota parit dan menghimpunkan rakyat baginda. Dan apabila berita itu terdengar pula ke Melaka, Sultan Mahmud Shah juga menghantarkan satu angkatan perang Melaka yang dipimpin oleh Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir) Bendahara Melaka yang dibantu oleh

<sup>1</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45; PAHANG - m.s. 17.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 223; SMAB: (Cetera XXIX) - m.s. 243.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XXIX) - m.s. 222; SMAB: (Cetera XXIX) - m.s. 242.

<sup>4</sup> BUSTAN (I) - m.s. 44.

<sup>5</sup> PAHANG - m.s. 17.

Laksamana Khoja Hasan dan sebilangan besar hulubalang Melaka pergi membantu Pahang. Apabila orang Melaka itu sampai di Pahang, Sultan Abdul Jamil dan Sultan Mansur Shah telah menyambutnya dengan sukacita, dan dengan permintaan Sultan Abdul Jamil, orang Melaka yang datang itu telah bekerjasama menyiapkan Kota Pahang yang masih belum siap itu.

Setelah angkatan Raja Ligor tiba di Pahang (melalui jalan darat) berperanglah mereka dengan orang Pahang yang dibantu oleh orang Melaka. Akhirnya angkatan Raja Ligor telah kalah dan Raja Ligor serta orangnya pun lari ke Hulu Pahang, ke Kelantan, ke Patani dan balik semula ke Ligor. Sultan Mansur Shah telah memberi anugerah kepada Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir), apabila orang Melaka hendak kembali ke Melaka, Sultan Abdul Jamil dan Sultan Mansur Shah telah memersembahkan surat daripada baginda kedua kepada Sultan Mahmud Shah Melaka di atas bantuan Melaka itu. Setelah Bendahara Seri Maharaja sampai di Melaka dan melaporkan hal peperangan di Pahang itu, Sultan Mahmud Shah merasa sukacita kerana Pahang berjaya mengalahkan Ligor.<sup>1</sup> Dari semenjak itu tiada lagi orang Siam datang menyerang Pahang.<sup>2</sup>

Pada tahun 1511 (bulan Ogos), Sultan Mahmud Shah telah dikalahkan oleh orang Portugis di bawah pimpinan Alfonso d'Albuquerque. Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Mahmud Shah serta anak isteri dan pengikut baginda melarikan diri ke Hulu Muar dan berkerajaan pula di Pagoh (dalam daerah Muar). Pada akhir tahun 1511 itu juga, Pagoh telah dikalahkan oleh orang Portugis. Sultan Mahmud Shah serta pengikut baginda melarikan diri ke hulu lagi sampai di tempat yang bernama Penarikan (di hulu Sungai Serting), dari Penarikan baginda menghirir Sungai Pahang dan sampai ke negeri Pahang.<sup>3</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXXI)—m.s. 241-243; SM18: (Cetera XXI)—m.s. 180-181.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 18.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV)—m.s. 276; SM18: (Cetera XXIII)—m.s. 193.

Kedatangan Sultan Mahmud Shah ke Pahang telah disambut oleh Sultan Abdul Jamil. Semasa berada di Pahang seorang daripada puteri Sultan Mahmud Shah telah dikahwinkan dengan Sultan Mansur Shah, Pahang.<sup>1</sup>

Pada masa Sultan Mahmud Shah di Pahang itulah (tahun 1511-1512), Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang yang ketiga itu mangkat, dan dimakamkan di Makam Ziarat Raja Radin (di Pekan Lama), dan mengikut *Bustanu's-Salatin* bagindalah yang disebut *Marhum Ziarat*. Batu nisan yang dipercayai batu nisan di makam baginda itu, telah dijumpai dekat makam isteri baginda Raja Fatimah. Tarikh pada batu nisan Raja Fatimah itu ialah 15 Syawal tahun hijrah 900 (bersamaan dengan 7 hari bulan Julai 1495) dan tarikh pada batu nisan yang dipercayai batu nisan di makam Sultan Abdul Jamil itu ialah tahun hijrah 917 (bersamaan dengan tahun masihi 1511-1512).<sup>2</sup>

Dalam buku *Commentaries* karangan anak Alfonso d' Albuquerque ada menyatakan: Sultan Mahmud Shah yang diselubungi dengan dukacita setelah baginda terhalau dari Melaka, telah mangkat di Pahang. Cerita orang Portugis itu nyatalah tidak benar, kerana yang sebenarnya Sultan Mahmud Shah itu telah mangkat di Kampar (Sumatera) lebih kurang pada tahun 1528. Dipercayai bahawa kisah yang diceritakan dalam buku Portugis itu ialah kesilapan pengarang Portugis itu yang memikirkan Sultan Abdul Jamil (Marhum Ziarat) yang mangkat dalam tahun 1511-1512 itu ialah Sultan Mahmud Shah Melaka.<sup>3</sup>

Tiada berapa lama di Pahang, Sultan Mahmud Shah serta pengiring baginda pun berangkat pergi ke Pulau Bentan.<sup>4</sup>

#### (4) Sultan Mansur Shah I

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Jamil (Marhum Ziarat), tinggallah Sultan Mansur Shah seorang sahaja menjadi Sultan

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV) - m.s. 276; SM18: (Cetera XXIII) - m.s. 193.

<sup>2</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45; PAHANG - m.s. 18, 229.

<sup>3</sup> PAHANG - m.s. 18.

<sup>4</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV) - m.s. 276; SM18: (Cetera XXIII) - m.s. 193.

memerintah di Pahang<sup>1</sup> (Sultan Pahang yang ke-4). Mengikuti *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang: Sultan Mansur Shah, Raja Pahang itu, beroleh dua orang anak perempuan, seorang dinamakan Raja Puspa Dewi dan seorang lagi Raja Kesuma Dewi. Seorang perempuan saudara dua pupu kepada Sultan Mansur Shah telah dikahwinkan dengan Raja Muhammad berasal dari Terengganu yang telah datang ke Pahang, beranakkan Raja Ahmad. Setelah besar, Raja Ahmad dikahwinkan pula dengan Raja Puspa Dewi, beranakkan Raja Umar.<sup>2</sup>

Mengikuti *Sejarah Melayu* (Naskhah No. 18) pula mengatakan: pada masa Sultan Mahmud Shah bekas Sultan Melaka masih berada di Pulau Bentan, Sultan Mansur Raja Pahang telah mangkat dibunuh oleh ayahanda baginda (Sultan Ahmad Shah atau Sultan Shaikh yang masih hidup lagi), sebab Sultan Mansur Shah itu berzina dengan salah seorang isteri ayahnya (emak tirinya); puteri Sultan Mahmud Shah, balu Sultan Mansur Shah itu, dipanggil oleh ayahnya balik ke Bentan, dan dikahwinkan dengan Raja Nara Singa, anak almarhum Raja Merlang, raja Inderagiri (ibu Raja Nara Singa itu Puteri Bakal anak almarhum Sultan Mansur Shah, Melaka), dan Raja Nara Singa itu digelar oleh Sultan Mahmud Shah, Sultan Abdul Jalil.<sup>3</sup>

*Bustanu's-Salatin* pula mengatakan: adapun Sultan Mansur Shah Raja Pahang itu, telah mangkat dibunuh oleh hulubalangnyanya.<sup>4</sup> Dipercayai ialah dengan titah ayahanda Sultan Ahmad Shah seperti yang diceritakan oleh *Sejarah Melayu* (Naskhah No. 18) itu.

Sultan Mansur Shah I, Sultan Pahang yang ke-4, yang mangkat terbunuh itu, terjadi di antara tahun 1518-1519, iaitu sebelum Sultan Mahmud Shah dari Pulau Bentan kembali berkerajaan di Pagoh pada tahun 1519. (Lihat: *Sejarah Johor*).

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 18.

<sup>2</sup> SMTSL: (Cetera XXXV) —m.s. 292-294.

<sup>3</sup> SM18: (Cetera XXV)—m.s. 197.

<sup>4</sup> BUSTAN (1) — m.s. 45.



Sultan Ahmad Shah (Sultan Shaikh) bekas Sultan Pahang ayahanda Sultan Mansur Shah I yang telah begitu lama mengasingkan diri di Lubuk Pelang, mungkin telah mangkat tiada lama setelah berlaku peristiwa yang disebutkan di atas itu, dan dipercayai juga baginda telah dimakamkan di Lubuk Pelang (di tepi Sungai Pahang, dekat Kampung Burau sekarang) dan bagindalah yang disebut *Marhum Shaikh*.<sup>1</sup>

#### (5) Sultan Mahmud Shah

Setelah Sultan Mansur Shah I mangkat, Raja Mahmud putera almarhum Sultan Mahmud Shah, Sultan Pahang I, diangkat menjadi Sultan Pahang, Sultan Pahang yang ke-5, bergelar Sultan Mahmud Shah iaitu lebih kurang pada tahun 1519.<sup>2</sup> Kekanda baginda Raja Ahmad telah mangkat lebih dahulu daripada mangkatnya Sultan Abdul Jamil (Marhum Ziarat).<sup>3</sup>

Sultan Mahmud Shah Raja Pahang ini telah beristerikan sepupu baginda Raja Olah (atau Raja Wati) puteri Sultan Ahmad Shah (Marhum Shaikh), berputerakan Raja Muzaffar dan Raja Zainal (Abidin).<sup>4</sup>

Setelah Sultan Mahmud berkerajaan di Pahang, baginda pun pergi ke Bentan menghadap Sultan Mahmud Shah (bekas Sultan Melaka), Sultan Johor yang bersemayam di Bentan. Sultan Mahmud Shah Johor, telah mengahwinkan Sultan Mahmud Shah Pahang dengan puteri baginda yang bernama Raja Khadijah (Raja Khatijah atau Hatijah, menurut *Sejarah Melayu*), dan Sultan Mahmud Pahang itulah yang dikatakan oleh mertuanya Sultan Mahmud Johor: "Anak Raja Pahang yang asal". Sultan Mahmud Shah mengambil Sultan Pahang sebagai menantu baginda itu nyatalah kerana hendak menguatkan kedudukan baginda melawan orang Portugis di Melaka. Tiada lama di Bentan, Sultan Mahmud berangkat pulang ke Pahang.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> PAHANG - m.s. 176, 233.

<sup>2</sup> PAHANG - m.s. 19.

<sup>3</sup> PAHANG - m.s. 173.

<sup>4</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45.

<sup>5</sup> SM18: (Cetera XXVIII) - m.s. 201, 215; PAHANG - m.s. 19.

Di permulaan Sultan Mahmud Shah memerintah Pahang, pada akhir tahun 1519, satu angkatan orang Portugis yang diketuai oleh seorang pegawai Portugis bernama Duarte Coelho semasa dalam pelayarannya dari negeri Siam dan Kemboja telah singgah di Pahang, dan didapatinya Sultan Pahang telah menerima kedatangannya dengan baik, dan orang Portugis telah mengambil kesempatan membuat perjanjian dengan Sultan Pahang. Kata orang Portugis: dalam perjanjian itu, Sultan Pahang telah berjanji akan memberi ufti tiap-tiap tahun kepada orang Portugis (di Melaka) sebuah tempat bunga yang dibuat daripada emas seberat empat kati. Orang Portugis yang datang ke Pahang telah dihantarkan oleh Sultan Pahang pulang ke Melaka dan mereka telah sampai di Melaka dengan selamat dalam bulan Februari 1520.<sup>1</sup>

Mengikut sumber orang Portugis juga: pada tahun 1522 satu angkatan kapal orang Portugis di bawah ketuanya Antonio de Pina dan penolongnya Bernaldo Drago telah sampai di pelabuhan Pahang. Pada suatu hari, waktu subuh, tujuh buah perahu yang membawa lebih kurang seramai 280 orang Pahang telah datang menyerang dan bertempur dengan orang Portugis yang datang itu. Setelah ramai orang dari kedua belah pihak mati terbunuh dalam pertempuran itu, orang Portugis serta ketua mereka telah ditawan oleh orang Pahang dan diserahkan kepada Sultan Pahang. Sultan Pahang berasa sukacita dan orang Portugis yang ditawan itu dihantarkan ke Bentan dan diserahkan kepada Sultan Mahmud Shah. Kata orang Portugis: orang Portugis itu telah dipaksa oleh Sultan Mahmud Shah masuk Islam dan sesiapa yang engkar telah dihukum bunuh dengan cara diikatkan ke mulut meriam dan meriam itu ditembakkan hingga tubuh orang Portugis itu hancur berkecai.<sup>2</sup>

Dalam tahun 1523, Sultan Pahang telah membantu Sultan Mahmud Shah di Pulau Bentan menyerang dan mengalahkan

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 19; PORT—m.s. 36.

<sup>2</sup> PAHANG —m.s. 20; 252.

Dari riwayat Valentyn dan Castanheda.

orang Portugis dalam suatu pertempuran di Sungai Muar (Johor), dan dari situ pula pergi menyerang Melaka. Laksamana Hang Nadim yang mengetuai angkatan perang Sultan Mahmud itu telah menyerang kapal yang ada di pelabuhan Melaka dan telah membakar sebuah kapal serta menawan dua buah daripada kapal yang ada di situ. Dalam masa bertempur dengan orang Portugis di pelabuhan Melaka, satu angkatan kapal Portugis lain yang diketuai oleh Alfonso de Souza telah datang membantu pihak Portugis yang sedang bertempur dengan angkatan Sultan Mahmud Shah itu dan telah menyelamatkan bandar Melaka daripada serangan orang Melayu itu. Angkatan kapal Portugis itu telah menghalau angkatan Laksamana Hang Nadim hingga ke Muar. Dari Muar, Alfonso de Souza membawa angkatannya belayar pergi ke Pahang dan menyerang serta membinasakan semua perahu dan kapal yang ada di Sungai Pahang (sebelah utara) dan orang Portugis telah membunuh ramai orang Pahang,\* kerana membalas perbuatan Sultan Pahang yang telah membantu Sultan Johor (Sultan Mahmud Shah) menyerang orang Portugis di Melaka. Dan ramai pula orang Pahang yang telah ditawan dan dijadikan abdi oleh orang Portugis. Demikianlah seperti yang diwujudkan oleh orang Portugis.<sup>1</sup>

Semasa panglima perang Portugis yang bernama Pedro Mascarenhas menyerang dan mengalahkan Sultan Mahmud Shah di Bentan pada tahun 1525-1526, Sultan Pahang telah menghantarkan satu angkatan perang seramai dua ribu orang untuk membantu Sultan Mahmud Shah di Bentan. Tetapi angkatan Pahang itu telah berpatah balik ke Pahang setelah diserang dan dikalahkan oleh angkatan Portugis yang dihantar oleh Mascarenhas di bawah pimpinan Francisco Vasconcellos.<sup>2</sup>

Segala peristiwa yang disebutkan itu nyatalah pada masa negeri Pahang di bawah perintah Sultan Mahmud Shah.

---

\*Scorang pengarang Portugis bernama Castanheda mengatakan orang Pahang yang telah mati dibunuh oleh orang Portugis itu adalah seramai 600 orang.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 20.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 20.

Setelah Bentan dikalahkan oleh Portugis (tahun 1526), Sultan Mahmud Shah, Sultan Johor, telah berundur ke Kampar (Sumatera) dan bersemayam di situ. Dua tahun lepas itu, pada tahun 1528 Sultan Mahmud Shah telah mangkat di Kampar dan digelar *Marhum Kampar*, digantikan oleh putera baginda dengan Tun Fatimah menjadi Sultan, memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Lebih kurang pada tahun 1529, Sultan Alauddin Riayat Shah II dalam suatu angkatan bersama dengan Bendahara Paduka Tuan (Tun Isap Berakah), Laksamana Hang Nadim dan beberapa orang besar baginda, telah berangkat meninggalkan Kampar menuju ke Pahang. Apabila sampai di Pahang, baginda telah disambut oleh Sultan Mahmud Shah, Sultan Pahang, dengan penuh kemuliaan. Sultan Alauddin Riayat Shah telah dikahwinkan dengan seorang keluarga (saudara) kepada Sultan Mahmud Shah, Pahang.<sup>2</sup>

Mengikut *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang: semasa Sultan Alauddin Riayat Shah berada di Pahang, baginda telah berkahwin juga dengan Raja Kesuma Dewi, puteri Sultan Mansur Shah I, Sultan Pahang.<sup>3</sup> Dalam pada itu, mengikut sejarahnya seperti yang telah diceritakan di atas, Sultan Mansur Shah I telah mangkat hampir sepuluh tahun dahulu (lebih kurang pada tahun 1519) daripada kedatangan Sultan Alauddin Riayat Shah ke Pahang (tahun 1529), dan yang sebenarnya berkerajaan di Pahang pada masa Sultan Alauddin tiba itu ialah Sultan Mahmud Shah seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* (Naskah No. 18). (Lihat *Sejarah Johor*).

Semasa Sultan Alauddin Riayat Shah II berada di Pahang juga, Sultan Pahang hendak menghantarkan bunga emas dan bunga perak ke Siam (Thai-Ayuthia) serta sepucuk surat kepada Raja Siam menerusi orang besar Siam yang bergelar Phra Khlung. Dalam surat Sultan Pahang yang akan dihantar-

<sup>1</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV)—m.s. 286-294; SM18: (Cetera XXVIII)—m.s. 215.

<sup>2</sup> SM 18: (Cetera XXIC)—m.s. 216-217.

<sup>3</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV)—m.s. 297.

kan kepada Raja Siam itu, Sultan Pahang menggunakan perkataan sembah, dan perbuatan itu telah ditegur oleh Bendahara Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) yang menasihatkan janganlah Sultan Pahang menggunakan perkataan sembah itu, melainkan lebih baik diubah dengan perkataan kasih sahaja. Oleh sebab itu, perkataan sembah dalam surat Sultan Pahang kepada Raja Siam itu pun diubah dengan perkataan kasih. Kononnya, surat Sultan Pahang itu tidak diterima oleh Phra Khlang untuk disampaikan kepada Raja Siam.<sup>1</sup> Demikianlah ceritanya. Dalam pada itu, cerita itu nyatalah kerana hendak menggambarkan bahawa raja-raja dan bendahara keturunan dari Melaka yang berkerajaan di Johor itu tidak mahu mengaku tunduk kepada Siam (Ayuthia), dan mereka berkehendakkan Pahang pun demikian juga. Dan daripada cerita itu, jelaslah bahawa hingga awal kurun masihi yang ke-16 Pahang masih gentar kepada Siam.

Tiada lama lepas itu, Sultan Alauddin Riayat Shah II serta isteri dan orang-orang besar baginda berangkat meninggalkan Pahang dan mendirikan pusat pemerintahan baginda di Johor. (Lihat *Sejarah Johor*).

Lebih kurang pada tahun 1530,<sup>2</sup> Sultan Mahmud Shah, Sultan Pahang mangkat dan digelar *Marhum di Hilir*.<sup>3</sup>

#### (6) Sultan Muzaffar Shah

Setelah Sultan Mahmud Shah (Marhum di Hilir) mangkat, digantikan pula oleh putera baginda yang bernama Raja Muzaffar sebagai Sultan Pahang (Sultan Pahang yang ke-6) bergelar Sultan Muzaffar Shah<sup>4</sup> (tahun 1530).<sup>5</sup>

Tiada lama selepas itu berlaku satu peristiwa di Johor. Seorang ketua Orang Laut di Singapura (Batin) bernama Putih Ludang telah berselisih faham dengan Sang Setia, seorang daripada hulubalang besar kerajaan Johor, dan oleh sebab Sang

<sup>1</sup> SM18: (Cetera XXIX) – m.s. 217.

<sup>2</sup> PAHANG – m.s. 21.

<sup>3</sup> BUSTAN (I) – m.s. 45.

<sup>4</sup> BUSTAN (I) – m.s. 45.

<sup>5</sup> PAHANG – m.s. 21.

Setia hendak membunuh Patih Ludang, Patih Ludang dengan beberapa orang sukunya dari Singapura lari ke Pahang melindungi diri kepada Sultan Muzaffar Shah.

Setelah itu, Sultan Muzaffar Shah dengan perahu kenaikan baginda berangkat hendak pergi ke Johor mengadap Sultan Alauddin Riayat Shah II di Sayung (Sayung Pinang) supaya Sultan Pahang itu ditabalkan oleh Sultan Johor. Patih Ludang dibawa sama oleh Sultan Muzaffar Shah, kerana pada fikiran Sultan Muzaffar Shah jika Patih Ludang datang bersama baginda tentulah Sang Setia tiada akan membunuhnya.

Setelah sampai di Johor (Sayung), Sultan Pahang pun ditabalkan oleh Sultan Alauddin dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah juga. Lepas itu, Patih Ludang yang bersama dalam kenaikan Sultan Pahang itu telah dipanggil oleh Sang Setia. Apabila Patih Ludang sampai di hadapan Sang Setia lalu dibunuh oleh Sang Setia. Sultan Muzaffar Shah sangat murka kepada Sang Setia dan masa itu juga baginda hendak berangkat balik ke Pahang. Mendengar itu Sultan Alauddin pun menitahkan Laksamana pergi mengikat Sang Setia dan dibawa kepada Sultan Muzaffar.

Apabila Laksamana datang hendak mengikat Sang Setia, Sang Setia tiada membenarkan Laksamana masuk ke rumahnya sambil mengatakan: jika Laksamana datang hendak membunuhnya dengan titah Sultan Johor, Sang Setia tiada akan melawan, tetapi jika Laksamana datang hendak mengikatnya, tiada dibenarkannya Laksamana masuk ke rumahnya, kerana katanya: "Tiada pernah hulubalang mengikat sesama hulubalang. Laksamana hulubalang besar, hamba pun hulubalang besar". Mendengar kata Sang Setia itu, Laksamana pun kembali dan memberitahukan hal itu kepada Sultan Alauddin.

Sultan Alauddin menitahkan Bendahara pula pergi mengikat Sang Setia dan menyerahkannya kepada Sultan Muzaffar. Apabila Bendahara sampai di rumah Sang Setia terus diikatnya Sang Setia dan Sang Setia pun menyerah sahaja. Bendahara membawa Sang Setia di hadapan Sultan Muzaffar. Di hadapan Sultan Muzaffar, Bendahara berkata pula: "Lepaskan Sang Setia". Sang Setia pun dilepaskan, dan menurut perintah Bendahara, Sang Setia segera menyembah Sultan Muzaf-

far, dan walaupun Sultan Muzaffar sangat murka kepada Sang Setia, tetapi baginda tiada berani berbuat sesuatu kepada Sang Setia melainkan baginda bersetuju sahaja melepaskan Sang Setia mengikut kehendak Bendahara Johor ini. Akhirnya Bendahara menasihatkan Sang Setia yang bermaksud; lain kali jangan Sang Setia berbuat lagi kerana Sultan Pahang dan Sultan Perak, jikalau tiada jahatnya, sama juga seperti Yang Dipertuan Johor, tuan juga kepada mereka. Sultan Muzaffar Shah tiada berkata apa.

Sebelum Sultan Muzaffar Shah berangkat kembali ke Pahang, melalui Bendahara Johor, baginda telah memohonkan kepada Sultan Johor supaya semua Orang Laut yang di bawah Patih Ludang diserahkan ke bawah perintah baginda. Permintaan Sultan Pahang itu disetujui oleh Sultan Johor. Sultan Muzaffar Shah pun berangkat kembali ke Pahang.<sup>1</sup>

Pada tahun 1540, seorang Portugis yang bernama Fernand Mendez Pinto, semasa dalam pelayarannya dari Melaka ke Patani, telah singgah di Pahang. Mengikut cerita Pinto yang ada kaitannya dengan Pahang, antara lain ia menceritakan:

Pinto ada membawa wang dan barang dagangan, pesanan daripada seorang orang besar Portugis di Melaka yang akan disampaikan kepada wakil orang Portugis itu yang ada berniaga di Pahang. Dalam pelayaran Pinto berhampiran Pulau Tioman sebelum sampai ke Pahang, Pinto dan orang-orang dalam kapalnya telah menyelamatkan beberapa orang Portugis serta hamba mereka seramai dua puluh tiga orang yang sedang terapung-apung di laut kerana kapal mereka karam. Orang-orang itu telah dibawa oleh Pinto ke Pahang. Setibanya di Pahang, lapan daripada orang yang dipungut oleh Pinto itu telah meninggal dunia, tetapi tiada dapat dikebumikan di Pahang, kerana tiada dibenarkan oleh kerajaan Pahang dengan alasan jika dikebumikan di Pahang, bumi Pahang akan terkutuk dan tanaman tiada akan tumbuh, kerana orang Portugis yang mati itu tidak suci sebab telah banyak sangat makan babi. Orang Portugis yang mati itu telah diikat dengan batu dan dijatuhkan ke dalam laut.

<sup>1</sup> SM18: (Cetera XXXI)—m.s. 223-227.

Semasa Pinto di Pahang, pada satu malam satu peristiwa dahsyat telah berlaku di Pahang iaitu seorang hartawan dan juga duta Raja Brunei bernama Khoja Zainal yang tinggal bersama dalam istana Raja (Sultan) Pahang lebih kurang selama tiga atau empat tahun, telah membunuh Raja (Sultan) Pahang, kerana Raja Pahang itu bermukah dengan isteri Khoja Zainal. Dalam huru-hara malam itu beberapa orang jahat dalam tiga buah kumpulan telah datang menyerang ke rumah tempat perniagaan orang Portugis yang ada di bandar Pahang itu dan mereka merampas segala harta benda dan barang perniagaan orang Portugis yang ada dalam rumah itu, dan dalam kelam-kabut berbunuh-bunuhan itulah, Pinto serta beberapa orang kawannya telah melepaskan diri meninggalkan Pahang dan meneruskan pelayarannya ke Patani.<sup>1</sup> Demikianlah cerita Pinto.

Sultan Pahang yang mangkat dibunuh oleh Khoja Zainal itu nyatalah Sultan Iskandar Shah.<sup>2</sup> Bagindalah yang disebut *Marhum di Tengah*.<sup>3</sup>

#### (7) Sultan Zainal Abidin

Setelah kemangkatan Sultan Muzaffar Shah (Marhum di Tengah), adinda almarhum yang bernama Raja Zainal (putera Marhum di Hilir) telah diangkat menjadi Sultan Pahang (Sultan Pahang yang ke-7) bergelar Sultan Zainal Abidin.<sup>4</sup>

Sultan Zainal Abidin telah berkahwin dengan Raja Dewi anak Sultan Mahmud Shah (Marhum Kampar) dengan isterinya bersama Puteri Onang Kening, Kelantan, dan bersama dengan isteri baginda Raja Dewi, Sultan Zainal Abidin berputerakan Raja Mansur Raja Jamal, Puteri Khalijah dan Puteri Bongsu.<sup>5</sup> Dengan isteri baginda anak Tun Kamal anak Bendahara Seri Buana (Pahang), Sultan Zainal Abidin berputerakan Raja Abdul Kadir.<sup>6</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 22-26.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 26.

<sup>3</sup> BUSTAN (I)—m.s. 45; EARLY—m.s. 37.

<sup>4</sup> BUSTAN (I)—m.s. 45.

<sup>5</sup> BUSTAN (I)—m.s. 43; 45.

<sup>6</sup> BUSTAN (I) — m.s. 45.



Dalam tahun 1547, angkatan perang laut dari Pahang dan Perak serta angkatan perang Sultan Alauddin Riayat Shah II dari Johor yang telah bersatu sebanyak tiga ratus buah perahu dan membawa lapan ribu orang perajurit perang telah berkumpul di Kuala Muar. Mungkinkah tujuan Sultan Johor yang dibantu oleh Pahang dan Perak itu hendak menyerang orang Portugis di Melaka, tiadalah diperolehi keterangan yang sah. Dalam pada itu, Sultan Alauddin telah memberitahu orang Portugis di Melaka bahawa angkatan itu hendak menolong orang Portugis melawan Aceh. Orang Portugis di Melaka berpendapat bahawa pengakuan Sultan Johor itu hanyalah pura-pura sahaja, mereka mengesyaki Sultan Johor dengan pembantunya itu hendak menyerang Melaka. Dalam pada itu, apabila Sultan Alauddin dapat tahu ada angkatan Portugis yang lebih besar akan tiba ke Melaka, angkatan perang Johor, Pahang dan Perak telah bertolak meninggalkan Kuala Muar.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1551 pula Sultan Pahang telah menghantar-kan angkatan perang lautnya pergi membantu Sultan Alauddin Riayat Shah II Sultan Johor menyerang orang Portugis di Melaka. Tetapi serangan itu akhirnya tidak juga berjaya, kerana apabila mendengar khabar mengatakan angkatan laut Portugis hendak datang menyerang Pahang, angkatan perang Pahang yang<sup>1</sup> ada di Melaka telah segera balik ke Pahang bagi mempertahankan Pahang pula.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Sultan Zainal Abidin, Sultan Pahang itu, telah mangkat lebih kurang pada tahun 1555,<sup>3</sup> dan digelar *Marhum di Bukit*.<sup>4</sup> Barangkali almarhum itu telah dimakamkan di Makam Ni-bong, di Pekan Lama (Pahang). Pada zaman dahulu makam ini disebut *Makam Tembuni*.<sup>5</sup>

#### (8) Sultan Mansur Shah II

Setelah Sultan Zainal Abidin (Marhum di Bukit) mangkat, puteranya Raja Mansur diangkat menjadi Sultan Pahang (Sul-

<sup>1</sup> MALAYA—m.s. 78-79.

<sup>2</sup> JOHOR—m.s. 21.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 26.

<sup>4</sup> BUSTAN (I)—m.s. 45.

<sup>5</sup> PAHANG—m.s. 26; 235.

tan Pahang yang ke-8) bergelar Sultan Mansur Shah II.<sup>1</sup> Sultan Mansur Shah telah beristerikan Raja Fatimah anak Sultan Alauddin Riayat Shah II Sultan Johor, dan isteri baginda Raja Fatimah itu beranakkan Raja Puteh (nama timangannya Puteri Kecil Besar) dan Raja Subuh (lelaki); dan seorang lagi isteri Sultan Mansur Shah II itu ialah Puteri Bakal anak Raja Terengganu, berputerakan Raja Jalal, Raja Jalil, Puteri Tengah dan Puteri Dewi.<sup>2</sup>

Raja Abdul Kadir, saudara seayah kepada Sultan Mansur Shah II, telah diangkat oleh baginda sebagai anak angkat dan baginda sangat mengasihinya. Mengikut *Bustanu's-Salatin*: Sultan Mansur Shah II telah mangkat semasa berperang dengan Jawa Kafir, dan bagindalah yang digelar *Marhum Syahid*.<sup>3</sup> Tarikh baginda mangkat itu lebih kurang pada tahun 1560.<sup>4</sup>

Setelah Sultan Mansur Shah II mangkat, balu baginda Raja Fatimah anak Sultan Alauddin Riayat Shah II kembali mendapatkan ayahnya di Johor, dan tiada lama kemudian Raja Fatimah itu telah bersuamikan Raja Umar Pahang anak Raja Puspa Dewi dengan Raja Ahmad.<sup>5</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

#### (9) Sultan Abdul Jamal Shah

Setelah kemangkatan Sultan Mansur Shah II (Marhum Syahid), adindanya Raja Jamal dijadikan Sultan Pahang (Sultan Pahang yang ke-9) bergelar Sultan Abdul Jamal Shah. Baginda beroleh dua orang putera daripada gundik baginda dan seorang daripada anak baginda itu bernama Raja Siti.<sup>6</sup>

Semasa Sultan Abdul Jamal Shah memerintah di Pahang, Raja Biajid dan Raja Kasab (disebut juga Raja Asip atau Raja Isap) putera Sultan Khoja Ahmad,\* Raja Siak, telah datang

<sup>1</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45.

<sup>2</sup> BUSTAN (I) - m.s. 45.

<sup>3</sup> BUSTAN (I) - m.s. 46.

<sup>4</sup> PAHANG - m.s. 27.

<sup>5</sup> SMTSL: (Cetera XXXIV) - m.s. 310.

<sup>6</sup> BUSTAN (I) - m.s. 46.

\* Sultan Khoja Ahmad Raja Siak itu ialah suami Puteri Mah anak Sultan Khoja Mahmud Shah (Marhum Kampar) dan di antara putera Sultan

ke Pahang, Sultan Abdul Jamal telah mengahwinkan Raja Kasab dengan Raja Puteh (Puteri Kecil Besar) anak almarhum Sultan Mansur Shah II (Marhum Syahid).<sup>1</sup>

Bersama dengan isterinya Puteri Puteh atau Raja Puteh, Raja Kasab telah mendapat seorang putera yang dinamakan Raja Mahmud (disebut juga Raja Ahmad) dan lima orang anak perempuan, yang bongsunya bernama Puteri Bongsu Chendera Dewi.<sup>2</sup> (Raja Mahmud atau Raja Ahmad itulah ayah Raja Sulong dan Raja Sulong itu kemudiannya menjadi Sultan Perak—Sultan Perak yang ke-10—bergelar Sultan Mu-zaffar Shah II dan Puteri Bongsu Chendera Dewi itulah ibu Raja Mughal dan Raja Mughal kemudiannya menjadi Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani).<sup>3</sup>

Mengikut *Bustanu's-Salatin*: Sultan Abdul Jamal Shah telah mangkat terbunuh.<sup>4</sup>

#### (10) Sultan Abdul Kadir

Almarhum Sultan Abdul Jamal Shah telah digantikan oleh adindanya (saudara seayah) Raja Abdul Kadir, putera Marhum di Bukit, menjadi Sultan Pahang yang ke-10, bergelar Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah.<sup>5</sup>

Semasa Sultan Abdul Kadir memerintah Pahang, baginda bersahabat dengan orang Portugis di Melaka. Mengikut riwayat yang ditulis oleh Godinho de Eredia, mengatakan: Pahang ada menghasilkan emas, di kawasan pergunungan negeri itu banyak didapati emas. Pada tahun 1586, Sultan Pahang telah menghadiahkan sekeping batu telirang (mengandungi emas) yang panjangnya 2½ ela (2.3 meter) kepada Gabenor Portugis di Melaka yang bernama Joao de Silva dan peristiwa itu diketahui benar oleh orang di Melaka masa itu. Hingga kepada masa de Eredia menulis riwayatnya itu (tahun 1613), emas

---

Khoja Ahmad itu ialah Raja Kasab (disebut juga Raja Asip atau Raja Isap): BUSTAN (I)—m.s. 47.

<sup>1</sup> BUSTAN (I) — m.s. 46.

<sup>2</sup> BUSTAN (I) — m.s. 46.

<sup>3</sup> BUSTAN (I) — m.s. 47; PAHANG — m.s.27.

<sup>4</sup> BUSTAN (I) — m.s. 46.

<sup>5</sup> BUSTAN (I) — m.s. 46.

dari Pahang telah dibawa dan diperniagakan di bandar Melaka.<sup>1</sup>

Mengikut *Bustanu's-Salatin*: Sultan Abdul Kadir berputera-kan tiga orang bernama Raja Abdul Ghafur, Yamir dan Ahmad.<sup>2</sup>

Sultan Abdul Kadir telah mangkat lebih kurang pada tahun 1590.<sup>3</sup>

#### (11) Sultan Ahmad

Setelah mangkatnya Sultan Abdul Kadir, mengikut *Bustanu's-Salatin*: putera baginda yang bernama Raja Ahmad telah dijadikan Sultan Pahang. Tetapi baginda hanya memerintah selama lebih kurang setahun sahaja, dan baginda turun dari takhta kerajaan, kerana baginda masih kecil lagi tiada dapat memegang kerajaan, digantikan oleh kekanda baginda Raja Abdul Ghafur sebagai Sultan Pahang.<sup>4</sup>

#### (12) Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah

Setelah Sultan Abdul Ghafur menjadi Sultan Pahang, Sultan Pahang yang ke-12, baginda memakai gelaran Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah.<sup>5</sup>

Pada tahun 1584, sebelum dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang, baginda telah beristerikan seorang adinda kepada Raja Patani (raja perempuan) dan baginda beristerikan juga seorang anak raja Brunei.<sup>6</sup>

Lebih kurang pada tahun 1600, seorang putera sulung kepada Sultan Abdul Ghafur yang bernama Raja Abdullah, yang juga Raja Muda Pahang, telah beristerikan seorang puteri dari keluarga diraja Sultan Perak. Raja Muda Abdullah telah berangkat ke Hulu Pahang sampai ke Kuala Tembeling menyambut kedatangan puteri Perak itu dan di situlah istia-

<sup>1</sup> EREDIA - m.s. 234.

<sup>2</sup> BUSTAN - m.s. 46.

<sup>3</sup> PAHANG - m.s. 28.

<sup>4</sup> BUSTAN (I) - m.s. 46.

<sup>5</sup> BUSTAN (I) - m.s. 46.

<sup>6</sup> PAHANG - m.s. 28.

dat perkahwinan telah dijalankan. Setelah Raja Muda Abdulah melangsungkan perkahwinan, Sultan Abdul Ghafur telah mengurniakan daerah Hulu Pahang iaitu dari Kuala Tembeling sampai ke Hulu Sungai Sat di sempadan Kelantan diletakkan di bawah perintah Raja Muda Abdullah. Terdapat sebuah bukit di Kuala Tembeling bernama Bukit Raja Muda yang dipercayai nama itu mengambil sempena daripada nama Raja Muda Abdullah.<sup>1</sup>

Setelah Raja Ahmad (bekas Sultan Pahang yang ke-11) dewasa, ia sangat baik dan rapat dengan kekandanya Sultan Abdul Ghafur. Puteri Bongsu Chendera Dewi, anak Raja Kasab Siak dengan Puteri Puteh itu telah diambil sebagai anak angkat oleh Sultan Abdul Ghafur. Apabila keduanya telah dewasa, Sultan Abdul Ghafur pun mengahwinkan adinda baginda Raja Ahmad dengan Puteri Bongsu Chendera Dewi. Raja Ahmad dengan isterinya Puteri Bongsu Chendera Dewi itu beranakkan seorang putera dinamakan Raja Mughal. (Raja Mughal inilah kemudiannya, pada tahun 1641, menjadi Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani).<sup>2</sup> Seorang lagi isteri kepada Raja Ahmad itu ialah anak Raja Brunei juga (dipercayai anak Sultan Hasan, Brunei), melahirkan seorang anak perempuan. Anak perempuan ini kemudiannya bersuamikan Raja Abdullah Johor (Sultan Abdullah Ma'ayat Shah) berpuiterakan Raja Bajau.<sup>3</sup>

Pada tahun 1607, pemerintah Portugis di Melaka telah menghantarkan beberapa orang pegawai wakilnya datang ke Pahang, dan pegawai Portugis itu telah berjaya meminta kerajaan Pahang melepaskan lapan puluh orang Portugis yang ada dalam tahanan kerajaan Pahang, iaitu orang Portugis yang telah karam di laut pantai Pahang dan telah ditawan oleh kerajaan Pahang.<sup>4</sup>

Dalam tahun 1607 itu juga, orang Belanda yang telah ber-

<sup>1</sup> MUDA—m.s. 171-172; PAHANG—m.s. 28.

<sup>2</sup> BUSTAN (I)—m.s. 46-47.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 34.

<sup>4</sup> PAHANG—m.s. 29.

niaga di Nusantara, telah menghantarkan seorang saudagar Belanda bernama Abraham van den Broek datang berniaga ke bandar ibu negeri Pahang.<sup>1</sup>

Pada 7 hari bulan November 1607 itu juga, sebuah kapal perang Belanda yang diketuai oleh Laksamana Cornelis Matelief telah sampai dan berlabuh di Kuala Pahang. Beberapa hari kemudian, seorang daripada orang besar Pahang yang bergelar Seri Maharaja Lela yang diiringi oleh pengawalnya yang bersenjatakan senapang pemuras serta beberapa orang pengiring lainnya telah datang ke kapal perang Belanda dan membawa Laksamana Matelief naik ke darat. Mengikut cerita orang Belanda yang datang mengatakan:

Menjelang tengah hari mereka telah sampai ke bandar ibu negeri Pahang itu yang jauhnya dari pantai laut lebih kurang tiga batu setengah. Bandar itu diduduki oleh orang-orang besar (Pahang) sahaja, orang kebanyakan tinggal di pinggiran bandar itu. Bandar itu sederhana sahaja besarnya, di kelilingnya dipagari dengan kayu ranjau yang dicacakkan begitu rapat lebih kurang setinggi enam kaki. Pada tiap penjuru bandar itu ada berbenteng: jalan dalam bandar itu lebar. Di sekeliling bandar itu penuh dengan rumput panjang, kawasan yang berhampiran di situ dipenuhi oleh pokok kelapa dan pokok lain juga, dan tempat itu kelihatan sebagai sebuah kampung bukanlah seperti sebuah bandar. Rumah di situ semuanya rumah atap, kecuali istana Rajanya sahaja yang dibuat daripada kayu.<sup>2</sup>

Laksamana Matelief telah dibawa ke penghadapan Sultan Pahang (Sultan Abdul Ghafur). Kedatangan Matelief ke Pahang ialah kerana hendak meminta bantuan Sultan Pahang untuk melawan orang Portugis. Dalam perbincangan di antara Matelief dengan Sultan Pahang itu, baginda telah menegaskan betapa mustahaknya perikatan di antara negeri Johor dengan negeri jirannya, dan baginda telah bertanya kepada Matelief berapa ramai orang yang hendak dikeluarkan dan berapa ramai pula yang dikehendaki sentiasa ada di medan perang selama melawan orang Portugis itu. Sultan Pahang telah mengatakan kepada Matelief, baginda boleh mengeluarkan orangnya seramai dua ribu orang supaya peperangan melawan orang

<sup>1</sup> PAHANG - m. s. 29.

<sup>2</sup> PAHANG - m. s. 30.

Portugis itu berjaya. Oleh sebab diminta oleh Sultan Pahang, Matelief telah mengerahkan seorang ahli pasukan meriamnya menguji sebuah meriam yang telah dibuat di Pahang untuk Raja Seberang di Johor (Raja Seberang atau Raja Bongsu itu ialah Raja Abdullah). Orang Pahang masa itu telah membuat meriam yang memakai peluru batu, meriam Pahang itu lebih baik daripada meriam Jawa tetapi lebih rendah mutunya daripada meriam Portugis.

Matelief telah meminta Sultan Pahang supaya menghantar-kan dengan seberapa segera dua buah kapal ke Selat Sabon bersatu dengan perahu pasukan Johor dan Pahang yang telah ada di situ, dan juga menghantarkan dua buah perahu lagi ke Pulau Pinang bagi menguatkan lagi angkatan kapal Kedah dan Aceh bagi menyekat bekalan makanan yang hendak disampaikan kepada orang Portugis. Seorang daripada orang besar Pahang yang ada dalam majlis itu telah mengatakan: oleh sebab bandar Melaka yang dalam tangan Portugis itu terdapat kota yang kuat, maka daripada menyerang kota itu, lebih baik dicari jalan lain bagi menyusahkan penduduk Melaka yang hendak keluar belayar dari Melaka, dan diusahakan pula supaya penduduk bandar Melaka itu kebuluran makanan. Pendapat orang besar Pahang itu telah ditentang oleh Matelief dengan mengatakan pula jika dia dapat mengumpulkan orang yang secukupnya, dia sanggup bertindak untuk mencapai kemenangan yang muktamad dengan tak payah melakukan beberapa banyak kepayahan. Kata setengah sumber pula: Kapten Portugis di Melaka yang bernama Antonio de Menezes telah mati dan masa itu beras di Melaka sangat mahal harganya. Orang Belanda pula mengatakan: Sultan Pahang ada mempunyai lombong emas yang tidak begitu penting.

Sebelum Matelief meninggalkan Pahang, Abraham van den Broek telah pergi berjumpa Sultan Pahang mengambil surat baginda yang hendak disampaikan kepada kerajaan Belanda dan kepada seorang raja Belanda. Laksamana Matelief telah bertolak meninggalkan Pahang pada 16 hari bulan November 1607.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 30; SHEEHAN—m.s. 81-83.

Dalam tahun 1612, masa Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) memerintah di Johor dan Sultan Abdul Ghafur di Pahang, Sultan Alauddin serta rombongan dari Johor telah berangkat ke Pahang, kerana hendak mengahwinkan seorang daripada putera baginda dengan puteri Sultan Pahang.

Semasa berada di Pahang, Sultan Pahang telah mengadakan jamuan diraja kerana menyambut kedatangan rombongan diraja dari Johor itu. Dalam majlis jamuan itu, selain daripada keluarga diraja kedua belah pihak, hadir juga putera Raja Brunei menantu Sultan Pahang.<sup>1</sup> Tatkala menantu Sultan Pahang itu mempersilakan Sultan Johor minum, terpdanglah kepada Sultan Johor pada jari tangan menantu Sultan Pahang itu ada sebetuk cincin mutiara yang besar dan sangat cantik rupanya. Sultan Johor sangat ingin hendakkan cincin itu dan baginda telah meminta untuk membeli cincin itu dengan harga yang mahal, tetapi putera Raja Brunei itu tiada mahu menjualkan cincinnya itu. Sultan Johor sangat murka dan membawa orang baginda kembali ke Johor dan perkahwinan itu tiada jadi dilangsungkan.

Tiada lama lepas itu, dalam bulan September 1612 itu juga, angkatan perang Sultan Johor telah datang menyerang dan membakar kampung di Pahang dan juga telah membakar sebuah kampung yang bernama Kampung Cina,\* ramai rakyat Pahang telah mati terbunuh dan ditimpa malapetaka, harta benda mereka telah rosak binasa sehingga rakyat Pahang menderita kebuluran makanan. Sultan Pahang dan menantu baginda putera Raja Brunei serta pengiring baginda telah melarikan diri pergi ke kawasan pergunungan yang mengandungi emas. Raja Brunei kekanda kepada isteri Sultan Pahang itu telah datang membawa angkatan perangnya dan telah berjaya memerangi dan menghalaukan angkatan Sultan Johor ba-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 32; HALLET—m.s. 31. Putera Raja Brunei menantu Sultan Pahang itu ialah putera Sultan Hasan Brunei. Sultan Hasan ini telah mangkat pada tahun 1617, dan digelar "Marhum di Tanjung", kerana almarhum dimakamkan di Tanjung Cendana: PAHANG—m.s. 32; HALLETT—m.s. 31.

\*Pekan Baharu sekarang.



lik semula ke Johor. Raja Brunei telah mengambil adiknya isteri Sultan Pahang itu dibawa balik ke Brunei. Sultan Pahang juga turut sama pergi ke Brunei dan telah meninggalkan putera sulung\*\* baginda menjalankan pemerintahan di Pahang. Tetapi tiada lama kemudian, Sultan Pahang itu telah berangkat kembali ke Pahang.<sup>1</sup>

Dalam catatan peringatan yang ditulis oleh seorang ahli pelayaran bangsa Belanda bernama Pieter Floris ada menyebutkan: dalam bulan Julai 1613, Sultan Pahang dan isteri baginda adinda Raja Patani (raja perempuan) telah datang ke Patani. Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1613) Sultan Pahang dan isteri baginda adinda Raja Patani itu berangkat balik ke Pahang.<sup>2</sup>

Pada akhir tahun 1614, Sultan Abdul Ghafur serta putera sulung baginda Raja Muda Abdullah telah mangkat dibunuh oleh putera baginda yang kedua yang tiada diketahui namanya, kerana namanya tiada tersebut dalam buku sejarah, sekadar disebut putera baginda yang jahat laku perangnya. Riwayat Raja Cina keturunan Ming (dikarang di antara tahun 1368-1643) ada menyebutkan: "Tiada lama kemudian Raja itu (Pahang) pun balik semula (balik dari Brunei) memerintah negerinya, tetapi puteri baginda yang kedua, yang jahat laku perangnya, telah meracun ayahnya dan membunuh abangnya, dan dia sendiri menaiki takhta kerajaan (Pahang)".<sup>3</sup>

Sultan Abdul Ghafur itulah yang digelar *Marhum Pahang* dan putera baginda Raja Muda Abdullah itu digelar *Marhum Muda Pahang*. Sepanjang yang telah diketahui, Marhum Muda Pahang itu telah dimakamkan di Makam Condong di Pekan

\*\*Raja Muda Abdullah.

<sup>1</sup> HISNOT—m.s. 137-138; JOHOR—m.s. 31-32; PAHANG—m.s. 31; SHEEHAN—m.s. 81-83. Perihal Johor menyerang Pahang dalam tahun 1612 itu telah dibandingkan dengan kisah Pahang terjemahan Ingerisnya yang tersebut dalam riwayat Raja Cina Keturunan Ming (1368-1634); dan telah dibandingkan juga dengan kisah Pahang yang dicatat oleh Pieter Floris (Belanda): HISNOT—137-138; JOHOR—m.s. 31-42; PAHANG—m.s. 31; SHEEHAN—m.s. 81-83.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 32, GISBON—m.s. 127-218.

<sup>3</sup> HISNOT—m.s. 38.

Lama (Pahang), makam itu pada zaman dahulu disebut namanya *Makam Tujuh Beradik*.<sup>1</sup>

Setelah mangkat Raja Muda Abdullah (Marhum Muda Pahang) pada tahun 1614, balu dan anaknya dibawa balik ke Perak.


Pada tahun 1619, setelah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Aceh, menakluk Perak, beberapa orang Raja Perak telah ditawan dan dibawa ke Aceh, balu dan anak Marhum Muda Pahang itu pun dibawa juga ke Aceh. Semasa di Aceh, seorang daripada anak perempuan Marhum Muda Pahang itu telah dikahwinkan dengan Raja Sulung anak Raja Mahmud (atau Raja Ahmad) putera Raja Kasab anak Sultan Khoja Ahmad Siak. Raja Sulung itu kemudiannya menjadi Sultan Perak, Sultan Perak yang ke-10, (1636-1653) bergelar Sultan Muzaffar Shah II. Oleh sebab Raja Mahmud (Raja Ahmad) ayah sulung saudara kandung dengan ibu Raja Mughal yang bernama Puteri Bongsu Chendera Dewi itu, bersaudara sepupulah Raja Sulung, Sultan Muzaffar Shah II Perak, dengan Raja Mughal, Sultan Iskandar Thani, Aceh.<sup>2</sup>

Salasilah Sultan Pahang keturunan dari Melaka, dari Sultan Muhammad Shah, Sultan Pahang yang pertama, hingga Sultan Abdul Ghafur, Sultan Pahang yang kedua belas, yang telah diceritakan di atas adalah seperti rajah salasilah yang diatur bawah ini;

<sup>1</sup> PAHANG - m.s. 33, 235-236; MUDA - m.s. 171-172.

<sup>2</sup> PAHANG - m.s. 34.

**SALASILAH SULTAN PAHANG**  
(Dari Sultan Muhammad hingga Sultan Abdul Ghafar)



**Keterangan:**  
 S = Sultan  
 R = Raja  
 = kahwin

## *Pahang Ditakluk oleh Aceh dan Percantuman Pahang dengan Johor*

Setelah Sultan Abdul Ghafur (Marhum Pahang) dan puteranya Raja Muda Abdullah (Marhum Muda Pahang) mangkat, pada akhir tahun 1614, mengikut riwayat Cina; putera Sultan Abdul Ghafur yang tiada diketahui namanya itulah yang memerintah Pahang.<sup>1</sup> Tetapi pada tahun hadapannya, tahun 1615, Pahang telah diperintah oleh putera Sultan Johor,<sup>2</sup> seperti yang diceritakan di bawah ini.

Dalam bulan Jun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Aceh yang masyhur gagah perkasa itu, telah menghantarkan satu angkatan perang laut yang besar datang menyerang dan mengalahkan Johor, Batu Sawar dan Kota Seberang bandar utama di Johor masa itu telah diduduki oleh orang Aceh. Mengikut setengah sumber, Iskandar Muda sendiri mengetuai angkatan perang Aceh yang datang menyerang Johor itu. Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur), adinda baginda Raja Abdullah (disebut juga Raja Seberang atau Raja Bongsu) serta Bendahara Johor Tun Seri Lanang dan ramai pengiring Sultan Johor telah ditawan dan dibawa ke Aceh.<sup>3</sup>

Pada pertengahan tahun 1614, Sultan Alauddin Riayat Shah III yang telah ditawan dan dibawa ke Aceh itu telah dibenarkan oleh Sultan Aceh pulang ke Johor iaitu setelah

<sup>1</sup> HISNOT—m.s. 138.

<sup>2</sup> LAMA—m.s. 158.

<sup>3</sup> ACHEH—m.s. 306; SINGA—m.s. 171; LAMA—m.s. 157-158; GIBSON—m.s. 126; MALAYA—m.s. 114; JOHOR—m.s. 34.

Sultan Johor berjanji akan membantu Aceh melawan orang Portugis dan tiada akan membenarkan orang Belanda tinggal di Johor.<sup>1</sup>

Dalam bulan Ogos 1615, Sultan Alauddin Riayat Shah III yang suka berbaik dengan orang Portugis telah membuat perjanjian dengan orang Portugis di Melaka dan orang Portugis telah menolong Sultan Johor menghantar putera baginda yang bernama Raja Bujang pergi menduduki takhta kerajaan Pahang sebagai Sultan mengambil kuasa pemerintahan Pahang menggantikan tempat putera almarhum Sultan Abdul Ghafur yang jahat perangnya dan tiada diketahui namanya.<sup>2</sup>

Dalam bulan September 1615 itu juga, angkatan perang Aceh datang lagi menyerang dan mengalahkan Johor. Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) telah ditawan dan dibawa semula ke Aceh. Baginda telah mangkat di Aceh pada akhir tahun 1615 atau awal tahun 1616.

Setelah Sultan Alauddin Riayat Shah III mangkat, adinda (saudara scibu) almarhum itu juga Raja Abdullah putera almarhum Sultan Muzaffar Shah *Marhum Seluyut* (Lihat *Sejarah Johor*) yang disebut juga namanya Raja Seberang atau Raja Bongsu, dijadikan Sultan Johor bergelar Sultan Abdullah Ma'ayat Shah, iaitu dengan persetujuan Sultan Aceh (Sultan Iskandar Muda). Sultan Abdullah telah berkahwin dengan adinda Sultan Iskandar Muda Sultan Aceh.<sup>3</sup> Sebagai yang telah diketahui, pada masa itu anak saudara baginda Raja Bujang putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah III yang mangkat di Aceh itu sedang memerintah di Pahang.

Oleh sebab orang Portugis telah menolong Sultan Johor (Sultan Alauddin III) mengangkat Raja Bujang menduduki takhta kerajaan Pahang, pada tahun 1617 Sultan Aceh (Iskandar Muda) telah menghantar angkatan perang Aceh

<sup>1</sup> ACHEH—m.s. 306.

<sup>2</sup> LAMA—m.s. 145, 158; MALAYA—m.s. 115; PAHANG—m.s. 35.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 35; MALAYA—m.s. 115; JOHOR—m.s. 34. GIBSON—m.s. 129.

menyerang Pahang dan askar Aceh yang datang itu telah membinasakan banyak daerah di Pahang (di sekitar bandar Pekan sekarang). Raja Bujang yang menjadi raja pemerintah Pahang telah dapat melepaskan diri lari ke Pulau Lingga dan menetap di situ. Tetapi, ayah mertuanya Raja Ahmad (adinda almarhum Sultan Abdul Ghafur) dan putera Raja Ahmad yang bernama Raja Mughal serta lebih kurang sepuluh ribu rakyat Pahang telah ditawan dan dibawa berpindah ke Aceh untuk menambahkan penduduk negeri Aceh dan juga menambahkan lagi kekuatan tentera Sultan Iskandar Muda di Aceh, iaitu sebahagian daripada dasar pemerintahan kerajaan Aceh masa itu. Seorang puteri dari keluarga diraja Pahang bernama Puteri Kamaliah yang telah dibawa juga ke Aceh, telah berkahwin dengan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, dan puteri Pahang itu termasyhur dalam sejarah Aceh kerana kebijaksanaannya, dan disebut oleh orang Aceh *Putoe Pahang*.<sup>1</sup>

Nampaknya, selepas Aceh mengalahkan Pahang dan menawan ramai orang Pahang dibawa ke Aceh, putera almarhum Sultan Abdul Ghafur yang telah membunuh ayah dan abangnya itu, telah berkuasa semula memerintah Pahang. Riwayat Cina bernama *Tung Hsi Yang K'au* ada menceritakan kisah raja negeri Pahang itu, begini katanya:

Raja ini, yang telah membunuh ayah dan abangnya itu, sedang memerintah.\* Kebiasaan Raja itu ialah membeli orang yang telah ditangkap oleh perompak (laut) Mau Su.\*\* Perompak laut Mau Su itu ialah orang Brunei (Kalimantan): mereka itu berkeliaran di laut dengan tujuan hendak mencuri orang, dan orang itu mereka bawa ke Pahang, dan dijual di situ sebagai hamba abdi. Apabila seseorang hamba abdi itu tiada menurut kata tuannya, hamba abdi itu dibunuh dan badannya digunakan untuk berkorban. Apabila sesebuah kapal sampai ke situ (Pahang), kenalah ketua kapal itu memberi hadiah yang telah ditentukan kepada Raja negeri itu. Raja negeri itu telah membangunkan beberapa buah kedai dan saudagar boleh mendiami kedai itu dan juga seberapa ba-

<sup>1</sup> GIBSON—m.s. 134; SINGAPURA—m.s. 129.

\* Tarikh Raja itu memerintah ialah tahun 1618: PAHANG—m.s. 35.

\*\*Mau Su: sebutan biasa orang Cina masa itu menyebut perompak di Kalimantan: HISNOT—m.s. 102.

nyak tempat di situ yang mereka kehendaki, dan membayar sebanyak yang ditentukan. Orang negeri itu datang ke kedai itu berdagang dengan saudagar tersebut dan saudagar itu tinggal di kedai itu juga. Kedai itu tidak jauh dengan kapal; pada masa malam jika seseorang penjaga di atas kapal itu melaung dengan suara yang kuat, boleh kedengaran kepada orang yang tidur di pantai.<sup>1</sup>

Pada tahun 1618 itu juga, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah yang memerintah di Johor telah menceraikan isteri baginda adik Sultan Aceh dan balu baginda itu kembali semula ke Aceh. Setelah itu, Sultan Abdullah pindah bersemayam ke Pulau Lingga dan bersama baginda di pulau itu ialah anak saudara baginda Raja Bujang yang lari dari Pahang dahulu.<sup>2</sup>

Oleh sebab Sultan Aceh begitu murka dengan perbuatan Sultan Johor yang menceraikan adiknya itu, pada tahun 1623 angkatan perang Aceh telah datang menyerang dan mengalahkan Pulau Lingga tempat bersemayam Sultan Abdullah. Sultan Abdullah dan Raja Bujang serta orang-orang besar mereka lari ke Pulau Tambelan. Pada tahun 1623 itu juga, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah mangkat di Pulau Tambelan dan digelar *Marhum Tambelan*. Oleh sebab Raja Bajau putera Marhum Tambelan itu masih kecil lagi, baharu berumur lebih kurang dua tahun, jadi Raja Bujanglah diangkat menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III dengan syarat baginda bersetuju supaya Raja Bajau putera Marhum Tambelan dijadikan Bakal Sultan. Sungguhpun Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) telah menjadi Sultan Johor, tetapi belumlah lagi baginda berani datang bersemayam ke tanah besar Johor.<sup>3</sup>

Dalam tahun 1629, orang Portugis di Melaka telah diserang oleh orang Aceh. Angkatan dari Pahang telah datang membantu orang Portugis di Melaka dan serangan Aceh itu dapat dipatahkan. Mengikut keterangan seorang Portugis bernama Baretto de Resende: Raja negeri Pahang itu ialah juga Raja bagi negeri Johor dan baginda sangat baik dengan orang Por-

<sup>1</sup> HISNOT—m.s. 138-139.

<sup>2</sup> GIBSON—m.s. 134.

<sup>3</sup> GIBSON—m.s. 135-136.

tugis.<sup>1</sup> Jika benar riwayat Portugis itu, nampaknya Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) itulah juga Sultan bagi negeri Johor dan Pahang.

Mengikut catatan dalam daftar harian (diari) Kompeni Belanda: pada 10 hari bulan Disember 1632 (zaman Iskandar Muda juga), Aceh telah mencadangkan supaya orang Belanda dan orang Aceh dari laut, serta Sultan Pahang sebagai panglima perang angkatan darat, turut sama menyerang orang Portugis di Melaka. Tetapi cadangan itu nampaknya tidak dijalankan, kerana dalam tahun 1634 didapati Pahang dan Johor telah menyebelahi orang Portugis pula menentang Belanda.<sup>2</sup>

Dalam tahun 1634, Pahang dan Johor masih bersahabat baik dengan orang Portugis dan bermusuhan dengan orang Belanda. Pada akhir tahun 1634 itu juga satu angkatan mengandungi lima buah perahu besar yang membawa seramai lima ribu orang dari Pahang dan Johor telah belayar pergi membantu Raja Patani yang berperang dengan Siam. Orang Belanda pula telah membantu Siam. Dalam bulan November 1634 itu juga sebuah angkatan kapal perang Belanda telah diperintahkan menyerang Pahang, pada masa itu, beberapa buah kapal Portugis yang hendak balik ke Melaka telah berlabuh di Pahang. Ketika itu didapati orang Aceh telah berbaik pula dengan orang Belanda, pada tahun hadapannya, tahun 1635, Pahang telah diserang pula oleh orang Aceh, kerana membalas perbuatan Pahang yang telah pergi membantu Patani. Semasa Aceh menyerang Pahang (1635), Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) telah menyembunyikan diri di Melaka<sup>3</sup> (masa itu Portugis masih memerintah di Melaka).

Pada akhir tahun 1636, Sultan Iskandar Shah, Sultan Aceh yang masyhur itu telah mangkat, digelar *Marhum Mahkota Alam*. Menantunya Raja Mughal (putera Raja Ahmad Pahang) yang telah berkahwin dengan Puteri Seri Alam anak Marhum Mahkota Alam telah diangkat oleh orang-orang besar Aceh

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 36.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 36-37.

<sup>3</sup>PAHANG - m.s. 37; GIBSON - m.s. 139; ACHEH - m.s. 310.



menggantikan almarhum mertuanya itu sebagai Sultan Aceh, bergelar Sultan Iskandar Thani.<sup>1</sup>

Setelah Sultan Iskandar Thani menjadi Sultan Aceh, pada awal tahun 1637, orang-orang besar wakil dari Pahang telah datang membuat perjanjian damai dengan Aceh di Pulau Bulang (dalam kepulauan Riau-Lingga), dipercayai orang-orang besar wakil dari Pahang itu telah dihantar oleh Raja Pahang putera Marhum Pahang yang tiada diketahui namanya itu. Sejak itu Sultan Iskandar Thani telah menganggap bahawa Pahang berada di bawah perintah baginda dan berhubung baiklah orang-orang besar Pahang dengan kerajaan Aceh.<sup>2</sup>

Dalam pada itu, pada tahun 1637 itu juga, Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) yang mengakui dirinya sebagai Sultan Johor dan Pahang, dengan dibantu oleh Laksamana baginda yang bernama Laksamana Tun Abdul Jamil (kemudiannya bergelar Paduka Raja) telah membuat perjanjian dengan orang Belanda untuk bekerjasama melawan orang Portugis di Melaka. Perjanjian itu telah ditandatangani di Pahang pada 16 hari bulan Mac 1637.<sup>3</sup>

Sultan Johor, Sultan Abdul Jalil Shah III menganggap Pahang sebagai daerah takluk baginda dan itulah sebabnya baginda mengaku dirinya sebagai Sultan Johor dan Pahang, dan baginda tidak suka melihatkan Pahang berhubung rapat dengan Aceh. Oleh sebab itu, pada tahun 1638, dengan bantuan orang Belanda, Sultan Abdul Jalil Shah III telah menghantarkan angkatan perangnya menyerang Pahang sehingga rakyat Pahang menderita kesusahan akibat dari serangan raja yang dikatakan Raja Pahang sendiri. Semasa Johor menyerang Pahang (1638), ramai rakyat Pahang telah terbunuh dan orang-orang besar Pahang telah melarikan diri pergi ke hulu negeri itu. Setelah itu, Sultan Abdul Jalil pun berangkat ke Patani.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> ACHEH—m.s. 404-406.

<sup>2</sup> JOHOR—m.s. 39.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 37; MALAYA—m.s. 37.

<sup>4</sup> BUSTAN (II)—m.s. 57-58; PAHANG—m.s. 39.

Pada tahun 1638 itu juga, dengan titah Sultan Iskandar Thani, orang-orang Aceh telah bersiap hendak datang ke Pahang membawa batu nisan yang akan dipasangkan di perkuburan raja-raja Pahang keluarga Sultan Iskandar Thani itu. Ketika orang-orang besar Aceh sedang bersiap-siap, tiba-tiba datang seorang orang besar dari Pahang memberitahu Sultan Iskandar Thani mengatakan Pahang telah diserang oleh askar Johor dan ramai rakyat Pahang yang telah terbunuh dalam serangan itu dan orang-orang besarnya pun telah lari ke hulu negeri itu. Walaupun demikian, Sultan Iskandar Thani tetap juga mahukan orang-orang besar baginda itu pergi ke Pahang meneruskan pekerjaan memasang batu nisan di perkuburan keluarga baginda di Pahang itu. Orang-orang besar Aceh itu pun bertolak pergi ke Pahang.

Setibanya di Pahang, orang-orang besar Aceh itu terus menjalankan kerja yang telah diperintahkan oleh raja mereka memasang batu nisan yang mereka bawa itu di perkuburan keluarga Sultan Iskandar Thani. Kerja itu telah dijalankan dengan adat istiadat dan upacara selengkap serta berjaga-jaga selama empat puluh hari empat puluh malam, dengan tiada sebarang halangan. Pada masa itu Sultan Abdul Jalil Shah III berada di Patani.<sup>1</sup>

Batu nisan yang telah dipasangkan di perkuburan keluarga diraja Pahang oleh orang Aceh dengan titah Sultan Iskandar Thani itu, sepanjang yang telah dapat disiasat, ialah batu nisan di perkuburan *Marhum Muda Pahang* (Raja Muda Abdullah) saudara sepupu Sultan Iskandar Thani dan nisan yang lainnya ialah pada perkuburan seorang perempuan yang dipercayai kubur almarhum Puteri Bongsu Chendera Dewi bonda Sultan Iskandar Thani. Makam itu sekarang ini disebut *Makam Condong* (di Pekan Lama, Pahang), pada zaman dahulu makam itu namanya Makam Tujuh Beradik.<sup>2</sup>

Dalam tahun 1640, Sultan Iskandar Thani telah menghantar bantuan kepada orang Belanda yang telah bersahabat baik dengan Johor sehingga Johor menyerang Pahang. Sultan Aceh

<sup>1</sup> BUSTAN (II)—m.s. 57-58; PAHANG—m.s. 37-38.

<sup>2</sup> PAHANG - m.s. 38-39, 235-236; MUDA - m.s. 235-236.

tidak lagi mahu menolong orang Belanda menyerang orang Portugis di Melaka seperti yang telah dipersetujui oleh Aceh untuk membantu Belanda.<sup>1</sup>

Pada bulan Jun 1640, orang Belanda telah mulai mengepung dan memerangi orang Portugis di Melaka dan pada penghujung bulan Julai tahun itu juga Johor telah menghantarkan askarnya membantu Belanda mengepung dan memerangi Melaka, dan akhirnya pada 14 hari bulan Januari 1641, orang Belanda berjaya menewaskan Melaka dari tangan Portugis yang telah memerintah di Melaka selama 130 tahun (1511-1641).<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Lebih kurang sebulan lepas itu, pada 15 hari bulan Februari 1641 itu juga, Sultan Iskandar Thani telah mangkat di Aceh. Balu almarhum Puteri Seri Alam diangkat menjadi Raja pemerintah Aceh bergelar Sultanah Taju'l-Alam Safiatuddin Shah, dan sejak itu kerajaan Aceh telah diperintahkan oleh raja-raja perempuan berturut-turut seramai empat orang.<sup>3</sup>

Setelah Portugis di Melaka dapat dikalahkan oleh Belanda, dan kerajaan Aceh pun diperintahkan oleh Raja perempuan, tiadalah lagi Pahang takluk di bawah kuasa Aceh. Dalam bulan April 1641 itu juga, Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) datang semula ke tanah besar Johor membuat tempat semayam dan pusat pemerintahan baginda di tepi Sungai Johor di tempat yang bernama Makam Tauhid (ke hulu sedikit daripada Batu Sawar, termasuk dalam lingkungan Kota Tinggi sekarang). Pada masa itu, raja dan ketua pemerintah di pulau sekitar Johor, kepulauan Riau-Lingga, Bengkalis, Kampar dan Siak semuanya bertuanikan Sultan Abdul Jalil Shah III, Sultan Johor-Pahang itu.<sup>4</sup>

Pada tahun 1641 itu juga, Sultan Abdul Jalil Shah telah mengangkat Raja Bajau putera almarhum Sultan Abdullah

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 39.

<sup>2</sup>MALAYA - m.s. 117; JOHOR - m.s. 36.

<sup>3</sup>ACHEH - m.s. 405-409; JOHOR - m.s. 36.

<sup>4</sup>LAMA - m.s. 158-159; JOHOR - m.s. 37; MALAYA - m.s. 119; PAHANG - m.s. 39.

Ma'ayat Shah (Marhum Tambelan) yang baharu berumur lebih kurang dua puluh tahun itu sebagai Yamtuan Muda (Raja Muda), bersemayam dan memerintah di Pahang dan pada masa itu ditetapkanlah Raja Bajau sebagai bakal Sultan Johor-Pahang. Sejak itu hingga tahun 1676, Pahang diperintahkan oleh Yamtuan Muda (Yang Dipertuan Muda) Raja Bajau.<sup>1</sup>

Pendeknya, dari tahun 1614 iaitu sejak kemangkatan Sultan Abdul Ghafur (Marhum Pahang) hingga tahun 1641, berbagai kesusahan dan penderitaan yang telah ditanggung oleh Pahang. Negeri itu telah diserang oleh Aceh, Johor, Portugis dan Belanda, dan ramai rakyat Pahang yang terbunuh dan ditawan dibawa ke Aceh. Tetapi seorang daripada putera raja dari Pahang itu telah dapat menaiki takhta kerajaan Aceh (Sultan Iskandar Thani) dan seorang lagi yang beribukan puteri diraja Pahang telah dijadikan Sultan di Perak (Raja Sulong, Sultan Muzaffar Shah II, Sultan Perak yang ke-10).

Sejak Pahang diperintah oleh Yamtuan Muda Raja Bajau, hasil dagangan dari Pahang telah dibawa dan diperniagakan ke Johor dan daerah lain yang di bawah perintah Johor, di Palembang, Jambi dan pusat perniagaan orang Belanda di Betawi dan Melaka. Tetapi nampaknya perniagaan di Pahang dan Johor itu beransur masuk ke bawah pengaruh perniagaan orang Belanda di Melaka.<sup>2</sup>

Pada tahun 1663, Yamtuan Muda Raja Bajau, Bakal Sultan Johor, yang memerintah Pahang, telah ditunangkan dan akan dikahwinkan dengan seorang puteri anak Raja Jambi (Pengeran Jambi). Tetapi Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) Sultan Johor-Pahang, tidak bersetuju Raja Bajau dikahwinkan dengan anak Raja Jambi itu. Oleh sebab itu, pada tahun hadapannya, tahun 1664, pertunangan di antara Raja Bajau dengan anak Raja Jambi diputuskan di Johor.<sup>3</sup>

Dengan tidak mengetahui apa yang telah berlaku di Johor,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 39.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 40-42.

<sup>3</sup> JOHOR - m.s. 42; PAHANG - m.s. 42.

Raja Jambi telah menghantar utusan ke Johor mempersilakan Yamtuan Muda Raja Bajau pemerintah Pahang datang ke Jambi supaya Raja Bajau dikahwinkan dengan anak Raja Jambi itu di Jambi. Tetapi permintaan Raja Jambi itu tidak pun dijawab oleh Raja Bajau, dan bermusuhanlah Jambi dengan Johor—Pahang.<sup>1</sup>

Apabila Yamtuan Muda Raja Bajau mendengar berita Raja Jambi hendak menghantar angkatan menyerang Johor, Raja Bajau pun menghantarkan utusannya pergi ke Jambi bagi menerangkan kepada Raja Jambi akan sebabnya Raja Bajau tak dapat datang ke Jambi. Perahu utusan Raja Bajau yang hendak pergi ke Jambi telah diikuti oleh angkatan Laksamana Tun Abdul Jamil (orang besar Johor—Pahang yang memerintah di Riau) sebanyak lima puluh buah perahu dan membawa orangnya seramai dua ribu orang sehingga sampai ke Pulau Lingga. Tujuannya ialah jika didapati benar Jambi hendak memerangi Johor, angkatan Laksamana itu akan terus menyerang Jambi. Berita kedatangan Laksamana Johor ke Lingga telah sampai ke Jambi dan kelam-kabutlah orang Jambi yang berada di tepi Sungai Jambi dan mereka telah berpindah dari situ.<sup>2</sup>

Utusan Yamtuan Muda Raja Bajau yang sampai di Jambi telah menerangkan kepada Raja Jambi, Raja Bajau tidak dapat datang ke Jambi untuk melangsungkan perkahwinan dengan anak Raja Jambi itu kerana Sultan Abdul Jalil tiada menyetujui perkahwinan itu dilangsungkan. Tiada lama di Jambi, utusan Raja Bajau itu balik ke Johor.<sup>3</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Selain daripada perkahwinan di antara Raja Bajau dengan anak Raja Jambi itu tidak jadi dilangsungkan kerana tidak disetujui oleh Sultan Abdul Jalil itu, juga adalah kerana Raja Bajau telah berkahwin dengan anak Laksamana Tun Abdul Jamil. Pada masa itu, Tun Abdul Jamil adalah orang besar yang paling berpengaruh dalam kerajaan Johor—Pahang.<sup>4</sup>

<sup>1</sup>JOHOR - m.s. 42.

<sup>2</sup>JOHOR - m.s. 42.

<sup>3</sup>JOHOR - m.s. 42.

<sup>4</sup>JOHOR - m.s. 42.

Sejak Johor-Pahang bermusuhan dengan Jambi, keraplah Yamtuan Muda Raja Bajau mengikut mertuanya Laksamana Tun Abdul Jamil menyerang perahu orang Jambi.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Dalam bulan Mei 1673, angkatan perang Jambi yang mengandungi tujuh puluh lima buah perahu perang telah datang menyerang Johor. Setelah menyerang dan mengalahkan Johor Lama, angkatan perang Jambi itu mudik lagi menyerang dan mengalahkan Batu Sawar tempat semayam Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang). Sultan Abdul Jalil serta ramai orang-orang besar baginda telah berundur meninggalkan Johor pergi ke Pahang, dan bersemayam di situ.<sup>2</sup>

Dalam bulan Disember 1674, satu angkatan perahu yang diketuai oleh Datuk Seri Nara Diraja Johor telah menyerang perahu dua orang ketua perompak laut yang terkenal jahat di Jambi. Seorang daripada ketua perompak itu telah ditangkap oleh orang Johor dan diserahkan kepada Sultan Abdul Jalil Shah yang bersemayam di Pahang. Ketua perompak itu telah dibunuh dengan cara yang sangat ngeri, kaki dan tangannya telah dipotong dan tulang belakangnya dibelah dan dilumurkan dengan garam dan lada hitam. Dalam tahun itu juga, Laksamana Tun Abdul Jamil dan Yamtuan Muda Raja Bajau telah pergi menyerang dan membinasakan kampung-kampung di tepi Sungai Jambi.<sup>3</sup>

Pada tahun 1676, Yamtuan Muda Raja Bajau putera almarhum Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (Marhum Tembelan) yang memerintah Pahang telah mangkat di Pahang dalam usia lebih kurang lima puluh enam tahun dan meninggalkan seorang putera bernama Raja Ibrahim.<sup>4</sup>

Lebih kurang setahun setengah selepas kemangkatan Yamtuan Muda Raja Bajau itu, pada 22 hari bulan November 1677, Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang), Sultan

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 42.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 43; MALAYA—m.s. 145; LAMA—m.s. 159.

<sup>3</sup> JOHOR—m.s. 42; PAHANG—m.s. 42.

<sup>4</sup> LAMA—m.s. 42; PAHANG—m.s. 42; LAMA—m.s. 145, 159; HIKAYAT—m.s. 164.

Johor-Pahang yang bersemayam di Pahang telah mangkat pula di sana, dimakamkan di Pahang, dan digelar *Marhum Mangkat di Pahang*, dan disebut juga *Marhum Besar*. Baginda tiada meninggalkan putera.<sup>1</sup>

Setelah mangkatnya Sultan Abdul Jalil Shah III di Pahang pada akhir tahun 1677, Raja Ibrahim putera almarhum Yam-tuan Muda Raja Bajau, telah diangkat menjadi Sultan Johor-Pahang bergelar Sultan Ibrahim Shah, bersemayam di Pahang.<sup>2</sup>

Pada tahun hadapannya, tahun 1678, setelah dipersilakan oleh Laksamana Tun Abdul Jamil yang tinggal di Riau, Sultan Ibrahim pun berpindah dari Pahang pergi bersemayam ke Riau pula. Seorang daripada isteri baginda itu ialah anak Laksamana Tun Abdul Jamil, dan baginda telah menggelar Laksamana Tun Abdul Jamil itu Paduka Raja. Pada masa itu, Bendahara Johor yang bersemayam di tanah Johor ialah Tun Habib Abdul Majid bergelar Bendahara Seri Maharaja.<sup>3</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Pada 16 hari bulan Februari 1685, Sultan Ibrahim Shah, Sultan Johor-Pahang telah mangkat di Riau, dan digelar *Marhum Bongsu*. Putera almarhum itu dengan isterinya anak Tun Abdul Jamil Paduka Raja, yang bernama Raja Mahmud telah diangkat menjadi Sultan Johor-Pahang bergelar Sultan Mahmud Shah II, bersemayam di Riau juga. Oleh sebab Sultan Mahmud Shah itu masih kecil lagi, baharu berumur lebih kurang sepuluh tahun, maka bonda bagindalah yang memangku kerajaan tetapi orang yang sebenarnya berkuasa dalam pemerintahan kerajaan Johor-Pahang masa itu ialah ninda baginda Tun Abdul Jamil Paduka Raja dan beliau itu

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 43; PAHANG—m.s. 42; LAMA—m.s. 145, 159; HIKAYAT—m.s. 164.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 9; HIKAYAT—m.s. 164; PAHANG—m.s. 42; JOHOR—m.s. 43-45; LAMA—m.s. 159.

<sup>3</sup> TUHFAT—m.s. 9; HIKAYAT—m.s. 164; JOHOR—m.s. 46; PAHANG—m.s. 42; LAMA—m.s. 159; BENDA—m.s. 58.

tiada digemari oleh orang-orang besar Johor lainnya.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Tiga tahun selepas itu, pada tahun 1688, orang-orang besar Johor yang diketuai oleh Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid yang memusuhi Tun Abdul Jamil Paduka Raja, telah dapat menghalaukan Paduka Raja keluar dari Riau, dan beliau telah lari ke Terengganu dan telah meninggalkan dunia di sana. Sejak itu, kembalilah kuasa pentadbiran kerajaan Johor itu dipegang oleh Bendahara Seri Maharaja. Pada tahun itu juga, Bendahara Tun Habib Abdul Majid telah membawa Sultan Mahmud Shah II berpindah dari Riau ke tanah besar Johor, dan baginda bersemayam di Kota Tinggi, di tepi Sungai Johor, ke hulu sedikit daripada Makam Tauhid yang lama itu (sekarang Makam Tauhid itu masuk ke dalam lingkungan wilayah Kota Tinggi), sebagai Sultan Johor-Pahang.<sup>2</sup>

Pada tahun 1697, semasa Sultan Mahmud Shah II berusia lebih kurang dua puluh tahun, pada hari Khamis, 7 hari bulan Muharam Tahun Hijrah 1109 (bersamaan dengan tahun masihi 1677), Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid pun kembali ke rahmatullah, dimakamkan di Pahang Saujana, Kota Tinggi, dan digelar *Marhum Pahang Saujana*. Anak almarhum yang bernama Tun Abdul Jalil diangkat menjadi Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja.<sup>3</sup>

Dua tahun selepas itu, dalam bulan Ogos 1699, Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor-Pahang, yang baharu berusia lebih kurang dua puluh empat tahun dan telah menjadi Sultan selama empat belas tahun, telah mangkat terbunuh di Kota Tinggi (Johor), disebut *Marhum Mangkat di Julang* atau disebut juga *Marhum Kota Tinggi*. Berkenaan dengan pembunuhan itu ada diceritakan dengan lanjut dalam *Tuhfatu'n Nafis* karangan Raja Ali Haji Riau; diriwayatkan iaitu baginda telah mangkat dibunuh oleh seorang orang besar baginda yang bernama Megat Seri Rama, kerana baginda telah mem-

<sup>1</sup>HIKAYAT - m.s. 164; TUHFAT - m.s. 9; JOHOR - m.s. 47; PAHANG - m.s. 43; LAMA - m.s. 45.

<sup>2</sup>JOHOR - m.s. 47; PAHANG - m.s. 43; HIKAYAT - m.s. 164.

<sup>3</sup>TUHFAT - m.s. 10; BENDA - m.s. 58; PAHANG - m.s. 43.



belah perut isteri Megat Seri Rama itu yang sedang hamil, sebab isteri Megat Seri Rama itu telah memakan seulas nangka dari istana baginda, sehingga isteri Megat Seri Rama itu meninggal dunia. Dan diriwayatkan juga, Bendahara Tun Abdul Jalil serta saudaranya masuk campur menyebelahi orang yang membunuh baginda itu. Setelah mangkatnya Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat di Julang) itu, putuslah zuriat keturunan raja-raja yang berasal dari Raja Melayu Melaka memerintah Johor-Pahang, kerana Marhum Mangkat di Julang itu tiada meninggalkan putera yang akan mewarisi kerajaan almarhum.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).


Di bawah ini dituliskan salasilah Sultan yang memerintah Johor-Pahang hingga Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat di Julang) itu.

---

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 50; MALAYA—m.s. 146-147; PAHANG—m.s. 43-44; LAMA—m.s. 160; HIKAYAT—m.s. 164; TUHFAT—m.s. 10.

## SALASILAH SULTAN JOHOR-PAHANG

(Hingga Sultan Mahmud Shah II)



THE  
 HISTORY OF  
 THE  
 UNITED STATES OF AMERICA  
 FROM  
 1789 TO 1876  
 BY  
 CHARLES A. BEAN  
 VOL. I.

NEW YORK: PUBLISHED BY  
 HARVARD UNIVERSITY PRESS  
 1876.

THE HISTORY OF THE UNITED STATES OF AMERICA FROM 1789 TO 1876, BY CHARLES A. BEAN, VOL. I. NEW YORK: HARVARD UNIVERSITY PRESS, 1876.

## *Pahang dalam Pegangan Bendahara*

Untuk mengetahui siapa dia Bendahara-bendahara yang telah memerintah di Pahang sejak awal kurun masihi yang ke-18, supaya jelas, kenalah ditinjau sejarah negeri Johor iaitu negeri asal tempat datangnya Bendahara Pahang itu. Dan lagi, sejak awal kurun masihi yang ke-18 itu, Pahang adalah merupakan sebahagian daripada daerah kerajaan Johor-Riau yang di-khaskan kepada pegangan Bendahara kerajaan itu. Oleh sebab itu, hal ehwal yang berlaku di Pahang masa itu hingga kepada masa kerajaan Johor-Riau-Pahang itu dipecahkan oleh kuasa penjajahan Belanda dan British pada akhir kurun masihi yang ke-18 dan awal kurun masihi yang ke-19, adalah sebahagian daripada gelombang peristiwa politik kerajaan Johor-Riau dan berhubungan juga dengan peristiwa sejarah yang berlaku di negeri berjiran, Terengganu dan Selangor, seperti yang akan diceritakan.

1699. Setelah mangkatnya Sultan Mahmud Shah II (Marhum Kota Tinggi atau Marhum Mangkat di Julang) dalam tahun 1699, oleh sebab almarhum itu tiada meninggalkan putera yang akan mewarisi kerajaan, pada awal bulan September 1699 itu juga (tahun hijrah 1111), orang-orang besar Johor telah mengangkat Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil anak almarhum Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid) menjadi Sultan Johor-Pahang, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV baginda bersemayam di Makam Tauhid (dalam wilayah Kota Tinggi).<sup>1</sup>

<sup>1</sup> HIKAYAT—m.s. 164; TUHFAT—m.s. 34.

Setelah Tun Abdul Jalil dilantik menjadi Sultan Johor-Pahang, semua saudara adik-beradik dan anak baginda yang dilahirkan sebelum baginda menjadi Sultan dipanggil *Tun*, dan anak baginda yang dilahirkan setelah baginda menjadi Sultan disebut *Tengku* (Raja). Sultan Abdul Jalil telah mengangkat adinda baginda bernama Tun Mahmud (Temenggung) sebagai Yamtuan Muda (Yang Dipertuan Muda = Raja Muda), dan adinda baginda yang bernama Tun Mas Jiwa dijadikan Temenggung. Dalam tahun baginda menjadi Sultan itu juga, isteri baginda yang bernama Che' Nusamah telah melahirkan seorang anak lelaki dan diberi nama Raja Sulaiman.<sup>1</sup>

1700. Setelah setahun lamanya baginda bersemayam di Makam Tauhid (Kota Tinggi), pada tahun 1700 (tahun Hijrah 1112) Sultan Abdul Jalil pindah bersemayam di tempat yang bernama Panchur, di sebelah kanan mudik Sungai Johor berhampiran sebuah sungai kecil (Sungai Tukul), lebih kurang sebatu ke hilir daripada Bukit Piatu, di hulu daripada Johor Lama. Sultan Abdul Jalil telah mendirikan sebuah istana yang besar dan indah di atas sebuah bukit di situ (bukit Sungai Tukul). Lebih kurang dua tahun kemudian, istana baginda itu telah terbakar. Tetapi telah digantikan dengan sebuah istana yang tidak kurang besar dan indahnyanya daripada istana yang telah terbakar itu, di atas bukit itu juga.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

1706/1707. Lebih kurang pada tahun 1706 atau 1707, semasa bersemayam di Panchor (bukit Sungai Tukul), Sultan Abdul Jalil telah mengangkat adinda baginda Tun Mas Jiwa, (Temenggung) menjadi Bendahara bergelar Bendahara Seri Maharaja, dan seorang lagi adinda baginda yang bernama Tun Abdullah dijadikan Temenggung.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 34; BUGIS—m.s. 16; MAHMUD—m.s. 28-30; LAMA—m.s. 167; PAHANG—m.s. 45.

<sup>2</sup> HIKAYAT—m.s. 164; TUHFAT—m.s. 35; LAMA—m.s. 160.

<sup>3</sup> BUGIS—m.s. 17; MAHMUD—m.s. 28-29, 32. BENDA—m.s. 58-59.

1708/1716. Pada tahun 1708, dengan pujukan adinda baginda Yamtuan Muda Tun Mahmud, Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV berpindah pula dari Panchur ke Pulau Riau menjadi pusat pemerintahan baginda. Setelah lebih kurang lapan tahun lamanya baginda bersemayam di Riau, oleh sebab berlaku kekacauan yang dibangkitkan oleh orang Minangkabau, Bugis dan Patani, pada tahun 1716 Sultan Abdul Jalil pun berpindah semula ke tanah besar negeri Johor bersemayam di Panchur juga, dan menguatkan semula kota-parit baginda di situ. Dalam pada itu selalulah juga baginda berangkat bersemayam ke istana baginda di Makam Tauhid dan Johor Lama (disebut juga Negeri Lama) serta membaiki kota di Tanjung Batu yang dahulunya terkenal dengan nama Kota Batu, dan sekarang disebut Kota Lama pula.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1716 itu juga, Bendahara Seri Maharaja Tun Mas Jiwa telah meninggal dunia, adindanya Temenggung Tun Abdullah diangkat menjadi Bendahara menggantikan Tun Mas Jiwa, dan Tun Abdullah memakai gelaran Bendahara Paduka Raja. Pada masa itu, anak Sultan Abdul Jalil yang perempuannya bernama Tengku Tengah (disebut juga Tengku Erang), Tengku Mandak dan Tengku Kamariah.<sup>2</sup>

1717. Pada akhir tahun 1717, seorang raja dari Siak, berasal dari Minangkabau, bernama Raja Kechil, yang mengakui dirinya putera almarhum Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat di Julang) telah membawa angkatan perangnya yang mengandungi beberapa buah perahu membawa orang Minangkabau, melalui Selat Singapura hendak memudiki Sungai Johor, untuk menyerang Johor. Dengan helah Raja Kechil yang mengatakan ianya putera almarhum Sultan Mahmud Shah II itu, ramai Orang Laut di Singapura dan di Kuala Johor serta Datuk Laksamana Johor dengan pengikutnya orang Melayu Johor, telah menyebelahi Raja Kechil. Di Kuala Johor, angkatan Raja Kechil yang datang itu telah ditentang

<sup>1</sup>HIKAYAT - m.s. 164; TUHFAT - m.s. 35; LAMA - m.s. 160, 162.

<sup>2</sup>BUGIS - m.s. 17; MAHMUD - m.s. 32; TUHFAT - m.s. 10.

oleh angkatan Johor yang diketuai oleh Yamtuan Muda Tun Mahmud. Tetapi angkatan Yamtuan Muda Johor itu gagal mengalahkan angkatan Raja Kechil, kerana ramai Orang Laut dan orang Melayu Johor yang telah menyebelahi Raja Kechil, sebab Yamtuan Muda Tun Mahmud itu selalu melakukan kezaliman dalam menjalankan pemerintahan negeri. Baki orang yang tinggal dalam angkatan Yamtuan Muda itu telah mudik kembali ke Panchur.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

1718. Raja Kechil belum juga dapat mengalahkan Johor.

Peperangan ini telah berlanjutan ke tahun 1718. Akhirnya, pada 21 Mac 1718, Panchor telah dapat ditawan oleh askar Raja Kechil dari Siak itu. Yamtuan Muda Tun Mahmud mangkat terbunuh dalam peperangan itu, dan almarhum itulah yang disebut *Marhum Mangkat di Kayu Anak*. Bendahara Tun Abdullah melarikan diri, Sultan Abdul Jalil pun mengaku kalah kepada Raja Kechil. Sultan Abdul Jalil serta putera dan puteri baginda tiada dipengapakan oleh Raja Kechil, malah baginda dibenarkan juga tinggal di Johor, dan Raja kechil berjanji akan melantik semula baginda memegang jawatan Bendahara iaitu jawatan baginda sebelum menjadi Sultan dahulu. Raja Kechil telah menjadi raja pemerintah Johor dan menggelarkan dirinya sendiri Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

Setelah Raja Kechil menjadi Sultan di Johor, beliau telah meminang puteri Sultan Abdul Jalil yang bernama Tengku Tengah (Tengku Erang) dan pinangan itu telah diterima oleh Sultan Abdul Jalil. Tetapi tiada lama kemudian, apabila Raja Kechil terpancang rupa Tengku Kamariah adik bongsu Tengku Tengah, Raja Kechil menaruh hati pula kepada Tengku Kamariah dan perjanjian hendak mengahwini Tengku Tengah itu dibatalkan dan diubah pula kepada Tengku Kamariah, kemudian berkahwinlah Raja Kechil dengan Tengku Kama-

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 43; TAVARES - m.s. 128; LAMA - m.s. 163-164.

<sup>2</sup>TAVARES - m.s. 111-139; LAMA - m.s. 163-166; HIKAYAT - m.s. 165; JOHOR - m.s. 55.

riah. Tengku Tengah dan sanak saudaranya merasa sakit hati terhadap Raja Kechil.<sup>1</sup>

Semasa Raja Kechil memerintah Johor, raja-raja Bugis lima bersaudara bernama Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan Daing Kemasi dengan angkatan mereka yang berpusat di Pulau Siantan, dan yang sedang mengembara di Nusantara Barat mencari kekuasaan hendak memerintah negeri, telah datang melawat Johor, dan kedatangan mereka telah disambut dan dijamu oleh Raja Kechil.

Sewaktu raja-raja Bugis itu berada di Johor, Tengku Tengah dan saudaranya Raja Sulaiman, dalam satu jamuan menjamu raja Bugis di istana mereka, dengan secara rahsia telah meminta kerjasama Daing Perani dan saudaranya supaya menghilangkan malu mereka adik-beradik dan anak-beranak oleh perbuatan Raja Kechil yang telah menakluk negeri Johor itu. Daing Perani telah sanggup untuk membantu Raja Sulaiman dan saudaranya, kemudian raja-raja Bugis itu membuat perjanjian dengan Raja Sulaiman yang bersyarat jika mereka berhasil mengambil semula kerajaan Johor dari tangan Raja Kechil, salah seorang daripada raja Bugis lima bersaudara itu dijadikan Yamtuan Muda kerajaan Johor turun-temurun. Setelah perjanjian itu dipersetujui oleh kedua belah pihak, raja Bugis itu pun balik ke Siantan melengkapkan angkatan perang. Peristiwa itu tiadalah diketahui oleh Raja Kechil walaupun beliau merasa sangat cemburu dengan kedatangan raja-raja Bugis itu ke Johor dan telah berjumpa pula dengan putera-putera Sultan Abdul Jalil. Sultan Abdul Jalil bersetuju dengan rancangan sulit yang telah dibuat oleh anaknya itu.<sup>2</sup>  
(Lihat *Sejarah Johor*).

#### Bendahara Tun Abdul Jamal

1719. Sementara itu di Johor telah terdengar khabar yang mengatakan bahawa Raja Kechil itu yang sebenarnya bukanlah putera almarhum Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat di Julang), melainkan tipu helah sahaja dan tiada

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 43-44; JOHOR - m.s. 55.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 54-58; JOHOR - m.s. 55



lama lepas itu Tengku Tengah telah berikhtiar mengambil adiknya Tengku Kamariah dari istana Raja Kechil dibawa balik ke istana ayahanda mereka. Raja Kechil telah marah dan menghantar pasukan askarnya yang terdiri daripada orang Minangkabau pergi menyerang pihak Sultan Abdul Jalil yang telah berkubu di Seluyut dan berlakulah peperangan sekali lagi. Pada masa itu, orang Johor ada yang menyebelahi Raja Kechil dan ada yang masih tetap di sebelah Sultan Abdul Jalil. Tiada lama berperang, pihak Sultan Abdul Jalil telah mengalami kekalahan. Baginda sekeluarga serta pengikut baginda telah bertolak meninggalkan Johor pergi ke Pahang. Adinda baginda Raja Indera Bongsu (Tun Abdul Jamal) serta beberapa orang besar lainnya berundur ke Melaka. Tetapi tiada lama di Melaka, Tun Abdul Jamal (Raja Indera Bongsu) datang mendapatkan kakandanya Sultan Abdul Jalil di Pahang. Peristiwa itu telah berlaku dalam tahun 1719.

Setelah Sultan Abdul Jalil pergi ke Pahang, Raja Kechil yang telah mengutuk tanah negeri Johor itu, pindah ke Pulau Riau membuat istana di sana dan dari Riulah Raja Kechil memerintah kerajaan Johor-Riau.<sup>1</sup>

Semasa berada di Pahang, Sultan Abdul Jalil telah mengangkat adinda baginda Tun Abdul Jamal (Raja Indera Bongsu) menjadi Bendahara memerintah Pahang menggantikan Bendahara Tun Abdullah yang telah meninggal dunia. Dipercayai bahawa Bendahara Tun Abdullah dan adiknya Temeng-gung Tun Mutahir telah meninggal dunia di Pahang setelah Johor ditakluk oleh Raja Kechil. Sewaktu di Pahang itu juga Sultan Abdul Jalil telah berangkat melawat Pulau Aur, Pulau Tinggi dan Pulau Tioman, dan orang Melayu di pulau itu masih taat dan bertuankan baginda juga. Tiada berapa lama di Pahang, baginda sekeluarga serta pengikut baginda berangkat pula pergi ke Terengganu. Bendahara Tun Abdul Jamal ting-gal memerintah di Pahang.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 48-45; BUGIS—m.s. 20; PAHANG—m.s. 47.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 48; HIKAYAT—m.s. 164; JOHOR—m.s. 53; PAHANG—m.s. 46.

Semasa di Terengganu, seorang saudara seayah dengan Sultan Abdul Jalil (anak almarhum Bendahara Tun Habib Abdul Majid Marhum Padang Saujana) bernama Tun Zainal Abidin, digelar oleh baginda Paduka Maharaja, dan baginda telah menggelar juga beberapa orang besar lainnya di Terengganu. Menurut setengah riwayat: ada beberapa orang pula orang besar di Terengganu yang tiada mengakui kekuasaan baginda di Terengganu.

Setelah lebih kurang setahun lamanya berada di Terengganu, Sultan Abdul Jalil pun bertolak meninggalkan Terengganu balik ke Pahang dan membuat tempat kediaman di Kuala Pahang. Saudara baginda Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja, serta seorang anakanda baginda yang lahir sebelum baginda menjadi Sultan, bernama Tun Hussain, ditinggalkan di Terengganu sebagai Bendahara menjaga negeri itu.<sup>1</sup>

1720. Pada tahun 1720, semasa Sultan Abdul Jalil bersemayam di Kuala Pahang, Raja Kechil di Riau telah menghantarkan satu pasukan perang terdiri daripada orang Minangkabau diketuai oleh panglima Laksamana Nakhoda Sekam pergi ke Kuala Pahang. Pasukan itu telah datang ke Kuala Pahang menjalankan perintah Raja Kechil mempersilakan Sultan Abdul Jalil datang ke Riau. Oleh sebab Sultan Abdul Jalil menolak jemputan ke Riau itu, berperanglah orang-orang Laksamana Nakhoda Sekam yang datang di Kuala Pahang dengan orang Sultan Abdul Jalil, dan pihak Sultan Abdul Jalil telah kalah. Apabila dipersilakan sekali lagi oleh Laksamana Nakhoda Sekam, baharulah baginda mahu pergi ke Riau.

Setelah bersiap, Sultan Abdul Jalil serta semua putera dan puteri baginda pun naiklah ke perahu yang akan membawa baginda sekeluarga ke Riau. Tetapi sebelum angkatan itu bertolak meninggalkan Pahang, tiba-tiba sampai pula seorang utusan Raja Kechil dari Riau bernama Mas Radin, membawa surat daripada Raja Kechil disampaikannya kepada Laksamana Nakhoda Sekam. Dalam surat itu Raja Kechil memerin-

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 48-49; HIKAYAT—m.s. 164; JOHOR—m.s. 56; TERENGGANU—m.s. 11.

tahkan Laksamana Nakhoda Sekam: "Janganlah Sultan Abdul Jalil itu dibawa ke Riau lagi, bunuhlah sahaja, kita tahu matinya sahaja".

Mendengar surat perintah daripada Raja Kechil itu, Laksamana Nakhoda Sekam jadi serba salah, kerana mulanya ia telah diperintahkan membawa Sultan Abdul Jalil ke Riau, dan ini datang pula perintah menyuruh membunuh baginda. Sungguhpun Laksamana Nakhoda Sekam tiada bersetuju menjalankan perintah itu, tetapi ia tiada boleh menolak melainkan terpaksa juga taat menurut perintah tuannya itu.

Laksamana Nakhoda Sekam telah memerintahkan empat orang hulubalang Minangkabau berbaju rantai serta bersama dengan beberapa orang askar mereka pergi menjalankan perintah Raja Kechil itu. Semasa orang Minangkabau itu sampai berhampiran dengan perahu Sultan Abdul Jalil, ketika itu baginda sedang membaca wirid di atas tikar sembahyang, baharu sahaja lepas sembahyang subuh. Dengan perlahan-lahan datanglah orang Minangkabau itu naik ke perahu Sultan Abdul Jalil dan mengamuk menetak baginda dengan pedang. Sungguhpun baginda telah ditetak, namun baginda telah melompat lalu merampas sebuah daripada senjata musuhnya, dan melawan dengan beraninya dan telah dapat juga baginda membunuh lapan orang daripada orang Minangkabau itu, kemudian baharulah baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Tun Abdul Hamid (gelarannya Tun Nara Wangsa) telah terbunuh juga dalam pertempuran itu. Puteri baginda Tengku Tengah telah keluar dari bilik kurungan perahu dan mengamuk melawan orang Minangkabau itu. Sebaik sahaja orang Minangkabau itu hendak membalas serangan Tengku Tengah, tiba-tiba datang Laksamana Nakhoda Sekam dan ia menjerit melarang orang Minangkabau membunuh Tengku Tengah sambil berkata: "Biarkan dia! Jika berlaku sebarang kecederaan pada anak raja itu, kamu semua akan dibunuh oleh Raja Kechil". Orang Minangkabau itu tidak jadi melawan dan turun dari perahu, dan Tengku Tengah dibawa semula ke bilik kurungan perahu itu.

Laksamana Nakhoda Sekam, dengan sedih dan linangan air mata, telah turut sama menyelenggarakan mayat almarhum

Sultan Abdul Jalil itu. Almarhum telah dimakamkan di Kuala Pahang di tempat yang bernama Teluk Kandang (tahun 1720) dan bagindalah yang disebut *Marhum Mangkat di Kuala Pahang* dan sejak berlaku peristiwa itu, tempat itu dikenali sebagai *Kampung Marhum*.

Setelah itu, anak-anak almarhum, iaitu Tun Abbas (anak baginda sebelum menjadi Sultan), Raja Sulaiman, Tengku Tengah, Tengku Mandak, Tengku Kamariah (isteri Raja Kechil) dan keluarga mereka yang lain telah dibawa oleh Laksamana Nakhoda Sekam ke Riau—mereka sangat sakit hati terhadap Raja Kechil. Bendahara Tun Abdul Jamal tinggal memerintah di Pahang.<sup>1</sup>

1721–1722. Raja Sulaiman bersama dengan kakandanya Tun Abbas yang tinggal di Riau, dengan secara rahsia telah mengirim surat kepada raja Bugis lima bersaudara itu meminta bantuan untuk mengambil semula kerajaan Johor-Riau dari tangan Raja Kechil. Setelah itu, Raja Sulaiman pergi ke Pahang meminta bantuan ayah saudaranya Bendahara Tun Abdul Jamal yang berada di Pahang (Bendahara itu disebut juga namanya *Bendahara Pekok*).

Tiada lama selepas itu, raja Bugis lima bersaudara itu dengan beberapa orang besar dan hulubalang Bugis, dalam satu angkatan perang mereka telah datang menyerang Raja Kechil di Riau, dan akhirnya raja Bugis itu telah berjaya mengalahkan serta menghalau Raja Kechil keluar dari Riau, dan tiada lama kemudian raja Bugis itu telah mengambilkan pula alat kebesaran kerajaan Johor yang ada pada Raja Kechil dan menyerahkannya semula kepada Raja Sulaiman. Sejak itu lucutlah taraf Raja Kechil sebagai Sultan Johor—Riau yang telah dipegangnya lebih kurang selama empat tahun itu (1718–1722). Peristiwa itu telah berlaku dalam tahun 1721–1722.

#### Bendahara Tun Abbas

Pada 4 Oktober 1722, raja Bugis lima bersaudara itu serta

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 49, 51, 54; BUGIS—m.s. 20-21; HIKAYAT—m.s. 165; PAHANG—m.s. 182, 184.

orang besar suku Bugis dan suku Melayu yang ada di Riau, telah melantik Raja Sulaiman sebagai Sultan Johor-Riau-Pahang dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah ibni almarhum Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Dengan persetujuan Sultan Sulaiman serta kakanda baginda Tun Abbas, raja dan orang Bugis itu telah memilih dan mengangkat Daing Merewah yang dikenali juga dengan gelaran Kelana Jaya Putera menjadi Yamtuan Muda I. Tun Abbas dijadikan Bendahara bergelar Bendahara Seri Maharaja.

Pada masa itu juga (tahun 1722) di Riau telah dilangsungkan istiadat perkahwinan beramai-ramai di antara puteri diraja Johor-Riau dengan raja dan orang besar Bugis yang telah berjasa membantu Sultan Sulaiman itu. Daing Perani dikahwinkan dengan Tengku Tengah (kata setengah riwayat, mereka telah dikahwinkan di Johor semasa Daing Perani datang ke Johor sewaktu Raja Kechil memerintah dahulu), Daing Chelak dikahwinkan dengan Tengku Mandak adik Sultan Sulaiman, Daing Menampok dikahwinkan dengan Tengku Tipah emak saudara Sultan Sulaiman (saudara almarhum Sultan Abdul Jalil IV), Daing Masuru dikahwinkan dengan Tun Chik (anak Marhum Mangkat di Kayu Anak), dan Daing Mengetok dikahwinkan dengan Tun Enah anak Marhum Mangkat di Kayu Anak juga. Tiada lama selepas itu, Daing Merewah (Yamtuan Muda I) telah berkahwin dengan Tun Che' Ayu (anak Temenggung Riau) balu Marhum Mangkat di Julang yang belum lagi bersama dengan almarhum itu, kerana tatkala dikahwinkan dengan almarhum itu dahulu, Tun Enah masih kecil lagi. Pada masa itu juga Daing Menampok digelar Raja Tua. Sejak itu Bendahara Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok) yang tinggal di Pahang disebut juga Bendahara Tua. Adalah dipercayai pada masa itu Bendahara Tua di Pahang tidak begitu cergas dalam pemerintahan negeri, kerana beliau telah sangat tua.\* (Lihat *Sejarah Johor*).

\*Nampaknya pada masa itu ada dua orang Bendahara dalam kerajaan Johor-Riau-Pahang: Tun Abbas Bendahara di Riau, Tun Abdul Jamal (Bendahara Tua atau Bendahara Pekok) di Pahang. TUHFAT—m.s. 51-54, 58, 60-69; BUGIS—m.s. 31-36, 48-59; HIKAYAT—m.s. 165, BENDA—m.s. 62; PAHANG—m.s. 186.

1725. Pada tahun 1725, Sultan Sulaiman di Riau telah menitahkan Raja Tua (Daing Menampok) pergi ke Terengganu untuk merajakan ayah saudara baginda Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja menjadi Sultan Terengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin. Bagindalah Sultan Terengganu yang pertama dalam keturunan raja-raja yang memerintah di Terengganu sekarang ini. Tun Husain kakanda Sultan Sulaiman yang tinggal di Terengganu itu telah dilantik menjadi Bendahara di Terengganu.<sup>1</sup>

1728. Lebih kurang tiga tahun selepas itu, dalam bulan Ogos 1728, Daing Merewah, Yamtuan Muda I (Kelana Jaya Putera) telah mangkat di Riau, dan digelar *Marhum Sungai Baru*. Adinda almarhum itu Daing Chelak (suami Tengku Mandak) diangkat menjadi Yamtuan Muda II bagi kerajaan Johor-Riau-Pahang.<sup>2</sup>

1733-1734. Setelah memerintah lebih kurang selama lapan tahun, pada tahun 1733 (tahun hijrah 1146), Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu itu, telah mangkat, dan digantikan oleh putera almarhum yang bernama Raja Mansur atau Tun Dalam. Oleh sebab pada masa itu Raja Mansur (Tun Dalam) baharu berumur lebih kurang tujuh tahun, maka urusan pemerintahan negeri telah dijalankan oleh Bendahara Tun Hussin.<sup>3</sup> Pada tahun hadapannya, tahun 1734 (tahun hijrah 1147), Daing Menampok Raja Tua di Riau telah mangkat pula. Lebih kurang pada masa itulah juga Bendahara Tun Abbas (Bendahara Seri Maharaja) yang tinggal di Riau telah berubah akal (gila). Pada masa itu Bendahara Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok atau Bendahara Tua) di Pahang yang sudah terlalu tua itu masih hidup lagi. Tiada lama lepas itu Bendahara Tun Abbas telah meninggal dunia dan di antara anaknya yang tinggal ialah Tun Hasan, Tun Abdul

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 70; HIKAYAT—m.s. 165; TERENGGANU—m.s. 11, 66; JOHOR—m.s. 58.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 78; HIKAYAT—m.s. 165; JOHOR—m.s. 57.

<sup>3</sup> TUHFAT—m.s. 85; TERENGGANU—m.s. 11.

Majid dan Tun Abdul Jamal. Pada masa itu Tun Hasan bergelar Raja Indera Bongsu dan Tun Abdul Majid bergelar Temenggung.<sup>1</sup>

1735-1736. Pada akhir tahun 1735 (tahun hijrah 1148) Sultan Sulaiman dengan rombongan diraja dari Riau telah berangkat datang ke Pahang. Di Pahang, baginda telah mendirikan diwal (tembok) di makam almarhum ayahanda baginda Marhum Mangkat di Kuala Pahang (almarhum Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV). Dari Pahang baginda berangkat ke Terengganu, berjumpa Raja Mansur (Tun Dalam) yang disebut juga Yang Dipertuan Kecil dan kakanda baginda Bendahara Tun Husain. Di Terengganu, baginda telah mengahwinkan anak saudara baginda Temenggung Abdul Majid (anak almarhum Bendahara Tun Abbas) yang baharu berumur lima belas tahun dengan Tun Enah anak Bendahara Tun Husain, Terenggau. Setelah itu baginda pun berangkat pulang ke Riau (tahun 1736).<sup>2</sup>

1738. Pada tahun 1738, Sultan Sulaiman telah berangkat melawat daerah kerajaan baginda di Endau (dalam negeri Pahang) dan telah berjumpa dengan ketua orang suku Biduanda (Jakun) di situ yang telah datang mengadap baginda di Riau sebelum itu. Baginda telah mengurniakan beberapa keping emas manah atau ambor yakni sejenis wang emas masa itu yang dihamburkan untuk rakyat baginda di Endau.<sup>3</sup>

1739. Pada tahun hadapannya, tahun 1739, Tun Dalam (Raja Mansur) Yang Dipertuan Kecil Terengganu telah datang ke Riau dan dikahwinkan dengan Raja Bulang puteri Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Sejak itu teruslah Yang Dipertuan Kecil Terengganu itu tinggal di Riau dan

---

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 86, 101; HIKAYAT—m.s. 167; BENDA—m.s. 62; JOHOR—m.s. 58, 60; PAHANG—m.s. 50.

<sup>2</sup>TUHFAT—m.s. 87-88; BUGIS—m.s. 146; HIKAYAT—m.s. 166; TERENGGANU—m.s. 11; PAHANG—m.s. 50, 183; JOHOR—m.s. 58.

<sup>3</sup>PAHANG—m.s. 50.

hanya sekali dua sahaja kembali ke Terengganu kemudian kembali semula ke Riau.<sup>1</sup>

1740-1741. Pada tahun 1740, Sultan Sulaiman dalam rombongan yang diiringi oleh beberapa orang besar baginda, termasuk Tun Hasan Raja Indera Bongsu dan adiknya Temenggung Abdul Majid, dari Riau telah berangkat ke Terengganu. Semasa berada di Terengganu, baginda telah membanci jumlah penduduk dari Hulu Terengganu sampai ke Kuala Terengganu. Beberapa minggu selepas itu, seorang orang besar dari Kelantan bernama Long Pandak telah datang mengadap baginda di Terengganu, dan Long Pandak telah mengisytiharkan kepada sekalian rakyat dan orang besar Terengganu bahawa negeri Terengganu itu telah baginda kurniakan kepada menantu baginda Yang Dipertuan Kecil (Tun Dalam atau Raja Mansur) sebagai Sultan Terengganu bergelar Sultan Mansur Shah ibni almarhum Sultan Zainal Abidin (*Marhum Bukit Nangka*).

Setelah lebih kurang enam bulan lamanya baginda berada di Terengganu, baginda pun berangkat meninggalkan Terengganu dengan diiringi oleh menantu baginda Tun Dalam (Sultan Mansur) yang baharu ditabalkan itu, Bendahara Tun Husain dan orang besar baginda yang lain. Dalam pelayaran pulang itu baginda telah singgah di Pulau Kapas, Dungun dan Pahang. Di Kuala Pahang, baginda telah membaiki lagi tembok makam almarhum ayahanda baginda. Hampir sebulan lamanya berada di Pahang, baginda pun berangkat balik ke Riau. Sementara Bendahara Tun Husain kembali ke Terengganu. Tun Dalam dan seorang daripada anak Bendahara Tun Husain serta Datuk Bendahara Tua (Tun Abdul Jamal) yang tinggal di Pahang, turut sama mengiringi baginda balik ke Riau tahun 1741.<sup>2</sup>

1745. Pada tahun 1745 (tahun hijrah 1158) Yamtuan Muda

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 90-91; JOHOR—m.s. 58.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 95; HIKAYAT—m.s. 166-167; PAHANG—m.s. 183; JOHOR—m.s. 58; TERENGGANU—m.s. 12.



Daing Chelak telah mangkat di Riau, digelar *Marhum Mangkat di Kota*, dan meninggalkan beberapa orang putera, di antaranya ialah Raja Lumu (di Selangor), Raja Haji dan yang perempuannya, Tengku Puteh, Tengku Hitam, Tengku Aminah dan Tengku Halimah di Riau. Tetapi pada masa itu belum lagi Sultan Sulaiman melantik pengganti Daing Chelak sebagai Yamtuan Muda yang baharu. Daing Kemboja anak Daing Perani yang sepatutnya menggantikan Daing Chelak, telah pergi ke Selangor. Mengikut setengah riwayat: orang Bugis di Selangor telah mengangkat Daing Kemboja menjadi Yamtuan Muda Riau III. Setelah setahun lamanya Daing Kemboja berada di Selangor, baharulah beliau balik ke Riau.<sup>1</sup>

1746. Pada tahun 1746, Tengku Kamariah, Raja Perempuan Siak, isteri Raja Kechil, telah mangkat di Siak. Suaminya Raja Kechil, yang memang telah berubah akal sejak tahun 1737 dahulu, telah semakin bertambah gila. Akhirnya, pada tahun itu juga (1746), Raja Kechil mangkat di Siak. Putera almarhum bersama dengan Tengku Kamariah yang bernama Raja Mahmud (disebut juga namanya Raja Buang) diangkat menjadi Raja Siak menggantikan almarhum ayahnya. Tetapi tiada lama lepas itu, kakanda Raja Mahmud (beribu lain) yang bernama Raja Alam dengan angkatan perangnya datang menyerang Siak dan mengalahkan adiknya Raja Mahmud. Raja Mahmud keluar meninggalkan Siak, dan Raja Alam pula yang menjadi Raja Siak.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

#### Bendahara Tun Hasan

1748. Dua tahun selepas kemangkatan Daing Chelak, pada tahun 1748, baharulah Sultan Sulaiman melantik Daing Kemboja anak Daing Perani menjadi Yamtuan Muda III di Riau menggantikan almarhum Daing Chelak (*Marhum Mangkat di Kota*), dan Raja Haji anak Daing Chelak dilantik sebagai Penolong Yamtuan Muda bergelar Engku Kelana. Lebih

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 97, HIKAYAT—m.s. 167; JOHOR—m.s. 59; MALAYA—m.s. 152.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 93, 100; JOHOR—m.s. 57.

kurang pada masa itulah juga, Tun Hasan (Raja Indera Bongsu) anak almarhum Bendahara Tun Abbas, dijadikan Bendahara bagi kerajaan Johor-Riau-Pahang bergelar Bendahara Seri Maharaja, dan adiknya Temenggung Abdul Majid dijadikan Raja Indera Bongsu.<sup>1</sup> Dipercayai pada masa itu Bendahara Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok atau Bendahara Tua) telah meninggal dunia.

Kemudian, dalam tahun 1748 itu juga, Sultan Sulaiman dengan pihak orang suku Melayu di Riau yang diketuai oleh Tun Dalam dan Bendahara Tun Hasan, telah meminta pertolongan orang Belanda di Melaka untuk membantu Raja Mahmud (Raja Buang) anak saudara baginda menghalau Raja Alam di Siak dan setelah Raja Alam terhalau, kembalilah semula Raja Mahmud memerintah di Siak, dan orang Belanda telah diberikan banyak kemudahan berniaga di Siak. Yam-tuan Muda Daing Kemboja tiada bersetuju dengan tindakan Sultan Sulaiman itu dengan alasan bahawa pergaduhan di antara Raja Mahmud dengan Raja Alam itu adalah pergaduhan dua orang adik-beradik, apalah gunanya dipanggil orang Belanda masuk campur. Oleh sebab itu dan juga kerana orang suku Melayu dengan orang suku Bugis di Riau masih juga berselisih faham, Daing Kemboja pun tiada puas hati dan beliau telah membawa anak isteri serta beberapa orang Bugis pengikut beliau dan juga meriam besar kepunyaan beliau sendiri, keluar meninggalkan Riau pergi ke Linggi dan memerintah pula di situ.<sup>2</sup>

1753-1756. Dalam pertengahan tahun 1753, Raja Alam datang semula menyerang Siak. Walaupun Raja Mahmud dibantu oleh Sultan Sulaiman dari Riau, namun dapat juga Raja Alam mengalahkan Raja Mahmud, dan Raja Alam telah berkerajaan semula di Siak. Tetapi, dalam bulan Oktober 1755, satu angkatan kapal perang Belanda yang menolong Sultan Sulaiman dan Raja Mahmud, telah datang

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 101; PAHANG—m.s. 50-51.

<sup>2</sup>TUHFAT—m.s. 103-104, 110-144; HIKAYAT—m.s. 167.

menyerang dan mengalahkan Raja Alam di Siak. Raja Alam keluar meninggalkan Siak. Raja Mahmud kembali dan berke-  
rajaan di Siak. Pada awal tahun 1756, Sultan Sulaiman ber-  
sama dengan Tun Dalam dan Bendahara Seri Maharaja Tun  
Hasan, telah pergi ke Melaka dan menandatangani satu per-  
janjian bersahabat dengan orang Belanda.<sup>1</sup>

Dalam bulan Mei 1756 itu juga, orang Belanda di Melaka  
telah menyerang orang Bugis di Linggi. Daing Kemboja dan  
Raja Haji serta orang Bugis pengikutnya telah berundur me-  
ninggalkan Linggi dan pergi ke Rembau. Daing Kemboja telah  
bersahabat baik dan bersumpah setia dengan Penghulu di  
Rembau dan telah merancang cara baru untuk melanggar  
orang Belanda di Melaka.<sup>2</sup>

1756-1758. Pada bulan Oktober 1756 askar-askar Bugis  
dengan bantuan orang Rembau yang diketuai  
oleh Daing Kemboja telah menyerang Melaka. Banyak kero-  
sakan yang telah dilakukan oleh orang Bugis dan Rembau di  
kampung sekitar Bandar Melaka. Peperangan itu telah ber-  
lanjutan hingga bulan Mei 1757. Dalam bulan Mei tahun ini  
(1757), orang Belanda telah dapat mengundurkan orang Bugis  
dan Rembau keluar dari Melaka. Orang Bugis telah pergi ke  
Linggi dan pihak Belanda telah mengepung Linggi. Tetapi  
Daing Kemboja dan Raja Haji bukannya berada di Linggi,  
mereka telah pergi ke Rembau. Dalam bulan Disember tahun  
itu juga (1757), Sultan Sulaiman bersama dengan Tun Dalam  
dan Temenggung Tun Abdul Majid (adik Bendahara Tun Ha-  
san) telah menandatangani satu perjanjian menyerahkan  
Rembau dan Linggi kepada orang Belanda tetapi penyerahan  
itu tidak diketahui oleh Penghulu di Linggi dan Rembau, ke-  
rana tujuan Sultan Sulaiman supaya Bugis di Linggi dan orang  
Rembau tunduk kepada Belanda. Dalam pada itu, pada awal  
tahun 1758, Daing Kemboja dan sekutunya telah bersahabat  
dan membuat perjanjian damai dengan orang Belanda, dan

<sup>1</sup>JOHOR - m.s. 59-60; MALAYA - m.s. 153.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 116-117; JOHOR - m.s. 61.

surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh kedua belah pihak di Kota Belanda (Fort Filipina) di Kuala Linggi pada 1 hari bulan Januari 1758.<sup>1</sup> (Kisah dari tahun 1748 hingga tahun 1758 yang disebutkan di atas, ada diceritakan dengan lebih lanjut dalam buku *Sejarah Johor*).

1760-1761. Dalam bulan Ogos 1760, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan Johor-Riau-Pahang telah mangkat di Riau dalam usia lebih kurang enam puluh tahun, baginda disebut *Marhum Batangan*. Putera baginda yang bernama Raja Abdul Jalil (atau Raja di Baroh) yang sedang gering di Kuala Selangor telah ditentukan untuk menggantikan almarhum ayahnya dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah. Tetapi, malangnya, pada akhir tahun 1760 itu juga, Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah telah mangkat di Kuala Selangor. Jenazah almarhum telah dibawa ke Rembau dan dari Rembau dibawa pula oleh Yamtuan Muda Daing Kemboja dan Raja Haji dengan istiadatnya balik ke Riau, iaitu dalam bulan Februari 1761. Setelah jenazah almarhum dimakamkan di Riau, Daing Kemboja serta orang-orang besar Bugis telah mengangkat putera sulung almarhum yang bernama Raja Ahmad yang baharu berumur sembilan tahun sebagai Sultan menggantikan almarhum ayahnya dan digelar Sultan Ahmad Shah.

Tiada berapa lama setelah menjadi Sultan, dalam tahun 1761 itu juga, Sultan Ahmad Shah mangkat pula, dan disebut *Marhum Tengah*. Yamtuan Muda Daing Kemboja telah mengangkat adinda almarhum Sultan Ahmad yang bernama Raja Mahmud sebagai Sultan dan digelar Sultan Mahmud Shah III. Oleh sebab baginda masih kecil lagi, baharu berumur lebih kurang setahun, maka semua kuasa pemerintahan dijalankan oleh Yamtuan Muda Daing Kemboja dan dibantu oleh Engku Kelana Raja Haji. Sejak itu hingga akhir hayatnya, Daing Kembojalah orang yang paling berkuasa dalam pemerintahan kerajaan Johor-Riau-Pahang.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 118-119; JOHOR—m.s. 61.

<sup>2</sup>TUHFAT—m.s. 128-130, 137-139; HIKAYAT—m.s. 168; m.s. 61-62.

1764. Mengikuti *Tuhfatu'n-Nafis*: semasa Raja Ismail putera almarhum Raja Mahmud ibni Raja Kechil Siak sedang berperang menentang Yamtuan Muda Daing Kemboja di laut Pulau Singapura, pada tahun 1764, Bendahara di Riau masih lagi Bendahara Seri Maharaja Tun Hasan.<sup>1</sup>

#### Bendahara Tun Abdul Majid

1770. Pada tahun 1770, Temenggung Tun Abdul Majid anak almarhum Bendahara Tun Abbas, telah diangkat menjadi Bendahara dan ditugaskan memerintah Pahang.<sup>2</sup> Dipercayai abangnya Bendahara Tun Hasan telah meninggal dunia di antara tahun 1764–1770.

1777. Pada tahun 1777, semasa Raja Haji berada di Pontianak (Kalimantan Barat), dan Bendahara Tun Abdul Majid berada di Pahang, Yamtuan Muda III Daing Kemboja telah mangkat di Riau (gelarannya *Marhum Janggut*). Setelah berita kemangkatan almarhum itu disampaikan kepada Raja Haji di Pontianak, Raja Haji segera bertolak meninggalkan Pontianak. Tetapi Raja Haji tidak terus pulang ke Riau, sebaliknya beliau belayar pergi ke Pahang. Bendahara Tun Abdul Majid telah datang ke Kuala Pahang menyambut kedatangan Raja Haji itu, dan dibawa masuk ke Pahang (ke ibu negeri) dan telah diberikan sebuah istana tempat tinggal Raja Haji selama berada di negeri itu. Tiada berapa lama selepas itu, Bendahara Tun Abdul Majid telah mengadakan satu istiadat melantik Raja Haji putera almarhum Daing Chelak itu menjadi Yamtuan Muda IV bagi kerajaan Johor–Riau–Pahang dan daerah takluknya bagi menggantikan almarhum Daing Kemboja (*Marhum Janggut*). Semasa di Pahang, seorang daripada isteri Raja Haji telah melahirkan seorang anak lelaki dan diberi nama Raja Pahang.

Apabila Sultan Mahmud Shah III di Riau mendengar berita Raja Haji ada di Pahang, baginda bersama dengan Raja Abdul

<sup>1</sup>TUHFAT – m.s. 185; PAHANG – m.s. 51.

<sup>2</sup>PAHANG – m.s. 51.

Samad putera Marhum Janggut belayar pergi ke Pahang untuk mendapatkan Raja Haji. Tiada berapa lama di Pahang, Sultan Mahmud serta pengiring baginda telah membawa Raja Haji Yamtuan Muda yang baharu itu balik ke Riau, dan mulalah Raja Haji menjalankan tugasnya itu.<sup>1</sup>

1778. Tiada berapa lama setelah Raja Haji menjadi Yamtuan Muda IV, dalam tahun 1778, kakanda Sultan Salehuddin (Raja Lumu) yang menjadi Sultan Selangor (Sultan Selangor yang pertama) telah mangkat di Kuala Selangor. Raja Haji telah datang ke Kuala Selangor. Almarhum telah dimakamkan di Kuala Selangor, dan digelar *Marhum Saleh*. Raja Haji telah melantik Raja Ibrahim putera Marhum Saleh sebagai Sultan Selangor bergelar Sultan Ibrahim Shah. Setelah itu, Raja Haji pun kembali ke Riau.<sup>2</sup>

Sungguhpun Raja Haji telah menjadi Yamtuan Muda, orang suku Melayu dengan orang suku Bugis dalam kerajaan Johor-Riau-Pahang tidak juga berbaik-baik. Tun Dalam (Sultan Mansur) di Terengganu, Bendahara Tun Abdul Majid di Pahang dan Raja Indera Bongsu di Riau sebagai penganjur pihak orang suku Melayu masa itu, telah mengadakan pakatan sulit memusuhi Raja Haji di Riau, dan dengan secara rahsia mereka telah berkirim surat kepada orang Belanda di Melaka dan orang Inggeris di India meminta mereka menyerang Riau dan mengalahkan Sultan Mahmud Shah III yang di bawah pengaruh Raja Haji itu. Tetapi nampaknya tiada sebarang tindakan menyerang Riau dari kedua buah kuasa Barat itu. Pakatan sulit itu akhirnya telah bocor dan telah diketahui juga oleh Raja Haji.<sup>3</sup>

1782. Mulai tahun 1782, Raja Haji telah bermusuhan dengan orang Belanda, berikutan dari orang Belanda telah mungkir janji tidak mahu membahagi dua dengan Raja Haji harta rampasan (candu) yang telah dirampas dari kapal Inge-

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 184-187; HIKAYAT—m.s. 169.

<sup>2</sup>TUHFAT—m.s. 195.

<sup>3</sup>TUHFAT—m.s. 189-190.

ris di perairan laut Riau. Sebelum itu, orang Belanda telah berjanji dengan Raja Haji akan membahagi dua sebarang harta rampasan yang mereka perolehi. Sejak itu mulalah Raja Haji menyerang kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka mengganggu perniagaan Belanda, dan orang Belanda dari Betawi dan Melaka, telah mengepung Riau dan berperang dengan angkatan perang Raja Haji. Permusuhan antara kedua belah pihak telah berlanjutan hingga ke tahun 1783 dan 1784.

1784. Dalam bulan Januari 1784, Sultan Ibrahim Selangor, anak saudara Raja Haji yang dibantu oleh orang Rembau, telah datang menyerang Melaka dan bertempurlah dengan askar Belanda. Sebulan kemudiannya, bulan Februari 1784, Raja Haji dari Riau telah datang membawa angkatan perangnya menyerang Melaka. Di Melaka, angkatan Raja Haji telah berkubu di Tanjung Palas, Teluk Ketapang, dan Sultan Ibrahim serta orang Rembau berkubu di Batang Tiga. Banyak kerosakan dan penderitaan yang telah dilakukan oleh askar Bugis dari Riau dan Selangor serta askar Rembau kepada penduduk di sekitar Bandar Melaka.

Setelah hampir empat bulan berperang, satu angkatan kapal perang Belanda yang besar dari Betawi diketuai oleh Laksamana Jacob Pieter van Braam, telah datang membantu orang Belanda di Melaka. Dalam pertempuran sengit di antara orang Belanda dengan askar Bugis yang telah berlaku di daratan Teluk Ketapang pada 18 hari bulan Jun 1784, Raja Haji serta beberapa orang panglima Bugis telah mati ditembak oleh orang Belanda, dan akhirnya angkatan Bugis telah mengalami kekalahan. Askar Bugis yang masih hidup kembali ke Riau manakala askar Bugis dari Selangor dan askar Rembau pulang ke negeri mereka. Pada 25 hari bulan Jun 1784, jenazah almarhum Raja Haji telah dikebumikan oleh orang Melayu dan ketua Melayu di Melaka dalam suatu istiadat di Bandar Melaka berhampiran Bukit Melaka (Bukit Bendera sekarang), dan almarhum disebut *Marhum Teluk Ketapang*<sup>1</sup>. (Kisah pepe-

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 196-209; HIKAYAT—m.s. 169-170; JOHOR—m.s. 62-65; HAJI—m.s. 174-176, 188-189, 191, 193. SELANGOR—m.s. 8.

rangan Raja Haji di Melaka pada tahun 1784 ada diceritakan dengan lanjut dalam buku *Sejarah Johor*.

Sultan Mahmud Shah III di Riau telah mengangkat Raja Ali anak almarhum Daing Kemboja (Marhum Janggut) menjadi Yamtuan Muda V di Riau.<sup>1</sup>

Dalam pertengahan bulan Julai 1784 itu juga, angkatan kapal perang Belanda dari Melaka yang diketuai oleh Jacob Pieter van Braam telah pergi menyerang Selangor (Kuala Selangor) yang di bawah perintah Sultan Ibrahim. Pada 2 hari bulan Ogos 1784 angkatan perang Belanda telah berjaya menyalahkan Selangor dan menawan Kuala Selangor. Sultan Ibrahim serta beberapa orang keluarga diraja Selangor dan pengikut baginda telah keluar meninggalkan Kuala Selangor pergi ke Hulu Selangor dan terus ke Pahang (Pekan), dan kedatangan rombongan diraja dari Selangor itu telah diterima dengan baik oleh Bendahara Tun Abdul Majid.

Semasa di Pahang, Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan anak Bendahara Tun Abdul Majid yang bernama Tun Selamah. Sultan Ibrahim telah meminta pertolongan Bendahara Pahang untuk menyerang orang Belanda di Selangor dan mengambil semula negeri itu dari tangan Belanda. Permintaan Sultan Ibrahim itu telah dipersetujui oleh Bendahara Tun Abdul Majid, dan setelah berbincang dengan orang-orang besar Pahang, Sultan Ibrahim dan Bendahara Pahang mula mengumpulkan askar dan menyediakan kelengkapan perang.<sup>2</sup>

Dalam bulan Oktober 1784 itu juga, angkatan kapal perang Belanda yang diketuai oleh Jacob Pieter van Braam dari Melaka telah menyerang Riau. Akhirnya pada 31 hari bulan Oktober 1784, Riau dapat ditewaskan. Yamtuan Muda Raja Ali serta orang Bugis di Riau telah keluar meninggalkan pulau itu. Pada 10 hari bulan November 1784, ketua pihak Belanda telah membuat perjanjian dengan Sultan Mahmud Shah III serta orang-orang besar baginda, dan sejak itu Riau telah jatuh ke tangan Belanda. Sultan Mahmud serta orang-orang

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 211-213; JOHOR - m.s. 6.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 209-210; HIKAYAT - m.s. 169-170; SELANGOR - m.s. 8.



besar suku Melayu telah dibenarkan oleh Belanda untuk tinggal di Riau di bawah perintah Belanda.<sup>1</sup>

1785. Dalam pertengahan tahun 1785, Sultan Ibrahim dengan bantuan orang Pahang yang dibekalkan oleh Bendahara Tun Abdul Majid seramai dua ribu orang telah bertolak dari Pahang pergi ke Hulu Pahang, ke Hulu Selangor dan menyerang orang Belanda di Kuala Selangor secara mengejut (malam). Orang Belanda dapat dikalahkan dan meninggalkan Kuala Selangor kembali semula ke Melaka, dengan itu Sultan Ibrahim telah dapat berkerajaan semula di Selangor. Tun Selamah isteri baginda yang ditinggalkannya di Pahang dan anak isteri baginda yang lain dibawa balik ke Selangor.<sup>2</sup>

1786. Dalam bulan Disember 1786, Sultan Mahmud Shah dari Riau yang diiringi oleh Bendahara Tun Abdul Majid dan orang besar baginda telah datang melawat Melaka dan telah disambut oleh Gabenor Belanda di Melaka (Abraham Couperus) dengan mengadakan keramaian dan perbarisan kehormatan. Dalam lawatan itu Sultan Mahmud telah menziarahi kubur almarhum Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang) di kaki Bukit Melaka.<sup>3</sup>

1787. Dalam bulan Februari 1787 pula, Sultan Mahmud dan Bendahara Tun Abdul Majid serta orang besar baginda dari Riau telah pergi sekali lagi ke Melaka. Semasa di Melaka, pada 7 hari bulan Februari 1787, baginda telah menandatangani satu perjanjian dengan orang Belanda. Dalam perjanjian itu, antara lain menyebutkan: Sultan Mahmud Shah hendaklah menyerahkan pentadbiran Riau kepada Kompeni Belanda; baginda dibebaskan daripada jagaan keempat-empat orang besar yang kanan iaitu Raja Tua, Bendahara (Tun Abdul

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 213-215; HIKAYAT—m.s. 169-170; JOHOR—m.s. 64-65.

<sup>2</sup>TUHFAT—m.s. 215-219; HIKAYAT—m.s. 169-170; SELANGOR—m.s. 8.

<sup>3</sup>TUHFAT - m.s. 215; HIKAYAT - m.s. 169-170; JOHOR - m.s. 66.

Majid), Temenggung dan Raja Indera Bongsu; tongkang Cina dan tongkang lain juga tidak dibenarkan masuk ke Pahang, kecuali pemerintah Pahang (Bendahara) hendaklah mengarahkan tongkang itu datang ke tempat membayar cukai yang dijaga oleh orang Belanda di Riau. Setelah menandatangani perjanjian itu, Sultan Mahmud Shah pulang ke Riau.<sup>1</sup>

Setelah menandatangani perjanjian dengan Belanda, Sultan Mahmud serta orang-orang besar baginda bertambah dukacita, kerana cengkaman Belanda telah bertambah kuat, tambahan pula masa itu Residen Belanda telah ditempatkan di Riau. Sultan Mahmud Shah serta orang-orang besar baginda, dengan secara sulit, telah menghantar utusan kepada Raja negeri Tempasok (di Kalimantan) meminta lanun Raja Tempasok datang menyerang orang Belanda di Riau (di Tanjung Pinang).

Dalam bulan Mei 1787 itu juga, empat puluh buah kapal layar besar yang membawa orang lanun dari Tempasok telah datang menyerang dan mengalahkan orang Belanda di Tanjung Pinang (Riau). Ramai orang Belanda telah mati terbunuh dan bakinya serta Residen Belanda di Riau telah lari balik ke Melaka. Sultan Mahmud merasa sukacita dan telah menjamu orang lanun itu makan minum, kerana kejayaan mereka menghalau orang Belanda dari Riau.

¶ Setelah lanun itu balik ke Tempasok, Sultan Mahmud merasa khuatir tinggal di Riau, mungkin Belanda akan datang semula melanggar Riau. Oleh sebab itu baginda telah keluar meninggalkan Riau dengan angkatan sebanyak dua ratus buah perahu pindah pergi bersemayam ke Pulau Lingga (Daik) dan Bendahara Tun Abdul Majid yang pada masa itu ada di Riau, dengan angkatannya sebanyak seratus lima puluh buah perahu, keluar juga meninggalkan Riau balik ke Pahang. Sejak itu ramailah orang Melayu Riau meninggalkan pulau itu pindah ke tempat lain, ada yang pindah ke Bulang, Selangor, Selat (Singapura), Pahang, Terengganu, Kalimantan dan pulau-pulau di Kepulauan Riau-Lingga. Dalam tahun 1787 itu juga orang

<sup>1</sup>JOHOR - m.s. 66.

Belanda datang semula menduduki Riau.<sup>1</sup>

1788. Pada tahun hadapannya, tahun 1788, Sultan Mahmud Shah dari Lingga telah berangkat ke Pahang berjumpa Bendahara Tun Abdul Majid. Dari Pahang baginda telah mengutus lagi kepada Raja Tempasok meminta lanun Raja Tempasok itu datang menyerang orang Belanda di Melaka melalui Pahang. Tetapi permintaan Sultan Mahmud kali ini tidak mendapat perhatian dari Raja Tempasok.

Setelah singgah sebentar di Lingga, Sultan Mahmud pergi pula ke Terengganu berjumpa Sultan Mansur (Tun Dalam) dan meminta Sultan Mansur mengikhtikarkan supaya baginda berdamai dengan orang Belanda di Melaka. Sementara menantikan hasil ikhtiar Sultan Mansur itu, Sultan Mahmud telah berangkat pulang ke Pahang. Lama juga baginda berada di Pahang menantikan keputusan daripada Sultan Terengganu itu. Setelah tiada menerima sebarang berita dari Terengganu, Sultan Mahmud telah berangkat balik ke Lingga.<sup>2</sup>

1793. Pada tahun 1793, Sultan Mansur (Tun Dalam), Sultan Terengganu telah mangkat setelah menjadi Sultan selama enam puluh tahun (1733–1793). Almarhum itu telah digantikan oleh puteranya yang bernama Raja Zainal Abidin bergelar Sultan Zainal Abidin II.<sup>3</sup>

Sementara orang Belanda bercadang untuk berdamai dengan Sultan Mahmud Shah III di Lingga, dalam bulan Ogos 1795, mengikut syarat perjanjiannya, British (Kompeni Inggeris) pun datang mengambil Melaka dari tangan orang Belanda. Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1795) beberapa orang pegawai Kompeni Inggeris dari Melaka telah pergi ke Riau untuk membebaskan Riau daripada perintah Belanda dan menyerahkannya semula kepada Sultan Mahmud Shah III. Tetapi Sultan Mahmud Shah tetap bersemayam di Lingga

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 219-221; JOHOR—m.s. 66, 68; MALAYA—m.s. 160.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 229.

<sup>3</sup> TERENGGANU — m.s. 22-23; KAJI (Jilid II) — m.s. 36-37.

juga.<sup>1</sup> Apabila Riau telah diserahkan semula kepada Sultan Mahmud, baginda telah menitahkan Engku Muda Muhammad (anak saudara Tun Abdul Majid) anak Temenggung Abdul Jamal dengan isterinya Raja Maimunah anak Daing Perani pergi menjaga Riau sementara diadakan peraturan yang tetap di situ.<sup>2</sup>

1801. Pada tahun 1801, apabila British tidak melarang orang Bugis masuk ke Riau (Belanda telah melarang orang Bugis masuk ke Riau sejak tahun 1784), Yamtuan Muda Raja Ali anak Daing Kemboja yang telah sekian lama tinggal di Muar (Johor), serta anak isterinya telah kembali semula ke Riau membuat tempat kediaman di Tanjung Anggut, Pulau Bayan. Tidak lama selepas itu, Raja Ali dengan Engku Muda Muhammad telah berselisih faham, kedua-dua mereka mengatakan dirinya yang berhak memerintah Riau, sehingga terjadi peperangan antara kedua belah pihak. Raja Ali berjaya mengalahkan Engku Muda Muhammad, dan Engku Muda Muhammad telah pindah ke Bulang.<sup>3</sup>

1802. Dalam bulan Februari 1802, dengan ikhtiar Bendahara Tun Abdul Majid yang datang dari Pahang, Yamtuan Muda Raja Ali dengan Engku Muda Muhammad telah didamaikan oleh Sultan Mahmud Shah.<sup>4</sup>

Bendahara Tun Abdul Majid mempunyai empat orang anak

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 237; JOHOR - m.s. 69; MALAYA - m.s. 161.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 236.

<sup>3</sup>TUHFAT - m.s. 245; PAHANG - m.s. 53; MALAYA - m.s. 126. Ibu Engku Muda Muhammad ialah Raja Maimunah anak Daing Perani dengan Tengku Tengah. Ayah Yamtuan Muda Raja Ali ialah Daing Kemboja anak Daing Perani juga dengan isterinya di Siantan. Jadi, ibu Engku Muda Muhammad dengan ayah Raja Ali, adik beradik seayah. Ayah Engku Muda Muhammad ialah Temenggung Abdul Jamal adik beradik dengan Bendahara Tun Abdul Majid, keduanya anak Bendahara Tun Abbas yang gila itu. Engku Muda Muhammad dengan Raja Ali bersaudara sepupu.

<sup>4</sup>PAHANG - m.s. 53; TUHFAT - m.s. 246.

lelaki bernama Tun Abdul Mutalib, Tun Muhammad, Tun Koris dan Tun Da.

Pada suatu masa, Tun Abdul Mutalib pergi melawat Riau. Ia telah diraikan oleh Sultan Mahmud dan dijemput makan bersama. Mengikut adat kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang masa itu, apabila ada anak Bendahara yang dimuliakan oleh Sultan seperti itu, dialah yang dicadangkan akan mengantikan Bendahara, tetapi belum lagi diumumkan kepada ramai. Pada masa itu, Temenggung Tun Abdul Jamal adik Bendahara Tun Abdul Majid ada bersama di Riau tetapi ia tiada menerima jemputan Sultan seperti anak Bendahara itu, oleh itu ia merasa sakit hati terhadap anak saudaranya itu.

Pada suatu masa yang lain pula, Temenggung Tun Abdul Jamal telah datang ke Pahang kerana mengiringi Sultan Mahmud berangkat ke sana. Semasa di Pahang, pada suatu malam, Temenggung Tun Abdul Jamal telah bersembunyi di balik pintu rumah Bendahara Tun Abdul Majid. Apabila Tun Abdul Mutalib lalu di situ, ia telah ditikam oleh Tun Abdul Jamal, ketika Tun Abdul Mutalib rebah akibat tikaman itu, ia berkata: "Memanda! apalah salah saya kepada memanda!" Tun Abdul Mutalib telah mati di situ juga. Temenggung Tun Abdul Jamal telah melarikan diri ke Padang Buluh (Pekan Lama), tetapi telah dapat ditangkap dan diserahkan kepada Bendahara. Bendahara Tun Abdul Majid tidak pula membela kematian anaknya itu, malah disuruhnya orang mencabutkan duri dan onak yang melekat di kaki adiknya Temenggung Abdul Jamal semasa ia lari masuk hutan itu. Pada ketika itu, Tun Koris adik Tun Abdul Mutalib telah tiba di situ dan cuba hendak membunuh ayah saudaranya, tetapi dihalang oleh Bendahara sambil berkata: "Jangan! dia ayah saudaramu, lagi pun dia gila". Lepas itu Sultan Mahmud menyuruh orang menghantarkan Temenggung Tun Abdul Jamal balik ke Riau dengan sebuah perahu jongkong.

Semasa Temenggung belayar melalui kuala Sungai Hitam, dilontarnya lebingnya yang membunuh anak saudaranya itu ke Sungai Pahang. Sewaktu perahunya sampai di suatu tempat di Kuala Rompin, seorang daripada gundik Temenggung telah sarat hendak bersalin, dan dibawa ke pantai.

Tempat gundik Temenggung itu bersalin, disebut Bernas. Berdekatan tempat yang bernama Penyusok, Temenggung itu telah merompak sebuah sekoci yang sedang berlabuh di situ dan membunuh beberapa orang anak sekoci itu. Sekoci itu telah ditundanya ke Riau.

Semasa berada di Riau pula, Temenggung Abdul Jamal yang gila itu telah pergi ke suatu tempat menyimpan ubat bedil sambil membawa sebuah suluh yang sedang bernyala apinya. Akibatnya, api suluh itu telah menyambar ubat bedil itu dan meletup. Temenggung telah mati bersama dengan dua orang anaknya di tempat tersebut.

Apabila Tun Muhammad adik Tun Abdul Motalib yang tinggal di Chenor (di tepi Sungai Pahang) mendengar khabar abangnya dibunuh, ia pun segera datang ke Pekan bersama dengan orang-orangnya yang bersenjatakan lembing seramai empat puluh orang. Tetapi apabila ia sampai ke Pekan ia tiada berjumpa dengan Temenggung Tun Abdul Jamal kerana Temenggung telah dihantarkan balik ke Riau. Sungguhpun ayahnya telah menahannya jangan pergi, tetapi Tun Muhammad telah pergi juga ke Riau untuk menuntut bela di atas kematian abangnya itu. Sampai di Riau, didapatinya Temenggung Tun Abdul Jamal sudah meninggal dunia. Tun Muhammad telah menetap di Riau.<sup>1</sup>

#### Bendahara Tun Muhammad

1802. Bendahara Tun Abdul Majid telah meninggal dunia pada tahun 1802. Sultan Mahmud Shah III di Lingga (Daik) telah melantik Tun Muhammad anak almarhum Tun Abdul Majid sebagai Bendahara menggantikan ayahnya. Setelah menjadi Bendahara, Tun Muhammad telah belayar hendak balik ke Pahang.

Sewaktu Bendahara belayar hendak menyeberang dari Pulau Tioman ke Endau, perahunya telah dipukul ribut kencang dan karam. Bendahara Tun Muhammad dengan isterinya yang sedang dalam bilik kurung perahu itu telah hilang. Bendahara itulah yang disebut *Marhum Mangkat di Laut*. Anak-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 52-53.

anak perahu Bendahara yang seramai empat puluh orang telah selamat dan balik ke Pahang.<sup>1</sup>

### Bendahara Tun Koris

1803. Apabila anak-anak perahu almarhum Bendahara Tun Muhammad sampai di Pahang, tiga puluh lapan orang daripada mereka itu semuanya telah dibunuh oleh Tun Koris adik Marhum Mangkat di Laut, kerana mereka itu tidak mahu mati bersama tuannya. Pada tahun 1803, Tun Koris telah diangkat menjadi Bendahara menggantikan almarhum abangnya, bergelar Bendahara Paduka Raja. Bendahara Tun Koris merupakan seorang daripada Bendahara Pahang yang keras pemerintahannya.<sup>2</sup>

Pada tahun 1803 itu juga, Sultan Mahmud Shah di Lingga telah melantik semula Raja Ali sebagai Yamtuan Muda V bersemayam di Riau. Putera Sulung Sultan Mahmud yang bernama Tengku Husain (disebut juga Tengku Long) yang dikahwinkan dengan Che' Puan Bulang anak Engku Muda Muhammad. Pada masa itu juga, Sultan Mahmud hendak mengangkat Engku Muda Muhammad menjadi Temenggung menggantikan abangnya Temenggung Abdul Hamid atau disebut juga Daing Kechil (anak Temenggung Tun Abdul Jamal) yang telah meninggal dunia bersama ayahnya akibat letupan ubat bedil itu. Tetapi Engku Muda Muhammad enggan menerima gelaran itu, kerana katanya, sepatutnya dia yang menjadi Yamtuan Muda dan tinggal di Riau.<sup>3</sup>

1806. Dalam tahun 1806 (tahun hijrah 1221), Yamtuan Muda Raja Ali telah mangkat di Riau, dan digelar *Marhum Pulau Bayan*. Sultan Mahmud di Lingga telah mengangkat Raja Ja'afar anak almarhum Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang) menjadi Yamtuan Muda VI, dan tinggal di Riau. Pada tahun itu juga, oleh sebab Engku Muda Muhammad tiada mahu digelar Temenggung, Sultan Mahmud di Lingga

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 54-55.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 54-55.

<sup>3</sup>JOHOR - m.s. 72; MALAYA - m.s. 162.

telah mangkat anak almarhum Temenggung Abdul Hamid (Daing Kechil) yang bernama Abdul Rahman sebagai Temenggung bergelar Temenggung Seri Maharaja, dan menetap di Bulang memerintah daerah pegangannya tanah besar Johor, Pulau Singapura dan pulau di sekitarnya. Bendahara memerintah di Pahang.<sup>1</sup>

Bendahara Tun Koris (Bendahara Paduka Raja) di negeri Pahang tiada lama menjalankan pemerintahan di Pahang. Bendahara telah meninggal dunia pada tahun 1806. Di antara anaknya yang tinggal ialah Tun Ali dan Tun Muhammad.<sup>2</sup>

### Bendahara Tun Ali

1806. Pada tahun 1806 itu juga Sultan Mahmud Shah III di Lingga telah melantik Tun Ali (disebut juga Wan Ali) menjadi Bendahara di Pahang menggantikan ayahnya almarhum Bendahara Tun Koris, dengan gelaran Bendahara Siwa Raja (Seri Wak Raja). Pada masa itu, Bendahara Tun Ali baharu berumur dua puluh lima tahun.<sup>3</sup> Sejak itu nampaknya mulalah kerajaan Johor—Riau—Lingga—Pahang berpecah-belah, kerana raja-raja dan orang besarnya tiada bersetuju antara satu dengan lain, tambahan pula orang Belanda dan Inggeris sedang giat melancarkan penjajahan mereka sambil menjalankan perniagaan di Nusantara.

1811. Dalam tahun 1811, beberapa bulan sebelum angkatan perang Kompeni Inggeris yang diketuai oleh Lord Minto, diikuti juga oleh Thomas Stamford Raffles, pergi menakluki Tanah Jawa dari tangan orang Belanda, Temenggung Abdul Rahman (Temenggung Seri Maharaja) yang tinggal di Bulang, telah membawa anak isteri dan orangnya seramai seratus lima puluh orang berpindah ke Singapura (sebelah kuala di tepi Sungai Singapura) dan dari Singapuralah ia men-

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 259-261; JOHOR—m.s. 72-73; SELANGOR—m.s. 11.

<sup>2</sup> Tun Muhammad itulah yang disebut oleh Abdullah Munshi dalam buku kisah pelayarannya (tahun 1838) "Engku Tanjung". PAHANG—m.s. 54-55.

<sup>3</sup> PAHANG — m.s. 56.



jalankan pemerintahan ke daerah pegangannya.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1811 itu juga, Tengku Husain (Tengku Long) putera sulung Sultan Mahmud Shah di Lingga telah datang ke Pahang. Di Pahang, kerana mengikut nasihat ayahnya Sultan Mahmud, Tengku Husain telah beristerikan Wan Esah adik Bendahara Tun Ali Pahang.<sup>2</sup> Dipercayai, Sultan Mahmud Shah III mengahwinkan puteri baginda Tengku Husain dengan Che' Puan Bulang anak Engku Muda Muhammad, dan dengan Wan Esah adik Bendahara Tun Ali itu, adalah untuk menguatkan kedudukan baginda di atas takhta kerajaan dan memelihara perimbangan kekuasaan di antara baginda dengan kedua orang besar dalam kerajaan baginda yang berpengaruh itu iaitu Engku Muda Muhammad di Bulang dan Bendahara Tun Ali di Pahang, tambahan pula, Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang tinggal di Riau nampaknya hampir memegang seluruh kuasa pertadbiran dalam negeri.

1812. Semasa Tengku Husain (Tengku Long) masih lagi berada di Pahang, dengan tidak diduga, pada 12 hari bulan Januari 1812, Sultan Mahmud Shah III ibni almarhum Sultan Abdul Jalil (Raja di Baroh) yang bersemayam di Lingga (Daik) telah mangkat, iaitu setelah berkerajaan lebih kurang selama lima puluh tahun.

Setelah Sultan Mahmud Shah III mangkat, dengan kehadiran Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang disokong oleh orang besar Bugis di Riau-Lingga, dengan tiada lagi menantikan Tengku Husain (Tengku Long) balik dari Pahang, Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah mengangkat putera almarhum yang bernama Raja Abdul Rahman (berlain ibu dengan Tengku Husain) menjadi Sultan menggantikan almarhum ayahnya, bergelar Sultan Abdul Rahman. Tetapi majlis istiadat perlantikan baginda tiada memakai perkakas alat kebesaran kerajaan Johor yang sepatutnya ada dalam majlis itu seperti yang dibuat dalam istiadat perlantikan raja pemerintah kerana per-

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 80; SINGAPURA—m.s. 20.

<sup>2</sup> JOHOR—m.s. 74-75; SINGAPURA—m.s. 22.

kakas itu ada di Pulau Penyengat (Riau) dalam simpanan Tengku Hamidah (Engku Puteri) anak Marhum Teluk Keta-pang, seorang daripada balu almarhum Sultan Mahmud Shah III, dan Tengku Hamidah enggan mengeluarkannya.<sup>1</sup>

Tengku Husain yang berada di Pahang telah menerima surat daripada Yamtuan Muda Raja Ja'afar memberitahu tentang kemangkatan ayahnya di Lingga tetapi tidak pula Yam-tuan Muda memberitahu dalam suratnya itu berkenaan Tengku Abdul Rahman yang telah dilantiknya menjadi Sultan menggantikan almarhum ayahnya itu. Dalam pada itu, oleh sebab musim gelora di laut, Tengku Husain telah terlambat balik ke Lingga.<sup>2</sup>

Apabila Tengku Husain sampai di Lingga, ia telah diterima dengan baik oleh adiknya Sultan Abdul Rahman dan tahulah Tengku Husain yang adiknya itu telah dijadikan Sultan. Tengku Husain telah menuntut haknya sebagai putera sulung almarhum Sultan Mahmud. Tengku Husain telah menerangkan juga iaitu setelah menerima surat daripada Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang menyatakan kemangkatan ayahnya itu, Bendahara Tun Ali di Pahang telah melantiknya meng-gantikan almarhum ayahnya sebagai Sultan, seperti perlantikan Raja Haji menjadi Yamtuan Muda yang dilantik oleh Bendahara Tun Abdul Majid dahulu (tahun 1777). Tetapi tuntutan Tengku Husain itu tiada mendapat sokongan, bahkan orang yang menyebelahnya dahulu pun telah masuk menyebelahi kerajaan yang baharu itu, kerana dipengaruhi oleh Yam-tuan Muda Raja Ja'afar.<sup>3</sup>

Tengku Husain telah pergi ke Riau (ke Pulau Penyengat) berjumpa ibu tirinya Tengku Hamidah mengadakan hal kedudukannya yang telah disingkirkan itu. Tengku Hamidah menyebelahi Tengku Husain dalam tuntutanannya itu, dan tiada bersetuju saudaranya Yamtuan Muda Raja Ja'afar meng-angkat Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan. Tengku Hamidah dan Tengku Husain telah mengumpulkan angkatan

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 263-265; JOHOR—m.s. 74.

<sup>2</sup>JOHOR—m.s. 77; SINGAPURA—m.s. 24.

<sup>3</sup>TUHFAT—m.s. 265-266; SINGAPURA—m.s. 24; JOHOR—m.s. 77.

perang di Pulau Penyengat untuk menyerang Lingga. Sebelum pergi menyerang Lingga, Tengku Husain telah meminta bantuan iparnya Bendahara Tun Ali di Pahang, yang telah menghantarkan angkatan perang dari Pahang pergi berkumpul ke Pulau Bulang dan akan bersatu dengan angkatan di Pulau Penyengat.

Apabila Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau mendapat tahu tentang hal tersebut, ia pun mengadu dan membantah perbuatan Bendahara Tun Ali Pahang itu kepada Residen Inggeris di Melaka (1795-1818 Melaka dalam perintah Inggeris). Residen Inggeris di Melaka telah menghantarkan wakilnya, bernama Adriaen Koek, pergi memberi amaran kepada Bendahara Tun Ali di Pahang, menyatakan campur tangan Datuk Bendahara dalam hal chwal Riau—Lingga, tidaklah disukai oleh Inggeris, bermakna kalau Bendahara Tun Ali menyerang Riau—Lingga, boleh jadi akan membangkitkan permusuhan di antara Datuk dengan orang Inggeris. Dengan amaran itu, Bendahara Tun Ali telah memanggil angkatan perangnya yang telah berkumpul di Bulang balik semula ke Pahang. Tuntutan Tengku Husain gagal, dan teruslah Sultan Abdul Rahman berkerajaan di Lingga di bawah telunjuk Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

1818-1819. Pada 21 hari bulan September 1818, Inggeris telah menyerahkan semula Melaka kepada orang Belanda. Lebih kurang empat bulan selepas itu, pada 28 hari bulan Januari 1819, satu angkatan kapal Kompeni Inggeris, yang diketuai oleh Thomas Stamford Raffles, sebagai Leftenan-Gabenor di Bangkahulu (di Sumatera Barat), telah sampai di Singapura dekat Pulau Sekijang. Esoknya, pada 29 hari bulan Januari 1819, Raffles dengan seorang pegawai di bawahnya bernama Mejar William Farquhar naik ke darat Singapura, di tepi Sungai Singapura, dan berjumpa Temenggung Abdul Rahman yang memerintah di Singapura, dan mereka telah mengadakan perundingan. Esoknya, pada 30

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 77; PAHANG—m.s. 56; SINGAPURA—m.s. 24; RAF-FLES—m.s. 451; BEGBIE—m.s. 79.

hari bulan Januari 1819, Raffles telah membuat perjanjian sementara dengan Temenggung Abdul Rahman untuk membenarkan Kompeni Inggeris membangunkan loji perniagaan di Singapura. Setelah Raffles bermesyuarat dengan Temenggung Abdul Rahman, mereka pun menghantarkan orang pergi ke Riau mengambil Tengku Husain (Tengku Long) dibawa ke Singapura. Pada 6 hari bulan Februari 1819, Raffles telah mengangkat Tengku Long menjadi Sultan di Singapura (Sultan Johor dan Singapura) bergelar Sultan Husain Muhammad Shah ibni almarhum Sultan Mahmud Shah III, dan pada hari itu juga, Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris membuat perjanjian yang lebih kuat lagi dengan Sultan Hussain Shah dan Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman, yang membenarkan orang Inggeris membangunkan loji perniagaan di Singapura, dan Kompeni Inggeris memberikan pembayaran wang setiap bulan kepada Sultan dan Temenggung. Esoknya, pada 7 hari bulan Februari 1819, Raffles bertolak meninggalkan Singapura pergi menjalankan tugasnya di tempat lain pula, Mejar William Farquhar tinggal di Singapura sebagai Residen Inggeris.<sup>1</sup> Sejak itu mulalah berpecah kerajaan Johor yang dahulunya meliputi Johor, Riau, Lingga, Singapura, Pahang dan pulau-pulau di Selatan Singapura. Kepulauan Riau-Lingga masuk ke dalam kuasa Belanda, dan Singapura, yang kemudiannya diikuti oleh negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, masuk ke dalam pengaruh Inggeris. (Lihat huraian yang lebih lanjut dalam buku *Sejarah Johor*).

Tiada lama setelah Inggeris menduduki Singapura, dalam tahun 1819 itu juga, Temenggung Abdul Rahman di Singapura telah mengutus surat kepada Bendahara Tun Ali di Pahang, memaklumkan perkara yang telah berlaku di Singapura, dan mengenai Tengku Husain telah diangkat oleh orang Inggeris menjadi Sultan di Singapura. Bendahara Tun Ali telah menjawab utusan itu dan mengatakan beliau tiada bercadang hendak masuk campur tentang urusan di Singapura itu, taat setia Bendahara Tun Ali tetap juga ke Daik (Lingga), sebarang

<sup>1</sup> HILL—m.s. 299-303; JOHOR—m.s. 80; RAFFLES—m.s. 484-500; TUHFAT—m.s. 276-277.

hal yang bersangkutan dengan Pahang tiada akan diberitahu ke Singapura melainkan ke Daik juga.

Selepas itu, Bendahara Tun Ali telah mengutus surat kepada Timmerman Thyssen, Gabenor Belanda di Melaka, menyatakan kehairanan datuk itu di atas perbuatan orang Inggeris di Singapura, iaitu perbuatan yang telah menceraikan orang adik-beradik, anak-beranak dan sahabat-handai, dan datuk itu menyataka juga bahawa orang Inggeris berniat jahat sambil berpura-pura menunjukkan merekalah sahabat sebenar kepada Raja Johor. Surat daripada Bendahara Tun Ali kepada Gabenor Belanda di Melaka itu dicap dengan *wakil Sultan Mahmud*, pada hal Sultan Mahmud telah lama mangkat. Dalam tahun itu juga, Bendahara Pahang tidak membenarkan bendera Inggeris dikibarkan di Pahang dan datuk itu telah menyatakan kepada Sultan Abdul Rahman di Daik (Lingga) bahawa ia tetap bertuankan ke Daik. Akan tetapi tiada lama kemudian daripada itu, Bendahara Tun Ali telah mengakui jua taraf kesultanan adik iparnya Sultan Husain Shah di Singapura itu.<sup>1</sup>

1821-1822. Pada akhir tahun 1821 (tahun hijrah 1236), Sultan Abdul Rahman serta anakanda baginda Tengku Besar Muhammad dalam rombongan diraja dari Lingga telah berangkat belayar ke Pahang. Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah mengiringi baginda hingga ke Pahang. Tiada berapa lama di Pahang, Yamtuan Muda balik ke Riau, dan Sultan Abdul Rahman dengan rombongan baginda itu diiringi oleh Bendahara Tun Ali berangkat pula ke Terengganu. Kedatangan baginda ke Terengganu telah disambut oleh Sultan Terengganu (Sultan Ahmad Shah, Sultan Terengganu IV). Dalam la-watan Sultan Abdul Rahman kali ini, lebih setahun lamanya baginda berada di luar Riau-Lingga. Tengku Teh isteri Tengku Besar Muhammad telah melahirkan seorang anak lelaki diberi nama Raja Mahmud. Pada awal bulan November 1822,

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 82-83; PAHANG—m.s. 56-57.

Sultan Abdul Rahman telah selamat sampai semula ke Lingga.<sup>1</sup>

1822. Dalam bulan Oktober 1822, Timmerman Thyseen dari Melaka dengan diiringi oleh Adriaen Koek telah datang ke Riau. Setelah berjumpa dan berunding dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar, dengan ditemani oleh Adriaen Koek serta pasukan askar Belanda yang lengkap bersenjata, Gabenor Belanda itu telah pergi ke istana Tengku Hamidah (Engku Puteri) di Pulau Penyengat dan mengambil dengan kekerasan semua perkakas alat kebesaran kerajaan Johor yang ada dalam simpanan Tengku Hamidah dan dibawa ke Melaka.

Setelah Sultan Abdul Rahman kembali dari Pahang dan Terengganu, seorang Laksamana Laut Belanda dari Melaka datang ke Riau dengan sebuah kapal perang membawa perkakas alat kebesaran kerajaan Johor yang diambil dari simpanan Tengku Hamidah dahulu, dan diserahkan kepada Sultan Abdul Rahman dalam suatu majlis istiadat pertabalanan baginda itu.<sup>2</sup> Sejak itu baharulah Sultan Abdul Rahman mempunyai perkakas alat kebesaran sebagai kebiasaan raja pemerintah lainnya. Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga dan Yamtuan Muda Raja Ja'afar bersemayam di Riau.

1824. Pada 17 hari bulan Mac 1824, Inggeris dan Belanda telah membuat perjanjian di London. Dalam perjanjian itu, mereka sesama sendiri telah menetapkan kawasan bahagian di Nusantara, dengan mengadakan suatu garisan melintang yang dijangkakan terletak di selatan Selat Singapura bagi menetapkan pembahagian itu. Inggeris tidak akan mencampuri hal ehwal di Pulau Kerimun, Batam, Riau (Bentan), Lingga dan pulau lain yang terletak di selatan daripada Selat Singapura dan Belanda pula tidak lagi akan menuntut Singapura dan tiada akan mencampuri hal ehwal negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang letaknya ke utara dari

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 281-282; 192; TERENGGANU—m.s. 24-25.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 228, 293-296.

Singapura. Itulah sebabnya pada tahun 1824 Melaka yang dipegang oleh Belanda bagi kali keduanya (1818-1824) telah diserahkan semula kepada Inggeris. Bangkahulu yang telah diperintah oleh Inggeris sejak tahun 1685 diberikan kepada Belanda. Bagi menguatkan lagi kuasa Inggeris di Singapura, supaya Singapura dipunyai terus oleh Inggeris, dalam bulan Ogos 1824 itu juga Inggeris telah mengambil Singapura dari tangan Sultan Husain Shah dan Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman, iaitu raja Melayu yang telah membenarkan Inggeris berniaga dan sama-sama memerintah Singapura, dan telah melucutkan semua sekali kuasa raja Melayu itu di Singapura dengan memberi wang sebagai gaji bulanan dan wang sagu hati supaya mereka mahu menandatangani surat perjanjian (2 hari bulan Ogos 1824)<sup>1</sup> untuk memenuhi kehendak Inggeris itu. Sungguhpun wang pemberian Inggeris itu agak banyak juga mengikut nilai wang masa itu, tetapi tentulah tiada bernilai jika dibandingkan dengan tukarannya sebuah pulau Singapura yang semakin lama semakin bertambah penting. (Lihat *Sejarah Johor*).

Pendeknya *garisan pembahagian* yang telah dibuat oleh Inggeris-Belanda dalam tahun 1824 itu, bolehlah diibaratkan sebagai *garisan penceraian*, sebagai sepatah kata Bendahara Tun Ali Pahang; menceraikan orang adik-beradik, anak-beranak dan sahabat handai, dan bolehlah ditambah; menceraikan satu rumpun bangsa yang sedarah sedaging mengikut nisbah ilmu kaji manusia.

Sejak itu Sultan Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga hanya bertaraf Sultan Riau-Lingga I yang tiada lagi bersangkutan paut dengan Johor dan Singapura. Sungguhpun hingga masa itu Pahang masih juga lagi bertuan ke Daik (Lingga), tetapi Riau-Lingga sendiri telah masuk di bawah kuasa Belanda, dan lambat-laun Pahang akan menarik diri juga daripada Riau-Lingga, Singapura dan Johor.

1825. Pada 8 hari bulan Disember 1825, Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman telah mangkat di istananya

<sup>1</sup>TUHFAT—m.s. 297; JOHOR—m.s. 84; SINGAPURA—m.s. 173.

di Teluk Belanga, Singapura. Anaknya yang bernama Daing (atau Tun) Ibrahim (disebut juga Daing Ronggek, Daing Kechil dan Tengku Chik) telah menggantikan almarhum ayahnya menjadi Temenggung Seri Maharaja Johor, dan bersemayam di Teluk Belanga, Singapura juga.<sup>1</sup>

1826. Pada tahun 1826, Sultan Ahmad Shah, Sultan Terengganu IV telah mangkat dan digantikan oleh adinda almarhum yang bernama Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Terengganu V. Baginda telah memerintah hingga tahun 1831, apabila baginda mangkat, digantikan pula oleh anak saudara almarhum yang bernama Raja Daud (putera almarhum Sultan Ahmad Shah) sebagai Sultan Terengganu VI bergelar Sultan Daud. Baginda hanya memerintah selama empat puluh hari sahaja, digantikan oleh ayah saudaranya Tengku Mansur, adik almarhum Sultan Abdul Rahman, sebagai Sultan Terengganu VII bergelar Sultan Mansur Shah II tahun 1831. Tiada berapa lama setelah menjadi Sultan, Sultan Mansur Shah II telah berperang dengan anak saudara baginda (adik Sultan Daud) bernama Tengku Umar yang hendak merebut kerajaan tetapi Tengku Umar dapat dikalahkan, dan lari ke Besut dan kemudian ke Kemaman.<sup>2</sup>

1827. Pada awal bulan Januari 1827, ada seorang Inggeris bernama Gray melawat Pahang untuk menjual candu dan membeli emas urai yang banyak didapati di Pahang. Dia telah bertolak dari Melaka pergi ke Pahang mengikut jalan sungai melalui Jempul, Sungai Serting, Sungai Bera, menghilir Sungai Pahang dan sampai di Pahang (ke Pekan, ibu negeri Pahang). Dalam buku hariannya yang kemudiannya dicap oleh T.J. Newbold, antara lain, Gray telah mencatatkan dalam bukunya itu:—

“Pada 9 hari bulan Januari 1827, saya dengan sembilan orang yang saya bawa, lengkap dengan senjata, telah bertolak dengan

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 89; MALAYA—m.s. 219-220.

<sup>2</sup> TERENGGANU - M.S. 25-26; TUHFAT - m.s. 323-325.



perahu meninggalkan Jempul menuju ke Pahang. Setelah menghilir di Sungai Jempul hampir sejam lamanya, kami pula berjalan membawa perahu kami mengikut darat sejauh hampir tiga ratus ela (di Penarikan) dan masuk ke Sungai Serting. Malamnya, kami berhenti di sebuah kampung kecil bernama Bahru (? Bahau) dekat tebing Sungai Serting. Lepas itu kami berperahu lagi lalu sampai ke Tasik Bera pada 13 hari bulan Januari 1827 pukul dua malam. . . Lima hari lamanya kami belayar di Tasik Bera baharu masuk ke Sungai Bera. Tempat di antara Bahru (? Bahau) hingga ke Sungai Bera tiada didiami orang, melainkan orang yang disebut oleh anak negeri "orang hutan" (orang asli) yang selalu datang ke Sungai Serting menangkap ikan. Gajah terlalu banyak. . .

"Kami bermalam di tebing Sungai Bera berhampiran dengan sebuah kampung besar yang disebut Kampung Bera, mempunyai sebilangan besar penduduk kampung, di bawah perintah Raja Pahang.

"Pada 14 hari bulan Januari 1827 kami meninggalkan Kampung Bera, menghilir lagi, dan masuk ke Sungai Pahang. Pada 15 hari bulan kami belayar siang malam menghilir Sungai Pahang dan sampai ke kampung Pahang (Pekan) pada 16 hari bulan pukul enam pagi. . .

"Pada 16 hari bulan Januari 1827, saya telah berjumpa dengan Raja Pahang (Bendahara Tun Ali) dan kedatangan saya diterimanya dengan baik. Saya telah meminta kebenaran daripadanya hendak pergi ke lombong emas menjualkan barang saya kepada orang di situ. Tetapi tiada dibenarkannya, kerana beberapa sebab seperti katanya: sangat susah hendak pergi ke tempat itu, dengan bersungguh-sungguh bergalah mudik, lebih empat puluh lima hari baharu sampai ke tempat tersebut. Orang luar dan orang Eropah yang datang berniaga ke Pahang, boleh jadi akan mendapat bahaya yang tiada disangka, pekerjaan saya hendak menjualkan barang kepada anak negeri di darat itu, boleh jadi mendatangkan kacau. Raja Pahang berkehendakkan supaya saya dijaga dengan baik, dua orang saudagar di tempat itu yang sudah terkenal di Singapura bernama Sayid Alwi dan Sayid Abdullah telah diperintahkan menjaga saya. Pada 20 hari bulan saya telah dapat menjualkan kepada Raja Pahang lima peti candu dengan harganya lapan ratus ringgit sepeti. Candu itu telah saya tukarkan dengan emas urai yang dikira harganya dua puluh ringgit sebungkal (bungkal Pahang). Emas urai itu akan dihantar ke Singapura dan Melaka mengikut keterangan yang telah saya nyatakan dalam surat saya, dan Raja Pahang mengaku menjamin keselamatan emas urai itu sebanyak yang saya dapat. Apabila saya dapat tahu harga candu di Singapura dan Melaka semakin sehari semakin turun, saya cuba menjualkan candu yang saya bawa seberapa segera yang boleh. Pada 21 hari bulan,

saya telah menjualkan satu peti sutera mentah dengan harga tiga ratus lima ringgit, sutera itu telah rosak kerana ditimpa hujan lebat semasa dalam perjalanan dari Melaka ke Jempul. Hari itu juga, telah saya hantarkan lima buah peti candu kepada saudagar di Pahang, dan saya telah menjualkan sepuluh ketul bulat candu yang kurang baik mutunya dengan kiraan harganya lapan puluh ringgit, ditukarkan dengan emas urai berharga dua puluh ringgit sebungkal. Petangnya, saya telah membeli dua kati emas urai. Saya telah diberitahu oleh saudagar itu mengatakan mereka telah menjumpai sebuah lombong bijih timah dekat Sungai Lepar (di Gambang sekarang), sejauh dua dari mudik bergalah dari daerah Pahang (Pekan), mereka menjangka lombong itu akan mengeluarkan hasil yang memuaskan, selain daripada beberapa orang Cina, ada lapan ratus orang Melayu yang akan bekerja di lombong itu.

"Pada 22 hari bulan pukul lima pagi, saya telah bertolak meninggalkan Pahang menuju Melaka. Hujan lebat serta angin kencang bertiup dari arah utara—sekeping kajang kecil dijadikan layar sambil berkayuh mudik Sungai Pahang, perahu kami menyongsong arus sungai yang sangat deras itu. Pada 26 hari bulan pukul lima setengah pagi, kami telah meninggalkan sebuah pulau di Sungai Pahang, belayar lagi hingga sampai ke sebuah kampung yang besar di tebing Sungai Pahang bernama Chenor. Pada 27 hari bulan pukul lima pagi, kami meninggalkan Chenor, pukul dua tengah hari sampai di Kuala Bera, sepanjang hari itu hujan turun begitu lebat. Dari Pekan Pahang sampai ke Kuala Sungai Bera, hampir enam hari lamanya kami mudik berkayuh dan bergalah dan juga menggunakan kajang yang dijadikan layar.

"Keterangan yang saya dapati berkenaan dengan lombong emas itu menyatakan: dari kuala Sungai Bera hendak sampai ke sebuah kampung bernama Jelai hampir dua belas hari lamanya mudik berkayuh baharu sampai ke situ dan dari situ hendak sampai ke lombong emas itu, sebulan lamanya mudik bergalah. Jelai itu merupakan sebuah kampung dan di situlah tempat perdagangan emas itu dijalankan orang".

Gray telah sampai semula di Melaka pada 6 hari bulan Februari 1827. Sepuluh hari kemudian daripada itu, semasa di Melaka ia telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit demam.<sup>1</sup>

1831-1832. Sungguhpun pada masa itu, di Kepulauan Riau-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 57-59.

Lingga masih ada Sultannya di Lingga (Sultan Abdul Rahman) dan Yamtuan Mudanya di Riau (Yamtuan Muda Raja Ja'afar), tetapi telah nyata kerajaan itu di bawah telunjuk Belanda. Pada tahun 1831 Yamtuan Muda VI Raja Ja'afar ibni almarhum Raja Haji Marhum Teluk Ketapang telah mangkat di Lingga. Di antara putera almarhum yang tinggal ialah Raja Abdul Rahman, Raja Ali dan Raja (Haji) Abdullah.

Belum pun sempat diangkat untuk menggantikan Yamtuan Muda yang baharu, Sultan Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga telah jatuh gering. Setelah beberapa bulan gering, pada tahun hadapannya, tahun 1832, Sultan Abdul Rahman ibni almarhum Sultan Mahmud III telah mangkat di Lingga. Setelah dimakamkan, almarhum digelar *Marhum Bukit Chengkeh*. Putera almarhum, Tengku Besar Muhammad diangkat menjadi Sultan, iaitu Sultan yang kedua bagi kerajaan Riau-Lingga, bergelar Sultan Muhammad Shah, bersemayam di Lingga juga.<sup>1</sup>

Pada tahun 1832, ibu negeri bagi negeri Selat dan tempat kediaman Gabenornya mula ditempatkan di Singapura, dan tidak lagi di Pulau Pinang.<sup>2</sup>

Tiada berapa lama setelah Sultan Muhammad Shah berkerajaan, baginda telah berangkat dalam suatu rombongan di-raja keluar meninggalkan Lingga melawat negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Setelah singgah sebentar di Johor, baginda telah datang ke Pahang dan kedatangan baginda itu telah disambut oleh Bendahara Tun Ali dengan penuh kemuliaan.

Semasa Sultan Muhammad berada di Pahang, Tengku Umar Terengganu yang tinggal di Kemaman telah datang mengadap baginda di Pahang dan mengadukan halnya yang telah dialahkan oleh ayah saudaranya Sultan Mansur Shah II Sultan Terengganu itu. Sultan Muhammad telah bermesyuarat dengan Bendahara Tun Ali dan orang besar yang turut sama datang dengan baginda mengenai hal Tengku Umar itu. Mengikuti

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 316-318; PAHANG - m.s. 59.

<sup>2</sup>EMERSON - m.s. 92.

keputusan mesyuarat itu, Sultan Muhammad telah menitahkan orang besar baginda membawa surat kepada Sultan Mansur di Terengganu mencadangkan supaya Sultan Muhammad mendamaikan Sultan Terengganu itu dengan Tengku Umar.

Hampir lapan belas hari lamanya setelah menerima surat itu, baharulah Sultan Terengganu menjawab surat Sultan Muhammad dan menyatakan Sultan Terengganu tiada mahu berdamai dengan anak saudaranya itu dan mengatakan pula: "Jikalau lain daripada Tengku Umar itu, jika Muhammad suka, jikalau budak hitam umpamanya, redalah ia, yang Tengku Umar itu tiada reda".

Dari Pahang, Sultan Muhammad telah berangkat ke Kemaman. Tetapi tiada lama di Kemaman, baginda berangkat pula ke Pahang dan Tengku Umar turut sama mengiringi baginda. Dari Pahang baginda berangkat kembali ke Lingga. Bendahara Tun Ali dan orang-orang besar Pahang serta Tengku Umar juga dibawa bersama pergi ke Lingga, kerana baginda hendak mengkhatakan dan menabalkan putera baginda yang bernama Raja Mahmud itu untuk dijadikan Tengku Besar.

Keramaian yang telah diadakan di Lingga dalam istiadat mengkhatakan dan menabalkan Raja Mahmud menjadi Tengku Besar itu, telah dijalankan selama empat bulan dengan mengadakan perayaan, jamuan, judi, sabung ayam dan sebagainya. Setelah Raja Mahmud dilantik menjadi Tengku Besar, Tun Mutahir (atau Wan Mutahir) anak sulung Bendahara Tun Ali telah digelar Engku Muda dan dikahwinkan dengan puteri Sultan Muhammad yang bernama Tengku Chik. Setelah selesai upacara itu, Bendahara Tun Ali serta orang besar Pahang bertolak meninggalkan Lingga dan setelah singgah sebentar di Riau, mereka balik ke Pahang.<sup>1</sup>

Bendahara Tun Ali mempunyai seorang menantu bangsa Arab bernama Sayid Umar, digelarnya Engku Sayid, dan isterinya anak Datuk Bendahara itu bergelar Enche' Puan Engku

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 323; 325-327; TERENGGANU—m.s. 27; PAHANG—m.s. 59-60.

Sayid. Sayid Umar diberikan tugas memegang jawatan Perdana Menteri. Ada seorang lagi anak Datuk Bendahara bernama Wan Ismail (atau Tun Buang). Dengan isterinya yang bernama Che' Long atau lebih terkenal dengan panggilan Encik Lingga, Datuk Bendahara telah mendapat seorang anak lelaki dan diberi nama Wan Ahmad (atau Tun Ahmad, dilahirkan pada 23 hari bulan Mei 1836).

Tun Mutahir yang bergelar Engku Muda tinggal di tempat yang bernama Ganchong. Wan Ismail (Tun Buang) digelar Engku Panglima Raja. Anak sulung Tun Mutahir yang bernama Wan Koris (atau Tun Long) digelar Panglima Perang. Seorang lagi anak Tun Mutahir bernama Wan Abdul Rahman (atau Wan Aman) dan Wan Sulaiman suami Engku Teh (anak perempuan Tun Muhammad adik Bendahara Tun Ali) memegang jawatan menteri. Wan Sulaiman inilah yang disebut oleh Abdullah Munshi dalam buku kisah pelayarannya: putera Bendahara Tun Ali yang sebenarnya ialah menantunya. Engku Sayid (Sayid Umar) dengan isterinya Enche' Puan Engku Sayid mendapat dua orang anak lelaki bernama Tuan Embong dan Tuan Ngah. Di antara anak Bendahara Tun Ali, Wan Ahmad itulah yang sangat disayanginya dan rakyat juga menyukainya.

Mengikut *Hikayat Pahang*: pada masa pemerintahan Bendahara Tun Ali itu, negeri Pahang berada dalam keadaan aman dan makmur, barang dagangan murah, dua puluh gantang beras berharga hanya seringggit, rakyat dalam negeri ramai yang kaya, dalam negeri itu juga banyak didapati emas. Di lembahan Sungai Kuantan banyak didapati bijih timah dan dipunyai oleh Bendahara sendiri. Pada masa itu, barang yang keluar masuk di Pahang, kecuali di lembangan Sungai Kuantan, dikecualikan daripada cukai.<sup>1</sup>

1833. Pada tahun 1833 (tahun Hijrah 1249), dengan persetujuan Residen Belanda yang ada di Riau, baharulah Sultan Muhammad di Lingga melantik Raja Abdul Rahman putera almarhum Raja Ja'afar menjadi Yamtuan Muda

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 60; HIKAYAT (II).

VII, tinggal di Riau, dan adiknya Raja Ali menjadi Engku Kelana.<sup>1</sup>

1835. Sultan Husain Shah (ipar Bendahara Tun Ali Pahang) yang telah menyerahkan Singapura kepada Inggeris (tahun 1824) telah mangkat di Melaka pada 5 hari bulan September 1835 (10 Jamadil Awal tahun Hijrah 1251) dan dimakamkan di Terangkera (Melaka).<sup>\*</sup> Di antara putera almarhum yang tinggal ialah Tengku Abdul Jalil (di Pahang) dan Tengku Ali.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Johor*).

1836. Pada tahun 1836, Sultan Mansur Shah II, Sultan Terengganu telah mangkat, putera baginda yang bernama Tengku Muhammad yang baharu berusia lima belas tahun diangkat menjadi Sultan Terengganu bergelar Sultan Muhammad (disebut juga Yang Dipertuan Pelat atau Yang Dipertuan Telor).<sup>3</sup>

1838. Pada 27 hari bulan Mac 1838 (waktu tengah malam), Abdullah bin Abdul Kadir Munshi telah bertolak belayar dari Singapura dengan beberapa orang kawannya, hendak ke Kelantan. Dalam pelayaran itu, pada hari Selasa 3 hari bulan April 1838 ia telah sampai di perairan Kuala Pahang dan mudik Sungai Pahang pergi ke ibu negeri Pahang (Pekan) dan telah tinggal di Pahang selama empat hari. Pada hari Sabtu, 7 hari bulan April 1838 ia telah meninggalkan Kuala Pahang belayar menuju ke Terengganu dan Kelantan.

Dalam buku karangannya yang bernama *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*, mengenai Pahang, sepanjang yang telah dilihat dan didengar oleh Abdullah Munshi, antara lain ia menceritakan:—

Sungai Pahang itu di sebelah kualanya lebar, sayup me-

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 319.

<sup>\*</sup>Sultan Husain Shah telah pindah dari Singapura, bersemayam di Melaka pada tahun 1834.

<sup>2</sup>ABDULLAH (jilid II) - m.s. 295, 307-309; AYUB - m.s. 7-8.

<sup>3</sup>TUHFAT - m.s. 335; TERENGGANU - m.s. 27.

mandang dari seberang ke seberang, kiri kanannya pasir putih, airnya tawar, di Sungai Pahang itu ada beberapa buah pulau, ada yang besar dan ada yang kecil. Abdullah telah diberitahu di sepanjang Sungai Pahang itu ada kampung orang, hulu Sungai Pahang itu bertemu dengan tanah Melaka.

Setelah setengah jam lamanya belayar dari kuala Pahang, sampailah ke suatu tempat bernama Kampung Cina (Pekan Baharu), dilihatnya ramai orang Melayu dan Cina dengan bersenjata lengkap berdiri di tebing sungai menanti kedatangan rombongan Abdullah itu. Di Kampung Cina itu terdiri dari orang Cina *Kheh*, rumah mereka semuanya rumah atap, dalam rumah mereka ada menyimpan kain dan makanan. Kebanyakan kaum lelaki Cina itu beristerikan perempuan Bali dan Melayu, anak mereka banyak menggunakan bahasa Cina daripada bahasa Melayu. Di situlah Abdullah berjumpa dengan Tengku Siak dan Tengku Tanjung (Tun Muhammad adik Bendahara Tun Ali) dan telah berbual dengan mereka. Apabila Abdullah Munshi bertanyakan Datuk Bendahara (Bendahara Tun Ali), orang di situ mengatakan Datuk Bendahara dengan seorang Kapitan Cina sudah mudik ke Jelai ke tempat mencebak emas, lima belas hari lamanya mudik di Sungai Pahang baharu sampai ke Jelai, ramai orang tinggal di sana dan juga tempat berniaga.

Menurut Abdullah Munshi lagi: Pekan Pahang itu seperti dusun, tiada berpasir dan tiada berkedai, tiada lorong tempat berjalan-jalan, melainkan di Kampung Cina itu sahaja ada jalan lebih kurang lima puluh depa panjangnya. Di Pahang banyak hutan-rimba, tetapi tidak diusahakan. Tanah negerinya subur pohon-pohonnya subur, baik bagi tempat bercucuk tanam. Nampaknya dengan kesal Abdullah Munshi menyebutkan: orang Pahang itu hanya sepuluh peratus sahaja yang bekerja, mereka miskin dan jahat. Tiap orang sentiasa sahaja memakai senjata dan ada di antara mereka yang memakai empat lima buah senjata. Setengah daripada mereka itu semata-mata hendak melawa sahaja, memakai seluar dan baju yang baik tetapi tiada membuat kerja mata pencarian, kebanyakannya mengisap madat (candu).

Rumahnya boleh dikatakan semuanya rumah atap belaka,

dan ada yang besar dan kecil, rumahnya semua terletak di darat, ada yang dalam hutan dan di tepi pantai, kedudukan rumah itu tidak berperaturan, berselerak di sana sini, kawasan rumahnya ada yang berpagar ada yang tidak, di keliling rumahnya sangat semak, di bawah rumah ada pelimbahan, kotor, sampah bertimbun-timbun, penghuni rumah itu membuat unggun api di bawah rumah untuk menghalau nyamuk, pakaian dalam rumah itu hitam kena asap.

Tanaman yang banyak di situ ialah pokok nyiur (kelapa) dan pokok pinang, harga kelapa lapan buah seringggit. Ada juga sedikit sayur iaitu ubi, keladi, keledak, tebu dan pisang—semuanya dibawa dari hulu Pahang. Binatang ternak orang Pahang itu ialah kerbau, kambing dan sedikit lembu serta ayam-itik. Burung yang banyak kelihatan ialah burung gagak, penuh di sepanjang sungai dan di merata kampung, burung gagak memakan bangkai dan ikan.

Banyak hasil dagangan yang dibawa keluar dari Pahang, di antaranya emas dan bijih timah, juga sedikit kain sutera tenun, kayu kemuning, damar dan rotan. Dagangan yang dibawa masuk dan laris dijual di Pahang ialah candu, sutera, garam, beras dan kain buatan Eropah. Makanan terlalu mahal kerana tiada pasar dan kedai.

Abdullah telah juga diberitahu: di hulu Pahang terlalu ramai orang Jakun, pekerjaan mereka mengeluarkan hasil hutan seperti gaharu, kemenyan, damar dan membawa berbagai jenis buah-buahan dari dalam hutan dan dijual atau ditukarkan dengan tembakau atau garam kepada orang yang berniaga, ada juga orang Jakun itu yang mencebak emas bersama dengan orang Melayu, dan ada juga yang berkebum.

Di Pahang, wang yang digunakan pada masa itu ialah sejenis wang yang disebut *Tampang*, dibuat daripada timah, enam belas tampang berharga seringggit, tiada boleh dipecah kepada tiga suku, setengah atau sesuku. Oleh sebab itu, payahlah untuk membeli-belah, kalau membeli barang yang walau harganya sepatutnya tiada sampai setampang, terpaksa lah setampang juga dibayar, setampang itulah tukaran wang yang sekecilnya di negeri itu. Semasa Abdullah Munshi bertanya kepada seorang raja di Pahang bernama Tengku Sulaiman



(menantu Bendahara Tun Ali, bukan puteranya seperti kata Abdullah Munshi dalam bukunya itu), kalau peraturan wang perbelanjaan yang menggunakan tampang itu boleh diubah, Tengku Sulaiman mengatakan peraturan itu tiada boleh diubah, kalau diubah, harimau di hutan dan buaya di sungai akan menganas. (Keterangan mengenai wang Tampang ini, ada lagi dihuraikan di bawah).

Orang Arab yang ada di ibu negeri Pahang itu kebanyakannya keturunan *sayid* dan *shaikh*, anak cucu sayid bernama sayid dan anak cucu shaikh bernama shaikh. Mereka disegani oleh orang Melayu, berbahasa kepada mereka, menggunakan perkataan *tengku* dan *hamba tengku*, perkataan mereka terpakai kepada raja. Pekerjaan orang Arab itu berniaga, kebanyakan daripada mereka kaya. Rumah mereka rumah atap juga, tetapi lebih baik keadaannya daripada rumah orang Melayu, kampung mereka pun berlainan dengan kampung orang Melayu. Kebanyakan orang Arab itu tinggal di tepi pantai di seberang Kampung Cina (dipanggil Kampung Maulana), dan di kampung itu ada sebuah masjid, rumahnya rumah atap juga tetapi separuh dindingnya papan (sebelah bawah). Masjid itu dekat dengan Kampung Datuk Bendahara, di masjid itulah Datuk Bendahara dan semua orang Melayu bersembahyang Jumaat.

Di Pekan Pahang itu terdapat sedikit sangat tempat budak mengaji, di antara 10—12 buah rumah, cuma seorang dua sahaja anak-anak yang mengaji Quran. Bahasa Melayu orang Pahang itu bagus, halus dan betul jalan bahasanya, kerana bahasa Melayu Pahang itu berasal dari Johor, tetapi malangnya tiada tempat belajar menulis dan membaca bahasa Melayu (sekolah).

Mengikuti kata Abdullah Munshi lagi: di Pahang ramai terdapat anak raja, setiap orang anak raja itu mempunyai pengikut yang ramai. *Hamba Raja* juga ramai. Kawan anak raja dan hamba raja itulah yang selalu membuat kacau dalam negeri. Kebanyakan orang yang menjadi hamba raja itu ialah orang yang telah membuat kesalahan seperti membunuh orang, oleh sebab takut kena bunuh, mereka telah melindungi diri kepada raja, raja pun memberi suatu tanda kepadanya

menjadi orang dalam yakni orang raja atau hamba raja, tiada siapa pun yang berani mengusik mereka. Orang yang menjadi hamba raja itu sampai kepada anak cucunya pun dipanggil hamba raja. Orang yang membunuh seorang hamba raja, seramai tujuh orang belanya akan dibunuh sebagai balasnya. Oleh sebab itu bebaslah hamba raja itu, walau apa pun salah hamba raja itu tiada dipedulikan orang, sebab takut kepada raja, hamba raja menjadi sombong dan bongkok, sebab orang takut kepadanya, perbuatan mereka semakin bertambah zalim kepada penduduk negeri. Banyak timbul fitnah daripada hamba raja itu, walaupun tidak berlaku, dan rajanya pun percaya pula kepada hambanya itu, dengan itu ramailah orang yang teraniaya. Orang yang menghutangkan wang kepada orang lain, apabila hutang itu tiada dibayar, orang yang menghutangkan wang itu akan menyuruh hamba raja meminta hutangnya itu dan hamba raja itu diberi upah. Hamba raja itu meminta hutang dengan keras, kalau tidak dibayar, orang yang berhutang itu akan dibunuhnya (ditikam), ramailah orang yang mati kerana hutang, orang yang takut kena bunuh, menjualkan barangnya dengan harga yang tiada berpautan murahnya kerana hendak membayar hutang.

Hukuman dalam negeri itu: orang yang berbuat salah besar dihukum Salang dan Sula. Hukum salang ialah orang yang dihukum itu diikat kaki tangannya, didudukkan di haluan perahu, dibawa ke sebuah anak sungai, sampai di situ, pertanda (tukang bunuh) yang membawa keris daripada Bendahara akan menikam orang itu sehingga mati di tempat penyalangannya. Kemudian, pertanda pergi ke Kampung Cina, meminta daripada setiap rumah setampang (wang) untuk belajar menanamkan orang yang telah mati dihukum Salang itu. Hukuman Sula pula ialah orang yang dihukum itu ditikam dengan menggunakan pucuk nipah dari lubang duburnya hingga masuk ke dalam perutnya. Semasa Abdullah Munshi bertanya kepada orang Pahang, tidakkah boleh peraturan menghukum seperti itu diubah, mereka menjawab, sesiapa yang mengubah peraturan itu akan ditimpa daulat marhum yang tua-tua.

Setelah melihat dan mendengar hal-ehwal di Pahang itu,

Abdullah Munshi berpendapat negeri Pahang itu tanahnya subur, tetapi miskin dan sunyi. Penduduk dalam negeri sentiasa dalam ketakutan akan teraniaya dan tamak-haloba raja dan orang besarnya, rakyat berfikir, apa guna ada wang banyak, dapat wang dan makanan pun dirampas oleh orang besar itu, sebab itulah anak negeri malas dan miskin, pemerintahannya kurang baik.<sup>1</sup>

Demikianlah ringkasnya kisah mengenai negeri Pahang dalam tahun 1838 seperti diceritakan oleh Abdullah Munshi dalam buku karangannya yang disebutkan di atas tadi.

Tambahan kepada keterangan yang telah disebutkan oleh Abdullah Munshi itu, berkenaan dengan duit *Tampang* dan hukum bunuh di negeri Pahang pada zaman pemerintahan Bendahara-Bendaharanya dahulu, Dr. W. Lincham dalam buku karangannya *Sejarah Pahang* ada pula menyebutkan begini:

Dalam tahun 1847, duit tampang yang berharga satu sen telah diadakan di Pahang. Setelah Bendahara Wan Ahmad menakluki Pahang pada tahun 1863, Datuk Bendahara itu telah mengumpulkan semula beberapa banyak wang tampang satu sen itu, dilebur dan ditempa menjadi kepingan tampang yang lebih kecil dan lebih buruk keadaannya. Dalam tahun 1889, kerajaan Pahang telah mengisytiharkan iaitu duit tampang yang diedarkan oleh Sultan Pahang mulai 1 hari bulan Julai 1889 hendaklah diakui sah pembayarannya tetapi duit tampang itu tidak akan dikeluarkan lagi. Peraturan menggunakan duit tampang di Pahang telah diberhentikan dalam tahun 1893.

Pekerjaan menempa duit tampang di Pahang dikhaskan oleh kerajaan Pahang kepada orang Cina, di mana diperintahkan menempa duit itu empat kali dalam setahun dan ditetapkan pula berapa banyak yang hendak dibuat. Tempat menempa duit tampang itu ialah di Kuantan, di Lepar, di Semantan dan di Pekan Lama. Semasa dalam pemerintahan Bendahara Wan Ahmad, baginda telah membenarkan acuan menempa tampang itu disimpan dalam penjagaan orang besar

<sup>1</sup> PELAYARAN—m.s. 10-21; SKINNER—m.s. 26, 32-33.

Pahang yang bergelar Imam Perang Indera Mahkota dan Orang Kaya Bakti (seorang India).

Di masa pemerintahan Bendahara-Bendahara di Pahang itu, kesalahan yang dikirakan kesalahan yang boleh dihukum bunuh ialah derhaka kepada raja, membunuh orang, mengemukakan, membakar rumah orang dengan senjata dan berzina, dan hukum berzina ini dikenakan kepada pihak perempuan sahaja. Mereka yang membuat kesalahan seperti itu, ditangkap oleh orang-orang Bendahara (seperti mata-mata) yang memakai sebilah keris pandak dan sebatang tombak, mereka ini dinamakan juak atau budak raja atau hamba raja. Orang yang bersalah dibawa ke hadapan Bendahara, jika didapati benar bersalah, orang itu akan dipenjarakan buat sementara menantikan sampai masa hendak dihukum bunuh. Penjara pada zaman Melayu di Pahang dahulu, letaknya di Pekan Lama, di belakang Istana Pantai yang ada sekarang, besarnya penjara itu dua puluh empat kaki lebar dan empat puluh kaki panjang dan berpintu kisi besi. Orang yang dipenjarakan itu, sebelah kakinya dipasung pada sebuah pasung kayu dan setiap sebuah pasung itu boleh memasung lima orang sekali. Sungguhpun ada orang Cina bekerja membersihkan penjara itu sekali sehari, tetapi urusan kebersihan penjara itu tiadalah berapa diberatkan. Seorang Kapitan Cina di Pahang, diberi wang untuk mengadakan makanan bagi orang yang dipenjarakan itu. Setiap pagi, orang yang dipenjara itu, jika ada kemahiran, diberi sebilah pisau untuk membuat seruling buluh ataupun perkakas bunyi-bunyian lain, yang boleh dijual kepada orang yang selalu dekat penjara itu dengan harga hanya beberapa sen sahaja.

Peraturan membunuh orang yang dihukum bunuh di Pahang pada masa itu ada bermacam cara tetapi biasanya dibunuh dengan keris. Tiga hari sebelum orang itu dibunuh, pertanda akan berjalan-jalan di pekan memukul sejenis gendang kecil dan melaungkan kesalahan orang yang akan dihukum bunuh itu. Pada hari pembunuhan itu, orang yang dihukum dibawa ke Pulau Limin, sebuah pulau kecil di Sungai Pahang bersebelahan dengan Pekan Baharu (sekarang pulau itu tiada lagi). Tangan orang yang akan dihukum bunuh itu diikat dan

pada lehernya dibelitkan sejenis rantai yang dinamakan rantai hujan panas. Kemudian orang itu ditikam dengan sebilah keris panjang yang dipunyai oleh Bendahara. Keris itu namanya Keris Penyalang, asalnya dipunyai oleh Bendahara Tun Koris (keris itu telah dijadikan sebuah daripada perkakas alat kebesaran kerajaan Pahang). Setelah itu, pertanda pergi ke Pekan dan mengambil tiga tampang dari setiap buah kedai untuk belanja menanamkan orang yang telah dibunuh itu.

Seseorang yang mengamuk, diibaratkan seperti binatang buas dan bolehlah siapa saja membunuhnya semasa ia mengamuk. Kesalahan mengamuk itu hukumannya ditikam tandang iaitu ditikam dengan lembing. Perempuan yang berzina hukumannya *dikujut*. Seorang daripada isteri Bendahara Tun Ali telah menerima hukuman seperti itu (dia telah dikuburkan di Kuala Air Hitam). Hukuman yang disebut dipalong ialah badan orang yang dihukum itu diregang pada kayu yang diikat atau dipaku (seperti disalib), kemudian dicampakkan ke laut. Ada pula hukuman yang disebut hukum benam iaitu orang yang dihukum akan dibenamkan ke dalam air sampai mati. Hukuman yang disebut hukum *sula*, sudah disebutkan di atas. Orang yang membunuh keluarga raja, dihukum bunuh bersama dengan semua keluarga dan keluarga yang hampir, juga dibunuh.<sup>1</sup>

Orang-orang besar yang kanan di masa pemerintahan Bendahara Tun Ali, ialah orang yang bergelar Orang Kaya Indera Maharaja Perba di Jelai, Orang Kaya Indera Segara di Temerloh, Orang Kaya Indera Pahlawan di Chenor, dan Orang Kaya Indera Shahbandar yang tinggal dekat Pekan. Orang besar yang menjadi ketua menjalankan kerja pentadbiran dalam negeri ialah menantu Bendahara Tun Ali yang bernama Sayid Umar yang digelar Engku Sayid.<sup>2</sup>

1839. Tengku Umar Terengganu yang pergi ke Lingga dahulu telah kembali semula ke Kemaman dan mengumpulkan orang dan kelengkapan perangnya. Pada tahun 1839,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 62-64.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 64.

Tengku Umar telah pergi menyerang Kuala Terengganu dan berjaya menghalau dan menurunkan sepupunya Sultan Muhammad (Marhum Telor) dari takhta kerajaan Terengganu dan Tengku Umar pulalah yang menjadi Sultan Terengganu, dan baginda dikenali dengan gelaran Baginda Umar atau Sultan Umar (Sultan Terengganu yang ke-IX).<sup>1</sup>

1841. Pada tahun 1841 (tahun Hijrah 1257) Sultan Muhammad Shah, Sultan Riau-Lingga telah mangkat di Lingga, setelah dimakamkan almarhum digelar *Marhum Keratun*. Putera almarhum itu, Tengku Besar Mahmud diangkat menjadi Sultan Riau-Lingga yang ke-3) bergelar Sultan Mahmud Muzaffar Shah, juga bersemayam di Lingga, pada masa itu usia baginda baharu lapan belas tahun. Sultan Mahmud Shah tiada bersetuju dengan Yamtuan Muda Raja Abdul Rahman dan Residen Belanda yang tinggal di Riau kerana baginda tiada suka gerak-geri baginda dikawal dan diperintahkan oleh Residen Belanda yang disokong oleh Yamtuan Muda itu. Baginda selalu pergi bermain ke Singapura.<sup>2</sup>

Pada 19 hari bulan Ogos 1841 itu juga, Bendahara Tun Ali dari Pahang telah datang ke Singapura merasmikan perlantikan Tun Ibrahim (Daing Ronggek) sebagai Temenggung Seri Maharaja Johor dalam suatu istiadat besar yang telah diadakan di Bukit Ahor, Teluk Belanga, Singapura, walaupun pangkat Temenggung itu telah dipegang oleh Tun Ibrahim setelah kemangkatan ayahandanya pada tahun 1825 dahulu.

Kedatangan Bendahara Tun Ali merasmikan perlantikan Temenggung Seri Maharaja Daing Ibrahim itu, mengikut setengah riwayat ialah kerana Gabenor Samuel George Bonham, Gabenor di Singapura masa itu, telah mempersilakan Bendahara Tun Ali datang ke Singapura merasmikan perlantikan itu. Majlis istiadat itu telah dihadiri bersama oleh Gabenor Bonham dan orang besar Singapura serta Johor.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>TERENGGANU - m.s. 27-28.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 336-337, 339-340.

<sup>3</sup>TUHFAT - m.s. 338; SAID (I) - m.s. 45; JOHOR - m.s. 91; SINGAPURA - m.s. 354.

1844. Pada tahun 1844 (tahun Hijrah 1260), Yamtuan Muda Raja Abdul Rahman ibni almarhum Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah mangkat di Pulau Penyengat, Riau. Beberapa bulan kemudian, baharulah Sultan Mahmud di Lingga melantik Raja Ali adik almarhum Yamtuan Muda Raja Abdul Rahman, menjadi Yamtuan Muda VIII, dan bersemayam di Riau juga.<sup>1</sup>

Beberapa ketika sebelum Bendahara Tun Ali meninggal dunia, Datuk Bendahara telah mengundurkan diri daripada tugas memerintah negeri dan telah pergi ke suatu tempat di tepi Sungai Pahang Tua bernama Lami. Pemerintahan negeri telah diberikan kepada anak sulungnya Tun Mutahir (Engku Muda). Oleh sebab Tun Mutahir tinggal di Ganchong, beliau juga disebut *Bendahara Ganchong*.

1856. Pada 25 hari bulan Mei 1856, dan sekali lagi pada 15 hari bulan Oktober tahun itu juga (1856), Bendahara Tun Ali telah membuat surat wasiat menyebutkan: apabila ia meninggal dunia kelak, anaknya Tun Mutahir akan menggantikannya memerintah Pahang, tetapi hasil yang didapati dari daerah Kuantan dan daerah Endau, yang banyak mengeluarkan hasil bijih timah kepunyaan Bendahara itu, ditentukan terpalang kepada anaknya Wan Ahmad (Tun Ahmad).<sup>2</sup>

1857. Dalam pertengahan tahun 1857, Yamtuan Muda Raja Ali di Riau yang belum berapa lama memegang jawatannya telah mangkat. Pada masa itu timbullah perselisihan di antara Sultan Mahmud Muzaffar Shah di Lingga dengan Residen Belanda di Riau dan kebanyakan orang besar Riau-Lingga berkenan untuk mencari ganti Yamtuan Muda yang baharu. Sultan Mahmud mahu menantu baginda Raja Muhammad Yusuf anak almarhum Yamtuan Muda Raja Ali dijadikan Yamtuan Muda tetapi Residen Belanda dan ramai orang besar Riau-Lingga lebih menyetujui jika Raja Haji Abdullah adik almarhum Yamtuan Muda Raja Ali dijadikan Yamtuan Muda.

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 342-343, 346.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 66, 75; TARLING - m.s. 65.

Perlantikan itu telah ditanggihkan beberapa bulan lamanya.<sup>1</sup>

Pada tahun 1857 itu juga, Bendahara Tun Ali ibni almarhum Bendahara Tun Koris di Pahang telah kembali ke rahmatullah setelah memerintah di Pahang lebih kurang lima puluh tahun (1806-1857). Sewaktu Bendahara Tun Ali hendak meninggal dunia, anaknya Wan Ahmad tiada sama mengadap dan mendengar pesanan ayahnya yang akhir sebagai wasiat kepadanya. Tetapi ketika itu, hanya anak Bendahara yang bernama Tun Mutahir sahaja yang mengadap ayahnya, dan segala pesanan Bendahara Tun Ali ketika hendak meninggal itu telah disampaikan kepada Tun Mutahir.

Semasa memakamkan jenazah almarhum Bendahara Tun Ali di Kuala Pahang, Tun Mutahir dan adiknya Tun (Wan) Ahmad turut hadir dan keduanya membawa beberapa ramai pengikut yang berengkap dengan senjata seperti hendak berperang. Tetapi dengan nasihat orang besar Pahang yang tua-tua, tiada terjadi sesuatu yang tidak baik dan istiadat permakaman itu dapat disempurnakan.

Almarhum Bendahara Tun Ali telah meninggalkan beberapa orang anak iaitu Wan Mutahir (di Ganchong), Wan Sulong, Wan Ismail atau Tun Buang (Engku Panglima Besar), Wan Teh, Wan Ahmad (tinggal di Pekan Seberang), Wan Timah, Wan Sunit, Wan Mansur (tinggal di Kampung Marhum).<sup>2</sup>

<sup>1</sup>TUHFAT - m.s. 353-355.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 65-66.



[The text in this section is extremely faint and illegible. It appears to be a multi-paragraph document, possibly a letter or a report, but the specific content cannot be discerned.]

[This section contains a few more lines of text, which are also illegible due to the same low contrast and blurriness as the first section.]

## *Perang Saudara di Pahang*

1857. Setelah Bendahara Tun Ali meninggal dunia, beliau digantikan oleh anaknya Tun Mutahir yang telah lama memangku jawatan ayahnya itu, sebagai Bendahara pemerintah Pahang, bergelar Bendahara Seri Maharaja, disebut juga Bendahara Ganchong. Oleh sebab Bendahara Tun Mutahir tiada mengikut wasiat ayahnya yang telah menentukan hasil di daerah Kuantan, dan Endau diberikan kepada adiknya Wan Ahmad maka Wan Ahmad begitu marah dan hendak membeontak melawan abangnya.

Tiada lama setelah abangnya memerintah, dalam bulan Julai 1857, Wan Ahmad dengan pengikutnya telah meninggalkan Pahang pergi ke Pulau Tekong, di Singapura bagi menyediakan orang dan kelengkapan perang untuk menyerang Pahang melawan abangnya Bendahara Tun Mutahir.

Dalam bulan Julai 1857 itu juga, Temenggung Tun Ibrahim Johor yang tinggal di Singapura yang menyebelahi Bendahara Tun Mutahir, telah memberitahu Gabenor di Singapura (E.A. Blundell) berkenaan dengan Wan Ahmad yang sedang menyediakan perahu perang di Pulau Tekong hendak menyerang Pahang, dan Temenggung telah meminta supaya Gabenor memberhentikan Wan Ahmad menggunakan wilayah Singapura (Pulau Tekong) sebagai pangkalan perangnya untuk menyerang Pahang. Gabenor Blundell telah mengingatkan Temenggung Tun Ibrahim, sebagai seorang penduduk Singapura, janganlah Temenggung Ibrahim masuk campur dalam permusuhan di antara raja Pahang itu.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> TARLING—m.s. 65; PAHANG—m.s. 66-67; JOHOR—m.s. 94.

Dalam bulan September 1857 itu juga, Sultan Mahmud Muzaffar yang bersemayam di Lingga (Daik) telah dipecat oleh kerajaan Belanda Kepulauan Hindia-Timur (Indonesia sekarang) turun dari takhta kerajaan Riau-Lingga, kerana baginda tiada begitu taat menurut perintah dan nasihat kerajaan Belanda mengenai pemerintahan di Riau-Lingga dan mengenai kedudukan baginda sebagai seorang Sultan di bawah kuasa Belanda. Kerajaan Belanda telah mengangkat ayah saudara baginda yang bernama Raja Sulaiman putera almarhum Sultan Abdul Rahman *Marhum Bukit Cengkeh* menjadi Sultan Riau-Lingga bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II dan Belanda telah juga mengangkat Raja Haji Abdullah menjadi Yamtuan Muda IX menggantikan abangnya almarhum Raja Ali.

Tiada berapa lama selepas itu, dalam bulan Oktober 1857, walaupun telah dilarang oleh Belanda, Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga telah bertolak meninggalkan Lingga datang ke Singapura. Tiada lama di Singapura beliau telah pergi pula ke Pahang. Semasa berada di Pahang, Sultan Mahmud telah membayangkan kepada Bendahara Tun Mutahir supaya ia diangkat oleh Bendahara menjadi Sultan Pahang. Tetapi keinginan Sultan Mahmud itu tiada disukai dan tiada dilayan oleh Bendahara Pahang, dan Sultan Mahmud telah marah kepada Bendahara Tun Mutahir. Oleh sebab itu, Sultan Mahmud telah masuk menyebelahi pihak Wan Ahmad melawan Bendahara Pahang.

Temenggung Tun Ibrahim Johor menyebelahi Bendahara Tun Mutahir dan melawan pihak Wan Ahmad sebab sekiranya Pahang dapat diperintah oleh Sultan Mahmud, boleh jadi mendatangkan bahaya kepada kedudukan Temenggung Tun Ibrahim sebagai pemerintah Johor, kerana Sultan Mahmud itu ialah waris daripada Sultan-sultan yang memerintahkan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang yang lama dahulu, itulah satu daripada sebabnya mengapa Temenggung Tun Ibrahim menyebelahi Bendahara Tun Mutahir dan lagipun Bendahara Tun Mutahir itulah orang yang sepatutnya memerintah Pahang menggantikan almarhum ayahnya dan Temenggung Tun Ibrahim sendiri pun bercita-cita hendak menyatukan kerajaan

Johor-Pahang di bawah perintahnya, kerana Tun Mutahir telah tua dan anaknya yang pematat itu dipandang oleh Temenggung Tun Ibrahim sebagai satu perkara kecil sahaja yakni tidak sukar untuk menakluki mereka itu.<sup>1</sup>

Apabila Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga itu tidak mendapat layanan daripada Bendahara Tun Mutahir di Pahang, ia pun pergi ke Terengganu untuk berjumpa Sultan (Baginda) Umar, alor ayah saudaranya, dan telah cuba meminta pertolongan baginda bagi mengembalikan ia ke atas takhta kerajaannya. Sungguhpun Baginda Umar membenarkan anak saudaranya itu tinggal di Terengganu, tetapi baginda tiada memenuhi permintaan Sultan Mahmud itu, sebaliknya Sultan Terengganu hendak membantu Wan Ahmad melawan abangnya Bendahara Tun Mutahir merebut takhta kerajaan Pahang. Beberapa lama di Terengganu, Sultan Mahmud bertolak pergi ke Kelantan dan dari Kelantan ia pergi pula ke Siam menghadap Raja Siam meminta pertolongan. Lama juga Sultan Mahmud berada di Siam.<sup>2</sup>

Wan Ahmad, setelah bersiap sedia berlangkap di Pulau Tekong, Singapura, ia pun bertolak membawa angkatannya pergi ke Kemaman, Terengganu, dan menyediakan orang dan kelengkapan pula di situ untuk melancarkan serangan ke Pahang. Sultan Umar di Kuala Terengganu telah mengeluarkan perintah kepada orang-orang besar baginda di Kemaman supaya memberi pertolongan yang sepenuhnya kepada Wan Ahmad yang menentang Bendahara Pahang itu, jika tidak, mereka akan dihukum oleh baginda.<sup>3</sup>

Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1857), Bendahara Tun Mutahir di Pahang telah menerima sepucuk surat dari Terengganu yang menyatakan bahawa Sultan Terengganu mengutuk tindakan Wan Ahmad yang hendak melawan Bendahara yang memerintah Pahang itu. Sungguhpun isi surat itu di-

<sup>1</sup> TUHFAT—m.s. 361-363, 374; TARLING—m.s. 66; PAHANG—m.s. 67; TERENGGANU—m.s. 31.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 374-378; TERENGGANU—m.s. 31-32; PAHANG—m.s. 67.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 67; TERENGGANU—m.s. 31.

curigai kebenarannya, tetapi ada juga kesannya kepada pihak Bendahara Pahang itu. Bendahara dan pengikutnya tidak lagi menjalankan kawalan yang kuat menjaga negerinya, tambahan pula pada masa itu, Bendahara Tun Mutahir tiada mendengar apa-apa berita mengenai perkara yang sedang berlaku di Terengganu. Isi kandungan surat itu telah disampaikan oleh Bendahara Pahang kepada Gabenor Blundell di Singapura dalam bulan Disember 1857.<sup>1</sup>

Oleh sebab mempercayai bahawa di Pahang tiada akan berlaku sebarang kekacauan, Bendahara Tun Mutahir telah membenarkan anak sulungnya Engku Muda Wan Koris (Wan Long) dalam satu rombongan pergi ke Singapura (Teluk Belanga) kerana Wan Koris hendak dikahwinkan dengan Che' Engku Besar anak Temenggung Tun Ibrahim iaitu kakak kepada Wan Abu Bakar. Wan Koris pergi ke Singapura dengan diiringi oleh adiknya Wan Aman (Wan Abdul Rahman) dan Wan Da serta ramai pengiringnya dari Pahang. Perkahwinan itu telah dilangsungkan di Teluk Belanga, Singapura, dalam bulan November 1857.<sup>2</sup>

#### Perang Orang Kemaman

Dalam bulan November 1857 juga, semasa Pahang tidak bersedia untuk menghadapi sebarang serangan, angkatan perang Wan Ahmad yang dibantu oleh Sultan Terengganu (Sultan Omar), telah bertolak dari Kemaman untuk menyerang Pahang. Angkatan ini diketuai oleh Enche' Koming Imam Perang Raja, Enche' Endut Panglima Raja, Enche' Talin Panglima Laut, Hitam Pengasuh Panglima Dalam, Panglima Kakap Bahaman dan beberapa orang lain yang gagah perkasa. Pasukan orang Kemaman yang turut membantu pihak Wan Ahmad itu diketuai oleh Sayid Idrus, Raja Muda dan Wan Dagang peperangan itu disebut juga *perang orang Kemaman*.

Apabila angkatan itu sampai di Kuala Pahang, angkatan itu terus mudik sehingga ke Kampung Marhum, dan ketua-ketua

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 94-95; PAHANG—m.s. 68.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 68; JOHOR—m.s. 94-95.

kampung di sini telah menyebelahi Wan Ahmad. Kemudian, angkatan itu telah berjaya menawan Pulau Jawa dan di situ, mereka telah membuat perkubuan.

Engku Sayid, ipar Bendahara Tun Mutahir, bersama dengan anaknya yang bernama Tuan Embong (disebut juga Wan Embok), yang menjadi ketua daerah di antara Pekan hingga ke tepi laut, telah memperkuatkan pasukannya di hulu sedikit dari Pulau Jawa. Tujuan mereka adalah untuk mempertahankan Pekan dan telah menghantar utusan untuk meminta bantuan dari Bendahara Tun Mutahir yang tinggal di Ganchong. Bendahara sendiri telah memperkuatkan kedudukannya. Engku Panglima Besar (Wan Ismail anak Bendahara Tun Mutahir), Maharaja Perba Jelai Wan Idris, Tengku Ismail dan Tengku Uda, telah berkubu di suatu tempat di hulu Pulau Keladi.

Pasukan Wan Ahmad itu telah menyerang dan membakar sebuah kampung bernama Ketapang. Kemudian, setelah lima hari lima malam, pasukan Wan Ahmad berperang melawan pihak Bendahara Tun Mutahir, akhirnya pasukan Wan Ahmad telah dapat menawan Kampung Cina (Pekan Baharu). Engku Sayid bersama dengan anaknya serta tujuh orang pengikutnya telah meninggalkan kubu mereka dan lari ke Sungai Miang dan terus ke Singapura. Tujuh hari lamanya orang Kemaman pengikut Wan Ahmad telah menjajah Pekan serta merampas harta benda.

Kemudian, Wan Ahmad membawa pasukannya mudik lagi hendak menyerang Ganchong tempat Bendahara Tun Mutahir. Setibanya pasukan itu, Bendahara Tun Mutahir telah melarikan diri masuk ke dalam hutan, tanpa menghadapi sebarang pertentangan, Wan Ahmad telah menawan Ganchong. Di Ganchong ramai orang Kemaman telah beroleh harta rampasan.

Setelah Ganchong ditawan oleh Wan Ahmad, Engku Panglima Besar (Wan Ismail) serta pengikutnya telah meninggalkan kubu mereka di hulu Pulau Keladi dan lari masuk meredah hutan dan berjumpa dengan Bendahara yang lari itu. Dari situ, tiga hari tiga malam lamanya Bendahara serta pengikutnya mudik berkayuh dan bergalah hingga sampai di Chenor (di

tepi Sungai Pahang) dan mereka telah menetap di situ.

Wan Ahmad balik ke Pekan bagi menguatkan pertahanannya di situ. Sementara itu, Warf Dagang Kemaman, Che' Lambak Benta dan Sayid Idrus serta empat ratus orang pengikut Wan Ahmad telah pergi ke Kuala Luit untuk bermesyuarat dengan Che' Wan Chik anak Tun Muhammad (Tun Muhammad Engku Tanjung seperti yang disebut oleh Abdullah Munshi).

Tiada lama selepas itu, seorang yang bernama Haji Hasan serta beberapa orang datuk yang menyebelahi pihak Bendahara Tun Mutahir telah sampai di Kuala Luit, dan mereka mencadangkan hendak membuat perdamaian dan meminta supaya pihak Wan Ahmad jangan lagi mengejar orang-orang Bendahara yang lari itu, dan mengatakan "ini adalah kerana orang-orang perempuan keluarga diraja dalam kumpulan kami tersangat ngeri dan takut!", dan menurut kata ketua pihak Bendahara itu lagi: orang yang mengetuai kedua-dua pihak yang bermusuhan itu, bukannya orang lain, melainkan adik beradik, jika boleh pembunuhan di antara kedua orang adik beradik itu hendaklah ditamatkan.

Mendengar cadangan itu, Cik Lambak serta pengikutnya menjawab, "Inilah keputusan yang baik untuk dunia akhirat". Setelah itu, Haji Hasan telah memberitahu orang-orang Bendahara yang ada bersamanya, yang mereka tidak lagi akan berperang. Mengikut cadangan Haji Hasan itu juga, Che' Lambak telah pergi berjumpa Wan Ahmad memberitahu tentang cadangan damai itu. Kemudian, Haji Hasan menghebahkan pula kepada orang-orang yang tinggal di kampung sekitar Hulu Luit hingga ke Hulu Pahang dan menyuruh mereka membuang kubu-kubu yang ada di kiri kanan tebing sungai di situ hingga ke tempat yang bernama Batu Gajah.

Sungguhpun demikian, kedua-dua pihak masih belum saling mempercayai sama ada perdamaian itu dapat dijalankan.

Pada masa itu, Wan Embong dan Wan Muhammad, keduanya anak Maharaja Perba Jelai Wan Idris, yang telah bertolak dari Jelai enam hari yang lalu membawa pengikut seramai empat puluh orang dengan bersenjatakan lembing, telah sam-

pai di Chenor. Wan Embong dan Wan Muhammad telah mengadap Bendahara Tun Mutahir. Semasa mengadap Bendahara, Wan Embong yang berumur hampir tiga puluh lima tahun dan berambut panjang menjuntai sampai ke pinggang, memakai lima jenis senjata iaitu sebilah keris panjang, sebilah keris pandak, sebilah pedang bermata lebar, sebuah senjata yang disebut *lawi ayam* (seperti kerambit) dan sebilah jembia. Di balai penghadapan itu ramai pula orang-orang besar Pahang yang turut hadir, di antara mereka itu ialah Engku Panglima Besar (Wan Ismail), Maharaja Perba Jelai (Wan Idris), Haji Hasan dan Tok Tunggal Bukit Segumpal.

Setelah Wan Embong dan Wan Muhammad memberi hormat kepada Bendahara, Bendahara pun berkata kepada Wan Embong: "Aku 'dah kalah berperang dan terpaksa berundur ke Chenor ini". Mendengar perkataan Bendahara Tun Mutahir yang seakan mengadukan halnya itu, dengan gaya yang menunjukkan beraninya, Wan Embong menjawab, "Apa boleh buat kerana patik tiada pada masa itu. Orang-orang tuanku semuanya betina! Malulah seorang Raja diturunkan dari takhta kerajaannya di mana seorang pun hulubalang perangnya tiada yang mati. Jikalau patik ada masa itu, tak dapat tiada darah akan tumpah ke bumi dan Ganchong tidak akan dapat ditawan oleh musuh. Patik akan menghilir dengan segera dan patik akan melanggar Pekan. Ayah patik biarlah tinggal di sini bersama tuanku, patik tidak dapat menanti lebih lama di sini, kerana patik 'dah tercium bau darah!"

Dengan lemah-lembut Bendahara berkata lagi, "Janganlah begitu Wan Embong, aku minta engkau bersabar dahulu sehingga balik anak-anak aku dari Selat (Singapura), tak lama lagi mereka akan sampai".

Wan Embong menjawab, "Patik mengikut perintah tuanku tetapi patik hanya dapat bertempoh selama tujuh hari. Kalau mereka tidak balik dalam tempoh itu, patik akan menghilir". Mendengar kata Wan Embong itu, berubah muka Engku Panglima Besar tetapi Haji Hasan, Tok Raja (Maharaja Perba Jelai) dan Tok Tunggal tiada berkata apa. Lepas itu, Wan Embong minta diri keluar dari penghadapan Bendahara dan pergi ke sebuah tempat lapang dan di situ Wan Embong



telah menari-nari seperti cara orang Bugis menarikan tarian perang untuk melepaskan geramnya.

Pada malam selepas Wan Embong menghadap Bendahara itu, Engku Muda Wan Koris dan adiknya Wan Aman serta Wan Da dari Singapura (Selat) telah sampai di Pahang, mereka balik melalui jalan darat mengikut tasik dan Sungai Bera. Bendahara Tun Mutahir telah menyerahkan semua urusan mengelolakan perang melawan Wan Ahmad itu kepada ketiga-tiga orang anaknya itu.

Pada masa itu, beberapa orang besar Pahang yang menyebelahi pihak Bendahara Tun Mutahir telah diberi gelaran iaitu Wan Embong digelar Panglima Kiri, Wan Muhammad digelar Datuk Setia Muda Jelai, Tengku Acheh digelar Imam Perang, adik Che' Buman digelar, Panglima Bebas, Haji Hasan dijadikan Imam Perang Hulubalang dan beberapa orang besar lagi semuanya diberi gelaran. Enche' Tuit Orang Kaya Indera Pahlawan di Chenor, Orang Kaya Indera Segara di Temerloh, Orang Kaya Setia Lela di Lipis, Panglima Raja di Tembeling, Orang Kaya Dewa di Bangau, Penghulu Bentong dan Tok Yahya di Rambai Sebunga, semuanya berkumpul di Chenor. Pendeknya pada masa itu hampir semua orang besar yang berkuasa di Pahang menyebelahi Bendahara Tun Mutahir.

Sementara itu, Wan Ahmad telah bersedia juga mengumpul ubat bedil, menguatkan kubunya dan bermesyuarat dengan Sayid Idrus dan ketua pasukannya bagi mengatur rancangan melawan pihak Bendahara itu. Tetapi pada masa itu telah kelihatan oleh Wan Ahmad perubahan pada beberapa orang daripada ketua yang menyebelahinya yang tiada lagi berapa kuat hatinya untuk meneruskan peperangan itu, kerana maklumlah mereka akan berperang bukan dengan orang lain melainkan dengan orang suku kaum sendiri juga.

Setelah angkatan Wan Ahmad itu siap, mereka pun mudik Sungai Pahang dan berjumpa dengan angkatan Bendahara Tun Mutahir di suatu tempat bernama Pulau Manis dan berlakulah peperangan. Setelah sehari suntuk, pasukan Wan Ahmad kalah, dan terpaksa berundur ke Ganchong kemudian ke Tanjung Langgar. Di sini mereka telah mendirikan kubu di kiri kanan tebing sungai di situ. Di tempat ini telah berlaku pepe-

rangan di antara kedua belah pihak selama lebih kurang empat bulan (masuk ke tahun 1858).

Satu pasukan pihak Bendahara Pahang yang diketuai oleh Sutan Garang, telah membuat serangan mengejut ke kubu pasukan Wan Ahmad yang dijaga oleh orang Kemaman. Pasukan Sutan Garang telah membunuh orang Kemaman di kubu mereka itu sehingga pasukan Wan Ahmad itu tak sanggup lagi bertahan di situ dan mereka turun ke perahu terus meninggalkan Pahang dan kembali ke Kemaman. Sungguhpun banyak harta rampasan yang dibawa balik ke Kemaman, tetapi ramai orang Kemaman yang telah mati terbunuh dalam peperangan itu. Pada pendapat Wan Ahmad, sekiranya orang Terengganu pengikutnya yang berperang di Pahang itu tidak terlampau mengutamakan hendak mengambil dan merampas harta benda sahaja pada masa berperang, tentulah mereka dapat mengalahkan musuh mereka. Dalam pada itu sungguhpun pada kali ini pasukannya telah kalah, tetapi Wan Ahmad tidak putus asa, beliau telah mengatur rancangan baharu untuk menyerang Pahang.

Mengikut *Hikayat Pahang*: Engku Muda Wan Koris serta datuk-datuk pengikutnya di Pahang yang telah menang dalam peperangan itu, telah merasa sombong dan takabur dan mereka telah lupa Allah. Tiada lama selepas mereka berjaya mengalahkan musuh mereka itu, timbullah perselisihan di antara orang besar Bendahara itu sesama sendiri. Wan Embong Panglima Perang Kiri telah berselisih dengan Orang Kaya Indera Segara Temerloh, kerana Wan Embong mengaku bahawa dia sendirilah yang telah menyebabkan kemenangan itu tetapi mujurlah tiada terjadi apa-apa pembunuhan, kerana dapat dilerai oleh Engku Muda Wan Koris.<sup>1</sup>

Dalam bulan Disember 1857, sebelum selesai perang orang Kemaman di Pahang itu, Gabenor Blundell di Singapura sekali lagi telah menahan Temenggung Ibrahim Johor menghantar pasukan perang membantu Bendahara Tun Mutahir di Pahang,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 68-71; HIKAYAT (II).

dan juga melarang Temenggung masuk campur dalam hal chwal yang sedang berlaku di Pahang.<sup>1</sup>

1858. Pada tahun 1858, Yamtuan Muda Raja Haji Abdullah telah mangkat di Pulau Penyengat, Riau, dan almarhum itu digelar *Marhum Mursyid*. Dengan persetujuan kerajaan Belanda, anak saudara Marhum Mursyid yang bernama Raja Muhammad Yusuf (putera almarhum Raja Ali) menantu bekas Sultan Mahmud Muzaffar Shah, diangkat menjadi Yamtuan Muda di Riau (Yamtuan Muda X) dan beliaulah Yamtuan Muda Riau—Lingga yang akhir.<sup>2</sup>

Dalam bulan Februari 1858, Temenggung Ibrahim Johor yang tinggal di Teluk Belanga, Singapura, telah menulis surat kepada Gabenor Blundell menyatakan kekesalan Temenggung dengan sikap 'bukan secara bersahabat' yang telah ditunjukkan oleh Gabenor kepada beliau. Gabenor telah melarang Temenggung Ibrahim menghantarkan bantuan kepada Bendahara Tun Mutahir di Pahang, tetapi membiarkan Wan Ahmad menggunakan Singapura (Pulau Tekong) menjadi pangkalannya dalam melancarkan serangan ke Pahang (tahun 1857).<sup>3</sup>

Pada masa itulah juga (awal tahun 1858) Wan Abu Bakar anak Temenggung Ibrahim telah disuruh oleh ayahnya dengan satu angkatan pergi memerhatikan apa yang sedang berlaku di Pahang. Tetapi di Kuala Sedili, Wan Abu Bakar telah ditangkap oleh pihak Inggeris, kerana orang dari perahu Wan Abu Bakar telah mengambil beberapa batang lembing daripada sebuah perahu orang Pahang yang sedang belayar di laut perairan Johor. Dengan perbuatan pihak Inggeris itu, berpunca daripada kesilapan Residen Konselar di Singapura, Wan Abu Bakar telah dilepaskan.<sup>4</sup>

Pada awal bulan Mei 1858 itu juga, Gabenor di Singapura telah menolak permintaan Bendahara Tun Mutahir yang me-

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 94-95.

<sup>2</sup> TUHFAT—m.s. 369-371.

<sup>3</sup> JOHOR—m.s. 95; PAHANG—m.s. 71.

<sup>4</sup> JOHOR—m.s. 100; PAHANG—m.s. 72.

minta bantuan senjata dari Singapura untuk melawan musuhnya. Juga oleh kerana peperangan di Pahang itu telah merosakkan perhubungan perniagaan di antara Singapura dengan negeri di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, dalam pertengahan bulan Mei itu juga (1858), Gabenor di Singapura telah melawat Pahang berjumpa Bendahara Tun Mutahir, dan ke Terengganu berjumpa Sultan Umar di Kuala Terengganu. Pada 17 hari bulan Mei 1858, semasa Gabenor berada di Kuala Terengganu, ia telah meminta Sultan Terengganu supaya mengeluarkan Wan Ahmad dari Kemaman. Permintaan Gabenor itu telah disetujui oleh Sultan Terengganu. Baginda telah memanggil Wan Ahmad di Kemaman supaya datang ke Kuala Terengganu dan Wan Ahmad telah menurut dan ia pun keluar dari Kemaman dan pergi ke Kuala Terengganu. Tetapi setelah Gabenor balik ke Singapura, Wan Ahmad datang semula ke Kemaman dan meneruskan persiapannya hendak melancarkan serangan yang kedua kalinya ke Pahang.<sup>1</sup>

Pada 22 Mei tahun itu juga (1858), Temenggung Ibrahim telah mengutus surat menyatakan dukacitanya kepada Kompeni Inggeris yang telah mengambil ketetapan menyetujui Temenggung tidak boleh masuk campur dalam hal ehwal di Pahang.<sup>2</sup>

Pada masa itulah juga Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga dari Terengganu (datang ke Terengganu dari negeri Siam) telah datang ke Hulu Pahang (Jelai) dan kedatangan beliau itu telah disambut oleh Maharaja Perba Jelai Wan Idris (Tok Raja) dengan baik. Pada masa itu telah terdengar khabar angin di Pekan mengatakan Maharaja Perba Jelai sedang mengatur rancangan hendak mengumumkan Sultan Mahmud menjadi Sultan Pahang. Selain daripada itu, terdengar pula berita kepada Bendahara Pahang mengatakan Wan Ahmad hendak datang lagi menyerang Pahang. Oleh sebab itu, dalam bulan Ogos (6 hari bulan Ogos 1858) Bendahara Tun Mutahir telah berkirin surat meminta bantuan Gabenor di Singapura

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 72; TERENGGANU—m.s. 32.

<sup>2</sup> JOHOR—m.s. 95.

hendak melawan serangan Wan Ahmad itu. Pada 1 hari bulan September 1858 surat Bendahara Pahang itu telah dijawab oleh Gabenor dengan memberi amaran kepada Bendahara Pahang, mengatakan selagi Bendahara tidak mengeluarkan bekas Sultan Riau-Lingga itu dari Pahang, janganlah diharapkan sebarang bantuan dari Singapura. Kemudian itu, Sultan Mahmud yang berada di Hulu Pahang telah datang ke Pekan. Oleh sebab, ia tiada lagi dipedulikan oleh Bendahara Pahang, dalam bulan Oktober 1858 itu juga, Sultan Mahmud bertolak dengan sebuah perahu meninggalkan Pahang ke Terengganu, dan Maharaja Perba Jelai serta anaknya Wan Muhammad (Datuk Setia Muda, Jelai) dibawanya bersama pergi ke Terengganu.<sup>1</sup>

Sementara itu Wan Ahmad yang tinggal di Kemaman telah menghantarkan dua orang pembesarnya iaitu Wan Buang dan Che' Lambak dari Terengganu membawa satu pasukan pergi ke Tembeling (di Hulu Pahang), iaitu membuat helah supaya orang Bendahara Pahang menyangkakan pasukan Wan Ahmad semuanya ada di Hulu Pahang. Semasa di Tembeling, orang-orang Wan Ahmad telah memaksa orang Tembeling menyebelahi pasukan Wan Ahmad yang datang itu, kemudian mereka menghilir lagi sampai di sebuah kampung yang di bawah jagaan ketuanya Penghulu Raja (ketua di Tembeling) tetapi pada masa itu, Penghulu Raja tidak ada di kampung itu. Pasukan Bendahara Pahang yang diketuai oleh Panglima Perang Kiri Wan Embong anak sulung Maharaja Perba Jelai, yang dibantu oleh Che' Yahya, Che' Embok, Che' Uda dan Che' Mat Merah, dengan tidak berlengah lagi telah menyerang pasukan Wan Ahmad yang datang itu. Setelah tiga hari berperang, pasukan Wan Ahmad yang diketuai oleh Wan Buang dan Che' Lambak itu dapat dikalahkan, dan lari balik ke Terengganu. Datuk-datuk di Tembeling telah didenda oleh pihak Bendahara kerana telah meninggalkan tempat mereka sehingga ramai orang Tembeling masuk menyebelahi pihak Wan Ahmad yang

---

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 72.

datang itu. Penghulu Raja telah dibuang kerja dan disuruh pergi ke Pekan.<sup>1</sup>

Setelah Maharaja Perba Jelai (Wan Idris) pergi ke Terengganu dalam tahun 1858 itu juga, berlaku suatu perbalahan di Hulu Pahang, di antara Wan Embong anak Maharaja Perba Jelai dengan orang besar di Ter bemama Panglima Raja Mat Ali, kerana Panglima Raja itu telah mencampuri hal penduduk Jelai. Orang besar bagi penduduk daerah Jelai itu ialah Maharaja Perba, mereka berbahasa kepadanya *Engku* dan beliau sahajalah yang berhak menggunakan perkhidmatan penduduk Jelai sama ada dalam masa aman atau pada masa berlaku perang. Oleh sebab Panglima Raja Mat Ali telah cuba merampas hak orang besar di daerah Jelai itu, timbullah persengketaan di antara pengikut Panglima Raja itu dengan orang-orang Wan Embong anak Maharaja Perba Jelai, dan dalam peperangan itu pihak Penghulu Raja Mat Ali telah kalah.

Panglima Raja Mat Ali telah menghilir pergi ke Pekan mengadap Bendahara Tun Mutahir dan mengatakan Wan Embong di Jelai telah menderhaka melawan Bendahara dan sedang bersedia hendak menyerang Pekan. Mengikut *Hikayat Pahang*: pengaduan Panglima Raja Mat Ali itu tidak benar, perkelahian di antara Wan Embong dengan Panglima Raja Mat Ali itu boleh dikatakan sebagai perkelahian berkenaan dengan hal persendirian mereka, dan tidak sekali-kali Wan Embong itu berfikir hendak menderhaka kepada Bendahara. Tetapi Bendahara telah mempercayai pengaduan Panglima Raja Mat Ali itu.

Dengan tiada berlengah lagi, Bendahara Pahang telah menghantar pasukan askarnya menyerang Wan Embong. Oleh sebab yang datang itu pihak rajanya sendiri, Wan Embong tiada membuat sebarang tentangan, pada hal jika betul ia bermaksud hendak menderhaka, menurut *Hikayat Pahang*, "Boleh jadi setahun lamanya Wan Embong tidak akan dapat dialahkan, kerana ia mempunyai bekalan makanan dan alat senjata yang secukupnya", tetapi oleh sebab yang datang itu pihak

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 72.

Raja Pahang, pasukan orang Jelai pun berpecah-pecah dan Wan Embong telah melarikan diri ke dalam hutan berhampiran dengan sebuah kampung bernama Kampung Pertang. Pasukan Bendahara telah mengejar dan mencari Wan Embong. Oleh sebab Wan Embong yang bersembunyi dalam hutan itu sangat ketagih hendak menghisap candu, ia telah menyuruh orang suruhannya pergi mencari candu di sebuah kampung yang berdekatan. Orang suruhan Wan Embong itu telah ditangkap oleh orang Bendahara, dan setelah dipisit dan disiksa oleh orang Bendahara, ia pun membukakan rahsia tempat Wan Embong bersembunyi. Orang Bendahara telah pergi ke tempat Wan Embong itu dan telah dapat membunuhnya, seorang yang bernama Mat Soh telah dapat menembak Wan Embong yang sedang bersembunyi dalam semak, dan tembakan itulah yang telah menyebabkan kematian Wan Embong. Leher Wan Embong telah dipenggal, dilumurkan dengan kunyit, kepalanya yang telah dipenggal itu digantungkan dengan rambutnya yang panjang itu di tiang hadapan sebuah perahu dan dibawa ke Pekan diserahkan kepada Bendahara Tun Mutahir.

Setelah Wan Embong terbunuh, Wan Aman (Wan Abdul Rahman) anak Bendahara Tun Mutahir telah mendenda penduduk Hulu Jelai, Lipis, Tembeling dan Semantan. Sesiapa yang tidak dapat membayar denda itu, akan ditangkap dan dijadikan hamba abdi dibawa ke Pekan, Engku Muda Wan Koris membenarkan pula adiknya Wan Aman melakukan sekehendak hatinya. Pendeknya pada masa itu Wan Aman serta juaknya telah melakukan berbagai kezaliman dan aniaya ke atas orang-orang di Hulu Pahang.

Maharaja Perba Jelai Wan Idris yang tiada puas hati dengan kematian anak sulungnya yang teraniaya itu, telah mengubah sikap, masuk menyebelahi pihak Wan Ahmad melawan Bendahara Tun Mutahir pula.<sup>1</sup>

1860. Pada akhir tahun 1860, Wan Abu Bakar Johor, dalam satu rombongan diraja telah berangkat ke Pahang. Di

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 72-74; HIKAYAT (II).

Pahang, Wan Abu Bakar telah dikahwinkan dengan Che' Engku Chik anak Bendahara Tun Mutahir. (Wan Koris anak Bendahara itu telah beristerikan Che' Engku Besar kakak Wan Abu Bakar dalam tahun 1857 dahulu). Sejak adanya perkahwinan di antara anggota kedua keluarga diraja itu, semakin kuatlah perhubungan di antara Pahang—Johor.

Pada masa itu juga, Temenggung Ibrahim telah berjumpa Gabenor Cavenagh dan menyatakan kepada Gabenor akan keinginan Temenggung hendak membuat surat perjanjian persahabatan dengan Bendahara Tun Mutahir, Pahang. Gabenor telah menyatakan sukacitanya dan akan menyampaikan hal itu kepada pihak berkuasa Kompeni Inggeris.<sup>1</sup>

1861. Dalam bulan Februari 1861, Wan Ahmad dan seorang ketua orang Bugis bergelar Suliwatang serta penghulu dari Rembau dan Sungai Ujong telah menghimpunkan orang mereka di Muar hendak menyerang Johor (bahagian selatan negeri Johor yang menghadap ke Singapura) yang di bawah pimpinan Sultan Ali putera almarhum Sultan Husain Shah Singapura. Pada 14 hari bulan Februari 1861, Temenggung Ibrahim telah memaklumkan hal itu kepada Gabenor Cavenagh, dan Gabenor telah memberi amaran kepada Sultan Ali supaya jangan melancarkan serangan itu, serta Gabenor Cavenagh menghantarkan sebuah kapal perang untuk berjaga di laut dekat Muar, dan serangan itu tidak jadi dilancarkan.<sup>2</sup>

#### Perang Endau

Dalam bulan Mac 1861, Wan Ahmad yang telah menyiapkan orang dan kelengkapan perangnya di Kemaman, telah bergerak dari Kemaman hendak menyerang Pahang. Di antara orang besar dan hulubalang yang menyebelahi pihak Wan Ahmad itu ialah Maharaja Perba Jelai Wan Idris dan anaknya Datuk Setia Muda Wan Muhammad (adik Wan Embong), Tuan Mandak, Imam Perang Raja, Panglima Kakap Bahaman

<sup>1</sup>TARLING—m.s. 66-67

<sup>2</sup>AYUB—m.s. 66-67; PAHANG—m.s. 74.



dan ramai lagi. Sultan Terengganu (Baginda Umar) telah memberi pertolongan secukupnya seperti dahulu juga.

Angkatan perahu Wan Ahmad telah belayar menuju Kuala Pahang. Dalam pelayaran itu mereka telah membakar Kuantan. Kemudian mereka belayar lagi dan sampai di Sungai Miang, tiada berapa jauh di sebelah selatan Kuala Sungai Pahang. Serangan pasukan Wan Ahmad di tempat itu tidak begitu memberi kesan. Oleh itu, mereka pun belayar lagi menuju Kuala Endau dan sampai di situ dalam bulan April 1861. Wan Ahmad telah bersatu dengan ketua Endau dan telah mendirikan kubu di Kuala Endau, dan menghantarkan juga dua buah perahu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Kechau pergi ke Singapura untuk membeli senjata dan alat ubat bedil.

Tiada berapa lama selepas itu, datanglah angkatan Bendahara Tun Mutahir dari Pekan sebanyak empat puluh buah perahu yang diketuai oleh Panglima Perang Mansu dari Kota, Panglima Kiri Encik Burok, Encik Embok, Encik Nit, Orang Kaya Syahbandar dan lain-lain datang menyerang pasukan Wan Ahmad di Kuala Endau. Angkatan Bendahara yang datang menyerang mengikut laut dibantu oleh satu pasukan yang datang melalui darat. Peperangan ini telah berpanjangan hingga bulan Mei 1861 peperangan itulah yang disebut oleh orang Melayu sebagai *Perang Endau*.

Perahu Haji Abdul Rahman yang pergi ke Singapura semasa dalam perjalanan balik membawa senjata dan ubat bedil, telah ditawan oleh orang Bendahara.

Setelah berperang beberapa hari di Endau itu, pasukan Wan Ahmad telah kekurangan makanan dan ubat bedil. Ketika itu pasukan Wan Ahmad seolah-olah telah terkepung, di Kuala dan di darat telah ada pasukan Bendahara. Perahu pasukan Wan Ahmad hanya tujuh buah sahaja tetapi perahu pihak Bendahara ada sebanyak empat puluh buah. Oleh itu, setelah menetapkan tekad, pasukan Wan Ahmad yang diketuai oleh ramai hulubalangnyanya yang gagah berani itu, telah melawan dengan bersungguh-sungguh menentang pasukan Bendahara yang berkubu di darat dan yang berperahu hingga akhirnya pihak Bendahara telah kalah dan lari meninggalkan Endau.

Pasukan Wan Ahmad telah dapat menguasai Endau dan beroleh rampasan beberapa buah peti besar berisi senjata ubat bedil dan bekalan makanan.

Tiada berapa lama selepas itu, dalam bulan Mei 1861 itu juga pasukan Wan Ahmad telah meninggalkan Endau belayar menuju ke Kuantan pula.

### Perang Kuantan

Orang-orang di Kuantan telah menyambut kedatangan Wan Ahmad dengan gembira. Pasukan Wan Ahmad telah berperang dengan pasukan Bendahara di Kuantan selama tiga bulan. Kesudahannya pasukan Wan Ahmad dikalahkan oleh pasukan Bendahara yang juga diketuai oleh Panglima Mansu. Pasukan Wan Ahmad telah terpaksa berundur meninggalkan Kuantan balik ke Terengganu dalam bulan Ogos 1861.

Semasa pasukan Wan Ahmad berperang dengan pasukan Bendahara di Endau dan di Kuantan (April—Ogos 1861), dalam bulan Mei itu juga, Bendahara Tun Mutahir telah memberitahu Gabenor Cavenagh di Singapura mengatakan ia telah menyerahkan pemerintahan negeri Pahang kepada anaknya Wan Koris (Wan Long).

Dalam bulan Jun 1861 pula, Gabenor Cavenagh telah mengutus surat kepada Sultan Terengganu (Baginda Umar) menyatakan kegembiraannya mendengar berita yang menyatakan Sultan Terengganu tiada mencampuri hal ehwal di Pahang, dan Gebenor berharap supaya baginda memujuk Wan Ahmad balik ke Terengganu. Pada bulan hadapannya (Julai 1861) sekali lagi Gabenor Cavenagh berkirim surat kepada Sultan Terengganu memberitahu pula supaya baginda memujuk Wan Ahmad jangan tinggal di Kemaman dan jangan membangkitkan kekacauan.

Dalam bulan Jun 1861 itu juga, Gabenor Cavenagh telah mengirim surat kepada Bendahara Tun Mutahir yang kebetulan pada masa itu berada di Singapura (Teluk Belanga), memberitahu Bendahara bahawa Gabenor baharu sahaja melihat surat wasiat almarhum Bendahara Tun Ali, sepucuk bertarikh pada 25 hari bulan Mei 1856 yang mewasiatkan iaitu hasil Kuantan dan Endau hendaklah diberi kepada Wan Ahmad,

dan sepucuk lagi bertarikh pada 15 hari bulan Oktober 1856 pula.

Dalam bulan Julai 1861, Gabenor Cavenagh telah menolak permintaan Bendahara Tun Mutahir berkehendakkan sebuah kapal perang dihantar ke Kuantan bagi membantu pihak Bendahara melawan Wan Ahmad (pada masa itu Bendahara berada di Singapura). Dalam pada itu, penolakan Gabenor itu dilembutkannya pula dengan janji iaitu akan menghantarkan sebuah kapal biasa kepada Bendahara. Gabenor juga ada mengirim surat kepada Wan Ahmad dan memberi amaran supaya jangan mengganggu perniagaan di antara Pahang dengan Singapura, kerana gangguan dari pihak Wan Ahmad itu boleh menyebabkan Inggeris masuk campur dengan menggunakan senjata.

Pada 6 hari bulan Ogos 1861, Gabenor Cavenagh di Singapura telah menerima sepucuk surat daripada Bendahara Tun Mutahir yang memberitahu bahawa di Pahang masa itu sudah aman, tiada lagi pergaduhan.

Dalam bulan Ogos itu juga (1861), Wan Ahmad telah balik ke Terengganu setelah kalah dalam peperangan di Kuantan. Dan kedatangannya ke Terengganu masa itu tiada berapa dihormati oleh Sultan Terengganu, 'baginda itu kelihatan telah berubah sedikit'. Dengan itu Wan Ahmad pergi ke Kelantan dan berjumpa dengan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad II (Sultan Mulut Merah) serta Raja Muda Kelantan, dan mereka telah bersama-sama bersukaria, berjudi dan menyabung ayam<sup>1</sup>. Perubahan sikap Sultan Terengganu terhadap Wan Ahmad masa itu, nyatalah disebabkan oleh hasutan dari pihak Inggeris di Singapura.

Apabila Wan Ahmad telah pergi ke Kelantan, Wan Abu Bakar Johor telah menghantar sebuah perahu dari Singapura pergi ke Kemaman untuk melarikan perempuan-perempuan pihak Wan Ahmad yang ada tinggal di situ. Tetapi tiada berhasil, kerana perempuan itu dijaga ketat oleh Panglima Kakap Bahaman, Panglima Raja dan seorang ketua Bugis bernama

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 74-79.

Daing Muhammad. Orang-orang Wan Abu Bakar balik semula ke Singapura setelah gagal menyempurnakan tugas mereka.<sup>1</sup>

Semasa Wan Ahmad pergi menyerang Endau dan Kelantan, nampaknya Sultan Mahmud bekas Sultan Riau—Lingga yang tinggal di Terengganu telah pergi pula ke negeri Siam.<sup>2</sup> (Sultan Mahmud datang semula ke Terengganu dalam tahun 1861).

Beberapa hari selepas Wan Ahmad kalah di Kuantan, sekumpulan orang Melayu Rawa\* dalam daerah Raub dan orang Jelai yang diketuai oleh Wan Daud bin Wan Pahang dan Khatib Rasu (kemudiannya terkenal dengan gelaran Tok Gajah) telah bangkit memberontak melawan Bendahara Pahang.

Wan Daud ialah saudara sepupu kepada Wan Embong anak Maharaja Perba Jelai Wan Idris yang telah dibunuh oleh orang-orang Bendahara dalam tahun 1858 dahulu. Tujuan Wan Daud adalah sebagai membalas perbuatan Wan Aman yang zalim dan aniaya kepada orang-orang di Hulu Pahang dahulu. Tentangan dari pihak orang Wan Daud itu bukanlah mulanya dirancang untuk menyebelahi pihak Wan Ahmad walaupun kemudiannya pemberontakan itu memberi faedah dalam perjuangan Wan Ahmad melawan abangnya itu.

Empat ratus orang Rawa telah masuk bersatu ke dalam pasukan yang melawan Bendahara Pahang. Di daerah Lipis, pasukan itu telah menangkap Tok Busu Dolah (Abdullah) anak Orang Kaya Temerloh. Kemudian, orang Rawa itu telah menawan Kuala Tembeling, dan di sinilah ketua mereka Khatib Rasu itu diberi gelaran Imam Perang. Di tempat yang bernama Ter, jauh di hilir dari Kuala Tembeling, mereka telah berjumpa dan bertempur dan berjaya mengalahkan orang-orang Bendahara yang diketuai oleh Panglima Raja Mat Ali, Haji Mat Tahir dan Mat Soh yang telah melarikan diri ke tempat yang bernama Pedah. Di Pedah, mereka telah berperang lagi selama dua hari dan berjaya menghalau pasukan Ben-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 75.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 378.

\*Orang Melayu Rawa itu berasal dari sebuah daerah bernama Rao (Rawa) di Sumatera Barat.

dahara. Lepas itu, orang Rawa telah menawan tempat yang bernama Kangsa dan Kelola.

Setelah itu, pasukan orang Rawa dan orang Jelai telah mengalahkan Kuala Tekai, tempat yang dijaga oleh pasukan Wan Aman yang diketuai oleh Enchik Burok Berati Pulau Tawar dan Imam Perang Encik Dualid. Panglima Mansu yang menjadi ketua pemerintah pasukan perang pihak Bendahara yang ada di Pulau Pasir Purun belum lagi tiba ke tempat itu (Kuala Tekai).

Setelah Kuala Tekai dikalahkan oleh pasukan yang melawan Bendahara itu, Wan Daud dan Imam Perang Khatib Rasu telah membawa pasukan mereka menyerang tempat yang bernama Tanjung Batu dan Kerbau yang dipertahankan oleh Panglima Muda anak Panglima Mansu. Dalam peperangan itu, Panglima Muda telah meminta bantuan ayahnya Panglima Mansu yang ada di Pulau Pasir Purun. Panglima Mansu telah mudik dengan sebuah perahu lancang ditemani oleh empat orang isterinya datang membantu anaknya di Tanjung Batu. Sewaktu Panglima Mansu dan pengikutnya sampai di Tanjung Batu, tatkala hendak mendarat, mereka telah ditembak oleh orang Rawa yang menghendap di balik batu berhampiran tempat itu. Panglima Mansu telah mendapat luka parah tetapi dengan segera ia telah dapat dibawa oleh pengikutnya turun ke perahu dan lari meninggalkan tempat itu. Dalam pelayarannya, sebelum sampai di Kuala Jempul, Panglima Mansu telah meninggal dunia.

Wan Aman yang pada itu ada bersama dengan pasukan Bendahara di Chenor, telah memerintahkan beberapa orang hulubalanganya pergi menjaga Temerloh. Pasukan yang ditugaskan itu berengkap dengan lembing dan telah berjaya mematahkan serangan orang Rawa yang diketuai oleh Wan Daud. Orang Rawa telah berundur ke Semantan. Encik Yahya dengan pasukannya yang datang dari Pasir Bangau telah cuba menyekat perjalanan Wan Daud itu. Malam itu juga, Wan Daud dan Imam Perang Rasu dan pengikutnya telah lari ke Lipis mengikut jalan darat.

Ketika peperangan itu sedang berjalan di Pahang, pada awal bulan September 1861, Gabenor Negeri Selat di Singa-

pura telah meminta Raja Kelantan supaya jangan membenarkan Wan Ahmad menggunakan Kelantan sebagai pangkalannya untuk menyerang Pahang.

Pada masa itu, penduduk Jelai telah bersatu dengan orang Rawa untuk menentang Bendahara. Tetapi orang besar daerah Lipis (Orang Kaya Lipis) tetap menyebelahi pihak Bendahara, kerana beliau tidak suka kepada orang Rawa. Wan Aman telah menghantar pasukan perangnya ke Jelai bagi menghapuskan pemberontakan yang menentang ayahnya itu. Wan Daud yang pada masa itu berada di Tanjung Batu (di tepi Sungai Jelai) telah diserang oleh pihak Bendahara. Sementara itu, Orang Kaya Lipis yang dibantu oleh Khatib Bahrain dan orang-orang Tembeling yang diketuai oleh Encik Yahya, telah menyerang orang Rawa di Tanjung Lechok, Tanjung Kabong dan Budu dalam daerah Lipis.

Oleh kerana pada masa itu Maharaja Perba Jelai berada di Kelantan (bersama Wan Ahmad), Wan Daud telah memangku tugas untuk memerintah Jelai bersama dengan hulubalang besarnya bernama Imam Perang Rasu. Pasukan orang Jelai yang diketuai oleh Wan Daud dan hulubalang besarnya itu telah bertempur dengan pasukan Bendahara yang diketuai oleh Haji Hasan Chenor, Panglima Kiri Tahir dan beberapa orang lagi. Semasa berperang di Hulu Pahang itu, Wan Aman telah menghantar bekalan makanan dan alat senjata kepada pasukannya, peperangan itu telah berlanjutan selama beberapa bulan dan tiada keputusan pihak mana yang menang.

Kesudahannya, Wan Daud telah menghantar seorang utusan pergi ke Kelantan meminta bantuan dari Maharaja Perba Jelai (Tok Raja) yang pada masa itu berada di Kelantan bersama dengan Wan Ahmad.<sup>1</sup> (Lihat kisah dalam bulan Januari 1862).

Dalam bulan Disember 1861, setelah dibenarkan oleh Kerajaan Inggeris, Temenggung Ibrahim bagi pihak kerajaan Johor telah membuat surat perjanjian dengan Bendahara Tun Mutahir bagi pihak kerajaan Pahang. Surat itu, bagi pihak Bendahara Pahang, telah ditandatangani oleh Wan Koris. Antara

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 79-80.

lain isi surat perjanjian itu menyebutkan: Johor dan Pahang bekerjasama antara satu dengan lain jika diserang musuh, jika timbul sebarang kekusutan antara mereka hendaklah diserahkan kepada kerajaan Inggeris sebagai orang tengah bagi menyelesaikannya, daerah yang terletak dari Endau ke Selidi Besar termasuk Pulau Tioman dan pulau-pulau di selatannya, dimasukkan ke dalam perintah kerajaan Johor.<sup>1</sup>

1862. Pada 27 hari bulan Januari 1862, Gabenor di Singapura telah memberitahu Temenggung Ibrahim Johor berkenaan surat perjanjian yang telah dibuat antara Johor-Pahang itu telah diluluskan oleh kerajaan British. Dengan tiada disangka, pada akhir bulan Januari 1862 itu juga, Temenggung Ibrahim telah mangkat di Teluk Belanga, Singapura. Pada 1 hari bulan Februari 1862 Wan Abu Bakar putera almarhum itu telah diangkat menjadi Temenggung Seri Maharaja pemerintah kerajaan Johor. Ketika itu perang di Pahang sedang bergelora, dan Temenggung Abu Bakar telah berazam untuk terus membantu ayah mertuanya Bendahara Tun Mutahir, dan iparnya Wan Koris, melawan pihak Wan Ahmad. Pada masa itulah juga Bendahara Tun Mutahir di Pahang yang telah uzur itu, telah menyerahkan segala pentadbiran negeri itu kepada anaknya Wan Koris (Tun Koris) yang disebut juga *Bendahara Muda*.<sup>2</sup>

Berbalik kita kepada kisah peperangan di Pahang. Apabila utusan yang dihantar oleh Wan Daud dari Hulu Pahang itu sampai di Kelantan dan telah menyampaikan pesan Wan Daud kepada Maharaja Perba Jelai Wan Idris yang berada di Kelantan, Maharaja Perba telah bersetuju untuk pulang ke Pahang membawa pasukan perangnya. Wan Ahmad telah membenarkan Maharaja Perba atau Tok Raja kembali ke Pahang iaitu setelah Tok Raja mengikat janji dan bersumpah setia dengan Wan Ahmad.

Tok Raja dengan pasukan perangnya telah bertolak meninggalkan Kelantan dan masuk ke Pahang mengikut jalan

<sup>1</sup>TARLING - m.s. 68; JOHOR - m.s. 95; PAHANG - m.s. 71.

<sup>2</sup>SAID (I) - m.s. 13, 16-17; SAID (II) - m.s. 107; JOHOR - m.s. 97. PAHANG - m.s. 82.

Sungai Tanum, iaitu pada akhir bulan Januari 1862. Panglima perang pihak Wan Ahmad yang pergi bersama Tok Raja ke Pahang itu di antaranya iaitu Panglima Kakap Bahaman Imam Perang Raja, Panglima Tapak, Panglima Perang Penghulu Wan Kechil dan Datuk Setia Muda Wan Muhammad anak Tok Raja, pada masa itu Wan Muhammad telah juga digelar Panglima Perang Kiri.

Kedatangan Tok Raja orang besar daerah Jelai dengan angkatan perangnya itu telah disambut oleh orang Jelai dengan gembira. Pasukan Tok Raja itu telah menyerang pihak Bendahara yang berkubu di Kuala Tui, kubu itu telah ditawan oleh pasukan Tok Raja serta membunuh Tok Husain ketua di tempat yang bernama Bera yang menjadi ketua Pasukan Bendahara itu. Orang-orang di situ telah ditawan dan senjata mereka dirampas oleh Tok Raja. Setengah daripada orang di tempat itu telah menyebelahi orang Jelai. Panglima perang pihak Bendahara di tempat itu telah dibebaskan oleh Tok Raja dengan jaminan bahawa ia tidak akan dipengapakan. Encik Nyak, Encik Deraman, keduanya anak Haji Hasan Chenor, dibenarkan menyimpan sebahagian daripada senjata mereka. Haji Hasan telah ditugaskan oleh Bendahara buat sementara untuk menjaga Jelai sejak Wan Embong mati terbunuh dahulu.

Semasa pasukan pihak Bendahara di Jelai yang telah kalah itu belayar menghilir dengan perahu mereka meninggalkan Jelai, mereka telah diserang hendap oleh pasukan Panglima Kakap Bahaman di tempat yang bernama Batu Sawar, Pasukan Panglima Kakap Bahaman itu telah melintangkan batang kayu menyeberangi sungai di situ untuk menghalang orang Bendahara itu. Ramai di antara orang Bendahara yang diserang hendap itu telah terbunuh dan luka, kecuali isteri Haji Hasan sahaja yang tidak cedera kerana ia telah meniarap di perut perahunya. Walau bagaimanapun, beberapa buah perahu pihak Bendahara telah dapat melepaskan batang kayu yang menghalang itu dan meneruskan pelayaran mereka sampai ke Kuala Tembeling, mengadakan hal mereka kepada Wan Aman yang tinggal di situ bersama dengan pasukannya. Orang-orang Bendahara yang mati dan luka dalam perahu itu



telah diuruskan oleh Wan Aman dan dibawa ke Chenor. (Nampaknya Haji Hasan tidak mati dalam pertempuran di Batu Sawar itu kerana kisahnya ada lagi disebutkan kemudian daripada ini).

Sebaik sahaja kubu di Kuala Tembeling itu telah ditinggalkan oleh Wan Aman, satu pasukan orang Rawa telah sampai ke situ dan menduduki kubu tersebut. Encik Yahya, ketua di Tembeling, yang sepatutnya pergi bersama Wan Aman yang berundur itu, telah balik ke kampungnya yang tiada berapa jauh dari kuala Sungai Tembeling. Malangnya, Encik Yahya itu telah dibunuh oleh orang Rawa dengan cara mengkhianati datuk itu.

Sedang peperangan di Pahang itu terus berjalan, Gabenor Negeri Selat di Singapura telah mendengar khabar bahawa Maharaja Perba dari Kelantan telah menyerang Pahang. Pada 13 hari bulan Februari 1862 itu juga, Gabenor telah mengutus surat kepada Raja Kelantan mengatakan: jikalau Raja Kelantan membantu musuh Bendahara Pahang itu, orang Inggeris akan melanggar Kelantan. Raja Kelantan telah membalas surat Gabenor dan mengatakan: baginda tiada memberi bantuan kepada Wan Ahmad atau orang-orang besar Wan Ahmad itu.

Orang-orang besar Pahang yang masih setia kepada Bendahara Tun Mutahir telah menyedari iaitu jika sekiranya pasukan perang mereka yang melawan pihak Wan Ahmad itu dikekalkan juga di bawah tadbir dan pimpinan Wan Koris (Bendahara Muda) serta adiknya Wan Aman dan Wan Da, akhirnya pasti mereka akan kalah kerana Wan Koris itu seorang pematik, tidak cerdik, tidak mengambil berat terhadap rakan dan orang-orang besar di bawahnya serta hal ehwal negeri. Wan Aman itu pula adalah seorang yang terkenal kezalimannya.

Haji Hasan bersama dengan Orang Kaya Temerloh dan orang Kaya Syahbandar telah pergi ke Pekan mengadap Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Mereka bertiga telah berusaha memohon kepada Bendahara itu supaya kuasa bagi mengetuai pasukan perang melawan Wan Ahmad itu diserahkan kepada mereka dan mereka telah menegaskan kepada

Bendahara, "Negeri tuanku ini sejak dari hulu tempat air mula mengalir sampai ke kuala tempat ombak memecah telah rosak binasa, di merata tempat telah di bakar, sekiranya dibenarkan juga putera tuanku berjalan terus, tentulah tidak akan aman, bolch jadi adik tuanku (Wan Ahmad) akan menang dan mengambil negeri ini, kerana penderitaan rakyat tidak tertanggung lagi, jikalau tuanku hendakkan keamanan dan kemakmuran, serahkanlah negeri ini kepada patik bertiga, tuanku akan dapat tidur lelap. Dengan menggunakan segala sumber yang ada dalam negeri ini (Pahang), mustahil patik bertiga tidak dapat mengalahkan Tok Raja seorang serta adik tuanku".<sup>1</sup>

Setelah Haji Hasan dan Orang Kaya Temerloh serta Orang Kaya Syahbandar dapat kuasa daripada Bendahara, mereka pergi ke tempat yang bernama Kangsa dan mendirikan kubu di situ. Tok Raja yang pada masa itu berada di Kuala Tembeling dengan pasukan perangnya, telah datang ke Kangsa dan berbaik-baik dengan ketiga-tiga orang besar Pahang itu. Ketika itu, nampaknya kesetiaan ketiga-tiga orang besar itu kepada tuannya, Bendahara telah tidak begitu kuat lagi. Mengikut *Hikayat Pahang*: orang-orang besar itu dengan secara sulit telah menghantar utusan mereka kepada Wan Ahmad, menjemput beliau datang ke Pahang, dan mereka memberi jaminan kepada Wan Ahmad yang mereka bersedia bersatu dengan Wan Ahmad sebaik sahaja beliau sampai di Pahang. Tetapi tidak diketahui bagaimana pula jawapan Wan Ahmad mengenai jemputan itu.<sup>2</sup>

Sebelum Wan Ahmad datang lagi menyerang Pahang, Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor bagi pihak kerajaan Johor telah membuat perjanjian dengan Bendahara Seri Maharaja Mutahir bagi pihak kerajaan Pahang walaupun telah ada perjanjian dibuat antara kedua buah kerajaan itu dalam tahun 1861 yang lepas. Kebanyakan dari syarat yang tersebut dalam perjanjian ini serupa dengan syarat dalam perjanjian dalam bulan Disember 1861 itu. Dalam perjanjian ini juga,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 81-83.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 80-82; HIKAYAT (II)

bagi pihak Bendahara Pahang, telah ditandatangani oleh Wan Koris (Bendahara Muda), Perjanjian ini telah ditandatangani oleh kedua belah pihak pada 17 hari bulan Jun 1861, dan di antara syarat yang tersebut di dalamnya ialah:—

Johor dan Pahang mengaku bersahabat dan berkerjasama antara satu dengan lain jika diserang musuh, Temenggung Abu Bakar hendaklah membantu Wan Koris (Tun Koris) dan penggantinya apabila dikehendaki, jika berlaku perselisihan antara kedua belah pihak, hendaklah diserahkan kepada kerajaan Inggeris untuk menyelesaikannya, Pulau Tioman (yang dahulunya dalam perintah Pahang) dan pulau lain yang di selatan daripada Pulau Tioman itu diserahkan kepada kerajaan Johor, di darat pula, kawasan tanah bagi negeri Johor telah diperluaskan lagi ke utara sampai ke Sungai Endau, dan Sungai Endau menjadi sempadan di darat antara negeri Johor dengan negeri Pahang.

Demikianlah di antara syarat yang terkandung dalam surat perjanjian yang telah dibuat di antara kerajaan Pahang dengan kerajaan Johor pada 17 hari bulan Jun 1862 itu.

Gabenor Cavenagh di Singapura telah mempersetujui ikatan persahabatan antara kedua kerajaan itu, terutama kerana pihak yang terikat itulah yang akan melawan Wan Ahmad dan pembantunya yang sedang menentang kerajaan Pahang itu.<sup>1</sup>

Semasa Tok Raja (Maharaja Perba Jelai) berada di Hulu Pahang, beliau telah menghantar Orang Kaya Lipis yang telah dikalahkannya itu bersama dengan Panglima kakap Bahaman bagi menyampaikan jemputan Tok Raja kepada Wan Ahmad di Kelantan yang meminta Wan Ahmad balik ke Pahang. Apabila Wan Ahmad menerima jemputan itu beliau pun menyegerakan persiapannya untuk menyerang Pahang. Apabila semua kelengkapannya telah siap, berangkatlah Wan Ahmad ke Kuala Terengganu mengadap Sultan Terengganu (Baginda Umar) yang telah memberikan wang perbelanjaan dan senjata kepada Wan Ahmad. Peristiwa ini telah berlaku dalam bulan Jun atau Julai 1862. Semasa di Kuala Terengganu itu, sedang Wan Ahmad duduk minum kopi, ketika itulah terfikir olehnya taktik untuk mengaturkan askarnya mengalahkan

<sup>1</sup> SAID (I)—m.s. 14; JOHOR—m.s. 100-102.

Pahang. Itulah sebabnya apabila Wan Ahmad dapat memerintah Pahang, gambar daun kopi telah dijadikan lambang kebesaran keluarganya.

Setelah Sultan Terengganu bersalam-salaman dan mengucapkan selamat jalan kepada Wan Ahmad, beliau telah berangkat meninggalkan Kuala Terengganu pergi ke Kemaman untuk mengumpulkan semula baki orangnya yang ada lagi di situ. Dari Kemaman beliau pergi ke Dungun.

Dari Terengganu, Wan Ahmad membawa pasukan perangnya menuju ke Pahang. Angkatan perang Wan Ahmad itu telah melalui sempadan negeri Pahang di Bukit Busut dalam bulan Ogos 1862.

Apabila sampai di Janing, di Hulu Tembeling (Hulu Pahang), beribu-ibu orang Pahang yang menyebelahnya telah menanti dan menyambut kedatangan Wan Ahmad. Kemudian Wan Ahmad menghilir lagi, tatkala melalui jeram di situ, beberapa buah rakit orang-orang Wan Ahmad telah terbalik dan telah kehilangan beberapa buah senjata dan peluru tetapi pelayaran itu diteruskan juga hingga sampai ke hilir Tambang di Kuala Tembeling. Di sini Wan Ahmad telah disambut dengan gembiranya oleh pasukan orang Rawa, Jelai dan Lipis yang diketuai oleh Tok Raja, Wan Daud, Panglima Perang Wan Muhammad, Imam Perang Rasu, Orang Kayu Lipis dan ramai lagi. Pada masa itu mereka telah dapat khabar mengatakan kubu pasukan pihak Bendahara yang di Kangsa itu telah di tinggalkan dan pasukan Bendahara itu telah berkubu semula di Chenor.<sup>1</sup>

Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga yang tinggal di negeri Siam itu mengikut pendapat pegawai Siam merupakan seorang yang boleh dijadikan alat untuk mengembalikan kuasa kerajaan Siam di Terengganu atau Pahang atau di kedua-dua buah negeri itu. Dalam bulan Julai 1862 itu juga, Sultan Mahmud telah sampai di Kuala Terengganu yang dihantar oleh kapal perang Siam. Dengan perantaraan seorang pegawai Konsul Inggeris di Bangkok, Gabenor Gavenagh di Singapura telah mendapat maklumat mengatakan Sultan Mahmud da-

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 82-83.

tang semula ke Terengganu bukanlah kerana hendak menggantikan Sultan Terengganu yang ada, cuma ia hendak berjumpa ibunya yang ada di Terengganu.

Dalam bulan Julai 1862 itu juga, Gabenor Cavenagh telah menulis surat kepada Sultan Terengganu yang menyatakan terkejutnya apabila mendapat tahu bekas Sultan Riau-Lingga itu telah ada di Terengganu, dan Wan Ahmad telah datang melawat Kuala Terengganu selama dua hari. Gabenor telah menyalahkan Sultan Terengganu yang telah membenarkan kedua-dua orang itu tinggal di Terengganu. Cavenagh juga memberitahu kandungan surat Temenggung Johor dan Bendahara Pahang. Pada 20 hari bulan Ogos 1862 setelah angkatan perang Wan Ahmad masuk ke Pahang, Cavenagh telah menulis surat kepada Bendahara Pahang menyatakan rasa dukacitanya mendengar khabar Wan Ahmad dengan pasukannya telah menyerang Hulu Pahang, dan Cavenagh juga menyatakan rakyat Pahang yang taat setia kepada Bendahara Pahang dan rakyat Johor yang taat setia kepada Temenggung Johor akan mengalahkan Wan Ahmad.

Kemudian pada awal bulan September 1862 Cavenagh telah memberitahu Bendahara Pahang mengatakan Kerajaan Siam telah memerintahkan Sultan Terengganu menghalau bekas Sultan Riau-Lingga itu keluar dari Terengganu, kerana beliau masuk campur dalam kekacauan di Pahang itu. Gabenor juga telah mengirim surat menyalahkan Sultan Terengganu yang telah membenarkan Wan Ahmad dan bekas Sultan itu tinggal di Terengganu dan ada pula khabar angin yang mengatakan Sultan Terengganu ada memberikan Wan Ahmad sembilan puluh sembilan pucuk bedil dan empat puluh tong ubat bedil.

Pada 3 hari bulan November 1862 pula Gabenor Cavenagh telah menghantar sepucuk surat yang berupa kata-dua kepada Sultan Terengganu mengatakan dalam tempoh dua puluh empat jam jika bekas Sultan Riau-Lingga itu tidak dihantar semula ke negeri Siam, dan jika Sultan Terengganu tidak memanggil balik orang-orangnya yang sedang membantu Wan Ahmad itu, pihak Inggeris akan menembak Kuala Terengganu, dan semua perahu akan dikepung. Sultan Terengganu telah

menolak kehendak Gabenor itu. Dengan itu Kuala Terengganu telah ditembak oleh orang Inggeris dari kapal perang mereka yang ada di kuala Sungai Terengganu. Sultan Mahmud bekas Sultan itu telah lari ke Besut dan dari Besut dibawa balik oleh orang Siam ke negeri Siam.

Dalam bulan Ogos 1862 itu juga, Temenggung Abu Bakar telah meminta Sultan Terengganu supaya jangan membantu Wan Ahmad dan Temenggung juga telah meminta Sultan Ja'afar di Perak supaya jangan menjualkan senjata kepada orang Rawa dan orang Pahang jangan pengikut Wan Ahmad. Temenggung juga telah mengaturkan pembayaran wang sebanyak dua ribu ringgit yang akan dibayar kepada dua orang hulubalang di Perak bernama Haji Abu Bakar dan Shaikh Muhammad Taib seorang Minagkabau yang tinggal di Larut supaya mereka datang ke Hulu Pahang menahan penduduk di situ supaya jangan menyebelahi Wan Ahmad, dan Temenggung Johor telah mengisytiharkan kepada datuk-datuk di Hulu Pahang supaya mereka mengikut apa yang dikatakan oleh hulubalang yang datang dari Perak itu.

Dalam surat Temenggung Abu Bakar yang dikirimkan ke Pahang dalam bulan Ogos 1862 kepada abang iparnya Bendahara Muda Wan Koris dan Wan Aman dan orang-orang besar lain di Pahang. Temenggung telah memberangsangkan mereka supaya bersungguh-sungguh melawan Wan Ahmad dan menyuruh Wan Koris menggunakan orang Johor dalam peperangan melawan Wan Ahmad itu, Temenggung juga berjanji akan menghantarkan peluru dan ubat-ubatan kepada pihak Bendahara di Pahang dan Temenggung Abu Bakar mengatakan lagi jika Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga dan Sultan Terengganu (Baginda Umar) membantu Wan Ahmad beliau akan mengisytiharkan perang melawan mereka. Dalam surat itu juga Temenggung Abu Bakar telah menawarkan wang hadiah sebanyak \$500/- kepada sesiapa yang dapat membunuh Wan Ahmad.<sup>1</sup>

Setelah Wan Ahmad mendapati Kangsa tiada lagi didiami oleh pasukan Bendahara, Wan Ahmad telah membawa pasuk-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 83-84; JOHOR—m.s. 103.

an perangnya menghilir Sungai Pahang lagi. Dalam perjalanan itu mereka telah berhenti sebentar di Lubuk Pelang, kerana menziarahi makam *Marhum Shaikh* di situ. Lepas itu mereka meneruskan perjalanan menuju ke Temerloh.

Sementara itu, anak-anak Bendahara Pahang telah mengumpul orang-orang di Chenor. Pada masa itu angkatan orang Bugis yang diketuai oleh seorang panglima Bugis bergelar Suliwatang membawa banyak senjata dan peluru yang dihantarkan oleh Temenggung Abu Bakar untuk membantu Bendahara Pahang itu ada bersama-sama di Chenor.

Semasa berkumpul di Chenor itu, Suliwatang panglima Bugis itu telah menunjukkan tarian perang cara Bugis sambil menghunus keris menunjukkan keberanian dan kegagahannya di hadapan Bendahara Muda Wan Koris serta berteriak mengatakan dia berani kerana berkhidmat kepada rajanya dan biarlah dia mati daripada menanggung malu.

Wan Koris begitu gembira melihatkan perbuatan dan mendengar teriakan menunjukkan keberanian panglima Bugis yang dihantar oleh Temenggung Johor itu, dan Wan Koris berkata kepada Haji Hasan yang menghina orang-orang Pahang, "Engkau semua orang Pahang macam betina! Jika sekiranya tidak ada orang Teluk Belanga datang menolong engkau, habislah semua bini engkau diangkut oleh orang Rawa. Orang-orang besar Pahang pembohong dan tiada boleh dipercayai. Kumpulkanlah orang dan pergilah ke Pekan mengambil beras untuk makanan orang Bugis itu."

Haji Hasan tidak menjawab dan taat sahaja mengikut perintah itu.

Bantuan daripada Temenggung Johor itu telah membawa akibat yang tidak baik kerana selain daripada telah dihina oleh Wan Karim, itulah juga sebabnya orang-orang besar Pahang yang menyebelahi Bendahara itu telah hilang semangat untuk melawan Wan Ahmad, sebab mereka khuatir sekiranya Pahang masuk ke bawah perintah Temenggung Johor pula.

Lepas itu, pasukan Bendahara telah mudik dari Chenor terus ke hulu. Orang-orang Bugis telah diperintahkan berkubu di Pulau Lebak, dan di kiri kanan Sungai Pahang yang bertentangan tempat itu dijaga oleh pasukan Pahang bersama de-

ngan orang Johor. Wan Koris kembali ke Pekan dan tinggalah Sayid Umar Al-Attan di Chenor mengetuai pasukan Bendahara untuk melancarkan serangan melawan pihak Wan Ahmad itu.

Dari Temerloh, pasukan Wan Ahmad telah menyerang Pulau Lebak yang dijaga oleh orang Bugis itu. Pasukan Wan Ahmad yang datang menyerang dari sebelah kiri mudik sungai di situ diketuai oleh Imam Perang Raja, Panglima Raja dan Panglima Dalam. Manakala yang menyerang dari sebelah kanan mudik sungai itu dipimpin oleh Wan Daud, Orang Kaya Lipis dan Imam Perang Rasu. Setelah bertempur dengan hebatnya, orang Bugis yang berkubu di Pulau Lebak telah dapat dikalahkan dan lari semula ke Chenor, dan di antara orang Bugis yang ditawan itu telah disiksa oleh orang-orang Wan Ahmad.

Malam itu juga, pasukan Wan Ahmad telah mara lagi menghilir Sungai Pahang dan sampai ke Batu Bohor dan Pulau Kening. Dari situ, beberapa orang besar Pahang termasuk juga Haji Hasan, dengan secara sulit telah memberitahu Wan Ahmad bahawa mereka akan menyebelahi Wan Ahmad dengan kehendak mereka sendiri. Permintaan itu telah diterima oleh Wan Ahmad tetapi oleh sebab Wan Ahmad masih ragu lagi, sama ada itu sebagai tipu helah belaka, maka Wan Ahmad telah menyuruh orang-orang besarnya menyusup ke dalam pihak Bendahara dan mereka akan memberi kerjasama kepada Wan Ahmad secara Rahsia.

Pasukan Wan Ahmad telah menyerang Chenor dan beberapa tempat perkubuan pihak Bendahara. Pertempuran antara kedua belah pihak telah berlaku di Chenor, di Kampung Makam Tuan Sentang, di Kampung Nyak dan di Tanjung. Pasukan Bendahara yang menentang serangan pasukan Wan Ahmad itu diketuai oleh Khatib Bahrain, Che' Embok, Che' Mat Akil dan Panglima Hitam Latif. Dalam peperangan itu, pihak Bendahara telah dapat dikalahkan. Wan Ahmad telah dapat menduduki Chenor. Haji Hasan dan anak-anaknya masuk menyebelahi pihak Wan Ahmad. Wan Aman adik Wan Koris dengan segera meninggalkan Chenor dan kembali ke Pekan. Semasa angkatan Wan Aman dalam perjalanan meng-



hilir hendak lari balik ke Pekan, apabila sampai di Batu Gajah, orang-orang Bukit Segumpal yang menyebelahi Wan Ahmad, telah membedil perahu-perahu angkatan Wan Aman sambil berteriak mengatakan, "Penzaliman yang khianat! Rasalah bekas tangan orang Bukit Segumpal ini." Mujurlah Wan Aman dapat juga meneruskan pelayarannya sampai ke Pekan.

Pada masa itu, di Chenor telah berlaku perkelahian di antara orang Rawa dengan orang Pahang, kerana orang Rawa telah mengganggu perempuan di kampung itu. Dalam perkelahian itu, seorang orang Rawa telah ditikam. Kedua belah pihak telah mengangkat senjata. Wan Ahmad telah tampil dan menghukum orang Rawa yang telah melakukan kesalahan itu dan Wan Ahmad telah berjaya mengamankan keadaan tersebut.

Sejak itu, pihak Wan Ahmad semakin hari semakin bertambah kuat, kerana rakyat Pahang telah bertambah ramai menyebelahinya, kecuali Orang Kaya Chenor yang telah lari mudik ke Bera semasa Chenor jatuh ke tangan pihak Wan Ahmad.

Pasukan Wan Ahmad terus mara sampai ke Sungai Duri. Di sini, Tok Yahya dan Sayid Husain Tanjung Chempaka masuk menyebelahi Wan Ahmad.

Pihak Bendahara telah menghantar satu pasukan baharu mengandungi orang Pahang dan Johor yang diketuai oleh Imam Parang Che' Gendut, Che' Wan Ahmad Teluk Belanga dan Che' Hamid Batu Pahat, pergi menanti pasukan Wan Ahmad di Pulau Lebak (di Sungai Pahang). Di tebing sebelah kanan dijaga oleh pasukan Bendahara diketuai oleh Che' Mat Akil dan Khatib Bahrain. Di tebing sebelah kiri pula dijaga oleh pasukan Datuk Syahbandar yang dibantu oleh orang Bugis. Pasukan Wan Ahmad telah datang menyerang tempat itu, setelah bertempur, pihak Bendahara dapat dikalahkan dan berundur dari situ, bertahan dan berkubu pula di tempat yang bernama Pulau Kepyang.

Tiga bulan lamanya pihak Bendahara berkubu di Pulau Kepyang melawan Wan Ahmad. Akhirnya mereka dapat dikalahkan oleh pasukan Wan Ahmad dan lari meninggalkan Pulau Kepyang, pergi ke Pulau Manis, dari sini berundur lagi.

ke tempat yang bernama Temai, dan di sini juga peperangan berlaku di antara kedua belah pihak.

Pada masa ini orang-orang Wan Ahmad mendapat kesusahan, kerana telah kekurangan ubat bedil dan diserang penyakit ketumbuhan. Tambahan pula pada masa itu Temenggung Abu Bakar telah menghantar lagi pasukan perangnya yang terdiri daripada orang Bugis dan orang Muar datang membantu Bendahara Pahang.

Pasukan dari Johor itu mengandungi seramai enam ratus orang yang diketuai oleh Shaikh Muhammad Taib dan Haji Abu Bakar, kedua-duanya dari Perak dan pasukan dari Johor itu datang ke Pahang mengikut Sungai Muar, Hulu Serting dan Sungai Bera.

Pada masa itu Wan Ahmad telah terpaksa melawan dua pasukan yang menyebelahi Bendahara Pahang, satu pasukan mengandungi orang Bugis-Johor-Pahang yang berkubu di Temai, dan satu lagi yang baharu datang dari Johor telah sampai di Kuala Bera. Tetapi di Kuala Bera, pasukan Wan Ahmad telah membuat kubu dan bersiap sedia menanti serangan pasukan Bendahara. Pasukan Wan Ahmad diketuai oleh Che' Nyak dan Che' Deraman anak Haji Hasan, serta Datuk Muda Ahmad anak Tok Tunggal Bukit Segumpal.

Pasukan Wan Ahmad telah dipecahkan kepada dua bahagian, sebahagian diketuai oleh Wan Ahmad sendiri serta Tok Raja (Maharaja Perba Jelai) pergi membantu pasukannya di Kuala Bera. Sebahagian lagi tinggal untuk melawan pihak Bendahara di Temai di bawah pimpinan beberapa orang hulubalang Wan Ahmad yang gagah, di antaranya termasuk Imam Perang Rasu, Wan Daud, Orang Kaya Lipis, Imam Perang Jambang (orang Rawa) dan ramai lagi.

Apabila Wan Ahmad sampai di Bera, kekuatan pasukannya yang berkubu di situ telah mencukupi, sekadarkan mereka kekurangan ubat bedil. Wan Ahmad telah mengutus ke Rembau dan telah mendapat bantuan ubat bedil sebanyak dua puluh lima tong. Seorang daripada anak Haji Hasan bernama Che' Husain, telah meminta Wan Ahmad menghirir balik ke Temai, kerana Che' Husain merasakan pertahanan mereka di Bera itu telah boleh melawan pasukan yang datang dari Jo-

hor. Saudaranya Che' Deraman telah menyampuk dan berkata, "Bukan begitu adik! Apabila orang Chenor telah bersatu dengan orang Bukit Segumpal, dan sesudah Shaikh Muhammad Taib serta Haji Abu Bakar meminum bagaimana pahitnya air Sungai Pahang ini, baharulah tuanku boleh meninggalkan tempat ini." Tetapi walau bagaimanapun, setelah kubu pertahanan pihaknya di Kuala Bera itu lengkap, baharulah Wan Ahmad mengalir balik ke Temai bersatu dengan pengikutnya di situ. Orang Kaya Indera Segera Temerloh dibawa oleh Wan Ahmad bersama menghilir ke Temai, kerana Wan Ahmad tidak percaya untuk meninggalkan orang besar Temerloh itu di Kuala Bera.

Pasukan dari Johor yang datang ke Pahang mengikut Sungai Bera itu telah berperang dengan orang-orang Wan Ahmad yang telah sedia menanti di Kuala Bera. Pasukan dari Johor itu telah berperang dengan berani dan bersungguh-sungguh. Ada di antara orang Johor yang dapat melepaskan diri telah lari balik ke Johor.

Setelah pihak Wan Ahmad di Kuala Bera berjaya menahului orang Johor dari situ, dapatlah mereka membantu rakan mereka di Temai melawan pihak Bendahara.

Peperangan di Temai itu berjalan terus hingga memasuki tahun 1863.

1863. Wan Ahmad telah mengatur semula pasukannya dan telah menetapkan azam hendak melanggar Pekan dengan mengejut. Pengikutnya itu, selain daripada yang tinggal meneruskan peperangan di Temai, telah dipecahkan kepada tiga pasukan, tiap pasukan mengandungi lebih kurang enam ratus orang, di bawah pimpinan Imam Perang Raja, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan Tuan Embong. Setiap pasukan ditetapkan untuk melanggar satu tempat yang telah ditentukan, iaitu satu pasukan akan melanggar pasukan pihak Bendahara yang berkubu di Tanjung Parit, satu pasukan lagi yang diketuai oleh Imam Perang Rasu akan melanggar kubu di Kampung Masjid, dan satu pasukan yang mengandungi orang Jelai akan melanggar Kampung Baharu. Pasukan pihak Wan Ahmad itu telah keluar ber-

jalan meredah paya di sekitar Temai menuju di tempat yang telah ditetapkan.

Pasukan yang diketuai oleh Imam Perang Rasu, pada pagi sebelum terbit matahari, telah menyerang dan mengalahkan orang Bugis di Kampung Masjid, enam puluh orang Bugis yang ada di situ telah dibunuh oleh pasukan Imam Perang Rasu, dan yang lainnya telah lari menyelamatkan diri, kubu di Kampung Masjid itu telah diduduki oleh pihak Wan Ahmad.

Kubu pihak Bendahara di Tanjung Parit dan di Kampung Baharu dengan mudah sahaja dapat ditawan oleh pasukan Wan Ahmad. Pada masa itu Wan Ahmad telah menawan bandar Pekan tetapi tidak membenarkan pengikutnya merampas harta-benda dan membunuh orang di situ.

Setelah Pekan dapat ditawan oleh Wan Ahmad, Bendahara Tun Mutahir dan anak-anaknya serta pengikutnya telah berundur ke Kampung Syahbandar yang bernama Kampung Jambu. Pengikut Bendahara di Kampung Jambu dan di Pekan Seberang telah juga diserang oleh pihak Wan Ahmad. Bendahara dan pengikutnya telah lari menghilir Sungai Pahang dan bersembunyi di Tanjung Teja dekat Kuala Sungai Pahang. Orang-orang Bendahara di Temai, setelah lima bulan lamanya berperang, akhirnya telah dikalahkan juga oleh pihak Wan Ahmad.

Pada masa ini Bendahara Tun Mutahir dan anaknya Wan Koris yang tinggal di Tanjung Teja jatuh sakit. Oleh itu Datuk Syahbandar Pahang telah mengangkat Wan Aman adik Wan Koris sebagai bakal yang akan menjadi Bendahara Pahang. Tetapi yang sebenarnya Wan Aman gagal menjadi Bendahara Pahang, kerana Wan Ahmad telah berjaya menakluki negeri itu.

Dalam bulan Mei 1863, Bendahara Tun Mutahir yang telah uzur itu bersama dengan anaknya Wan Koris serta pengikut mereka dalam satu angkatan telah bertolak dari Tanjung Teja meninggalkan Pahang menuju ke Johor. Dengan tiada disangka, ketika sampai di Kuala Pahang, Wan Koris telah meninggal dunia tetapi pelayaran angkatan itu diteruskan juga membawa jenazah almarhum itu. Sampai di Kuala Sedili, Bendaha-

ra Tun Mutahir pula mangkat. Kedua-dua jenazah itu dibawa terus oleh angkatannya ke bandar Tanjung Puteri (Johor Baharu sekarang) dan dimakamkan di situ.<sup>1</sup>

Pada 10 hari bulan Jun 1863, Wan Ahmad telah berjaya mengambil Pahang dari tangan abangnya almarhum Bendahara Tun Mutahir. Oleh sebab itu orang-orang besar Pahang telah mengangkat Wan Ahmad menjadi Bendahara, raja pemerintah Pahang bergelar Bendahara Siwa Raja (Seri Wak Raja).<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ada riwayat mengatakan: Bendahara Tun Mutahir mangkat di Kuala Pahang, lepas itu anaknya Wan Koris (Tun Koris) mangkat di Kuala Sedili. Ada pula riwayat mengatakan: Wan Koris yang dahulu mangkat di Kuala Pahang, dan ayahnya mangkat di Kuala Sedili. Dan ada pula sumber lain mengatakan: keduanya mangkat apabila sampai di Kuala Sedili. Walau bagaimanapun, kedua-dua orang besar Pahang itu telah mangkat semasa dalam pelayaran antara Kuala Pahang dengan Kuala Sedili, dan telah dimakamkan di Tanjung Puteri.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 84-89; JOHOR - m.s. 105.

## *Pahang dari Tahun 1863-1871 Dalam Zaman Pemerintahan Bendahara Wan Ahmad*

1863. Setelah Wan Ahmad dilantik oleh orang-orang besar Pahang menjadi Bendahara yang memerintah negeri Pahang, dalam bulan Jun 1863 itu juga, Temenggung Abu Bakar Johor telah memberitahu Gabenor Cavenagh di Singapura berkenaan kemangkatan Tun Mutahir dan anaknya Wan Koris yang hanya berselang empat hari di antara keduanya. Temenggung Abu Bakar telah mencadangkan kepada Gabenor supaya Che' Wan Ahmad itu dijadikan Pemangku Raja sahaja sehingga putera sulung almarhum Wan Koris memegang kerajaan. Tetapi Gabenor Cavenagh percaya cadangan Temenggung Johor itu tidak akan diterima oleh Bendahara Wan Ahmad dan tentu sahaja Bendahara Wan Ahmad tidak mahu melepaskan kerajaan Pahang itu ke tangan orang lain. Mengenai hal ini, kerajaan British telah mengambil sikap tidak masuk campur.<sup>1</sup>

Setelah Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang, beliau pun memberi ampun kepada semua orang besar dan rakyat Pahang yang telah menyebelahi abangnya Bendahara Tun Mutahir dahulu. Datuk Syahbandar dan Che' Lambak serta pengikutnya telah balik semula ke Pahang dan telah diterima dengan baik oleh Bendahara Wan Ahmad. Lepas itu, Bendahara Wan Ahmad telah mengumpulkan orang-orang besarnya untuk membuat dan mengatur undang-undang baharu yang akan dijalankan di Pahang. Pada masa itu, Wan Daud (anak Wan Pahang) dan Wan Muhammad (anak Maharaja Perba Wan

<sup>1</sup> TARLING—m.s. 74.

Idris) serta beberapa orang besar yang telah menyebelahi Bendahara Wan Ahmad dahulu telah diberi gelaran oleh Bendahara. Wan Daud digelar Maharaja Setia Raja diberi kuasa memerintah lembahan Sungai Lipis iaitu dari kuala Sungai Lipis sampai ke hulu sungai itu. Ketika itu juga Bendahara Wan Ahmad mengeluarkan perintah semua barang dagangan yang dibawa keluar masuk tiada dikenakan cukai selama tiga tahun, kecuali di Kuantan kerana daerah itu telah dikhaskan kepunyaannya sendiri.<sup>1</sup>

Tiada berapa lama setelah Wan Ahmad mendapat kemenangan dan menjadi Bendahara Pahang, Sultan Ali Putera almarhum Sultan Husain Shah Singapura, yang pada masa itu tinggal di Umbai (Melaka) telah datang ke Pahang mengikut jalan Hulu Muar, Sungai Serting, Sungai Bera dan terus ke Pekan berjumpa Bendahara Wan Ahmad. Sultan Ali telah menyatakan kepada Bendahara Wan Ahmad tentang keinginannya selama ini untuk melantik Che' Wan Ahmad menjadi Sultan Johor-Pahang, supaya dengan jalan itu dapatlah dibentuk semula Kesultanan Johor-Pahang seperti dahulu di bawah seorang Sultan, yang mana di Pahang ada Bendaharanya dan di Johor ada Temenggunya. Oleh sebab Bendahara Wan Ahmad tidak mahu menimbulkan sebarang kerumitan, permintaan Sultan Ali itu telah ditolaknyanya. Dalam pada itu untuk melembutkan hatinya, Sultan Ali telah dikahwinkan di Pahang. Kemudian Sultan Ali balik ke Umbai dengan hampa.<sup>2</sup>

Dalam bulan Ogos 1863 itu juga, Temenggung Abu Bakar telah mengaku kepada Cavenagh, menyatakan Che' Wan Ahmad hendak menyerang Johor dan menawan Endau serta Pulau Tinggi. Apabila Cavenagh mengemukakan perkara itu kepada ketuanya, kerajaan British telah membenarkan Gabenor Cavenagh menjadi orang tengah bagi menyelesaikan perselisihan di antara Johor dengan Pahang itu. Temenggung Johor telah bersedia untuk menerima Cavenagh tetapi Bendahara Wan Ahmad tidak percaya dengan kejujuran Gabenor

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 90, 231.

<sup>2</sup> AYUB—m.s. 32; PAHANG—m.s. 93; JOHOR—m.s. 105.

Cavenagh bagi menyelesaikan perkara itu. Gabenor Cavenagh tahu jika mahukan Bendahara Wan Ahmad menerima penyelesaian British, British terpaksa menggunakan kekuatan senjata tetapi kerajaan British tidak membenarkan Cavenagh berbuat begitu kerana dalam perselisihan Johor-Pahang itu kerajaan British berpendapat kesalahannya ialah dari pihak Temenggung Johor, sebab Temenggung Johor masih lagi menunjukkan tentangannya terhadap Wan Ahmad walaupun sudah nyata Wan Ahmad telah menang dalam perjuangannya mengambil negeri Pahang.<sup>1</sup>

Dalam bulan Oktober 1863 itu juga, Bendahara Wan Ahmad telah memaklumkan kepada Gabenor di Singapura, menyatakan Orang Besar Empat di Pahang telah mempersilakan beliau ke Pahang, dan beliau telah menawan negeri itu pada 10 hari bulan Jun 1863 dan orang-orang besar Pahang telah melantiknya menjadi raja pemerintah di negeri itu.

Setelah menerima surat daripada Bendahara Wan Ahmad, Gabenor Negeri Selat telah mengirim surat kepada kerajaan British di England memberitahu bahawa orang Pahang telah bersetuju dengan raja pemerintahnya yang ada sekarang, negeri itu telah aman dan pemiagaan telah berjalan dengan baik. Oleh sebab telah menerima laporan daripada Gabenor Negeri Selat, kerajaan British menetapkan untuk mengakui Bendahara Wan Ahmad sebagai raja pemerintah yang sebenarnya di negeri Pahang.<sup>2</sup>

Sejak Bendahara Wan Ahmad menjadi raja pemerintah di Pahang, tiada lagi berlaku perkelahian bersenjata di antara pihak Bendahara dengan pihak Temenggung Abu Bakar Johor, dalam pada itu, Bendahara Pahang dengan Temenggung Johor itu masih juga berselisih faham mengenai pulau-pulau di Laut Cina Selatan yang telah diserahkan oleh almarhum Bendahara Tun Mutahir kepada kerajaan Johor dahulu dan tiada disetujui oleh Bendahara Wan Ahmad demikian juga berkenaan dengan sempadan negeri mereka. Bendahara Wan Ahmad tetap mengatakan Pulau Tioman, Pulau Tinggi, Pulau

<sup>1</sup>TARLING—m.s. 74-75.

<sup>2</sup>JOHOR - m.s. 105-106; PAHANG - m.s. 90.



Aur dan pulau-pulau lain adalah termasuk dalam kuasa kerajaan Pahang. Dalam bulan Oktober 1863 itu juga, Bendahara Wan Ahmad telah memanggil ketua-ketua di Pulau Tinggi, Pulau Tioman dan Pulau Aur datang berkumpul berjumpa Bendahara di Mersing dan Bendahara telah dapat pengakuan yang menyatakan mereka tetap taat setia kepada Bendahara Pahang.<sup>1</sup>

1864. Tiada berapa lama setelah Bendahara Wan Ahmad menduduki takhta kerajaan Pahang, Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga telah keluar dari negeri Siam dengan kawannya bernama Daing Muhammad dan Ismail, datang ke Singapura dan tinggal di sebuah kampung bernama Siglap. Dari Singapura, Sultan Mahmud pergi pula ke Kesang berjumpa Sultan Ali. Dalam tahun 1864 Sultan Mahmud telah datang ke Pahang berjumpa Bendahara Wan Ahmad. Sultan Mahmud telah memujuk Bendahara Wan Ahmad supaya melengkapkan angkatanannya untuk menyerang orang Belanda di Pulau Lingga (Daik), kerana bekas Sultan itu hendak kembali berkerajaan di Lingga. Tetapi pujukan Sultan Mahmud itu tiada disetujui oleh Bendahara Wan Ahmad, kerana ia dan rakyat Pahang tidak mahu melibatkan diri ke dalam kancah peperangan di luar negeri. Bekas Sultan itu telah mangkat setelah sebulan lamanya berada di Pahang (di Pekan) dan telah dimakamkan di Kuala Pahang iaitu dipermakaman Bendahara Pahang yang lain.<sup>2</sup>

1865. Dalam bulan Julai 1865, dua buah kapal perang British telah datang ke Pulau Tinggi untuk mencari seorang yang bernama Bujang yang dikatakan telah merompak dan membunuh seorang Cina rakyat British pemotong kayu di Pulau Seri Buat. Apabila orang British itu tidak dapat mencarinya, Gabenor di Singapura telah meminta pertolongan Bendahara Wan Ahmad. Bendahara mengatakan beliau memang suka untuk mencari orang itu, kerana dia adalah rakyat

<sup>1</sup>JOHOR - m.s. 106-107. PAHANG - m.s. 90.

<sup>2</sup>TUHFAT - m.s. 378; PAHANG - m.s. 91-92.

Johor yang telah mencero boh masuk ke pulau-pulau dalam perintah Pahang. Jawapan Bendahara itu nyata bermaksud menegaskan lagi bahawa pulau itu ialah kepunyaan kerajaan Pahang.<sup>1</sup>

Sejak pertengahan tahun 1863, yakni selepas peperangan Wan Ahmad mengambil negeri Pahang itu, selama dua tahun, tanaman padi di Pahang tiada berapa menjadi, kerana hawar tikus dan musim kemarau. Pada masa itulah Bendahara Wan Ahmad telah membekalkan beras untuk makanan orang-orang kampung di Pahang yang telah ditimpa kebuluran.

1866. Pada awal bulan Julai, Bendahara Wan Ahmad telah menerima sepucuk surat daripada Gabenor Cavenagh yang menyatakan bahawa beliau tidak mengakui pulau-pulau yang disebutkan dahulu masuk ke dalam kuasa kerajaan Pahang, kerana pulau itu termasuk di bawah perintah Temenggung Johor. Walaupun demikian kata Gabenor itu tetapi Bendahara Wan Ahmad tetap juga mengatakan bahawa Pulau Tioman, Pulau Tinggi, Pulau Aur dan pulau-pulau yang lain itu memang selamanya di bawah perintah Pahang.

Dalam bulan September 1866 itu juga, Bendahara Wan Ahmad telah memberitahu Kolonel Macpherson, Residen Konselar di Singapura, mengatakan seorang pegawai kerajaan Pahang bernama Tengku Zainal telah pergi menyiasat dan mencari perompak laut di Pulau Tinggi, di Pulau Tioman dan di Pulau Aur, dan pegawai itu telah mendengar berita mengatakan satu pasukan askar Johor yang datang dengan sebuah kapal Temenggung Johor telah membuat kacau dan telah menangkap rakyat Pahang di pulau itu. Bendahara Wan Ahmad mengatakan juga, bahawa tuduhan yang telah dilemparkan kepadanya yang mengatakan ia telah melakukan rompakan itu adalah semata-mata bohong kalau tuduhan palsu itu dipercayai, maka sudah pasti perniagaan di antara Pahang dengan Singapura akan terjejas.

Pada bulan November 1866, Bendahara Wan Ahmad telah mengadu pula kepada Gabenor Cavenagh, mengatakan orang

<sup>1</sup> JOHOR—m.s. 107.

Temenggung Johor telah menangkap lima orang rakyat Pahang dan telah merampas harta-benda mereka, kerana rakyat Pahang itu telah dijumpai di Pulau Tioman, demikian juga anak-anak kapal Temenggung itu telah merampas harta-benda kerajaan Pahang di Pulau Kaban dan telah menangkap beberapa orang nelayan.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1866 itu juga, Wan Aman, Wan Da dan Wan Abdullah, ketiga-tiganya anak almarhum Bendahara Tun Mutahir telah membuat percubaan hendak mengambil semula negeri Pahang dari tangan Bendahara Wan Ahmad. Mereka telah menghantar satu pasukan perang diketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil (Mat Akil), melalui Rembau dan Teriang datang menyerang Pahang. Bendahara Wan Ahmad telah menghantar Haji Mat Tahir Ter membawa pasukan perang Pahang untuk melawan pasukan itu. Haji Mat Tahir dan pasukannya telah berkubu di tempat yang bernama Jerang di Hulu Teriang. Pasukan Wan Aman telah dengan mudah sahaja menawan kubu pihak Bendahara Wan Ahmad di Jerang dan merampas senjata yang ada di situ, dan Haji Mat Tahir lari menyelamatkan diri.

Pasukan Bendahara yang diketuai oleh Orang Kaya Temerloh dan Tok Tuit Orang Kaya Chenor telah datang menyerang pasukan Wan Aman dan adiknya itu. Orang Kaya Temerloh yang dahulunya menyebelahi Bendahara Tun Mutahir, sekarang telah menyebelahi Bendahara Wan Ahmad dan telah menunjukkan bukti kesetiaannya kepada pemerintah Pahang yang baharu itu. Lebih sebulan lamanya berperang, baharulah pasukan yang dipimpin oleh Orang Kaya Temerloh itu dapat mengalahkan pasukan Wan Aman dan berjaya mengundurkan mereka. Setelah kembali ke Pekan, Bendahara Wan Ahmad telah mengucapkan terima kasih kepada Orang Kaya Temerloh kerana pertolongannya itu, dan Bendahara telah menetapkan seorang anak lelakinya untuk mewarisi pangkat Orang Kaya Temerloh itu kelak.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 90-91.

1867-1868. Mengikut *Hikayat Pahang*: Pada masa ini (1867) negeri Pahang dalam keadaan aman dan makmur (setelah dua tahun lamanya kekurangan padi), makanan murah, lima gantang beras berharga seringggit sahaja, dan seratus gantang padi hanya dua ringgit, tanaman-tanaman tetap subur. Keamanan dan kemakmuran itu, menurut *Hikayat Pahang*, adalah kerana baiknya pemerintahan Bendahara Wan Ahmad.<sup>1</sup>

Perselisihan di antara Bendahara Wan Ahmad dengan Temenggung Abu Bakar belum juga selesai. Tetapi dalam tahun 1867 ini, tiada berapa lama sebelum Gabenor Sir Harry Ord sampai di Singapura menjadi Gabenor Negeri Selat menggantikan Cavenagh, Temenggung Abu Bakar telah bersetuju hendak menyerahkan Pulau Tioman, Pulau Seri Buat, Pulau Kaban dan pulau-pulau lain yang terletak di sebelah utara Garisan Lintang 20° 40' kepada kerajaan Pahang (Bendahara Wan Ahmad) untuk menyelesaikan perselisihan yang telah begitu lama berlanjutan.

Pada tahun 1867 itu juga, Sir Harry Ord telah sampai di Singapura menggantikan Orfeur Cavenagh menjadi Gabenor Negeri Selat. Gabenor Harry Ord telah mengambil tindakan untuk merundingkan hal perselisihan di antara Johor dengan Pahang itu. Pada bulan Ogos 1868, dalam lawatannya ke pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, Gabenor Harry Ord telah singgah di Pekan (Pahang) berjumpa Bendahara Wan Ahmad dan merundingkan perkara tersebut. Pada masa itu, telah ditetapkan Sungai Endau menjadi sempadan di darat antara negeri Pahang dengan negeri Johor, dan ke lautnya, dari tengah kuala Sungai Endau mengikut satu garisan lintang yang dijangkakan dari situ lurus arah ke timur, laut dan pulau yang terletak di sebelah utara daripada garisan lintang itu, masuk ke dalam perintah Pahang, Pulau Tioman masuk ke dalam perintah Pahang, dan laut serta pulau yang terletak di sebelah selatan daripada garisan lintang itu masuk perintah Johor. Pada 1 hari bulan September 1868 telah ditandatangani surat perjanjian mengenai keputusan itu oleh

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 92; HIKAYAT (II).

Bendahara Wan Ahmad bagi pihak kerajaan Pahang, dan Maharaja Abu Bakar\* bagi pihak kerajaan Johor dengan disaksikan oleh Gabenor Harry Ord. Sejak itulah juga kerajaan British mula mengakui Bendahara Wan Ahmad sebagai raja pemerintah Pahang.<sup>1</sup>

Pada tahun 1868 itu juga, Wan Da anak almarhum Bendahara Tun Mutahir yang dibantu oleh Sayid Deraman (Abdul Rahman), Imam Perang Mat Aris dan Tuan Kechut serta orang Rawa telah menyerang Raub (di Pahang). Bendahara Wan Ahmad telah menghantar pasukan perangnya dari Pekan pergi melawan pasukan yang menyerang itu. Pasukan Bendahara diketuai oleh Haji Muhammad Nur bin Haji Abdul Hamid, seorang orang besar di Pekan, Orang Kaya Lipis, Imam Perang Rasu, Tok Kali Segar dan Tok Mamat Budu. Pertempuran di antara kedua-dua belah pihak telah berlaku di tempat yang bernama Saga. Imam Perang Wan Muhammad anak Maharaja Perba Jelai Wan Idris, yang membawa pasukannya orang Jelai telah datang membantu pasukan Bendahara Wan Ahmad. Setelah bertempur selama lima hari, akhirnya pihak Wan Da dapat dikalahkan dan lari ke Selangor. Orang Rawa yang menyebelahi Wan Da telah menyerah kalah, meminta ampun, dan telah diampunkan oleh Bendahara Wan Ahmad. Pada pendapat Bendahara Wan Ahmad, Wan Da datang menyerang Pahang adalah kerana mengikut rancangan dan galakan Maharaja Abu Bakar Johor.<sup>2</sup>

Wan Aman dan Wan Da yang berada di Selangor telah menyebelahi Raja Abdullah wakil Sultan Abdul Samad Selangor yang memerintah di Kelang. Raja Abdullah bermusuh dengan Raja Mahadi kerana merebutkan Kelang. Tetapi oleh sebab telah berlaku perselisihan di antara mereka dengan Raja Abdullah, Wan Aman dan Wan Da telah menyebelahi Raja Mahadi pula untuk melawan Raja Abdullah. Raja Mahadi telah berjanji akan menolong Wan Aman dan Wang Da mengambil

\*Temenggung Abu Bakar Johor mula memakai gelaran Maharaja pada bulan Jun 1868—Maharaja Abu Bakar.

<sup>1</sup>TARLING—m.s. 81; SAID (I)—m.s. 20; PARKINSON—m.s. 33.

<sup>2</sup>PAHANG—m.s. 92-95.

Pahang dari tangan Bendahara Wan Ahmad. Tetapi pada masa itu belum dapat Raja Mahadi menunaikan janjinya, kerana beliau sedang berperang di Kelang.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Selangor*).<sup>2</sup>

1870. Dalam bulan Mac 1870, Raja Mahadi telah dikalahkan oleh Tengku Kudin di Kelang. Raja Mahadi telah keluar meninggalkan Kelang pergi ke Sungai Buluh dan kemudian ke Hulu Selangor. Pada awal tahun 1870 itu juga, Raja Mahadi telah membantu pasukan Wan Aman dan Wan Da hendak menyerang Pahang. Pasukan itu datang dari Hulu Selangor, melalui Genting Semangkok dan sampai ke Raub. Ketua-ketua pasukan Wan Aman dan Wan Da yang dibantu oleh Raja Mahadi, ialah Sayid Deraman, Imam Perang Mat Aris, Che' Embok, Tuan Kechut dan Panglima Tujuh Lapis, dan dibantu pula oleh orang Rawa seramai seribu orang.

Tok Teh Orang Kaya Setia Lela Lipis dan anaknya Tok Muda Sentul, serta Imam Perang Rasu bagi pihak Bendahara Wan Ahmad telah mengumpulkan orang-orangnya serta senjata dan berkubu di beberapa buah tempat di tebing Sungai Lipis menanti musuh yang datang itu. Bendahara Wan Ahmad di Pekan telah menghantar pula senjata dan peluru memenuhi permintaan orang-orangnya itu.

Pertempuran antara kedua belah pihak telah berlaku di tempat yang bernama Kuala Pa dekat tempat yang bernama Temu. Setelah berperang selama tiga hari, pihak yang datang menyerang itu telah dapat menawan lapan buah kubu pihak Bendahara, kerana pertempuran itu hanya dipimpin oleh Orang Kaya Lipis seorang sahaja, pada masa itu Imam Perang Rasu tiada di situ. Pasukan Bendahara telah hampir tewas. Setelah Imam Perang Rasu datang ia pun meminta bantuan dari Pekan, dan Bendahara Wan Ahmad telah menghantarkan pasukan bantuan dengan membawa banyak senjata dan pelu-

<sup>1</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 46; PARKINSON—m.s. 45; PAHANG—m.s. 93.

<sup>2</sup> Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Kedua 1981.

ru. Pasukan bantuan itu diketuai oleh Haji Muhammad Nur orang besar kesayangan Bendahara Wan Ahmad. Haji Muhammad Nur dan Imam Perang Rasu dengan askar pihak Bendahara telah bertempur dengan pasukan Wan Aman dan Wan Da yang dibantu oleh panglima perang mereka di suatu tempat dalam daerah Raub bernama Gali.

Dalam peperangan di Gali, Imam Perang Usuh (Yusoh) dan penolongnya panglima Sultan, Tengku Abdul Samad dan Tok Uteh Gali di pihak Bendahara telah menunjukkan kehandalan mereka dalam pertempuran itu. Sejak peperangan di Gali itulah juga Imam Perang Rasu mulai terkenal sebagai panglima perang yang masyhur di Pahang. Kemudian datang lagi satu pasukan perang yang dihantar oleh Bendahara Wan Ahmad untuk membantu orang-orangnya itu, pasukan ini diketuai oleh Imam Perang Che' Gandut.

Dalam kedua-dua belah pihak yang berperang di Gali itu, ramai daripada askarnya terdiri daripada orang Rawa. Ramai askar dari pasukan Haji Muhammad Nur telah terbunuh kerana diserang hendap. Peperangan di Gali telah berlanjutan selama tujuh bulan.

Di suatu masa, pasukan pihak Bendahara Wan Ahmad yang seramai lebih kurang dua ratus orang telah datang melanggar Raub, iaitu pusat kekuatan pihak yang menentang Bendahara. Dalam serangan ini pihak Bendahara telah berjaya, banyak kedai di Raub telah dibakar dan telah dapat menawan kubu musuh di tempat yang bernama Sempalit. Orang Kaya Pahlawan (yang ada disebut namanya Panglima Kakap Bahaman) telah menutup semua genting jalan yang boleh dilalui untuk pergi ke Selangor, dan askarnya telah bersembunyi di genting-genting itu menanti askar musuh yang lalu di situ. Sungguhpun demikian, Wan Aman yang tidak mahu terikat oleh syarat yang akan dikenakan oleh pihak musuhnya yang menang itu, tiada pula ia dipengapakan oleh orang Pahang, sebaliknya Wan Aman dan pengikutnya telah dibenarkan pergi ke Selangor.

Bendahara Wan Ahmad dapat menyelesaikan peperangan di bahagian barat Pahang dalam tempoh sembilan bulan. Sebenarnya, Raja Mahadi, tidak mencampuri peperangan itu

hingga ke akhir, kerana tiada lama setelah ia memulakan peperangan yang telah diteruskan oleh Wan Aman dan Wan Da serta hulubalangnnya, Raja Mahadi telah balik bersatu dengan pengikutnya di Selangor dan berjaya menawan Kuala Selangor. Bendahara Wan Ahmad telah berjaya mengalahkan musuhnya itu dan beliau sangat marah kepada Raja Mahadi kerana telah membantu Wan Aman dan Wan Da membangkitkan kekacauan itu (tahun 1870).<sup>1</sup>

Setelah Wan Aman pergi ke Selangor, ia telah berselisih faham pula dengan Raja Mahadi dan Wan Aman tiada mahu lagi memihak kepada Raja Mahadi. Wan Aman telah menyebelahi Tengku Kudin yang bermusuh dengan Raja Mahadi dan sekutunya. Tengku Kudin (wakil Sultan Abdul Samad Selangor) telah melantik Wan Aman memerintah di suatu tempat dalam daerah Hulu Selangor. (Lihat *Sejarah Selangor*).

Lepas itu, Pahang telah kembali aman. Pada masa inilah seorang daripada isteri Bendahara Wan Ahmad yang bernama Che' Pah telah beroleh seorang anak lelaki dan diberi nama Tun Mahmud.

Bendahara Wan Ahmad telah berangkat melawat ke merata negeri Pahang untuk melihat sendiri keadaan pemerintahan yang dijalankannya. Di Chenor, Bendahara telah disambut oleh Encik Husain, Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor, yang baharu menggantikan bapa saudaranya Encik Tuit. Di Sanggang, kedatangan Bendahara telah disambut oleh ketua di tempat bernama Encik Teh Muhammad dengan mengadakan keramaian berlaga kerbau. Di Kuala Tekam dekat Kota Gelanggi, Bendahara Wan Ahmad telah mengarahkan satu kumpulan orangnya pergi masuk hutan menangkap semua orang asli yang mereka jumpai. Empat orang daripada orang Bendahara yang pergi telah dimakan harimau, dan kumpulan itu hanya dapat membawa lapan orang asli (Sakai). Apabila Bendahara Wan Ahmad balik ke Pekan, beliau telah mengadakan keramaian bersuka-suka selama sepuluh bulan kerana menjalankan istiadat menindik anak perempuannya yang bernama Tun Long, iaitu anak daripada isteri Bendahara itu

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 45-46, 68, III; PAHANG—m.s. 93-94.




yang bernama Tun Besar gelarannya Che' Puan Busu.

1871. Dalam bulan November 1871, Wan Aman dan pengikutnya di Hulu Selangor telah kekurangan makanan. Pada masa itulah Wan Aman telah ditangkap oleh Sayid Mashhor iaitu seorang daripada hulubalang gagah pihak Raja Mahadi melawan Tengku Kudin dalam perang saudara di Selangor. Wan Aman telah dikurung oleh Sayid Mashhor buat beberapa lama, dan apabila perkara itu diketahui oleh Bendahara Wan Ahmad Pahang, beliau pun marah dengan perbuatan pihak Raja Mahadi itu yang telah menyiksa anak saudara Wan Ahmad itu.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 94-95; MIDDLEBROOKE—m.s. 111.

SALASILAH BENDAHARA DAN SULTAN PAHANG





## ***Bendahara Wan Ahmad Mencampuri Perang di Selangor***

1871. Dalam bulan Disember 1871, Tengku Kudin (wakil Sultan Abdul Samad Selangor) telah mengutus Wan Da adik Wan Aman pergi ke Pahang membawa sepucuk surat Tengku Kudin untuk disampaikan kepada Bendahara Wan Ahmad bagi mendapatkan bantuan daripada Bendahara Pahang hendak mengalahkan orang-orang yang menentangnya di Selangor terutama Raja Mahadi dan sekutunya.

Apabila sampai di Pahang, Wan Da telah berdamai dengan bapa saudaranya Bendahara Wan Ahmad yang ditentangnya dahulu. Setelah berdamai baharulah Wan Da menyampaikan surat Tengku Kudin itu kepada Bendahara Wan Ahmad. Bendahara Wan Ahmad bersetuju membantu Tengku Kudin melawan musuhnya itu kerana Bendahara memang marah kepada Raja Mahadi dan sekutunya yang telah membantu pihak yang melawannya di Pahang dahulu, tambahan pula Sayid Mashhor telah menawan dan menyiksa anak saudaranya Wan Aman di Hulu Selangor. Tetapi bantuan yang akan diberikan itu hendaklah dipersetujui terlebih dahulu oleh Gabenor Negeri Selat. Begitulah kehendak Bendahara Wan Ahmad. Lebih kurang empat bulan selepas itu baharulah surat Tengku Kudin dijawab oleh Bendahara Wan Ahmad.<sup>1</sup>

1872. Dalam bulan April 1872, Wan Da bersama dengan Haji Muhammad Nur telah bertolak dari Pahang pergi

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 76; PAHANG—m.s. 95.

ke Selangor. Haji Muhammad Nur membawa surat jawapan Bendahara Wan Ahmad untuk disampaikan kepada Tengku Kudin di Kelang, dan sepucuk surat lagi akan disampaikan kepada Gabenor di Singapura.

Setibanya di Kelang, mereka mendapat tahu yang Tengku Kudin telah pergi ke Singapura. Semasa di Kelang, Haji Muhammad Nur telah berjumpa dengan Raja Asal, seorang yang sedang mengambil bahagian cergas menyebelahi Raja Mahadi melawan Tengku Kudin. Dengan tiada mengetahui cerita yang sebenar tentang perhubungan yang sedang berjalan di antara Bendahara Pahang dengan Tengku Kudin, Raja Asal telah memujuk Haji Muhammad Nur supaya Pahang membantunya melawan Tengku Kudin dan sekutunya. Raja Asal telah menawarkan wang hadiah sebanyak \$30,000 kepada Haji Muhammad Nur dan kalau dia menang, Haji Muhammad Nur akan diberikan wang belanja sebanyak \$1,000/- setiap bulan buat selama-lamanya. Haji Muhammad Nur tidak melayan tawaran Raja Asal itu.

Tiada berapa lama di Kelang, Haji Muhammad Nur bertolak ke Singapura untuk menemui Tengku Kudin dan Gabenor Negeri Selat.

Apabila Haji Muhammad Nur berjumpa Tengku Kudin di Singapura, ia pun menyampaikan surat Bendahara Wan Ahmad itu dan telah menceritakan juga bagaimana ia berjumpa dengan Raja Asal yang telah memujuknya supaya Pahang membantunya. Haji Muhammad Nur sebagai wakil Bendahara Wan Ahmad Pahang dan Tengku Kudin wakil Sultan Selangor telah berjumpa dengan Gabenor Sir Harry Ord bagi merundingkan perkara Tengku Kudin meminta bantuan daripada Bendahara Pahang itu. Kandungan surat Bendahara Wan Ahmad yang telah disampaikan kepada Gabenor itu menyatakan Bendahara Pahang meminta kebenaran daripada Gabenor hendak menghantarkan angkatan perang dari Pahang pergi ke Selangor membantu Tengku Kudin melawan musuhnya yang membuat kacau di Selangor. Alasan Tengku Kudin ialah kerana ia percaya jika Pahang tidak membantunya, boleh jadi ia akan dikalahkan oleh musuhnya (Raja Mahadi dan sekutunya). Apabila Gabenor Harry Ord ditanya mengenai

hal itu, ia pun bersetuju pasukan perang Pahang dihantar ke Selangor membantu Tengku Kudin.<sup>1</sup>

Bendahara Wan Ahmad telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura mengatakan orang Rawa dan Mendahiling yang telah memberontak di Pahang itu telah dihalau ke Selangor dan mereka telah berkumpul di sana untuk melancarkan serangan ke Pahang. Bendahara percaya jika sekiranya mereka yang selalu membuat kacau itu tidak dibinasakan, Pahang tiada akan aman. Bendahara Wan Ahmad juga meminta kebenaran Gabenor untuk menyerang orang yang membuat kacau di Selangor itu.

Tiada lama setelah menerima surat daripada Bendahara Wan Ahmad itu, Gabenor Harry Ord telah pergi ke Pahang (di Pekan) dan di sana Gabenor sendiri telah membenarkan Bendahara Wan Ahmad melaksanakan rancangannya hendak menghantarkan angkatan perang Pahang ke Selangor. Pada masa itu juga Tengku Kudin telah pergi ke Pekan dan mendesak Bendahara Wan Ahmad menyegerakan persiapan angkatan perang yang akan dihantar ke Selangor. Dengan itu Bendahara Wan Ahmad telah mengumpulkan orang-orangnya serta bekalan makanan, senjata dan peluru, dan semuanya hendaklah datang berkumpul ke Bentong.

Pada akhir bulan Julai 1872 angkatan perang Pahang telah siap berkumpul di Bentong, seribu orang dalam pasukan hadapan yang akan berjalan dahulu, telah siap lengkap dan menanti perintah sahaja hendak bergerak ke Selangor. Pada masa itulah terdengar berita mengatakan orang Rawa dan Mendahiling yang diketuai oleh Raja Asal telah mengepung pasukan Tengku Kudin yang berkubu di Bukit Nenas, Kuala Lumpur. Sebenarnya dalam bulan Julai 1872 itu, askar pihak Raja Mahadi dan sekutunya telah mengepung bandar Kuala Lumpur yang diketuai oleh Tengku Kudin dan sekutunya, dan Raja Mahadi telah menyerang Kampung Batu dan Gombak di pinggiran bandar Kuala Lumpur.<sup>2</sup> (Lihat *Sejarah Selangor*).

Pada awal bulan Ogos 1872, pihak Bendahara Wan Ahmad

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 76. PAHANG—m.s. 95.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 76; PAHANG—m.s. 95.

yang berkumpul di Bentong telah menghantar satu pasukan hadapan berjalan dahulu, seramai seribu orang diketuai oleh Imam Perang Rasu, dibantu oleh Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur pergi ke Selangor melalui Genting Simpah dan Genting Bidai lalu pergi ke Hulu Kelang dan berkhemah di tempat yang bernama Batu Tabor. Pasukan yang menanti di Bentong itu adalah seramai tiga atau empat ribu orang dipimpin oleh Orang Besar Jelai dan Orang Besar Lipis.

Di Hulu Kelang, pasukan Pahang telah berpecah dua, satu pasukan diketuai oleh Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur menuju ke Kepong, satu pasukan lagi tinggal di Hulu Kelang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu.<sup>1</sup>

Pasukan Imam Perang Rasu telah menyerang dan berjaya mengalahkan kubu Raja Asal di Hulu Kelang dan telah membunuh ramai askar Raja Asal. Dalam pada itu, oleh sebab pasukan Imam Perang Rasu telah berpecah dengan orang Pahang yang telah pergi ke Kepong, pasukan Raja Asal telah datang semula menyerang balas dan telah menyekat bekalan makanan yang hendak dibawa ke tempat Imam Perang Rasu itu, sehingga askar-askar Imam Perang Rasu yang berkubu di Batu Tabor telah keputusan makanan, lima belas hari lamanya mereka tidak makan nasi dan terpaksa makan gagang daun pisau dengan garam dan dengan bersusah payah Imam Perang Rasu telah membawa orang-orangnya balik ke Bentong.<sup>2</sup>

Pasukan orang Pahang yang pergi ke Kepong itu telah berjaya mengalahkan serangan Raja Asal yang membawa askarnya seramai dua ratus orang. Setiap kali orang-orang Raja Mahadi datang menyerang orang Pahang di Kepong, orang Pahang telah berjaya mengalahkannya. Dalam pertempuran di Kepong itu, Encik Man bin Datuk Mata-Mata dan Encik Sulaiman Pulau Keladi dari pasukan Pahang telah menunjukkan kehandalan mereka.

Setelah pasukan Imam Perang Rasu yang berhimpun di

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 76; PAHANG—m.s. 95-96.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE—m.s. 76. 115; PAHANG—m.s. 96.

Bentong siap mengumpulkan bekalan makanan yang secukupnya, Imam Perang Rasu pun membawa pasukannya bersama Datuk Syahbandar dan Tok Muda Andak, datang mendapatkan kawan-kawan mereka di Kepong dan telah mengalahkan pasukan pihak Raja Mahadi yang datang menyerang tempat itu.<sup>1</sup>

Pasukan Pahang yang berkubu di Kepong telah menghantar utusan kepada pasukan Tengku Kudin di Kuala Lumpur mengajak mereka berundur ke Kepong jika mereka tidak dapat lagi mempertahankan Kuala Lumpur iaitu sementara menantikan askar bantuan dari Pahang. Malangnya, utusan Pahang itu tidak diterima oleh van Hagen, orang Belanda yang menjadi panglima perang pihak Tengku Kudin yang bertahan di Kuala Lumpur yang dikepung oleh pihak Raja Mahadi, atau mungkin van Hagen sendiri belum lagi percaya kepada orang Pahang yang hendak membantunya itu.<sup>2</sup>

Pada akhir bulan Ogos 1872 itu juga, Kuala Lumpur jatuh ke tangan pihak Raja Mahadi dan sekutunya setelah berjaya mengalahkan pihak Tengku Kudin dan sekutunya yang bertahan di Kuala Lumpur itu. Bendahara Wan Ahmad yang pada masa itu berada di Bentong telah jatuh sakit dan beliau telah dibawa oleh orang-orang besarnya balik ke Pekan walaupun Bendahara tidak mahu untuk meninggalkan Bentong. Sampai di Pekan, Wan Ahmad telah sembuh.<sup>3</sup>

Oleh sebab orang-orang Pahang yang berkubu di Kepong itu telah menderita kekurangan makanan serta tidak pula dapat membuat perhubungan dengan Tengku Kudin di Kelang, maka dalam bulan September 1872 itu juga, mereka telah keluar meninggalkan Kepong dan kembali semula ke Bentong, dan perkara itu tiada diketahui oleh Tengku Kudin di Kelang. Pada masa itu Bendahara Wan Ahmad telah mengumpulkan semula askarnya di Bentong yang akan dihantar lagi ke Selangor.<sup>4</sup>

Pada 18 hari bulan November 1872, pasukan perang Teng-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 96.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 76.

<sup>3</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 77; PAHANG - m.s. 96.

<sup>4</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 78.



ku Kudin yang telah bersatu dengan pasukan perang Kapitan Yap Ah Loy (seorang taukeh Cina di Kuala Lumpur sekutu Tengku Kudin melawan pihak Raja Mahadi) dari Kelang telah menawan Petaling setelah berjaya mengalahkan pihak Raja Mahadi yang berkubu di situ. Setelah menawan Petaling, baharulah Tengku Kudin dan Yap Ah Loy mengetahui bahawa orang Pahang tidak ada lagi di Kepong dan di Hulu Kelang.<sup>1</sup> (Lihat *Sejarah Selangor*).

Lepas itu pasukan perang Tengku Kudin dan Yap Ah Loy telah mengepung Kuala Lumpur yang dikuasai oleh Raja Mahadi, dan sementara menantikan bantuan dari Pahang, mereka telah melancarkan beberapa serangan kecil, dan setelah itu mereka akan melancarkan serangan besar ke bandar Kuala Lumpur.<sup>2</sup>

1873. Setelah lebih kurang empat bulan lamanya pasukan Tengku Kudin mengepung Kuala Lumpur, pada awal bulan Mac 1873, pasukan perang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor telah sampai di pinggir bandar Kuala Lumpur. Pasukan Pahang yang dipimpin oleh Orang Kaya Lipis telah berjaya menawan genting jalan yang menghubungkan Hulu Selangor dengan Pahang. Kapitan Yap Ah Loy dan Imam Perang Muhammad Akil (pihak Tengku Kudin) yang sudah lama mengepung Kuala Lumpur, telah menjemput Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor bermesyuarat merundingkan langkah yang akan diambil untuk menyerang dan mengalahkan pihak Raja Mahadi yang sedang menguasai bandar Kuala Lumpur itu.

Dalam bulan Mac itu juga (1873), pasukan Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor yang dibantu oleh orang-orang Tengku Kudin telah mengepung kubu Raja Asal di Hulu Kelang. Orang Mendahiling pihak Raja Asal yang berkubu di Hulu Kelang telah keluar dari kubu mereka dan menyerang pasukan Pahang itu dan ber-

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 79, 116; PARKINSON - m.s. 71.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 79, 80.

lakulah pertempuran dahsyat. Dalam pertempuran itu, panglima perang Pahang iaitu Imam Perang Raja (Che' Gandut), Panglima Garang Ishak dan Encik Dolah (Abdullah) Bera telah luka. Tetapi, akhirnya, pada 23 hari bulan Mac 1873 kubu Raja Asal di Hulu Kelang telah dapat ditawan oleh orang Pahang, Raja Asal dan orang-orangnya telah lari ke Kuala Lumpur bersatu dengan pihak Raja Mahadi di situ yang diketuai oleh Sayid Mashhor.<sup>1</sup>

Pada masa ini, orang-orang Tengku Kudin yang telah bersatu dengan Yap Ah Loy dan orang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor itu, telah mengepung Kuala Lumpur yang dikuasai oleh pasukan Raja Mahadi yang diketuai oleh Sayid Mashhor. Mengikut rancangannya, askar-askar Pahang itu, telah ditempatkan berkubu menjaga tempat di antara batu satu jalan Ampang sekarang hingga ke Bukit Gombak. Akhirnya, dalam bulan Mac 1873 itu juga, pihak Tengku Kudin dan sekutunya itu telah menyerang dan mengalahkan askar Raja Mahadi di Kuala Lumpur telah dikuasai semula oleh pihak Tengku Kudin. Orang-orang Raja Mahadi telah lari meninggalkan Kuala Lumpur dan berkubu di Kanching (di sebelah utara Kuala Lumpur), Sayid Mashhor lari ke Hulu Selangor.<sup>2</sup>

Setelah Kuala Lumpur ditawan semula oleh Tengku Kudin, Imam Perang Rasu serta beberapa orang pengiringnya balik semula ke Pahang dengan penuh gembira kerana kemenangan mereka di Selangor itu. Orang Kaya Pahlawan Semantan (Datuk Bahaman) dengan beberapa orang askar Pahang tinggal menjaga Hulu Kelang. Sejak itu hingga awal bulan November 1873 boleh dikatakan tiada berlaku peperangan di Selangor.<sup>3</sup>

Apabila sampai di Pahang, oleh sebab jasanya dalam peperangan itu Bendahara Wan Ahmad telah mengurniakan gelaran kepada Imam Perang Rasu "Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah", dan pembantunya Encik Gendut Imam Perang Raja telah dinaikkan pangkat dan digelar "Imam Perang Inde-

<sup>1</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 80; PAHANG—m.s. 96-97.

<sup>2</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 80-81; PAHANG—m.s. 97.

<sup>3</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 81; PAHANG—m.s. 97.

ra Mahkota". Tempat yang bernama Pulau Tawar dekat Jerantut telah dikurniakan oleh Bendahara Wan Ahmad menjadi hak milik Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah (Khatib Rasu). Beliau itu biasanya disebut Tok Gajah sahaja.<sup>1</sup>

Pada 16 hari bulan April 1873, Bendahara Wan Ahmad telah mengutus surat kepada Gabenor Harry Ord di Singapura mengatakan mengikut kehendak Gabenor supaya Pahang membantu Tengku Kudin melawan musuhnya di Selangor, orang Pahang telah menyerang dan mengalahkan orang Mendahiling yang melawan Tengku Kudin itu di Hulu Kelang dan telah menghalau mereka pergi ke Hulu Selangor pada 23 hari bulan Mac 1873. Dalam pada itu, Pahang masih mempunyai beribu-ribu orang askar yang boleh dihantar ke medan perang. Bendahara Wan Ahmad telah bertanya kepada Gabenor adakah ia mahu Pahang terus membantu Tengku Kudin lagi? Jika Gabenor bersetuju ia hendaklah bekerjasama menjaga keselamatan pelayaran angkatan Pahang yang akan dihantar melalui laut pergi ke Kelang.

Kemudian, Gabenor telah memberikan jawapan yang memuaskan hati Bendahara. Pahang telah bersiap hendak menghantarkan lagi angkatan perangnya ke Selangor.<sup>2</sup>

Lebih kurang sebulan lepas itu, dalam bulan Mei 1873 itu juga, Imam Perang Indera Gajah (Tok Gajah) yang dibantu oleh Haji Muhammad Nur, Orang Kaya Chenor dan beberapa orang besar Pahang, telah bertolak dari Bentong membawa angkatan perang Pahang pergi ke Selangor dan bersatu dengan askar Pahang yang ada di Hulu Kelang.

Tiada lama lepas itu, angkatan perang laut dari Pahang (Pekan) yang mengandungi lima puluh buah perahu membawa askar lebih kurang seramai lima ratus orang telah sampai di Kelang. Angkatan Laut Pahang itu diketuai oleh Imam Perang Indera Mahkota (Encik Gendut) yang dibantu oleh Encik Abdullah Bera. Di antara keluarga diraja Pahang yang datang bersama angkatan itu ialah Encik Wan Mansur adik Bendahara Wan Ahmad, Wan Ibrahim adik Wan Aman dan

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 81; PAHANG - m.s. 97.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 81; PAHANG - m.s. 97.

anak saudara juga kepada Bendahara Wan Ahmad serta Wan Mahmud (anak Wan Ismail) anak saudara juga kepada Bendahara Wan Ahmad. Pada masa itu, askar dalam angkatan darat dan angkatan laut dari Pahang yang telah ada di Selangor berjumlah lebih kurang tiga ribu orang.<sup>1</sup>

Dalam bulan September 1873, angkatan perang laut dari Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Indera Mahkota yang telah berhimpun di Kelang, yang dibantu oleh angkatan perang Tengku Kudin yang diketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Khatib Bahrain (keduanya berasal dari Pahang) semuanya berjumlah lebih kurang seribu orang, telah bertolak dari Kelang pergi menyerang Kuala Selangor yang masih di bawah kuasa pihak Raja Mahadi. Hampir dua bulan lamanya berperang, pada 8 hari bulan November 1873 angkatan perang laut Pahang yang bersatu dengan angkatan Tengku Kudin telah dapat menawan Kuala Selangor dan kota di Kuala Selangor itu. Sayid Mashhor panglima pihak Raja Mahadi yang memang ada di Kuala Selangor yang datang dari Hulu Selangor, telah mengundurkan diri pergi ke tempat yang bernama Batang Berjuntai, semasa berperang di Kuala Selangor ramai juga askar Pahang yang telah terbunuh, Wan Ibrahim anak saudara Bendahara Wan Ahmad telah terbunuh dalam peperangan di Kuala Selangor itu.<sup>2</sup>

Dari Kuala Selangor, Imam Perang Indera Mahkota yang dibantu oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Khatib Bahrain telah membawa angkatan mereka pergi ke Tanjung Karang pula. Dari Tanjung Karang angkatan Pahang dan Selangor itu pergi pula ke tempat yang bernama Hujung Pasir dan semasa dalam perjalanan, angkatan itu telah menyerang dan mengalahkan kubu-kubu musuh. Mereka telah berhenti di tempat yang bernama Pasir Gayam.<sup>3</sup>

Seorang orang besar Pahang dari Pekan dalam angkatan itu

<sup>1</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 81; PESAKA—m.s. 44; PAHANG—m.s. 97.

<sup>2</sup> MIDDLEBROOKE—m.s. 81; PESAKA—m.s. 44-45; JOHOR—m.s. 29; PAHANG—m.s. 97-98.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 97-98.

bergelar Panglima Perang Johan Perkasa telah membawa askarnya orang Pahang pergi menyerang kubu musuh di tempat yang bernama Kubu Masjid. Oleh sebab orang Pahang tidak dapat terus melawan musuh di kubu Masjid itu, orang besar Pahang itu telah meminta bantuan daripada Imam Perang Muhammad Akil.

Imam Perang Muhammad Akil telah pergi membantu memerangi Kubu Masjid itu. Dalam pertempuran inilah Imam Perang Muhammad Akil telah mati tertembak. Mayatnya telah dibawa ke Kelang dan dikuburkan dekat masjid Kelang. Pada masa itu telah merebak pula penyakit cacar dan sakit perut dalam kumpulan askar Pahang itu sehinggakan ramai di antara mereka yang telah mati akibat penyakit itu. Setelah Imam Perang Muhammad Akil meninggal dunia, Khatib Bahrain panglima perang yang telah tua tetapi disukai ramai itu telah diangkat menjadi ketua angkatan perang Tengku Kudin yang bersatu dengan angkatan Pahang itu. Pada masa itu pusat kekuatan mereka dalam peperangan di Selangor Barat itu ialah di Kuala Selangor.<sup>1</sup>

Sementara angkatan perang Pahang yang dibantu oleh askar Tengku Kudin menyerang dan mengalahkan Kuala Selangor dan tempat lain di Selangor Barat, angkatan perang Pahang di darat Selangor yang diketuai oleh Imam Perang Indera Gajah (Tok Gajah) dan Haji Muhammad Nur telah menyerang kubu-kubu pihak Raja Mahadi di Kanching. Semasa orang-orang Pahang menyediakan kubu perang mereka di situ, mereka telah diserang oleh pasukan pihak Raja Mahadi yang mengandungi orang Melayu Mendahiling, orang Melayu Selangor dan orang Cina. Sungguhpun pasukan Tok Gajah telah menghadapi pertempuran hebat di tempat itu, tetapi dengan helah Haji Muhammad Nur yang dibantu oleh Orang Kaya Chenor, Imam Perang Kadam dan Tok Umbi, pasukan Tok Gajah telah berjaya mengalahkan musuhnya yang datang menyerang itu, dan pasukan Haji Muhammad Nur telah berjaya juga menawan tiga buah kubu Raja Mahadi di Kanching.

Dalam pertempuran di Kanching, Haji Muhammad Nur

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 98; PESAKA—m.s. 45.

telah mendapat bantuan daripada seorang pengikut Kapitan Yap Ah Loy bernama Ah Chin yang telah membawa tujuh puluh orang Cina membantu orang Pahang itu. Orang Cina itu telah menggunakan sejenis buluh diisi ubat bedil di pangkalnya dan damar berapi di hujungnya ditembakkan (seperti roket api) dan telah membakar banyak rumah di Kanching (rumah atap), dan orang-orang Pahang telah masuk ke kampung itu dan membunuh ramai orang di situ, dan orang Pahang telah dapat menawan Kanching, iaitu dalam bulan November 1873.

Selepas menang dalam Perang Kanching itu, Orang Kaya Temerloh dan Orang Kaya Pahlawan Semantan (Datuk Bahaman) dari angkatan Tok Gajah telah pergi ke Kuala Selangor membantu Khatib Bahrain di sana.<sup>1</sup>

Tok Gajah dan Haji Muhammad Nur dengan angkatan perang Pahang yang ramai orangnya itu telah bergerak lagi meredah hutan menuju ke Hulu Selangor (ke utara). Dalam perjalanan itu, mereka telah menawan Rawang, Serendah, dan di Hulu Yam mereka telah bercampur dengan orang-orang Raja Asal yang telah berkubu di situ. Tetapi tiada lama bertempur, Hulu Yam dapat dikalahkan, dan Raja Asal lari meninggalkan tempat itu.<sup>2</sup>

Angkatan Tok Gajah mara ke utara, dan tanpa menghadapi sebarang tentangan, mereka telah dapat menawan Kuala Kubu. Walaupun demikian, orang-orang pihak Raja Mahadi memang ada menyembunyikan diri di sekitar tempat itu.<sup>3</sup>

Semasa di Kuala Kubu, merebak pula penyakit cacar (ketumbuhan) dalam pasukan orang Pahang itu. Oleh sebab takutkan penyakit itu berjangkit, Tok Gajah telah balik ke Pahang, meninggalkan pasukannya di Kuala Kubu di bawah jagaan Haji Muhammad Nur dan Orang Kaya Chenor. Sampai di Pahang, Tok Gajah tidak pula pergi mengadap Bendahara Wan Ahmad kerana beliau takut penyakitnya itu berjangkit.

<sup>1</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 82, 116; PAHANG - m.s. 98.

<sup>2</sup>MIDDLEBROOKE - m.s. 82; PAHANG - m.s. 98; SELANGOR - m.ss. 29.

<sup>3</sup>PAHANG - m.s. 98.

Kemudian, sebilangan besar orang Melayu Mendahiling, Rawa dan Cina yang menyebelahi Raja Mahadi dan kawan-kawannya telah datang menyerang orang Pahang di Kuala Kubu yang di bawah jagaan Haji Muhammad Nur itu. Tetapi serangan itu gagal untuk mengalahkan orang Pahang.<sup>1</sup>

Apabila Haji Muhammad Nur mendengar khabar mengatakan Sayid Mashhor yang tinggal di Batang Berjantai telah menghantar 20 koyan beras serta senjata dan peluru di Hulu Bernam dengan tujuan hendak mengumpulkan orang-orang baharu di sana, Haji Muhammad Nur dari Kuala Kubu telah membawa pasukan orang Pahang pergi ke Hulu Bernam untuk menyekat rancangan Sayid Mashhor itu. Satu pertempuran telah berlaku di antara orang Pahang dengan orang Sayid Mashhor dan Tengku Chik Siak di tempat yang bernama Kampung Haji Mustafa di Hulu Bernam. Pasukan Sayid Mashhor itu telah dikalahkan oleh orang Pahang dan Sayid Mashhor dan pengikutnya telah mengundurkan diri pergi ke Kampung Slim (di Perak), dan di Slim juga, orang-orang Sayid Mashhor telah diserang dan dikalahkan oleh orang Pahang yang mengejar mereka ke sana. Sayid Mashhor pergi melindungkan diri kepada Raja Muda Abdullah di Perak (di Kampung Batak Rabbit). Di Slim, orang-orang Pahang telah beroleh banyak barang rompakan dan peluru kepunyaan pasukan Sayid Mashhor.<sup>2</sup>

Sejak itu, selesailah pertempuran hebat yang telah dilakukan oleh orang-orang Pahang di Selangor membantu Tengku Kudin melawan pihak Raja Mahadi dan kawannya yang memusuhi wakil Sultan Abdul Samad Selangor itu.

Orang Melayu Rawa yang seramai lebih kurang lima ratus orang yang diketuai oleh Sutan Bangka Hulu, yang tinggal di Kuala Kubu telah menyerah diri kepada Haji Muhammad Nur, dan telah diterima dengan baik juga berjanji tidak akan membunuh orang Rawa itu. Sutan Bangka Hulu dengan pengikutnya itu telah berkumpul di suatu tempat perkampungan

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 98.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 98-99.

tiada berapa jauh dari Kuala Kubu. Lepas itu Haji Muhammad Nur telah pergi ke Kelang berjumpa Tengku Kudin. Orang kaya Chenor dengan pasukan orang Pahang itu tinggal menjaga Hulu Selangor.

Di masa inilah Wan Muhammad Datuk Setia Muda Jelai, anak Maharaja Perba Wan Idris, dari Pahang ke Selangor dengan membawa kuasa penuh daripada Bendahara Wan Ahmad bagi mengatur dan menentukan kedudukan orang besar Pahang yang ada di Selangor masa itu.

Di Kelang, Tengku Kudin telah bermesyuarat dengan Wan Da, Shaikh Muhammad Taib Minangkabau, Wan Muhammad Datuk Setia Muda Jelai, Haji Muhammad Nur dan Encik Embok. Dalam mesyuarat itu telah dicadangkan iaitu orang Rawa, Sutan Bangka Hulu dan pengikutnya hendaklah dibunuh semuanya kerana mereka itulah yang telah melakukan pemberontakan di Pahang dahulu dan sekarang telah mengganggu keamanan di Selangor pula. Mulanya Haji Muhammad Nur tidak bersetuju hendak menjalankan perbuatan yang zalim itu. Tetapi ramai orang besar yang ada dalam mesyuarat itu telah mendesak supaya cadangan itu dijalankan. Oleh sebab itu, Haji Muhammad Nur telah terpaksa menurut sahaja dengan tidak rela.

Wan Muhammad dengan Haji Muhammad Nur serta Tok Muda Sentul (anak Tok Teh Orang Kaya Setia Lela Lipis) yang baharu sampai dari Pahang, telah pergi ke Hulu Selangor bersatu dengan orang-orang Pahang yang ada di sana.

Pada suatu hari, Wan Muhammad telah menjemput Sutan Bangka Hulu ketua orang Rawa datang ke Kuala Kubu hendak berlaga ayam dalam sebuah gelanggang yang diadakan di situ. Sutan Bangka Hulu dengan pengiringnya seramai tiga puluh orang telah bertolak meninggalkan perkampungan mereka hendak datang ke Kuala Kubu menyempurnakan jemputan orang besar Pahang itu. Dalam setengah batu lagi akan sampai ke Kuala Kubu, pasukan orang Pahang yang diketuai oleh Haji Muhammad Nur dan Encik Embok telah menyerang hendak dan membunuh Sutan Bangka Hulu serta orang Rawa pengiringnya itu, hanya dua orang sahaja daripada orang



Rawa itu yang dapat melarikan diri. Sementara itu, Tok Muda Sentul dengan sepasukan orang Pahang lain pula telah datang menyerang tempat perkampungan orang Rawa dan membunuh ramai orang Rawa di situ, dan orang-orang Pahang telah merampas harta benda melarikan perempuan dan kanak-kanak dari tempat orang Rawa itu. Perbuatan itu menurut orang Pahang, ialah kerana membalas perbuatan orang Rawa di Pahang dahulu.

Wan Muhammad yang telah membawa kuasa penuh daripada Bendahara Wan Ahmad telah mendenda semua penduduk di Hulu Selangor sekiranya di tempat mereka dijumpai kubu perang. Barang siapa yang tidak membayar denda itu akan dijadikan hamba abdi. Wan Muhammad telah dapat mengumpulkan wang denda sebanyak lima belas ribu ringgit dan telah dapat pula merampas beberapa orang perempuan cantik di situ.

Selepas membunuh orang Rawa secara beramai-ramai itu, Wan Muhammad hendak meneruskan hukuman denda kepada penduduk di Hulu Selangor tetapi telah dilarang oleh Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur, dan berlakulah pertengkaran di antara orang besar Pahang sesama sendiri yang hampir pula menumpahkan darah. Wan Muhammad telah pergi mengadu kepada Tengku Kudin, tetapi Tengku Kudin tidak pula menyokong perbuatan Wan Muhammad itu. Oleh sebab itu, Wan Muhammad telah kembali ke Pahang dengan membawa rampasan dan ramai perempuan cantik yang didapati di Hulu Selangor yang akan dijadikan gundiknya.

Pada akhir tahun 1873, orang-orang Pahang di Selangor yang telah berjasa berperang membantu Tengku Kudin lebih kurang selama setahun itu, telah kembali ke Pahang. Tetapi Haji Muhammad Nur serta beberapa orang yang bekerja dengannya tinggal juga di Hulu Selangor memungut cukai di situ untuk diberikan kepada Bendahara Wan Ahmad di Pahang bagi membayar semula perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Bendahara dalam mengadakan askar dan alat kelengkapan selama berperang di Selangor membantu Tengku Kudin itu, iaitu dengan persetujuan Tengku Kudin. Orang Kaya Pahlawan Semantan (Datuk Bahaman) diletakkan bagi sementara

mengetuai pasukan orang Pahang menjaga Hulu Kelang.<sup>1</sup>

Semasa berlaku Perang Perak (1875-1876), Haji Muhammad Nur telah pergi ke Perak dengan J.G. Davidson.\* Tetapi tiada lama kemudian, Haji Muhammad Nur telah dipanggil balik ke Pahang.<sup>2</sup>

Selepas orang Pahang berperang di Selangor itulah juga, adik Bendahara Wan Ahmad yang bernama Wan Mansur telah diberi gelaran Engku Muda—Engku Muda Mansur, dan Bendahara Wan Ahmad telah membenarkan sebahagian daripada cukai barang yang dibawa keluar dan masuk di Pahang yang telah ditentukan, diberikan kepada Engku Muda Mansur untuk perbelanjaannya.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 99-100; PARKINSON—m.s. 71.

\*J.G. Davidson: Residen British yang pertama di Selangor (1874-1876), dan Residen British yang kedua di Perak (1876-1877).

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 104.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 104.



## *Pahang dari Tahun 1874-1881*

1874. Dalam bulan Ogos 1874, Maharaja Abu Bakar Johor telah mengadu kepada Gabenor Sir Andrew Clarke (pengganti Sir Harry Ord) di Singapura mengatakan seorang ketua kampung orang Johor bernama Encik Jawa telah dibunuh di Sungai Endau, dan pembunuhnya ialah orang yang datang dari sebelah negeri Pahang dan mereka telah dihasut oleh Bendahara Pahang (Wan Ahmad). Pada awal bulan hadapannya, bulan September, Gabenor telah mendapat maklumat yang mengatakan pasukan perang Pahang telah dikerah berjaga-jaga di kedua-dua belah tebing Sungai Endau dan telah mendirikan tiga buah kubu di situ.<sup>1</sup>

Oleh sebab itu, pada 17 hari bulan September 1874 Gabenor Andrew Clarke telah bertolak dari Singapura dengan kapal Pluto diiringi oleh tiga buah kapal perang bernama Charybdis, Hart dan Avon dan kapal Maharaja Johor yang bernama Pulau juga turut sama mengiringi kapal Gabenor menuju ke Pahang. Gabenor Andrew Clarke mengharapkan dengan kedatangannya itu akan dapat menyelesaikan perselisihan yang ada pada masa itu di antara Pahang dengan Johor, dan bagi memulihkan kembali perniagaan di antara Singapura dengan Pahang, tambahan pula Gabenor sendiri selalu menerima surat secara persahabatan daripada Bendahara Wan Ahmad.<sup>2</sup>

Gabenor Andrew Clarke telah berjumpa Bendahara Wan Ahmad di Pahang pada 27 hari bulan September 1874. Dalam perbincangan di antara mereka berdua, Gabenor telah mena-

<sup>1</sup>PARKINSON - m.s. 187; JOHOR - m.s. 101; PAHANG - m.s. 101.

<sup>2</sup>PARKINSON - m.s. 187; PAHANG - m.s. 101.

warkan perkhidmatannya secara bersahabat dan juga sebagai orang tengah untuk menyelesaikan perselisihan di antara Pahang dengan Johor. Bendahara Wan Ahmad juga telah menegaskan bahawa beliau tidak mengakui kuatkuasa perjanjian yang telah dibuat oleh abangnya almarhum Bendahara Tun Mutahir dengan kerajaan Johor pada akhir tahun 1861 dahulu. Tetapi Bendahara bersetuju dilantik sebuah suruhanjaya penyiasat bagi menyiasat peristiwa di Endau yang mana Bendahara sendiri mengatakan beliau tidak tahu menahu langsung tentang perkara tersebut.<sup>1</sup>

Tiga orang besar Pahang serta seorang British yang terkenal di Singapura bernama W. H. M. Read telah dilantik menjadi ahli suruhanjaya penyiasat itu. Mereka telah pergi ke Endau dan membinasakan sebuah kubu yang ada di situ dan telah menangkap tiga orang ketua di Endau bernama Jenang Login, Jenang Sudin serta Panglima Kechil, dan Panglima Kechil itulah yang dikatakan telah melakukan pembunuhan itu. Ketiga-tiga orang itu, bersama saksi, telah diserahkan oleh suruhanjaya penyiasat kepada Bendahara Wan Ahmad, dan meminta Bendahara membuat penyiasatan selanjutnya mengenai mereka itu.<sup>2</sup>

Dalam penyata suruhanjaya penyiasat itu yang telah ditulis oleh W.H.M. Read, dia telah mengakhiri laporannya dengan menegaskan suatu pendapat secara umum mengenai perkara yang telah disiasatnya itu. Read mengatakan:—

“Saya mesti mengatakan bahawa saya tidak pernah mendengar tuduhan yang seberat itu, dan hanya disokong oleh dalil yang lemah. Tak ada satu bukti yang sekecil-kecilnya yang boleh menunjukkan kerajaan Pahang walau secara apa jalan pun ada kena mengena dengan kekacauan itu. Dalil yang telah dikemukakan sangat kurang. Saksi yang penting tidak hadir walaupun mereka tinggal dalam daerah negeri Johor yang tidak jauh sangat dari negeri Pahang. Keterangan yang telah dibesar-besarkan, dan kecuaiannya membuat keterangan itulah yang sangat dikutuk.

“Ada lagi yang hendak saya katakan; saya tidak mendapati sebarang dalil yang boleh menunjukkan benarnya laporan yang

<sup>1</sup> PARKINSON—m.s. 187; PAHANG—m.s. 101.

<sup>2</sup> PARKINSON—m.s. 187; PAHANG—m.s. 101.

mengatakan bahawa Bendahara (Pahang) itu seorang yang ganas (suka menumpahkan darah), sebaliknya yang saya dapati, mengatakan beliau itu seorang raja pemerintah yang lemah lembut dan sabar. Ada seorang yang mengatakan; dalam seluruh negeri yang diperintahkan oleh orang Melayu, belum ada seorang raja pun yang sangat pemurah seperti Bendahara itu."<sup>1</sup>

Penyata Read itu didapati berlawanan dengan cita-cita dan dasar Gabenor Adrew Clarke yang telah dirancangkannya hendak "mengembalikan" keamanan di Pahang, dan boleh jadi Gabenor Andrew Clarke telah menyesal memilih Read memberikan kerjasamanya dalam perkara itu.<sup>2</sup>

Read membuat laporannya mengikut pendapat dan pertimbangannya sendiri, dengan tidak mengirakan perhubungan baik di antaranya dengan Maharaja Johor itu, dan Read memang tidak menyokong dasar kerajaan British masa itu terhadap Maharaja Johor, bahkan penyata yang dibuat oleh Read itu merupakan suatu kenyataan yang boleh menjadikan ia dipercayai oleh Bendahara Pahang.<sup>3</sup>

Pada 27 hari bulan September 1874 Bendahara Wan Ahmad telah berkirim surat secara damai kepada Maharaja Abu Bakar. Dalam surat itu Bendahara Wan Ahmad memaklumkan kepada Maharaja Abu Bakar iaitu Gabenor Negeri Selat yang baharu datang melawat Pahang tidak menjumpai bukti yang menunjukkan beliau (Bendahara) bertanggungjawab mengenai pembunuhan yang telah berlaku di Endau itu.<sup>4</sup>

Dalam sepucuk surat Bendahara Wan Ahmad bertarikh 28 hari bulan September 1874 yang dikirimkannya kepada Gabenor Andrew Clarke di Singapura, Bendahara menyatakan Jenang Login, Jenang Sudin dan Panglima Kechil yang dituduh melakukan pembunuhan itu, sebenarnya tidak bersalah, bukannya mereka yang melakukan pembunuhan itu, mereka telah dibenarkan kembali ke Endau dan diperintahkan pula mencari pembunuh yang sebenarnya.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> PARKINSON—m.s. 187.

<sup>2</sup> PARKINSON—m.s. 187-188.

<sup>3</sup> PARKINSON - m.s. 188.

<sup>4</sup> PAHANG - m.s. 101.

<sup>5</sup> PAHANG - m.s. 101.

Dalam penyata Sir Andrew Clarke mengenai peristiwa di Pahang itu, Gabenor mengakhiri pernyataan begini:—

"Saya baharu sahaja mengetahui iaitu dalam surat Bendahara Pahang yang dikirimkan kepada orang Cina wakil utamanya di Singapura ini Bendahara telah menyindir tentang lawatan yang telah saya buat ke negerinya itu dan mengatakan pula mengikut nasihat yang telah saya berikan kepada Bendahara itu, ia pun berasa ingin hendak membukakan negerinya kepada orang luar masuk ke negeri itu, dan ia akan mengenakan syarat yang baik kepada orang asing yang datang mendiami negerinya, dan Bendahara menjamin akan memberi perlindungan yang secukupnya kepada nyawa dan harta benda orang asing itu. Bendahara juga telah meminta 200 orang Cina pekerja lombong yang akan bekerja kepadanya dengan diberi gaji yang baik."<sup>1</sup>

Pendeknya, walau apa pun yang telah dibuat oleh Bendahara Wan Ahmad dalam negerinya itu, tidak ada membayangkan yang Bendahara berkehendakkan seorang Wakil British atau seorang Residen British untuk ditempatkan di negerinya, dan Gabenor Andrew Clarke tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada menawarkan nasihat dan pertolongannya mengenai hal ehwal pemerintahan di Pahang, tetapi tawaran Gabenor itu tidak pula dikehendaki oleh Bendahara Wan Ahmad.<sup>2</sup>

Sungguhpun Gabenor Andrew Clarke telah berjaya menerapkan dasar pemerintahan British ke Perak, Selangor dan Daerah Sungai Ujung (tahun 1874), tetapi sehingga ia berhenti memegang jawatan Gabenor Negeri Selat (Mei 1875), masih tidak dapat beliau memasukkan kuasa British ke Pahang, iaitu negeri yang dikatakannya "negeri yang sangat besar, sangat cantik, kaya dan sangat berharga."<sup>3</sup>

Dalam bulan Mei 1875, Sir William Jervois telah sampai di Singapura dan menjadi Gabenor Negeri Selat menggantikan Sir Andrew Clarke.

Awal tahun 1875, Bendahara Wan Ahmad telah mengutus kepada Tengku Kudin di Selangor meminta wang sebanyak \$20,000/— berhubung dengan hutang kerajaan Selangor ke-

<sup>1</sup> PARKINSON—m.s. 188.

<sup>2</sup> THIO—m.s. 46.

<sup>3</sup> THIO—m.s. 46.

pada kerajaan Pahang kerana Pahang telah membantu Tengku Kudin memerangi musuhnya, dan Bendahara Pahang telah meminta juga sebahagian daripada pendapatan hasil Selangor diberikan kepadanya kerana, menurut Bendahara, pada masa itu ia sedang kekurangan wang disebabkan oleh lombong bijih timahnya telah diberhentikan. Dengan adanya tambahan wang modal dari Selangor itu, bolèhlah Bendahara membuka semula lombongnya dan mendirikan masjid baharu.

Tengku Kudin telah merundingkan hal tuntutan Bendahara Pahang itu dengan kerajaan British di Singapura. Dalam bulan Jun 1875 Gabenor William Jervois telah memerintahkan pegawainya yang bernama C.J. Irving dan Frank Swettenham menguruskan hal di antara Tengku Kudin dengan Bendahara Pahang itu. Mengikut nasihat British, Tengku Kudin telah menghantarkan bijih timah kepada Bendahara Wan Ahmad yang berharga \$3,000/- dan Tengku Kudin berjanji akan membayar hutang kerajaan Selangor kepada kerajaan Pahang itu dengan menghantarkan timah sebanyak enam bahara (2,400 pound) kepada Bendahara Wan Ahmad setiap bulan secara ansur sehingga hutang itu selesai. Frank Swettenham telah pergi ke Pahang memujuk Bendahara Wan Ahmad supaya menyetujui cara ansuran hutang seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan British itu.<sup>1</sup>

Pada 12 hari bulan Julai 1875, Gabenor William Jervois bersama dengan Frank Swettenham dan Lt. MacCallum telah bertolak dari Singapura menaiki kapal Pluto yang diiringi oleh kapal perang H.M.S. Thistle dalam melakukan lawatan ke negeri-negeri pantai timur Semenanjung Tanah Melayu (Pahang, Terengganu, Kelantan, Patani dan Senggora). Gabenor Jervois telah singgah melawat Pahang (di Pekan). Kedatangan Gabenor telah disambut dan diterima dengan baik oleh Bendahara Wan Ahmad dan orang besar Pahang serta orang Bendahara yang seramai lebih kurang tiga ratus orang berhimpun di balai penghadapan Bendahara Pahang.

Semasa dalam perbualan dengan Gabenor, Bendahara Wan Ahmad telah menyatakan rasa puas hatinya dengan aturan

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 100; PARKINSON—m.s. 209.



yang telah dibuat mengenai tuntutan piutangnya kepada Tengku Kudin (Selangor) dan Bendahara telah memuji Tengku Kudin. Bendahara juga berjanji akan membantu seorang juruukur kerajaan British yang sedang memudiki Sungai Muar dan bertujuan hendak datang ke Pahang.

Dalam satu pertemuan bersendirian di antara Gabenor Jervois dengan Bendahara Wan Ahmad, Gabenor telah menyatakan maksudnya hendak memajukan perniagaan dan pengeluaran hasil mahsul di Pahang.

Mengikut setengah riwayat: Gabenor telah mencadangkan supaya Bendahara Wan Ahmad menerima seorang Residen British. Tetapi Bendahara Wan Ahmad telah berdalih menjawab dengan lemah lembut mengatakan ia tiada dapat memutuskan hal itu bersendirian dan hendaklah dirundingkan dahulu dengan orang besarnya yang tinggal di hulu negeri itu. Tindakan Bendahara Wan Ahmad itu nyatalah suatu cara berbudi bahasa yang baik menolak tawaran Gabenor. Oleh sebab itu Gabenor Jervois tidak dapat melanjutkan lagi usahanya hendak "merapatkan perhubungan Pahang dengan kerajaan British" yakni percubaan Jervois yang hendak menyambung usaha Andrew Clarke yang gagal dan tidak juga berhasil. Bendahara Wan Ahmad tidak mahu menerima sebarang campur tangan dari pihak kerajaan British dalam pemerintahan di Pahang.<sup>1</sup>

Mengikut keterangan seorang daripada orang British yang turut sama dalam lawatan Gabenor Jervois ke Pahang mengatakan: "Bendahara Wan Ahmad seorang pematik, ketika itu Bendahara telah berumur 41 tahun, nampak uzur benar, badannya sangat kurus, dan dengan memerhatikan keadaan badannya harus juga ia mengidap penyakit dalam paru-paru."

Suratkhobar *The Straits Times* bertarikh 31 hari bulan 1875 ada menyebutkan: "Bendahara Wan Ahmad telah dilahirkan pada 5 hari bulan Muharam Tahun Hijrah 1252 (bersamaan dengan 23 hari bulan Mei 1836). Beliau berasal dari keturunan baka orang yang berumur panjang, bapanya Bendahara Ali dan moyangnya Bendahara Abdul Majid yang telah

<sup>1</sup> PARKINSON—m.s. 209; THIO—m.s. 47; PAHANG—m.s. 102.

hidup hingga berumur lebih kurang lapan puluh tahun.<sup>1</sup>

Sejak itu, beberapa tahun lamanya British membiarkan sahaja negeri Pahang diperintahkan oleh rajanya sendiri, ini ialah kerana berlakunya pertentangan orang Melayu terhadap penjajahan British seperti yang sedang berlaku pada masa itu di Perak sehingga J.W.W. Birch Residen British yang pertama di negeri itu telah dibunuh oleh orang Melayu dan diikuti pula dengan huru-hara yang berlaku kemudian daripada itu (Perang Perak), sehinggalah kedatangan Sir Frederick Weld menjadi Gabenor Negeri Selat baharulah British menjalakan semula usahanya hendak memasukkan negeri Pahang di bawah kawalan pemerintahan British, dan usaha Gabenor Weld itu telah disambungkan kemudiannya oleh Gabenor Sir Cecil Clementi Smith seperti yang akan diceritakan selanjutnya. Sementara itu berbagai peristiwa telah berlaku di Pahang terutama sekali di antara orang Melayu sesama sendiri.<sup>2</sup>

Tiada lama selepas tahun 1875, setelah Wan Muhammad Datuk Setia Muda (anak Maharaja Perba Jelai Wan Idris) kembali ke Pahang selepas berperang di Selangor, Wan Muhammad telah bergaduh dengan Wan Lingga anak Orang Kaya Maharaja Setia Raja (Haji Wan Daud), dan Tok Gajah (Khatib Rasu) membantu pihak Wan Lingga. Apabila berita pergaduhan itu terdengar ke Pekan, Bendahara Wan Ahmad segera memanggil Wan Muhammad dan Wan Lingga datang menghadap Bendahara ke Pekan. Kedua-dua anak orang besar Pahang itu telah dihukum oleh Bendahara Wan Ahmad tinggal di Pekan dan tidak boleh keluar dari tempat itu. Tetapi tiada lama kemudian, Wan Lingga telah dibebaskan daripada hukuman itu, kerana ia telah sedar dan dibenarkan kembali ke Hulu Pahang.

Tiada lama setelah Wan Lingga dibebaskan, ia telah menyerang dan membakar kubu Orang Kaya Lipis. Bendahara Wan Ahmad telah menghukum mereka yang telah terlibat dalam

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 102.

<sup>2</sup>THIO - m.s. 46-47.

pergaduhan itu dan memindahkan mereka ke Pekan di bawah pengawasan Bendahara.

Mengikut cerita orang Pahang di sebelah Raub, mengatakan apabila Wan Muhammad anak Maharaja Perba Jelai Wan Idris kembali semula ke Pahang setelah berperang di Selangor, Wan Muhammad telah pergi ke Pekan dan di sana ia telah menunjukkan kelakuannya yang sombong dan menyalahi adat terhadap Bendahara Pahang (Wan Ahmad).<sup>\*</sup> Tiada lama setelah Wan Muhammad kembali ke tempatnya di Jelai (di Hulu Kelang), Bendahara Wan Ahmad telah memanggil Wan Lingga (yang masih ada di Pekan) dan Tok Muda Sentul (anak Tok Teh Orang Kaya Setia Lela Lipis) datang mengadap, dan Bendahara Wan Ahmad memerintahkan mereka pergi membunuh Wan Muhammad. Wan Lingga telah mengaku sanggup melakukan pekerjaan itu dengan syarat Tok Muda Sentul membantunya dan Tok Muda Sentul telah berpura-pura menunjukkan taat setianya menurut perintah Bendahara itu.

Kedua-dua orang itu telah pergi ke Penjum (dalam daerah Lipis), dan di sana, Tok Muda Sentul telah memberitahu hal itu kepada ayahnya Orang Kaya Lipis dan Orang Kaya Lipis yang telah tua itu melarang anaknya Tok Muda Sentul terlibat dalam rancangan hendak menyerang dan membunuh Wan Muhammad, kerana katanya, orang Jelai dengan orang Lipis satu puak. Orang Kaya Lipis telah menghantar utusan pergi ke Jelai memberitahu Maharaja Perba Jelai Wan Idris dan mengingatkan Wan Muhammad.

Wan Lingga telah kembali semula ke Pekan dan memberitahu Bendahara Wan Ahmad berkenaan dengan kejadian yang telah berlaku di Penjum iaitu sesuatu yang berlawanan daripada apa yang telah diperintahkan oleh Bendahara. Oleh sebab itu, Bendahara Wan Ahmad telah memerintahkan Wan Lingga dan Tok Gajah pergi ke Pulau Tawar dan bekerjasama memerangi Tok Raja (Maharaja Perba) dan Orang Kaya Lipis. Dalam

---

<sup>\*</sup>Lihat cerita yang bertajuk "In The Days When The Land Was Free" dalam buku *In Court Kampung* karangan Hugh Clifford (Cetakan tahun 1927) m.s. 210-229.

serangan itu, pihak Tok Raja dan Orang Kaya Lipis telah berjaya mempertahankan diri. Apabila melihat keadaan seperti itu, Bendahara Wan Ahmad mengeluarkan perintah supaya mereka memberhentikan pergaduhan serang menyerang itu.

Kemudian, Bendahara Wan Ahmad telah memanggil Wan Lingga dan diperintahkan untuk membunuh Tok Teh Orang Kaya Lipis yang telah tua itu, kerana Orang Kaya itu telah menolak perintah Bendahara yang menyuruhnya datang ke Pekan. Wan Lingga telah pergi menyerang dan membakar rumah Orang Kaya Lipis di Penjum. Tetapi Orang Kaya Lipis telah dapat melepaskan diri dengan dikawal oleh ramai perempuan di rumahnya, dan beliau telah berjaya melarikan diri berenang menyeberangi Sungai Lipis, dan walaupun ia telah diujani oleh tembakan daripada Wan Lingga namun sampai juga Orang Kaya itu ke rumah Tok Mail (Ismail) di Tanjung Besar. Lepas itu, dengan ditemani oleh anaknya Tok Muda Sentul, Orang Kaya Lipis telah pergi ke Pekan menyerah diri kepada Bendahara Wan Ahmad dan Bendahara menahan orang besarnya itu untuk tinggal di Pekan dan dilarang pergi ke mana-mana selama dua tahun. Sementara Orang Kaya Lipis ditahan di Pekan, Bendahara Wan Ahmad telah memerintahkan Tuan Sheikh Kechil menjadi ketua di Daerah Lipis dan memungut semua cukai hasil di tempat itu. Dan kemudian Bendahara Wan Ahmad telah memarahi dan memotong gaji Wan Lingga, kerana Wan Lingga gagal menjalankan perintah Bendahara itu.<sup>1</sup>

1880-1881. Pada tahun 1880, Sir Frederick Weld telah sampai di Singapura untuk menggantikan Gabenor William Robinson sebagai Gabenor Negeri Selat.

Dalam bulan Ogos 1880 Maharaja Abu Bakar dalam rombongan diraja Johor telah datang melawat Pekan secara persaudaraan, dan telah berjumpa Bendahara Wan Ahmad yang jatuh alur bapa saudara kepada Maharaja Abu Bakar (isteri Maharaja Abu Bakar anak Bendahara Tun Mutahir).

Lebih kurang enam tahun selepas lawatan Gabenor William

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 103.

Jervois ke Pahang (1875), dalam bulan November 1880 Bendahara Wan Ahmad dengan menaiki kapal Maharaja Abu Bakar Johor telah melawat ke Singapura dan Johor, itulah lawatan Bendahara Wan Ahmad yang pertama ke Singapura sejak beliau mula memerintah Pahang (1863). Semasa di Singapura Bendahara Wan Ahmad telah berjumpa dengan Gabenor Weld. Tetapi Weld tidak menyentuh perkara yang mengenai pemerintahan di Pahang, Gabenor hanya berusaha menunjukkan persahabatannya dengan Bendahara Wan Ahmad dan telah mempersilakan serta meraikan Bendahara dalam jamuan makan minum di Rumah Kerajaan Singapura. Semasa Bendahara melawat Johor, beliau telah dirai dan diberikan penghormatan oleh Maharaja Abu Bakar, dan perhubungan di antara kedua orang raja itu semakin baik. Pada bulan April 1881 baharulah Bendahara kembali ke Pekan (Pahang).<sup>1</sup>

Dalam bulan November 1881 itu juga, sekali lagi Bendahara Wan Ahmad melawat Singapura kerana dijemput oleh Gabenor Weld menghadiri perayaan yang diadakan di Singapura menyambut kedatangan beberapa orang anggota keluarga diraja British yang datang melawat Singapura. Di masa inilah, sewaktu Gabenor Weld berbual dengan Bendahara Wan Ahmad, Gabenor telah mengemukakan fikirannya kepada Bendahara Wan Ahmad untuk membuat satu surat perjanjian di antara kerajaan British dengan kerajaan Pahang, dan dalam perjanjian itu kelak bolehlah dimasukkan satu syarat bagi menetapkan raja yang menduduki takhta kerajaan Pahang.

Dalam satu pertemuan lain pula di antara Gabenor dengan Bendahara Wan Ahmad, dan Frank Swettenham menjadi juru bahasanya, Bendahara Wan Ahmad telah mengatakan kepada Gabenor Weld bahawa anak sulungnya Tengku Mahmud akan menggantikan kerajaannya. Mengikut Bendahara Wan Ahmad, mengenai hal penggantinya dan juga soal membuat perjanjian itu, belumlah beliau dapat memutuskannya dengan tidak merundingkan hal itu lebih dahulu dengan orang-orang besarnya di Pahang. Pada fikiran Gabenor Weld pengakuan

<sup>1</sup> THIO—m.s. 50, 58.

Bendahara itu adalah munasabah, dan sejak itu Gabenor Weld memandang Bendahara Wan Ahmad bukanlah menentang tindakan untuk merapatkan perhubungan Pahang dengan Singapura.<sup>1</sup>

Semasa Bendahara Wan Ahmad melawat Johor pula, Maharaja Abu Bakar telah mencadangkan supaya memakai gelaran Sultan, kerana ikatan di antara kerajaan Pahang dengan kerajaan Riau-Lingga sudah putus. Riau-Lingga telah ditakluki oleh Belanda. Setelah itu Bendahara Wan Ahmad kembali ke Pahang.<sup>2</sup>

Tiada lama setelah Bendahara Wan Ahmad kembali ke Pahang, Gabenor Frederick Weld telah menulis surat kepada Lord Kimberley, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British di London, meminta kebenaran hendak merangkakan perjanjian yang hendak dibuat oleh Gabenor dengan kerajaan Pahang apabila didapati peluang yang baik. Dalam surat perjanjian yang dicadangkan itu, akan disebutkan syarat bagi menentukan waris yang akan menggantikan Bendahara, dan membolehkan orang British menjalankan tindakan mengenai perniagaan dan perdagangan di Pahang, serta perhubungan di antara Pahang dengan negeri asing akan diletakkan dalam tangan British. Permintaan Gabenor telah diluluskan oleh Lord Kimberley dan beliau telah menegaskan harapannya supaya perjanjian yang akan dibuat itu dapat membuka jalan menguatkan lagi perhubungan British dengan Pahang di masa yang akan datang.

Dengan tidak berlengah lagi, Gabenor Weld telah memberitahu Bendahara Wan Ahmad akan keinginannya hendak ke Pahang berjumpa Bendahara. Bendahara Wan Ahmad telah meminta Gabenor Weld supaya menangguhkan kedatangannya ke Pahang sehingga siap dibuat sebuah balai (di Pahang) bagi tempat menerima orang besar datang ke Pahang. Dripada cara jawapan Bendahara itu, nyata menunjukkan Bendahara Wan Ahmad tidak mahu berjumpa Gabenor Weld, dan tidak syak lagi tentulah Bendahara telah merasa keinginan

<sup>1</sup> THIO—m.s. 50.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 104.

Weld hendak datang ke Pahang itu ialah kerana hendak memulakan rundingan hendak membuat surat perjanjian yang telah dikatakan oleh Gabenor kepadanya dahulu. Bendahara Wan Ahmad memang tidak suka hendak merundingkan perkara itu. Sikap Bendahara Wan Ahmad itu tidak pula menawarkan hati Gabenor Weld, sebaliknya Weld telah mencari jalan yang membolehkan ia masuk campur dalam hal pemerintahan di Pahang seperti yang disebutkan berikutnya.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1882, Bendahara Wan Ahmad telah berangkat melawat ke merata tempat dalam negeri Pahang. Dalam lawatan inilah Bendahara telah melawat sebuah gua yang ajaib dan masyhur bernama Kota Gelanggi yang terletak tidak berapa jauh dari Pulau Tawar. Di Pulau Tawar itu pula, dalam suatu penghadapan yang diadakan di situ, Bendahara Wan Ahmad telah mengampunkan Wan Muhammad Datuk Setia Muda Jelai, dan di situlah Bendahara telah memberi gelaran Maharaja Perba (Orang Besar di Jelai) kepada Wan Muhammad, kerana Wan Idris Maharaja Perba ayah Wan Muhammad telah meninggal dunia (di Bukit Betong) dalam tahun 1882 itu juga.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> THIO—m.s. 50-51

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 104, 205.

## ***Bendahara Wan Ahmad Memakai Gelaran Sultan***

1882. Pada 6 hari bulan Ogos 1882, Bendahara Wan Ahmad mula memakai gelaran *Sultan*—Sultan Pahang. Pada tahun itulah juga Warf Muhammad Maharaja Perba Jelai mula menggunakan cap mohornya sebagai orang besar daerah Jelai dengan memakai perkataan Maharaja Perba Jelai, wakil Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah. Dipercayai, orang besar Jelai membuat cap mohornya adalah dengan persetujuan Sultan Pahang, kerana Maharaja Perba Jelai merupakan seorang daripada orang besar Pahang yang menyokong baginda memakai gelaran Sultan.

Dalam tahun 1882 itu juga timbul perselisihan di antara Sultan Ahmad dengan adinda baginda Engku Muda (Wan) Mansur, kerana Engku Muda Mansur mengatakan pendapatannya yang telah ditetapkan oleh baginda itu tiada mencukupi, dan juga berkenaan soal hendak menetapkan ganti baginda itu. Engku Muda Mansur telah merajuk dan meninggalkan Pahang pergi ke Johor dan tinggal di rumah seorang yang bernama Engku Abdullah, dan Engku Muda Mansur tidak mempedulikan jemputan kekandanya yang menyuruhnya kembali ke Pahang.

Pada masa itu musuh-musuh Sultan Ahmad yang ada di Singapura dan Johor telah menghasut Engku Muda Mansur menyerang Pahang. Orang-orang besar Pahang sendiri ada yang hendak membantu sekiranya Engku Muda Mansur datang menyerang Pahang, antaranya Raja Empeh dan Raja Ismail di Raub, Wan Lingga di Budu, serta Nong Chik dan Tuan Lebar saudara Tuan Mandak.



Apabila Sultan Ahmad mendengar berita mengatakan adindanya hendak menyerang Pahang, baginda segera menghantarkan orang besarnya yang bernama Tuan Mandak, Encik Abdullah, Haji Muhammad Nur dan Tuan Hitam pergi memujuk Engku Muda Mansur dan memberi nasihat yang baik serta menawarkan cukai yang dipungut di Endau dan Rompin kepadanya. Engku Muda Mansur enggan menerima nasihat serta tawaran yang disebutkan itu dan beliau tetap juga meneruskan rancangannya untuk menyerang Pahang. Perselisihan yang telah berlaku di antara Sultan Ahmad dengan adiknya Engku Muda Mansur itu telah membukakan peluang kepada British untuk campur tangan dalam hal ehwal di negeri itu sebagaimana yang akan diceritakan selanjutnya. (Lihat peristiwa yang berlaku dalam tahun 1884).

Sementara itu, mulai tahun 1882 itu juga, Sultan Ahmad telah mempelawa pemodal dari luar negeri datang untuk mengusahakan hasil logam dari bumi Pahang. Dalam bulan April 1882 Maharaja Abu Bakar Johor dan penasihat undang-undangnya Syarikat Peguam Rodyk dan Davidson dikatakan telah tertarik hati untuk memajak tanah di Pahang yang hendak diusahakan. Dalam tahun itu juga, Gabenor Frederick Weld di Singapura telah bertanya kepada Bendahara Wan Ahmad\* tentang berita angin yang mengatakan Maharaja Johor sedang cuba memajak tanah di Pahang, dan Rodyk dan Davidson sedang berhubung dengan Bendahara Wan Ahmad mengenai perkara itu. Tetapi tidak diketahui apakah jawapan Sultan Pahang mengenai pertanyaan Gabenor itu.

Di masa itu juga seorang ahli kaji bumi British bernama William Cameron sedang menjalankan penyelidikannya dalam hutan di gunung-ganang jauh di hulu di ocak Sungai Pahang. Dalam bulan Oktober 1882 William Cameron kembali ke Singapura dan membuat laporannya yang lengkap dan menarik hati berkenaan dengan penyelidikannya itu.<sup>1</sup> (Nama William Cameron itulah yang telah dipakaikan bagi nama tanah

---

\*Kerajaan British belum lagi mengiktirafkan kesultanan baginda hingga tahun 1887.

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 104-105; WONG - m.s. 128; THIO - m.s. 51.

dataran tinggi yang sekarang disebut Cameron Highland).<sup>1</sup> Pada awal tahun 1883, Gabenor Frederick Weld di Singapura telah mendapat maklumat yang mengatakan seorang keturunan Arab bernama Sayid Salim bin Akil telah disyaki membuat perhubungan sulit dengan seorang perempuan di istana Pahang, dan orang Arab itu telah diseksa, dan kabarnya telah mati diracun di Johor.

Setelah mengetahui Sayid Salim bin Akil adalah seorang rakyat British yang telah dilahirkan di Pulau Pinang, Gabenor Weld telah meminta kebenaran Pejabat Tanah Jajahan British di London, jika boleh ia hendak menghantar sebuah kapal perang ke Pahang untuk menuntut bela di atas perbuatan yang zalim itu. Walaupun bukti yang menunjukkan kebenaran kejadian itu nampaknya belum pasti betul, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London telah memberitahu Gabenor Weld, kerajaan British tidaklah bertujuan hendak meneruskan penyiasatan mengenai perkara itu dengan tindakan yang keras. Setiausaha itu berpendapat penyiasatan yang seperti itu yakni penyiasatan yang belum didapati buktinya yang pasti, dan sudah pula dihebohkan kepada ramai, boleh jadi tiada akan disetujui oleh Bendahara Pahang, dan boleh jadi juga akan menimbulkan syak wasangka Bendahara kepada Maharaja Johor ada campur tangan dalam penyiasatan itu. Pada pendapat Pejabat Tanah Jajahan British di London, apabila kerajaan British tahu berkenaan perkara tersebut sudah cukup untuk menjadi sebagai satu hukuman kepada kerajaan Pahang dan menakutkan kerajaan hendak menjalankan pemerintahan yang tidak baik dalam negerinya.

Dengan keterangan daripada Pejabat Tanah Jajahan British itu, Gabenor Weld telah memutuskan tidak akan meneruskan penyiasatan itu, kerana katanya, "Kita mesti pasti betul akan sebabnya kita hendak menjalankan penyiasatan itu, dan kita mesti tegas dengan langkah yang akan kita buat berhubung dengan perkara seperti itu dalam sesebuah negeri seperti negeri Pahang itu".<sup>1</sup>

Dalam bulan November 1883 itu juga, Sultan Ahmad

<sup>1</sup> THIO—m.s. 51.

Pahang telah memajakkan satu kawasan tanah di Pahang seluas 2,000 batu persegi untuk membuka lombong dan pertanian kepada Lim Ah Sam seorang hartawan Cina yang tinggal di Pulau Belitong dan mempunyai perniagaan di Singapura. Juga kepada seorang Cina Singapura bernama Goh Swee Sui yang telah banyak mengeluarkan wangnya dalam perusahaan melombong bijih timah di Perak dan seorang Eropah bernama Louis de Dekker dan seorang Cina lagi bernama Ho Ah Yun.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1883 itu juga, dua orang datuk di Jelebu bernama Tok Menteri Ahat dan Datuk Raja Balang Long, telah berselisih faham dengan kerajaan Pahang berkenaan sempadan di antara Pahang dengan Jelebu. Kerajaan Pahang telah menghantarkan wakilnya pergi ke Jelebu bagi merundingkan hal itu. Dalam perundingan itu, wakil kerajaan Pahang sentiasa sahaja berpegang dan mengatakan bahawa daerah Jelebu itu adalah sebahagian daripada negeri Pahang dan menegaskan pula bahawa wilayah Sungai Serting itu masuk ke dalam negeri Pahang. Tetapi mengikut pihak Jelebu pula, berdasarkan cerita turun temurun orang di Jelebu, tanah sempadan di antara Jelebu dengan Pahang itu telah beberapa kali ditetapkan pada zaman dahulu di beberapa tempat, termasuklah tanda sempadan yang telah ditandakan dengan serumpun pokok buluh yang telah ditanam di tempat yang bernama Kuala Poh oleh Datuk Kaya Hasan Temerloh sebagai tanda sempadan di antara Pahang dengan Jelebu.<sup>2</sup> Perselisihan mengenai sempadan itu telah berpanjangan dan kerajaan British telah campur tangan hingga tahun 1844 dan 1885 seperti yang akan disebutkan berikutnya.

Dalam tahun 1883 itu juga, Mukim Budu di Hulu Pahang yang dibawah perintah Orang Kaya Lipis (yang sedang dalam tahanan di Pekan) telah dianugerahkan oleh Sultan

<sup>1</sup>THIO - m.s. 51-52.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 105.

Ahmad kepada Tok Gajah, mengikut surat daripada Sultan Ahmad kepada Tok Gajah seperti yang tersebut di bawah ini:—

Kaulu 'l-Hak.

(Cap mohor) Sultan Ahmad  
Al-Muazzam Shah.

Hijratu'n-Nabi sa'allahu 'alaihi wa sallam seribu tiga ratus, Sanat 1300, kepada 21 hari bulan Jamadil Awal, hari Sabtu, jam pukul sepuluh.

Bahawa dewasa itulah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah iaitu telah mengurniakan surat tanda keterangan ini kepada Imam Perang Indera Gajah Pahang.

Fasal yang pertama: kita menyatakan semua orang isi Budu itu kita pulangkan kepada Imam Perang yang tersebut di atas ini semuanya.

Fasal yang kedua: barang siapa yang tiada mengikut dan menurut seperti yang tersebut di atas ini melainkan salah dengan sepenuh salahnya kepada kita, maka kita hukuman di atasnya dengan sepenuh hukum demikianlah adanya.

Maka sahlah dengan nyatanya serta termeterilah cap kita di atas satar ini.

Tetapi kemudiannya, penduduk di Mukim Budu itu, di bawah pimpinan Wan Selat ibni almarhum Orang Kaya Haji Wan Daud yang tinggal di Kampung Chat, Budu, telah mengirim surat kepada Maharaja Perba Jelai (Wan Muhammad) menyatakan mereka tidak bersetuju Mukim Budu diberikan kepada Tok Gajah dengan menyatakan alasannya dan telah menyerahkan perkara itu kepada pertimbangan Maharaja Perba Jelai.<sup>1</sup> Nampaknya tiada didapati sebarang keputusan mengenai hal itu, dan Mukim Budu tetap di dalam pegangan Tok Gajah.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 105, 216, 221-222.



## ***Engku Muda Mansur Hendak Menyerang Pahang***

1884. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, apabila berlaku perselisihan di antara Engku Muda Mansur dengan Sultan Ahmad, terbukalah peluang British untuk masuk campur tangan dalam hal ehwal pemerintahan di Pahang. Engku Muda Mansur telah menulis surat kepada W.H.M. Read di Singapura meminta Read berjumpa Gabenor di Singapura bagi menyelesaikan perselisihan yang sedang berlaku di antaranya dengan abangnya Sultan Ahmad, dan juga meminta Gabenor melantik seorang Residen British "sama-sama mengambil bahagian memerintahkan negeri itu (Pahang)". Dalam suatu pertemuan di antara Engku Muda Mansur dengan Pemangku Gabenor masa itu, Sir Cecil Clementi Smith, yang telah diatur oleh Read, Engku Muda Mansur mengatakan kepada Gabenor itu, "Orang-orang besar Pahang dan rakyat Pahang telah mendesak beliau supaya melepaskan mereka daripada pemerintahan yang menindas di Pahang itu".

Oleh sebab pegawai British di Negeri Selat masa itu menganggap Engku Muda itu sama seperti gelaran Raja Muda atau Bakal Sultan seperti di negeri Perak, jadi nampaknya jika dicantumkan fahaman itu dengan peristiwa Engku Muda Mansur, bolehlah British menggunakan Engku Muda Mansur sebagai "anak kunci pembuka pintu" negeri Pahang bagi British, sebagaimana yang telah berlaku kepada Sultan Abdullah di negeri Perak. Read telah menegaskan, Sultan Abdullah itulah yang telah menjadi "anak kunci" kepada Gabenor Sir Andrew Clarke untuk memasukkan campur tangan British ke negeri Perak pada tahun 1874 dahulu.

Pada masa itu kabar angin yang mengatakan rakyat Pahang yang tidak puas hati dengan pemerintahan di negeri Pahang itu masih samar-samar lagi dan pihak British tidak dapat berbuat apa-apa, bahkan hal ehwal dan keadaan di Pahang itu juga masih terlalu sedikit yang diketahui oleh kerajaan British, dan British belum pasti berapa ramai orang Pahang yang mahu menyokong Engku Muda Mansur itu. Oleh sebab itu, dan juga mungkin sebab bantuan British kepada Sultan Abdullah di negeri Perak dahulu telah mendatangkan akibat yang tiada baik, jadi dalam perkara Engku Muda Mansur ini pun British merasa perlu mengambil langkah yang berhati-hati. Gabenor di Singapura dan pihak yang berkuasa di London telah menetapkan supaya perkara Engku Muda Mansur itu di-biarkan dahulu sehingga didapati bukti yang nyata menunjukkan lebih ramai orang besar dan rakyat Pahang yang hendak bertuanan Wan Mansur itu.<sup>1</sup>

Dalam bulan Ogos 1884, Engku Muda Mansur dari Singapura dengan pembantunya telah pergi ke Hulu Selangor dan telah mengumpulkan orang untuk menyerang Pahang. Wan Lingga di Pahang yang menyebelahi Engku Muda Mansur telah mendirikan kubu di Budu, Tengku Samat (Abdul Samad) di daerah Raub yang tidak puas hati dengan layanan Sultan Ahmad terhadap Orang Kaya Lipis (Tok Teh) telah bersedia menanti untuk membantu Engku Muda Mansur.

Orang Kaya Lipis yang telah lama ditahan di Pekan oleh Sultan Ahmad, apabila mendengar Engku Muda Mansur hendak menyerang Pahang, ia telah melepaskan diri keluar dari Pekan balik ke tempatnya di Lipis (Penjum).<sup>2</sup>

Apabila Sultan mendapat tahu bahawa adiknya Engku Muda Mansur telah mengumpulkan orang di Hulu Selangor hendak menyerang Pahang, dalam bulan Ogos 1884 itu juga, baginda telah mengeluarkan surat titah ditujukan kepada tiga orang besar Pahang, seperti yang disalinkan di bawah ini:—

(Cop mohor) Sultan Ahmad  
Al-Muazzam Shah

<sup>1</sup>THIO — m. s. 54.

<sup>2</sup>PAHANG — m. s. 103, 105.

Bahawa titah ke bawah duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah dijunjukkan kepada orang tua beta iaitu Maharaja Perba, dan orang tua beta Imam Perang Indera Gajah, dan orang tua beta Orang Kaya Setia Wangsa, barang tahulah kiranya orang tua beta yang bertiga inilah beta nyatakan kepada orang tua beta darihal perkara musuh itu, maka jikalau sudah tentu ada di dalam daerah sempadan kita, maka hendaklah kita ingat, maka janganlah sekali-kali daripada kita mendahului memulakan memecahkan perang atau bakar membakar segala orang yang meninggalkan rumahtangganya. Maka hendaklah kita berbanyak-banyak sabar serta jika yang boleh kita menahan daripada kekuatan daripadanya jangan jadi kerosakan di atas kita sementara kita mencari ikhtiar.

Demikian adanya.

Kepada 24 Syawal malam Sabtu

jam pukul sembilan, Sanat 1301.<sup>1</sup>

Sultan Ahmad telah mengutuskan orang besar baginda Haji Muhammad Nur pergi ke Singapura berjumpa Pemangku Gabenor Sir Cecil Clementi Smith memberitahu tentang Engku Muda Mansur hendak menyerang Pahang. Kemudian dengan segera Pemangku Gabenor itu telah memerintahkan Residen British di Selangor untuk menahan Engku Muda Mansur masuk ke Pahang.

Dengan itu Engku Muda Mansur telah cuba pula hendak menyerang Pahang melalui Perak. Tetapi telah dilarang oleh Frank Swettenham yang pada masa itu menjadi Pemangku Residen British di Perak, dan Swettenham selalu membuat perhubungan ke Singapura memberitahu pergerakan Engku Muda Mansur itu. Apabila rancangan Engku Muda Mansur hendak menyerang Pahang telah terhalang, akhirnya ia kembali semula ke Singapura. Orang-orang besar di Raub dan Budu yang menyebelahi Engku Muda Mansur telah ditundukkan oleh Tok Gajah tanpa melakukan sebarang pertempuran iaitu sebaik sahaja Tok Gajah menerima surat perintah daripada Sultan Ahmad.<sup>2</sup>

Pada 18 hari bulan September 1884, Cecil Clementi Smith, Pemangku Gabenor di Singapura, telah memberitahu Sultan

<sup>1</sup>PAHANG - ..s. 217-218.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 105; THIO - m.s. 54-55.



Ahmad akan tindakan yang telah diambilnya mengenai Engku Muda Mansur yang hendak menyerang Pahang itu. Surat daripada Pemangku Gabenor itu dalam bahasa Melayu, demikian bunyinya:—

(Tandatangan) Cecil Clementi Smith  
Acting Governor, S.S.\*

Bahawa ini warkatu 'l-iklas yang disertakan beberapa tabik dan hormat mulia iaitu daripada kita Cecil Clementi Smith, C.M.C., yang ada memangku jawatan Tuan Gabenor yang terutama memerintahkan Singapura, Pulau Pinang dan Melaka, apalah kiranya mendapatkan paduka sahabat beta Yang Dipertuan Ahmad Raja Pahang Yang Mulia yang ada dengan kesejahteraan.

Waba'dahu barang istifham kiranya sahabat kita. Ada pun di dalam surat kita bertarikh 14 Mei yang telah dikirinkan kepada sahabat kita dahulu itu ada kita sebutkan demikian:

"Yang kita harap sahabat kita tiada kelak meluluskan atau memberi jalan kepada sebarang anak raja Pahang itu membangkitkan pergaduhan."

Ada pun perkataan "sebarang anak raja Pahang" itu jatuh pada Raja Empoh dan Raja Ismail, dengan Tok Kaya Perba Jelai, Imam Perang Indera Gajah, Tok Setia Lela Raja, dan Tok Mail, Sehadan daripada surat sahabat kita bertarikh 27 Ramadhan itu pada fikiran kita ambil sahabat kita pada Raja Muda Encik Wan Mansur. Maka jika sungguh demikian salah fikiran sahabat kita kerana kita ketahui ada pun Raja Muda Wan Mansur itu tiada berbaik dengan sahabat kita.

Arkian apabila kita dengar yang Raja Muda itu telah ke Hulu Selangor pada bulan yang lalu maka dengan segeranya telah memberi perintah kepada Tuan Pemangku Residen Selangor itu menahan dan melarangkan Raja Muda itu masuk ke Pahang maka tentulah Tuan Pemangku Residen itu kelak menjunjungkan perintah kita itu dengan seboleh-bolehnya adanya. Tiadalah satu jua pun . . . hanyalah tabik kita kepada sahabat kita.

Tertulis pada 18 hari bulan September 1884.<sup>1</sup>

Di samping hal Engku Muda Mansur itu, British telah mencampuri juga tentang perselisihan sempadan antara Pahang dengan Jelebu yang telah bermula dalam tahun 1883 yang lalu. Pada 11 hari bulan November 1884, Cecil Clementi

\*S.S.—Straits Settlements= Negeri-Negeri Selat.

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 218-219.

Smith Pemangku Gabenor di Singapura telah memberitahu Sultan Ahmad mengatakan tentang sempadan antara Pahang dengan Jelebu sudah dirundingkannya dengan Haji Muhammad Nur wakil baginda yang dihantar ke Singapura, dan bersama dengan Haji Muhammad Nur diaturnkannya dan dibentuknya garisan sempadan buat sementara di antara Pahang dengan Jelebu, bukannya mengikut adat istiadat cara zaman dahulu kala, tetapi tidak syak lagi cara lama itu terbabit juga, sebabnya kerana ada nampaknya di antara penduduk di Jelebu yang lebih menyukai tuntutan datuk di Jelebu, dan ada pula yang cenderung masuk ke dalam perintah Pahang. Gabenor telah menyebutkan juga tempat garisan sempadan sementara yang telah ditentukannya setelah berunding dengan Haji Muhammad Nur itu.

Pada 25 hari bulan Februari 1885, Sultan Pahang telah menjawab surat Gabenor dan mengatakan Haji Muhammad Nur tidak diberi kuasa oleh baginda bagi menyelesaikan perkara sempadan itu dan baginda menyatakan pula iaitu sejak nenek moyang baginda dahulu lagi Jelebu dan Pahang adalah sebuah negeri, baginda berharap supaya Gabenor bersetuju meletakkan semula tanda sempadan itu di tempat yang bernama Kenaboi.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1884 itu juga dan dalam beberapa tahun kemudiannya Sultan Ahmad telah memajakkan beberapa bidang kawasan tanah di Pahang kepada pemodal dari Barat untuk melombong bijih timah dan emas. Di antara yang terkenal ialah Walter Knaggs di Raub dan George Scaife serta dua orang rakannya orang Melayu Singapura bernama Haji Arshad dan Muhammad Tahir yang telah dapat memajak kawasan tanah seluas 900 batu persegi kerana membuka lombong emas di Penjum dan Sungai Dua Semantan.<sup>2</sup>

Pada 12 hari bulan Disember 1884, dalam satu istiadat besar yang telah diadakan di Pekan (Pahang), orang-orang besar Pahang telah menabalkan Sultan Ahmad sebagai Sultan Pahang dengan gelaran Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 105.

<sup>2</sup> THIO — m.s. 52; WONG — m.s. 128; PAHANG — m.s. 109.

bagindalah keturunan Bendahara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dahulu yang pertama memakai gelaran Sultan di Pahang. Pada masa itu baharulah gelaran itu diisytiharkan kepada semua rakyat di seluruh negeri Pahang. Isteri baginda Tun Besar yang bergelar Cik Puan Bongsu (bonda Tun Long) digelar Tengku Ampuan Pahang. Anak-anak baginda yang dahulunya dipanggil Tun diubah kepada Tengku. Sepupu baginda yang bernama Wan Abdul Rahman disebut juga Engku Ngah (anak Tun Muhammad Engku Tanjung) dilantik menjadi Bendahara, anak saudara baginda yang bernama Wan Mahmud (anak Wan Ismail) diangkat menjadi Temenggung bergelar Temenggung Seri Maharaja.<sup>1</sup>

1885. Oleh sebab mengkhawatiri adik baginda Engku Muda

Mansur yang mungkin sedang bersedia hendak menyerang Pahang, dan barangkali juga khuatirkan kerajaan British akan menjadikan perkara Engku Muda Mansur itu sebagai sebab yang membolehkan British campur tangan dalam pemerintahan di negeri Pahang, pada awal tahun 1885 Sultan Ahmad telah mengutuskan tiga orang besar sebagai wakil baginda pergi ke Singapura berunding dan meminta Gabenor di Singapura menjadi orang tengah bagi menyelesaikan perkara Engku Muda itu. Hasil daripada rundingan yang telah diadakan di Singapura itu, Wan Mansur telah bersetuju menerima jemputan abangnya Sultan Ahmad supaya ia kembali semula mengambil kedudukan dan tugasnya di Pahang, dan menerima gaji sebanyak yang telah dicadangkan oleh Pemangku Gabenor di Singapura iaitu sebanyak \$200/- setiap bulan. Dalam bulan April 1885 itu juga satu surat perjanjian antara kedua belah pihak mengenai penyelesaian itu telah ditandatangani di Singapura oleh Engku Muda Mansur pada satu pihak, dan oleh wakil Sultan Pahang pihak lainnya. Dalam perjanjian itu telah disyaratkan juga supaya Engku Muda Mansur diakui sebagai Raja Muda.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 90, 104, 185.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 186; THIO - m.s. 55.

## ***Frank Swettenham Datang ke Pahang***

Dalam bulan April 1885, Sir Cecil Clementi Smith, Pemangku Gabenor di Singapura telah memerintahkan Frank Swettenham, Pemangku Residen British di Perak pergi ke Pahang untuk memujuk Sultan Ahmad bagi pihak kerajaan British, dan juga mengesahkan penyelesaian damai di antara Engku Muda Mansur dengan Sultan Ahmad, serta mengesahkan juga penyelesaian mengenai sempadan Pahang dengan Jelebu.

Sebaik sahaja menerima perintah dari Singapura, Frank Swettenham telah bertolak dari Perak mengikut jalan darat ke Hulu Pahang di Hulu Lipis. Semasa melalui Hulu Pahang, Swettenham telah singgah di sebuah kampung bernama Permatang Linggi dan telah berjumpa ketua kampung di situ bernama Tok Bakar (Abu Bakar), dan beliau jugalah yang dikatakan tuan punya tempat yang bernama Tersang, satu kawasan di Pahang yang terkenal kerana banyak menghasilkan emas. Tetapi ada yang mengatakan tempat itu telah diberikan oleh Sultan Ahmad kepada Tok Gajah. Tok Bakar mengatakan kepada Swettenham; dia belum pernah ke Pekan mengadap Raja (Pahang). Setiap tahun orang besar di daerah itu semua pergi ke Pekan menjunjung duli Sultan Pahang. Semua penduduk di daerah itu telah dikenakan membayar cukai seringgit tiap seorang dan wang itu digunakan untuk belanja perjalanan orang besar itu pergi ke Pekan. Tok Bakar juga mengatakan, sebelum berjumpa dengan Swettenham, orang putih yang pernah dilihatnya hanyalah William Cameron.

Pasar tempat berjual beli yang utama di Lipis masa itu ialah di Penjum. Kata Swettenham, barang yang diperniagakan di Penjum masa itu ialah minyak tanah satu tin seringgit, tembakau sekati seringgit, garam enam gantang seringgit, candu seketul bulat seringgit, beras yang paling baik dua belas gantang seringgit. Tuan punya pajak di Penjum juga setiap bulan membayar lima puluh ringgit kepada Orang Kaya Lipis. Kain yang dibawa ke Lipis, dikenakan cukai oleh Orang Kaya Lipis sepersepuluh daripada harganya. Beras yang dibawa masuk ke Pahang banyak yang didatangkan dari Kelantan, begitu juga kain sarung sutera tetapi kain sarung yang banyak dipakai oleh orang Pahang itu diperbuat di Pekan.

Kemudian Swettenham singgah di sebuah kampung bernama Kuala Sega dan telah disambut oleh ketua kampung di situ bernama Tok Kali. Kata Swettenham, Tok Kali itu baik tabiatnya dan cerdik orangnya. Di hilir daripada sebuah jeram bernama Jeram Besu, Swettenham telah berjumpa dengan Encik Wan Da anak lelaki Orang Kaya Haji Wan Daud.

Apabila Swettenham singgah di Pulau Tawar, dia telah diterima sebagai sahabat oleh Tok Gajah yang telah bermastautin di situ selepas tamatnya Perang Selangor.

Swettenham yang telah berjumpa dengan Tok Gajah dan mengatakan masa itu Tok Gajah telah berumur lebih kurang empat puluh tahun, badannya sangat gempal, warna kulitnya hitam, dan beliau selalu sahaja tertawa. Tok Gajah mempunyai empat orang isteri, dua puluh lima orang anak, dan sembilan orang cucu, ayah Tok Gajah adalah orang Melayu Sumatera,\* emaknya orang Pahang. Beliau terkenal sebagai seorang hulubalang perang, dan beliau ialah Imam Perang Pahang, setaraf Orang Besar empat di Pahang. Beliau sangat kuat dan ditakuti di Hulu Pahang oleh orang yang tidak puas hati de-

\*J.M. Gullick, dalam buku karangannya bernama *Indigenour Political System of Western Malaya* (Cetakan tahun 1958, muka surat 79) mengatakan: "Ayah Tok Gajah itu orang Melayu Rawa dari Sumatera." Dalam keterangan gambar Tok Gajah dan orang besar Pahang lain yang tersiar dalam surat khabar Utusan Melayu bertarikh 10 hari bulan Januari 1970 menyebutkan: ayah Tok Gajah itu bernama Shahrum.

ngan pemerintahan Sultan Ahmad, dan beliau sangat dipercayai oleh Yamtuan (Sultan Ahmad).

Menurut Swettenham lagi: Tok Gajah telah memberikan apa sahaja pertolongan yang boleh kepada rombongannya, dan Swettenham telah menghadihkan sebilah golok buatan negeri Perak.

Dari Pulau Tawar, Swettenham terus belayar menghilir Sungai Pahang dan telah dihantar oleh Tok Gajah hingga di Tanjung Belanja, di situlah batas sempadan di sebelah hilir wilayah pegangan Tok Gajah. Di situ Swettenham berihat lebih kurang selama satu setengah jam, kemudian meneruskan pelayarannya menuju ke Pekan.

Frank Swettenham dan rombongannya telah sampai di Pekan pada 6 hari bulan Mei 1885,\* dan telah disambut dengan baik oleh Sultan Ahmad. Baginda telah menempatkan Swettenham di sebuah rumah rakit di Sungai Pahang yang disebut balai gambang, dan Haji Muhammad Nur ditugaskan menjaga Swettenham.<sup>1</sup>

Mengenai keadaan dan hal ehwal Pahang sepanjang yang telah dilihat oleh Frank Swettenham pada tahun 1885 itu, antara lain ia mengatakan:—

Negeri Pahang tidak akan dapat dimajukan atau diperintah dengan baik jika tidak dengan nasihat dan pertolongan British. Harga barang dalam negeri itu sangat mahal, kerana hampir semua barang keperluan dan barang-barang mewah yang dibawa masuk ke Pahang, yang dikenakan cukai, diterima oleh orang Cina yang tinggal di Pekan, oleh sebab mereka sahaja yang menjual barangan itu, harga jualan barang itu diletakkan mengikut kehendak orang Cina itu sahaja. Mengikut catatan Swettenham jumlah penduduk Cina di Pahang masa itu hanya lebih kurang seratus orang. Mengikut perhatiannya pula orang Melayu sangat miskin.

Swettenham mengatakan juga, dia telah mendengar dari-

\*Dalam buku *Sejarah Pahang* karangan W. Linehan menyebutkan: Swettenham sampai di Pekan pada 5 hari bulan Mei 1885: PAHANG—m.s. 107.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 106-107; THIO—m.s. 56.

pada orang Cina mengatakan dalam negeri ini (Pahang) banyak emas tetapi tiada seseorang pun yang boleh tinggal di sini disebabkan oleh kerajaannya kekurangan wang dan melakukan pemerasan yang tidak adil. Sesiapa yang mendapat emas, emas itu akan diambil daripada orang itu dengan sesuatu alasan atau lainnya, dan sekarang ini sedikit sangat orang Cina tinggal di tempat ini.

Semasa Swettenham menjelajah Pahang, mana-mana orang besar Pahang yang dijumpainya, Swettenham memberitahu mereka supaya Pahang menerima cara pentadbiran seperti yang sedang dijalankan di Perak dengan memakai seorang Residen British. Nampaknya ada di antara orang besar Pahang itu yang bersetuju dengan Swettenham dan menganggapnya sebagai satu perkara baik tetapi ada pula di antara orang besar itu yang tidak mahu memberi sebarang pengakuan kepada Swettenham.

Dalam bulan Mei 1885 Engku Muda Mansur telah bertolak dari Singapura dengan kapal kerajaan Negeri Selat yang bernama Sea Belle, dan beliau telah sampai di Pekan dua hari kemudian daripada ketibaan Swettenham. Swettenham telah membawa Engku Muda Mansur berjumpa Sultan Ahmad dan telah membuat perdamaian.

Apabila Swettenham berjumpa dan berbual dengan Sultan Ahmad, Swettenham telah menerangkan kepada baginda tentang pendapatnya dengan berterus terang dan dengan tidak beralas-alas lagi. Dikatakannya kepada baginda, sekarang sudah sampailah masanya British membuat surat perjanjian dengan Pahang, British tidak boleh lagi bertolak ansur melihat pemerintahannya yang tidak baik. Swettenham telah memaksa Sultan Ahmad meminta seorang pegawai British yang akan menolong baginda memerintah dan membuka negeri Pahang. Swettenham telah mengingatkan baginda bahawa baginda telah berhutang budi kepada British yang telah menahan Engku Muda Mansur menyerang Pahang pada tahun yang lalu.

Walaupun Swettenham telah berterus terang tetapi Sultan Ahmad tidak juga mahu membuat surat perjanjian dengan British dan seperti biasa, baginda mengatakan kepada Swet-

tenham, perkara itu mestilah dirundingkan dahulu dengan orang besar baginda yang tinggal di hulu negeri Pahang. Sultan Ahmad berjanji, selepas itu baharulah boleh baginda menghantar jawapannya ke Singapura. Pendeknya, kedatangan Swettenham sebagai utusan daripada Pemangku Gabenor Negeri Selat hendak memujuk Sultan Ahmad membuat perjanjian itu, telah gagal.<sup>1</sup>

Kegagalan Swettenham itu bolehlah dikatakan kerana dua sebab utama. Pertama, kerana Swettenham telah berhadapan dengan seorang pemerintah yang mempunyai pembawaan peribadi kepahlawanan yang tidak mudah digertak kerana pengalamannya melalui gelombang peperangan sekian lama dan telah berpuluh tahun memerintah sebilangan besar rakyatnya yang sentiasa bergolak. Sikap Swettenham yang telah berlebihan memaksa baginda supaya mengikut kemahuaannya itu, boleh jadi telah menambahkan lagi keazaman baginda tidak mahu British bertapak di Pahang.

Kedua, kerana pengaruh Maharaja Abu Bakar Johor. Setelah Sultan Ahmad berbaik dengan Maharaja Abu Bakar, apa jua perkara yang berhubungan dengan British, kerap Sultan Ahmad meminta nasihat daripada Maharaja Abu Bakar dan Datuk Menteri Besar Johor. Walaupun semasa Frank Swettenham berada di Pahang dan Maharaja Abu Bakar sedang berihat di London, tetapi Datuk Menteri Besar Johor ada di Pekan kerana urusan kerjanya berkenaan dengan pemajakan tanah di Pahang. Datuk Menteri Besar itulah yang telah mengirim telegraf kepada Maharaja Abu Bakar di London mengadukan berkenaan Swettenham memaksa Sultan Ahmad menerima perlantikan seorang Residen British di Pahang. Maharaja Abu Bakar telah menyampaikan perkara itu di Pejabat Tanah Jajahan British di London. Tambahan pula kedatangan Swettenham ke Pahang tidak menerima arahan dari Pejabat Jajahan British di London, cuma Pemangku Gabenor di Singapura sahaja yang bertindak sendiri menghantar Frank Swettenham ke

<sup>1</sup> THIO—m.s. 55-56.



Pahang. Gabenor Frederick Weld dan Pemangkunya Cecil Clementi Smith percaya bahawa Maharaja Abu Bakarlah yang telah menasihatkan Sultan Pahang, supaya jangan membuat surat perjanjian dengan British.<sup>1</sup> Sementara itu, Engku Muda Mansur, tidak lama setelah Swettenham meninggalkan Pahang, apabila didapatinya suasana politik di Pekan tidak disetujuinya, beliau bertolak meninggalkan Pahang pergi ke Singapura.

Pada 8 hari bulan Jun 1885 Frank Swettenham telah memberikan cadangan kepada Pemangku Gabenor di Singapura, sepatutnya kerajaan British di Negeri Selat mesti melantik seorang wakilnya yang berpengetahuan luas dalam bahasa dan penghidupan orang Melayu dan tinggal di Pekan (Pahang) iaitu untuk menjaga kepentingan rakyat British di sana dan wakilnya itu mestilah dapat menyesuaikan diri serta berguna kepada orang ramai.<sup>2</sup>

Namun begitu didapati Sultan Ahmad tetap juga tidak mahu menerima Residen British di Pahang dengan mempunyai kuasa menjaga pemerintahan di negeri itu seperti yang telah ditawarkan oleh Frank Swettenham. Pada 8 hari bulan Julai 1885 itu juga, lebih kurang dua bulan setelah Swettenham meninggalkan Pahang, Sultan Ahmad telah berkirim surat kepada Pemangku Gabenor di Singapura mengatakan selagi ia dan anak-anaknya masih hidup, orang besar di Pahang tidak ada keinginan berkehendakkan seorang pegawai kerajaan yakni Residen British dalam negeri Pahang. Dan ini nyata-nyata jawapan Sultan Ahmad sebagai memenuhi janji baginda kepada Swettenham yang mana akan mengirinkan jawapan ke Singapura.<sup>3</sup>

Selepas perutusan Swettenham ke Pahang itu gagal, Gabenor Sir Frederick Weld yang sedang bercuti di London telah

<sup>1</sup> THIO - m.s. 56-58.

<sup>2</sup> PAHANG - m.s. 108.

<sup>3</sup> THIO - m.s. 59.

Dalam buku *Sejarah Pahang* karangan W. Linehan mengatakan Sultan Ahmad tiada memberi sebarang jawapan, perkara itu didiamkan sahaja. PAHANG—m.s. 108.

merangkakan dasar yang akan dijalankan untuk diluluskan oleh Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British di London, iaitu dasar yang katanya akan "memimpin dan bukan memaksa" Bendahara Pahang itu, supaya Bendahara menyetujui perlantikan seorang wakil British di Pahang yang mempunyai kuasa sebagai seorang penasihat bukan seorang pentadbir atau seorang Residen yang sebenarnya. Setelah habis bercuti, Gabenor Weld kembali semula ke Singapura.<sup>1</sup>

Dalam bulan Julai 1885 itu juga, Sultan Zainal Abidin III ibni almarhum Sultan Ahmad II, Sultan Terengganu dalam rombongan diraja dari Kuala Terengganu telah datang ke Pekan (Pahang) untuk melangsungkan perkahwinan baginda dengan Tengku Long puteri sulung Sultan Ahmad Pahang dalam satu keramaian istiadat perkahwinan diraja Melayu yang sangat meriah.

Sultan Zainal Abidin III telah diiringi oleh orang-orang besar, datuk, pegawai dan keluarga diraja Terengganu lelaki dan perempuan seramai lebih kurang empat ratus tiga puluh orang dengan menaiki kapal api kerajaan Terengganu yang bernama Seri Lingga, yang diiringi oleh beberapa buah perahu besar yang membawa lebih kurang seribu orang Melayu rakyat baginda serta satu pasukan orang Cina yang dibawa oleh Kapitan Cina di Terengganu, telah bertolak dari Kuala Terengganu menuju ke Pahang.

Apabila sampai di Pekan (Pahang) rombongan diraja Terengganu itu telah disambut oleh Temenggung Seri Maharaja Pahang (Wan Mahmud), Tengku Ali serta datuk-datuk dan orang besar Pahang. Keramaian yang telah diadakan di Pekan berhubung dengan istiadat perkahwinan Sultan Zainal Abidin III Terengganu dengan Tengku Long puteri Sultan Ahmad Pahang itu telah berjalan selama tiga bulan. Setelah berkahwin, lebih kurang setahun lamanya Sultan Terengganu bersemayam di Pahang, Baginda telah berangkat pulang ke Terengganu (tahun 1886) dengan mengejut kerana satu pemberontakan telah berlaku di Kuala Terengganu disebabkan oleh bapa saudara baginda yang bernama Tengku Abdul Rahim hendak

<sup>1</sup>THIO - m.s. 59.

merampas kerajaan dari tangan anak saudaranya Sultan Zainal Abidin III itu. Tiga bulan kemudian baharulah Tengku Long dibawa oleh suaminya berangkat ke Kuala Terengganu. Tetapi perkahwinan mereka itu akhirnya musnah, dan setelah tiga tahun, mereka telah bercerai dan Tengku Long balik semula ke Pahang.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1885 itu juga, pada 11 hari bulan Disember, kerajaan Johor telah membuat perjanjian dengan kerajaan British. (Lihat: *Sejarah Johor*). Sejak itu mulalah Maharaja Abu Bakar memakai gelaran Sultan—Sultan Abu Bakar Johor.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>TERENGGANU—m.s. 39-41.

<sup>2</sup>SAID (I)—m.s. 40-48.

### ***Gabenor Weld dan Hugh Clifford Berikhtiar Memujuk Sultan Ahmad Membuat Perjanjian dengan British***

1886. Dalam bulan April 1886, semasa Sultan Abu Bakar Johor berada di England, baginda telah memberitahu Pejabat Tanah Jajahan British berkenaan dengan sepucuk telegram yang telah diterima daripada adindanya Ungku Abdul Majid yang mengatakan Sultan Pahang sangat ingin hendak membuat perjanjian dengan British yang serupa dengan perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan Johor dengan British dalam bulan Disember tahun lalu (1885). Sultan Abu Bakar menawarkan juga hendak memberikan khidmat dalam perkara itu. Baginda mungkin berpendapat biarlah Pahang tidak lebih merdeka daripada Johor yang telah terikat dengan perjanjiannya itu. Tetapi oleh sebab syarat yang keenam dalam perjanjian Johor dengan British itu ada menyebut Johor tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal British politik negeri Melayu lain (Lihat: *Sejarah Johor*), maka tawaran baginda itu tidak mendapat layanan dari pihak kerajaan British.<sup>1</sup>

Setelah Gabenor Sir Frederick Weld balik semula ke Singapura memegang jawatan Gabenor Negeri Selat, pada 31 hari bulan Mei 1886, dengan menaiki kapal *Sea Belle* bertolak dari Singapura menuju ke Pahang untuk memujuk Sultan Ahmad membuat perjanjian dengan British. Dalam rombongan itu dibawa juga beberapa orang pegawai British iaitu Hugh Low, (Residen British Perak), J.P. Rodger (Pemangku Residen Bri-

---

<sup>1</sup> THIO—m.s. 59-60.

tish Selangor), anak saudara Gabenor bernama Hugh Clifford (menjadi jurubahasa) yang pada masa itu bertugas dengan kerajaan Perak, Martin Lister dari Negeri Sembilan, sementara orang Melayunya ialah Raja Idris Hakim Besar di Perak dan Raja Mahmud Selangor. Gabenor Weld telah sampai di Pekan (Pahang) pada 3 hari bulan Jun 1886.

Semasa Gabenor Weld berjumpa dan berbincang dengan Sultan Ahmad, Gabenor telah memujuk baginda supaya kerajaan Pahang membuat perjanjian dengan kerajaan British Negeri Selat. Gabenor juga menegaskan jika Pahang tiada membuat sebarang perjanjian bertulis dengan British, kerajaan Pahang tidak boleh meminta bantuan atau pertolongan daripada kerajaan British jika sekiranya Pahang mendapat kesusahan dengan sebarang kerajaan asing disebabkan oleh syarikat perlombongan kepunyaan orang Eropah telah banyak dibangunkan di Pahang. Gabenor telah mendesak supaya baginda menerima seorang wakil British yang akan membantu baginda menyelesaikan perselisihan yang berlaku di antara penduduk Pahang dengan orang Eropah yang ada di negeri itu. Gabenor juga menerangkan wakil British itu tidak akan mengambil kuasa pentadbiran Pahang seperti Residen yang ada pada masa itu di negeri Melayu lainnya. Tetapi Sultan Ahmad tidak juga dapat dipujuk supaya menerima tawaran Gabenor Weld itu. Baginda masih bersikap seperti dahulu juga dan mengatakan baginda akan merundingkan dahulu perkara itu dengan orang besar baginda. Dengan itu tujuan kedatangan Gabenor Weld itu telah gagal seperti kedatangan Swettenham dahulu juga. Gabenor Weld kembali ke Singapura.<sup>1</sup>

Kegagalan usaha Gabenor Weld itu, satu daripada sebabnya ialah kerana Sultan Ahmad tetap mempertahankan kuasa baginda sebagai raja pemerintah di negeri Pahang, jika baginda membuat perjanjian dengan British tentulah kuasa baginda akan diricis-ricis oleh British. Satu lagi sebabnya ialah kerana Sultan Abu Bakar masih juga menasihati Sultan Ahmad supaya jangan menandatangani sebarang perjanjian dengan British. Perubahan sikap Sultan Johor itu ialah kerana baginda mahu-

<sup>1</sup> THIO—m.s. 60; KAMPUNG — m.s. 12-15; PAHANG — m.s. 108.

kan kerajaan Pahang tidak berubah seperti itu juga, supaya kepentingan baginda yang ada di Pahang tidak terganggu. Dengan cara menolong sahabat serta sekutu baginda mendapatkan tanah pajak di Pahang, dapat juga menambahkan pendapatan baginda. Tambahan pula setelah tawaran baginda di London dahulu tidak mendapat layanan yakni telah ditolak oleh Pejabat Tanah Jajahan British, baginda telah mencuba seberapa daya untuk menggagalkan tujuan Gabenor Weld di Pahang.

Selain daripada Sultan Johor beberapa orang yang mempunyai kepentingan dalam pemajakan tanah dan syarikat perniagaan di Pahang, juga berfikir memang ada faedahnya bagi mereka menyekat dasar Gabenor Weld itu. Seorang saudagar British bernama William Fraser telah mengakui iaitu dia dengan seorang hartawan Arab bernama Sayid Muhammad bin Ahmad Alsagoff serta beberapa orang lagi yang telah mendapat tanah pajak di Pahang telah menasihatkan Sultan Ahmad supaya jangan menerima tawaran Gabenor Weld itu, kerana mereka tidak suka seorang 'Residen yang menyusahkan' segera diadakan di Pahang. Tetapi, kalau adanya Residen, mungkin tentulah mereka bimbang jika syarat pemajakan tanah yang mereka dapati di Pahang itu diperiksa oleh Residen.<sup>1</sup>

Setelah Gabenor Weld menghadapi beberapa halangan mendapatkan persetujuan Sultan Ahmad itu, dalam bulan Disember tahun itu juga (1886) Gabenor telah menetapkan tiada jalan lain yang hendak dibuat lagi melainkan langkah yang keraslah mesti dilaksanakan terhadap Bendahara (Sultan) Pahang supaya ia menyetujui tawaran dari pihak British. Gabenor Weld telah mencadangkan campur tangan British di Pahang hendaklah berdasarkan kepada adanya cara pemerintahan yang kurang baik yang sedang berjalan di negeri itu, dan menimbulkan semula perkara lama yang telah berlaku di negeri itu, iaitu tentang kerajaan Pahang telah menahan (mengurung) isteri seorang peniaga Cina bernama Yeo Pan.

<sup>1</sup> THIO—m.s. 60-61.

Mengikut keterangannya, isteri Yeo Pan itu telah ditahan sejak tahun 1884 lagi dan sebagai bukti menunjukkan kekejaman Bendahara itu, misalnya, anak kecil isteri Yeo Pan itu telah dipicit oleh Bendahara sendiri sehingga kanak-kanak itu mati. Demikian kata Gabenor Weld.

Kejadian itulah yang dijadikan sebagai 'bukti yang nyata' menunjukkan kesalahan Bendahara (Sultan) Pahang itu. Gabenor Weld juga telah menarik perhatian Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London berkenaan Engku Muda Mansur yang pergi ke Pahang itu telah balik semula ke Singapura dan itulah menunjukkan perdamaian di antara Wan Mansur dengan Bendahara Pahang itu hanya sekejap sahaja. Gabenor Weld juga telah melaporkan ke London bahawa Wan Mansur telah mengatakan orang-orang besar di Hulu Pahang telah semakin bertambah ramai yang hendak membantunya dan Wan Mansur suka untuk menerima seorang Residen British di Pahang sekiranya beliau berjaya merebut takhta kerajaan Pahang daripada abangnya itu.

Sungguhpun dalam surat Gabenor yang dikirimkan ke London itu tiada mengandungi cadangan tegas yang hendak dijalankan terhadap negeri Pahang, tetapi daripada isi kandungan surat Gabenor itu, Pejabat Tanah Jajahan British di London telah mengambil kesimpulan bahawa Weld hendak campur tangan dalam negeri Pahang, hendak memaksa Bendahara Pahang menerima seorang pegawai British, dan jika didapati Bendahara berdegil juga, ia akan dipecat oleh Gabenor akan membantu Engku Muda Mansur pula.

Frank Swettenham yang pada masa itu sedang bercuti di England, telah memberitahu Pejabat Jajahan British di London, kejadian yang sedang berlaku di Pahang itu, misalnya seperti kejadian yang telah disebutkan oleh Gabenor Weld itu, memang telah biasa disebut orang di negeri itu. Tetapi Swettenham berpendapat perkara yang telah berlaku pada perempuan Cina seperti yang disebutkan oleh Gabenor itu, agak sukar untuk British mencampuri hal itu, kerana perempuan Cina yang disebutkan itu dilahirkan di Pahang dan suaminya seorang rakyat Cina. Walaupun cerita itu telah dibesarkan, Swettenham percaya kesudahannya kelak kejadian

itu akan dipandang satu perkara yang sangat kecil. Akhir kata Swettenham memberitahu, "saya yakin tidak lama lagi pengaruh kita (British) akan bertapak di Pahang tetapi saya harap biarlah kerana sesuatu sebab yang lebih baik daripada perkara perempuan Cina itu."

Gabenor Frederick Weld telah menetapkan azamnya hendak mencuba sekali lagi bagi mendapatkan persetujuan Bendahara (Sultan) Pahang supaya mahu membuat perjanjian dengan British. Pada masa itu, dengan "tidak disangka" Wan Mansur telah menerima jemputan daripada Sultan Ahmad menyuruh ia ke Pahang.<sup>1</sup>

1887. Apabila Wan Mansur telah menerima jemputan supaya kembali ke Pahang, Hugh Clifford telah ditugaskan untuk mendapatkan sepucuk surat daripada Bendahara (Sultan) Ahmad yang mengakui meminta membuat 'satu perjanjian yang telah dibuat oleh Johor dengan British yang mengandungi syarat untuk British menguasai Pahang dengan negeri asing dan perlantikan seorang Wakil British di Pahang dengan mempunyai kuasa pegawai konsul.<sup>2</sup>

Hugh Clifford yang membawa sepucuk surat daripada Gabenor Weld untuk Bendahara (Sultan) Ahmad Pahang, dan telah bertolak dengan kapal dari Singapura pada 15 hari bulan Januari 1887. Wan Mansur dan Tok Muda Long anak Tok Sentul Orang Kaya Lipis, turut sama dalam rombongan Clifford itu.

Rombongan Clifford dan Engku Muda Mansur dari Singapura telah mendarat di Kuala Kelang dan dari situ mereka pergi ke Kelang. Dari Kelang rombongan ini menaiki keretapi ke Kuala Lumpur. Dari Kuala Lumpur, menunggang kuda pula melalui jalan denai selama tiga hari sampai ke Kuala Kubu dan pergi ke Tanjung Malim. Dari Tanjung Malim rombongan itu telah berjalan kaki menuju ke Hulu Slim. Mereka telah berhenti berkhemah di tepi Sungai Slim selama seminggu, iaitu dari 26 hari bulan Januari hingga 2 hari bulan Februari 1887 kerana menantikan tiga ekor gajah yang didatang-

<sup>1</sup> THIO—m.s. 62-63; PAHANG—m.s. 108.

<sup>2</sup> THIO—m.s. 63.



kan dari Perak, dan beberapa orang Melayu dari lembahan Sungai Lipis (Hulu Pahang) yang akan membantu rombongan itu. Dari Hulu Slim mereka berjalan lagi dan singgah bermalam di tempat yang bernama Sangka Dua di tepi Sungai Kenor di sebelah timur banjaran gunung yang memisahkan negeri Perak dan Selangor dengan negeri Pahang. Dari situ rombongan itu pergi ke tempat yang bernama Permatang Linggi.

Dari Permatang Linggi, rombongan Clifford dan Wan Mansur itu menaiki rakit kecil yang dibuat daripada buluh menghilir Sungai Lipis dan seminggu lamanya berakit mereka pun sampai di Penjum di tepi Sungai Lipis dalam daerah Lipis, tempat kediaman Orang Kaya Setia Wangsa (seorang daripada Orang Besar Berlan Pahang).

Semasa Clifford sampai di Penjum didapatinya, di Hulu Pahang telah ada beberapa buah syarikat orang Eropah yang membuka lombong di situ (lombong emas dan bijih timah) iaitu dalam kawasan tanah yang telah dipajak daripada Sultan Pahang. Di Penjum, Clifford mendapati ada sebuah syarikat orang Eropah yang telah melombong di situ. Ada tanah kawasan melombong di Penjum itu telah dipajakkan oleh Sultan Ahmad kepada George Scaife, Haji Arshad dan Muhammad Tahir (orang Melayu Singapura) sejak bulan April 1885 lagi. Sebuah kawasan yang luas di Jelai telah dipajakkan oleh Sultan Ahmad kepada William Cameron. Tok Sentul Orang Kaya Lipis telah mengadu kepada Clifford mengatakan lombongnya telah diambil oleh sebuah syarikat orang Eropah.

Sewaktu di Penjum juga Clifford telah diberitahu seorang Kapitan Cina di Lipis dengan beberapa orang tauke Cina telah mengeluarkan wang sebanyak \$30,000/- untuk membuka lombong di situ. Tetapi sejak syarikat orang-orang Eropah datang membuka lombong di tempat itu, beratus-ratus pekerja lombong yang terdiri daripada orang Cina dan Melayu telah kehilangan kerja. Apabila Orang Kaya Lipis membantah kepada syarikat orang Eropah itu, seorang pegawai bangsa Eropah dalam syarikat itu telah mengeluarkan pistolnya dan mengancam hendak menembak Orang Kaya itu.

Sebelum Clifford sampai ke Penjum, sekumpulan pekerja Cina yang telah kehilangan kerja, telah bersiap hendak me-

nyerang bangunan syarikat orang Eropah yang ada di Penjum. Tetapi serangan itu telah dibatalkan kerana telah dilarang oleh Orang Kaya Lipis. Tiada lama setelah Clifford sampai di Penjum, dan setelah pengurus syarikat orang Eropah di Penjum itu berunding dengan Clifford, pekerja Cina itu telah diambil bekerja semula di lombong orang Eropah itu.

Clifford dan rombongannya telah berada di Penjum selama dua puluh dua hari, iaitu dari 11 hari bulan Februari sampai 5 hari bulan Mac 1887.<sup>1</sup>

Semasa Engku Muda Mansur dan Hugh Clifford berada di Penjum, Sultan Ahmad di Pekan telah mengutus surat kepada Maharaja Perba Jelai (Wan Muhammad) yang tinggal di Tanjung Betong di tepi Sungai Jelai.

Demikian bunyinya:—

(Cap mohor) Ke Bawah Duli Negeri Pahang.

Salam doa daripada beta Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah, Yang DiPertuan Negeri Pahang, maka dijunjungkan di atas orang tua beta iaitu orang tua beta Maharaja Perba dengan selamatnya pada masa ini di Tanjung Betong adanya. Maka adalah beta menyatakan yang darihal saudara beta Engku Muda itu ada menulis surat kepada beta mengatakan dia hendak balik jalan hulu ini serta ia hendak membetulkan segala peraturan di hulu ini akan tetapi pada fikiran beta hendaklah saudara beta itu hilir ke Pekan berjumpa beta dahulu dan apabila sudah mendapat kebenaran daripada beta baharulah diperbuat apa-apa pekerjaan dan yang beta sangatlah sukanya akan saudara beta itu mengerjakan pekerjaan beta. Maka itulah hajat beta selama-lamanya dan orang tua beta sekalian pun maka hendaklah berserta dan mengerjakan bersama-sama dengan saudara beta itu adanya. Dan jikalau saudara beta itu tiada hilir berjumpa dengan beta dahulu maka tidaklah saudara beta itu betul dengan beta dan orang tua beta pun jikalau ada kenang akan beta lagi janganlah orang tua berserta atau menyukakan segala perbuatan saudara beta yang tiada berbetulan dengan beta itu. Dan lagi janganlah orang tua beta semua mendatangkan satu-satu pergaduhan dahulu di atasnya. Maka hendaklah orang tua beta semua mendatangkan nasihat akan saudara beta itu daripada jalan yang kebajikan. Maka tiada juga dapat diikhtiarkan orang tua beta semua, apa boleh buat, tiadalah salah daripada kita adanya. Dan

<sup>1</sup> KAMPUNG—m.s. 19-21; THIO—m.s. 63.

lagi beta harap di atas orang tua beta semua menjagakan pada tiap perkara yang mendatangkan kecelakaan dan kerugian di atas beta demikianlah beta dengan orang tua beta semuanya adanya. Kepada 30 hari bulan Jamadil Awal 1304.<sup>1</sup>

Setelah menerima surat daripada Sultan Ahmad itu, Maharaja Perba Jelai dengan diiringi oleh pengikutnya seramai seratus orang yang lengkap bersenjata senapang, keris dan lembing datang berjumpa Hugh Clifford dan Engku Muda Mansur di Penjum. Maharaja Perba telah menasihatkan Engku Muda Mansur supaya segera menghilir ke Pekan berjumpa kakandanya Sultan Ahmad seperti yang telah dinyatakan dalam surat baginda itu. Pada masa itu juga Clifford mendapat tahu iaitu sejak orang Eropah datang melombong di Hulu Pahang, Maharaja Perba telah merasa kluatir kekacauan akan meletus di Hulu Pahang, dan Maharaja Perba tidak berkuasa mencegahnya, kerana orang Eropah yang ada di Hulu Pahang tidak langsung mengendahkan kuasa beliau sebagai orang besar di Hulu Pahang, dan Sultan Pahang yang boleh mempengaruhi orang Eropah itu, jauh pula di Pekan.

Clifford dan rombongannya telah bertolak meninggalkan Penjum dengan sebuah rakit besar lengkap dengan rumah rehat di atasnya, menghilir lagi di Sungai Lipis, sampai ke Kuala Lipis dan masuk ke Sungai Jelai, menghilir lagi, sampai ke Kuala Tembeling di persimpangan Sungai Jelai dengan Sungai Tembeling dan menghilir Sungai Pahang pula. Di sebelah kanan mudik dekat Kuala Tembeling itu Clifford dapat melihat tempat yang terkenal dengan nama Pasir Tambang itu. Rombongan Clifford terus menghilir di Sungai Pahang hingga sampai ke Pulau Tawar.<sup>2</sup>

Di Pulau Tawar, Clifford telah berjumpa Tok Gajah dan disambut dengan baik. Masa itu Tok Gajah adalah seorang daripada orang besar yang berkuasa di negeri Pahang. Beliau dikasihi dan disegani oleh Sultan Ahmad kerana kegagahannya dan telah banyak berjasa kepada baginda semasa perang dahulu. Mengikut *Sejarah Pahang* karangan W. Linehan mengata-

<sup>1</sup> Bersamaan dengan 25 hari bulan Februari 1887. Lihat PAHANG—m.s. 220-221.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 110; KAMPUNG—m.s. 22.

kan: Tok Gajah telah mengatakan kepada Clifford bahawa beliau suka orang Eropah datang ke negeri Pahang. Dan orang Eropah yang menjadi pengurus syarikat di Penjum itu juga telah memuji Tok Gajah kerana pertolongan yang telah diberikan kepada syarikat itu.

Dari Pulau Tawar Clifford menghilir lagi menuju ke Pekan. Tiada berapa jauh sebelum angkatan Clifford akan sampai ke Pekan, Engku Muda Mansur kelihatan ketakutan kalau ia mati kena racun di Pekan. Sultan Ahmad memang tidak suka kepada Engku Muda Mansur, kerana baginda bermaksud supaya putera baginda yang bernama Tengku Mahmud itu menggantikan baginda menjadi Sultan walaupun baginda telah mengakui Engku Muda Mansur pengganti baginda.<sup>1</sup>

Hugh Clifford dan rombongannya telah sampai ke Pekan pada 17 hari bulan Mac 1887 iaitu setelah dua bulan setengah sejak meninggalkan Singapura. Esoknya, pada 18 hari bulan Mac 1887 Hugh Clifford telah datang berjumpa Sultan Ahmad dan menyerahkan surat daripada Gabenor Weld kepada baginda.

Apabila Clifford mendapat peluang berjumpa Sultan Ahmad, Clifford bersetuju mencadangkan supaya baginda bersetuju membuat perjanjian dengan kerajaan British sama seperti perjanjian yang telah dibuat dengan kerajaan Johor. Clifford telah menerangkan kepada Sultan Ahmad sebabnya kerajaan British mengajak Pahang membuat perjanjian itu ialah kerana tiada lama lagi mungkin bertambah ramai orang Eropah masuk ke Pahang dan sudah sampailah masanya untuk Pahang membuat undang-undang yang berperaturan bagi menjaga perselisihan dan perbalahan yang tentu akan berlaku di antara orang Pahang dengan orang luar yang baharu datang ke Pahang, keadaan yang tidak aman di Pahang serta kesukaran kerajaan British di Negeri Selat hendak menolong kerajaan Pahang apabila diserang oleh musuh dari luar jika tiada dibuat perjanjian, semuanya itu telah disebutkan oleh Clifford kepada Sultan Ahmad.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 110-111; KAMPUNG—m.s. 22.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 111; THIO—m.s. 63.

Semasa mula-mula Clifford memujuk Sultan Ahmad untuk membuat perjanjian itu, baginda telah mengatakan perkara itu mestilah dibincangkan dahulu dengan orang-orang besar baginda dan menerima nasihat daripada orang besar baginda iaitu Tok Gajah, Tuan Hitam dan Orang Kaya Bakti. Tuan Hitam ialah seorang pegawai dari kerajaan Johor yang dihantar ke Pahang dan dijadikan setiausaha kepada Sultan Ahmad.<sup>1</sup>

Clifford terus cuba memujuk Sultan Ahmad supaya membuat perjanjian dengan British dengan memberikan berbagai keterangan. Tetapi apa yang dikatakan oleh Clifford itu tidak juga diendahkan oleh Sultan Ahmad, bahkan ada kalanya Sultan Ahmad telah menyuruh Clifford segera balik ke Singapura. Pernah Clifford menunggu di balai tempat menanti hendak berjumpa Sultan Ahmad seperti yang telah dijanjikan, tetapi Sultan Ahmad tidak juga datang menemuinya walaupun Clifford telah menanti di situ selama empat puluh lapan jam. Apabila beliau hendak berjumpa baginda atau Tuan Hitam, mereka mendiamkan diri sahaja dalam bilik dan selalu juga Clifford disuruh pergi dari situ oleh orang istana. Sehingga 29 hari bulan Mac 1887 iaitu setelah sebelas hari Clifford berada di Pekan, ia masih merasa tidak akan dapat memujuk Sultan Ahmad supaya membuat perjanjian itu.<sup>2</sup>

Pada mulanya, Clifford hampir gagal untuk memujuk Sultan Ahmad untuk membuat perjanjian dengan British. Pada awal bulan April 1887 Datuk Menteri Johor serta Sayid Muhammad bin Ahmad Alsagoff dan Mr. Glass dari Syarikat Guthrie telah datang ke Pekan. Apakah tujuan Sultan Abu Bakar Johor menghantarkan Menteri Johor dan sahabatnya itu ke Pekan tidaklah diketahui dengan pasti. Tetapi sejak kedatangan mereka, keadaan Sultan Ahmad yang sentiasa berkeras tiada mahu membuat perjanjian dengan British itu telah berubah.

Lebih kurang sembilan hari sejak kedatangan wakil Sultan Johor itu, pada 10 hari bulan April 1887, sedang Clifford

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 111; THIO - m.s. 58.

<sup>2</sup>THIO - m.s. 63-64. PAHANG - m.s. 111; KAMPUNG - M.S. 24-26.

menanti begitu lama di balai tempat menanti kedatangan baginda, dengan tidak disangka, pada waktu tengah malam, Sultan Ahmad keluar dari bilik baginda dan memberikan sepucuk surat kepada Hugh Clifford yang dialamatkan kepada Gabenor di Singapura. Surat itu menyatakan, baginda berse-tuju untuk membuat perjanjian dengan kerajaan British. Clif-ford begitu gembira tatkala menerima surat daripada Sultan Ahmad itu. Malam itu juga, pukul 3.00 pagi, dengan bergo-poh-gapah, Clifford meninggalkan Pekan, berperahu pergi ke Kuala Pahang naik ke kapal Pulau, kapal Sultan Johor yang telah sedia menanti di Kuala Pahang, dan belayar ke Singapura. Clifford sampai di Singapura pada pukul 3.15 pagi, 12 hari bulan April 1887, dan pagi itu juga lebih kurang pukul 4.00 pagi, surat dari Sultan Ahmad itu disampaikan oleh Hugh Clifford kepada Gabenor Sir Frederick Weld di Rumah Kerajaan Singapura.<sup>1</sup>

Kejayaan Hugh Clifford mendapatkan persetujuan Sultan Ahmad untuk membuat perjanjian dengan British itu ialah kerana pertolongan Datuk Menteri Johor dan Sayid Muham-mad bin Ahmad Alsagoff yang telah datang ke Pekan dan nampaknya mereka telah menjalankan perintah dari Sultan Abu Bakar Johor.

Perubahan sikap Sultan Johor yang telah menyetujui Pahang membuat perjanjian dengan British, pada pendapat Gabenor Weld ialah kerana Sultan Johor telah nampak keka-cauan akan berlaku di Pahang antara orang Eropah yang mempunyai syarikat lombong di negeri itu dengan orang Me-layu Pahang, dan baginda sendiri pun telah menanam modal dalam pemajakan tanah di Pahang. Oleh sebab itu baginda telah merasa lebih baiklah British campur tangan dalam negeri Pahang.

Pejabat Tanah Jajahan British di London pula berpendapat perubahan sikap Sultan Johor suka bersahabat dengan keraja-an British, disebabkan baginda dalam kepucikan wang. Pada masa itu hutang baginda di London berjumlah £140,000 se-hingga penasihat undang-undang baginda telah cuba memujuk

<sup>1</sup>THIO - m.s. 63-64; PAHANG - m.s. 111; KAMPUNG - m.s. 24-26.

Pejabat Tanah Jajahan British di London memerintahkan supaya kerajaan Negeri Selat mengambil tanggungjawab dalam pemungutan cukai candu di negeri Johor dan apabila pemungutan cukai candu kerajaan Johor itu dipegang oleh kerajaan Negeri Selat, Sultan Johor berharap dapatlah aturan itu dijadikan suatu jaminan hendak meminjam wang di pasar perniagaan di London.

Sebab lain yang membawa kejayaan Clifford itu ialah kerana saudagar yang telah memajak tanah di Pahang. Mereka itu kebanyakannya kaya dan berpengaruh pula di Pahang. Setelah mereka dapat memajak tanah di Pahang dan membangunkan syarikat perlombongan, mereka menghadapi banyak masalah dalam menjalankan kerja, umpamanya masalah pekerja, perhubungan, pengangkutan, pemasaran dan sebagainya. Pada masa itulah mereka telah nampak faedahnya jika dapat perlindungan daripada kerajaan British, dan oleh sebab itu juga mereka mengubah sikap tidak lagi mahu menentang dasar Gabenor Weld yang hendak dimasukkan ke Pahang. William Fraser, seorang daripada pemegang tanah pajak yang luas di Pahang, dengan berterus terang telah mengakui dahulu, dia dengan beberapa orang kawannya memang menentang dasar Gabenor Weld tetapi sekarang dengan bersusah payah mereka telah memujuk Sultan Ahmad supaya menerima seorang wakil British (British Agent) di Pahang dengan mempunyai kuasa seperti kuasa pegawai konsul.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> THIO—m.s. 64-65.

## *Kerajaan British Meletakkan Wakilnya di Pahang*

1887. (Apabila mendapat tahu bahawa kerajaan British akan membuat perjanjian dengan Pahang yakni British hendak masuk campur dalam urusan pemerintahan Pahang, dengan tiada berlengah-lengah lagi saudagar di Singapura berikhtiar untuk mendapatkan tanah pajak atau lesen kebenaran mengeluarkan hasil dari Pahang. Kebanyakan dari saudagar itu dimodali oleh saudagar bangsa Eropah dan Cina di Singapura.)

Pada awal bulan April 1887 itu juga, kerajaan Pahang telah membenarkan Sayid Muhammad bin Ahmad Alsagoff mendapatkan tanah pajak yang luas di kawasan yang bernama Cheka, Tanum, dan Kechau di Hulu Pahang. Di Cheka, beliau berkongsi dengan Ungku Abdul Majid Johor. Seorang saudagar British bernama F.G. Davidson dapat pula memajak tanah di hulu Sungai Tanum. Pada bulan Mac yang baharu lalu (1887) seorang tauke Cina di Singapura bernama Seah Song Seah telah diberi lesen mengusahakan satu kawasan yang luas bernama Teras (dekat Bukit Fraser sekarang).

(Setelah Gabenor Weld di Singapura menerima surat Sultan Ahmad yang dibawa oleh Hugh Clifford yang menyatakan bawinda bersetuju membuat perjanjian dengan kerajaan British itu, Gabenor Weld telah memerintahkan Hugh Clifford pergi ke Pahang menyelesaikan perkara yang berhubung dengan urusan membuat surat perjanjian itu. Pada masa itu Gabenor Weld sendiri belum dapat pergi ke Pahang kerana ada urusan lain di Kalimantan.<sup>1</sup>)

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 112; KAMPUNG—m.s. 32.



Pada akhir bulan April 1887 itu juga, Hugh Clifford telah bertolak dari Singapura dengan kapal *Sea Belle* menuju ke Pahang. Turut sama ialah Raja Haji Mahmud Selangor, seorang Melayu Mendahiling bernama Raja Uteh dan seorang pemuda yang baharu berumur lebih kurang enam belas tahun berasal dari Kampung Semat di Kuala Kangsar, Perak, bernama Alang Ahmad menjadi jurutulis Melayu kepada Clifford, serta orang Melayu dari bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu seramai tiga puluh orang. Apabila Clifford sampai di Pahang (Pekan) ia telah disambut oleh Sultan Ahmad dan diperkenalkan dengan isteri baginda Tengku Ampuan Pahang dan puteri baginda Tengku Long dan orang-orang besar Pahang yang ada bersama baginda. Clifford telah diberi tempat tinggal di sebuah rumah besar di tengah bandar Pekan.<sup>1</sup>

(Apabila Clifford mendapat tahu beberapa orang saudagar hendak mendapatkan tanah pajak dan lesen kebenaran membuka kawasan tanah dan bermacam lagi di Pahang, Clifford pun menasihatkan Sultan Ahmad supaya jangan meluluskan pemajakan tanah yang luas kepada Tan Hai Seng (seorang saudagar Cina di Singapura) yang hendak mengeluarkan kayu balak dari hutan di Pahang. Tetapi nasihat Clifford itu tidak berkesan kerana Tan Hai Seng lebih berpengaruh daripada tentangan Clifford.)

Pada suatu hari yang lain pula, Clifford telah dapat memujuk Sultan Ahmad untuk mengurangkan keluasan pajak yang akan diberikan kepada Seah Song Seah yang mendapat sokongan Sultan Johor. Oleh kerana tidak puas hati dengan tindakan Clifford itu, pihak Seah Song Seah dan Tan Hai Seng telah membuat diayah menyiarkan khabar angin mengenai rancangan Gabenor Weld yang hendak dimasukkan ke Pahang. Rencana yang menentang Gabenor Weld telah tersiar dalam sebuah suratkhbar di Singapura, kerana beberapa orang saudagar Eropah di Singapura yang juga ada kepentingan di Pahang serta ada pula yang berhubung dengan gedung percetakan suratkhbar di Singapura, telah merasa sakit hati

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 112; KAMPUNG - m.s. 32.

mendengar percubaan Clifford yang menyuruh Sultan Pahang mengurangkan jumlah keluasan kawasan pajak yang telah baginda berikan. Pada masa itu orang yang tidak puas hati jelas mula menjalankan kempen untuk menghalang langkah kerajaan British yang hendak menguasai negeri Pahang itu. Saudagar yang telah dapat memajak tanah telah memberitahu Sultan Ahmad bahawa campur tangan Clifford mengenai pajakan tanah, hanya baharu merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk merampas hak baginda sebagai raja pemerintah yang berdaulat di Pahang.<sup>1</sup>

Pada satu malam dalam bulan Mei 1887, Sultan Ahmad telah meraikan Hugh Clifford wakil Gabenor Weld itu dalam suatu jamuan diraja yang diadakan oleh baginda. Dalam majlis jamuan itu turut hadir ialah orang besar Johor iaitu Datuk Menteri Besar Johor, Datuk Seri Amar Diraja, Datuk Yahya, Ungku Haji Muhammad dan Ungku Abdullah. Majlis itu bersurai pada pukul satu malam. Sultan Ahmad serta orang besar Johor itu telah pergi ke rumah Hugh Clifford, di situ mereka telah berbincang hingga pagi kemudian balik ke tempat masing-masing dan Sultan Ahmad berangkat pulang ke istana pukul 8.30 pagi.

Dalam bulan Jun tahun itu juga (1887), walaupun telah dibantah oleh Hugh Clifford, Sultan Ahmad telah meluluskan juga permohonan Tai Hai Seng mendapatkan satu pajakan tanah di Tersang dengan membayar wang kepada baginda sebanyak sepuluh ribu ringgit dan sebahagian kecil daripada wang itu telah baginda berikan kepada Bendahara, Engku Muda Mansur dan Temenggung Seri Maharaja Pahang supaya Orang Kaya Lipis tidak menuduh baginda seorang sahaja yang memajakkan tanah itu.<sup>2</sup>

Di pertengahan bulan Jun 1887 itu juga, Sultan Abu Bakar Johor telah mengirinkan salinan dalam bahasa Melayu surat perjanjian yang telah dibuat antara Johor dengan British. Dipercai tentu Sultan Ahmad dan orang besar baginda telah

<sup>1</sup> THIO—m.s. 65.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 112-113.

mengkaji syarat yang tersebut dalam perjanjian itu. Tetapi Hugh Clifford telah mengesyaki Sultan Johor telah menasihatkan Sultan Ahmad supaya jangan menerima beberapa syarat yang kelak akan diadakan dalam perjanjian antara Pahang dengan British.<sup>1</sup>

Tiada lama selepas itu Sultan Ahmad telah memanggil Maharaja Perba Jelai di Hulu Pahang datang ke Pekan, kerana baginda hendak bermesyuarat dengan orang besar baginda menjelang Gabenor di Singapura datang ke Pahang yang dijangkakan tiada lama lagi akan tiba berhubung dengan urusan hendak membuat surat perjanjian itu. Maharaja Perba Jelai telah datang ke Pekan mengadap Sultan Ahmad.<sup>2</sup>

Pada awal bulan Julai 1887 Gabenor Frederick Weld telah sampai di Pekan dengan membawa rang perjanjian antara Pahang dengan British yang akan ditandatangani oleh Sultan Ahmad.

Dengan perundingan yang telah diadakan di antara Gabenor Weld dengan Sultan Ahmad dan orang besar baginda mengenai perjanjian yang akan ditandatangani itu, baginda yang disokong oleh orang besar baginda, telah meminta supaya dimasukkan beberapa syarat seperti yang baginda kehendaki iaitu baginda hendaklah diberi hak boleh melantik dan memecat wakil British yang akan diadakan di Pahang, dan wakil British itu tidak dibenarkan dan menerima pengaduan daripada anak negeri, dan ia juga tidak boleh mengganggu perkara yang berhubung dengan pajakan tanah di Pahang. Sultan Ahmad juga telah meminta kerajaan British memberi pengakuan bahawa putera bagindalah yang akan menggantikan baginda memerintah Pahang.

Gabenor Weld tidak bersetuju memasukkan syarat tersebut, sebaliknya Gabenor telah mengemukakan pula beberapa cadangan yang bertujuan menambahkan lagi kuasa wakil British yang akan dilantik itu. Keputusan rundingan itu, Sultan Ahmad tidak juga mahu menandatangani perjanjian kerana

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 113.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 115.

syarat yang telah dibentangkan itu tidak dipersetujui oleh baginda, perundingan itu telah menemui jalan buntu.<sup>1</sup>

Oleh sebab Gabenor Weld tak dapat berbuat apa-apa lagi, ia pun kembali ke Singapura. Clifford turut sama ke Singapura tetapi tiada lama kemudian ia datang semula ke Pahang setelah diperintahkan oleh Gabenor supaya terus memujuk Sultan Ahmad agar menerima pindaan dalam perjanjian yang akan dibuat itu dan memberikan kuasa yang lebih kepada kerajaan British menguasai Pahang.<sup>2</sup>

Hugh Clifford telah kembali ke Pahang untuk meneruskan perhubungannya dengan Sultan Ahmad tetapi beliau tidak dapat membuat sebarang kemajuan dalam perhubungan itu, di peringkat awal. Apabila Clifford bertanya kepada baginda fasal hendak membuat perjanjian itu, baginda menegaskan baginda memang mahu menandatangani perjanjian itu, tetapi tidaklah dapat melakukannya kerana didesak oleh orang-orang besar baginda supaya baginda jangan berbuat perjanjian itu, baginda tidak berkuasa dalam perkara itu. Apabila Clifford bertanya pula kepada orang besar Pahang fasal hendak membuat perjanjian itu, orang besar itu pula mengatakan Sultanlah yang berkuasa memutuskan hal itu, mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Begitulah Clifford telah diperdalihkan oleh mereka itu.

Pendeknya pada masa itu, hati Sultan Pahang telah berbelah bahagi untuk membuat perjanjian itu. Dahulu baginda bersetuju dan meminta pula membuat perjanjian kerana mengharapkan pertolongan British terutama dalam hal peperangan, dan juga British mengakui baginda sebagai Sultan Pahang. Sekarang baginda tidak suka kerana baginda tidak bersetuju British masuk campur memerintah Pahang, tambahan pula pada masa itu orang-orang besar baginda juga bukan semuanya bersetuju membuat perjanjian dengan British.

Mengikut *Sejarah Pahang* karangan W. Linehan, mengata-  
kan: pada masa itu nampaknya orang-orang besar Pahang

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 113-115; THIO—m.s. 65-66.

<sup>2</sup> THIO—m.s. 66.

tidak lagi bersatu dan sepakat disebabkan oleh kuasa pemajakan dalam negeri Pahang itu telah diberikan kepada orang luar.

Pada 19 hari bulan Ogos 1887, Maharaja Perba Jelai (Tok Raja) setelah memberitahu Clifford, telah membuat pengaduan kepada Sultan Pahang membantah fasal pemajakan tanah di Hulu Pahang kepada saudagar Eropah, kerana Tok Raja telah mengetahui sebenarnya sungai yang dalam pegangan Tok Raja itu juga telah masuk ke dalam pemajakan yang telah diluluskan oleh Sultan Pahang. Sepuluh hari kemudian, Wan Koteh adik Tok Raja pula telah memberitahu Clifford mengatakan Sultan Pahang telah melarang orang besar baginda menemui Clifford dan Wan Koteh mengatakan juga ia akan menghantar aduan kepada baginda berkenaan tanah kepunyaannya di wilayah Tanum yang telah diberikan kepada Sayid Muhammad Alsagoff.

Saudagar Eropah yang bernama Walter Knaggs dan kawan-kawannya telah berjanji akan memberikan wang sebanyak dua ribu ringgit kepada Tok Raja kerana pemajakan tanah lombong di Kuala Selinsing, dan saudagar itu juga telah berjanji sebuah jentera pemecah batu telirang (batu yang mengandungi emas) yang dibawa masuk oleh syarikatnya ke tempat itu, Tok Raja akan diberi wang sebanyak lima ribu ringgit. Jentera itu boleh memecahkan sebanyak tiga ratus pikul batu telirang dalam masa 24 jam. Apabila perkara itu telah diketahui oleh Tuan Hitam dan Haji Muhammad Nur, mereka meminta supaya Walter Knaggs memberikan wang sebagai bayaran itu kepada Sultan Pahang, bukan kepada Tok Raja. Setelah itu, Walter Knaggs telah menerima sepucuk surat kebenaran dalam Bahasa Melayu yang membolehkan penggunaan jentera tersebut dengan syarat syarikat itu membayar wang sebanyak sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap buah jentera yang digunakan. Oleh sebab terlalu marah kerana dipermain-mainkan oleh orang-orang besar Pahang itu, Syarikat Walter Knaggs telah membawa perkara tersebut kepada Sultan Pahang.

Tok Gajah juga ada menyimpan rasa tidak puas hatinya. Beliau telah membeli banyak tembakau, hampir lapan puluh

pikul, bertujuan untuk diperniagakan, dan beliau telah memohon dari Sultan Pahang supaya ladang tembakau di Pahang dibinasakan. Tetapi sebaliknya Sultan Pahang telah merampas tembakau Tok Gajah itu dan telah membenarkan orang lain membuka ladang tembakau di Pahang.<sup>1</sup>

Clifford terus juga berikhtiar memujuk Sultan serta orang-orang besar Pahang supaya membuat perjanjian seperti yang telah dikatakan oleh Sultan Ahmad dalam bulan April 1887 itu, jika janji itu tidak ditepati oleh baginda, menurut Clifford, tidak syak lagi tentulah kerajaan British akan berkecil hati kepada kerajaan Pahang. Walaupun demikian kebuntuan itu tidak juga dapat diselesaikan. Clifford kembali ke Singapura.<sup>2</sup>

Dengan tidak disangka, pada masa itu Sultan Abu Bakar Johor telah berjumpa Gabenor Weld di Singapura dan menyatakan baginda hendak mencampuri hal saudaranya keluarga diraja Pahang dengan kerajaan British yang telah menemui jalan buntu itu. Kemudian Sultan Abu Bakar telah menulis surat rasmi kepada Gabenor di Singapura menyatakan rasa dukacitanya akan hal yang telah berlaku di Pahang, dan baginda meminta supaya bapa saudara baginda Bendahara (Sultan) Pahang itu dibenarkan meminta maaf dan diberi peluang sekali lagi untuk menandatangani perjanjian dengan British sebagaimana perjanjian Johor dengan British.

Pada bulan Ogos 1887 itu juga, Sultan Ahmad telah menghantar orang besarnya Tok Gajah, Imam Perang Indera Mahkota (Enche' Gendut) dan Haji Muhammad Nur pergi menemui Weld di Singapura yang membawa surat baginda meminta maaf kepada Gabenor di atas kesalahan dan kebodohan baginda dahulu.

Pada bulan Oktober 1887, Hugh Clifford bersama dengan Datuk Menteri Besar Johor telah bertolak dari Singapura menuju Pahang, dan sampai di Pahang pada 6 hari bulan Oktober 1887. Sultan Ahmad serta orang-orang besar baginda telah bermesyuarat dan mereka telah bersetuju menerima per-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 113-115.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 115.

janjian yang akan dibuat dengan British itu.

Akhirnya, pada 8 hari bulan Oktober 1887 (bersamaan dengan 20 hari bulan Muharam Tahun Hijrah 1305), Sultan Ahmad bagi pihak kerajaan Pahang telah menandatangani surat perjanjian dengan kerajaan British. Sebagai menghormati peristiwa menandatangani surat perjanjian itu, bendera British telah dikibarkan di Pekan dan diikuti dengan tembakan meriam 21 das. Esoknya, pada 9 hari bulan Oktober 1887, surat perjanjian yang telah ditandatangani oleh Sultan Ahmad itu dibawa ke Singapura untuk ditandatangani oleh Gabenor Sir Frederick Weld bagi pihak kerajaan British.

Sejak itu (tahun 1887) baharulah kerajaan British mengakui gelaran Sultan yang telah dipakai oleh Sultan Ahmad sejak dari tahun 1882 dahulu. Dan Gabenor Weld telah melantik Hugh Clifford menjadi wakil British di Pahang.<sup>1</sup>

Tujuan syarat yang terkandung dalam surat perjanjian itu ialah seperti yang diringkaskan di bawah ini:—

- (1) Kedua buah kerajaan berikrar akan bekerjasama menjaga keamanan penduduk dan negeri yang berjiran dan menentang serangan musuh dari luar, dan saling bertukar orang salah.
- (2) Pahang akan menyempurnakan permintaan Negeri Selat untuk berikhtiar memudahkan perniagaan antara kedua buah negeri, dan membuat jalan perhubungan di darat negeri Pahang yang menghubungkan negeri Johor dan lain negeri yang berjiran.
- (3) Kerajaan Negeri Selat akan mengadakan seorang wakil British di Pahang, dan pihak Pahang akan mengadakan tempat kediaman untuk pegawai British itu.
- (4) Mata wang kerajaan Negeri Selat boleh digunakan dalam negeri Pahang dengan nilai harganya yang sama seperti yang digunakan dalam negeri-negeri Melayu naungan British yang lain, dan mata wang itu akan diberi sebanyak yang sebenarnya dikehendaki oleh penduduk negeri

<sup>1</sup> THIO—m.s. 66-67; PAHANG—m.s. 115.

- Pahang bagi kegunaan yang tidak menyalahi undang-undang.
- (5) Gabenor Negeri Selat akan menggunakan kuasanya mengambil langkah yang wajib bagi menjaga kerajaan dan negeri Pahang daripada serangan musuh dari luar dan untuk menjalankan langkah itu, pegawai kerajaan British dibebaskan menggunakan perairan negeri Pahang sejauh tiga batu dari pantai.
  - (6) Jika tidak dengan setahu atau dengan kebenaran kerajaan British, Raja Pahang tidak boleh membuat perjanjian bertulis atau masuk dalam sebarang perjanjian dengan kerajaan asing, atau masuk campur dalam urusan pentadbiran atau politik negeri Melayu yang lain atau mengeluarkan sebarang surat kebenaran atau kuasa pemajakan kepada orang lain daripada rakyat British, syarikat British, atau orang Cina, Melayu atau bangsa-bangsa timur yang lain. Raja Pahang tidak akan menulis sebarang surat politik dengan kerajaan asing, sekiranya hendak dijalankan juga, hendaklah dijalankan oleh kerajaan British, yang akan memimpin dan menguasai dasar perhubungan luar kerajaan Pahang.
  - (7) Raja Pahang telah memberitahu Gabenor Negeri Selat iaitu dengan kehendak orang besar dan rakyat Pahang, sepatutnya baginda memakai gelaran Sultan, dan telah disetujui oleh kerajaan British iaitu baginda dan warisnya serta penggantinya yang sah menggantikan kerajaan mengikut adat istiadat Melayu, hendaklah diakui dan dipanggil Sultan Pahang.<sup>1</sup>

Tiada lama setelah dibuat perjanjian itu, dan setelah melantik Hugh Clifford sebagai wakil British di Pahang, Gabenor Sir Frederick Weld telah berhenti memegang jawatan Gabenor Negeri Selat dan digantikan oleh Sir Cecil Clementi Smith.

---

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 115-117.



1.  $\frac{1}{x^2} = x^{-2}$   
 $\frac{d}{dx} x^{-2} = -2x^{-3} = -\frac{2}{x^3}$

2.  $\frac{1}{x^3} = x^{-3}$   
 $\frac{d}{dx} x^{-3} = -3x^{-4} = -\frac{3}{x^4}$

3.  $\frac{1}{x^4} = x^{-4}$   
 $\frac{d}{dx} x^{-4} = -4x^{-5} = -\frac{4}{x^5}$

## *Kerajaan British Meletakkan Residen di Pahang*

1887. Setelah British membuat perjanjian dengan Pahang dan diadakan pula seorang wakil British, saudagar British merasakan telah mendapat galakan hendak membesarkan lagi syarikat perniagaan mereka di negeri itu. Tetapi belumlah lagi mendapat sokongan yang sepenuhnya dari pihak British.<sup>1</sup>

Dalam pada itu, timbul pula pertelingkahan di antara saudagar British yang berkepentingan di Pahang dengan kerajaan Negeri Selat. Saudagar itu berpendapat bahawa kebenaran pemajakan yang telah mereka dapati daripada Sultan Pahang itu sah di sisi undang-undang. Tetapi ada pula di antara kebenaran pemajakan itu, kerajaan Negeri Selat belum lagi mahu mengakuinya. Apabila saudagar British mendapati Gabenor di Singapura tidak mahu memberi keputusan mengenai hal itu, mereka pun menghantar bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan British di London. Pejabat Tanah Jajahan British di London telah memberitahu Gabenor di Singapura mengatakan kerajaan Negeri Selat tidak ada hak mengganggu kebenaran pemajakan yang telah diberikan oleh Sultan Pahang itu, kecuali jika diberikan kepada lain daripada rakyat British, atau syarikat British, atau orang Cina, Melayu atau bangsa-bangsa timur yang lain seperti yang tersebut dalam syarat yang keenam dalam surat perjanjian Pahang dengan British itu. Sejak itu kerapliah Gabenor Negeri Selat, Cecil Clementi Smith, berutus surat dengan Pejabat Tanah Jajahan British di London mengenai hal itu.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>WONG - m.s. 137.

<sup>2</sup>THIO - m.s. 68-70.

Sementara menantikan bagaimanakah keputusannya perkara itu, marilah kita perhatikan peristiwa yang berlaku di Pahang sejak Hugh Clifford dilantik menjadi wakil British di negeri itu.

Dalam bulan November 1887, Hugh Clifford yang telah dilantik sebagai Wakil British di Pahang telah mendirikan tempat kediamannya di sebelah hilir daripada istana Sultan Pahang, kerana baginda tiada mahu Clifford singgah di sebelah hulu daripada istana baginda. Pada tanah tempat kediaman Clifford itulah dahulunya terletak "Kota Biram", dan mungkin dalam kurun masihi yang ke-15 dahulu, di situlah juga terletaknya "Kota Pahang" yang telah dibaiki oleh orang Melaka yang datang membantu Pahang dari serangan Raja Ligor yang tersebut dalam *Sejarah Melayu*<sup>1</sup>

Dalam bulan Disember tahun itu juga (1887) telah berlaku satu pergaduhan menggunakan senjata di antara orang Melayu pengikut Hugh Clifford dengan orang-orang Sultan Pahang, dan seorang bangsa Melayu bernama Abdullah, pengikut Clifford, telah ditikam oleh rakyat Pahang, mujurlah jua Sultan Pahang dan Hugh Clifford telah datang ke tempat itu dan dapat memberhentikan perkelahian itu. Baginda telah memberitahu orang-orangnya yang bergaduh itu akan dihukum dan pengikut Hugh Clifford itu patutlah dihukum membayar denda sebanyak dua puluh ringgit kerana telah bergaduh dalam kawasan istana baginda. Clifford telah mengakui perbuatan orangnya itu yang mana telah melanggar undang-undang Raja Melayu dan telah membayar denda tersebut.

Pada suatu hari dalam bulan Disember itu juga Sultan Ahmad telah menitahkan Tok Gajah dan Orang Kaya Indera Mahkota (Enche' Gendut) pergi berunding dengan Hugh Clifford berkenaan untuk membaiki semula aturan pemerintahan dalam negeri Pahang. Clifford telah mencadangkan supaya mengadakan satu peraturan undang-undang yang berasaskan bentuk undang-undang British atau Johor yang disesuaikan dengan keadaan di Pahang, mengadakan sebuah mahkamah

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 117-118.

bĕsar di Pekan dan memberi kuasa mengikut tarafnya kepada orang besar dan ketua kampung di Pahang supaya mereka menjalankan undang-undang itu dalam daerah dan kampung mereka. Sultan Pahang sukacita mendengarkan cadangan itu dan telah menitahkan Hugh Clifford menyediakan undang-undang yang akan dilaksanakan di negeri Pahang. Pada akhir bulan Disember itu juga rang undang-undang itu telah siap disusun oleh Hugh Clifford.

Pada akhir tahun 1887 juga, Raja Haji Mahmud Selangor ketua pengawal peribadi wakil British itu bercuti balik ke Selangor kerana kematian ayahnya Tengku Panglima Raja (Raja Berkat) di Selangor.

Dalam bulan Disember 1887 itu juga, Sultan Ahmad telah membatalkan (memberhentikan) kebenaran pemajakan sebuah syarikat British di daerah Kuantan yang asalnya telah diberikan oleh almarhum Bendahara Tun Mutahir kepada William Paterson seorang saudagar British di Singapura dalam tahun 1862 dahulu. Dalam tahun 1887 ini, William Fraser bagi pihak syarikat telah diberi peluang supaya menjelaskan wang sebanyak \$30,000/- kepada Sultan Pahang dan telah diberi tempoh untuk membuka kawasan pemajakan itu. Tetapi oleh sebab wang tersebut tidak dijelaskan dan tempohnya juga sudah tamat, kebenaran pemajakan di daerah Kuantan kepada syarikat itu pun dibatalkan oleh Sultan Ahmad. Tetapi perkara itu telah berlarutan sampai ke tahun 1888 dan telah membabitkan Pejabat Tanah Jajahan British di London dan juga Gabenor di Singapura.

Pada akhir tahun 1887 ini, di Hulu Pahang sahaja didapati banyak kawasan tanah di situ yang telah dipajakan oleh Sultan Pahang kepada saudagar British, Australia dan Cina, iaitu di kawasan yang bernama Penjum, Cheka, Selinsing, Liang, Raub, Sempam, Serau, Tanum, Telum, Tersang, Hulu Lipis dan Yong.<sup>1</sup>

1888. Dalam pertengahan bulan Januari 1888, Sultan Ahmad Pahang telah meluluskan rang undang-undang

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 118; WONG—m.s. 133-134.

yang telah disusun oleh Hugh Clifford untuk dilaksanakan dalam negeri Pahang, dan telah ditambah oleh baginda mengenai syarat yang berhubung dengan aturan menyimpan hamba abdi yang lari daripada tuannya. Pada masa itulah juga ada seorang bangsa Arab bernama Sayid Hasan telah cuba hendak mendapatkan kuasa monopoli membawa pekerja lombong ke Pahang dan kuasa menjualkan tanah bagi pihak Sultan Pahang, dan Sayid Hasan telah bersedia untuk membayar wang tunai sebanyak yang dikehendaki jika kuasa itu diberikan kepadanya. Tetapi percubaan Sayid Hasan itu tidak berjaya kerana telah dibangkang oleh wakil British itu.

Pada masa itulah juga Hugh Clifford telah menggesa Sultan Ahmad supaya memberikan kuasa kepada orang besar Pahang iaitu sebelum undang-undang yang telah diiktiraf itu dibahagikan kepada mereka. Sambil itu, untuk memujuk hati Sultan Pahang, Clifford telah mengatakan juga tidak ada apa-apa tindakan yang boleh dijalankan dalam negeri Pahang melainkan dengan kebenaran baginda. Pada suatu hari yang lain pula, Clifford telah mengingatkan baginda supaya jangan memajakkan tanah yang luas dalam negeri Pahang itu kepada orang putih atau Cina untuk membuka lombong, kerana itu boleh membahayakan kemajuan negeri dan mengurangkan hasil pendapatan kerajaan.<sup>1</sup>

Pada 26 hari bulan Januari 1888 itu juga, orang besar Pahang yang bergelar Orang Kaya Bakti (orang India) telah merampas harta pusaka bernilai sepuluh ribu ringgit kepunyaan seorang Cina saudagar pemborong garam di Pahang bernama Su Kim yang telah meninggal dunia, bagi menjelaskan hutang simati kepada Sultan Pahang sebanyak seribu lima ratus ringgit, dan kepada Orang Kaya Bakti itu sendiri sebanyak seribu ringgit.

Keluarga simati telah berjanji akan membayar hutang simati itu, dan Orang Kaya Bakti juga berjanji akan memulangkan semua harta pesaka simati itu apabila hutang itu dijelaskan. Tetapi orang Kaya Bakti tidak menepati janjinya dan saudara mara Su Kim telah mengadu kepada wakil British di Pahang.

<sup>1</sup> PAHANG—m. s. 119.

Hugh Clifford telah membuat bantahan kepada Sultan Ahmad berkenaan dengan perbuatan Orang Kaya Bakti itu. Sultan telah menjawab bantahan Clifford itu mengatakan sepucuk surat wasiat daripada simati (Su Kim) telah dijumpai, dan dalam surat wasiat itu menyatakan hanya baginda sahajalah yang akan menerima warisan harta pusaka simati itu tetapi baginda tidak akan mendapat sebarang faedah daripada harta peninggalan simati itu, kerana hutang simati itu lebih banyak daripada harta yang ditinggalkannya.<sup>1</sup>

Pada suatu malam dalam bulan Februari 1888 seorang Cina yang berkedai di Pekan bernama Chan You Wee, yang dikenali dalam rekod kerajaan British dengan Goh Hui telah ditikam mulutnya di suatu tempat hampir dengan istana Sultan Pahang. Hal ini telah heboh diketahui orang. Oleh sebab Goh Hui seorang rakyat British, maka Hugh Clifford telah meminta Sultan Pahang menawarkan hadiah kepada siapa yang dapat menangkap orang yang bertanggungjawab menikam Goh Hui dan Clifford juga mengatakan jika orang Cina takut datang ke Pahang, negeri itu tidak akan maju. Bendahara Pahang iaitu Hakim Besar dalam negeri Pahang mengatakan pula perbuatan itu adalah perbuatan hantu syaitan. Clifford tidak mahu percaya kepada keterangan Bendahara itu dan mengatakan pula tiada siapa yang pernah melihat hantu syaitan, tetapi ramai orang yang telah melihat tikaman keris.

Dalam pada itu ada khabar angin yang mengatakan orang yang menikam Goh Hui itu ialah seorang ketua hulubalang pengawal Sultan Pahang yang bernama Tuan Muda, iaitu dengan titah Sultan Pahang kerana baginda telah jatuh berahi kepada isteri Goh Hui yang bernama Ah Chu. Nampaknya keris yang telah digunakan untuk menikam Goh Hui itu ialah keris Melela, dan di negeri Pahang keris jenis itu dipakai oleh orang Melayu di Pekan sahaja.

Bagi memenuhi permintaan Clifford supaya baginda menawarkan hadiah hendak menangkap orang yang menikam Goh Hui itu, Sultan Pahang telah mengeluarkan surat titah mena-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 119.

warkan hadiah sebanyak seratus ringgit kepada sesiapa yang dapat membukakan rahsia siapakah yang bertanggungjawab menikam Goh Hui sama ada manusia atau hantu syaitan. Tetapi surat itu tidak ditandatangani atau dicap dengan mohor baginda.

Goh Hui yang ditikam itu telah menyerahkan semua harta kepunyaannya kepada Hugh Clifford supaya disimpan dengan baik, iaitu termasuklah wang tunai sebanyak \$1,300/-, kerana Goh Hui takut menyimpan di rumahnya. Sultan Pahang telah menitahkan orangnya pergi memberitahu Ah Chu isteri Goh Hui, yang baginda tentu tidak menahannya kalau Ah Chu hendak ke Singapura tetapi baginda merasa terhina apabila Ah Chu telah menyerahkan barang kemasnya kepada Clifford, dan baginda juga mengatakan biarlah Pahang menjadi hutan rimba daripada diperintahkan oleh orang Inggeris.<sup>1</sup>

Clifford telah mengutus surat kepada Sultan Pahang menyatakan ia hendak menghantar Goh Hui dan isterinya ke Singapura dan Clifford bertanya juga adakah undang-undang yang telah siap dibuatnya itu akan dijalankan di Pahang. Surat Clifford telah dijawab oleh Sultan Pahang, mengatakan baginda tidak hendak menahan perbuatan Clifford itu, tetapi Ah Chu hendaklah lebih dahulu menjelaskan hutangnya kepada baginda sebanyak \$3,200/-. Berkenaan dengan undang-undang yang telah disediakan oleh Clifford itu, Sultan Ahmad mengatakan baginda akan memerintah negeri Pahang selagi baginda masih hidup.<sup>2</sup>

Tiada lama selepas itu, dalam bulan Mac 1888 Goh Hui telah mati. Clifford telah pergi ke rumah Kapitan Cina di Pekan memberitahu tentang kematian Goh Hui. Clifford mendapati Kapitan Cina itu sedang bermain judi dengan Bendahara dan Engku Muda Mansur.

Pada masa itu Tengku Mahmud putera sulung Sultan Pahang didapati banyak memberikan pertolongan kepada Hugh Clifford dalam menjalankan kerjanya, dan Clifford mengatakan tingkah laku anak raja itu telah bertambah baik.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 120-121.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 121.

Sungguhpun sejak awal bulan Mac 1887 telah diadakan sebuah mahkamah keadilan di Pekan dan telah diadakan juga hakimnya, iaitu Haji Andak dan Haji Abdul Rahman, tetapi keputusan hakim selalunya tidak dipersetujui oleh Bendahara dan Temenggung, dan kadangkala Bendahara sendiri menjadi hakim dalam perbicaraan di mahkamah.<sup>1</sup>

Pada akhir bulan April 1888, Hugh Clifford telah bertolak dari Pekan pergi melawat ke merata tempat di Pahang (kisah lawatannya itu akan disebutkan juga di bawah). Semasa Clifford tiada di Pekan, Sultan Ahmad telah membawa satu pasukan memindahkan Ah Chu ke rumah Kapitan Cina di Pekan dan di situlah Ah Chu ditahan. Apabila berita itu sampai ke Singapura, Gabenor Cecil Clementi Smith telah mengutus surat memaksa kerajaan Pahang melepaskan Ah Chu dari tahanan di rumah Kapitan Cina itu, dan tidak lama lepas itu Ah Chu dihantar ke Singapura.<sup>2</sup>

W.A. Pickering, pegawai yang mengetuai Jabatan Pelindung Orang Cina di Singapura telah menjalankan penyiasatan mengenai Goh Hui itu, dan akhirnya didapati bahawa Goh Hui sebenarnya adalah seorang rakyat British dan Pickering berpendapat kematian Goh Hui di Pahang disebabkan oleh perbuatan jahat. Tetapi dalam *Hikayat Pahang* pula menceritakan Goh Hui itu bukannya rakyat Inggeris dan tiada satu bukti pun yang menunjukkan kematiannya itu disebabkan oleh sesuatu rancangan yang telah diatur.

Pihak berkuasa British di Negeri Selat tentulah berpegang kepada penyiasatan yang telah dibuat oleh Pickering itu, dan berpegang kepada kejadian yang telah berlaku, kerajaan Negeri Selat cuba menuntut supaya taraf wakil British di Pahang yang hanya berkuasa seperti pegawai konsul itu, dinaikkan kepada taraf Residen yang nasihatnya mesti diminta dan dijalankan dalam segala perkara kecuali yang mengenai adat dan agama orang Melayu (Islam).<sup>3</sup>

Dalam bulan April 1888 itu juga, Sultan Ahmad telah

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 121-122.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 124; THIO - m.s. 70.

<sup>3</sup>THIO - m.s. 70; PAHANG - m.s. 124; HIKAYAT (II).



mengutus surat kepada beberapa orang besar baginda yang memberi kuasa kepada mereka menjalankan pemerintahan dan memungut cukai dalam daerah masing-masing. Begini kandungan suratnya:—

(Cap mohor) Sultan Ahmad  
Mu'azzam Shah, Pahang.

Kaulu'l-Hak.

Di dalam Pekan Pahang kepada 11 hari bulan Sha'ban, Sanat 1305.

Bahawa sesungguhnya kita Sultan Ahmad Shah yang memiliki negeri Pahang dengan segala daerah takluknya telah mengurniakan surat keterangan di atas orang tua kita yang tersebut di bawah ini, pertamanya Maharaja Perba Jelai, dan keduanya Orang Kaya Setia Wangsa Lipis, dan ketiganya Imam Perang Indera Gajah Pahang yang kita berwakil mutlak kepadanya.

Fasal yang pertama—kita suruh dan kita benarkan orang tua kita yang tersebut ini akan menjaga dan memeriksa dan menangkap dan melawan barang siapa mereka yang melalui daripada hukum larangan kita di dalam Raub dan tempat lain yang di bawah perintah kita daerah Hulu Pahang iaitu seperti apiun dan tembakau yang datang daripada negeri lain yang melalui jalan hulu. Maka tiada boleh sekali-kali dan dikecualikan bagi mereka yang mendapat surat *concession* sahaja yang kita benarkan itu pun hendak mengikut jalan Kuala Pahang juga demikianlah segala mereka yang membawa keluar jenis barang seperti mas dan timah dan lainnya dari dalam negeri kita pada negeri lain yang belum berbayar daripada cukai biasanya.

Fasal yang kedua—kita menyatakan orang tua kita yang tersebut itu telah mendapat kuasa daripada kita akan menerima segala cukai dan hasil yang keluar di dalam daerah yang tersebut itu iaitu menurut bagaimana adat negeri bayarannya.

Fasal yang ketiga—segala cukai dan hasil yang diperolehi di dalam daerah yang tersebut itu hendaklah di dalam enam bulan atau satu tahun sekali dihantarkan hilir serta dengan kiranya.

Fasal yang keempat—kita menyatakan tiap perkara yang sudah jadi maka hendaklah ditaruhkan di dalam *book* dan apabila sampai tiga bulan atau enam bulan sekali menghantarkan report perkara itu hilir ke Pekan kepada mahkamah kita. Demikianlah adanya.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 222-223.

Berkenaan dengan kebenaran pemajakan kepada syarikat orang British di daerah Kuantan yang telah dibatalkan oleh Sultan Ahmad dalam bulan Disember 1887 dahulu, tidaklah diketahui oleh pengarah syarikat itu di London apakah sebab yang sebenarnya sehingga pembatalan itu dilakukan oleh baginda kerana wang sebanyak \$30,000/- yang dikehendaki oleh kerajaan Pahang, serta tempoh yang telah diberikan untuk membuka tanah pajak itu, tidak diberitahu oleh William Fraser kepada pengarah syarikat itu. Oleh sebab itu dalam bulan April 1888 N.S. Maskelyne seorang daripada pengarah syarikat itu dan juga seorang ahli Parlimen British, telah mengadu kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London dan telah memberikan penerangan mengenai kedudukan syarikatnya di Kuantan, dan ia telah juga meminta Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British membantu mentadbir syarikatnya di Pahang dan menahan supaya Sultan Pahang jangan membatalkan kebenaran pemajakan syarikatnya, dimintanya juga supaya Setiausaha Tanah Jajahan British itu menggunakan pengaruh kerajaan British dengan memberi cadangan menerusi wakil British yang ada di Pahang dari faedah syarikatnya. Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British percaya syarikat itu adalah sebuah syarikat yang baik dan patut ditolong dan beliau telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura supaya Gabenor mengadakan satu ketetapan yang difikirkannya baik bagi faedah syarikat itu. Akhirnya, pada awal bulan September 1888 itu juga, syarikat itu telah mendapat kebenaran pemajakan yang baharu dan yang lebih baik diberi oleh Sultan Pahang.<sup>1</sup>

Berdasarkan kepada surat dari Pejabat Tanah Jajahan British di London sejak bulan Oktober 1887 yang lalu hingga kepada surat mengenai pemajakan di daerah Kuantan, Gabenor Cecil Clementi Smith mendapati bahawa Pejabat Tanah Jajahan British di London itu memang berkehendakkan beliau menjalankan langkah terhadap negeri Pahang yang boleh mendatangkan faedah kepada saudagar British yang mempunyai pajakan tanah di negeri itu, dan pada pendapat Gabenor pula,

<sup>1</sup> THIO—m.s. 69; WONG—m.s. 134-136.

bagi menjalankan langkah itu terutama hendaklah dijaga keselamatan nyawa dan harta benda saudagar British, dan bagi menjalankan penjagaan itu pula, hendaklah 'dijaga betul' tindakan yang dilakukan oleh Sultan Pahang itu, dan berasaskan kepada maksud Pejabat Tanah Jajahan British di London itu, Gabenor memikirkan pula, samalah pendapatnya dengan pendapat Pejabat Tanah Jajahan British di London. Pada awal bulan Jun 1888 Gabenor Cecil Clementi Smith telah menetapkan iaitu sudah sampailah masanya British mesti mengambil kuasa pentadbiran di Pahang dan bercadang hendak datang sendiri ke Pahang.<sup>1</sup>

Sebelum diceritakan kisah Gabenor datang ke Pahang, marilah kita perhatikan kisah Hugh Clifford yang telah pergi melawat ke seluruh Pahang sejak akhir bulan April yang lalu.

Mengikut cerita W. Linehan dalam buku karangannya *Sejarah Pahang*, antara lain ia menyebutkan:—

Dalam lawatan Hugh Clifford itu, ia telah singgah di Temerloh dan didapatinya Orang Kaya Indera Segara, orang besar Temerloh itu telah meninggal dunia di Kelang semasa Perang Selangor dahulu, dan belum ada orang yang menggantikannya. Jadi, orang Besar berempat di Pahang masa itu ada tiga orang sahaja iaitu Orang Kaya Indera Syahbandar, Orang Kaya Indera Pahlawan di Chenor, dan Orang Kaya Maharaja Perba di Jelai.

Di Pulau Tawar, Clifford telah berjumpa dengan dua orang anak lelaki Tok Gajah yang bernama Mat Kilau dan Awang Nong, dan Clifford telah bersahabat dengan mereka. Di Hulu Pahang didapatinya Orang Besar Lipis dan Orang Besar Jelai (Tok Raja) tiada di daerah mereka. Mereka masih ada di Pekan ditahan oleh Sultan Ahmad, kerana sejak Engku Muda Mansur hendak menyerang Pahang dahulu (1884), baginda telah mulai kurang percaya kepada orang besar di Hulu Pahang itu.

Clifford mengatakan penduduk negeri Pahang tidak ramai dan kawasan penempatannya tidak teratur, sebabnya kerana peperangan telah berlaku beberapa tahun lamanya di negeri

<sup>1</sup> THIO—m.s. 69-70.

itu. Ramai orang kampung yang telah berpindah ke negeri lain. Sungguhpun ada padi dan tebu serta kerbau, tetapi penduduk dalam negeri itu tetap dalam kemiskinan, kerana hasil tuaian padi tahun itu tidak berapa berjaya. Harga padi seratus gantang lima ringgit, sekali ganda lebih mahal daripada harga biasa apabila musim menuai. Orang kampung banyak menjualkan ayam itik dan kerbau mereka ke Kelang. Orang Cina belum berani tinggal di Pahang. Hugh Clifford selalu menegaskan kepada Sultan Pahang betapa pentingnya jika didapati ramai orang Cina datang ke Pahang supaya memajukan negeri itu.<sup>1</sup>

Begitulah di antara perkara yang telah diceritakan oleh Hugh Clifford dari lawatannya itu.

Pada 22 hari bulan Jun 1888, Gabenor Cecil Clementi Smith bersama dengan pegawainya W.A. Pickering dan Frank Swettenham (Residen British Selangor), telah bertolak dari Singapura menuju ke Pahang, dan telah sampai di Pekan esoknya pada 23 hari bulan Jun 1888.

Semasa berada di Pahang, Gabenor telah menuntut ganti rugi kerana pembunuhan yang telah dilakukan kepada orang Cina rakyat British di Pahang itu, serta meminta Sultan Pahang menjamin kejadian yang seperti itu tidak akan berlaku lagi sambil Gabenor menyatakan juga tuntutan supaya baginda menerima nasihat daripada seorang Residen British yang akan dihantar ke Pahang.

Sultan Ahmad menyatakan baginda tidak tahu sama sekali siapakah yang telah melakukan pembunuhan itu. Apabila Gabenor itu memaksa baginda supaya dibuat surat perjanjian baharu, baginda menyatakan baginda tetap juga berpegang kepada syarat yang telah sedia ada dalam perjanjian yang telah dibuat itu. Dalam pada itu baginda menyatakan juga kedudukan baginda akan hal yang telah berlaku itu, dan berjanji akan mengadakan perubahan di Pahang. Tetapi Gabenor tidak juga berpuas hati dengan pengakuan itu dan ia terus menuntut supaya baginda mahu menerima perlantikan seorang Residen British di Pahang. Pada masa itulah, kata

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 122-123.

Frank Swettenham, "Berapa keras Gabenor itu mengemukakan tuntutanannya, lebih keras lagi baginda menolak tiada mahu menerimanya." Pegawai British yang ada bersama di situ kelihatan agak gelisah melihatkan suasana yang kurang baik itu, tambahan pula di balai tempat perjumpaan itu penuh sesak dengan orang Melayu yang bersenjata. Mujurlah juga ada Tengku Mahmud yang seolah-olah telah menjadi orang tengah dan berjaya mengawal suasana itu berjalan dengan aman. Akhirnya, apabila tuntutan Gabenor itu tidak juga berhasil, pada 29 hari bulan Jun 1888 Gabenor telah menyatakan kata duanya memberi tempoh kepada Sultan Pahang selama sepuluh hari untuk memberikan jawapan yang memuaskan hati, kemudian Gabenor dan rombongannya kembali ke Singapura.<sup>1</sup>

Gabenor Cecil Clementi Smith telah mengutus surat kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London mencadangkan supaya British menunjukkan kekuatan senjata sekiranya Sultan Pahang tetap juga berdegil tiada mahu dipimpin oleh British. Dengan menggunakan sebuah kapal perang yang ada di Singapura, bernama H.M.S. Orion, Gabenor mempercayai bahawa Sultan Pahang akan segera menyetujui syarat yang dikemukakan oleh British. Gabenor menjangkakan juga tidak akan ada sebarang tentangan dari pihak rakyat Pahang.

Dalam sepucuk surat secara persendirian yang dikirimkan oleh Gabenor kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London, Gabenor itu telah menyatakan sebab yang sebenar mengapa ia bertindak tegas terhadap Sultan Pahang itu, katanya:—

'Kepada saya nampaknya dengan secara langsung diakuilah bahawa negeri Pahang itu ialah sebuah lapangan bagi menjalankan perniagaan British, dan kerajaan (British) mestilah memelihara keselamatan nyawa dan harta benda orang British. Oleh sebab itu, dengan tidak ragu lagi saya telah mengemukakan perkara pembunuhan orang Cina itu dengan tujuan supaya dapat memasukkan cara pemerintahan yang baik ke negeri itu (Pahang)'.

Surat Gabenor Cecil Clementi Smith itu telah dijawab oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London, menga-

<sup>1</sup> THIO—m.s. 70-71.

takan dalam keadaan yang ada pada masa itu, Pejabat Tanah Jajahan British membenarkan Gabenor menunjukkan kekuatan senjata kerana hendak memaksa Sultan Pahang menyetujui tuntutan yang dikemukakan kepadanya tetapi Pejabat Tanah Jajahan British tidak menyetujui Gabenor mengambil tindakan yang keras menentang Sultan Pahang.

Seorang daripada pegawai Pejabat Tanah Jajahan British di London mengatakan pula jika kapal perang H.M.S. Orion itu boleh pergi ke suatu tempat kira-kira sejauh sepenembakan meriam dari bandar Pekan, dan tembakan beberapa butir peluru meriam ke istana Sultan Pahang itu, semua perkara boleh jadi selesai. Cara seperti itu nampaknya lebih mudah daripada mendaratkan satu pasukan askar perang ke negeri itu seperti yang telah dicadangkan oleh Gabenor itu.

Sungguhpun Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British telah berfikir 'sangatlah payah' hendak memberi nasihat dalam perkara yang seperti itu, tetapi ia bersetuju dengan pendapat seorang penolong di bawahnya mengatakan, "Tidaklah berbahaya meneruskan tindakan seperti yang telah dikatakan oleh Gabenor itu daripada mengundurkannya."

Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British di London telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura bertanyakan sekiranya kapal perang Orion itu boleh berlabuh pada suatu tempat kira-kira sejauh sepenembakan dari Pekan, dan sekiranya Sultan Pahang itu menyerah, bolehlah ditempatkan seorang Residen British di Pahang.

Dalam pada itu Cecil Clementi Smith telah merasa ragu hendak menggunakan kekuatan perang. Dia berpendapat tentulah lebih memuaskan hati dan tidak keterlaluan jika kerajaan British menjalankan kaedah yang aman damai untuk mencapai maksudnya itu. Semasa Gabenor sedang memikirkan apakah langkah yang akan dijalankan, ia teringat pula akan sahabat baiknya Sultan Abu Bakar Johor. Walaupun dahulu Sultan Abu Bakar tidak berbaik dengan Gabenor Sir Frederick Weld, tetapi baginda bersahabat baik dengan Gabenor Sir Cecil Clementi Smith kerana Gabenor ini lebih sabar dan bijaksana daripada Gabenor Weld terhadap Sultan Abu Bakar. Gabenor Cecil Clementi telah menyatakan kepada Sultan

Abu Bakar berkenaan dengan perkara yang telah berlaku di Pahang dan menyatakan pula kehendak kerajaan British mengadakan peraturan memakai Residen British di negeri itu dan mengenai kebuntuan yang telah dihadapi oleh Gabenor.

Sultan Abu Bakar telah menawarkan pertolongan untuk menyelesaikan kegentingan di antara Pahang dengan British itu dan tawaran itu telah diterima oleh Gabenor serta membenarkan Sultan Abu Bakar bersama orang besar baginda Datuk Menteri dan Datuk Amar pergi ke Pekan.<sup>1</sup>

Sekarang mari kita lihat pula hal di negeri Pahang.

Setelah Gabenor Cecil Clementi Smith balik ke Singapura, Sultan Pahang telah memanggil orang besar baginda di Hulu Pahang datang ke Pekan, dan setiap hari orang baginda bermesyuarat dengan orang besar baginda berkenaan dengan permintaan Gabenor itu. Diketahui juga kononnya baginda telah meminta melanjutkan tempoh untuk memberikan jawapan di atas permintaan Gabenor itu, kerana baginda hendak meminta pertolongan dari Sultan Abu Bakar Johor. Pada masa itu, apabila orang-orang besar di Hulu Pahang datang berkumpul di Pekan, orang Melayu di Pekan telah gempar mengemaskan harta benda mereka dan bersiap hendak keluar dari Pekan jika kelihatan ada kemungkinan berlakunya pergaduhan dengan British di Pekan.

Sultan Abu Bakar bersama orang besar baginda Datuk Menteri Besar Johor dan Datuk Amar telah berangkat ke Pekan. Semasa di Pahang, Sultan Abu Bakar telah menasihatkan Sultan Ahmad supaya menerima permintaan Gabenor Negeri Selat itu, dan Sultan Abu Bakar telah bersumpah mengatakan bahawa baginda menasihatkan Sultan Pahang itu semata-mata bagi kebaikan negeri Pahang juga.

Sultan Ahmad telah memanggil orang-orang besar baginda iaitu Orang Besar Jelai, Orang Besar Chenor, Orang Besar Semantan, Tok Gajah dan ramai lagi untuk membincangkan perkara itu. Dalam mesyuarat itu didapati tidak ramai orang besar yang menolak permintaan Gabenor yakni yang mahu berperang melawan British, yang lainnya pula bersetuju mem-

<sup>1</sup> THIO—m.s. 71-72.

bayar *diat* (wang ganti rugi darah) mengenai orang Cina yang ditikam dahulu, dan jikalau pembayaran diat itu ditolak oleh British, baharulah melawan dengan secara sulit, sambil orang besar yang mencadangkan itu mengatakan pula, "Jikalau kita ditembak dengan meriam dari kapal perang Inggeris itu, marilah kita lari dan jangan melawan." Tetapi ada pula di antara orang besar itu yang semata-mata memulangkan sahaja kepada Sultan semua perkara itu. Keputusannya, Sultan Ahmad telah melarang rakyat baginda melengkapkan senjata hendak melawan British dan baginda juga telah meminta nasihat dari seorang saudagar Eropah yang tinggal di Pekan bernama Hole.

Akhirnya, oleh sebab pengaruh Sultan Abu Bakar Johor, dan dengan persetujuan Tengku Mahmud, pada 24 hari bulan Ogos 1888 (bersamaan dengan 16 Zulhijjah Tahun Hijrah 1304) Sultan Ahmad telah menulis sepucuk surat kepada Gabenor Sir Cecil Clementi Smith di Singapura.

Dalam surat itu antara lain baginda menyatakan:—

Segala permintaan Gabenor itu telah dipertimbangkan baginda dan baginda telah berunding juga dengan Sultan Johor. Baginda telah bersedia menerima tanggungjawab fasal pembunuhan Goh Hui rakyat British itu, baginda harap perkara itu janganlah diperkatakan lagi, kerajaan British akan berpuas hati setelah baginda menyatakan dukacita baginda akan hal yang telah berlaku itu, dan bolehlah kerajaan British menghantarkan seseorang Pegawai British datang ke Pahang supaya ia boleh menolong baginda dalam perkara yang berhubung dengan pemerintahan negeri Pahang seperti peraturan yang telah diadakan dalam negeri Melayu yang berbang di bawah naungan pemerintahan British. Dalam pada itu baginda telah meminta dua perkara pula: kerajaan British hendaklah mengakui segala 'hak dan kuasa yang sepatutnya' bagi baginda dan pengganti baginda mengikut kaedah pemerintahan baginda serta adat resam lama dalam negeri baginda yang 'baik dan menasabah' kepada orang Melayu, segala perkara yang bersangkutan dengan agama orang Melayu (Islam) tiada dibenarkan British mencampurinya.

Surat daripada Sultan Ahmad Pahang itu telah dijawab oleh Gabenor Cecil Clementi Smith pada 8 hari bulan September 1888. Dalam surat itu antara lain Gabenor menyatakan:—

Surat Sultan Pahang itu telah diterimanya. Isi kandungan surat baginda itu telah dikirirkan dengan telegraf kepada kerajaan Bri-



tish di London. Gabenor itu berharap kerajaan British akan menerima ucapan dukacita baginda mengenai pembunuhan rakyat British itu, dan diharap juga kerajaan British akan menyetujui permintaan baginda akan seorang Residen British ditempatkan di negeri Pahang yang akan menolong baginda dalam pentadbiran kerajaan negeri itu, sebagai suatu jaminan bagi menentang kekacauan seperti yang telah berlaku dan yang akan datang.

Gabenor itu menyatakan juga ia telah menerima perintah daripada kerajaan British di London memberi kuasa kepadanya menjalankan kerja sebagai yang diminta oleh Sultan Pahang dalam surat baginda itu, dan tiada lama lagi Gabenor itu akan menghantarkan seorang Residen British ke Pahang, iaitu seorang pegawai yang mempunyai kemahiran, tahu adat resam orang Melayu, dan bercita-cita baik terhadap diri baginda, Gabenor itu percaya baginda akan bersikap berterus terang terhadap Residen itu, mempercayainya dalam segala hal yang berhubung dengan kerajaan, dan dengan taat akan menjalankan segala aturan yang sedang disediakan oleh Gabenor itu.

Dalam bulan Oktober 1888 itu juga kerajaan British telah melantik seorang pegawainya bernama J.P. Rodger menjadi Residen British yang pertama di negeri Pahang. Tetapi pada 1 hari bulan Julai 1889 baharulah ia datang ke Pahang memegang jawatannya itu.<sup>1</sup>

Sejarah mengenai Pahang yang telah ditulis oleh orang Barat berkenaan dengan kerajaan British meletakkan Residennya menggantikan wakil British di Pahang itu, terutama sebabnya yang telah dihebahkan oleh mereka ialah kerana pembunuhan yang telah berlaku terhadap seorang Cina rakyat British di negeri itu. Tetapi jika diperhatikan daripada kisah yang telah disebutkan di atas itu nyata sebabnya bukanlah kerana pembunuhan itu sahaja, melainkan terutamanya ialah kerana muslihat hendak memelihara kepentingan saudagar British yang telah menanam modal dalam syarikat yang menjalankan perusahaan melombong emas dan bijih timah di Pahang terutama syarikat British bernama Pahang Corporation Limited yang mendapat sokongan dari Pejabat Tanah Jajahan British di London.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 124-127; THIO—m.s. 72-73.

Seorang Setiausaha Kerajaan Negeri Selat (Colonial Secretary) bernama John Dickson, yang sedang bercuti di London dalam tahun 1888 itu, telah ditemui oleh pengarah Syarikat Pahang Corporation Ltd. itu, dan beliau telah dibawa juga berunding ke Pejabat Tanah Jajahan British di London mengenai hal negeri Pahang itu. Antara lain John Dickson telah mengatakan demikian maksudnya:—

Kepentingan kewangan beberapa orang yang berpengaruh di England yang ada dalam negeri Pahang itu, jauh lebih besar daripada yang ada dalam sebarang negeri lain, dan kepentingan itu memanglah boleh dibawakan kepada tanggungan kerajaan Negeri Selat menerusi kerajaan British di England dan mustahil akan dapat ditolak . . . Sultan Pahang itu memanglah berlaku sekehendak hatinya, dan kebenaran pemajakan di negeri Pahang itu walau yang sehabis besar dan sehabis penting sekalipun, semata-mata terserah kepada belas kasihan baginda itu, jika perintah memberhentikan atau membatalkan kebenaran pemajakan daripada Sultan Pahang itu tidak dapat dihapuskan, binasalah syarikat yang memajak tanah itu. Oleh sebab itu pada ketika yang seperti ini bolehlah kerajaan British membuat surat perjanjian dengan Sultan Pahang itu dan mengambil pentadbiran kerajaan negeri itu ke dalam tangan kerajaan British. Perbuatan seperti itu bukannya kerana membalas bela nyawa rakyat British, melainkan yang sebenarnya ialah kerana memelihara moral British.

Lagipun sebagai buktinya, pegawai kerajaan British seperti Frederick Weld, Cecil Clementi Smith, Hugh Clifford, Frank Swettenham dan beberapa orang lagi, semuanya telah meyakinkan bahawa negeri Pahang itu mempunyai kekayaan hasil tanaman dan galiannya yang menguntungkan. Mereka telah berharap supaya negeri itu menjadi negeri yang 'tersangat makmur' di antara negeri naungan British di Semenanjung Tanah Melayu ini, dan begitu jugalah pada pendapat rakyat British, kerana negeri itulah sahaja negeri Melayu yang telah menarik ramai penanaman modal Eropah.<sup>1</sup>

Dengan penjelasan yang telah disebutkan itu, tidaklah boleh kita hanya berpegang kepada mengatakan kerana pem-

<sup>1</sup> THIO—m.s. 68, 73.

bunuhan seorang Cina rakyat British itulah yang menyebabkan kerajaan British meletakkan Residennya di negeri Pahang.

## *Pahang pada Permulaan di Bawah Naungan Perintah British*

1888. (Setelah Gabenor Sir Cecil Clementi Smith menerima surat Sultan Ahmad bertarikh pada 8 hari bulan Oktober 1888 itu, dalam bulan Oktober itu juga kerajaan British telah melantik J.P. Rodger menjadi Residen British yang pertama di Pahang yang 'nasihatnya mesti diminta dan dijalankan dalam segala perkara kecuali perkara yang berkenaan dengan adat dan agama (Islam) orang Melayu', dan sejak itu mulalah negeri Pahang masuk ke bawah naungan perintah kerajaan British. Tetapi pada 1 hari bulan Julai 1889 baharulah J.P. Rodger sampai untuk mula memegang jawatannya itu.<sup>1</sup>)

Pada pertengahan bulan Oktober 1888 itu juga, satu pasukan polis yang didatangkan dari Selangor, melalui Singapura telah sampai di Pekan (Pahang) dan ditempatkan di situ diketuai oleh Inspektor Cross. Tetapi sebulan kemudian, bulan November 1888, Inspektor Cross telah meninggal dunia, dan digantikan oleh Inspektor Kempe.<sup>2</sup>

Di peringkat permulaan Pahang berada di bawah naungan perintah British, Encik Abdul Rahman atau yang lebih terkenal dengan nama Datuk Bahaman, yang memang telah menjadi seseorang daripada Orang Besar Berlapan di Pahang bergelar Datuk Setia Perkasa Pahlawan (atau disebut juga Orang Kaya Setia Pahlawan), pegangannya wilayah di lembahan Sungai Semantan, dan pengikut beliau di Semantan masa itu ada kira-kira seramai tiga ratus orang. Beliau diangkat men-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 127.

<sup>2</sup>POLICE - m.s. 75.

jadi Orang Besar Berlawan kerana jasa perkhidmatannya kepada Sultan Ahmad Pahang semasa baginda berperang melawan pihak abang baginda Bendahara Tun Mutahir merebut kerajaan Pahang (1857-1863) dan juga sewaktu baginda membantu Tengku Kudin dalam perang di Selangor. Pada masa itu Datuk Bahaman bergelar Panglima Kakap.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1888 itu hasil cukai yang diperolehi oleh Sultan Ahmad hanyalah sebanyak \$3,000. Penduduk negeri Pahang yang dahulunya boleh dikatakan ramai, hanya tinggal seramai lebih kurang 35,000 orang. Oleh kerana peperangan yang kerap berlaku di negeri itu sejak tahun 1857, telah menyebabkan ramai penduduk berpindah ke negeri lain.<sup>2</sup>

1889. Penguasa Polis negeri Selangor yang bernama Kapten H. Charles Syers telah dipinjamkan selama dua bulan kepada kerajaan Pahang bagi mengaturkan pasukan polis di negeri itu. Pada pertengahan bulan April 1889, Syers yang membawa satu pasukan polis yang telah dilatih di Selangor dan di Singapura seramai lima puluh orang, terutama orang Sikh, melalui Singapura, telah sampai di Pekan.

Hampir dua bulan kemudian, dalam bulan Jun 1889 itu juga, Syers telah pergi berjumpa Gabenor Cecil Clementi di Singapura menyatakan bahawa tempoh selama dua bulan yang diberikan kepadanya untuk mengaturkan pasukan polis di Pahang itu tidak mencukupi. Gabenor telah memerintahkan Syers balik sebentar ke Selangor dan lepas itu pergi semula ke Pahang meneruskan kerjanya di negeri itu. Setelah balik ke Selangor, pada akhir bulan Jun itu juga (1889) Syers datang ke Pahang.<sup>3</sup>

Pada 1 hari bulan Julai 1889, J.P. Rodger mula menjalankan tugas-tugasnya sebagai Residen British yang pertama di Pahang, dan tinggal di Pekan. Pada masa itu (tahun 1889) telah dilantik beberapa orang pegawai British memegang jawatan pentadbir dalam beberapa buah daerah di Pahang dengan gelar-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 139.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 127, 129.

<sup>3</sup>POLICE - m.s. 75-76.

an Pemungut Cukai dan Majistret (Collector and Magistrate) yang berkuasa sebagai pegawai daerah pada masa ini, dan mereka jugalah yang menguasai pasukan polis di daerah masing-masing. Pegawai British yang pertama memegang jawatan pentadbir di Pahang itu ialah F. Belfield di Pekan, W.W. Michell di Kuala Pahang, A.H. Wall di Kuantan, E.A. Wise di Temerloh, dan W.C. Michell di Pahang. Pada masa itu Hugh Clifford yang telah diangkat menjadi Penguasa di Hulu Pahang (Superintendent of Hulu Pahang) telah pergi bercuti, dan jawatannya dipegang oleh W.C. Michell. Pegawai British itu telah diarahkan oleh kerajaan British supaya berikhtiar mendapatkan kerjasama orang-orang besar Pahang bagi menjalankan pentadbiran di daerah masing-masing.

Pada masa itu di Pahang telah didirikan beberapa buah mahkamah serta pasukan polis yang diaturkan oleh Kapten Syers yang dipinjam daripada kerajaan Selangor itu. Telah diadakan juga sebuah Mahkamah Tinggi, dan orang yang berkuasa dalam Mahkamah Tinggi itu ialah Tengku Mahmud putera sulung Sultan Ahmad, Bendahara, Temenggung dan Residen British Pahang. Majlis Mesyuarat Negeri bagi negeri Pahang telah didirikan juga dan ahlinya ialah Sultan Pahang, Residen British, Tengku Mahmud, Engku Muda Mansur, Engku Andak, Maharaja Perba Jelai (Wan Muhammad), Tok Gajah (Rasu), Orang Kaya Chenor (Orang Kaya Indera Pahlawan), Orang Kaya Indera Syahbandar, Bendahara dan Imam Perang Indera Mahkota.<sup>1</sup>

Mulai pada 12 hari bulan Julai hingga 12 hari bulan Ogos 1889 itu, Kapten Syers yang telah ditugaskan mengatur pasukan polis di Pahang dengan membawa lapan puluh orang polis terdiri daripada orang Melayu dan Sikh, telah melawat ke merata tempat di Pahang iaitu Chenor, Temerloh, Lubuk Terua, Tembeling, Jelai, Kuala Lipis, Penjum, Teras dan Bentong. Dalam lawatan itu Syers telah menggunakan perahu, kecuali dalam lawatannya dari Penjum ke Teras yang menggunakan jalan darat. Mata-mata yang dibawanya itu telah ditempatkan di balai polis yang telah diadakan di bahagian Hulu

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 127, 120-131.

Sungai Pahang. Tempat yang bernama Penjum itu dikenali juga dengan nama Pamak Kubu, jauhnya hampir enam batu setengah ke hulu daripada Kuala Lipis, pada masa itu Penjum adalah satu tempat penting sebagai pusat lombong emas yang ada di Penjum (sekarang lombong emas itu tidak ada lagi).

Setelah selesai Syers membuat lawatannya dan menempatkan pasukan polis di Pahang, ia telah membuat satu laporan bertulis, bertarikh 15 hari bulan Ogos 1889, dan laporan itu telah diserahkannya kepada Gabenor di Singapura, dan Gabenor telah memuji laporannya itu dan berterima kasih di atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Syers kepada kerajaan Pahang.

Dalam laporan yang dibuat oleh Kapten Syers itu menyebutkan dia telah mendirikan balai polis di negeri Pahang sebanyak sebelas buah, bagi membentuk sebuah pasukan polis baharu ia hanya menghendaki pegawai polis yang tiada bertauliah, pada masa itu pasukan mata-mata bangsa Sikh belum cukup kuat untuk menjalankan kerja selain daripada menjaga balai polis yang telah diuntukkan kepada mereka, mata-mata Melayu pula masih belum boleh diharap membuat kerja selain daripada menjalankan tugas biasa sebagai mata-mata, Syers telah meminta tambah lima puluh orang lagi mata-mata Sikh yang akan ditempatkan di balai polis yang terletak antara Lipis dengan Pekan.

Perkara yang penting sekali pada pendapat Gabenor dalam laporan Syers itu ialah tentang amaran yang telah diberi oleh Syers kemungkinan berlakunya kekacauan di Pahang. Sungguhpun dalam laporannya itu Syers telah menegaskan bahawa ia tidak menjangkakan akan berlaku penentangan yang menggunakan senjata tetapi ia telah mengatakan iaitu pihak kerajaan (British) mestilah mengadakan langkah berjaga-jaga di negeri Pahang. Syers telah nampak di mana letaknya bahaya yang akan timbul. Katanya, Orang Kaya Tok Raja (Maharaja Perba) di Jelai itu 'lebih kurang dialah orang yang berkuasa sekali di Pahang, oleh kerana itu beliau seorang yang merbahaya', dan Orang Kaya Semantan itu pula 'nampaknya dialah orang yang terlalu jahat fikirannya dalam negeri Pahang'.

Kapten Syers mengakhiri laporannya itu dengan mengatakan:—

“Memang ada sebabnya saya mempercayai bahawa dalam negeri Pahang itu sedikit sahaja senjata api dan peluru pun tidak banyak, sejauh mana yang dapat saya ketahui, tidak ada apa percubaan hendak mengaturkan gerakan mengacau tetapi berdasarkan kepada beberapa banyak pertanyaan yang telah dihadapkan kepada saya oleh orang di sebelah Hulu Pahang, tidak syak lagi perkara itu (hendak membangkitkan kekacauan) telah dikemukakan dalam perbincangan (di antara orang Melayu), dan pada fikiran saya patutlah kerajaan (British) benar-benar mengerti iaitu sungguhpun saya tidak percaya kepada sebarang kemungkinan berlakunya kekacauan, tetapi patutlah kerajaan jangan memalingkan pandangan kepada kenyataan yang sebenarnya, iaitu betapa ramainya orang yang tidak berpuas hati dalam negeri ini, dan mereka itu sentiasa sahaja suka mengambil bahagian dalam sebarang tindakan walau terburu-buru sekalipun, kerana mereka hendak mengambil semula kuasa mereka yang telah hilang untuk menjalankan pemerintahan yang tiada baik dan memeras rakyat.”<sup>1</sup>

Dari laporan seorang British seperti itu, yang hanya baharu beberapa bulan sahaja berada di Pahang, dapatlah kita menggambarkan bahawa orang Melayu yang tinggal di bahagian hulu negeri Pahang itu telah menunjukkan sikap tidak puas hati apabila British masuk campur memerintah di Pahang, dan menantikan masa sahaja hendak berterus terang menentang campur tangan British dalam pemerintahan di Pahang terutama Maharaja Perba (Tok Raja) dan Orang Kaya Semantan (Datuk Bahaman) yang telah dikecam oleh Syers mengikut pandangan dan pendapatnya sendiri, dan dari laporannya itu bolehlah dikatakan bahawa kedatangan Syers ke Pahang tidak mendapat sambutan baik daripada kedua-dua orang besar Pahang itu.

Pada 22 hari bulan Julai 1889 itu juga Sultan Ahmad telah mengangkat dan melantik putera sulung baginda Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja bagi negeri Pahang, kerana usia baginda telah bertambah lanjut dan telah merasa uzur hendak menjalankan tugas yang berhubung dengan pentadbiran pemerintahan. Baginda telah menyerahkan segala urusan

<sup>1</sup>POLICE - m. s. 76-77.



pemerintahan negeri Pahang kepada Tengku Mahmud dan beliaulah juga yang akan menjalankan rundingan dengan Residen British Pahang bagi mengadakan undang-undang dan menjalankan peraturan dalam negeri, dan baginda telah menyatakan juga kepada semua orang besar dan ketua dalam negeri Pahang supaya mentaati perintah anakanda baginda itu seperti kepada baginda juga.

Sejak Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja itu banyaklah pertolongan yang telah diberikan dalam tugas memerintah negeri. Residen British Pahang memuji kebolehannya dalam menjalankan tugasnya, sehingga perkara itu diberitahu kepada Gabenor di Singapura.<sup>1</sup>

Dalam hal seperti itu, tidaklah menghairankan kerana walau bagaimanapun keadaan yang sebenarnya didapati oleh Residen British itu, istimewa pula jika Tengku Mahmud mahu menuruti apa katanya, tentulah Residen British itu akan memuji Tengku Mahmud untuk menarik hatinya supaya suka kepada British untuk tetap memerintah Pahang, tambahan pula kerana Tengku itulah yang akan menjadi Sultan Pahang menggantikan ayahandanya.

J.P. Rodger, Residen British Pahang itu telah menjalankan tindakan yang segera untuk memenuhi kebanyakan daripada cadangan yang telah dikemukakan oleh Syers itu. Pada 7 hari bulan September 1889, ia telah menulis surat ke Singapura menyatakan bahawa pasukan polis juga telah ditempatkan dalam semua balai polis yang telah didirikan di negeri itu. Pada akhir bulan September itu juga anggota polis bangsa Sikh seramai lima puluh orang lagi di bawah pimpinan seorang pegawai polis bernama Suraim Singh dari Singapura telah dihantar ke Pahang, dan kebanyakan daripada mata-mata itu telah ditempatkan di Kuala Lipis (Hulu Pahang). Dalam tahun 1889 itu juga, seorang British bernama H. Sumner telah dilantik menjadi inspektor polis di negeri Pahang.<sup>2</sup>

Setelah kerajaan British masuk campur memerintah di Pahang, masalah yang paling berat dihadapi oleh Residen Bri-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 127-128.

<sup>2</sup>POLICE - m.s. 77-78.

tish (J.P. Rodger) Pahang yang cuba mengatur pemerintahan secara British di negeri itu ialah berkenaan hendak menghapuskan adat memakai hamba abdi, menghapuskan aturan mengerah (kerah) rakyat membuat kerja kerajaan dengan tiada berupah, menetapkan pendapatan atau gaji Sultan serta orang-orang besar Pahang, menarik kuasa orang besar yang boleh memungut cukai seperti aturan lama dan membuat peraturan baru untuk memiliki tanah.

Di antara tugas yang disebutkan itu, usaha untuk menetapkan gaji dan menarik kuasa orang-orang besar Pahang itu-lah merupakan masalah paling rumit yang dihadapi oleh Residen British itu untuk menyelesaikannya kerana mamlumlah orang-orang besar yang dahulunya biasa memungut cukai hasil mahsul dalam daerah masing-masing mengikut kehendak mereka sendiri dan berhubung terus dengan Sultan Pahang, tidak bersetuju kuasa mereka disekat oleh British dan kebanyakan daripada orang-orang besar itu tidak suka diberikan gaji, dan mereka lebih suka dibiarkan sahaja mengikut peraturan yang telah dijalan beberapa lama itu. Tambahan pula kebanyakan dari orang-orang besar itu ada pula mempunyai beberapa orang datuk di bawahnya yang juga hendak diberikan gaji. Usaha untuk menetapkan gaji orang-orang besar itulah merupakan satu daripada sebab yang besar menyebabkan bangkitnya gerakan menentang campur tangan British dalam pemerintahan di Pahang seperti yang akan disebutkan kisahnya dalam buku ini.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1889 itu berlaku pula satu peristiwa di daerah Lipis. W. C. Michell pegawai British yang memegang jawatan Penguasa Hulu Pahang itu (Hugh Clifford sedang ber-cuti) telah membuat perhubungan dengan anak Orang Kaya Haji Wan Daud (Orang Kaya Maharaja Setia Raja) di mana kerajaan hendak membeli suatu kawasan tanah di Kuala Lipis, untuk dijadikan ibu pejabat bagi daerah Lipis. Orang Kaya Haji Wan Daud yang telah tua itu adalah sepupu kepada Maharaja Perba Jelai (Wan Muhammad). Dalam bulan Disember 1863 dahulu Sultan Ahmad telah mengurniakan Wan

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 129.

Daud gelaran Maharaja Setia Raja dan pegangannya lembahan Sungai Lipis kerana jasanya membantu Sultan Ahmad dalam perang merebut kerajaan Pahang dahulu.

Anak Orang Kaya Haji Wan Daud itu telah bersetuju memberikan tanah itu kepada kerajaan seperti yang dikehendaki oleh Michell itu dan bersetuju menerima wang gantinya sebanyak dua ratus ringgit. Setelah wang itu dibayar oleh Michell, Orang Kaya Haji Wan Daud enggan memberikan tanah kepunyaannya itu seperti yang dikehendaki oleh Michell. Walau bagaimanapun Michell terus memujuknya, tetapi tidak berjaya. Michell telah bertindak keras datang menduduki tanah itu bersama dengan beberapa orang anggota polis. Sampai di tempat itu seorang daripada anggota rombongan Michell itu telah ditembak oleh pengikut Haji Wan Daud (atau Haji Wan Daud sendiri) dan Michell telah berundur meninggalkan tempat itu. Tetapi seorang ketua kampung di tempat itu yang tahu cerita sebenar kejadian itu mengatakan seorang daripada mata-mata yang mengiring Michell, dengan tidak sengaja, telah menembakkan senapangnya, bukan tembakan itu datangnya dari pihak Orang Kaya Haji Wan Daud.

Michell telah membuat pengaduan di Pekan. Tengku Mahmud, dipercayai mengikut arahan daripada Residen British Pahang, telah mengeluarkan perintah kepada Tok Raja, Tok Gajah dan Orang Kaya Lipis (Orang Kaya Setia Wangsa) pergi menangkap Haji Wan Daud dan perintah itu telah ditaati oleh orang besar itu. Orang besar itu bersama dengan pengiring mereka telah pergi ke Kuala Lipis. Apabila mereka sampai di halaman rumah Haji Wan Daud, beliau pun dipanggil supaya menyerah diri. Haji Wan Daud telah membuka pintu rumahnya dengan memegang sebatang lembing hendak menerkam orang yang datang itu. Tetapi malangnya, dengan serta-merta itu juga Haji Wan Daud telah ditembak oleh orang Tok Raja dan meninggal dunia di situ juga.

Tiada lama lepas itu, di bawah kelolaan seorang pegawai British, di kawasan tanah kepunyaan Orang Kaya Haji Wan Daud itu telah didirikan pekan Kuala Lipis yang kemudiannya dijadikan ibu negeri Pahang.

Sultan Ahmad amat dukacita apabila mendengar berita ke-

matian Orang Kaya Haji Wan Daud itu, kerana beliau adalah seorang daripada pengikut yang sangat setia kepada baginda semasa dalam perjuangan baginda dahulu. Beberapa tahun kemudian, apabila dikemukakan cadangan kepada Sultan Ahmad supaya ibu negeri Pahang di Kuala Lipis itu dipindahkan ke satu tempat lain yang lebih sesuai, baginda tidak bersetuju untuk meninggalkan Kuala Lipis, kerana menurut baginda, tanah tempat itu telah disucikan dengan pertumpahan darah (Haji Wan Daud).

Pada masa itu, sungguhpun pegawai British yang bekerja di negeri Pahang telah mendapat arahan dari kerajaannya supaya berikhtiar mendapatkan kerjasama daripada orang besar Pahang, tetapi selain daripada Tengku Mahmud, boleh dikatakan hampir semua orang besar Pahang menjauhkan diri tidak mahu bekerjasama dengan pegawai British itu.

Di dalam bulan Disember 1889, Sultan Ahmad yang bersemayam di Pekan telah berangkat pindah bersemayam di istana baginda di Pulau Tawar, dalam daerah tempat kediaman Tok Gajah, tempat itu jauhnya hampir seratus dua puluh batu ke hulu dari Kuala Pahang. Pada tahun hadapannya, tahun 1890, baginda tidak pernah berangkat datang ke Pekan. Jika ada urusan negeri yang hendak dirundingkan dengan baginda, terpaksa dibawa ke Pulau Tawar.<sup>1</sup>

Dalam bulan Disember 1889 itu juga, Datuk Bahaman, Orang Kaya Setia Pahlawan yang tinggal di Semantan, telah dituduh oleh Pegawai British mengatakan datuk itu masih juga memungut cukai cara dahulu di Semantan yang dipandang oleh pegawai British sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang kerajaan. Peniaga yang membayar cukai kepada datuk itu membuat pengaduan kepada pegawai British mengatakan mereka tidak berani menentang perbuatan Datuk Bahaman yang berkuasa di Semantan itu. Datuk Bahaman telah diberi amaran oleh pegawai British bagi pihak kerajaan Pahang supaya beliau tidak lagi memungut cukai di Semantan seperti cara lama itu. Tetapi amaran itu tidak dipedulikan oleh Datuk Bahaman. Masih kedengaran bahawa Datuk Ba-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 127, 139.

haman terus juga memungut cukai di Semantan. Datuk Bahaman tidak bersetuju dengan cara pemerintahan British dijalankan di Pahang kerana kerajaan tidak mahu menaikkan gajinya sama banyak seperti gaji Orang Besar Berempat.<sup>1</sup>

Majlis Mesyuarat Negeri bagi negeri Pahang telah bersidang buat kali yang pertamanya pada 31 hari bulan Disember 18-89. Majlis Mesyuarat itu telah dihadiri oleh semua ahlinya kecuali Bendahara dan Datuk Syahbandar. Dalam persidangan yang pertama itu, beberapa rang undang-undang dan peraturan yang akan dijalankan di Pahang telah dibacakan, iaitu rang undang-undang dan peraturan fasal tanah dan perlombongan, fasal hamba abdi, dan fasal mengerah rakyat membuat kerja kerajaan dengan tiada diberi upah. Pegawai British di Pahang telah cuba menghapuskan adat memakai hamba abdi dan adat kerah cara lama itu.<sup>2</sup>

1890. Pada permulaan tahun 1890 pasukan polis di Pahang terdiri daripada 104 orang mata-mata bangsa Sikh dan 142 orang mata-mata Melayu serta dua orang inspektor iaitu seorang inspektor British bernama H. Sumner, dan seorang lagi inspektor Melayu bernama Tuan Kechut. Pada masa itu beberapa orang Dayak telah diambil menjadi mata-mata dan didapati kerja yang mereka jalankan memuaskan hati pihak British. Dalam tahun 1890 itu juga seorang lagi pegawai British bernama T.C. Fleming telah dilantik menjadi inspektor polis. Dalam bulan Mac 1890 itu, seorang pegawai British bernama D.B. Lockhart telah dilantik menjadi penguasa polis bagi seluruh negeri Pahang dan beliaulah yang pertama dilantik sebagai penguasa polis di negeri itu. Tetapi ia telah meninggal dunia pada 10 hari bulan November tahun itu juga (1890). Dalam tahun itu juga telah ditambah lagi lima puluh orang mata-mata Sikh. Pada masa itulah Kuala Lipis telah dijadikan ibu pejabat pasukan polis bagi daerah Hulu Pahang

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 127, 139.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 129, 131.

dan Inspektor Sumner dijadikan inspektor polis mengetuai pasukan polis di situ.<sup>1</sup>

Majlis Mesyuarat Negeri Pahang telah bersidang buat kali yang keduanya pada 11 hari bulan Januari 1890. Engku Muda Mansur, Bendahara dan Temenggung tidak hadir dalam mesyuarat itu. Dalam mesyuarat itu Residen British Pahang (J. P. Rodger) menyatakan ia telah menerima sepucuk surat daripada Datuk Syahbandar, Tok Rera, Tok Gajah, Orang Kaya Temerloh, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Lipis yang telah meminta supaya ditambah lagi gaji mereka dan gaji ketua di bawah mereka iaitu datuk-datuk yang telah dilantik dengan persetujuan Sultan Pahang. Orang-orang besar Pahang itu telah juga meminta supaya diberikan kepada mereka dengan surat bertulis mengenai peraturan yang menentukan kuasa dan kewajipan mereka sebagai orang besar di Pahang.

Setelah menjelaskan tujuan isi surat daripada orang besar Pahang itu, Residen British pun menerangkan dalam sidang mesyuarat itu, wang untuk membayar gaji orang besar itu yang sedang dijalankan adalah sebanyak dua pertiga daripada jumlah hasil pendapatan kerajaan Pahang. Oleh sebab itu untuk mencukupkan belanja pentadbiran negeri, terpaksa kerajaan Pahang menambah lagi hutangnya yang memang telah berat itu. Ketua-ketua di bawah daripada orang besar yang menuntut tambahan gaji itu, sepatutnya mereka boleh menunjukkan bahawa cukai hasil yang mereka dapati dahulu lebih banyak daripada yang mereka dapati sekarang. Jika sekiranya mereka tidak dapat menunjukkan bahawa mereka sedang dalam kesempitan wang kerana mengikut peraturan baharu (peraturan British) yang sedang dijalankan di Pahang itu, sepatutnyalah mereka bersabar menanti sehingga hasil pendapatan negeri Pahang bertambah, dan juga mereka harus berusaha menambahkan hasil pendapatan kerajaan Pahang dengan cara menggalakkan orang luar terutama orang Cina masuk ke Pahang, dan juga dengan membuka sumber perlombongan dan pertanian.

<sup>1</sup>POLICE - m.s. 78.

Setelah orang-orang besar yang kanan di Pahang memberikan daftar yang mengandungi nama datuk di bawah mereka yang patut diberi gaji itu (lihat di bawah), Residen British itu menyatakan tentulah mustahil hendak dibayar gaji kepada datuk (ketua) yang sangat ramai itu, dan dia mencadangkan supaya dua orang ketua sahaja daripada tiap daerah pegangan orang besar yang kanan itu diberi gaji. Cadangan Residen British itu telah disokong oleh Tengku Mahmud. Tetapi orang-orang besar dari daerah darat (pendalaman) negeri Pahang telah sebulat suara mengatakan: mengadakan perbezaan seperti itu tentulah tidak adil dan akan menimbulkan sakit hati. Tok Raja (Maharaja Perba) telah mencadangkan supaya kerajaan menambah lagi pemberian wang tahunan kepada orang-orang besar yang kanan itu, supaya mereka dapat membahagi-bahagikannya kepada ketua-ketua di bawah mereka. Tok Gajah menyokong cadangan orang besar Jelai itu. Tok Gajah telah menerangkan bahawa Orang Besar Berempat dan dia sendiri, serta Orang Besar Berlapan di negeri Pahang itu memang mempunyai hak boleh melantik ketua atau orang besar di bawah mereka. Orang Besar Berlapan yang masih ada masa itu, kata Tok Gajah, hanyalah Orang Kaya Lipis (Orang Kaya Setia Wangsa), Orang Kaya Semantan (Orang Kaya Lipis Setia Perkasa-Pahlawan) dan Tok Lela (Datuk Setia Lela, Kerdau), Tok Bangau (Orang Kaya Dewan Pahlawan di Bangau) baharu sahaja meninggal dunia, dan empat lagi jawatan orang besar yang lainnya itu belum dilantik lagi.

Residen British telah menyetujui cadangan Tok Raja itu. Tetapi ketetapan gaji yang akan diterima oleh orang besar itu dan dikatakan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat, Residen British itu sendiri menetapkannya, iaitu Orang Besar Berempat dan Tok Gajah mendapat gaji tahunan sebanyak \$1,200/- tiap seorang, Orang Kaya Lipis dan Orang Kaya Semantan mendapat \$840/- tiap seorang, Tok Lela \$600/-, Sayid Ali Badoh ketua pegawai peribadi Sultan Pahang mendapat \$360/-, Encik Awang Benting di Pasir Penyor anak dan juga wakil kepada seorang Orang Besar mendapat \$240/- setahun.

Daftar nama dan gelaran ketua (datuk) di bawah daripada enam orang Orang Besar Pahang yang telah diberikan kepada

Residen British dalam sidang Majlis Mesyuarat Negeri Pahang pada 11 hari bulan Januari 1890 itu ialah:—

- Maharaja Perba Jelai:** Tok Muda Yusuf di Telang, Wan Tanjung di Telang, Tok Muda Kiri di Kuah, Tok Muda Ahmad di Kuah, Tok Muda Abbad di Jeram Besar, Tok Muda Yusuf di Perlak, Tok Mamat di Kechau, Penghulu Teh di Rantau Panjang dan Tok Muda Rahmat di Cheka.
- Orang Kaya Syahbandar:** Tok Haji Andak, Encik Mamat Buntal, Encik Musa di Tanjung Medang, Encik Mamat Abbas di Langgar, Encik Mamat di Pulau Keladi dan Haji Jenal di Belukar Acheh.
- Orang Kaya Chenor:** Encik Junus di Kertau, Panglima Muda di Kunyit, Tok Muda Awang Chut, Panglima Bebas di Nyak, Panglima Kanan di Sekara, Tok Ahmad di Chenor dan Tok Muda Embong di Sentang.
- Orang Kaya Temerloh:** Imam Teh di Sanggang, Tok Muda Deraman dan Tok Mamat di Tengoh.
- Tok Gajah:** Khatib Idris di Budu, Mat Kilau di Kedondong, Encik Ahmad Burok di Budu, Tok Jenang di Kangsa, Tok Muda Sajak di Budu, Encik Rendah di Kangsa, Tok Muda Mat Sah dan Tok Muda Usop (Yusof).
- Orang Kaya Lipis:** Tok Muda Setia di Tanjung Besar, Menteri Abdullah di Penjum, Tok Kali di Segu, Tok Bakar di Batu Talam, Tok Dagang di Semantan Hulu, dan Tok Muda Long.

Setelah selesai persidangan Majlis Mesyuarat Negeri itu, di-



dapati orang-orang besar Pahang tidak puas hati dengan gaji yang telah ditetapkan oleh Residen British itu. Menurut mereka, gaji yang telah diluluskan itu tidak mencukupi jika dibandingkan dengan hak kelebihan yang ada pada mereka pada masa sebelum British datang dahulu.

Kemudian, Tok Raja, Tok Gajah, Orang Kaya Chenor, Orang Kaya Temerloh, Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Semantan (Datuk Bahaman) dan Encik Abdullah di Bera, telah menghantar surat kata dua kepada Residen British Pahang menyatakan mereka tidak puas hati dengan gaji yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Pahang yang telah bersidang pada 11 hari bulan Januari 1890 itu, dan menyatakan juga mereka tidak mahu mengiktiraf undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri, dan jika undang-undang itu dilaksanakan juga, mereka tidak menyetujui undang-undang itu dijalankan kepada penduduk dalam daerah pegangan mereka, kecuali jika diberi peluang kepada mereka mengkaji semula undang-undang itu dan mereka memanggil Majlis Mesyuarat Negeri itu sebagai 'Majlis Mesyuarat Residen British' itu sendiri!

Pada 2 hari bulan Februari 1890 J.P. Rodger telah menjawab surat tersebut dan dialamatkan kepada Orang Besar Berempat dan Tok Gajah sahaja, dan tidak kepada Orang Kaya Semantan dan Encik Abdullah, kerana mereka bukan Orang Besar Berempat. Dalam surat jawapannya itu Rodger menyatakan ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat itu hanya boleh diubah oleh Majlis Mesyuarat Negeri sahaja, dan gaji orang-orang besar itu boleh ditetapkan oleh kerajaan sahaja, bukan oleh orang besar itu sendiri. Dalam suratnya itu juga Residen telah mengancam akan menghukum siapa sahaja yang enggan mentaati perintah Majlis Mesyuarat Negeri itu, apa lagi jika pihak yang tidak taat itu menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri Pahang. Residen British telah mengakhiri suratnya dengan mengatakan dia tidak akan lagi melayan sebarang surat yang dikirimkan kepadanya kecuali jika orang besar Pahang itu mahu berdiplomasi dengan menggunakan peraturan yang lebih hormat terhadapnya. Tetapi surat ancaman Residen British itu tidak juga dapat menghi-

langkan rasa tidak puas hati orang-orang besar Pahang itu.

Pada awal tahun 1890 itu juga, daerah Kuala Pahang telah dijadikan daerah kecil kepada Daerah Pekan.

Pada pertengahan bulan Februari 1890 itu juga, Hugh Clifford yang telah menghabiskan cutinya telah kembali ke Pekan. Dari Pekan ia telah memudiki Sungai Pahang pergi ke Kuala Lipis dan pada 1 hari bulan Mac 1890 ia mula memegang jawatannya di Kuala Lipis menggantikan pemangkunya W.C. Michell sebagai Penguasa di Hulu Pahang. Dalam tahun 1890 itu juga telah ditambah beberapa orang lagi pegawai British memegang jawatan di negeri Pahang iaitu C.E.M. Desborough dilantik menjadi Setiausaha kepada Residen, Penrose sebagai Penguasa Kerjaraya Hulu Pahang, dan E.F. Townly sebagai juru ukur.<sup>1</sup>

Dalam bulan Mac 1890 itu juga, William E. Maxwell, Residen British Selangor, telah ditugaskan oleh Gabenor Negeri Selat menyelesaikan perselisihan sempadan di antara Pahang dengan Negeri Sembilan. Dalam bulan Jun 1890 ketiga-tiga orang Residen British Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan telah mengadakan perjumpaan di Kuala Lui dan telah mengadakan penyiasatan selanjutnya mengenai sempadan antara kedua buah negeri itu, dan akhirnya perselisihan sempadan itu telah diselesaikan oleh pihak British dengan menentukan garisan sempadan antara kedua buah negeri itu.<sup>2</sup>

Dalam bulan September pula (1890), J.P. Rodger telah meninggalkan Pahang kerana bercuti panjang. Ibu pejabat kerajaan Pahang di Pekan diletakkan di bawah jagaan F. Belfield sehingga Hugh Clifford diangkat menjadi Pemangku Residen British Pahang mulai pada 24 hari bulan November 1890 itu juga.

Majlis Mesyuarat Negeri Pahang telah bersidang buat kali yang ketiganya pada 11 hari bulan Disember 1890. Orang Besar Pahang yang tidak hadir dalam mesyuarat itu ialah Bendahara, Temenggung, Engku Andak, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh. Dalam persidangan itu, Hugh Clif-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 131-134; KAMPUNG - m.s. 36.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 134-135.

ford telah mengemukakan satu rang undang-undang mengenai tanah yang dimiliki oleh orang Melayu mengikut adat turun temurun di negeri itu hendaklah dikenakan sewa. Tok Gajah telah meminta supaya sewa itu jangan dikenakan dahulu oleh kerajaan sehingga tahun yang lain pula, kerana jika dikenakan masa itu juga, rakyat akan terperanjat dan boleh menyebabkan mereka sakit hati. Tok Raja berpendapat aturan mengenakan sewa tanah itu tidak akan membangkitkan sakit hati dan beliau cuma memikirkan pada masa itu, aturan itu tidak dapat dijalankan dan beliau mencadangkan supaya ditangguhkan setahun lagi. Hugh Clifford pula mengatakan perkara itu sudah lama ditangguhkan, lagipun orang-orang besar Pahang sedang berusaha menuntut gaji lebih dan tentulah tambahan gaji itu tidak dapat dibuat jika sekiranya hasil pendapatan kerajaan Pahang tidak bertambah. Sultan Pahang bersetuju dengan pendapat Pemangku Residen British itu dan Majlis Mesyuarat Negeri telah menetapkan undang-undang dan peraturan tanah mulai dijalankan pada 1 hari bulan Januari 1891.

Dalam penghujung bulan Disember 1890 itu, Sultan Ahmad dengan diiringi oleh orang-orang besar serta pengawal baginda telah melawat Kuala Lipis dan di sana baginda telah diraikan oleh Pemangku Residen British (Hugh Clifford). Setelah itu baginda berangkat melawat Bukit Betong dan telah disambut dengan meriahnya oleh Maharaja Perba orang besar di Jelai itu.

Dalam penyata mengenai negeri Pahang bagi tahun 1890 yang telah ditulis oleh J.P. Rodger, antara lain ia mengatakan:—

"Tahun yang lalu (1890) telah berjalan dengan aman, dan sungguhpun dari semasa ke semasa ada berita angin bertujuan hendak membangkitkan orang Melayu membuat kacau di negeri Pahang telah ditimbulkan dan disebarkan oleh bumiputera di negeri yang berjiran, tetapi saya sukacita telah dapat membuat laporan ini iaitu berpegang kepada pengetahuan saya yang agak telah beramah mesra dengan sekalian bumiputera yang terkemuka di negeri Pahang, dan juga setelah saya mendapati beberapa peluang menyelami perasaan segala lapisan bumiputera di negeri itu (Pahang), saya dapati berita angin itu tiadalah sekali-kali mempunyai asas, dan sejauh yang dapat dipertimbangkan, tak adalah lagi ba-

haya kekacauan yang dikhuatirkan akan berlaku di negeri Pahang, seperti yang dijangkakan ada di negeri Perak dan Selangor. Kepercayaan dan muhibah di antara bumiputera dengan pegawai bangsa Eropah di negeri itu, serta telah menunjukkan tanda yang berbeza dengan perasaan yang ada kepada beberapa orang besar yang sangat berpengaruh di negeri itu dalam tahun 1887 dan 1888 dahulu".

Penyata J.P. Rodger itu didapati berlainan dengan penyata yang telah dibuat oleh Kapten Syers dahulu. Setelah berlaku gerakan orang Melayu menentang campur tangan British di negeri itu kemudiannya (mulai tahun 1891), nyatalah menunjukkan bahawa penyata yang telah dibuat oleh J.P. Rodger tidak betul mengikut keadaan yang sebenar di negeri Pahang. Tetapi pihak British pula mengatakan bahawa penyata Rodger itu terbit daripada perasaan seorang yang mengharapkan semua perkara yang akan menjadi baik.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 135-137.



2

## *Penentangan Terhadap Campur Tangan British dalam Pemerintahan di Pahang*

1890. (Setelah dua tahun British campur tangan dalam pemerintahan di negeri Pahang yang telah dijadikan naungan perintah British itu, orang-orang besar Pahang telah bertambah tiada puas hati kepada cara pemerintahan British yang dijalankan di negeri itu. Di antara orang besar Pahang yang tidak puas hati itu ialah Datuk Bahaman, Orang Kaya Setia Pahlawan di Semantan (dalam daerah Temerloh) yang memang sejak dahulu lagi telah menunjukkan sikap kerasnya terhadap pegawai British yang ada di negeri Pahang.

Dalam bulan Disember 1890, Datuk Bahaman telah merasa sakit hati dan mengata-ngata majistret British di Temerloh bernama E.A. Wise. Ini adalah kerana Wise telah memilih suatu tempat di Lubuk Terua (di tepi Sungai Semantan) untuk mendirikan sebuah balai polis di situ. Dan dikatakan pula Datuk Bahaman telah menulis surat kepada William E. Maxwell, Residen British di Selangor, meminta supaya mukim Semantan tempat kediamannya itu dimasukkan menjadi daerah kepada negeri Selangor.<sup>1</sup> Wise telah melaporkan perkara itu kepada Hugh Clifford, Pemangku Residen British Pahang.)

(Sikap kasar Datuk Bahaman itu dipercayai kerana pegawai British itu tidak berunding terlebih dahulu dengan Datuk Bahaman untuk mendirikan balai polis di Lubuk Terua itu dan tentulah telah menyinggung hati Datuk Bahaman sebagai

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 140.

orang besar di mukim itu yang tiada diendahkan oleh pegawai British tersebut. Tambahan lagi apabila ada balai polis di Lubuk Terua yang tentu sahaja akan menjalankan undang-undang cara British di tempat itu pasti kebebasan Datuk Bahaman dan pengikutnya akan terhalang. Balai polis tersebut terus juga didirikan di Lubuk Terua.)

1891. (Dalam bulan Januari 1891, kerana timbulnya sakit hati terhadap Datuk Bahaman yang telah menghina majistret British di Temerloh itu, Hugh Clifford telah memberitahu Sultan Pahang di Pulau Tawar berkenaan Datuk Bahaman yang telah menulis surat kepada Maxwell di Selangor. Sultan Ahmad telah memanggil Datuk Bahaman datang mengadapnya ke Pulau Tawar.) Setelah Sultan Ahmad menerangkan pengaduan Clifford itu kepada Datuk Bahaman, beliau telah menolak tuduhan Clifford itu dan menyatakan ia tidak pernah menulis surat seperti itu kepada Maxwell. Baginda telah menyuruh Datuk Bahaman pergi ke Pekan supaya perkara itu disiasat di sana. Setelah Datuk Bahaman kembali ke tempatnya, tidak pula beliau pergi ke Pekan, kerana Datuk Bahaman tidak suka berjumpa Clifford.

Apabila Clifford mendapati Datuk Bahaman tidak datang ke Pekan, Clifford telah menyerahkan perkara itu kepada pertimbangan Sultan Ahmad.

Dalam bulan Februari 1891 pula, Sultan Ahmad telah menitahkan Maharaja Perba (Wan Muhammad) di Jelai pergi ke Semantan dan membawa Datuk Bahaman datang ke Pulau Tawar supaya baginda menahan Datuk Bahaman sehingga ia mengaku akan berkelakuan baik terhadap pegawai British di negeri Pahang. Dipercayai sikap baginda yang sedemikian terhadap Datuk Bahaman ialah setelah menerima "nasihat" daripada Clifford.

Maharaja Perba (Tok Raja) telah pergi ke Semantan menjalankan perintah Sultan Pahang itu. Tetapi pekerjaan Tok Raja itu tidak berhasil, kerana beliau tidak berjumpa dengan Datuk Bahaman. Kononnya dikatakan Datuk Bahaman telah menyembunyikan diri dalam hutan, dan Tok Raja kembali semula ke Jelai. Dalam pada itu tiadalah diketahui apakah tin-

dakan yang dijalankan oleh Sultan Pahang terhadap Datuk Bahaman mengenai hal itu.<sup>1</sup>

Tiada lama lepas itu di Semantan Datuk Bahaman telah berjumpa dengan seorang lagi Majistret British di Temerloh bernama J.F. Owen. Datuk Bahaman telah berterus terang mengatakan kepada Owen bahawa beliau tidak mahu mengikut undang-undang orang putih di negeri Pahang dan orang-orangnya di Semantan juga dilarang mengikut undang-undang British itu, kecuali jika beliau diberi gaji sebanyak \$6,000 tiap tahun sebagai ganti pembayaran kehilangan haknya mengikut adat istiadat kerajaan Melayu Pahang yang telah membolehkannya memungut cukai di Semantan.

Sejak itu Datuk Bahaman tidak mahu mengikut perintah kerajaan yang dijalankan oleh pegawai British di Mukim Semantan, dan beliau telah membenarkan orang-orangnya mengeluarkan hasil hutan di Semantan sebagai mata pencarian dengan tidak payah meminta surat kebenaran daripada pegawai British bagi pihak kerajaan serta melarang orang-orangnya bekerjasama dengan pegawai British yang menjalankan kerja membanci penduduk di Semantan untuk laporan banci penduduk negeri Pahang bagi tahun 1891.<sup>2</sup>

Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Pahang buat kali keempatnya telah bersidang pada 18 hari bulan Mei 1891. Tetapi tiada perkara penting yang telah dibentangkan.<sup>3</sup>

Majlis Mesyuarat Negeri Pahang telah bersidang bagi kali kelimanya pada 8 hari bulan Oktober 1891 itu juga, dihadiri oleh semua ahli Majlis Mesyuarat, kecuali Tok Raja, Bendahara dan Tuan Mandak. Dalam persidangan itu telah ditetapkan sempadan bagi daerah pegangan orang-orang besar Pahang iaitu:—

Orang Kaya Indera Syahbandar, di Kampung Jambu, Pekan, seorang daripada Orang Besar Berempat. Sempadan daerah pegangannya dari Sungai Bebar sampai ke Kuala Lepar.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 140.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 160.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 137.



Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor seorang daripada Orang Besar Berempat dari Kuala Lui sampai ke Buntut Pulau Kening, dan juga Mukim Sungai Kerau iaitu dari Batu Wan Pak sampai ke Batu Redap.

Orang Kaya Indera Segara, Temerloh, seorang daripada Orang Besar Berempat, dari Kuala Tekoh sampai ke Pasir Purun.

Imam Perang Indera Gajah (Tok Gajah), seorang daripada Orang Besar Raja, dari Batu Redap sampai ke Kuala Piul, dari Tanjung Sakti sampai ke Kangsa, dari Pedah sampai ke Tanjung Lindung, dan juga lembahan Sungai Budu di Lipis.

Orang Kaya Indera Maharaja Perba, Jelai (Tok Raja), seorang daripada Orang Besar Berempat, dari Tanjung Lindung sepanjang Sungai Jelai\* (maksudnya Sungai Pahang dan Sungai Jelai) hingga ke sempadan negeri Perak dan negeri Kelantan (kecuali Sungai Lipis), dari Kuala Tembeling sampai ke Pasir Durian.

Orang Kaya Setia Wangsa, Lipis, seorang daripada Orang Besar Berempat. Sungai Lipis dan cawangannya kecuali Sungai Budu.

Penghulu Bentong, dari Kuala Kelau sampai ke icak-ocak di hulu Sungai Tembeling kecuali daerah pegangan Wan Husain dan Wan Ismail.

Orang-orang besar yang berpangkat di bawah daripada orang besar yang telah disebutkan itu, telah diberi surat kuasa yang menyatakan sempadan daerah pegangan mereka dan hendaklah dipatuhi.

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada 8 hari bulan Oktober 1891 itu juga, Hugh Clifford, Pemangku Residen British Pahang, telah mengemukakan dalam persidangan itu fasal Datuk Bahaman yang tidak mahu bekerjasama membantu kerajaan, dan melarang orang-orangnya mengikut perintah yang dikeluarkan oleh pegawai Sultan Pahang (tentulah maksudnya

---

\*Residen British Pahang telah menggunakan peta yang dikeluarkan oleh Royal Asiatic Society Straits Branch pada tahun 1887. Peta itu menunjukkan nama Sungai Jelai bagi Sungai Pahang sampai ke Kuala Bera.

pegawai British yang bekerja dengan kerajaan Pahang). Dan Clifford telah menerangkan juga, Datuk Bahaman telah beberapa kali diberi amaran dan telah diberikan layanan yang lemah-lembut. Tetapi, kata Clifford, siapa yang tidak menurut perintah kerajaan Sultan Pahang, bererti menderhaka dan boleh dihukum. Clifford mengatakan lagi, jika sekiranya Datuk Bahaman bukan seorang yang telah lama menjadi pengikut Sultan Pahang, tentulah ia telah ditangkap seperti orang kebanyakan yang melakukan kesalahan.

Dalam persidangan itu Sultan Pahang telah menyatakan rasa terkejut mendengar Datuk Bahaman sepertimana yang telah dikatakan oleh Pemangku Residen itu, pada hal baginda serta orang-orang besar baginda telah memerintahkan Datuk Bahaman supaya mematuhi perintah kerajaan. Setelah itu Clifford telah memberikan "nasihat"nya dalam persidangan itu, mengatakan, selagi ada Datuk Bahaman, beliaulah yang menjadi punca sebenarnya yang akan menimbulkan kekacauan di Semantan. Dengan berpandukan "nasihat" dan kehendak Pemangku Residen British itu, Sultan Pahang telah bersetuju mengeluarkan surat perintah yang dicap dengan mohor baginda untuk melucutkan gelaran Orang Kaya Pahlawan Semantan itu.<sup>1</sup>

Tiada berapa lama selepas persidangan Majlis Mesyuarat Negeri yang kelima itu, mengikut nasihat Hugh Clifford, Sultan Pahang telah menandatangani serta dicap dengan mohor baginda surat perintah yang melucutkan gelaran Datuk Bahaman dan tarafnya sebagai Orang Kaya Setia Pahlawan Semantan, dan salinan surat perintah itu telah diedarkan di Mukim Semantan. Sejak itu, mengikut *Hikayat Pahang*, namanya kembali mengikut nama asal iaitu Si Bahaman.<sup>2</sup>

Oleh kerana bimbangkan tentangan dari pihak Datuk Bahaman di Semantan, pihak British telah menambahkan kekuatan di balai polis Lubuk Terua dengan menghantarkan dua puluh lima orang mata-mata lagi, di antara mereka itu,

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 137-138.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 140, HIKAYAT (II).

tujuh belas orang mata-mata bangsa Sikh. Sarjan yang menjaga balai polis itu telah diperintahkan menangkap Bahaman jika ia mengancam hendak menyerang balai polis itu ataupun jika ia melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang negeri.<sup>1</sup>

Dua hari sahaja selepas persidangan Majlis Mesyuarat Negeri yang kelima itu, diadakan pula persidangan kali keenamnya pada 11 hari bulan Oktober 1891 itu juga. Hugh Clifford masih lagi memegang jawatan Residen British. Tengku Mahmud, Tuan Mandak dan Tok Raja tidak hadir dalam mesyuarat itu. Dalam mesyuarat itulah telah ditetapkan Tengku Mahmud yang menjadi Pemangku Raja itu digelar Tengku Besar. Sepucuk surat daripada Gabenor Singapura yang telah dihantar kepada Sultan Pahang telah dibacakan dalam Majlis Mesyuarat itu. Antara lain Gabenor itu mengatakan, “. . . beta merasa sukacita akan persetujuan sahabat beta melantik Tengku Mahmud menjadi Tengku Besar dengan tujuan supaya zuriat sahabat beta berkekalan menjadi Sultan di negeri Pahang hingga akhir zaman. . . .”

Dalam laporan Residen British Pahang bagi penyata tahun 1891, beliau menyebutkan, satu persidangan khas Majlis Mesyuarat Negeri telah diadakan “untuk menentukan pengganti yang akan menduduki takhta kerajaan negeri Pahang kepada putera sulung Sultan Ahmad iaitu Tengku Mahmud sebagai Tengku Besar.

Menurut banci tahun 1891, jumlah penduduk negeri Pahang ialah 55,884 orang iaitu orang Melayu 50,509 orang, Cina 3,241 orang, orang Asli 2,032 orang, orang Eropah 102 orang, dan lain-lain bangsa.<sup>2</sup>

Pada akhir tahun 1891 juga orang Melayu di Pahang mula mencetuskan gerakan dengan menggunakan senjata menentang pihak British yang telah mencampuri pemerintahan di Pahang.

Pada 15 hari bulan Disember 1891 itu, C.E.M. Desborough yang menjadi Pemangku Pemungut Cukai Tanah di Mukim

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 140; POLICE—m.s. 79.

<sup>2</sup> PAHANG — m.s. 138.

Semantan serta seorang inspektor lombong yang membawa lima belas orang mata-mata bangsa Sikh dan enam orang mata-mata Melayu, telah mudik di Sungai Semantan pergi ke Lubuk Terua untuk menambahkan bilangan mata-mata di balai polis di situ. Semasa dalam perjalanan Desborough telah berjumpa dan menangkap tiga orang pengikut Datuk Bahaman yang telah dituduh mengeluarkan hasil hutan dengan tidak mempunyai surat kebenaran daripada kerajaan. Desborough tidak mahu melepaskan mereka walaupun kaum keluarga mereka mahu menjamin, mereka telah dibawa ke balai polis Lubuk Terua ditahan untuk dibicarakan.

Oleh sebab Datuk Bahaman memikirkan pasukan British yang datang itu telah dirancang untuk menangkapnya, beliau telah bersedia menghimpunkan pengikutnya. Pada hari yang kedua, pasukan Desborough telah diserang hendap oleh orang-orang Datuk Bahaman dan berlakulah pertempuran. Beberapa buah perahu pihak British telah ditenggelamkan oleh orang-orang Datuk Bahaman, inspektor lombong itu serta seorang Melayu pengayuh perahu dan seorang mata mata Sikh telah luka. Oleh sebab tidak dapat menentang serangan itu, Desborough dan mata-mata Sikh yang dibawanya itu telah lari semula ke Temerloh dengan menggunakan beberapa buah perahu yang ada pada mereka. Sampai di Temerloh, didapati lima orang daripada orang Desborough telah hilang, iaitu empat orang mata-mata Sikh dan seorang sarjan Melayu. Tetapi kemudiannya seorang daripada mata-mata Sikh yang dikatakan hilang itu telah dapat melepaskan diri balik ke Temerloh dan mata-mata Sikh yang tiga orang lagi itu telah dibunuh dan badannya telah dicincang. Sarjan Melayu yang dikatakan hilang itu, rupanya bersama dengan sarjan yang menjaga balai polis di Lubuk Terua, telah ditangkap oleh seorang ketua kampung di Semantan. Tetapi kemudiannya, sarjan itu telah dapat melepaskan diri.

Setelah berjaya menyerang dan mengalahkan pasukan Desborough itu, Datuk Bahaman dan pengikutnya telah pergi menyerang dan menawan balai polis di Lubuk Terua. Kemudian mereka menyerang dan berjaya menawan rumah stor kepunyaan syarikat lombong di Raub dan di Bentong dan

mengambil makanan dan barang yang tersimpan di situ. Pada masa itu Datuk Bahaman telah terus terang menyatakan maksudnya hendak menentang pihak British yang menjalankan pemerintahan di negeri Pahang dengan menggunakan senjata.

Kejayaan Datuk Bahaman mengalahkan pasukan Desborough di Sungai Semantan itu telah membangkitkan semangat berani orang-orang Melayu di Semantan menentang British, dan telah mengambil ramai lagi orang Semantan menjadi pengikutnya. Mulanya pengikut Datuk Bahaman berjumlah seratus orang. Tetapi sejak mereka dapat menawan Lubuk Terua, pengikut Datuk Bahaman telah bertambah menjadi enam ratus orang, kerana orang Melayu dari Bentong dan tempat lain juga telah menyebelahi Datuk Bahaman. Selain dari itu, lebih kurang seratus Orang Asli yang telah masuk ke dalam angkatan Datuk Bahaman dan mereka menjadi pembawa barang dan perkakas.

Tiada lama kemudian, angkatan Datuk Bahaman telah menyerang pekan Temerloh. Desborough dan mata-mata yang mengawal tempat itu telah lari meninggalkan pekan Temerloh. Semasa pengikut Datuk Bahaman menyerang pekan Temerloh, mereka telah merampas barang-barang di beberapa buah kedai di pekan itu dan telah membunuh beberapa orang pekedai yang melawan mereka. Empat puluh pucuk senapang lama kepunyaan polis di pekan itu telah diambil oleh orang-orang Datuk Bahaman. Pada masa itu Datuk Bahaman dan pengikutnya telah berjaya menguasai daerah di Sungai Semantan hingga ke Temerloh.<sup>1</sup>

Pada 21 hari bulan Disember 1891, J.P. Rodger yang pada masa itu menjadi Pemangku Residen British di Selangor (William Maxwell yang masa itu bercuti) telah mendapat tahu tentang peristiwa pertempuran di Semantan itu. Rodger bersama dengan Kapten Syers Penguasa Polis Selangor dengan membawa dua puluh lima orang mata-mata Sikh dengan segera pergi ke Pahang. Rodger dengan rombongannya itu telah sampai di Raub dan menemui Hugh Clifford, E.A. Wise dan

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 140-141.

Inspektor Fleming (Ketua Polis Hulu Pahang) serta mata-mata Sikh yang ada di situ seramai dua puluh lima orang. Pada masa itu beberapa orang mata-mata dari balai polis di sekitar tempat itu telah dipanggil untuk menguatkan lagi pasukan pihak British berkawal di Kuala Lipis dan Kuala Tembeling. Ketika itu pegawai British yang ada di Pahang sibuk mengaturkan kekuatan mereka, terutama pasukan polis, untuk melawan pihak orang Melayu yang menentang pihak British.

Dari Raub, Rodger telah pergi menghadap Sultan Pahang di Pulau Tawar meminta dan mengaturkan kerjasama dari pihak Sultan Pahang untuk menentang orang Melayu di Kuala Semantan itu.

Oleh sebab pada masa itu pasukan polis di Pahang kurang daripada 300 orang (separuh Melayu dan separuh Sikh), Rodger berpendapat belum cukup kuat untuk melawan pihak penentang British yang telah semakin bertambah ramai itu. Rodger telah menempatkan anggota polis itu di balai polis yang lebih penting di sekitar Semantan iaitu di Bentong, Teras, Raub, Kuala Lipis dan Kuala Tembeling, dan Rodger mengharapkan kerjasama dari Sultan Pahang dan askarnya untuk menghapuskan gerakan penentang dari pihak orang Melayu itu.

Pada 29 hari bulan Disember 1891, Hugh Clifford dengan enam puluh orang mata-mata Sikh diketuai oleh Inspektor Sumner, bersama dengan Tengku Mahmud dan orang-orangnya (Melayu) seramai lebih kurang dua ratus orang, telah datang ke Semantan melawan pihak Datuk Bahaman.

1892. Pasukan Clifford dan Tengku Mahmud itu telah sampai di kubu pertama pihak Datuk Bahaman yang telah ditinggalkan. Dari situ pasukan Clifford dan Tengku Mahmud terus mara hingga sampai ke tempat yang bernama Kampung Kelubi, kubu kedua tempat pertahanan pihak Datuk Bahaman, dan di situ telah berlaku pertempuran di antara pihak British dengan orang Melayu pengikut Datuk Bahaman.

Dalam pertempuran di Kelubi, orang Sikh dan orang Melayu dalam pasukan Clifford dan Tengku Mahmud telah ber-

pecah kerana mereka tidak sesuai untuk disatukan, sehingga terpaksa dibuat dua buah kubu, sebuah untuk orang Melayu dan sebuah lagi untuk orang Sikh. Pasukan British yang datang itu tidak dapat mengalahkan orang-orang Datuk Bahaman. Akhirnya pada 1 hari bulan Januari 1892, pasukan Clifford dan pasukan Tengku Mahmud telah berundur ke Temerloh.<sup>1</sup>

Semasa pasukan Clifford dan pasukan Tengku Mahmud bertempur dengan pihak Datuk Bahaman di Kelubi, bantuan polis yang dihantar oleh Kapten Syers dan E.A. Wise di pekan Bentong itu telah bertempur dengan orang Melayu yang menentang hak British di sana. Tiga orang dari pasukan Syers telah terbunuh dan lima orang cedera. Perhubungan pengangkutan pihak British di antara Bentong dengan negeri Selangor telah diganggu oleh orang Melayu dan beberapa buah kedai di pekan Bentong telah diserbu dan beberapa orang pekedainya yang melawan telah dibunuh.

Setelah pasukan Clifford dan Tengku Mahmud dialahkan oleh pihak Datuk Bahaman di Kelubi, Sultan Ahmad telah mengisytiharkan bahawa Datuk Bahaman yang mengetuai orang Melayu Semantan yang menentang pihak British sebagai seorang "penderhaka" dan baginda telah memberitahu orang-orang besar baginda supaya menangkap atau membunuh Datuk Bahaman dan baginda akan menghukum orang-orang yang menyebelahi Datuk Bahaman. Selain dari itu baginda telah memberitahu Gabenor di Singapura bahawa baginda dan pengikutnya akan bekerjasama dengan British untuk melawan dan menghapuskan pihak orang Melayu yang dikatakan "menderhaka" itu jika baginda diberi senapang dan peluru.

Tindakan Sultan Ahmad terhadap rakyat baginda sendiri itu tentulah kerana mengikut hasutan Hugh Clifford dan hasutan itu dipandang oleh pihak British sebagai "nasihat" daripada Residen British Pahang yang mesti dijalankan, mengikut perjanjian yang telah baginda setuju semasa memasukkan negeri Pahang ke bawah naungan perintah British.

---

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 141-142.

Tiada lama lepas itu Sultan Pahang telah menerima bantuan daripada Gabenor di Singapura seratus pucuk senapang, sepuluh ribu butir peluru dan sepucuk meriam dengan kelengkapannya sekali untuk digunakan melawan orang Melayu yang menentang pihak British di negeri Pahang itu.

Pada 14 hari bulan Januari 1892, Sultan Ahmad dari Pulau Tawar telah sampai di Kuala Semantan untuk mengetuai sendiri angkatan kerajaan melawan pihak yang menentang British itu. Esoknya Sultan Pahang dan Rodger serta Tengku Ali putera baginda (adik Tengku Mahmud) dengan beberapa orang besar Pahang, yang membawa satu angkatan mengandungi lebih kurang seribu orang telah memasuki lembahan Sungai Semantan. Hugh Clifford telah pergi dan berjaga di Kuala Lipis. Pada masa itu Tengku Mahmud sedang gering di Pekan.

Angkatan kerajaan Pahang yang diketuai oleh Sultan dan Residen British Pahang telah sampai dan menyerang kubu pertama pihak Datuk Bahaman di tempat yang bernama Batu Hampar dan pasukan Datuk Bahaman itu diketuai oleh Tok Muda Bidin. Setelah berlaku pertempuran, dua orang ketua kampung pihak Datuk Bahaman telah terbunuh dan kubu itu telah dapat dikalahkan. Dari situ pasukan kerajaan terus menyerang dan membinasakan kubu pihak Datuk Bahaman di Semantan. Oleh kerana pasukan yang datang menyerang itu dipimpin sendiri oleh Sultan Pahang pasukan itu tidak ditentang hebat dari pihak orang Melayu di Semantan, mereka telah melarikan diri ke dalam hutan.

Setelah lebih kurang setengah bulan lamanya pasukan kerajaan yang datang itu menyerang dan membinasakan kubu di Semantan, iaitu sebanyak dua belas buah kubu telah dibinasakan, pada 31 hari bulan Januari 1892, angkatan kerajaan itu telah sampai ke Bentong, dan di situ Rodger telah berjumpa dengan Kapten Syers dan Wise yang telah menceritakan kisah pertempuran mereka dengan orang Melayu yang datang menyerang Bentong.

Esoknya, pada 1 hari bulan Februari 1892 Major Mac Callum dari Singapura, sebagai Pesuruhjaya Tentera, yang membawa satu pasukan polis dari Selangor dan Perak, telah sam-



pai di Bentong untuk membantu pihak British yang ada di situ. Tetapi tiada lama kemudian, kerana perkhidmatan polis yang baharu datang itu tidak begitu dikehendaki, Rodger telah membenarkan pasukan itu kembali semula ke Selangor dan Perak.<sup>1</sup>

Setelah kekacauan di Semantan dapat dihapuskan, Sultan Ahmad telah meletakkan seluruh lembahan Sungai Semantan itu di bawah kawalan pasukan askar baginda (orang Melayu) diketuai oleh Encik Abdullah Kampung Bera dan Sayid Ali Kampung Badoh.

Pada masa itulah juga Sultan Pahang telah mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai kepada rakyat baginda yang telah mengambil bahagian dalam kekacauan yang baharu berlaku itu dengan syarat mereka mesti kembali ke tempat masing-masing dalam tempoh satu bulan. Tetapi pengampunan itu dikecualikan kepada ketua-ketua yang telah membangkitkan kekacauan iaitu seramai dua puluh orang. Sejak itu ramailah orang Melayu Pahang yang telah lari ke dalam hutan balik ke tempat masing-masing. Mengikut berita angin yang tersebar di Semantan masa itu, Datuk Bahaman masih tinggal dalam hutan hidup bersama dengan Orang Asli.<sup>2</sup>

Sejak itu gerakan orang Melayu di Pahang yang menentang pihak British di negeri itu telah diberhentikan buat sementara waktu.<sup>3</sup>

Dalam bulan Februari 1892 itu juga, pihak British di Pahang telah menyusun semula pegawai pentadbiran kerajaan di Temerloh. E.A. Wise dijadikan Pegawai Daerah di Temerloh yang dibantu oleh Tengku Ali. Pasukan pengintip telah dihantar ke merata tempat memerhatikan kalau ada pergerakan menentang kerajaan yang dilakukan oleh orang Melayu.<sup>4</sup>

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 142; POLICE - m.s. 80.

<sup>2</sup>POLICE - m.s. 80:81; PAHANG - m.s. 142-143.

<sup>3</sup>POLICE - m.s. 81.

<sup>4</sup>PAHANG - m.s. 143.

Pada masa itu juga J.P. Rodger, Residen British Pahang itu telah menghantarkan laporannya mengenai perkara yang baru berlaku di Pahang kepada Gabenor di Singapura. Antara lain ia telah mengatakan:

Beliau mengakui kecekapan Sultan Pahang (Sultan Ahmad) dalam hal perang cara Melayu yakni berperang dalam hutan. Askar Sikh dan Eropah hampir tidak dapat berbuat apa pada masa berperang dalam hutan. Kalau British hendak berjaya berperang dalam hutan di Pahang itu, askar Sikh dan Eropah itu hendaklah dibantu oleh pasukan yang kuat terdiri daripada askar Melayu dan Gurkha atau dengan anak negeri yang mahir dengan cara berperang dalam hutan.

Dengan adanya Sultan Pahang yang membawa orang-orangnya ke Semantan, usaha untuk mengalahkan pihak yang membuat kacau itu telah dapat dibuat dengan segera dan berkesan. Kalaulah sekiranya usaha itu dilakukan oleh askar British sahaja, mungkin juga mengambil masa yang panjang, banyak memakan belanja dan boleh jadi menemui kemalangan besar.

Sultan Pahang adalah raja yang berdaulat di negeri Pahang, orang-orang besar dan rakyat taat setia kepada baginda. Dengan adanya campur tangan baginda itu, mudah sahaja kalau hendak mengumpulkan seramai lima ribu orang perajurit Melayu di Pahang, dan yang pentingnya hendaklah diketahui bahawa orang Melayu Pahang tidak suka urusan mereka dicampuri oleh orang asing.

Sultan Pahang yang dengan kemahuannya sendiri telah mengetuai angkatan pihak kerajaan pergi ke Semantan, masuk hutan, menanggung berbagai azab sengsara dan telah meninggalkan anak isteri baginda lebih sebulan lamanya itu, adalah satu contoh yang utama menunjukkan kesetiaan baginda kepada kerajaan British.

Memandangkan kepada kemungkinan berlakunya kekacauan di Semantan itu jika tidak dengan segera dipadamkan, sebelum segala persediaan dibuat, hendaklah Sultan Pahang yang bersemayam di Pulau Tawar itu dipindahkan ke Pekan atau ke tempat lain di sekitar Pekan kerana jika baginda bersemayam di Pulau Tawar juga, baginda akan sentiasa dirapati oleh kumpulan pakatan sulit.

Mengenai kekacauan di Semantan itu, mungkin juga bekas Orang Kaya itu (Datuk Bahaman) telah membuat persediaan lebih dahulu, dan dengan mengharap bantuan dari orang-orang besar Pahang dan juga kalau Sultan Pahang diam sahaja, lambat-laun bekas Orang Kaya itu akan membangkitkan kekacauan juga di Semantan. Kekacauan yang telah berlaku di Semantan itu adalah disebabkan oleh tingkah laku dan perbuatan yang telah dilakukan oleh Pemangku Pemungut Cukai di Temerloh (Desborough) dan

inspektor lombong itu semasa mereka memudiki Sungai Semantan.<sup>1</sup>

Pada penghujung tahun 1891 atau awal tahun 1892, dengan tidak diketahui oleh pihak berkuasa British, Sultan Pahang serta semua orang besar yang kanan di negeri Pahang, telah berkumpul dan bermesyuarat di Pulau Tawar. Dalam perjumpaan itu, orang-orang besar Pahang telah bersumpah mengakui akan memberikan kesetiaan mereka kepada Sultan Pahang dan mereka telah berjanji juga tidak akan membuat perhubungan dengan Residen British Pahang atau dengan Gabenor di Singapura dan perhubungan seperti itu hendaklah dibuat menerusi Sultan Pahang, dan baginda bebas untuk memutuskan sama ada hendak mencampuri perkara itu atau tidak. Sultan Ahmad telah menyetujui bahawa hak dan kelebihan yang ada pada orang-orang besar Pahang itu ditetapkan juga seperti adat yang telah turun temurun sejak zaman dahulu, baginda tidak akan masuk campur kecuali dalam beberapa perkara yang luar biasa, baginda tidak akan melayani sebarang pengaduan yang menentang orang besar baginda melainkan jika pengaduan itu dikemukakan menerusi orang besar yang bersangkutan dengan perkara tersebut. Surat persetiaan yang telah dibuat di antara mereka dalam perjumpaan itu telah dicap dengan mohor Sultan Pahang dan ditandatangani oleh Orang Besar Berempat, Tok Gajah, Orang Kaya Setia Wangsa Lipis dan Sayid Ali Kampung Badoh. Bagi meyakinkan janji yang telah dipadu dalam perjumpaan itu, orang-orang besar itu telah bersumpah dengan menjunjung Al-Quran yang telah disediakan oleh Tengku Ampuan Pahang.<sup>2</sup>

Dalam bulan Februari itu juga (1892), seorang yang bernama Encik Embok telah memberitahu Rodger mengatakan Maharaja Perba Jelai (Wan Muhammad) yang baharu sahaja kembali dari Kelantan, nampaknya hendak masuk bersekutu dengan orang yang menentang pihak British di Pahang. Diper-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 143-144.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 144-145.

cayai cerita Encik Embok itu telah disampaikan pula oleh Rodger kepada Sultan Pahang.

Pada 23 hari bulan Februari 1892 Sultan Pahang telah mengutus surat kepada Maharaja Perba Jelai dan menjawab surat Tok Raja yang bertarikh pada 20 hari bulan Februari 1892 yang telah dikirimkan kepada baginda. Dalam surat jawapan itu, baginda telah menyatakan rasa dukacitanya mengenai berita keuzuran Tok Raja dan baginda telah memaklumkan juga kepada Tok Raja akan hasil pekerjaan baginda membawa angkatan ke Semantan, baginda meminta Tok Raja datang dengan segera ke Pulau Tawar untuk turut merundingkan kedudukan orang-orang besar Pahang. Jika Tok Raja merasa terlalu uzur dan tidak dapat datang Tok Raja hendaklah melantik dan menghantarkan seorang wakilnya.

Demikianlah isi kandungan surat baginda itu, dan baginda telah menitahkan Imam Perang Indera Mahkota dan Panglima Dalam Muda membawa surat itu ke Jelai supaya Tok Raja datang ke Pulau Tawar. Mengikuti bunyi surat Sultan Pahang kepada Tok Raja itu, dipercayai bahawa baginda telah mengetahui tentang Tok Raja seperti yang telah diceritakan oleh Encik Embok kepada Rodger. Dalam hal ini nampaknya baginda telah bekerjasama dengan Residen British Pahang itu.

Lebih kurang seminggu kemudian, Engku Muda Mansur (adik Sultan Ahmad) yang juga telah merasa syak dengan sikap Tok Raja terhadap pemerintahan Pahang yang dicampuri oleh British itu, telah memberi amaran kepada Tok Raja dan ketua di bawah Tok Raja supaya menjauhkan diri daripada sebarang tindakan yang boleh membahayakan pegawai kerajaan di Kuala Lipis, dan memerintahkan Tok Raja supaya mengikut perintah pegawai kerajaan itu, serta menasihatkan Tok Raja supaya berbaik-baik dengan kerajaan.<sup>1</sup>

Tiada lama lepas itu, gerakan orang-orang Melayu menentang campur tangan British dalam pemerintahan di negeri Pahang telah meletus semula. Pada 9 hari bulan Mac 1892 itu juga, Datuk Bahaman dengan pengikutnya seramai lima puluh

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 145.

orang telah datang lagi menyerang dan menawan Lubuk Terua bagi kali keduanya.

Sebelum Datuk Bahaman datang menawan Lubuk Terua, Encik Abdullah Kampung Bera yang mengetuai pasukan kawalan di situ sama ada dengan sengajanya atau kerana kelalaiannya tidaklah diketahui, telah membenarkan orang-orangnya yang mengawal Lubuk Terua itu balik ke kampung mereka di Bera, dan sebagai gantinya telah membawa orang-orang dari Kampung Chempaka dan Kampung Bolok iaitu kampung yang berhampiran dengan Lubuk Terua, tetapi orang-orang Kampung Chempaka dan Kampung Bolok itu secara sulit telah menyebelahi Datuk Bahaman.

Kejayaan Datuk Bahaman menawan Lubuk Terua itu telah menambahkan lagi bilangan pengikutnya sehingga berjumlah dua ratus orang.<sup>1</sup>

Hugh Clifford, E.A. Wise dan Tengku Ali dengan membawa pengikutnya seramai tiga ratus orang dengan segera datang ke Lubuk Terua. Apabila sampai di sana mereka mendapati pihak Datuk Bahaman telah meninggalkan tempat itu. J.P. Rodger yang baharu datang dari Singapura setelah bermesyuarat dengan Gabenor, telah sampai ke Lubuk Terua. Pasukan kerajaan telah membinasakan Kampung Chempaka dan Kampung Bolok.\*

Pada 24 hari bulan Mac 1892 orang-orang Islam di Pahang telah menjalankan ibadat puasa bulan Ramadan. Dengan kehendak Sultan dan orang besar Pahang selama bulan puasa itu semua gerakan pihak kerajaan untuk menghalang pihak pemberontak itu hendaklah diberhentikan walaupun Residen British Pahang tidak berapa menyetujui ketetapan itu. Oleh sebab tiada apa yang akan dibuat di Semantan, Rodger, Tengku Mahmud dan Tengku Ali telah kembali di Pulau Tawar, Clifford balik ke Kuala Lipis, Wise dengan beberapa orang besar Pahang serta pengikut mereka tinggal dalam kubu yang

<sup>1</sup> POLICE—m.s. 81; PAHANG—m.s. 143.

\*Tiada didapati kenyataannya berapa banyakkah rumah dan orang Melayu di Kampung Chempaka dan Kampung Bolok itu yang telah dibinasakan oleh pihak British dan sekutunya itu.

telah didirikan di Lubuk Terua untuk menjaga tempat itu. Pada masa itulah kerajaan Pahang telah mengeluarkan pengumuman menawarkan hadiah wang sebanyak \$1,000/- kepada siapa yang dapat menangkap Datuk Bahaman.<sup>1</sup>

Dalam bulan puasa itu, Sultan Ahmad telah merasa ragu dan sukar untuk menyelami keadaan yang sebenarnya terhadap peristiwa yang telah berlaku di Pahang. Baginda sendiri telah terasa kehilangan kuasa dan hak sejak adanya pegawai British memerintah di Pahang, istimewa pula sejak Tengku Mahmud dijadikan Pemangku Raja. Di samping itu, baginda mempunyai perajurit perang yang diketuai oleh Imam Perang Indera Gajah (Tok Gajah), dan Tok Gajah selalu memujuk dan memberangsangkan baginda supaya membenci dan menentang British. Sungguhpun demikian baginda telah mengatakan kepada orang-orang besar baginda bahawa baginda tidaklah menggalakkan mereka menggunakan senjata menentang British.<sup>2</sup>

Pada masa itu juga, secara sulit, Tok Gajah telah membuat perhubungan dengan Datuk Bahaman dan Maharaja Perba Jelai (Tok Raja) mengenai rancangan yang akan dijalankan untuk menentang pihak British di Pahang. Dipercayai pada masa itulah Tok Gajah telah membuat satu rancangan hendak menyerang pasukan pihak British yang ada di Kuala Lipis (Hulu Pahang). Tok Gajah telah merancangkan iaitu Sultan Pahang yang bersemayam di Pulau Tawar itu ditetapkan mengawal Kampung Chenor, Panglima Muda di Kampung Jempul (di tepi Sungai Jempul cabang Sungai Pahang) akan pergi menyerang Daerah Pekan, Tok Gajah sendiri akan pergi mengumpulkan orang Tembeling, kemudian akan disatukan dengan pasukan yang dikumpulkan oleh anak Tok Gajah yang bernama Mat Kilau di Kampung Budu, kemudian bersatu dengan orang Tok Raja di Jelai. Setelah bersatu semuanya bahrulah pergi menyerang dan menghapuskan pasukan Hugh Clifford yang tiada berapa ramai di Kuala Lipis.

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 145; POLICE - m.s. 81.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 147; POLICE - m.s. 81.

Pihak British berpendapat walaupun Sultan Pahang sendiri tahu akan rancangan yang telah dibuat oleh Tok Gajah itu, tetapi tiada didapati bukti yang nyata sama ada baginda meluluskannya atau tidak.<sup>1</sup>

Dalam bulan April 1892 meletus pula beberapa pertempuran di Pahang, dan pertempuran kali ini telah berlaku di beberapa buah tempat di negeri itu.

Pada 5 hari bulan April 1892 Panglima Muda Jempul telah memimpin satu pasukan orang Melayu untuk menyerang daerah Pekan. Dalam pelayaran menghilir Sungai Pahang itu mereka telah menyerang dan membunuh dua orang putih bernama Harris dan Stewart (pegawai dalam Syarikat Pahang Exploration Company) yang sedang mengelolakan pekerja mengeluarkan balak dari hutan di tempat yang bernama Sungai Duri berhampiran Kuala Chini, dan badan kedua orang putih itu telah dicincang. Pada 7 hari bulan April 1892 Panglima Muda Jempul dengan orangnya seramai tiga puluh orang telah sampai di Tanjung Langgar untuk menyerang bandar Pekan.

F. Belfield yang mengawal bandar Pekan dengan Engku Muda Mansur telah memerintahkan Orang Kaya Indera Syahbandar pergi menangkap Panglima Muda itu. Tetapi perintah Belfield itu tidak diindahkan oleh Orang Kaya Syahbandar. Pada masa itu Panglima Muda sendiri telah mengumumkan bahawa Tok Gajah telah menyampaikan titah Sultan Pahang kepadanya supaya mengangkat senjata membangkitkan huru-hara di Pekan. Sekumpulan kecil orang Eropah yang ada di Pekan telah lari berkumpul di dalam rumah penjara di Pekan dan membuat pertahanan mereka di situ jika diserang oleh orang Melayu.<sup>2</sup>

Pada awal bulan April itu (1892), sebelum Panglima Muda Jempul menyerang Pekan, Residen Rodger bersama Sultan Ahmad dan Tengku Mahmud berada di Pulau Tawar. Pada 10 hari bulan April 1892 Rodger dan Tengku Mahmud telah pergi ke Kuala Semantan dan di situ mereka menanti keda-

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 147.

<sup>2</sup>POLICE - m.s. 81; PAHANG - m.s. 147-148.

tangan Sultan Pahang untuk pergi ke Semantan. Tetapi esoknya dengan bergopoh-gapah Rodger telah balik semula ke Pulau Tawar setelah menerima utusan daripada Sultan Ahmad memanggil ia datang ke Pulau Tawar. Di Pulau Tawar, baharulah Rodger tahu cerita sebenar tentang kematian Harris dan Stewart dibunuh di Sungai Duri itu.

Rodger yang diiringi oleh beberapa orang pengawal peribadi Sultan Pahang dengan segera bertolak meninggalkan Pulau Tawar menghilir pergi ke Pekan. Rodger telah singgah di Sungai Duri dan telah menjumpai kepala Stewart yang telah terpenggal daripada badannya. Rodger telah menangkap seorang daripada orang yang disyaki telah membunuh Harris dan Stewart. Kepala Stewart telah dibawa oleh Rodger untuk ditanamkan di Pekan. Rodger telah sampai di Pekan pada 13 hari bulan April 1892 dan berjumpa Tengku Mahmud yang telah tiba di Pekan sehari sebelumnya.

Semasa Residen Rodger sampai ke Pekan masa itu juga telah tiba tiga buah kapal perang British dan satu pasukan mata-mata Sikh dari Singapura. Kapal perang itu telah berlabuh di Kuala Pahang.

Pada masa itu pegawai British yang ada di Pekan telah sibuk mengaturkan persediaan kerana kkuatirkan serangan orang Melayu yang dipimpin oleh Panglima Muda Jempul itu. Kapal perang itu telah belayar menyusur pantai laut negeri Pahang memeriksa kalau ada pula kekacauan meletus di tempat lain di sebelah pantai laut itu. Pegawai British dari kapal perang itu telah memberi nasihat dan menolong pihak kerajaan menguatkan tempat pertahanan di Kuala Pahang, Pekan dan Kuantan. Beberapa buah kubu pihak kerajaan telah didirikan di beberapa buah tempat di antara Sungai Mak Dulang dengan Tanjung Parit dan semua orang kampung hingga ke Kuala Lui diperintahkan datang berkumpul dan diberi tempat tinggal di Pekan. Tetapi ada juga sebilangan kecil pengikut Tuan Mandak yang tinggal di tebing Sungai Parit telah lari ke Tanjung Pakra untuk meninggalkan negeri Pahang. Tengku Mahmud telah bertolak ke Kuantan bagi meyakinkan orang-orang di situ kepada kerajaan. R.W. Duff dengan Tuan Kechut Inspektor Polis (berasal dari Perak) membawa



satu pasukan polis telah pergi ke Sungai Jempul dan di sana mereka telah menangkap seramai dua puluh satu orang Melayu yang dikatakan terlibat dengan orang-orang Panglima Muda melakukan serangan itu. Tetapi Panglima Muda itu sendiri belum dijumpai oleh pihak kerajaan.<sup>1</sup>

Semasa kekacauan berlaku di daerah Pekan, pada awal bulan April itu juga (1892), telah berlaku kekacauan di bahagian utara negeri Pahang iaitu di Hulu Pahang. Mat Kilau anak Tok Gajah telah pergi ke Budu (mukim pegangan Tok Gajah) mengumpulkan orang di situ dengan alasan untuk dijadikan pengintip Sultan Pahang berangkat ke Semantan tetapi yang sebenarnya Mat Kilau hendak membawa orang-orangnya bersatu dengan Tok Raja pergi menyerang Kuala Lipis yang dijaga oleh Hugh Clifford dengan pasukan polisnya seramai tiga puluh orang mata-mata Sikh dan satu pasukan orang Melayu (orang Melayu pengikut Hugh Clifford yang kebanyakannya dari negeri di pantai barat Tanah Melayu).

Sebelum pasukan Mat Kilau menyerang Kuala Lipis, Sultan Ahmad di Pulau Tawar telah menitahkan orang besar baginda Haji Muhammad Nur membawa surat baginda untuk Tok Raja di Jelai memerintahkan Tok Raja membatalkan rancangan yang telah dibuat hendak menyerang Kuala Lipis dengan Mat Kilau itu.

Haji Muhammad Nur dengan membawa satu pasukan seramai sembilan puluh orang, 20 orang di antaranya membawa senapang dan peluru, telah mudik menuju ke Kuala Lipis hendak ke Jelai.

Mengikut *Hikayat Pahang*: perintah Sultan Ahmad kepada Haji Muhammad Nur itu adalah menyuruh beliau menasihatkan dan menegah Mat Kilau supaya jangan menyerang Kuala Lipis. Tetapi jika Haji Muhammad Nur tidak berjaya menegah Mat Kilau, Haji Muhammad Nur hendaklah menolong Clifford menghalaukan orang yang datang menyerang itu (orang-orang Mat Kilau).<sup>2</sup> Nampaknya perintah Sultan Pahang itu

<sup>1</sup> POLICE—m.s. 81; PAHANG—m.s. 148.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 148.

seperti kata peribahasa Melayu sorong makan tarik pun makan.

Pada 9 hari bulan April 1892 Haji Muhammad Nur dengan pasukannya telah sampai di suatu tempat bernama Pulau Samas.

Beliau telah berjumpa dengan seorang yang bernama Haji Abdul Latif orang Kampung Pedah yang telah memberitahu beliau bahawa serangan ke Kuala Lipis itu telah ditetapkan esok (10 hari bulan April). Pada petang itu juga Haji Muhammad Nur telah sampai di Kuala Lipis dan beliau telah melihat ramai pengikut Mat Kilau sedang merampas barang di kedai di situ (Kuala Lipis).

(Sebenarnya, pasukan Mat Kilau dari Budu itu telah datang ke Kuala Lipis, dan belum pun sempat menyerang pasukan mata-mata Hugh Clifford yang ada di situ, Mat Kilau telah berjumpa dengan Haji Muhammad Nur.

Mat Kilau telah bertanya Haji Muhammad Nur apa sebab ia datang ke Kuala Lipis. Haji Muhammad Nur mengatakan tujuannya untuk menolong Mat Kilau, dan ia ada membawa surat daripada Sultan Pahang hendak disampaikan kepada Tok Raja dan baginda memerintahkan iaitu sebelum Mat Kilau melakukan sebarang tindakan, hendaklah berunding dahulu dengan Tok Raja. Lepas itu Haji Muhammad Nur pergi berjumpa Hugh Clifford di rumahnya bagi menyakinkan Clifford bahawa kedatangannya itu hendak memberi pertolongan kepada Clifford.

Di masa Haji Muhammad Nur dan Clifford sedang berbincang, Mat Kilau telah datang ke situ dengan membawa pengikutnya seramai seratus orang yang lengkap bersenjata.

*Hikayat Pahang* ada menceritakan kisah perjumpaan ketiga orang itu sebagai berikut:

"Maka sekarang saya hendak berjumpa dengan Tuan Clifford". Lebih kurang pukul lapan malam dengan sepuluh orang pengiringnya, maka Tuan Clifford telah sedia menanti di rumahnya dengan Tuan Fleming dan dua orang Sikh Guard. Maka lalulah bercakap-cakap dengan Hugh Clifford, katanya (Haji Muhammad Nur): "Saya datang ini dengan titah Sultan. Jikalau sebenarnya Mat Kilau hendak mengemukakan

Kuala Lipis berserta Lipis dengan Jelai, maka dititahkan saya seberapa kepandaian pada menahannya. Maka jikalau tiada ada dipakai juga, maka titahnya disuruh saya membantu tuan, bersama kita hidup dan mati. Kemudian lagi titahnya nanti ia berangkat sendiri menolong kita. Maka orang saya sekarang ada sembilan puluh orang dan senapang tiga puluh serta dengan pelurunya". Maka jawab Tuan Clifford, "Banyak menerima kasih datang Pak Haji ini percaya saya dan baik". Di dalam hal itu maka Mat Kilau pun datang lebih kurang seratus orang masuk ke dalam rumah Tuan Clifford, pedang bercabut, sundang, tombak, senapang dengan perkakas, laku yang bengis rupa cemburu kepada Haji Muhammad Nur. Sekalian orangnya berdiri dengan senjatanya. Tuan Clifford, Haji Muhammad Nur dan Mat Kilau duduk di atas kerusi bercakap-cakap. Kata Haji Muhammad Nur pura-pura bercakap, "Tuan sudahkah melihat keris saya ini?" Maka kata Tuan Clifford, "Belum". Maka Haji Muhammad Nur pun cabut keris diberi kepada Tuan Clifford, "Inilah keris bernama Marhum Keraton, sangatlah bisanya, lok empat puluh tujuh larangan. Marhum Keraton tiada boleh dipakai melainkan musim gaduh". Maka Tuan Clifford peganglah keris itu. Tujuan Haji Muhammad Nur adalah memberikan senjata itu kepada Tuan Clifford. Maka Haji Muhammad Nur ada sebilah sundang di tangannya. Maka Tuan Clifford pun bercakaplah pura-pura katanya dia dapat surat daripada Penjum Company, "Mat Kilau hendak mengamuk saya malam ini ataupun pagi besok", dengan merah padam mukanya ia berkata itu, "Jikalau Mat Kilau mengamuk saya ini, saya pun tiada ramai orang Sikh ada tiga puluh orang di dalam kubu tetapi saya mati maka selagi ada kerajaan Ingeris tentulah dibelanya". Maka Mat Kilau tiada menjawab hitam mukanya. Maka kata Haji Muhammad Nur, "Saya mudik ini tuan kerana inilah dititahkan oleh Sultan. Adapun Mat Kilau itu mudik berkerah orang Buduh dititahkan Tengku Mahmud disuruh mencari Bahaman, maka haruslah juga pekerjaan baik jadi jahat dan yang jahat jadi baik". Maka kata Tuan Clifford, "Saya sedia menanti mana-mana yang didatangkan". Maka kata Haji Muhammad Nur kepada Mat Kilau, "Sebarang kira kita mudik kepada Tok Raja". Maka jawab Mat Kilau

"Baiklah". Begitu juga Mat Kilau turun dengan sekalian orangnya. Maka Haji Muhammad Nur tinggal meneruskan perbualan dengan Tuan Clifford. Maka Tuan Clifford pun benarkan Haji Muhammad Nur mudik kepada Tok Raja. Kononnya Tuan Clifford menyuruh empat orang mata-mata gelap melihat Haji Muhammad Nur mudik dengan Mat Kilau.<sup>1</sup>

Nampaknya pada 10 hari bulan April 1892 itu, Mat Kilau dan pengikutnya telah datang ke Kuala Lipis. Oleh sebab pasukan polis yang ada di Kuala Lipis itu tidak cukup kuat untuk menghalaukan mereka, peluang itu telah digunakan oleh orang-orang Mat Kilau merampas barang-barang dari beberapa buah kedai di Kuala Lipis seperti yang biasa berlaku dalam masa perang. Belum pun sempat Mat Kilau melancarkan serangan ke rumah Clifford, Haji Muhammad Nur yang membawa surat Sultan Pahang itu pun sampai di situ. Selepas berjumpa Clifford, Haji Muhammad Nur dan Mat Kilau pergi berjumpa Maharaja Perba Jelai seperti yang telah diceritakan itu.

Mat Kilau dan Haji Muhammad Nur telah sampai di Bukit Betong, Jelai dan pergi menemui Tok Raja yang memang sedang menanti kedatangan mereka. Sebelum mereka sampai, Tok Raja telah mengumpulkan pengikutnya dan sedang bersedia hendak pergi menyerang Kuala Lipis:

Setelah Tok Raja menerima dan membaca surat Sultan Pahang yang dibawa oleh Haji Muhammad Nur itu, Tok Raja merungut: 'Ini titah ini pun titah!' (yakni dalam surat yang baharu diterimanya itu Sultan Pahang menitahkan Tok Raja membatalkan rancangan hendak menyerang pihak British di Kuala Lipis, pada hal rancangan itu adalah dengan titah baginda juga!).

Dalam perjumpaan dengan Tok Raja itu, Haji Muhammad Nur telah mencadangkan supaya Mat Kilau menghilir ke Kuala Lipis. Tetapi Mat Kilau tidak boleh membangkitkan kecauan di sana sehingga Tok Raja datang ke Kuala Lipis pada keesokan harinya. Apabila Mat Kilau telah meninggalkan ru-

<sup>1</sup> HIKAYAT (II); PAHANG—m.s. 149-150.

mah Tok Raja, Haji Muhammad Nur telah berunding dengan Tok Raja dan akhirnya Haji Muhammad Nur berjaya memujuk Tok Raja supaya jangan membantu orang yang menentang pihak British itu yakni pihak Mat Kilau dan sekutunya. Esoknya pada 13 hari bulan April 1892 apabila Mat Kilau diberitahu bahawa Tok Raja tidak mahu membantunya, Mat Kilau telah membatalkan rancangannya hendak menyerang pihak British di Kuala Lipis dan membawa pengikutnya balik ke Budu.

Apabila Haji Muhammad Nur hendak bertolak ke Pulau Tawar, Tok Raja telah memberikannya dua pucuk surat daripada Tok Raja minta disampaikan kepada Sultan Pahang dan Residen Rodger.

Pada 17 hari bulan April 1892, Tok Raja bersama dengan Orang Kaya Setia Wangsa Lipis dengan membawa pengikut mereka seramai tujuh ratus orang dari Bukit Betong telah singgah di Kuala Lipis dalam perjalanan menghilir hendak ke Pulau Tawar.

Apabila Tok Raja dan Orang Kaya Lipis sampai di Pulau Tawar dan berjumpa Sultan Pahang, baginda telah mengajak mereka bersama-sama mudik balik ke Kuala Lipis. Pada 25 hari bulan April 1892 Ahmad serta kedua orang besar itu telah sampai di Kuala Lipis. Dalam pertemuan dengan Hugh Clifford di Kuala Lipis itu antara lain Sultan Ahmad telah mengatakan kepada Clifford bahawa orang besar baginda tidak lagi mentaati perintah baginda, dan rancangan hendak menyerang Kuala Lipis itu bukanlah baginda yang membuatnya. Esoknya Sultan Ahmad berangkat-pulang ke Pulau Tawar, dua hari selepas itu Tok Raja dan Orang Kaya Lipis balik ke tempat masing-masing.

Setelah kekacauan di Kuala Lipis itu dapat dielakkan, Sultan Pahang telah menerima amaran daripada kerajaan British yang mengatakan baginda sendiri akan bertanggungjawab jika kekacauan di Pahang itu tidak dapat dipadamkan.<sup>1</sup>

Sungguhpun kekacauan di daerah Pekan, di Sungai Duri dan Kuala Lipis telah dapat diberhentikan oleh pihak British

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 150-151.

dengan bantuan Sultan Pahang, tetapi pada akhir bulan April atau awal bulan Mei tahun 1892 itu juga, Datuk Bahaman yang menyembunyikan diri itu, telah datang semula dengan pengikutnya menyerang dan menawan Batu Hampar dan Lubuk Terua, dan pasukan Sultan Pahang yang mengawal kubu di situ telah lari meninggalkannya dan telah ditawan semula oleh pihak Datuk Bahaman yang menentang penjajah British di Pahang.

Setelah mendengar beberapa tempat di Semantan telah diambil semula oleh Datuk Bahaman, pada awal bulan Mei 1892 Residen Rodger dari Pekan membawa tiga puluh orang mata-mata Sikh dari Perak telah sampai ke Temerloh. Pada 6 hari bulan Mei 1892 Rodger, Sultan Ahmad, Tengku Ali, Tok Gajah, Orang Kaya Chenor dan ramai lagi telah bermesyuarat di Temerloh dan mereka mengambil keputusan akan menyerang Semantan.

Esoknya (7 hari bulan Mei 1892) Tengku Ali dan Tok Gajah dengan satu pasukan seramai tiga ratus orang telah pergi ke Semantan. Esoknya mereka bertempur dengan pasukan Datuk Bahaman di Batu Hampar, seorang daripada anak Datuk Bahaman telah terbunuh dalam pertempuran itu, dan Batu Hampar telah dapat ditawan oleh pihak kerajaan. Dari situ Tengku Ali dan Tok Gajah telah membawa angkatan kerajaan ke Lubuk Terua. Di situ mereka telah bersatu dengan pasukan orang Melayu yang dibawa oleh Wise (Pegawai Daerah Temerloh) dari Temerloh, dan mereka telah berjaya menawan semula Lubuk Terua. Datuk Bahaman telah melepaskan diri.

Pada masa itu pegawai British telah mengesyaki Tok Gajah kerana walaupun nampaknya menyebelahi pihak kerajaan tetapi beliau telah menunjukkan keengganannya hendak masuk campur dalam pasukan pihak kerajaan yang hendak meneruskan gerakan pergi mencari, mengejar dan menangkap pengikut Datuk Bahaman yang telah lari ke dalam hutan.

Apabila Batu Hampar dan Lubuk Terua dapat diambil semula oleh pihak kerajaan, Haji Muhammad Nur yang dibantu oleh Imam Perang Sanggang, Orang Kaya Indera Segara Temerloh, Tok Umbi, Pahlawan Lawi, Tok Jenid Chenor, Wan Ahmad Tembeling dan Panglima Raja Ya'akub membawa satu

pasukan kerajaan telah meneruskan gerakan mereka mengejar orang-orang Melayu pengikut Datuk Bahaman yang lari ke dalam hutan yang terletak antara Semantan dengan Daerah Lipis. Hugh Clifford di Kuala Lipis diperintahkan membawa pasukannya mencari dan mengejar pihak penentang British itu dari arah Kuala Lipis pula.<sup>1</sup>

Pada 8 hari bulan Mei 1892 itu juga, semasa pihak kerajaan menyerang dan menawan Batu Hampar di Semantan satu pasukan orang Melayu Kelantan seramai tiga puluh orang, telah datang menyerang Kampung Sungai Buluh (di daerah Kuantan) dan dalam serangan itu mereka telah membunuh seorang Cina. J.F. Owen, Pegawai Daerah Kuantan dengan pasukan polis di situ telah dapat menangkap dua orang daripada penyerang itu. Owen mengatakan orang yang datang menyerang Sungai Buluh itu ialah penyamun dari Kelantan dan Owen berpendapat serangan yang dilancarkan oleh orang Kelantan itu tiada hubungannya dengan kepentingan politik.<sup>2</sup> Pendapat pegawai British itu bolehlah ditafsirkan kerana hendak menyembunyikan kejadian itu yang boleh menggambarkan bahawa orang Melayu di Kelantan juga turut sama menentang penjajahan British di Pahang yang memang ada hubungannya dengan kepentingan politik masa itu.

Sementara Haji Muhammad Nur dan pembantunya pergi ke dalam hutan mencari orang-orang Datuk Bahaman (bulan Mei 1892), Sultan Ahmad dan Residen Rodger di Kuala Semantan telah mengaturkan kedudukan pasukan pihak kerajaan. Kubu kerajaan di Kuala Semantan telah diperkuatkan lagi, dan sebuah tempat berkawal telah didirikan di Kampung Kuala Jempul.<sup>3</sup>

Ketika pegawai British di Pahang sedang sibuk hendak melancarkan serangan ke Semantan pada awal bulan Mei itu (1892), Kolonel R.S.F. Walker, Komandan mata-mata Sikh di Taiping, Perak, dengan tiga puluh lima orang mata-mata

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 151-152; POLICE - m.s. 82.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 152.

<sup>3</sup>PAHANG - m.s. 152.

Sikh telah sampai di Raub dari Selangor pada 5 hari bulan Mei 1892. Seorang pengurus syarikat perlombongan orang putih di Raub telah memberitahu bahawa Mat Kilau dengan orang-orangnya akan menyerang Raub. Esoknya, empat puluh orang lagi mata-mata Sikh sampai di Raub yang diketuai oleh penolong Kolonel Walker yang bernama Leftenan Reid.

Sebelum pasukan mata-mata yang dibawa oleh Reid itu sampai di Raub, tiada berapa jauh dari Pekan Raub, mereka telah ditembak oleh pasukan orang Melayu yang menentang pihak British (dipercayai pengikut Mat Kilau), dan seorang dari anggota pasukan Reid telah cedera. Juga di beberapa tempat di antara Kuala Lipis dengan Selangor, beberapa orang Cina telah terbunuh dan harta benda mereka telah dirampas oleh pasukan orang Melayu yang bersenjata .

Kerana adanya bahaya yang mengancam pihak British itu, Kolonel Walker telah mengatur pasukan polisnya. Leftenan Reid dengan tiga orang lagi pegawai bangsa Eropah, dua orang jemadar serta 172 orang mata-mata Sikh dari Perak dan beberapa orang mata-mata Melayu ditugaskan berjaga di Teras, seorang inspektor bangsa Eropah dengan 45 orang mata-mata Sikh dan 32 orang Melayu diletakkan menjaga Kuala Lipis.

Tiada lama lepas itu, pada 18 hari bulan Mei 1892, Kolonel Walker bersama Hugh Clifford (sebagai pegawai politik) membawa tiga orang inspektor bangsa Eropah, dua orang jemadar dan 105 orang mata-mata Sikh telah bertolak dari Raub ke Budu hendak membuat perhubungan dan berunding dengan Mat Kilau. Esoknya, pada 19 hari bulan Mei, pasukan Orang Kaya Setia Wangsa Lipis dan lain-lainnya telah bersatu dengan pasukan Walker Clifford itu. Apabila Mat Kilau diajak oleh Clifford dan Walker membuat perhubungan dan berunding dengan mereka, Mat Kilau telah menolak dan enggan membuat sebarang rundingan dengan pihak British.

Pada 21 hari bulan Mei 1892 pasukan polis pihak British yang besar dan lengkap dengan senapang dan meriam, telah menyerang dan membakar Kampung Budu. Mat Kilau dengan pengikutnya lebih kurang seramai 60 orang lelaki serta pe-



rempuan dan anak kecil mereka telah meninggalkan kampung mereka itu dan lari ke dalam hutan.\*

Lepas itu, Mat Kilau dengan lima enam orang pengikutnya telah pergi berjumpa Maharaja Perba Jelai (Tok Raja) mengadukan hal mereka itu. Oleh sebab Tok Raja tidak mahu memberikan pertolongan dan perlindungan kepada Mat Kilau dan orang-orangnya, Mat Kilau pun membawa pengikutnya bersatu dengan Datuk Bahaman di Kampung Hulu Cheka. Penentangan terhadap pihak British di Pahang diteruskan semula.

Dalam bulan Jun pula (1892), R.W. Ruff, Pemangku Penguasa Polis Hulu Pahang, dengan 45 orang mata-mata Sikh Pahang, bersama dengan Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor (nama sebenarnya Encik Husain) yang membawa askar orang Melayu, telah pergi ke Sungai Jempul mencari Panglima Muda Jempul. Di situ telah berlaku pula pertempuran di antara pihak British yang diketuai oleh Duff dan Orang Kaya Chenor dengan orang Melayu pengikut Panglima Muda Jempul. Pihak kerajaan telah berjaya membunuh empat orang Melayu dan menangkap sebelas orang. Dalam pertempuran di Jempul itulah Orang Kaya Chenor (Encik Husain) telah mendapat luka parah diserang oleh Khatib Umar seorang daripada hulubalang pihak Panglima Muda Jempul tetapi Khatib Umar telah dikejar dan dibunuh juga oleh pihak kerajaan yang datang menyerang itu. Walaupun demikian, serangan itu tidak juga dapat mengalahkan pihak Panglima Muda kerana beliau sendiri belum dijumpai oleh pihak British. (Empat bulan kemudian baharulah pihak kerajaan dapat mengalahkan Panglima Muda Jempul itu).

Orang Kaya Chenor yang luka parah dalam pertempuran itu telah meninggal dunia. Kerajaan Pahang telah mengangkat Temenggung memegang mukim Chenor. Tiada lama lepas itu, pihak kerajaan telah menangkap 35 orang lagi orang Melayu di Jempul yang dituduh terlibat dalam gerakan membunuh

---

\*Mengenai serangan pihak British ke Kampung Budu, dalam sejarah yang ditulis oleh orang Eropah tiada menyebutkan berapa buahkah rumah orang Melayu di kampung itu yang telah dibakar dan berapa orangkah pula orang Melayu di situ yang telah terbunuh atau tercedera.

Harris dan Stewart di Sungai Duri itu. Mereka telah dibicarakan dalam mahkamah di hadapan Tengku Mahmud dan Residen British Pahang. Keputusan perbicaraan itu, mahkamah telah menjatuhkan hukuman iaitu 17 orang dibuang bicara, lima orang dihukum bunuh, dan sepuluh orang dihukum penjara Kuala Lumpur.<sup>1</sup> (Tiga orang lagi?)

Pada awal bulan Jun 1892 itu juga, Tengku Ali bersama Tok Gajah telah datang lagi ke Semantan membawa 400 orang, termasuk perempuan dan kanak-kanak dan mereka itu telah dibenarkan membuat tempat kediaman di Kampung Jenderak (di selatan Jerantut di bawah jagaan ketua kampung di situ bernama Tengku Chik)\*.

Dalam bulan Jun 1892 itulah Residen British Pahang (J.P. Rodger) mencadangkan kepada Sultan Ahmad supaya Tok Gajah (Khatib Rasu) ditangkap, kerana pihak British tidak percaya kepada beliau, dan Residen telah mengemukakan sebabnya iaitu anaknya Mat Kilau telah melakukan beberapa serangan terhadap pihak kerajaan, sewaktu pihak kerajaan menyerang Semantan, gerak-geri Tok Gajah telah disyaki kerana beliau tidak mahu turut sama dengan pasukan yang pergi mencari dan hendak menangkap orang-orang Datuk Bahaman yang telah lari ke dalam hutan, dan Tok Gajah juga disyaki bersekutu dan membuat kacau di daerah Pekan. Tetapi cadangan Rodger itu telah dibantah keras oleh Sultan Ahmad. Baginda tidak bersetuju Tok Gajah ditangkap. Dalam pada itu baginda telah berjanji akan membawa Tok Gajah ke Pekan dan menyuruh beliau pergi ke Mekah.

Pada pertengahan bulan Jun itu juga (1892) baharulah Haji Muhammad Nur dan pembantunya yang membawa pasukan pihak kerajaan mencari orang-orang Datuk Bahaman ke dalam hutan itu keluar dari hutan balik semula ke tempat masing-masing. Kerja yang telah mereka lakukan lebih kurang

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 152-153; POLICE—m.s. 82.

\*W. Linehan dalam buku karangannya menyebutkan: orang yang seramai 400 orang itu adalah "orang tawanan", dan tidak pula dinyatakan dari mana mereka "ditawan" dan sebab apa. Dipercayai maksud yang sebenarnya, mereka itu ialah orang Melayu Pahang serta keluarga mereka yang menentang penjajahan British di negeri Pahang.

selama sebulan itu tiada memberi hasil. Oleh sebab itu Duff dan Wise dengan membawa beberapa orang mata-mata Sikh telah mudik Sungai Semantan pergi ke Lubuk Terua menguatkan lagi pasukan polis di situ, dan membuka semula perhubungan di antara Lubuk Terua dengan Raub melalui Sungai Semantan dan Sungai Bilut. Kedatangan mereka ke Lubuk Terua itu tidak pula diserang oleh pihak Datuk Bahaman.

Lepas itu Wise pun kembali ke Temerloh menjaga daerah itu. Duff pergi ke Kuala Lipis bekerja di bawah Clifford menjaga daerah di Hulu Pahang. Inspektor Fleming dengan 25 orang mata-mata Sikh ditempatkan menjaga Kuala Cheka.

Pada 22 hari bulan Jun 1892 itu juga, Sultan Pahang dengan Tok Gajah telah pergi ke Pekan untuk berunding dengan Rodger berkenaan dengan perkara untuk memindahkan baginda bersemayam semula ke Pekan. Dalam bulan itu hingga bulan Julai 1892 Rodger sibuk mengatur persiapan hendak memindahkan baginda ke Pekan seperti yang telah dicadangkan oleh Rodger kepada Gabenor dahulu.<sup>1</sup>

Pada 13 hari bulan Julai 1892 Walker dan Clifford bersama dengan Kapten Byre, Inspektor Mackeon, seorang jemadar serta satu pasukan mata-mata Sikh seramai 63 orang yang berkhemah di Kampung Lechau dekat Budu, telah bertolak ke Kampung Batu Balai (di barat Jerantut tiada berapa jauh di utara Hulu Cheka), kerana pegawai British itu telah dapat tahu pasukan orang Melayu yang menentang pihak British telah tinggal di Batu Balai. Mereka itu ialah pengikut Datuk Bahaman dan Mat Kilau yang datang dari Hulu Cheka.

Apabila pasukan pengakap pihak British itu sampai ke tempat yang bernama Batu Berapit, mereka telah ditembak oleh orang-orang Datuk Bahaman dan Mat Kilau yang mengendap dan berjaga di situ, seorang pengakap pihak British telah terbunuh. Lepas itu pasukan pihak British telah datang ke tempat itu dan bertempur dengan orang-orang datuk Bahaman dan Mat Kilau. Tiada lama bertempur dengan orang-orang Datuk Bahaman dan Mat Kilau, pihak British telah

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 153.

dapat mengundurkan pasukan orang Melayu dari tempat itu. Seorang mati dari pihak British dan seorang luka, pihak Melayu juga demikian. Pada 14 haribulan Julai 1892 Walker dan Clifford telah sampai di Batu Balai. Apabila didapati tempat itu telah ditinggalkan oleh pasukan orang Melayu, dan pasukan pihak British yang datang itu juga kekurangan bekalan makanan, Walker dan Clifford telah membawa orang-orangnya kembali ke Kampung Lechau.

Enam hari lepas itu, Inspektor Fleming dengan 25 orang mata-mata Sikh, serta Panglima Garang Yusoh dengan orang-orangnya askar Melayu pihak kerajaan yang ada di Kuala Cheka, telah diserang oleh orang-orang Datuk Bahaman dan Mat Kilau yang berundur dari Batu Balai itu. Pertempuran di Kuala Cheka telah berlaku selama lebih kurang lima jam, dan apabila askar Sultan Pahang dari Kuala Tembeling datang membantu pihak kerajaan di Kuala Cheka, baharulah pasukan Datuk Bahaman dan Mat Kilau ini dapat diundurkan dan hanya dua orang sahaja orang mereka yang cedera.\*

Pada hari itu juga, tiada berapa jauh dari Kuala Cheka, orang-orang Datuk Bahaman dan Mat Kilau telah menyerang dan menawan sebuah tempat berkawal pasukan pihak British di situ dan telah menghalau empat orang mata-mata Sikh dan beberapa orang Melayu yang berkawal di tempat itu dan mereka balik ke Kuala Cheka.<sup>1</sup>

Pada 23 hari bulan Julai 1892 Residen Rodger telah sampai di Pulau Tawar, mengambil beberapa orang askar Sultan Pahang dan pergi pula ke Kuala Tembeling mengambil lima belas orang mata-mata Sikh untuk dibawa ke Kuala Cheka kerana Rodger telah diberitahu bahawa Kuala Cheka telah diserang oleh Datuk Bahaman dan Mat Kilau.

Tiada berapa lama sebelum Residen Rodger dan pasukannya itu sampai di Kuala Cheka, pasukan Datuk Bahaman dan Mat Kilau telah datang sekali lagi menyerang. Tetapi pasukan Datuk Bahaman dan Mat Kilau itu telah dapat diundurkan

\*Pasukan kerajaan yang mendapat cedera atau tidak dalam pertempuran itu tiada didapati keterangannya.

<sup>1</sup>POLICE—m.s. 82; PAHANG—m.s. 153.

oleh pasukan British yang dibantu oleh pasukan mata-mata Sikh dan askar Sultan yang dibawa oleh Rodger dari Kuala Tembeling untuk membantu Fleming di Kuala Cheka itu.<sup>1</sup>

Pada awal bulan Ogos 1892 itu juga, pasukan pihak British bagi pehak kerajaan Pahang yang ada di seluruh negeri Pahang yang diketuai oleh Kolonel R.S.F. Walker (dari Perak) yang melawan pihak orang Melayu yang menentang penjajahan British di Pahang itu ialah tiga orang pegawai bangsa Eropah, Kapten Byrne dari kapal perang H.M.S. Hyacinth, Cuscaden Penguasa Polis Melaka, Leftenan St. Clair (menjaga Raub), R.W. Duff serta sembilan orang inspektor, seorang subadar, dua orang jemadar,\* 420 orang mata-mata Sikh, 50 orang Melayu, dan beberapa orang askar Melayu diketuai oleh Orang Kaya Lipis, Panglima Garang Yusoh dan orang-orang besar Pahang lain yang menyebelahi pihak British.

Mengikut jadualnya yang telah diatur oleh pihak British, pada 2 hari bulan Ogos 1892, Sultan Ahmad telah berangkat meninggalkan Pulau Tawar pindah bersemayam ke istana baginda di bandar Pekan.<sup>2</sup>

Setelah Sultan Ahmad menghilir ke Pekan, pada malam itu juga, Tok Gajah yang tidak mahu lagi mengikuti Sultan Ahmad yang pada pendapatnya telah dikuasai oleh orang British itu, telah membawa isteri dan anaknya serta pengikutnya lebih kurang seratus orang meninggalkan Pulau Tawar, menaiki beberapa buah perahu memudiki Sungai Pahang dan sampai ke satu tempat di tepi Sungai Tembeling.

Mat Kilau yang pada masa itu ada di Kampung Kedondong (tiada berapa jauh di utara Pulau Tawar), apabila mendapat tahu pemergian ayahnya itu, ia serta kawannya bernama Pak Alang Yusof (Budak Raja), Awang Badu dan Mat Pah serta pengikut mereka, telah meninggalkan Kedondong, mudik ke Sungai Tembeling dan telah berjumpa Tok Gajah serta rombongan mereka di tempat yang bernama Pasir Atas. Di situlah Mat

<sup>1</sup>POLICE - m.s. 82; PAHANG - m.s. 154.

\*Subadar dan jemadar ialah pangkat dalam pasukan mata-mata bangsa Sikh.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 154.

Kilau telah menceritakan kepada ayahnya kisah pertempurannya melawan pihak British di Batu Balai dan Kuala Cheka.<sup>1</sup>

Dalam bulan Ogos itu juga (1892) Gabenor Negeri Selat dari Singapura yang diiringi oleh Major MacCallum telah melawat Pekan berjumpa Sultan Ahmad yang baharu pindah itu. Semasa di Pekan, Gabenor, Sultan Ahmad, Sultan Abu Bakar Johor, Menteri Besar Johor dan Datuk Seri Amar Diraja Johor (Datuk Abdul Rahman bin Andak) telah mengadakan perundingan. Dalam perundingan itu mereka telah mengambil ketetapan hendak mengumumkan perisytiharan pengampunan beramai-ramai kepada orang-orang Pahang yang telah melawan pihak British yang menjalankan pemerintahan di Pahang, kecuali Rasu (Tok Gajah) dan Bahaman tidak dapat dimasukkan dalam pengampunan itu, kerana mereka telah dianggap sebagai orang yang telah melakukan kesalahan jenayah. Dalam pada itu mereka tidak akan dibunuh jika mereka mahu menyerah diri kepada kerajaan Pahang.<sup>2</sup>

Semasa Tok Gajah dan keluarga serta rombongannya tinggal di Pasir Atas itu, pada 22 hari bulan Ogos 1892, Mat Kilau dan adiknya Wang Nong telah membawa pengikut mereka menyerang Kuala Atok (di tepi Sungai Tembeling juga) dan telah bertempur dengan pasukan pihak British yang diketuai oleh Duff dan Panglima Garang Yusoh. Dua buah perahu pihak Duff telah hilang dan dua orang pengakap (dari Perak) telah terbunuh. Esoknya, 23 hari bulan Ogos 1892, Walker dan Wise yang membawa satu pasukan mata-mata Sikh telah sampai di Kuala Atok untuk membantu Duff tetapi Mat Kilau, Awang Nong dan pasukannya telah meninggalkan tempat itu. Mereka telah pergi ke Hulu Sungai Tembeling.<sup>3</sup>

Sewaktu Mat Kilau dan Awang Nong bertempur di Kuala Atok, Tok Gajah dan anaknya Teh Ibrahim dan Teh Da serta pengikut Tok Gajah lelaki dan perempuan, telah meninggalkan Pasir Atas mudik lagi di Sungai Tembeling sampai dan berhenti pula di tempat yang bernama Ruch. Tiada lama se-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 154-155; PAHANG—m.s. 154.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 156.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 154; POLICE—m.s. 82-83.

lepas itu Mat Kilau dan Awang Nong sampai pula di Ruch bersatu dengan rombongan ayahnya itu.

Tok Gajah dan rombongannya telah meninggalkan Ruch mudik lagi sampai ke jeram di hulu Sungai Tembeling. Dari tempat yang berjeram itu mereka berpecah dua, semua orang lelaki berjalan darat ke hulu lagi, orang perempuan diketuai oleh Tok Muda Bakar. Rahmat dan Pak Alang Yusoh berperahu mudik lagi ke hulu, dan akhirnya kedua-dua rombongan itu sampai dan berkampung di Kuala Sat (di Kuala Sungai Sat cabang di sebelah hulu Sungai Tembeling)<sup>1</sup>

Setelah meninggalkan perahu besar di Kuala Sat, dengan menggunakan perahu kecil sahaja, Tok Gajah serta rombongannya yang ramai itu telah memudiki Sungai Sat sampai ke tempat yang bernama Changgut di hulu Sungai Sat. Lebih kurang sebulan lamanya Tok Gajah dan rombongannya tinggal di Changgut.

Dari Changgut Tok Gajah serta rombongannya berjalan kaki melintasi sempadan dengan Kelantan sampai di Kampung Tenggiling di tepi bahagian Hulu Sungai Lebir, di Hulu Kelantan. Ramai pengikut Tok Gajah yang telah jatuh sakit kerana penderitaan yang telah mereka alami semasa menghancurkan hutan belantara itu. Walaupun demikian, Tok Gajah dan Mat Kilau tetap juga dengan azam mereka meneruskan perjuangan menentang pihak British yang telah memerintah di Pahang itu.

Pada 26 hari bulan Ogos 1892 Clifford telah bersatu dengan Walker dan pasukan polisnya mengejar rombongan Tok Gajah di Sungai Tembeling itu. Pada 27 hari bulan Ogos, pasukan pihak British telah sampai di Kampung Pagi di tepi Sungai Tembeling tiada berapa jauh di hilir Kuala Sat. Di situ Clifford telah dapat berita mengatakan Tok Gajah, Mat Kilau dan rombongan mereka telah menyeberangi sempadan Pahang dengan Kelantan dan mereka tinggal di hulu Sungai Lebir. Pasukan pihak British itu telah berpatah balik menghi-

<sup>1</sup>EXPEDITION - m.s. 155.

lir Sungai Tembeling; Walker balik ke Kuala Tembeling dan Clifford balik ke Kuala Lipis.<sup>1</sup>

Setelah Tok Gajah sampai di Kelantan (di hulu Sungai Lebir) itu, pada 28 hari bulan Ogos 1892 beliau telah mengutus surat kepada Maharaja Perba (Tok Raja) di Jelai, menyatakan:—

"Saya telah selamat sampai di negeri Kelantan. Kalau datuk (Maharaja Perba) bermaksud hendak berperang (melawan British) hendaklah datuk segera memberitahu saya tetapi janganlah undur setelah membuat sesuatu ketetapan. Sultan Pahang telah memberitahu saya, jika Tok Raja di Jelai bangkit melawan, baginda akan mengangkat senjata di Chenor. Sudah lama saya menanti, tetapi tiada apa-apa tindakan yang datuk lakukan. Dalam pada itu, Inggeris telah menyerang saya. Saya telah pergi mengadap dan menyembahkan kepada baginda fasal saya telah disorang itu. Apa jawab baginda? "Eloklah engkau undur ke Tembeling lebih awal lagi, beta tak tahu adakah engkau mempunyai kawan di sini atau tidak". Setelah mendengar titah baginda itu saya anak beranak pun lari (meninggalkan Pulau Tawar). Tiga hari sebelum baginda hilir (ke Pekan) baginda telah bertitah, "Jika Tok Raja mengangkat senjata, hendaklah engkau tolong dia. Jika Tok Raja diam sahaja, salahlah engkau menjalankan tindakan seorang diri sahaja kerana orang-orang engkau tak ada". Maksud saya ialah apabila saya sampai di Tembeling, bersama-sama orang Tembeling, saya menanti datuk bergerak. Tetapi apabila saya sampai di Tembeling, semua orang di Tembeling lari kecuali Penghulu Raja (orang besar yang memegang daerah Tembeling). Apa hendak saya buat saya tak ada orang. Saya telah mengikut orang-orang kampung di Tembeling dan sekarang saya anak beranak ada di negeri Kelantan. Saya harap Datuk akan mengangkat senjata melawan. Kalau utusan datuk yang membawa khabar datuk akan melawan sampai di Kelantan petang, petang itu juga saya akan bergerak. Saya akan hilir pergi berjumpa Raja Kelantan. Jika sekiranya datuk tidak mahu berperang, saya harap balaslah juga surat ini kerana saya ingin hendak mendengar khabar di negeri Pahang."\*

Demikianlah kandungan surat daripada Tok Gajah kepada Tok Raja itu. Tetapi surat itu tidak dijawab oleh Tok Raja.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 154; POLICE—m.s. 83.

\*Diterjemahkan semula daripada terjemahan bahasa Inggerisnya: PAHANG—m.s. 154-155.

<sup>2</sup>PAHANG—m.s. 154-155.



Pada 6 hari bulan September 1892 seorang pegawai kerajaan peranakan Eropah yang berperahu di Jeram Kangkong (antara Kuala Tembeling dengan Kuala Lipis) telah ditangkap oleh Datuk Bahaman yang telah tinggal di daerah itu sejak lebih kurang sebulan lamanya, barang-barang dalam perahu pegawai kerajaan itu telah dirampas oleh orang-orang Datuk Bahaman. Setelah Datuk Bahaman bertanyakan beberapa perkara kepada pegawai itu mengenai pergerakan Sultan Pahang, pegawai itu pun dilepaskan.

Esoknya, pada 7 hari bulan September 1892, Walker dengan pasukan polisnya telah datang ke Jeram Kangkong dan bertempur dengan orang-orang Datuk Bahaman. Empat orang daripada orang-orang Datuk Bahaman telah cedera, dan berundur meninggalkan tempat itu.\* Pasukan Walker telah mengejar pasukan Datuk Bahaman hingga sampai di tempat yang bernama Kenong. Oleh sebab Walker menyangkakan tempat itu masuk dalam bahagian negeri Kelantan, ia pun membawa pasukannya balik ke Kuala Tembeling.

Pada 12 hari bulan September 1892 Maharaja Perba telah menulis surat kepada seorang kawannya di Sungai Galas bernama Encik Harun, menyatakan:

"... Saya sangat dukacita kerana saya telah keseorangan, Orang Kaya Chenor (Encik Husain) telah terbunuh di Jempul. Tok Gajah telah lari dari Pulau Tawar dan pergi ke Sungai Tembeling, Orang Kaya Pahlawan (Datuk Bahaman) telah meninggalkan Semantan, dan baginda Sultan telah berangkat menghilir ke Pekan . . . . Sekiranya tuan tidak kasihankan saya, saya akan mati dalam berdukacita. . . .\*\*

Sembilan hari selepas Walker balik ke Kuala Tembeling, pada 16 hari bulan September 1892, Walker dan Clifford membawa satu pasukan mata-mata Sikh yang dibawa dari Kuala Lipis, telah pergi ke tempat yang bernama Kechau (di tepi Sungai Kechau cabang Sungai Tembeling) dan di situ

\*Pihak British yang cedera tidak didapati keterangannya.

\*\*Diterjemahkan semula daripada terjemahan bahasa Inggerisnya: PAHANG—m.s. 155.

mereka bersatu dengan Duff dan 40 orang lagi mata-mata Sikh yang dibawa dari Kuala Tembeling.

Dari Kechau, pasukan yang dibawa oleh Walker, Clifford dan Duff telah bergerak ke hulu lagi pergi mencari orang Melayu pasukan Datuk Bahaman. Pada 24 hari bulan September 1892 pasukan pihak British itu telah sampai ke Kuala Temsu di tepi Sungai Tanum di Hulu Pahang.

Pasukan itu tidak berjumpa dengan pasukan Datuk Bahaman, kerana Datuk Bahaman telah menyeberangi sempadan Pahang dengan Kelantan, di Hulu Nenggiri, dekat Sungai Galas hampir dengan Pulau.

Pendeknya, pada akhir tahun 1892 itu orang Melayu Pahang yang dipimpin oleh Datuk Bahaman, Datuk Gajah dan Mat Kilau serta ramai lagi orang besar yang menentang penjajahan British di Pahang, telah dihalau oleh pasukan pihak British keluar dari Pahang pergi ke Hulu Kelantan. Dan Pihak British di Pahang telah menghantarkan pegawainya memberitahu Raja Kelantan supaya orang Melayu Pahang penentang British yang berada di Hulu Kelantan itu dihalau keluar dari negeri Kelantan.

Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1892), Kolonel Walker dengan sebahagian besar mata-mata yang dibawanya ke Pahang telah balik semula ke Perak.<sup>1</sup>

Sungguhpun orang Melayu Pahang yang melawan pihak British di Pahang itu pada zahirnya kelihatan telah berhenti kerana Datuk Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau serta pengikut mereka telah keluar dari negeri Pahang, tetapi yang sebenarnya penentangan mereka itu belumlah tamat, hanya ditangguhkan sahaja oleh pahlawan Melayu itu sementara menantikan kesempatan yang lain pula.

Sekarang berbalik pula kepada Tok Gajah dan rombongannya yang berada di Tenggilang di Hulu Kelantan itu.

Setelah memilih beberapa orang lelaki yang diketuai oleh Haji Mat Wahid untuk menjaga perempuan dan kanak-kanak yang ditinggalkan di Tenggilang, Tok Gajah dengan perajurit-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 155.

nya telah pergi ke Sungai Galas untuk menemui Datuk Bahaman dan pasukannya yang telah sampai di situ. Tok Gajah telah menemui Tok Bahaman di Pulau.

Dalam perjumpaan itu Tok Bahaman telah menceritakan kepada Tok Gajah dan rombongannya bahawa Tok Raja telah berpaling tadah membantu orang putih (British). Tok Bahaman telah mengatakan juga bahawa Clifford masih hidup, walaupun ramai orang Tok Gajah percaya dia sudah mati dalam pertempuran di Batu Balai pada 13 hari bulan Julai yang lalu. Tok Bahaman telah menasihatkan Tok Gajah dan pengikutnya, "Pada masa ini janganlah dahulu balik ke Pahang".<sup>1</sup>

Dari Pulau, Tok Gajah dan Datuk Bahaman serta pengikutnya telah datang semula ke Tenggiling. Setelah dua hari tinggal di Tenggiling, mereka menghilir lagi di Sungai Lebir dan sampai di Kuala Aring (di persimpangan Sungai Lebir dengan cabangnya Sungai Aring). Dari situ mereka pindah pula ke lembahan Sungai Relai (cabang Sungai Lebir juga). Di situ mereka telah membuat penempatan baru serta bertanam padi dan jagung. Tetapi sebelum padi mereka masak, datang pegawai Raja Kelantan menyuruh mereka pindah dari situ. Mereka pun mudik di Sungai Lebir dan berpindah semula di Tenggiling.

Pada masa itulah ramai daripada pengikut Tok Gajah dan Tok Bahaman serta beberapa orang isteri Tok Gajah telah meninggalkan mereka balik semula ke Pahang dan menyerah diri kepada kerajaan Pahang. Nampaknya mereka tidak sanggup lagi menanggung penderitaan dalam perjuangan. Tok Gajah telah bersungguh-sungguh menasihatkan pengikutnya supaya jangan pergi ke mana-mana tetapi ada juga yang telah berjaya melepaskan diri. Melihat kejadian yang telah berlaku itu, Tok Gajah dan Tok Bahaman telah membawa pengikutnya berpindah ke Kuala Ampul di hilir lagi, di persimpangan Sungai Lebir dengan cabangnya Sungai Ampul.<sup>2</sup>

Seorang daripada pahlawan Pahang itu, anak saudara Tok

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 155.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 156.

Gajah yang disebut namanya, Mat Kelubi atau Mamat Kelubi (nama sebenarnya Awang Ahmad)<sup>1</sup>, telah membawa isteri dan seorang ipar lelakinya meninggalkan Kuala Ampul, menghilir Sungai Lebir sampai ke Kuala Rek, mudik pula Sungai Rek sampai ke Besut tinggal di Chegar Batang di rumah seorang Sayid bernama Tuan Wok atau Tuan Sayid Wok, beliaulah yang memberi makanan dan minuman kepada keluarga Mat Kelubi itu.

Pada akhir tahun 1892, Residen Rodger telah menghantar laporan mengenai kekacauan di Pahang kepada Gabe-nor Singapura. Rodger mengatakan:

Bahaman yang telah dilawan dengan pasukan kita yang kuat itu telah membawa pasukannya termasuk perempuan dan kanak-kanak yang memberatkan bebannya, mengundurkan diri. Anggota dalam pasukan pemimpin Semantan itu barangkali tidaklah lebih daripada 60 orang yang bersenjatakan senapang. Mat Kilau dan Tok Gajah ada 35 pucuk senapang. Anggota dalam pasukan kerajaan: 15 orang telah terbunuh dan 20 orang luka, pihak yang "memberontak" itu 25 orang terbunuh dan 10 orang luka. Jumlah besar orang yang telah menemui kemalangan dalam pasukan "pemberontakan" itu tidaklah boleh dipakai sangat kerana tentulah ramai di antara mereka yang telah mati kelaparan.

Selain daripada 60 orang dari Semantan yang telah menyahut tawaran pengampunan beramai-ramai itu, tiga orang telah menyerah diri dan telah dibuang negeri, seorang telah dibunuh, Penghulu Bentong dan adiknya Encik Ali akan dibicarakan, yang lainnya telah lari pergi ke Kelantan.

Orang Kaya Indera Segara Temerloh yang tidak melawan pasukan Bahaman ketika mereka datang merampas di Temerloh itu, gaji bulanannya telah banyak dipotong dan beliau telah dipindahkan ke Pekan, daerah pegangannya (Temerloh) telah diserahkan dengan bersyarat kepada jagaan Tengku Chik Kampung Jenderak. Semantan telah diletakkan di bawah jagaan Sayid Ali Kampung Badoh. Setelah Tok Gajah lari, Pulau Tawar diberikan kepada pegangan Panglima Garang Yusoh dan wilayah Budu, pegangan Tok Gajah juga, telah diserahkan semula kepada pegangan tuannya yang asal iaitu Orang Kaya Setia Wangsa Lipis. Tok Lela Kampung Kerdu yang telah menyebelahi Bahaman telah dipesat daripada pangkat dan jawatannya.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Dalam rencana Datuk Haji Salehuddin bin Mat Lela dari suratkhbar Berita Harian 12 hari bulan Januari 1970.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 155-156.

Pada awal bulan September 1892 Sultan Ahmad telah berangkat melawat Singapura kerana jemputan daripada Gabenor Negeri Selat (Sir Cecil Clementi Smith).

Semasa Sultan Ahmad berada di Singapura, pada 7 hari bulan September 1892, Sir William Maxwell, Setiausaha Kerajaan Negeri Selat telah menyuruh wakilnya Sayid Hasan bin Ahmad Al-Attas pergi ke Pahang membawa surat menjemput Maharaja Perba Jelai datang melawat Singapura. Sayid Hasan ialah seorang bangsa Arab di Pahang yang telah terkenal di sana.

Setelah menerima surat jemputan itu, pada mulanya Tok Raja enggan hendak pergi ke Singapura, kerana beliau mengesyaki kalau jemputan itu hanya helah kerajaan British hendak membunuhnya. Tetapi setelah dipujuk oleh Sayid Hasan dengan memberikan jaminan keselamatan, baharulah Tok Gajah mahu pergi ke Singapura.

Dalam bulan Oktober 1892, semasa Tok Raja bertemu ramah dengan Gabenor di Singapura, Tok Raja telah diminta menyatakan perkara yang tidak memuaskan hatinya, dan juga mengemukakan sebarang permintaan kepada Gabenor.

Tok Raja telah meminta dinaikkan gajinya dan juga gaji ketua-ketua di bawahnya iaitu Tok Muda Akhir di Kampung Gua dan Penghulu Teh di Rantau. Tok Raja telah mengemukakan juga supaya anaknya yang bernama Wan Tanjung diberi gaji begitu juga ketua kampung yang selama ini tiada bergaji itu diberi gaji seperti Encik Rahmat Kuala Cheka, Penghulu di Kenong, Tok Mat Penghulu Kechau, Tok Amit di Tanum, Tok Imam Abbas di Atas Biau. Mukim Seman di Kuala Tenun dan Encik Yusoh di Perlak.

Tok Raja telah meminta Gabenor memberikan surat kuasa kepadanya menguasai hulu Sungai Jelai Benar, serta mengambil semula satu kawasan tanah di Gubar daripada pemajakan sebuah syarikat lombong di sana bernama Syarikat Penjum. Tok Raja telah membantah tindakan Syarikat Penjum itu yang telah mengambil tanah-tanah yang telah lama diduduki oleh orang-orang Melayu.

Tok Raja merasa gembira kerana cadangan hendak mengangkat Panglima Garang Yusoh di Kuala Tembeling menjadi

orang besar yang tidak lagi di bawah kuasa Tok Raja itu hendak dibatalkan. Wilayah yang dikuasai oleh Tok Raja tetap juga meliputi kawasan dari Tanjung Lindung hingga ke sempadan negeri Pahang dengan negeri Perak, Selangor dan Kelantan. Penduduk di wilayah itu memang selamanya telah mengiktirafkan Tok Raja sebagai orang besar yang kanan di negeri Pahang.

Tok Raja telah dipecat dengan tiada sebab yang berat. Beliau telah mendengar khabar orang di Hulu Pahang yang mengatakan datuk ini hendak dipecat, datuk itu hendak dilucutkan pangkatnya dan bermacam lagi. Kalau ada orang besar yang akan dipecat, mengikut adatnya, orang besar itu sepatutnya digantikan oleh anaknya atau salah seorang daripada saudaranya.

Tok Raja telah bertanya juga adakah Gabenor melayan permintaan orang ramai hendak membatalkan sesuatu undang-undang yang telah diluluskan, seperti Undang-undang Kerah yang sangat memberatkan orang kampung itu. Akhirnya Tok Raja telah meminta dilepaskan enam orang daripada orangnya yang telah ditangkap kerana disyaki bersekutu dengan orang yang melawan kerajaan itu.

Setelah mendengar perkara yang dikemukakan oleh Tok Raja itu, pihak British berpendapat perkara yang menyebabkan terjadinya kekacauan di Hulu Pahang itu ialah kerana gaji orang-orang besar tidak cukup, syarikat lombong orang putih mengambil tanah yang telah diduduki oleh Tok Raja dan orang-orangnya sejak nenek moyang mereka lagi, khabar angin yang disebarkan dan berkenaan Undang-undang Kerah yang menyusahkan orang-orang kampung.

Dalam satu persidangan di antara Gabenor, Sultan Pahang dan Sultan Johor yang diadakan di Singapura dalam bulan Oktober 1892 itu juga, mereka telah mengambil ketetapan:—

Satu pengampunan beramai-ramai akan diisytiharkan kepada sekalian orang, melainkan Bahaman dan Tok Gajah, kecuali jika mereka balik semula ke negeri Pahang. Pengumuman itu ditujukan kepada orang yang telah melakukan gerakan "memberontak" pada masa terjadinya "pemberontakan" itu. Orang yang telah melakukan kesalahan jenayah, tidaklah dimasukkan dalam pengampunan yang akan diisytiharkan itu.

Maharaja Perba dan Sayid Hasan Al-Attas telah dilantik menjadi wakil kerajaan dan akan berjumpa dengan dua orang pemimpin "pemberontak" itu (Bahaman dan Tok Gajah) dan akan menasihatkan mereka supaya menyerah diri dan diberikan jaminan mereka tidak akan dihukum seperti orang kebanyakan yang bersalah.

Itulah di antara ketetapan yang telah diambil dalam persidangan di Singapura itu.

Pada 24 hari bulan Oktober 1892, Sultan Johor bagi pihak Sultan Pahang telah menerbitkan siaran mengumumkan ketetapan yang telah diambil itu serta menyatakan syaratnya sekali. Selang beberapa hari selepas itu, dengan permintaan William Maxwell pula, seorang daripada menteri Sultan Johor telah menulis surat kepada Tok Raja dan Sayid Hasan menerangkan pengertian pada perkara yang tersebut dalam pengumuman Sultan Johor itu. Setelah itu Tok Raja dan Sayid Hasan kembali ke Pahang.<sup>1</sup>

Dalam bulan Oktober tahun itu juga, Tengku Mahmud di Pahang telah menghantar satu pasukan kerajaan (askar Melayu) pergi ke Jempul untuk menangkap Panglima Muda Jempul. Pasukan itu telah dapat membunuh Panglima Muda Jempul. Sejak itu tiadalah lagi timbul gerakan menentang kerajaan dari daerah itu.<sup>2</sup>

Sejak pengampunan beramai-ramai itu diisytiharkan, ramai orang yang menentang pihak British di Pahang yang telah lari ke dalam hutan telah kembali semula ke tempat mereka. Tetapi ketua mereka Tok Bahaman dan anaknya Mat Lela, Tok Gajah dan anaknya Mat Kilau dan ramai lagi, tidak begitu mempercayai tawaran pengampunan itu.

Pada masa itu Tok Bahaman dan Tok Gajah serta anak Tok Gajah yang tinggal di Kuala Ampul itu hanya seramai dua belas orang sahaja. Mereka tinggal di situ bersama dengan orang Pahang yang telah lari dari Pahang semasa Perang Pahang (1857-1862) dahulu yang telah berkampung halaman di Hulu Kelantan.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 156-158.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 153.

<sup>3</sup>PAHANG - m.s. 157-158.

1893. Pada 9 hari bulan Januari 1893, Tok Gajah telah mengutus surat kepada Tok Raja melalui anak Tok Gajah bernama Haji Abdul Rauf yang masih tinggal di Pahang kerana beliau tidak mengambil bahagian cergas dalam gerakan menentang pihak British itu. Dalam surat Tok Gajah kepada Tok Raja itu menyebutkan:—

Tok Gajah telah bertolak hendak datang ke Pahang berjumpa Wan Tanjung (anak Tok Raja) tetapi di tengah jalan ke tempatnya, Tok Gajah bertanya kepada Tok Raja: bolehkah anak lelakinya mengambil harta bendanya yang ada di negeri Pahang itu? Kalau Tok Raja hendak tahu anaknya Haji Abdul Rauf itu bolehlah menceritakan kepada Tok Raja dengan jelas akan kisah yang berhubungan dengan hal Tok Gajah meninggalkan Pulau Tawar. Tok Gajah mencadangkan bahawa Tok Raja memberitahu Sultan dan kerajaan Pahang ia sedang sakit. Akhirnya Tok Gajah meminta pengakuan bertulis yang rasmi daripada Tok Raja menyatakan bahawa kerajaan (Pahang) tidak lagi menuduhnya bersalah.

Pada bulan hadapannya pada 17 hari bulan Februari 1893 pula, Tok Gajah mengutus surat lagi kepada Tok Raja menyatakannya:—

Anaknya Haji Abdul Rauf itulah yang dipercayainya, "apa katanya itulah kata saya" kata Tok Gajah. Tok Gajah berasa gembira mendengarkan Tok Raja telah balik dengan selamat dari Singapura dan di sana telah dilayan dengan baik oleh Sultan Pahang, Sultan Johor dan Gabenor. Tok Gajah sukacita juga kerana Tok Raja mengatakan segala tuduhan yang dikenakan kepadanya telah digugurkan. Tok Gajah telah meminjam wang sebanyak \$600/- kerana Tok Gajah hendak membayar hutangnya kepada orang Kelantan dan Tok Gajah telah meminta lagi pengakuan bertulis daripada Tok Raja dan Residen yang mengaku bahawa Tok Gajah dan anaknya dibebaskan daripada segala tuduhan. Tok Gajah mengakhiri suratnya itu dengan mengatakan: "Jika permintaan saya yang disebutkan di atas itu tidak dikabulkan, biarlah saya mati dalam hutan, kerana saya gentar hendak balik. Saya tidak akan percaya kepada pengakuan yang hanya dengan cakap mulut walau daripada sesiapa pun."

Sejak itu hingga lebih kurang tujuh bulan kemudian, tiada didapati sebarang berita mengenai Tok Bahaman, Tok Gajah dan anak mereka yang tinggal di Hulu Kelantan itu.

Pada 3 hari bulan Oktober 1893, Tok Gajah dan Tok Bahaman telah mengutus surat kepada Wan Tanjung bertanyakan sudahkah Tok Raja balik dari Pekan, dan mereka minta



nasihat daripada Tok Raja. Mereka akan pulang dengan segera ke Pahang jika Tok Raja menasihatkan mereka berbuat demikian, kerana hal kehidupan mereka masa itu bukanlah lagi seperti kehidupan manusia. Tok Gajah dan Tok Bahaman bertanyakan apakah yang akan mereka terima, jika mereka balik ke Pahang.

Dalam bulan November 1893 pula Tok Gajah dan Tok Bahaman telah mencadangkan supaya Tok Raja menemui mereka di Hulu Tembeling. Pada 21 hari bulan November 1893 Hugh Clifford, Pemangku Residen British Pahang masa itu, telah bersetuju Tok Raja menemui mereka, dan Clifford telah memberitahu Tok Raja supaya menyatakan dengan terus terang akan syarat-syarat mereka menyerah diri itu, dan hendaklah Tok Raja menasihatkan mereka segera balik ke Pahang. Jika mereka kembali ke Pahang, Tok Raja akan mengiring mereka pergi ke Pekan.

Tok Raja telah pergi dan berjumpa dengan Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau di tempat yang bernama Chekuas. Dalam perjumpaan itu Tok Raja telah menjalankan tugas yang diberikan kepadanya dan telah mengajak mereka balik ke Pahang. Ketiga-tiga orang Pahlawan itu tidak mahu menyerah diri mengikut syarat dalam pengumuman yang telah dikeluarkan oleh Sultan Johor pada 2 hari bulan Oktober 1892 itu. Mereka telah diminta supaya Sultan Pahang, Sultan Johor dan Residen Pahang sekali lagi mengajak balik ke Pahang dengan memberikan jaminan bahawa mereka tidak akan menemui kemalangan. Pahlawan Pahang itu juga telah meminta supaya anak-anak mereka, lelaki dan perempuan dibolehkan tinggal di Bukit Betong dalam jagaan Tok Raja. Jika permintaan mereka itu diluluskan, mereka bersedia untuk kembali ke Pahang, dan bersama Tok Raja pergi ke Pekan menghadap Sultan Pahang, lepas itu mereka pergi ke Johor.

Pada akhir bulan Disember 1893, Tok Raja telah menerangkan kepada Hugh Clifford berkenaan kisah dan hasil perjumpaannya dengan Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau itu, dan menyatakan pula bahawa mereka telah pergi ke Hulu Tanum, di sanalah mereka menanti jawapan dari pihak kera-

jaan Pahang. Tok Raja menyatakan pula apabila ia menerima surat daripada Sultan dan Residen Pahang, ia akan pergi berunding lagi dengan Tok Gajah, Bahaman dan Mat Kilau, dan jika berjaya, ia akan mengiringi mereka pergi menghadap Sultan Pahang.

Clifford telah memberikan ucapan terima kasih kepada Tok Raja kerana perkhidmatannya itu, dan Clifford meminta pula Tok Raja memberitahu pahlawan Melayu itu bahawa Sultan dan Kerajaan Pahang, akan mentaati segala janji yang telah dibuat oleh Gabenor Negeri Selat itu, dan Clifford bersetuju anak-anak mereka itu tinggal di Jelai, kecuali Mat Kilau.

Haji Abdul Rauf telah berbicara panjang dengan Tok Raja mengenai kedudukan saudaranya apabila mereka kembali ke Pahang kelak. Haji Abdul Rauf menyatakan semua saudaranya telah menyatakan keinginan mereka hendak tinggal di Jelai, kecuali Mat Kilau "yang berlainan sekali halnya" daripada saudaranya yang lain itu, ayahnya Tok Gajah telah menyatakan sepatutnya Tok Gajah memberi beliau wang walaupun hanya satu sen sebagai tanda persahabatan.<sup>1</sup>

Dalam laporan Residen British Pahang bagi tahun 1893, antara lain menyebutkan:—

"... Barangkali tak lama lagi bekas Tok Gajah (Rasu) dan bekas Orang Kaya Pahlawan (Bahaman) kedua-duanya akan menyerah diri kepada kerajaan. Sekarang ini kedua orang besar itu telah ditinggalkan oleh hampir semua pengikut mereka yang telah meninggalkan negeri ini pergi mengikut kedua orang besar itu dahulu, sebahagian besar daripada pengikut mereka itu telah datang semula ke negeri Pahang dan telah menyerah diri kepada kerajaan. Pada masa ini jika mereka hendak menimbulkan kekacauan lagi, mereka tidak akan dapat mengumpulkan pasukan perang mereka lebih daripada dua belas orang. Orang-orang besar yang ada di negeri Pahang masa ini tiada berapa cenderung hendak memberikan bantuan kepada "pemberontak itu jika mereka hendak mengulangi lagi pergerakan permusuhan mereka dan selagi keadaan seperti yang ada sekarang berpanjangan, adanya ketua "pemberontak" itu di sempadan negeri ini tiadalah boleh dikira satu perkara yang sangat mencemaskan".<sup>2</sup>

<sup>1</sup>PAHANG - m.s. 159.

<sup>2</sup>PAHANG - m.s. 159-160.

Pada masa ini Pahlawan Melayu itu telah kembali ke tempat mereka di Hulu Lebir (Kuala Ampul). Sungguhpun mereka masih membuat perhubungan dengan Tok Raja di Pahang, tetapi mereka terus enggan untuk menyerah diri seperti yang telah ditawarkan itu. Mereka mengesyaki, kalau mereka balik ke Pahang, pangkat mereka akan diturunkan daripada pangkat mereka yang dahulu. Tambahan pula, orang-orang di Kelantan, dan kemudiannya orang-orang di Terengganu, ramai yang menggalakkan semangat perjuangan mereka menentang penjajahan British itu.<sup>1</sup>

Demikianlah peristiwa yang telah berlaku hingga tamat 1893 dan masuk pula ke tahun 1894.

1894. Dalam bulan Februari 1894, E.A. Wise Penguasa Hulu Pahang, mengikut perintah Clifford telah menghantar seorang utusan membawa surat daripada Sultan dan sepucuk lagi daripada Residen Pahang, untuk disampaikan kepada Awang Nong (anak Tok Gajah) yang pada masa itu ada di Kuala Tembeling, dan menyuruh Awang Nong menyampaikan surat itu kepada pemimpin pihak yang menentang British di Pahang (Tok Gajah dan Tok Bahaman).

Oleh sebab Awang Nong enggan meninggalkan negeri Pahang, ia telah meminta supaya Encik Mat Idris Kuala Tembeling menggantikannya menjalankan tugas tersebut. Encik Mat Idris pula telah menyerahkan tugas itu kepada Wan Hamid di Jeram Ampai itu.

Wan Hamid telah pergi ke Kelantan berjumpa saudaranya di sana. Semasa dalam perjalanannya hendak balik ke Pahang, Wan Hamid telah berjumpa Tok Bahaman dan Tok Gajah di Sungai Ampul. Tok Gajah telah memberitahu Wan Hamid bahawa beliau sedang menunggu anaknya Awang Nong kerana Tok Gajah hendak balik ke Pahang selepas isterinya bersalin.

Wan Hamid telah pergi menemui Mat Kilau di Pasir Durian

<sup>1</sup>PAHANG - m. s. 160; POLICE - m. s. 83.

(dalam negeri Kelantan juga) dan ditemuinya Yusoh (Yusuf)\* dan Teh Ibrahim ada bersama Mat Kilau.

Walaupun Tok Gajah telah mengatakan kepada Wan Hamid yang beliau bercadang hendak balik ke Pahang, tetapi Mat Kilau dan Mat Lela (anak Tok Bahaman) tidak mahu balik ke Pahang. Wan Hamid tidak berjumpa seorang lagi pahlawan yang menentang pihak British di Pahang iaitu Mat Kelubi. (Mat Kelubi tinggal di Besut tetapi beliau sentiasa membuat perhubungan dengan rakan seperjuangannya di Hulu Lebir itu).

Setelah melihat keadaan hidup Tok Gajah dan Tok Bahaman di Hulu Kelantan dalam keadaan serta sengsara itu, pada pandangan Wan Hamid mereka tidak akan datang lagi membuat kacau ke negeri Pahang.<sup>1</sup>

Lebih kurang dua bulan kemudian, pada 20 hari bulan April 1894, Tok Gajah dan Tok Bahaman mengutus surat lagi kepada Tok Raja, mengatakan:—

“. . . Kami gentar hendak balik ke Pahang kerana di sana banyak khabar angin yang dibawa dari Tembeling melalui Kuala Kelantan ke tempat kami ini mengatakan kerajaan (Pahang) telah memberikan senapang kepada orang Kelantan untuk membunuh kami. Itulah sebabnya kami belum balik (ke Pahang) dan kami hidup dalam hutan. Di darat Kelantan dan Terengganu dan semua negeri telah ditutup kepada kami berempat\*\* kerana kerajaan telah mengeluarkan perintah kepada semua negeri iaitu kami akan ditembak apabila dijumpai, dan kerajaan telah menawarkan hadiah seribu ringgit kepada siapa yang dapat menangkap kami. Kami tak dapat bergerak ke mana pun untuk mencari makan, kerana ramai orang yang menanti peluang hendak mengkhianati kami. Kami sangat dukacita kerana datuk telah menyebutkan kepada kami bahawa kerajaan telah memberhentikan tindakan menentang kami dan kami telah dibebaskan. Sekarang ini kami hidup dalam bahaya di atas bukit di Hulu Sungai yang tidak dikenali sedang menantikan isteri Orang Kaya (Tok Bahaman) bersalin dijangkakan sampai masa dalam bulan ini.

“Kami tidak takut khabar angin dari Tembeling itu, kerana kami ingin hendak balik ke Pahang ketika ini juga, tetapi telah

\*Yusoh, anak angkat Tok Gajah, Lihat KAJI—m.s. 32.

<sup>1</sup>PAHANG—m.s. 160.

\*\*Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, dan Mat Lela.

terlambat kerana isteri Orang Kaya hendak bersalin. Kami harap hendak balik selepas isteri Orang Kaya itu bersalin".\*

Pada akhir bulan April itu juga (1894) sekali lagi Tok Raja telah meminta dengan bersungguh-sungguh kepada Tok Bahaman supaya meminta beliau menyerah diri, serta Tok Raja menerangkan pula betapa salahnya meneruskan perjuangan melawan kerajaan itu. Tok Raja telah memberitahu kerajaan iaitu telah beberapa kali Tok Bahaman berjanji hendak berjumpa beliau, tetapi tak pernah pun Tok Bahaman datang menemuinya!

Dalam bulan Mei 1894, pahlawan Pahang yang tinggal di Kuala Ampul itu telah pindah ke Kuala Terengganu di tempat yang bernama Seberang Engku Ngah, sebuah kampung berseberangan dengan pagar istana Sultan Terengganu.

Semasa di Kuala Terengganu itulah Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau beberapa kali telah pergi ke kampung yang bernama Paloh (tiada berapa jauh dari bandar Kuala Terengganu) menziarahi seorang alim keramat yang sangat terkenal dan disegani ramai bernama Sayid Abdul Rahman yang biasa dipanggil Tok Engku Sayid atau Tok Engku Paloh atau Tok Engku Keramat.

Tok Gajah dan Tok Bahaman menceritakan segala kisah perjuangan mereka melawan pihak Inggeris (British) yang telah masuk memerintah di Pahang hingga mereka mengundurkan diri ke Hulu Kelantan dengan menanggung berbagai penderitaan dan sekarang telah sampai ke Terengganu.

Tok Engku Sayid itu telah memberi nasihat dan membe-rangsangkan Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau jangan mahu mengaku kalah dan hendaklah mereka meneruskan Perang Sabil melawan pihak Inggeris (British) itu. Tok Engku Sayid telah memberikan dan mengajar mereka beberapa jenis ilmu jampi dan ilmu kebal sambil mengatakan mereka akan menang melawan orang kafir. Tok Engku Sayid juga mem-

\*Diterjemahkan semula dari terjemahan Inggerisnya: PAHANG—m.s. 160-161.

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 161.

berikan mereka sebilah pedang pada matanya berukir dengan ayat Al-Quran yang ditulis oleh Tok Engku Sayid sendiri. Tok Gajah, Tok Bahaman, dan Mat Kilau merasa gembira dan bertambah berani untuk meneruskan perjuangan mereka setelah mendengar nasihat dan perangsang Tok Engku Sayid itu.

Semasa di Kuala Ampul, pengikut Tok Gajah dan Tok Bahaman cuma dua belas orang. Tetapi setelah digalakkan oleh Tok Engku Paloh itu, Tok Gajah dan Tok Bahaman telah dapat mengumpulkan pengikut mereka hingga seramai lebih kurang seratus orang, terutama orang-orang dari daerah Besut (Terengganu) dan dari lembahan Sungai Lebir (Hulu Kelantan). Seorang saudagar dari Kelantan bernama Awang Ngah, telah berusaha dan berjaya membawa senapang dan peluru dari Singapura ke Terengganu untuk orang-orang Tok Gajah dan Tok Bahaman. Mat Kelubi yang tinggal di Besut telah datang ke Kampung Paloh bersatu semula dengan pasukan Tok Gajah, Bahaman dan Mat Kilau. Pengikut mereka telah berkumpul di Kampung Paloh.<sup>1</sup>

Di masa pahlawan Pahang itu berada di Kuala Terengganu, Sultan Terengganu (Sultan Zainal Abidin III) telah bermesyuarat dengan orang-orang besar baginda apakah tindakan yang hendak dibuat ke atas pahlawan Pahang dan pengikut mereka yang ada di Kuala Terengganu itu. Setelah berunding panjang dan mendengar pendapat dan nasihat orang-orang besar baginda yang bernama Encik Abdul Rahim (Panglima Dalam), Tuan Hitam, Tengku Muda dan Tengku Uthman (Tengku Seman), baginda bersetuju hendak berbaik-baik sahaja dengan pahlawan Pahang serta pengikut mereka itu, kerana mereka sama-sama beragama Islam.<sup>2</sup>

Sewaktu Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau bertolak meninggalkan Kampung Seberang Engku Ngah hendak balik ke Hulu Lebir, mereka telah berterus-terang, mengatakan tujuan mereka hendak menjalankan Perang Sabil di negeri Pahang, dan mereka telah dimuliakan oleh orang-orang Terengganu dengan pekik sorak yang gembira. Pahlawan Pa-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 161-162; KAJI—m.s. 41.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 44-45; KAJI—m.s. 28.

hang itu telah memudiki Sungai Terengganu balik ke Hulu Lebir. Mat Kilau tinggal mengetuai pasukan mereka yang telah berhimpun di Kampung Paloh itu.<sup>1</sup>

Walaupun pihak Tok Gajah dan Tok Bahaman telah lengkap untuk menyerang Pahang, kerajaan Pahang masih juga menjalankan usaha membuat perhubungan dengan mereka. Tok Muda Akhir dari Kampung Gua, Tok Muda Awang Tanggok dari Kechau dan Wan Hashim Penghulu Raja di Tembeling sebagai wakil yang dihantar oleh kerajaan Pahang telah sampai ke Hulu Lebir (Kuala Ampul) berjumpa Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau bertanyakan sama ada mereka hendak balik ke Pahang. Pahlawan Pahang itu dengan berpura-pura mengatakan nantilah dalam sedikit hari lagi.

Dalam bulan Jun 1894, dua hari setelah Tok Muda Akhir dan rakannya itu sampai di Hulu Lebir, Mat Kelubi dari Paloh (Terengganu) telah sampai pula ke Hulu Lebir membawa pasukan pengikut Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau yang akan menyerang Pahang. Sewaktu Mak Kelubi dan pasukan yang dibawanya itu bertolak meninggalkan Kuala Terengganu dan memudiki Sungai Terengganu menuju ke Hulu Lebir, mereka telah diberi tepuk sorak oleh orang-orang Terengganu untuk memberikan semangat kepada pahlawan perjuangan itu.

Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau dan Mat Kelubi telah bertolak meninggalkan Hulu Lebir menuju ke Pahang membawa pasukan mereka seramai seratus orang. Di antara ketua kampung dari lembahan Sungai Lebir dan Besut yang turut sama pergi menyerang Pahang ialah Penghulu Sulong, Penghulu Mat Saleh, Penghulu Talib dan Tok Mekong Hasan.

Tok Muda Akhir dan rakannya wakil kerajaan Pahang telah ditinggalkan di belakang (di Hulu Lebir), akhirnya mereka balik ke Pahang mengikut jalan Pulai (di Sungai Galas).

Pasukan Tok Gajah dan Tok Bahaman itu telah menyeberangi sempadan Kelantan dengan Pahang masuk ke Hulu Tembeling pada 12 hari bulan Jun 1894 dan menghirir Sungai

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 45.

Tembeling. Kedatangan pasukan itu telah memeranjatkan penduduk di sepanjang sungai itu.

Pada subuh 14 hari bulan Jun 1894, pasukan yang diketuai oleh Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau dan Mat Kelubi telah membuat serangan mengejut ke kubu yang dikawal oleh pasukan polis pihak British di Kuala Tembeling. Serangan itu telah berjaya. Daripada sebelas orang mata-mata Sikh yang berkawal di kubu itu, lima orang telah terbunuh, dan yang lainnya telah melepaskan diri termasuklah seorang mata-mata Sikh bernama Ram Singh. Walaupun badan, kaki dan tangan Ram Singh telah luka tidak kurang daripada tiga puluh liang namun dapat juga ia berikhtiar, berhanyut dengan sebuah perahu hilir Sungai Pahang hingga sampai di Pulau Tawar dan memberitahu peristiwa itu kepada Panglima Garang Yusoh orang besar yang menggantikan Tok Gajah dan memegang Pulau tawar, dan juga kepada Maharaja Perba Jelai yang ketbetulan masa itu ada di Pulau Tawar. Kedua orang besar itu telah mengumpulkan pengikutnya bersedia mempertahankan diri. Ram Singh telah dihantarkan oleh kerajaan ke rumah sakit Singapura.\*

Semasa pasukan orang Melayu menyerang pihak British di Kuala Tembeling itu, Hugh Clifford tiada di Pahang, ia sedang menjalankan tugas di Pulau Kokos-Keeling.

Setelah mengalahkan pihak British di Kuala Tembeling, Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau membawa pasukannya menghilir Sungai Pahang menuju ke Pulau Tawar. Mat Kelubi dengan satu pasukannya seramai lima puluh orang tinggal berjaga di Kuala Tembeling.

---

\*Kisah Ram Singh itu ada diceritakan dengan panjang lebar oleh Patrick Morrah dalam rencananya mengenai kekacauan di Pahang itu: POLICE—m.s. 83-85; dan juga dalam buku karangan Hugh Clifford yang bernama *In a Corner of Asia* m.s. 171-194. Datuk Haji Salehuddin bin Mat Lela mengatakan: Mat Kilaulah yang telah melepaskan Ram Singh setelah seluruh badannya dikelar dan disuruh oleh Mat Kilau memberitahu Sultan Pahang, bahawa pihak British telah kalah di Kuala Tembeling; suratkhbar Utusan Melayu 15 dan 16 hari bulan Januari 1970. Lihat juga keterangan Encik Shamsudin Ismail dalam Berita Harian 24 hari bulan Januari 1970.



Sepeninggalan Tok Gajah dan rombongannya pergi menghilir ke Pulau Tawar, Mat Kelubi dan pasukannya itu telah meninggalkan Kuala Tembeling mudik ke Sungai Jelai untuk menyasiasat kalau ada serangan dari pihak British datang dari arah Kuala Lipis.

Pasukan Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau yang menghilir itu telah singgah dan berhenti di Kampung Kedondong (hampir dua batu lagi hendak sampai ke Pulau Tawar). Tok Gajah dan Tok Bahaman telah menghantar utusan kepada Tok Raja dan Panglima Garang Yusoh di Pulau Tawar memujuk dan mengajak kedua orang besar itu mengangkat senjata melawan orang kafir. Dua kali utusan itu datang berjumpa Tok Raja dan menyatakan juga bahawa Tok Gajah dan Tok Bahaman akan menyerah diri di atas belas kasihan Tok Raja. Tok Raja dan Tok Bahaman itu dan berkata, "Kalau hendak hidup, hiduplah, kalau hendak mati, matilah".

Apabila Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau gagal memujuk Tok Raja dan Panglima Garang Yusof untuk menyebelahi mereka melawan pihak British yang telah menjajah negeri Pahang itu, mereka telah membawa pasukannya meninggalkan Kedondong mudik semula ke Kuala Tembeling, dan berhenti pada satu tempat di tepi Sungai Tembeling hampir empat batu ke hulu dari Kuala Sungai Tembeling bernama Jeram Ampai, dan mendirikan kubu di tebing sungai itu.

Tok Raja dan Panglima Garang telah membawa pasukannya yang lengkap bersenjata mudik hingga sampai di Kuala Tembeling, iaitu pada 15 hari bulan Jun 1894, mendirikan kubu di kiri kanan tebing sungai itu. Tok Raja telah memberitahu pihak kerajaan di Kuala Lipis dan Temerloh mengenai serangan yang telah dilakukan oleh pihak penentang British di Kuala Tembeling itu.

Pada 16 hari bulan Jun 1894, apabila Mat Kelubi dan pengikutnya dari Sungai Jelai menghilir ke Kuala Tembeling, mereka telah diserang oleh orang-orang Tok Raja dan Panglima Garang Yusoh yang telah sedia menanti kedatangan mereka di Kuala Tembeling. Mat Kelubi dan pengikutnya dalam sebuah perahu seramai tujuh orang telah dibunuh oleh Pang-

lima Garang Yusoh dan orang-orang Mat Kelubi yang lain telah melepaskan diri.

*Hikayat Pahang* ada menceritakan kisah itu:—

Maka di dalam pada itu Panglima Garang dan Tok Raja mudik mengambil Kuala Tembeling dengan angkatan di seberang menyeberang membuat kubu. Maka Panglima Garang sudah tahu, Mamat Kelubi sudah lepas mudik di sebelah Jelai. Disuruhnya jaga. Maka tiada berapa lama Mamat Kelubi itu pun ada hilir. Segera mereka memberitahu Panglima Garang dan Tok Raja dan begitu juga segera Panglima Garang dengan kesiapannya dengan orang-orangnya bersama-sama menanti di sebelah Tembeling di pangkal pokok neram. Kemudian Mamat Kelubi pun betul di sebelah kiri melalui tepi pokok batang neram. Ia tengah duduk bersila panggung memegang payung. Apakala bertentang dengan Panglima Garang lalu ditembaknya dan mereka pun menembak semuanya; kemudian Mamat Kelubi kena peluru terjun ke dalam air semuanya. Maka diturut oleh Panglima Garang dengan sampan seperti orang menuba ikan ditikam mati semuanya lepas lari dua orang galahnya. Maka Panglima dan Tok Raja mengukuhkan kubu serta memanggil sekalian orang lelaki.<sup>1</sup>

Apabila mendapat tahu Kuala Tembeling telah diserang pada 1 hari bulan Jun 1894, Walter Egerton, Pemangku Residen British Pahang masa itu, serta R.W. Duff, Penguasa Polis, telah bertolak dari Pekan membawa satu pasukan polis mudik Sungai Pahang menuju ke Hulu Pahang, dan mereka telah sampai ke Kuala Tembeling pada 18 hari bulan Jun 1894.

Di Kuala Tembeling, pasukan yang datang dari Pekan itu telah bersatu dengan pasukan mata-mata Sikh lain yang diketuai oleh E.A. Wise. Mengikut pertimbangan pegawai British yang ada di Kuala Tembeling masa itu, pasukan yang ada belum lagi cukup kuat untuk melawan pasukan orang Melayu penentang Pihak British yang sedang berkubu di Jeram Ampai itu.

Sepuluh hari kemudian, pada 28 hari bulan Jun 1894, satu

<sup>1</sup> EXPENDITION—m.s. 140-159; KAMPUNG—m.s. 38-39; PAHANG m.s. 161-162. HIKAYAT (II).

pasukan polis dari Selangor diketuai oleh Kapten Lyon, satu pasukan mata-mata Sikh dari Negeri Selat yang diketuai oleh Penguasa Polis Stewart, satu pasukan besar mata-mata Sikh dari Perak diketuai oleh Kapten H.L. Talbot, serta Kolonel Walker dari Perak yang mengetuai semua pasukan polis itu, telah sampai di Kuala Tembeling dan bersatu dengan pasukan polis Pahang yang ada di Kuala Tembeling itu.

Pada pagi 29 hari bulan Jun 1894, pasukan besar pihak British dari Kuala Tembeling telah bergerak hendak menyerang pasukan Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau di Jeram Ampai.

Walker, Lyons, Talbot dan Wise membawa pasukan besar mengandungi mata-mata Sikh dan Melayu mara menuju ke Jeram Ampai mengikut tebing kanan mudik Sungai Tembeling. Duff dan Stewart membawa pasukan lain pula mengikut tebing kiri mudik sungai itu.

Pasukan yang diketuai oleh Walker telah sampai dan berhenti dalam hutan tiada berapa jauh dari kubu pihak Tok Gajah dan sekutunya itu. Tiada berapa lama selepas itu, Walker dan Wise dengan segera mengarahkan orang-orangnya melancarkan serangan ke kubu pihak Tok Gajah dan rakannya itu dan berlakulah pertempuran yang hebat. Tiada lama bertempur, pihak Tok Gajah dan sekutunya itu dapat menahan tembakan dari pihak British itu, lalu Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau dan pengikut mereka berundur meninggalkan kubu mereka di Jeram Ampai mudik ke hulu Sungai Tembeling ke Hulu Lebir (Kuala Ampul) di Hulu Kelantan.

Mengikut keterangan dari pihak polis (British) sungguhpun pasukan pihak British telah berjaya dalam pertempuran di Jeram Ampai itu, tetapi serangan pihak British itu merupakan satu serangan yang kacau bilau, kawalan perintah menembak telah berkecai, beberapa orang dalam pasukan polis yang datang dari Selangor didapati penakut, kecederaan yang tidak sepatutnya terjadi berlaku, kerjasama yang teratur di antara pasukan penyerang itu tidak ada sama sekali.

Walker telah menunjukkan ketangkasan sebagai seorang askar tetapi ia tidak dapat dikatakan sebagai seorang pemimpin yang mahir dalam muslihat perang, contohnya Walker

dengan serta-merta telah melancarkan serangan ke kubu pihak musuhnya dengan tidak terlebih dahulu mengadakan persediaan di keliling kubu itu di tempat yang membolehkan musuh keluar melarikan diri dari kubu itu. Dan lagi sebaik sahaja pihak orang Melayu itu menembak dari kubu mereka, pasukan polis yang diketuai oleh Lyons yang ada di sebelah belakang menembak pula dengan tidak teratur dan seorang kawan mereka di depan telah terbunuh. Talbot telah ditembak pada badannya, Walker hampir lagi ditembak. Lyons telah mara ke depan menyerang kubu orang Melayu itu, tetapi sedikit sahaja orang-orang Lyons yang mahu mengikutnya menyerang, seorang sarjan dan dua orang mata-mata dari pasukan Lyons berani datang ke depan. E.A. Wise telah ditembak pada kakinya dan tak lama kemudian dia telah mati.

Mengikut laporan dari pihak British juga, dalam pertempuran di Jeram Ampai itu, 40 orang pengikut Tok Gajah, Tok Bahaman dan Mat Kilau telah mati, di pihak kerajaan (British) pula, E.A. Wise dan empat orang mata-mata Sikh telah mati, Talbot serta empat orang mata-mata Sikh juga telah luka. E.A. Wise telah dikebumikan di Pasir Tambang, Kuala Tembeling. Duff dan Stewart dengan pasukannya yang datang mengikut tebing kiri mudik sungai itu telah sesat dalam hutan, setelah pertempuran tamat baharu mereka tiba.

Dari pihak orang Melayu yang menentang pihak British itu pula mengatakan kekalahan di Jeram Ampai ialah kerana orang-orang Pahang telah belot kepada mereka dan telah menolong orang putih. Mereka mengakui kekalahan di Jeram Ampai, tetapi mereka telah dapat membunuh beberapa orang Sikh dan juga Wise.

Walaupun serangan pihak British di Jeram Ampai itu telah dilancarkan dengan pimpinan yang kurang baik, tetapi sejak itu boleh dikatakan tamatlah pertempuran di negeri Pahang yang dibangkitkan oleh orang Melayu yang menentang pihak British yang telah mencampuri pemerintahan di negeri Pahang itu, kerana pemimpin mereka itu telah berundur ke negeri Kelantan dan Terengganu.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> POLICE—m.s. 83-87; PAHANG—m.s. 163-164.



## *British Gagal Menangkap Pahlawan Pahang di Kelantan dan Terengganu*

1894. Hugh Clifford telah kembali ke Pahang memegang semula jawatannya sebagai Pemangku Residen British di negeri itu. Setelah diberitahu segala peristiwa yang telah berlaku di Hulu Pahang itu, ia dengan segera mudik ke Hulu Pahang dan sampai di Kuala Tembeling pada 3 hari bulan Julai 1894.<sup>1</sup>

Pada awal bulan Julai itu juga Clifford telah melengkapkan pasukan untuk mengejar Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau serta pengikut mereka yang ada di Hulu Lebir, Kelantan itu. Setelah siap, Clifford, Walker dan Duff yang membawa serbilangan besar mata-mata Sikh dan orang Melayu telah memudiki Sungai Tembeling pergi ke Hulu Kelantan (Hulu Lebir).

Apabila sampai di Hulu Tembeling, Clifford telah mengubah perjalanan yang akan ditempuhnya ke Hulu Kelantan itu. Clifford telah memerintahkan Walker dan Duff membawa pasukan besar angkatan itu meneruskan perjalanan di hulu Sungai Tembeling pergi ke Hulu Lebir, dan Clifford sendiri dengan membawa pasukan orang Melayu seramai 130 orang, telah melencong memudiki Sungai Sepiul, cabang di hulu sungai Tembeling pergi ke Hulu Terengganu.

Clifford dan rombongannya telah menyeberangi sempadan Pahang dengan Terengganu pada 21 hari bulan Julai 1894 dan masuk ke wilayah negeri Terengganu melalui hutan belantara

---

<sup>1</sup>KAMPUNG—m.s. 39.

mendaki menurun hingga sampai ke hulu Sungai Terengan (cabang di hulu Sungai Terengganu).<sup>1</sup>

Sebelum pasukan pihak British itu sampai, Tok Gajah, Bahaman, Mat Kilau serta pengikut mereka seramai lebih kurang enam puluh orang yang tinggal di Kuala Ampul telah mendapat tahu pasukan orang putih yang mengejar dan hendak menangkap mereka telah datang menghilir Sungai Lebir (pasukan yang dibawa oleh Walker dan Duff). Pahlawan Pahang itu telah membawa orang-orang mereka menghilir dari Kuala Ampul pergi ke Sungai Pertang, terus mudik dan berhenti di tempat yang bernama Kuala Alor.

Tiada berapa lama di Kuala Alor, apabila Tok Gajah dan rombongannya mendapat tahu pasukan pihak British yang datang itu telah sampai di Kuala Ampul dan akan datang ke Sungai Pertang mengejar mereka, Tok Gajah dan rombongannya itu telah meninggalkan Kuala Alor pergi ke hulu lagi di Sungai Pertang dan bersembunyi dalam hutan di situ.<sup>2</sup>

Hugh Clifford dan pasukannya yang datang mengikut hutan di Hulu Terengganu itu telah sampai ke Kuala Alor pada 29 hari bulan Julai 1894. Di situlah Clifford berjumpa dan bersatu semula dengan pasukan besarnya yang dibawa oleh Walker dan Duff yang telah datang menghilir Sungai Lebir dan memudiki Sungai Pertang.<sup>3</sup>

Dua hari selepas itu, pada 31 hari bulan Julai 1894, Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau dan pengikut mereka telah keluar dari hutan di lembahan Sungai Pertang itu dan menyerang pasukan Clifford, Walker dan Duff di Sungai Pertang tiada berapa jauh dari Kuala Alor. Dalam pertempuran itu seorang mata-mata Sikh, seorang Dayak dan tiga orang Melayu dalam pasukan Clifford telah terbunuh, dan seorang Melayu bernama Wan Abdullah anak Wan Ismail Pulau Besar Pahang dan seorang Dayak telah luka. Pihak pahlawan Pahang itu tiada mendapat kecederaan tetapi mereka telah lari dalam hutan dan banyak barang tertinggal di situ tiada sempat di-

<sup>1</sup> KAMPUNG—m.s. 39-40; PAHANG—m.s. 164.

<sup>2</sup> EXPEDITION — m.s. 157.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 164.

bawa. Di antara surat pihak Tok Gajah yang telah dijumpai oleh Clifford, ada pula surat yang menunjukkan bahawa orang-orang besar di Kelantan dan Terengganu pun ada terlibat dalam gerakan orang-orang Pahang menentang pihak British.

Lebih kurang seminggu lamanya pasukan Clifford mencari pahlawan Pahang dan pengikut mereka dalam hutan di lembahan Sungai Pertang dan pihak British hampir menjumpai mereka pada 7 hari bulan Ogos 1894. Dalam pada itu, datang dua orang besar Kelantan iaitu Engku Selia Raja dari Kemuning (dekat pekan Machang sekarang) dan Datuk Panglima Dalam yang dihantar oleh Raja Kelantan (Sultan Kelantan) yang berpura-pura dikatakan hendak menolong angkatan pihak British yang diketuai oleh Hugh Clifford itu. Dengan tiada disangka pada masa itulah juga Hugh Clifford telah menerima telegraf perintah daripada Gabenor di Singapura (Sir Charles Mitchell) yang mengarahkan Clifford jangan menyeberangi sempadan masuk ke negeri Kelantan dan Terengganu. Dengan perintah Gabenor itu, mahu tak mahu, terpaksa Clifford membawa semua pasukannya balik ke Pahang.<sup>1</sup>

Tiada beberapa hari setelah Clifford dan pasukannya meninggalkan Hulu Kelantan, Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau dan beberapa orang lagi pengikut mereka telah keluar dari hutan itu datang berjumpa Engku Selia Raja dan Datuk Panglima Dalam, dan orang-orang besar Kelantan itu telah membawa pahlawan Pahang itu berperahu menghilir Sungai Lebir pergi ke tempat Engku Setia Raja di Kemuning.

Dalam pelayaran menghilir Sungai Lebir itu mereka telah singgah di Kampung Lanchar. Di situlah Mat Kilau telah dikahwinkan dengan seorang perempuan dalam rombongan Tok Gajah bernama Esah. Setelah lima hari mereka berada di tempat itu, mereka terus belayar menghilir Sungai Lebir dan Sungai Kelantan sampai di Tanah Merah, dan dari situ pergi ke tempat Engku Selia Raja di Kemuning. Engku Selia Raja telah memberikan tempat kediaman di Kemuning dan mem-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 164-165; KAMPUNG—m.s. 40.



beri jaminan kepada pahlawan Pahang itu bahawa beliau akan melindungi mereka selagi mereka suka tinggal di tempat itu. Engku Selia Raja adalah orang besar Kelantan yang menjaga tempat itu.\*

Semasa Tok Gajah dan orang-orangnya tinggal di tempat Engku Selia itu, jumlah mereka hanya seramai dua belas orang, iaitu Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim anak-anak Tok Gajah, Mat Lela anak-anak Tok Bahaman, Khadijah isteri Tok Gajah, Esah isteri Mat Kilau, dan empat orang budak lelaki hamba mereka. Peristiwa ini berlaku dalam bulan Ogos 1894.<sup>1</sup>

Hampir sebulan lamanya Tok Gajah, Tok Bahaman dan keluarga mereka tinggal di tempat Engku Selia Raja di Kemuning itu, dan terdengar berita mengatakan seorang Melayu pegawai kerajaan Siam (Thai) bergelar Luang Pati Pak Pancha Kom hendak datang menangkap Tok Gajah, Tok Bahaman dan anak-anak mereka.

Pada masa itu negeri Kelantan dan Terengganu masih dibawah kuasa kerajaan Siam tetapi kuasa kerajaan Siam di negeri itu tiadalah begitu kuat lagi. Berita berkenaan pegawai kerajaan Siam hendak menangkap pahlawan Pahang itu adalah tindakan berpura-pura sahaja dari pihak Siam.<sup>2</sup> yang hendak mengambil muka kepada kerajaan British, kerana Siam tidak bermusuhan dengan pahlawan Pahang itu, hanya British sahaja yang hendak menghapuskan mereka, sedangkan Siam berbaik pula dengan British.

Tetapi walau bagaimanapun, Tok Gajah, Tok Bahaman dan keluarga mereka yang tidak mengetahui selok-belok perancangan politik dan antara Siam dengan British itu, setelah dibenarkan oleh Engku Selia Raja, mereka meninggalkan Kemuning menuju ke Besut (di Terengganu) dibawa oleh Pe-

\*Encik Abdullah Tahir, Machang, Kelantan, mengatakan tempat Engku Selia Raja yang didiami oleh pahlawan Pahang itu bernama Kampung Pangkal Durian dalam Mukim Baka, letaknya lebih kurang empat batu dari bandar Machang (Kelantan): lihat suratkhbar Berita Harian 15 haribulan Januari 1970.

<sup>1</sup>PAHANG—m.s 165; EXPEDITION—m.s. 157-158; KAJI—m.s. 33.

<sup>2</sup>PAHANG—m.s. 165.

mandu jalan yang ditugaskan oleh Engku Selia Raja.

Setelah empat hari empat malam dalam perjalanan, mereka sampai di Besut di tempat yang bernama Chegar, singgah di rumah Tuan Wok (Tuan Sayid Wok) yang telah menyambut dan memberi mereka makanan minum. Mengikuti nasihat Tuan Wok, Pahlawan Pahang itu mudik lagi ke hulu Sungai Besut sampai di tempat yang bernama Chawangan, berjumpa ketua kampung di situ yang bernama Tok Mekong Hasan, yang telah bersama mereka pergi menyerang Kuala Tembeling dahulu (Jun 1894). Tok Mekong Hasan telah meraikan rakan seperjuangannya itu dengan baik, memberi mereka makan minum serta telah berunding dengan Tok Gajah dan Tok Bahaman hendak menolong dan melindungi mereka sekarang.

Esoknya, Tok Mekong Hasan telah memberi mereka sebuah perahu dan telah menghantar mereka ke Kuala Kemia, mudik Sungai Kemia (cabang Sungai Besut) sampai di Kampung Lubuk Gadong, dan pergi ke rumah Tok Mekong Kemia yang disebut namanya Pak Lipah (atau Diah). Tok Mekong Kemia memang telah mengenali Tok Bahaman dan Tok Bahaman telah memperkenalkan Tok Gajah dan lainnya kepada Tok Mekong Pak Lipah.

Tok Mekong Kemia telah memberikan tempat kediaman kepada Pahlawan Pahang itu pada satu tempat di tebing Sungai Kemia ke hulu sedikit daripada tempat kediaman Tok Merah Kemia itu. Orang-orang kampung di situ telah membantu memberikan makanan kepada mereka, dan Awang Nong telah mengajar penduduk kampung itu ilmu bersilat. Di hulu Sungai Kemia itulah pahlawan Pahang itu tinggal hingga bulan Mei 1895.\*

\*Chegar Batang, letaknya hampir tujuh batu dari bandar Jerneh (Terengganu) sekarang. Chegar ertinya jeram.

Chawangan letaknya di kuala Sungai Air Hangat yang mengalir ke Sungai Besut. Lubuk Gadong itu dalam laporan Hugh Clifford disebutnya Lubuk Gadul, yang sebenarnya ialah Lubuk Gadong. Dalam laporan Hugh Clifford juga ditulis Kembiau; Sungai Kembiau Tok Mekong Kembiau; yang sebenarnya Sungai Kemia; Tok Mekong Kemia; keterangan daripada Encik Abdul Latif bin Awang, No. 611, Gong Nering, Jerneh, Terengganu 6 hari bulan April 1970). Lihat juga EXPEDITION m.s. 158-159.

Dalam bulan Ogos 1894, Hugh Clifford telah menghantar permohonan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selat di Singapura supaya Gabenor membenarkannya masuk ke negeri Kelantan dan Terengganu mengejar dan menangkap serta menghukum Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, Mat Lela dan rakan mereka yang telah lari ke negeri itu.<sup>1</sup>

Dalam bulan September tahun itu juga (1894), Gabenor Sir Charles Mitchell dari Singapura telah datang melawat Pahang melalui jalan darat menonggang kuda dari Kuala Kubu (Selangor) sampai di Pahang. Beliaulah Gabenor Negeri Selat yang pertama membuat perjalanan seperti itu datang ke Pahang. Dan Sultan Ahmad pula, dalam tahun 1894 itu juga, telah dua kali berangkat melawat Singapura.<sup>2</sup>

Oleh kerana surat permohonan Hugh Clifford yang telah dihantarkan ke Singapura dalam bulan Ogos yang lalu (1894) belum juga dijawab, pada 4 hari bulan Oktober tahun itu juga (1894), Clifford telah menghantar sekali lagi permohonannya kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selat mengulangi permintannya hendak pergi ke Kelantan dan Terengganu mengejar dan menangkap pahlawan Pahang itu, dan Clifford telah mencadangkan juga jumlah anggota pasukannya akan dibawanya jika permohonannya itu diluluskan oleh Gabenor Negeri Selat.

Pada pendapat Hugh Clifford, pada masa itu ketua-ketua yang menentang pihak British di Pahang yang telah melarikan diri ke Kelantan dan Terengganu itu hanya ada lebih kurang seramai dua belas orang. Tetapi selagi mereka tinggal tidak jauh dari sempadan negeri Pahang, bahaya akan tetap mengancam negeri Pahang daripada perbuatan mereka, dan tidak bolehlah dipertimbangkan daripada jumlah mereka itu sahaja. Dahulu, dengan galakkan Engku Sayid di Paloh mereka telah berjaya mengumpulkan pengikut mereka di Terengganu dan Kelantan berjumlah seratus orang dan telah melancarkan Perang Sabil melawan orang kafir (yakni menyerang pihak British di negeri Pahang) dan itulah sebab sebenarnya yang mengkhawatirkan Hugh Clifford. Apa yang telah mereka laku-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 4.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 165.

kan dahulu, boleh jadi mereka akan mengulangi lagi, dan mungkin pengikut mereka yang seperti itu juga—yang hendak melakukan Perang Sabil—dapat dikumpulkan semula jika dikehendaki oleh pemimpin yang menentang pihak British itu. Pendeknya, pada pendapat Clifford, jika tidak diambil tindakan untuk menghukum mereka, tentulah perasaan bimbang akan berlanjutan dan tidak ada jaminan keselamatan di negeri Pahang itu, jika tidak segera dihapuskan. Demikianlah pendapat Clifford.<sup>1</sup>

Dalam bulan November 1894, pada musim gelora di pantai timur Semanjung Tanah Melayu, Tok Bahaman dan Mat Kilau yang tinggal di Hulu Besut telah menghirir Sungai Terengganu datang menziarahi Tok Engku Sayid di Paloh (Kuala Terengganu). Dalam perjumpaan itu Tok Engku Sayid telah menyetujui pahlawan Pahang itu tinggal di Besut dan orang-orang Besut telah diberitahu pula supaya menolong mereka dalam segala hal.<sup>2</sup>

Dalam bulan Disember 1894, Phaya Tipha, orang besar Siam di Patani telah menghantar sepucuk surat kepada Raja Kelantan (Sultan Mansur) menyatakan orang putih (British) meminta pertolongan Raja Kelantan supaya menangkap orang Kaya Semantan (Tok Bahaman), Mat Kilau, Mat Lela dan Teh Ibrahim di daerah Besut.

Raja Kelantan telah memerintahkan Datuk Panglima Dalam, Engku Selia Raja, Encik Akub Nakhoda Bunga Emas, Awang Ngah dan pendekar Mat Husain pergi menangkap mereka.

Apabila orang-orang besar berlima pergi ke Besut dan berjumpa mereka (pahlawan Pahang), tiadalah orang-orang besar itu berbuat apa-apa. Apabila balik ke Kota Baharu (Kelantan), mereka telah ditangkap oleh Kerajaan Siam dan dibawa ke Bangkok, dan dipenjarakan, Raja Siam memberitahu Raja

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 3-4.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 15-16.

Kelantan selagi Orang Kaya Semantan belum ditangkap, orang-orang besar Kelantan itu tidak akan dilepaskan.<sup>1</sup>

1895. Pada 7 hari bulan Januari, Hugh Clifford (di Pekan) telah menerima telegraf daripada Gabenor Negeri Selat yang telah dihantar dari Kuala Lipis membenarkan cadangan Clifford hendak menghantar satu angkatan ke Kelantan dan Terengganu untuk menangkap dan menghukum pahlawan Melayu Pahang yang melawan pihak British itu. Kerajaan Negeri Selat telah membuat perundingan dengan Kerajaan Siam di mana beberapa orang pegawai Siam sebagai Suruhanjaya daripada kerajaan Siam akan menyertai angkatan pihak British pergi ke Kelantan dan Terengganu, dan Clifford akan diberitahu tarikh ketibaan pegawai itu.

Pada 21 hari bulan Januari 1895 Clifford telah menerima lagi telegraf Gabenor di Singapura mengatakan pegawai Suruhanjaya Kerajaan Siam itu telah bertolak dari Bangkok pada 18 hari bulan Januari dengan sebuah kapal perang Siam menuju ke Pahang. Clifford menanti kedatangan mereka di Pekan.<sup>2</sup>

Hingga bulan Februari 1895 pegawai Siam yang dinanti itu belum juga sampai ke Pekan. Ketika itu telah heboh pula berita angin di seluruh negeri Pahang mengatakan pahlawan Pahang yang melawan pihak British itu telah membuat tempat kediaman mereka di Sungai Kemia di Hulu Besut, Terengganu, dan sedang beriktirar mengumpulkan pengikut mereka untuk menyerang Pahang<sup>3</sup> sekali lagi.

Setelah mendengar berita tersebut, pada 24 hari bulan Februari 1895, Clifford bertolak dari pekan mudik Sungai Pahang untuk pergi ke Hulu Pahang kerana berita angin yang sedang merebak itu.

<sup>1</sup> Keterangan daripada Encik Abdullah bin Muhammad Nakula, Kelantan, dalam suratkhbar Utusan Melayu keluaran 10 hari bulan Januari 1970.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 4-5.; PAHANG—m.s. 165.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 165-166.

Semasa dalam pelayaran, Clifford telah berjumpa dengan Sayid Husain dan Sayid Seman (Uthman) dua orang pemuda Pahang peranakan Arab yang membantu Clifford dalam usaha untuk melawan pahlawan Pahang itu. Kedua orang itu baharu sahaja balik dari Kelantan dan Terengganu menjalankan kerja diarahkan oleh Clifford, merekalah yang membawa khabar memberitahu Clifford bahawa pahlawan Pahang yang menentang pihak British itu berada di Sungai Kemia dan sedang beriktir mengumpul orang mereka hendak menyerang Pahang sekali lagi.<sup>1</sup>

Clifford telah sampai di Kuala Lipis pada 3 hari bulan Mac 1895 dan telah diberitahu iaitu dua orang pegawai Siam bernama Luang Visudh Perihar dan Luang Sevasti Borirom (biasa dipanggil Luang Swat sahaja) telah sampai di Kuala Lipis dua hari yang lalu.

Luang Visudh dan Luang Swat telah menemui Hugh Clifford dan menceritakan mereka datang dengan sebuah kapal perang menuju ke Pahang tetapi malangnya kapal perang itu tidak dapat menemui tempat yang mereka cari, dan mereka mendarat di Kuala Kelantan. Dari situ mereka mudik Sungai Kelantan, Sungai Lebir sampai ke Kuala Rek (di persimpangan Sungai Lebir dan cabangnya Sungai Rek) dan telah berjumpa Datuk Lela Diraja orang besar Kelantan yang menjadi daerah itu pada masa itu Sayid Husain dan Sayid Uthman orang Clifford ada di Kuala Rek). Dari Kuala Rek, pegawai Siam itu mudik lagi di Sungai Lebir, kemudian melencong pergi ke Sungai Galas, memudiki sungai itu dan sampai ke Kuala Lipis.<sup>2</sup>

Dari Kuala Lipis, Hugh Clifford telah memberitahu ibu pejabat pihak British di Pekan untuk membantunya dengan orang Dayak dari pasukannya yang telah sedia menanti di Pekan. Clifford juga telah menulis surat kepada orang-orang besar Pahang di Pulau Tawar dan Tembeling supaya bersiap

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 5.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 5-6.

untuk mengikut angkatan Clifford yang akan pergi ke daerah Lebir di Hulu Kelantan.<sup>1</sup>

Mengikut ceritanya: semasa Luang Visudh dan Luang Swat mendarat di Kuala Kelantan hendak pergi ke Pahang, mereka telah singgah di Kota Baharu (Kelantan). Dari situ mereka telah membuat perhubungan dengan pahlawan Pahang yang ada di Besut. Teh Ibrahim dan Mat Lela telah pergi ke Kota Baharu berjumpa dengan pegawai kerajaan Siam itu. Perjumpaan mereka dengan pegawai Siam itu telah diadakan di rumah seorang yang bernama Encik Kub (Ya'akub), dan orang besar yang ada hadir dalam perjumpaan itu ialah Raja Madin, Datuk Setia Raja, Tok Imam Haji Abdullah, Sahak Mendari, Tok Kuing Aur Gading dan Mamat atau Pak Alu, Teh Ibrahim dan Mat Lela telah berbual panjang dengan pegawai Siam itu, tetapi tiadalah diketahui apakah perkaranya yang telah dibincangkan. Pegawai Siam itu telah memberikan wang kepada pahlawan-pahlawan Pahang dan membenarkan mereka balik ke Besut. Perjumpaan itu diketahui juga oleh Raja Kelantan, tetapi tiada diketahui apa pendapat dan tindakan baginda mengenai perkara itu.<sup>2</sup>

Pada 9 hari bulan Mac 1895 Hugh Clifford telah menerima lagi telegraf daripada Gabenor di Singapura bertanyakan apakah isi kandungan yang tersebut dalam surat perintah kerajaan Siam yang dibawa oleh pegawai Suruhanjaya kerajaan Siam itu (Luang Visudh). Clifford menyatakan sungguhpun surat itu bertulis dengan bahasa Siam, tetapi pegawai Siam telah memberitahu Clifford bahawa mereka telah diperintahkan oleh kerajaannya turut sama seperti mengikut angkatan British itu dengan tujuan hendak memberi "segala pertolongan" kepada pegawai yang mengetuai angkatan British itu. Dan Clifford telah memberitahu pegawai Siam itu iaitu boleh jadi Pegawai Siam itu dikhendaki mengambil tindakan yang keras terhadap rakyat Terengganu dan Kelantan supaya memberikan maklumat yang benar kepada pihak British.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 6.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 113

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 6

Pada pertengahan bulan Mac 1895 itu juga Clifford telah mengumpulkan orang dan kelengkapan angkataannya di Kuala Tembeling mengandungi tiga orang pegawai British iaitu Hugh Clifford (ketua), R.W. Duff Penguasa Polis Pahang, dan A.B. Jesser-Coope doktor bedah dari tempat kediaman Residen Pahang, orang-orang yang boleh menggunakan senjata ialah 55 orang Melayu, 39 orang Dayak, 8 orang mata-mata Sikh berjumlah 102 orang, termasuk tiga orang pegawai British, berjumlah 105 orang dan senapang yang dibawa sebanyak 105 pucuk. Turut sama juga 10 orang Siam (termasuk dua orang pegawai Siam itu), 147 orang Melayu pembawa barang dan makanan, serta dua orang asli (Sakai), semuanya berjumlah 252 orang (262?).

Orang Besar Pahang yang sama dalam angkatan Clifford itu ialah Panglima Garang Yusoh yang telah digelar Imam Perang Setia Raja (sejak selepas perang di Kuala Tembeling mengalahkan Mat Kelubi), Panglima Kakap Husain, Encik Wan Ahmad Hulu Tembeling, serta dua orang pemuda Pahang peranakan Arab yang telah disebutkan tadi.<sup>1</sup>

Angkatan pihak British diketuai oleh Hugh Clifford, Pemangku Residen British Pahang, yang lengkap bersenjata untuk pergi mencari dan menangkap pahlawan terutama Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, Mat Lela, Teh Ibrahim dan Awang Nong itu, telah bertolak meninggalkan Kuala Tembeling pada 17 hari bulan Mac 1895 memudiki Sungai Tembeling.

Dalam perjalanan mudik Sungai Tembeling, angkatan Clifford telah singgah di tempat yang bernama Kuala Tekai, Tersek, Kuala Kendiam dan sampai di Kuala Sat pada 20 hari bulan Mac 1895.<sup>2</sup>

Dari Kuala Sat, Clifford telah menyuruh Sayid Uthman membawa surat daripada pesuruhannya Kerajaan Siam itu untuk disampaikan kepada Datuk Lela Diraja di Sungai Lebir

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 9, 11.; PAHANG—m.s. 166.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 10; PAHANG—m.s. 166.



memberitahu bahawa pegawai Siam itu hendak datang melawat ke tempatnya itu.<sup>1</sup>

Pada 22 hari bulan Mac 1895 Clifford dan angkatannya telah meninggalkan Kuala Sat, mudik lagi di Sungai Tembeling, kemudian melencong memudiki Sungai Sepia hingga ke hulunya sampai di Kuala Reh pada 24 hari bulan Mac 1895. Kemudian mudik Sungai Reh, masuk dan mudik pula di Sungai Kenering ke hulunya. Dari situ mereka mendaki dan menurun Gunung Hulu Kenering (2,000 kaki tingginya) masuk ke bahagian negeri Terengganu. Menghilir pula di Sungai Pering sampai ke kualanya (Kuala Pering) di pertemuan Sungai Pering dengan Sungai Terengan (cabang di hulu Sungai Terengganu) pada 27 hari bulan Mac 1895 dan berkhemah di situ.<sup>2</sup>

Pada akhir bulan Mac itu juga (1895), Mat Kilau telah datang ke Kuala Terengganu menziarahi Tok Engku Sayid di Paloh. Tok Engku Sayid telah menegaskan kepada Mat Kilau bahawa beliau dan orang Melayu rakyat Terengganu melindungi pahlawan Pahang itu. Mat Kilau telah kembali semula ke Besut beberapa hari sahaja sebelum Clifford sampai ke Kuala Terengganu pada 10 hari bulan April 1895.<sup>3</sup>

Sewaktu angkatan Clifford berhenti di Kuala Pering, mereka telah membuat rakit sebanyak 55 buah. Setelah itu, 95 orang daripada pembawa barang dalam angkatan itu telah dihantar balik ke Pahang.

Clifford dan angkatannya itu telah berakit menghilir Sungai Terengan. Apabila melalui jeram di sungai itu yang tidak dapat dilayari dengan rakit, mereka telah berjalan kaki di tebing sungai ini sampai ke tempat yang bernama Galas di tepi Sungai Terengan juga. Di sini angkatan Clifford telah membuat rakit baharu sebanyak 48 buah. Angkatan itu menghilir lagi di Sungai Terengan dan singgah berkhemah di sebuah

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 10.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 10-13.

<sup>3</sup> PAHANG—m.s. 166.

kampung bernama Kampung Melaka iaitu pada 1 hari bulan April 1895.<sup>1</sup>

Clifford telah berjumpa dengan Penghulu di kampung itu yang bernama Tok Malik. Clifford bertanya kepadanya ada atau tidak pemimpin Pahang yang melawan pihak British tinggal di kampung itu. Tok Malik telah berbohong. Clifford meminta Luang Visudh memaksa Penghulu itu supaya ia bercakap benar. Tetapi pegawai Siam itu mengatakan ia tidak mempunyai kuasa di negeri Terengganu untuk berbuat begitu, dan menyatakan juga bahawa ia tidak akan bekerjasama dengan Clifford menjalankan sebarang tindakan seperti itu dan pegawai Siam itu mencadangkan kepada Clifford lebih baik penghulu itu dipujuk sahaja supaya ia berkata benar. Pada masa itu mulalah timbul perselisihan pendapat antara Clifford dengan pegawai Siam mengenai tindakan yang sedang mereka jalankan itu.<sup>2</sup>

Esoknya, angkatan Clifford telah menghilir Sungai Terengganu sampai ke Kuala Terengganu Hulu, di pertemuan Sungai Terengganu hulu dengan Sungai Terengganu iaitu pada 3 hari bulan April 1895.<sup>3</sup>

Di Kuala Terengganu Hulu ada sebuah kubu yang telah didirikan di situ dengan perintah Sultan Terengganu, dikatakan untuk kubu pertahanan jika diserang oleh orang Melayu yang melawan pihak British di Pahang tetapi yang sebenarnya kubu itu untuk melawan serangan dari pihak kerajaan Pahang. Kubu yang seperti itu juga ada didirikan di Kampung Melor (di hilir lagi) dan di Kampung Tapah di Hulu Nerus.

Clifford telah mengarahkan Panglima Kakap Husain menghilir dahulu daripadanya, dan telah menghilir sampai di Kampung Melor berjumpa ketua kampung di situ bernama Penghulu Tok Bakti yang menyangkakan Penghulu Kakap Husain itu daripada pahlawan Pahang yang melawan pihak British.

Tok Bakti telah menceritakan kepada Panglima Kakap Hu-

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 166; EXPEDITION—m.s. 13-14.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 14.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 14.

sain pahlawan yang lain itu ialah Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, Teh Ibrahim, Awang Nong dan Mat Lela ada di Besut. Ketika itu Sultan Terengganu telah menghantar seorang pembesarnya bernama Raja Weng (Raja Ismail) memberitahu pahlawan Pahang itu bahawa ada sebuah angkatan pihak British sedang mencari hendak menangkap mereka. Haji Mat Nuh menantu Tok Gajah pada masa itu telah berkubu di Sungai Mentong cabang Sungai Terengan tidak jauh di hulu Kampung Melaka. Dalam musim bah yang lalu (November 1894) Tok Bahaman dan Mat Kilau telah datang berjumpa Tok Engku Sayid di Paloh, dan Tok Engku telah membenarkan mereka tinggal di Besut dengan aman, dan orang-orang daerah Besut juga telah diberitahu supaya menolong pahlawan Pahang itu dalam segala hal. Demikianlah yang telah diceritakan oleh Tok Bakti kepada Panglima Kakap Husain yang disangkakannya seorang Pahlawan Pahang juga.<sup>1</sup>

Tiada lama kemudian, sampai pula Clifford dan angkatan-nya itu di Kampung Melor. Pada masa itu baharulah Tok Bakti tahu rupanya maklumat yang telah diberinya itu bukan kepada pahlawan Pahang yang menentang pihak British melainkan kepada orang yang memihak dan menjadi agen pihak British hendak menangkap pahlawan Melayu Pahang itu.

Pada hari itu Luang Visudh telah tiba di Kampung Melor membawa Tok Malik Kampung Melaka iaitu dengan kehendak Clifford. Pada masa itulah, ketika Tok Malik berbual dengan Clifford di rakitnya, baharulah Tok Malik mengakui bahawa semua yang telah diceritakan oleh Tok Bakti itu benar belaka, dan Tok Malik menambah: rumah tempat Haji Mat Nuh menantu Tok Gajah yang tinggal di Sungai Mentong itu lebih kurang satu dua batu sahaja jauhnya ke hulu daripada rumah Tok Malik di Kampung Melaka itu.

Pada 4 hari bulan April 1895, dengan perintah Clifford, Duff telah membawa tiga buah perahu serta 18 orang Dayak, seorang Sikh, tiga orang Melayu dan seorang orang Asli (Sakai) pergi menangkap Haji Mat Nuh di Sungai Mentong.

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 15-16.

Luang Visudh turut sama mengikuti Duff. Pada hari itu juga Clifford meninggalkan Kampung Melor terus menghirir sampai di Kampung Jenagor (di tepi Sungai Terengganu) pada 5 hari bulan April 1895. Luang Swat ada bersama Clifford. Angkatan itu telah berhenti dan berkhemah di Kampung Jenagor menantikan Duff datang. Semasa di Jenagor itu ramai orang besar dan ketua kampung di situ datang berjumpa Clifford, atau boleh jadi mereka datang kerana hendak melihat angkatan bersenjata yang agak ganjil daripada biasa itu datang ke tempat mereka.<sup>1</sup>

Pada 6 hari bulan April 1895 Duff serta pasukannya dan Luang Visudh telah sampai di Kampung Jenagor, berjumpa Clifford menyerahkan Haji Mat Nuh yang telah ditangkap itu. Bersama Haji Mat Nuh dibawa juga dua belas orang perempuan dan kanak-kanak yang dijumpainya tinggal bersama Haji Mat Nuh. Clifford telah menghantarkan Haji Mat Nuh ke Pahang dan dipenjarakan di sana.<sup>2</sup>

Mengikut laporan yang telah disampaikan oleh Duff kepada Clifford: pegawai Siam yang mengikut Duff pergi menangkap Haji Mat Nuh itu tiada sedikit pun mahu mengancam orang Melayu di Hulu Terengganu berhubung dengan penangkapan itu. Sebaliknya pegawai Siam itu telah memberangsangkan orang Melayu di situ supaya jangan takut kepada pasukan pihak British yang datang itu, kerana tak ada apa yang hendak dilakukan ke atas mereka.<sup>3</sup>

Sejak itu Clifford berpendapat bahawa tujuan sebenar pegawai Siam itu ialah kerana hendak menguatkan semula pengaruh kerajaan Siam yang telah lemah di negeri itu. Caranya pegawai Siam itu hendak menguatkan pengaruh ialah dengan cara yang telah dibuat oleh Luang Visudh semasa Duff pergi menangkap Haji Mat Nuh yang telah disebutkan tadi dan perbuatan seperti itu nyatalah dengan tujuan hendak meyakinkan orang Melayu supaya jangan takut kepada

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 16, 120.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 17, 20.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 124.

pasukan British yang datang itu selagi pegawai Siam ada bersama, iaitu hendak menunjukkan bahawa kedatangan pegawai Siam itu ialah hendak berbaik-baik dan melindungi rakyat negeri itu daripada angkara British. Pendeknya, mengikut pendapat Hugh Clifford tujuan pegawai Siam itu nyata kerana hendak cuba menguatkan semula pengaruh kerajaan Siam di Terengganu dan Kelantan daripada titik peluh British.

Selain daripada itu Clifford mendapati pegawai Siam itu (Luang Visudh) telah bersungguh benar hendak memaafkan Tok Malik dan orang-orang Melayu di Hulu Terengganu yang tidak mahu memberi maklumat betul kepada pihak British yang datang itu, dan juga telah menyembunyikan orang yang menentang pihak British itu atau memberi makanan kepada mereka, dengan alasan pegawai Siam itu mengatakan sudah tentulah mereka berbuat begitu kerana mengikut perintah Sultan mereka, dan tak bolehlah mereka disalahkan memberi maklumat palsu itu—demikian kata Luang Visudh.

Pada 8 hari bulan April 1895 Clifford telah membawa angkatanannya meninggalkan Kampung Jenagor, menghilir Sungai Terengganu sampai di Kampung Bulor dekat Kuala Berang dan berkhemah di situ. Clifford bertujuan hendak meninggalkan angkatanannya di situ sementara ia pergi ke Kuala Terengganu untuk membuat perhubungan ke Singapura.

Esoknya, dua orang pegawai Sultan Terengganu iaitu Penghulu Balai Encik Mat (adik Datuk Mata-mata) dan Wang Long telah pergi ke Kampung Bulor berjumpa Clifford memberikan hadiah kuih Melayu dan menyampaikan utusan Sultan Terengganu yang mengalu-alukan kedatangan Clifford ke Terengganu.<sup>1</sup>

Pada 10 hari bulan April 1895, setelah meninggalkan angkatanannya di Kuala Berang dalam jagaan Duff, Clifford dengan membawa sepuluh orang Melayu menghilir dan telah sampai di Kuala Terengganu pada hari itu juga. Ketibaan Clifford di Kuala Terengganu telah disambut dengan barisan kehormatan terdiri daripada pengawal Sultan Terengganu yang bersenjata

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 17-18.

lembing dan orang-orang besar Terengganu yang hadir menyambut Clifford ialah Tengku Besar, Tengku Musa, Tengku Long dan ramai lagi. Luang Visudh yang mewakili kerajaan Siam turut sama datang ke Kuala Terengganu tetapi menurut Clifford, pegawai Siam itu tiada berapa dihormati oleh orang Terengganu. Clifford telah ditempatkan pada sebuah rumah yang disediakan bagi tempat kediamannya selama berada di Kuala Terengganu.

Pada 11 hari bulan April 1895 Clifford datang mengadap Sultan Terengganu (Sultan Zainal Abidin III) dan mereka telah berbual panjang. Clifford telah menyatakan kepada baginda tujuan kedatangannya ke Terengganu membawa angkatan bersenjata itu, dan telah menerangkan juga segala hal telah berlaku padanya dan maklumat yang telah didapatinya di Hulu Terengganu.

Selama Clifford berada di Kuala Terengganu, dua kali dia telah dapat bertemu dan bercakap dengan Tok Engku Sayid di Paloh. Clifford telah bertanya kepada Engku Sayid jika beliau tahu atau ada sebarang perhubungan dengan pahlawan Pahang yang melawan pihak Inggeris itu. Tok Engku Sayid telah mengatakan kepada Clifford beliau tidak tahu menahu akan hal pahlawan Pahang itu. Tetapi Clifford tidak mempercayai jawapan yang telah diberikan oleh Tok Engku Sayid itu, dan Clifford menganggap semua jawapan Tok Engku Sayid mengenai pahlawan Pahang itu tidak benar.

Clifford telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan Sultan Terengganu dan Clifford berpendapat dalam semua perjumpaan itu baginda telah menunjukkan sikap yang pintar untuk membayangkan bahawa baginda tidaklah dapat membantu pihak British untuk menangkap orang yang dikatakan oleh Clifford sebagai "pemberontak" itu.

Walaupun Clifford merasakan perjumpaannya dengan Sultan Terengganu itu tiada memberi faedah bagi tugas yang sedang dijalankannya itu, tetapi Clifford telah berjaya mendapatkan surat yang bercap mohor Sultan Terengganu yang memberi kuasa Clifford dan pegawai Suruhanjaya Kerajaan Siam untuk menghukum dengan sepatutnya rakyat baginda yang didapati bersubahat menolong atau menyembunyikan

atau memberikan makanan kepada orang yang melawan pihak British itu, dan juga boleh menghukum rakyat baginda yang tidak mahu memberi maklumat mengenai penentang pihak British itu jika didapati orang itu mengetahui hal "pemberontak" itu.<sup>1</sup>

Surat yang bercap dengan mohor Sultan Terengganu yang diberikan kepada Hugh Clifford itu adalah seperti berikut:—

Cap mohor

Sultan Terengganu.

Tarikh Sanah 1312 pada 3 hari bulan Syawal hari Khamis pukul tiga maka dewasa itulah kita Sultan Zainal Abidin bin almarhum Sultan Ahmad yang empunya pemerintahan negeri Terengganu memperbuat surat keterangan yang dimeterikan cap di atasnya ini diberi kepada Tuan Hugh Clifford Acting British Resident Pahang bertiga dengan Luang Visudh dan Luang Swat boleh kuasa memeriksakan di atas mana-mana daripada rakyat yang di dalam daerah segala anak sungai yang tertakluk kita yang telah disangka oleh Tuan Hugh Clifford Acting British Resident Pahang dan Luang Visudh dan Luang Swat bertiga itu akan seseorang daripada rakyat kita di dalam daerah yang tersebut itu melindungi akan mereka yang derhaka kepada kerajaan Pahang yang termaklum Si Bahaman dan Si Rasu dan Mat Kilau dan yang bersama mereka itu menyorokkan perkhabaran atau rahsia mereka itu supaya melindungi diri mereka itu sekarang ini di mana-mananya, maka bolehlah Tuan Hugh Clifford Residen Pahang dan Luang Visudh dan Luang Swat bertiga periksa dengan sebagai periksa yang patut pada ketiganya itu dan jika didapatinya akan keterangan yang sah dan nyatalah seorang itu menolong akan mereka itu dengan memberi makanan atau barang sebagainya daripada segala jenis pertolongan maka bolehlah Tuan Hugh Clifford Residen Pahang dan Luang Visudh dan Luang Swat serta di hadapannya bertiga-tiga melakukan hukum keseksaan di atas seorang itu dengan sebagaimana yang patut kepada ketiga-tiganya pada ketika itu juga dan jika sekiranya berhubunglah daripada segala perkara yang tersebut itu kepada mereka tiada kuasa serta segala anak raja dan segala tuan Sayid dan segala orang besar maka keluarlah daripada kuasa surat ini melainkan hendaklah dinyatakan kepada kita dan

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 18-19.

mengambil mesyuarat daripada kita supaya kita menolong dengan kekuatan kita atas yang demikian supaya jangan menjadi kecenderungan dan kesusahan kepada Tuan Hugh Clifford Residen Pahang dan Luang Visudh dan Luang Swat boleh kita bicarakan dengan bicara yang patut demikianlah adanya.<sup>1</sup>

Setelah menerima perintah dan arahan daripada Hugh Clifford yang masih ada di Kuala Terengganu, Duff telah meninggalkan Kuala Berang pergi ke Kuala Telemong (di Kuala Sungai Telemong cabang Sungai Terengganu) membawa satu pasukan bersenjata terdiri daripada Sayid Husain, Sayid Uthman, Khatib Pandak, serta sebelas orang Dayak, dua orang Melayu yang pandai menembak, empat orang mata-mata Sikh dan membawa dua puluh pucuk senapang serta beberapa orang pembawa barang.<sup>2</sup>

Mengikuti rancangan Clifford: Duff dengan pasukannya pergi ke Besut menghalau pemimpin "pemberontak itu keluar dari daerah Besut supaya mereka pergi ke daerah Lebir di Hulu Kelantan. Clifford dengan pasukan lain pergi pula ke Lebir mengikut hulu Sungai Kerbat (di hulu Terengganu) mengepung pemimpin "pemberontak" itu, dan jika boleh untuk mengapit mereka di tengah antara dua pasukan bersenjata pihak British itu.<sup>3</sup>

Duff dengan pasukannya itu telah bertolak dari Kuala Telemong pada 25 hari bulan April 1895, mudik Sungai Telemong sampai di Kampung Nibong. Dari situ mereka berjalan kaki sampai di Kampung Paloh Nyiur. Dari kampung itu mereka berperahu sampai di Kampung Matang dan berhenti bermalam di situ.

Pada 26 hari bulan April 1895, Clifford di Kuala Terengganu telah menerima perintah dan arahan yang terakhir dari Singapura berhubung dengan tugas yang sedang dijalankannya itu. Pada hari itu juga Duff dan pasukannya telah meninggalkan Kampung Matang mengikut jalan darat, barang

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 128.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 20; 131.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 20.



dan bekalan makanan dibawa dengan perahu, sampai di Kampung Jenderak, dan petang itu baharulah barang mereka yang dibawa dengan perahu itu sampai.<sup>1</sup>

Pada 27 hari bulan April 1895 Duff dan pasukannya telah meninggalkan Kampung Jenderak, mudik Sungai Jenderak sampai di Kampung Jerkah. Di situ Duff tidak ada mendengar berita mengenai pahlawan Pahang itu. Dari Kampung Jerkah setelah berjalan berjam-jam lamanya mereka sampai di Kampung Tapah di persimpangan Sungai Nerus dengan Sungai Tapah.<sup>2</sup>

Di Kampung Tapah, Duff berjumpa dengan Raja Weng (Raja Ismail) ketua yang menjaga tempat itu. Daripada maklumat yang telah diperolehi oleh pihak British, 20 hari yang lepas Raja Weng itulah yang telah dititahkan oleh Sultan Terengganu pergi ke Besut memberitahu pahlawan Pahang itu ada satu pasukan pihak British telah dihantar untuk mencari dan menangkap mereka di Besut.

Semasa di Kampung Tapah, Duff mendapati Raja Weng tiada suka menerima kedatangan pasukan pihak British itu. Raja Weng tidak mahu memberi maklumat kepada Duff mengenai pahlawan Pahang itu. Kubu yang telah didirikan di kampung itu terletak di lereng sebuah bukit yang menjaga perjalanan di Sungai Nerus, Sungai Tapah dan jalan yang lain dari kampung itu hendak pergi ke Kampung Buloh dan ke Hulu Setiu. Kubu tersebut dikawal oleh orang-orang Raja Weng yang bersenjatakan senapang dan juga orang kampung itu secara bergilir-gilir. Apabila Duff meminta kepada Raja Weng hendak menumpang bermalam di kubu itu, permintaannya ditolak oleh Raja Weng, dan terpaksa Duff serta orang-orangnya bermalam di sebuah surat dekat situ.<sup>3</sup>

Pada 28 hari bulan April 1895 Hugh Clifford telah meninggalkan Kuala Terengganu pergi mendapatkan pasukannya di Kuala Berang, dan esoknya sampailah Clifford di Kuala

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 19, 131.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 131-132.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 132.

Berang, didapati ramai orangnya yang sakit. Imam Perang Setia Raja (Panglima Garang Yusoh) juga sakit. Clifford telah menyuruh Imam Perang Setia Raja serta lebih kurang dua belas orang lain yang sakit itu balik ke Pahang mengikut jalan laut.<sup>1</sup>

Sungguhpun kedatangan Clifford ke Kuala Terengganu telah diterima oleh Sultan Terengganu dengan baik serta diberi pula surat kuasa bercap dengan mohor baginda seperti yang telah disebutkan itu tetapi dalam bulan April itu juga (1895), secara sulit baginda telah mengeluarkan pula surat titah diedarkan kepada orang besar baginda melarang rakyat baginda di Setiu dan di Besut memberitahu pihak British tempat pahlawan Pahang itu bersembunyi, dan juga memerintahkan rakyat baginda menolong pahlawan Pahang itu jika mereka ditangkap oleh British.<sup>2</sup>

Sewaktu Clifford meninggalkan Kuala Terengganu (28 hari bulan April), Duff dan pasukannya telah meninggalkan Kampung Tapah. Setelah berjalan berjam-jam sampailah mereka di Kampung Buloh di tepi Sungai Setiu. Ketua kampung di situ bernama Datuk Kaya Haji Mat, dan beliau telah menerima kedatangan Duff dengan baik dan telah menyediakan tempat tinggal kepada pasukan itu.

Duff telah menerangkan kepada Datuk Kaya Haji Mat berkenaan tujuannya serta menyatakan juga dia ada membawa surat kuasa daripada Sultan Terengganu, dan mengatakan baginda juga bersetuju supaya pemimpin "pemberontak" dari Pahang itu dapat ditangkap atau dibunuh, dan ketua kampung yang tiada mahu mengikut perintahnya (Duff) atau menyembunyikan sebarang maklumat akan menerima hukuman berat.

Tok Kaya Haji Mat telah berbincang dengan Duff dan mengatakan dia tidak tahu mengenai pemimpin "pemberontak" Pahang yang dikatakan oleh Duff itu, dia telah mendirikan sebuah kubu dalam hutan berhampiran dengan kampungnya

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 167; EXPEDITION—m.s. 20.

<sup>2</sup> PAHANG—m.s. 166-167.

dengan perintah Sultan untuk menjaga supaya "pemberontak" di Pahang itu jangan masuk ke kampungnya, dia tidak kenal "pemberontak" itu, dan kalau dia menolong memberikan makanan boleh jadi kemudiannya dia akan mendapat susah.

Ada seorang lain yang hadir sama semasa mereka berbin-cang dan dengan tidak sengaja telah mengatakan kepada Duff di Kampung Besut (di tepi Sungai Setiu juga, di hulu daripada Kampung Buluh itu) tiada berapa jauh dari Kampung Buloh itu, ada seorang Pahang tinggal di situ. Setelah mendengar keterangan yang pendek itu Duff telah mengingatkan Tok Kaya Haji Mat, janganlah ada seorang pun keluar dari Kampung Buloh sebelum Duff dan pasukannya meninggalkan kampung itu, dan Tok Kaya telah mengakui akan menuruti kehendak Duff itu.

Pada masa itu juga Duff telah memerintahkan Sayid Husain dengan ditemani oleh seorang Dayak pergi ke Kampung Besut mencari maklumat dan membawa orang Pahang itu datang berjumpa Duff. Sayid Husain telah pergi ke Kampung Besut, dan malam itu juga, tengah malam, Sayid Husain balik ke Kampung Buloh dan memberitahu Duff seperti yang di sebutkan ini:—

Apabila Sayid Husain sampai ke Kampung Besut, dia telah berjumpa dengan seorang yang bernama Bomoh Ali, dan telah bertanyakan tempat tinggal Bahaman dan Rasu (Tok Gajah), Bomoh Ali mengatakan dia tidak tahu di mana sebenarnya mereka tinggal, tetapi ada seorang yang mengatakan namanya Awang Pen anak saudara Bahaman, ada tinggal dengan Tok Mekong Pak Lipah di Sungai Kemia.

Apabila Sayid Husain bertanya kepada Bomoh Ali kalau dia boleh membawa Sayid Husain berjumpa Awang Pen, Bomoh Ali mengatakan Sayid Husain boleh berjumpa Awang Pen, tetapi lebih baiklah berjumpa Penghulu Amat dahulu. Bomoh Ali telah menerangkan berapa lama boleh sampai ke tempat itu setelah ditanya oleh Sayid Husain. Apabila Bomoh Ali bertanya pula mengapa Sayid Husain hendak berjumpa pahlawan Pahang yang melawan British itu, Sayid Husain telah mengatakan (berbohong) ianya bersaudara dengan mereka dan sekarang dia hendak bersatu dengan mereka kerana di Pahang dia sangat disusahkan oleh pihak kerajaan.

Bomoh Ali telah membawa Sayid Husain berjumpa Penghulu Amat dan mengenalkan kepada penghulu itu Sayid Husain orang Pahang. Menjawab pertanyaan Penghulu Amat, Sayid Husain telah menerangkan juga kepada Penghulu Amat: dia bersaudara dengan pemimpin Pahang yang melawan pihak British itu, dia telah diburu oleh pihak British kerana dia masuk campur menyerang kuala Tembeling dahulu, sudah lima tahun dia dalam hutan, dan sekarang dia minta pertolongan Penghulu Amat membawakan dia ke Hulu Besut kerana dia hendak masuk campur dengan Rasu dan Bahaman.

Sayid Husain telah bertanya kepada Penghulu Amat: sudah tentukan pahlawan Pahang itu ada di Besut? Penghulu Amat mengatakan sudah tentu betul, ada masa mereka tinggal dengan Tok Mekong Pak Lipah, kadang-kadang mereka tinggal di hutan dengan Sakai. Tok Mekong Pak Lipah yang memberi mereka makan, pahlawan Pahang dan sekutu mereka yang tinggal di negeri Terengganu itu tidak akan dipengapakan oleh orang Terengganu, orang-orang di tempat Penghulu itu (Pengkulu Amat) telah dapat perintah hendaklah mengatakan kubu yang telah didirikan itu ialah untuk pertahanan melawan "pemberontak" Pahang itu, tetapi yang sebenarnya ialah untuk pertahanan melawan orang putih, Sultan Terengganu dan Tok Sayid Keramat di Paloh telah memberi perintah kalau orang Eropah datang membuat kacau di Besut atau di lain daerah dalam negeri Terengganu, Perang Sabil melawan kafir akan diisytiharkan. Kalau lima belas tahun pun pahlawan Pahang itu tinggal di Terengganu, mereka akan selamat. Lima enam hari sebelum Clifford sampai ke Kuala Terengganu, Bahaman telah pergi menziarahi Tok Sayid Keramat di Paloh dan Tok Sayid telah berjanji dengan Bahaman, apabila orang putih datang, beliau akan melindungi pahlawan Pahang itu, kalau mereka mati terbunuh, Tok Sayid itu pun rela mati terbunuh, beliau akan melawan orang kafir hingga ke akhir hayatnya, Sultan Terengganu akan berpihak menyebelahi orang Islam.

Apabila Sayid Husain bertanya dari mana Penghulu Amat mendapat maklumat mengenai Sultan dan Tok Engku Sayid itu, Penghulu Amat mengatakan daripada surat yang bercap dengan mohor Sultan Terengganu yang dibawa oleh Tuan Seman (Uthman) enam hari yang lalu.<sup>1</sup>

Dalam pada itu, dengan tidak diketahui oleh Duff pula, pada malam sebelum Duff dan pasukannya meninggalkan Kampung Buloh, Datuk Kaya Haji Mat telah menghantar

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 133-135.

orangnya memberitahu Penghulu Amat di Kampung Besut supaya jangan lagi memberi maklumat kepada Duff apabila Duff sampai ke Kampung Besut.<sup>1</sup>

Duff dan pasukannya telah meninggalkan Kampung Buloh pada 29 hari bulan April 1895. Duff telah mengajak Datuk Kaya Haji Mat pergi bersamanya, dan Datuk Kaya Haji Mat telah membawa satu pasukan yang bersenjata pergi mengikut Duff.

Mereka telah sampai di Kampung Besut. Dari situ Duff dan pasukannya, bersama Bomoh Ali dan Penghulu Amat yang telah diajak oleh Duff mendapati orang-orang kampung itu telah lengkap bersenjata dan berkumpul memerhatikan pasukan Duff. Duff percaya bahawa tentulah mereka telah menjangkan kedatangannya itu. Dengan segera Duff meninggalkan kampung itu pergi pula ke Kampung Seladang.

Di Kampung Seladang ada sebuah kubu dan Duff melihat orang-orang di kampung itu juga telah berleengkap dengan senjata dan berkumpul sambil memandangi, bukannya memandang arah ke jalan hendak pergi ke Besut dari situ, tetapi memerhatikan jalan yang diikuti oleh pasukan Duff datang ke kampung itu.

Pada masa itu Duff berpendapat sia-sia sahaja dia hendak mencari pemimpin "pemberontak" itu di kampung ini, kerana kedatangannya mengikut jalan itu sudah tentu telah diberitahu terlebih dahulu kepada pemimpin "pemberontak" itu. Dan lagi kalau pun berjumpa dengan pemimpin "pemberontak" di situ, terpaksa pula bertempur dengan orang-orang Melayu yang sentiasa sahaja tak lekang mengikut Duff dan pasukannya itu. Ketika Duff sampai di Kampung Seladang, tidak kurang seratus orang Melayu yang lengkap bersenjata mengikut Duff dan pasukannya itu, dan tiada nampaknya tanda yang menunjukkan mereka hendak meninggalkan Duff.

Oleh sebab tidak mahu menimbulkan pertempuran dengan orang Melayu di situ, tambahan pula tidak ada nampaknya

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 135.

kemungkinan untuk menemui pemimpin yang melawan pihak British itu di situ, Duff telah berpatah balik dan pergi ke Kuala Setiu. Duff telah menyuruh Datuk Kaya Haji Mat, Penghulu Amat dan orang lain yang ada bersamanya dari Kampung Buloh dan Kampung Besut itu balik ke tempat mereka dan mengatakan kerana perbuatan merekalah yang telah merosakan peluangnya (Duff) hendak menemui pemimpin dari Pahang yang melawan pihak British itu dan hendak cuba mencari jalan lain untuk menangkap mereka. Dari situ Duff balik ke Kampung Buloh.<sup>1</sup>

Pada 30 hari bulan April 1895 Hugh Clifford telah membawa angkatanya meninggalkan Kuala Berang memudiki Sungai Terengganu sampai ke hulunya di Jeram Kelemang dan berhenti bermalam di situ.<sup>2</sup>

Pada hari itu juga (30 hari bulan April) Duff membawa pasukannya meninggalkan Kampung Buloh menghirir Sungai Setiu melalui Kampung Bukit Chalor, Bukit Bahri dan sampai di Kuala Setiu.<sup>3</sup>

Pada 1 hari bulan Mei 1895 Hugh Clifford dengan pasukannya meninggalkan Jeram Kelemang sampai semula di Kampung Melor pada hari itu juga. Clifford dan pasukannya telah bermalam di kubu yang ada di kampung itu dengan kebenaran Kerajaan Terengganu, dan orang Melayu yang berkawal di kubu itu keluar sementara diduduki oleh orang-orang Clifford. Menurut pandangan Clifford, kubu itu telah semakin diperkuat lagi oleh orang-orang Melayu itu jika dibandingkan dengan keadaan kubu itu pada masa Clifford singgah di situ dahulu. Di situlah juga Clifford telah memerintahkan Jesser - Coope bersedia hendak membawa satu pasukan pergi ke Setiu dan Besut membantu Duff di sana.<sup>4</sup>

Pada 1 hari bulan Mei itu juga (1895), Duff telah membawa pasukannya meninggalkan Kuala Setiu berpatah balik ke

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 135-136.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 20.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 136-137.

<sup>4</sup> EXPEDITION—m.s. 20.

Bukit Chalar dan setelah meninggalkan pasukan di situ, Duff bersama dengan Sayid Husain dan Sayid Uthman telah pergi ke Kampung Setiu. Sampai di situ mereka telah singgah di rumah orang besarnya yang bernama Tengku Mahmud dan Tengku Chik Mamat. Mengikuti pendapat Duff, orang-orang di Kampung Setiu lebih cenderung menyebelahi pemimpin Pahang yang melawan British itu. Duff telah meminta kedua orang besar itu menghantar orang-orang mereka ke Kampung Setiu pergi menjaga jalan hendak pergi ke Besut yang ada di kampung sebelah hulu yang telah dilawati oleh Duff itu, menggantikan orang di situ. Tetapi kedua orang besar itu telah mengatakan kepada Duff bahawa mereka tidak dapat berbuat begitu, kerana mereka tidak berkuasa di bahagian hulu itu, ketua kampung di sebelah hulu itu menerima perintah terus daripada Sultan Terengganu. Malam itu juga Duff meninggalkan Kampung Setiu, membawa orang-orangnya belayar menuju ke Kuala Besut pula.<sup>1</sup>

Pada 2 hari bulan Mei 1895, Jesser – Coope bersama dengan Luang Swat membawa satu pasukan mengandungi lapan orang mata-mata Sikh, sepuluh orang Dayak, dua belas orang Melayu, di antara orang Melayu itu termasuk Mat Idris, Rendah, Tok Muda Lawi, Uda dan Teh Majid, serta sembilan orang Siam, termasuk Luang Swat serta seorang jurubahasa Siam bernama Wan Ismail, telah bertolak meninggalkan Kampong Melor, dibawa oleh pemandu jalan yang diberi oleh Luang Swat, hendak pergi membantu Duff dan pasukannya di Setiu dan Besut.

Pasukan Jesser dan Coope itu telah meredah hutan rimba, mendaki dan menurun gunung berkelidar-kelidar di Hulu Terengganu lebih kurang seminggu lamanya. Pada 8 hari bulan Mei 1895 baharulah mereka sampai di Kampung Tapah dan pada 11 hari bulan Mei sampai di Kampung Buloh. Pemandu jalan itu berpura-pura mengatakan mereka telah sesat jalan.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 137-138.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 148-149.

Setelah Jesser dan Coope meninggalkan Kampung Melor, pada 2 hari bulan Mei 1895, Clifford telah membawa pasukannya seramai 45 orang Melayu (22 orang daripada mereka mempunyai senapang) dan 14 orang Dayak semuanya berse-napang, semuanya berjumlah 60 orang. Luang Visudh tidak ikut sama, kemudiannya baharulah dia bertolak mengikut perjalanan Clifford. Malam itu Clifford dan orang-orangnya bermalam dekat jeram di Sungai Kerbat, di Hulu Terengganu.<sup>1</sup>

Pada 2 hari bulan Mei itu juga, Duff dan pasukannya telah sampai di Kuala Besut. Dari situ mereka mudik Sungai Besut sampai di Kampung Raja. Di sini Duff telah menemui seorang yang bernama Tengku Long dan seorang lagi Encik Engku Muda. Tidak ada maklumat mengenai pahlawan itu yang di-dapati oleh Duff daripada kedua orang itu tetapi mereka telah mengatakan kepada Duff, Tengku Chik wakil Sultan Tereng-ganu (disebut juga Tengku Ngah, yang menjaga Kampung Raja) dan Tengku Guah Raja yang menjaga daerah Besut ada di tempat yang bernama Chawangan, sejauh sehari mudik dari Kampung Raja, mereka membawa pasukan seramai tujuh ratus orang tetapi belum menjalankan tindakan melawan "pembe-rontak" dari Pahang itu.

Duff telah menyuruh Sayid Husain pergi dahulu mencari maklumat di kampung itu. Sayid Husain pergi dahulu ke tem-pat itu dan apabila Sayid Husain lambat dan memberitahu Duff nampaknya sudah ada perintah yang disiarkan di kam-pung itu melarang orang-orang di situ memberi sebarang mak-lumat kepada pihak British. Malam itu Duff dan orang-orang-nya bermalam di Kampung Raja.<sup>2</sup>

Pada 3 hari bulan Mei 1895, Clifford dan pasukannya mu-dik lagi di Sungai Kerbat dan bermalam pula di tempat yang bernama Pulau Labit dekat Kampung Alu iaitu kampung yang terakhir di hulu Sungai Kerbat.<sup>3</sup>

Pada 3 hari bulan Mei itu juga, Duff telah membawa pasuk-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 21.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 138-139.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 21.



annya meninggalkan Kampung Raja, mudik Sungai Besut, sampai ke Chegar Batang. Duff telah menemui ketua kampung (Tok Mekong) di situ iaitu Tok Mekong Hasan. Walaupun Encik Hasan itu seorang yang pendiam, tetapi dapat juga Duff mengetahui rahsianya. Tiada lama selepas Clifford keluar dari Kelantan dahulu balik ke Pahang (1894), sebaik sahaja selepas Engku Selia Raja (Kemuning) dan Datuk Panglima Dalam pergi ke Bangkok (Disember 1894), Tok Gajah, Tok Bahaman serta rombongan mereka itu, lebih kurang seramai dua puluh orang telah datang melalui Kampung Chegar Batang itu pergi membuat tempat kediaman di Sungai Kemia, kampung jagaan Tok Mekong Kemia (Pak Lipah). Di situ mereka telah tinggal dengan aman dan diberi makan oleh Tok Mekong Kemia. Lebih kurang seminggu yang lalu, mereka masih ada di situ, sekarang tak tahulah ke mana mereka pergi tetapi Tok Mekong Hasan percaya mereka masih ada dalam daerah Besut.

Dalam masa bercakap itu juga, Duff, sedikit demi sedikit dapat mengetahui daripada kata Tok Mekong Hasan itu bahawa ada tiga orang ketua kampung, iaitu Penghulu Mat Saleh, Penghulu Talib dan Tok Mekong Hasan sendiri, telah bersama dengan "pemberontak" itu pergi ke Pahang dalam bulan Jun yang lalu (1894) dan telah turut sama menyerang Kuala Tembeling. Tuan Sayid Wok juga kemudiannya telah turut sama hendak pergi ke Pahang tetapi apabila sampai di Lebir didengarnya "pemberontak" itu telah dikalahkan oleh pihak British di Jeram Ampai, ia pun berpatah balik ke Besut. Dalam pada itu tiada pula Encik Hasan itu dipengapakan oleh Duff.<sup>1</sup>

Hugh Clifford dan pasukannya telah meninggalkan hulu Sungai Kerbat pada 4 hari bulan Mei 1895, berjalan lagi sampai di tempat yang bernama Kuala Dekoh, masih dalam nege-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 139-140.

Duff telah mendapat maklumat daripada Encik Hasan dipercayai adalah dengan ancaman kekerasan dan hukuman oleh Duff. EXPEDITION—m.s. 139-140.

ri Terengganu juga, dan di situ mereka telah ditimpa hujan lebat.<sup>1</sup>

Pada 4 hari bulan Mei itu juga Duff dan pasukannya telah meninggalkan Kampung Chegar Batang, mudik Sungai Besut, semasa dalam perjalanan Duff telah bertembung dengan sebuah perahu yang dibawa oleh orang-orang Tengku Chik yang dikatakan hendak membantu Duff. Duff telah diberitahu oleh orang yang membawa perahu itu iaitu Tengku Chik ada di tempat yang bernama Kampung Tasik di hulu Sungai Kemia (cabang Sungai Besut). Orang itu juga mengatakan kepada Duff, tiga hari yang lalu Tengku Chik telah memberitahu dia bahawa Duff akan datang mudik Sungai Besut. Daripada keterangan itu Duff mendapati betapa cepatnya berita kedatangannya itu sampai ke Hulu Besut, dan Duff merasa sia-sialah ia datang ke situ hendak mencari "pemberontak" tersebut.

Duff mudik lagi dan berhenti di Kampung Si Gading tiada berapa jauh lagi hendak sampai ke Kampung Tasik. Duff tidak mahu pergi terus ke Kampung Tasik dan sampai ke tempat itu malam, kerana dia belum percaya kepada Tengku Chik dan orang-orangnya. Dalam pada itu disuruhnya Sayid Husain pergi ke Kampung Tasik memberitahu Tengku Chik pagi esok ia akan sampai ke sana, dan Duff telah mengarahkan Sayid Husain mendapatkan maklumat di Kampung Tasik.

Sayid Husain telah pergi ke Kampung Tasik. Malam itu juga ia balik ke tempat Duff dan memberitahu nampaknya Tengku Chik itu baik budi bahasanya, beliau telah menyediakan tempat kediaman Duff dan orang-orangnya apabila mereka sampai ke Kampung Tasik, tidak ada maklumat mengenai pemimpin "pemberontak" yang didapati daripada Tengku Chik, hanya yang diketahui, Tengku Chik belum menjalankan tindakan hendak menangkap "pemberontak" itu tetapi beliau telah mengaku hendak mengumpulkan orang di sekitar kampung itu supaya menyekat bekalan makanan yang hendak disampaikan kepada pemimpin "pemberontak" itu. Pasukan Tengku Chik mengandungi seramai tujuh ratus orang, dan

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 21.

mereka mempunyai empat pucuk lela dan senapang di antara 150 hingga 200 pucuk.<sup>1</sup>

Begitulah laporan yang telah disampaikan oleh Sayid Husain kepada Duff di Kampung Si Gading, Hulu Besut.

Pada 5 hari bulan Mei 1895 Hugh Clifford telah membawa pasukannya dari Hulu Kerbat, Terengganu, meneruskan perjalanannya melintasi sempadan Terengganu dengan Kelantan masuk ke wilayah negeri Kelantan sampai ke Kuala Alor di Sungai Pertang cabang hulu Sungai Lebir. Hari itu juga Clifford meninggalkan Kuala Alor menghirir berakit di Sungai Pertang sampai di Kuala Pertang di persimpangan Sungai Pertang dengan Sungai Lebir dan bermalam di situ.<sup>2</sup>

Pada 5 hari bulan itu juga (1895) Duff meninggalkan Kampung Si Gading berjalan kaki, dan hampir sejam lebih berjalan sampailah di Kampung Tasik. Duff telah berjumpa Tengku Chik dan Tengku Guah serta banyaknya senapang mereka di kampung itu adalah benar seperti yang telah didengarnya itu.

Tempat kediaman Duff dan orang-orangnya yang disediakan oleh Tengku Chik itu, pada pandangan Duff, tempat itu terletak pada suatu kawasan yang rendah dikelilingi oleh tanah tinggi dan pada tanah tinggi itu pula ada beberapa buah rumah tempat berkawal yang dijaga oleh orang-orang Tengku Chik.

Tengku Chik telah menerangkan kepada Duff akan sebabnya beliau belum menjalankan tindakan mencari pemimpin "pemberontak" dari Pahang itu, ialah kerana menantikan Duff sampai supaya dapat bekerjasama. Dalam pada itu tiada maklumat baharu dan tegas didapati oleh Duff daripada Tengku Chik untuk membolehkannya segera dapat menangkap orang yang dicarinya itu. Duff juga telah menyatakan kepada Tengku Chik bahawa ia mengesyaki Tok Mekong Kemia (Pah Lipah), Tok Mekong Hasan, Penghulu Mat Saleh, Penghulu Talib dan Tuan Sayid Wok, semuanya berkawan

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 140-141.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 21.

baik dengan pemimpin "pemberontak" itu, dan Duff telah menyedari bahawa orang-orang Setiu dan Besut boleh kata semuanya telah bersatu menyoehelahi pemimpin "pemberontak" itu. Duff memberitahu Tengku Chik tawaran hadiah sebanyak \$500/- kepada siapa yang dapat memberikan maklumat sehingga tertangkapnya pemimpin "pemberontak" itu. Pendeknya banyak perkara yang telah dikemukakan oleh Duff kepada Tengku Chik bagi mengetahui tempat pemimpin "pemberontak" itu bersembunyi, dan Duff telah meminta supaya Tengku Chik beriktihar untuk menolong pihak British untuk menangkap mereka yang dikatakan oleh pihak British sebagai pemimpin "pemberontak" itu.<sup>1</sup>

Pada pagi 6 hari bulan Mei 1885 Luang Visudh telah sampai di Kuala Pertang dan bersatu semula dengan pasukan Clifford. Pagi itu juga, setelah Luang Visudh sampai, Clifford membawa pasukannya bertolak dari Kuala Pertang menghilir Sungai Lebir. Setelah hampir sebatu menghilir dari Kuala Pertang, Clifford telah berjumpa satu tempat yang ada meninggalkan bekas bahawa tempat itu telah diduduki oleh seramai dua belas orang dua hari yang lalu, dan orang-orang itu bersenjatakan senapang, kerana terdapat bekas tempat meletakkan senapang. Daripada kesan yang ditemui itu menunjukkan orang yang telah menduduki tempat itu menggunakan perahu, dan mereka telah mudik ke hulu lagi. Clifford telah mengambil kesimpulan pemimpin "pemberontak" itu telah lari ke Sungai Lebir di Hulu Kelantan apabila Duff dan pasukannya sampai di Besut dan Clifford telah menyangkakan mereka itu telah pergi ke Kuala Ampul.

Clifford telah membawa orang-orangnya berpatah balik bergalah mudik Sungai Lebir sampai ke satu tempat tiada berapa jauh lagi hendak sampai ke Kuala Ampul dan mereka mendarat di situ dan Clifford telah memerintahkan orang-orangnya mengepung satu kawasan di tempat tersebut. Tetapi akhirnya usaha itu telah mengecewakan Clifford, kerana yang dikepung oleh orang Clifford itu ialah sekumpulan orang-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 141-143.

orang kampung yang hendak menangkap kerbau! Clifford bermalam di Kuala Ampul.<sup>1</sup>

Pada 6 hari bulan Mei itu juga (1895) Tengku Chik telah datang berjumpa Duff (di Kampung Tasik) dan beliau menyatakan telah membuat perhubungan dengan beberapa orang di tempat itu, termasuk Tok Mekong Kemia, bagi mendapatkan maklumat di mana tempatnya pemimpin "pemberontak" itu bersembunyi supaya dapat ditangkap. Tetapi tiada maklumat yang tepat diperolehi, cuma ada yang mengatakan pahlawan Pahang yang menentang pihak British itu telah dilihat di Pasir Jelai (di Besut), ada yang mengatakan di Sungai Lebir dan macam-macam lagi. Oleh sebab itu Duff merasakan semua maklumat yang telah diberi oleh Tengku Chik itu tidak benar.<sup>2</sup>

Pada 7 hari bulan Mei 1895 Hugh Clifford telah meninggalkan Kuala Ampul hilir balik ke Sungai Lebir sampai di tempat yang bernama Kelebing, antara Kuala Ampul dengan Kampung Lanchar, di situ pasukan Clifford telah membaiki dan membesarkan lagi rakit mereka.<sup>3</sup>

Pada 7 hari bulan Mei itu Duff dan pasukannya masih berada di Kampung Tasik lagi. Pada hari itu Duff telah diberitahu Tengku Chik sedang sakit. Walaupun demikian telah beberapa kali pula Duff menghantar orang-orangnya pergi berjumpa Tengku Chik menegaskan juga supaya tindakan hendak menangkap pemimpin yang melawan pihak British itu disegerakan, kerana Duff tidak mahu menunggu lebih lama lagi. Semua jawapan dan keterangan daripada Tengku Chik yang disampaikan kepada Duff, tidak memuaskan hati Duff dan sehingga masa itu tiada tindakan yang dijalankan oleh Tengku Chik untuk memenuhi kehendak pihak British yang datang ke Hulu Besut.<sup>4</sup>

Pada 8 hari bulan Mei 1895 Clifford telah meninggalkan

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 22.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 141-145.

<sup>3</sup> EXPEDITION—m.s. 22.

<sup>4</sup> EXPEDITION—m.s. 145.

Kelebing, menghilir lagi ke Sungai Lebir dan sampai di Kuala Aring. Di situ ada sebuah rumah tempat berkawal yang disebut pendiat didirikan oleh Datuk Lela Diraja bagi mengawal jalan di persimpangan sungai di situ. Di Kuala Aring, Clifford telah berjumpa seorang yang disebut namanya Haji Menteri, beliaulah yang telah menolong pahlawan Pahang menyeberangi Sungai Lebir dalam bulan Ogos tahun lalu (1894). Dari Kuala Aring, Clifford menghilir lagi di Sungai Lebir sampai di Kuala Miak. Di sini juga terdapat rumah pendiat mengawal kuala Sungai Miak (cabang Sungai Lebir) yang boleh dilalui sampai ke Besut. Clifford bermalam di Kuala Miak.<sup>1</sup>

Pada 8 hari bulan Mei, Duff dan pasukannya masih ada lagi di Kampung Tasik. Orang-orang yang dikatakan telah dijanjikan oleh Tengku Chik hendak berjumpa Duff memberi maklumat itu, ada yang datang berjumpa Duff dan ada yang tidak, yang datang menemui Duff itu tiada sebarang maklumat berguna yang telah diberikannya. Pada hari itu juga Duff telah menerima sepucuk surat daripada Tengku Chik yang dibawa oleh Sayid Husain memberitahu Duff bahawa Tengku Chik sedang bersiap hendak menghilir meninggalkan Kampung Tasik. Oleh itu dengan segera Duff menghantar orangnya memberitahu Tengku Chik dia hendak berjumpa sebelum Tengku Chik bertolak tetapi Tengku Chik berpesan beliau tidak dapat datang menemui Duff. Tengku Chik telah menghilir meninggalkan Kampung Tasik, dan membiarkan Duff yang berharap hendak mendapat maklumat dan kerjasama daripada Tengku Chik itu.

Duff telah berjumpa dan berbual panjang dengan Tengku Guah mengenai pemergian Tengku Chik dengan tiba-tiba itu, dan pertolongan yang dikehendaki oleh Duff untuk menangkap pahlawan Pahang itu. Semasa Duff berbincang dengan Tengku Guah, tiada sebarang maklumat yang dapat memberikan pertolongan.

Tiada lama selepas itu, pada hari itu juga, pasukan Tengku Guah dan pasukan Tengku Chik dan yang ada di Kampung

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 23.

Tasik itu menghilir meninggalkan kampung itu kerana dua belas orang sahaja yang ditinggalkan menjaga tempat itu yang diketuai oleh Encik Engku Muda yang baharu sampai dan dia hanya duduk dalam perahunya sahaja tidak mahu berjumpa Duff dengan alasan mengatakan dirinya sedang sakit. Perahu yang dibawa oleh pasukan Duff datang ke Hulu Besut itu juga telah dibawa bersama menghilir oleh orang-orang Tengku Chik yang telah pergi itu.<sup>1</sup>

Pada 9 hari bulan Mei 1895, setelah meninggalkan pasukan besarnya di Kuala Miak menjaga jalan masuk ke Sungai Miak itu, Clifford serta Luang Visudh membawa sepuluh orang daripada pasukannya menghilir lagi dan berhenti di Kuala Rek, di persimpangan Sungai Rek dengan Sungai Lebir. Di situ, Clifford berjumpa Datuk Lela Diraja orang besar yang menjaga daerah Lebir, dan beliau telah menerima kedatangan Clifford dengan baik. Clifford telah ditempatkan di sebuah rumah yang telah disediakan.<sup>2</sup>

Pada 9 hari bulan Mei itu juga, Duff dan pasukannya yang telah ditinggalkan oleh Tengku Chik di Kampung Tasik itu, tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Segala usaha yang telah dijalankan oleh Duff di daerah Besut untuk mencari dan menangkap pahlawan Pahang yang ada di Besut itu tiada berhasil, dan berhubung dengan tugasnya itu, Duff telah mengambil kesimpulan bahawa orang-orang Melayu di Setiu dan Besut dengan berterus terang telah menunjukkan sikap permusuhan mereka terhadap pihak British yang datang itu, usahanya mencari dan hendak menangkap pemimpin "pemberontak" di Pahang itu sebenarnya telah gagal, tindakan orang besar di tempat yang telah didatanginya serta penduduk di tempat itu, dipercayai oleh Duff, telah diarah dan diperintahkan oleh Sultan Teréngganu, permintaan Duff kepada orang besar itu tidak diindahkan dan mereka tidak mahu memberi pertolongan kepada Duff menjalankan tugasnya itu. Sekiranya Duff berjaya menangkap pemimpin "pemberontak" itu,

<sup>1</sup> EXPEDITION - m.s. 145-146.

<sup>2</sup> EXPEDITION - m.s. 23.

Duff mempercayai sudah tentu dia akan bertempur pula dengan orang-orang Melayu di Terengganu, bahkan selama Duff dan pasukannya berada di daerah Besut terpaksa pula berjaga-jaga daripada bahaya yang mungkin dilakukan oleh orang-orang Melayu terhadap Duff dan orang-orangnya, pasukan Duff hanya membawa sembilan pucuk senapang.

Oleh sebab dirasakan tiada faedahnya tinggal di Hulu Besut lagi, pada 9 hari bulan Mei itu juga (1895), Duff telah membawa pasukannya meninggalkan Kampung Tasik berjalan kaki menempuh hutam rimba, melalui bukit-bukau di antara Terengganu dengan Kelantan menuju ke Kuala Rek iaitu setelah Duff sedang dalam perjalanan mendapat maklumat yang disampaikan oleh orang-orang Datuk Lela Diraja.<sup>1</sup>

Pada 10 hari bulan Mei 1895, Duff dan pasukannya dari Besut yang mengikuti jalan di Sungai Rek telah sampai di Kuala Rek, berjumpa Clifford di situ dan Duff melaporkan segala kisah perjalanan, pekerjaan dan pengalaman yang telah dilaluinya sejak bertolak dari Kuala Telemong pada 25 hari bulan April hinggalah sampai di Kuala Rek pada 10 hari bulan Mei itu (1895).

Setelah mendengar keterangan Duff itu, Clifford lebih berat mempercayai bahawa pemimpin "pemberontak" itu masih ada di Besut, kerana mereka mendapat pertolongan daripada Tengku Chik dan tinggal di sana.

Setelah berunding dengan Duff, mereka bersetuju mengumpulkan semua orang mereka di Kuala Rek, kerana di situ lebih mudah dan murah mendapat barang makanan jika dibandingkan dengan tempat lain di Sungai Lebir dan menghantarkan laporan selengkapnya kepada Gabenor di Singapura. Apabila Jesser-Cooper serta pasukannya datang ke Kuala Rek, Clifford telah akan pergi ke Kota Baharu (Kelantan) menunggu perintah dan arahan dari Singapura.

Sementara menantikan Jesser-Cooper datang, Clifford telah meninggal semua orangnya dari Kuala Miak berkumpul ke Kuala Rek, dan menghantar laporan ke Kota Baharu supaya dipanjangkan ke Singapura. Clifford juga telah menghantar-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 147.



kan satu pasukan pengakapnya yang terdiri daripada orang-orang Melayu pergi ke Besut melihatkan perkembangan di sana, dan jika boleh, cuba menyiasat di mana pemimpin "pemberontak" itu tinggal, dan cuba menentukan pula di mana Jesser-Coope masa itu.<sup>1</sup>

Sebagai yang telah disebutkan tadi, Jesser-Coope dan pasukannya yang hendak membantu Duff itu, setelah sesat-larat dalam hutan, pada 11 hari bulan Mei 1895 baharulah mereka sampai di Kampung Buloh di tepi Sungai Setiu.

Pada 12 hari bulan Mei, Jesser-Coope telah membawa pasukannya meninggalkan Kampung Buloh, menghilir Sungai Setiu, melalui Kuala Setiu sampai di Kuala Besut pada 13 Mei 1895. Pada masa itu Tengku Chik berada di Kuala Besut, tetapi beliau tidak mahu memberi pertolongan kepada pasukan pihak British yang datang itu, kedatangan Jesser-Coope itu tidak dipedulikannya. Jesser-Coope telah memudiki Sungai Besut dan berhenti bermalam di Kampung Bukit Sarak.\*

Dari situ, pada 14 hari bulan Mei, Jesser-Coope mudik lagi sampai di Kampung Chegar Batang dan bermalam pula di situ. Esoknya (15 hari bulan Mei) mudik lagi sampai di Chawangan dan terus hingga sampai di tempat yang bernama Lak.

Dari situ tidak boleh lagi mudik berperahu. Pada 16 hari bulan Mei Jesser-Coope dan pasukannya berjalan kaki sampai di Kampung Si Gading kemudian pergi ke Kampung Tasik. Di sini Jesser-Coope telah mengesyaki bahawa pemimpin "pemberontak" ada di sekitar tempat itu kerana orang Melayu yang menjadi pemandu jalan dan pembawa barang pasukan itu enggan meneruskan perjalanan ke hulu lagi, dan mereka kelihatan begitu takut.

Pada 17 hari bulan Mei 1895 Jesser-Coope dan pasukannya telah meneruskan perjalanan melalui hutan belantara dan gunung-ganang di situ melintasi sempadan dengan Kelantan, dan pada 18 hari bulan Mei 1895 mereka sampai di tepi Sungai Lebir di negeri Kelantan. Pada hari itu juga, lebih kurang pada

<sup>1</sup> EXPEDITION—in.s. 24-25.

\*Dalam laporan Clifford disebutkan Gong Sorak.

pukul 8.00 malam, Jesser-Coope dan pasukannya sampai di Kuala Rek, berjumpa Clifford dan melaporkan tugasnya yang tidak berjaya itu.<sup>1</sup>

Pada siang hari 18 hari bulan Mei itu juga, sebelum Jesser-Coope sampai ke Kuala Rek, pengakap Clifford yang pergi ke Besut telah balik semula ke Kuala Rek, dan telah memberitahu Clifford:

Pengakap itu telah menghilir Sungai Besut sampai had Kampung Berangan sahaja. Saudara mereka yang ada di tempat itu telah mengingatkan mereka iaitu mereka telah disyaki oleh orang-orang di Besut sebagai pengintip pihak British. Pihak yang berkuasa di Besut telah mengeluarkan perintah hendak menangkap mereka. Itulah sebabnya mereka telah lari meninggalkan Besut balik ke Kuala Rek. Tengku Chik yang dengan tiba-tiba telah meninggalkan Kampung Tasik dahulu menurut Tengku Chik kepada orang Besut, kerana beliau tak sanggup lagi tinggal bersama dengan Duff, kalau sampai sehari semalam lagi beliau tinggal setempat bersama Duff, mungkin beliau akan menyerang Duff. Pengakap Clifford itu tidak juga dapat menentukan di mana tempat tinggal itu tidak juga dapat menentukan di mana tempat tinggal pemimpin "pemberontak" itu. Dan menurut pengakap itu lagi dengan perintah Tengku Chik, nama Sungai Kemia itu telah ditukar kepada "Sungai Cabang Dua" atau "Sungai Sangka Dua" untuk mengelirukan pihak British.<sup>2</sup>

Pada 19 hari bulan Mei 1895 Clifford dengan Duff telah berperahu dari Kuala Rek menghilir Sungai Lebir dengan tujuan hendak pergi ke Kota Baharu, ibu negeri Kelantan. Jesser-Coope tinggal di Kuala Rek mengetuai pasukan pihak British yang ada di situ. Orang besar bagi pihak kerajaan Kelantan yang menjaga daerah Lebir masa itu ialah Raja Madin (saudara Raja Kelantan) dan Datuk Lela Diraja.

Setelah lebih kurang tujuh jam lamanya Clifford dan Duff menghilir, mereka sampai di Kuala Lebir, di persimpangan Sungai Lebir dengan Sungai Kelantan (dekat Kuala Krai sekarang). Dari situ mereka terus menghilir Sungai Kelantan. Lebih kurang pukul 8.00 malam, ketika Clifford dan Duff belayar di Sungai Kelantan dekat Tanah Merah, dengan tidak di-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 25, 149-150.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 25.

duga (di Sungai Kelantan) Panglima Kakap Husain telah datang ke situ dari Kuala Rek, dan dia memberitahu Clifford, telah diberitahu ke Kuala Rek (setelah Clifford bertolak) iaitu Rasu, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim serta dua orang perempuan dan dua orang budak lelaki, telah kelihatan di Sungai Miak pada 17 hari bulan Mei yang lalu (1895).

Setelah menerima laporan daripada Panglima Kakap Husain itu, Clifford telah membatalkan pelayarannya ke Kota Baharu. Esoknya, pada 20 hari bulan Mei, Clifford dan rakan-rakannya berpatah balik memudiki Sungai Kelantan dan Sungai Lebir menuju ke Kuala Rek.<sup>1</sup>

Sebelum diceritakan kisah Hugh Clifford sampai semula ke Kuala Rek, kita perhatikan dahulu kisah pahlawan Pahang itu yang diketahui ceritanya.

Pada akhir tahun 1894, Tok Gajah, Tok Bahaman, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim, Mat Lela, Khadijah isteri Tok Gajah, Esah isteri Mat Kilau serta empat orang budak lelaki hamba mereka, telah berpindah dari Kemuning (Kelantan) pergi ke Sungai Kemia di Hulu Besut, Terengganu, dan tinggal di situ dengan pertolongan Tok Mekong Kemia (Pak Lipah) dan penduduk Besut.

Mengikut ceritanya lagi: dalam bulan April dan Mei 1895, setelah enam bulan lamanya mereka berada di Hulu Besut, penduduk Besut telah memberitahu pahlawan Pahang itu bahawa orang putih (Duff dan pasukannya) sedang dalam perjalanan ke Besut hendak mencari dan menangkap mereka. Setelah mendengar berita tersebut, pahlawan Pahang itu telah berpindah hingga ke ocak-ocak di hulu Sungai Besut. Lebih kurang sebulan lamanya mereka tinggal di situ.

Setelah mendapat pemandu jalan dan bekalan makanan, pahlawan Pahang itu telah meninggalkan tempat tersebut dan dengan meredah hutan rimba, menyeberangi sempadan Terengganu dengan Kelantan masuk ke wilayah negeri Kelantan menuju ke Sungai Lebir. Pada masa itu Esah isteri Mat Kilau telah sarat hendak bersalin. Tok Bahaman dan anaknya Mat Lela telah berpisah dari rombongan itu masuk ke dalam

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 25-26.

hutan entah ke mana perginya. Setengah riwayat mengatakan mereka tinggal dalam hutan dengan orang Sakai, dan khabarnya Tok Bahaman telah beristerikan perempuan Sakai. Ada juga cerita mengatakan Tok Bahaman dan Mat Lela tinggal dalam hutan di Hulu Besut juga.

Tok Gajah dan keluarganya meneruskan perjalanan. Setelah seminggu berjalan dalam hutan, Esah isteri Mat Kilau telah bersalin. Dua hari lepas itu baharulah mereka meneruskan perjalanan dan sampai ke hulu Sungai Miak (cabang Sungai Lebir), mereka menghilir sungai itu sampai di kualanya di persimpangan Sungai Miak dengan Sungai Lebir (dalam bulan Mei 1895).<sup>\*</sup> Mereka berhenti bermalam dekat Jeram Kijang. Di sini mereka telah diberitahu bahawa angkatan Clifford ada di Kuala Rek. Esoknya mereka pergi ke kampung Tuan Syaikh Ahmad di Jeram Panjang.

Pada 20 hari bulan Mei (Clifford sedang mudik hendak kembali ke Kuala Rek) Tok Gajah dan keluarganya pergi pula ke Kuala Aring, di kuala Sungai Aring, di hulu lagi dari Kuala Rek. Dari sinilah Mat Kilau dan Awang Nong menghantar Esah dan anaknya yang baharu lahir itu ke kuala Sungai Lebir Kecil, dan dari situ Esah dan anaknya itu dibawa oleh saudaranya ke rumah emak Esah di Kampung Jubai, di tepi Sungai Lebir Kecil.<sup>1</sup>

Begitulah cerita yang didapati mengenai pahlawan Pahang itu hingga mereka sampai di Kuala Aring pada 20 hari bulan Mei 1895.

Hugh Clifford, Duff dan Panglima Kakap Husain yang memudiki Sungai Kelantan dan Sungai Lebir telah sampai di Kuala Rek pada pukul 5.30 pagi 21 hari bulan Mei 1895. Sekejap sahaja Clifford singgah di Kuala Rek. Pagi itu juga Clifford dan Duff membawa satu pasukannya mudik ke hulu.

Dalam pelayaran itu, ada dua kali Clifford melakukan kekerasan kepada beberapa orang Melayu yang dijumpai memaksa memberikan maklumat mengenai pahlawan Pahang

<sup>\*</sup>Di situlah Tok Gajah dan rombongannya telah kelihatan dan diberitahu kepada pihak British di Kuala Rek.

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 159, 160.

itu, dan Clifford tahu bahawa orang yang dicarinya itu telah mudik ke hulu lagi di Sungai Lebir. Malam itu juga Clifford sampai dan berhenti sebentar di Kuala Aring dan mengarahkan pergi ke hulu lagi sampai ke Kampung Lanchar dan berhenti di situ menanti kedatangan Clifford.

Malam itu juga dari Kuala Aring Clifford pergi pula ke Sungai Lebir Kecil mudik sungai itu dan singgah di Kampung Jubai berjumpa Esah isteri Mat Kilau dan Clifford telah mendapat beberapa maklumat daripada Esah berkenaan dengan Tok Gajah dan rombongannya itu. Pagi esoknya (22 hari bulan Mei) Clifford bertolak meninggalkan Kampung Jubai pergi ke Kampung Lanchar bersatu semula dengan Duff yang menanti di situ.

Di Kampung Lanchar Clifford telah mendapat tahu iaitu dua hari yang lepas, pahlawan Pahang itu telah mudik ke hulu lagi dengan dua buah perahu yang diberikan oleh orang-orang Kampung Lanchar yang bernama Wan Sarih, dan perahu itu digalahkan oleh orang-orang Wan Sarih. Keterangan itu diberi oleh Wan Sarih setelah Clifford memaksa dan memukul Wan Sarih dengan rotan sebanyak enam kali.

Hari itu juga Clifford telah berjumpa dengan orang-orang Wan Sarih yang kembali ke Kampung Lanchar dengan sebuah perahu setelah menghantar pahlawan Pahang itu. Daripada mereka Clifford mendapat tahu bahawa Tok Gajah dan anak-anaknya ditinggalkan di Kuala Alor di Sungai Pertang.<sup>1</sup>

Clifford dan pasukannya telah pergi ke Sungai Pertang, dan pagi esoknya (23 hari bulan Mei) mereka berhenti pada satu tempat ke hilir sedikit daripada Kuala Alor, dan Clifford mengepung tempat itu yang disangkakan tempat persembunyian pahlawan Pahang tersebut. Tetapi tidak juga pihak British dapat menemui mereka. Clifford telah mengarahkan orang-orangnya memeriksa kawasan hutan di sekitar tempat itu, itu pun tidak juga mendatangkan hasil kerana pahlawan Pahang itu, kata Clifford, sangat pandai menyelinap bersembunyi

---

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 27.

dalam hutan dan cekap pula menghilangkan kesan pada tempat yang mereka lalui.<sup>1</sup>

Apabila Clifford merasakan sukar untuk menemui pahlawan Pahang yang tiada berapa ramai dalam hutan rimba yang tebal itu, ia telah memerintahkan orang-orang Melayu yang tinggal di lembahan bahagian hulu Sungai Lebir itu datang berkumpul membawa barang-barang mereka ke beberapa buah tempat yang telah ditentukan dan dijaga oleh orang-orang Clifford. Begitu juga semua beras yang ada di kampung-kampung dalam kawasan itu, tidak boleh disimpan di rumah, dan beras itu mestilah dikumpulkan pada tempat yang dipilih oleh Clifford dan dijaga oleh orang-orangnya yang bersenjata senapang. Perintah seperti itu juga telah dikenakan oleh Clifford kepada orang-orang Melayu di Hulu Terengganu yang tinggal di hulu Sungai Kerbat dan Sungai Ketiayar. Tujuan Clifford ialah supaya pahlawan Pahang itu tidak mendapat pertolongan dan bekalan makanan daripada orang-orang kampung itu, terutamanya beras.<sup>2</sup>

Luang Visudh telah mengutuk tindakan Hugh Clifford itu terutama dengan mengumpulkan beras. Clifford berpendapat kecaman Luang Visudh itu timbul daripada bantahan orang-orang kampung yang telah mengadu kepadanya.

Luang Visudh telah mengatakan kepada Clifford bahawa perbuatan seperti itu telah menyusahkan orang-orang kampung yang tidak berdosa, dan tindakan itu adalah tidak disukai oleh mereka.

Clifford telah berterus terang mengatakan kepada Luang Visudh: ia merasa suka mendengar orang-orang kampung tidak suka dengan tindakan yang telah dijalankannya itu, bahkan ia (Clifford) tidak mahu berbelas kasihan kepada penduduk Lebir yang telah menderita disebabkan oleh tindakannya itu kerana kata Clifford lagi, orang-orang kampung di lembahan Sungai Lebir, termasuk beberapa orang besar dari Kampung Kuala Pehi sampai ke Kuala Ampul, hampir semua

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 28.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 28-30.

nya telah masuk campur datang menyerang Pahang dalam bulan Jun yang lalu (1894), dan orang-orang kampung yang berkawal di rumah pendiat di Kuala Aring, yang dikatakan mengawal "pemberontak" dari Pahang itu, telah membiarkan sahaja Mat Kilau masuk ke rumah pendiat pada 20 hari bulan Mei yang lalu (1895), dan mereka tidak berbuat apa kepada Mat Kilau yang datang seorang diri itu walaupun mereka yang berkawal di situ ada seramai tiga puluh orang.

Dan Clifford menerangkan lagi kepada Luang Visudh, pemimpin "pemberontak" itu sampai di Sungai Lebir dengan tiada membawa makanan, mereka telah diberi makan oleh penduduk Lebir. Orang-orang Kampung Lanchar pula telah memberikan perahu serta dengan tukang pengayuh perahu itu sekali. Semua perkara itulah yang telah menyebabkan Clifford tidak mahu lagi bertimbang rasa terhadap orang-orang Kampung Lebir itu. Kerajaan British, kata Clifford, telah mengeluarkan belanja yang banyak semata-mata kerana Raja Kelantan dan Terengganu telah membiarkan negeri mereka dijadikan pangkalan oleh "pemberontak" itu menjalankan tindakan mereka melawan British.

Pendeknya, pada masa itu bertambah nyatalah ada beberapa perkara yang tiada bersesuaian di antara pegawai Siam dengan pegawai British dalam menjalankan tugas hendak menangkap pahlawan Pahang yang dalam menentang pihak British itu.<sup>1</sup>

Clifford dan rakan-rakannya, terutama Duff, Jesser-Coope, Panglima Kakap Husain, Sayid Husain dan Sayid Uthman, telah meneruskan juga tindakan mereka mencari pahlawan Pahang di sekitar Sungai Lebir dan cabangnya di bahagian hulu negeri Kelantan hingga sampai ke hulu sungai di hulu Terengganu.

Semasa dalam perjalanan ke hulu Sungai Kerbat di Hulu Terengganu, Luang Visudh yang mengikut perjalanan Clifford beberapa batu jauh di belakang Clifford, ada sekali dengan tiba-tiba Luang Visudh telah berjumpa dengan Rasu (Tok Ga-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 30-32.

jah) dengan seorang budak pengiringnya. Tetapi tidak pula Luang Visudh mahu menembak Rasu, kerana kata Luang Visudh, dia takut orang Kelantan yang membawa barangnya (Luang Visudh) bertempiraran lari apabila dia menembak. Entah ke mana pula perginya Rasu, tidaklah diketahui.<sup>1</sup>

Pada 30 hari bulan Mei 1895, pasukan pihak British yang dipimpin oleh Sayid Seman (Uthman) telah bertempur dengan rombongan pahlawan Pahang itu di Sungai Lepar di perbatasan Terengganu dengan Kelantan, dan dua orang dalam pasukan Sayid Seman telah cedera. Peristiwa itu telah diberitahu kepada Clifford yang pada masa itu berada di Kampung Alu di hulu Sungai Kerbat.<sup>4</sup>

Setelah seminggu lamanya, awal bulan Jun 1895, pasukan pihak British berkeliaran dalam hutan di Hulu Terengganu mencari pahlawan Pahang itu, Clifford mendapat tahu bahawa pahlawan Pahang itu telah menghilir Sungai Terengganu pergi ke Kuala Terengganu. Clifford dengan pasukannya seramai tiga puluh orang yang lengkap bersenjata telah menghilir Sungai Terengganu, Panglima Kakap Husain disuruh pergi dahulu untuk mendapatkan maklumat dan ia pun sampai di Kampung Jenagor di tepi Sungai Terengganu. Di Kampung Jenagor, Panglima Kakap Husain telah dapat maklumat dan memberitahu Clifford iaitu pemimpin "pemberontak" itu telah menghilir dari Kampung Jenagor. Rombongan pahlawan Pahang terdiri daripada Rasu (Tok Gajah), Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim dan Khadijah isteri Rasu serta Yusoh anak angkat Rasu.

Clifford menghilir lagi dan singgah sebentar di Kampung Jenagor, Kuala Puih dan terus ke Kuala Berang. Di tempat itu, Clifford telah mendapat maklumat yang serupa sahaja ia itu mengatakan rombongan pahlawan Pahang itu telah menghilir daripada tempat itu. Clifford meneruskan perjalanan ke Kuala Telemong dan berhenti berkhemah di situ.

Malam itu juga Clifford bertolak dari Kuala Telemong sampai ke Kuala Nerus. Oleh sebab pihak British diberitahu tidak

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 33.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 33-34.



ada perahu yang mudik ke Sungai Nerus, Clifford telah menyuruh Panglima Kakap Husain pergi dahulu ke Kuala Terengganu.

Panglima Kakap Husain telah menghilir menuju Kuala Terengganu dan singgah di pangkalan Tok Engku Sayid di Kampung Paloh, tiada berapa jauh dari pekan Kuala Terengganu. Di pangkalan Tok Engku Sayid itu Panglima Kakap Husain telah berjumpa sebuah perahu tertambat di situ, dan perahu itu dikenalnya ialah perahu yang telah diambil oleh pemimpin "pemberontak" itu di tempat yang bernama Pasir Kuran, dan ada terdapat kesan jalan yang dilalui orang dari pangkalan itu hingga ke pintu pagar kawasan Tok Engku Sayid yang masih basah. Panglima Kakap Husain percaya bahawa pemimpin "pemberontak" itu telah masuk ke kawasan rumah Tok Engku Sayid di Kampung Paloh itu.<sup>1</sup>

Apabila Clifford mendapat tahu perkara itu daripada Panglima Kakap Husain, orang-orangnya suka kalau Clifford mahu membawa mereka segera pergi melanggar rumah Tok Engku Sayid menangkap pahlawan Pahang itu. Tetapi Clifford telah terfikir pula, kalau dilakukannya tindakan seperti itu, tentulah Sultan Terengganu mempunyai alasan untuk membantah perbuatannya itu, kerana ia telah datang mengesan jejak pemimpin "pemberontak" itu, kerana ia telah sampai ke tempat baginda, yakni ia telah melakukan sekehendak hatinya dalam negeri Terengganu dengan tidak terlebih dahulu meminta bantuan daripada baginda.

Dengan itu Clifford menghilir ke Kuala Terengganu, dan hampir subuh Clifford dan pasukannya sampai di Kuala Terengganu mendarat di Kampung Raja, di Kuala Terengganu, iaitu pada 7 hari bulan Jun 1895.

Pada pagi hari itu juga (7 hari bulan Jun), setelah mengetahui Clifford dan pasukannya telah tiba di Kuala Terengganu, datang pegawai dari pihak istana membawa Clifford ke rumah tumpangnya iaitu rumah yang telah ditumpangnya dahulu. Hari itu juga Clifford telah mengirinkan laporan ringkas ke-

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 35-38.

pada Setiausaha Kerajaan Negeri Selat di Singapura menerusi sebuah kapal yang ada di Kuala Terengganu yang hendak pergi ke Singapura.

Clifford telah datang mengadap Sultan Terengganu di sebuah balai. Dalam perjumpaan itu Clifford telah menerangkan kepada baginda segala halnya sejak ia meninggalkan Kuala Terengganu pada 28 April yang lalu (1895), dan sebagai menggulung keterangannya itu, Clifford telah meminta supaya pemimpin "pemberontak" dari Pahang yang dipercayainya ada dalam kawasan rumah Tok Engku Sayid di Paloh itu diserahkan kepadanya. Untuk memenuhi kehendak Clifford itu, Sultan Terengganu telah mengutus surat kepada Tok Engku Sayid di Paloh mengatakan baginda percaya pemimpin "pemberontak" dari Pahang itu ada bersama Tok Engku Sayid dan memintanya menyerahkan mereka kepada pihak British.<sup>1</sup>

Pada subuh 8 hari bulan Jun 1895, Tengku Dalam datang mengadap Sultan Terengganu membawakan surat jawapan daripada Tok Engku Sayid. Clifford pun dipanggil datang ke tempat baginda dengan Tengku Dalam itu. Dalam surat Tok Engku Sayid itu mengatakan beliau tidak tahu satu apa pun berkenaan dengan orang yang dikatakan pemimpin "pemberontak" dari Pahang itu, dan jika baginda mengatakan mereka ada bersama beliau, silalah baginda tunjukkan di mana mereka itu.

Mendengar jawapan Tok Engku Sayid itu, Clifford dengan segera mengatakan kepada Tengku Dalam dia tidak dapat menerima keterangan dalam surat jawapan Tok Engku Sayid itu, dan Clifford percaya Tok Engku Sayid tidak bercakap benar, seperti dalam perjumpaannya dengan Tok Engku Sayid dalam bulan April yang lalu juga, dan Clifford ada bukti yang pemimpin "pemberontak" itu ada dalam kawasan rumah Tok Engku Sayid.<sup>2</sup>

Pada pagi 8 hari bulan Jun itu juga, Tengku Besar telah memberitahu Clifford iaitu beliau telah dapat perintah hendak membawa satu pasukan penyiasat seramai empat ratus

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 38-39.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 39-40.

orang ke Kampung Paloh dan meminta Clifford menghantar orangnya datang menyaksikan penyiasatan itu dijalankan.

Clifford telah menghantar empat orang besar Melayu dalam pasukannya pergi menyaksikan kerja yang dibuat oleh pasukan penyiasat itu. Clifford telah meminta kepada orang besarnya memberitahu Tengku Besar, pada pendapat Clifford, hendaklah baginda menjalankan satu tindakan keras memaksa Tok Engku Sayid menyerahkan pemimpin "pemberontak" itu. Clifford telah meminta juga kepada kerajaan Terengganu supaya jangan berbuat sambil lewa sahaja sehingga ia (Clifford) mahu mempercayai bahawa pemimpin "pemberontak" itu tidak ada atau tidak datang ke Kampung Paloh dengan menunjukkan bukti bahawa pasukan penyiasat seramai empat ratus orang itu tiada menemui mereka.

Petang hari itu juga, orang besar yang mewakili Clifford yang menyaksikan kerja pasukan penyiasat itu telah balik dari Kampung Paloh dan memberitahu Clifford kerja penyiasat yang telah dijalankan oleh Kerajaan Terengganu di Kampung Paloh itu dipandang sebagai mempersenda-sandakan mereka sahaja. Memang betul ada seramai empat ratus orang penyiasat pergi ke Kampung Paloh dan kampung yang berdekatan di situ tetapi mereka hanya bertanya kepada orang yang duduk di muka pintu bertanyakan ada atau tidak "pemberontak" dari Pahang itu di dalam rumah mereka. Apabila orang yang duduk di muka pintu rumahnya itu menjawab mengatakan "tak ada", cukuplah jawapan itu, dan mereka pergi pula ke rumah lain bertanya dan berbuat seperti itu juga, dan begitulah seterusnya sehingga penyiasat itu selesai membuat kerja mereka dan balik keletihan. Seorang "pemberontak" pun tidak dijumpai. Juga sebelum penyiasatan dimulakan, semua ketua pasukan penyiasat itu telah mengadakan perjumpaan secara sulit dengan Tok Engku Sayid, dan orang-orang Clifford itu tidak dibenarkan masuk campur.<sup>1</sup>

Demikianlah apa yang telah dinyatakan kepada Clifford.

Lepas itu, orang besar Terengganu iaitu Datuk Mata-Mata,

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 40.

Wan Nik dan beberapa orang lagi telah datang berjumpa dan memberitahu Clifford kerja yang telah dijalankan dengan perintah Sultan Terengganu mencari pemimpin "pemberontak" itu sudah dijalankan, dan tiada diperolehi sebarang hasil, dan sekarang nyatalah pemimpin "pemberontak" dari Pahang itu tidak ada ataupun tidak pernah datang ke Kampung Paloh. Mendengar itu Clifford mengulangi dan mengatakan dia tidak dapat menerima keterangan itu, dan mengatakan pula bahawa pasukan penyiasat yang telah menjalankan kerjanya itu mengarut sahaja, baginda Sultan memang boleh menunjukkan pemimpin "pemberontak" itu jika baginda mahu bertindak keras terhadap Tok Engku Sayid, Clifford mengatakan lagi, kapal Sea Belle dari Singapura tidak lama lagi akan sampai ke Kuala Terengganu. Sementara menantikan kapal itu, jika pemimpin "pemberontak" itu tidak diserahkan kepadanya, ia akan segera balik ke Singapura dan menyerahkan perkara itu kepada Gabenor di Singapura.<sup>1</sup>

Pada 9 hari bulan Jun 1895, Clifford telah berbual panjang dengan Tengku Besar dan mereka telah mengatakan pendapat mengenai pemimpin "pemberontak" yang dipercayai oleh Clifford bersembunyi di rumah Tok Engku Sayid di Paloh. Tengku Besar menyatakan beliau percaya Sultan Terengganu tentu tidak mahu mengikut cadangan Clifford supaya baginda bertindak keras terhadap Tok Engku Sayid itu, kerana Tok Engku Sayid itu pernah menjadi guru baginda dan baginda menyegani Tok Engku Sayid itu. Tengah malam hari itu juga kapal Sea Belle telah sampai di Kuala Sungai Terengganu.

Pada 10 hari bulan Jun 1895 pegawai British yang datang dengan kapal Sea Belle itu telah mendarat di Kuala Terengganu berjumpa Clifford. Pada hari itu juga Duff sampai di Kuala Terengganu dengan satu pasukan yang dibawanya Clifford telah menunjukkan beberapa panduan kerja yang akan dibuat oleh Duff, kerana menurut Clifford ia telah menetapkan fikirannya hendak kembali ke Singapura dengan kapal Sea Belle.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 41.

<sup>2</sup> EXPEDITION—m.s. 42-43.

Hari itu juga Clifford telah pergi lagi menghadap Sultan Terengganu di balai penghadapan yang dihadiri juga oleh beberapa orang besar baginda. Dalam perjumpaan itu Clifford telah menerangkan lagi kepada Sultan Terengganu dengan jelasnya berkenaan apa yang telah berlaku dalam tugas yang dialankannya sejak ia meninggalkan negeri Pahang pada bulan Mac yang lalu (1895), termasuklah maklumat yang telah didapati oleh Clifford mengenai perbuatan baginda, mengenai Tok Engku Sayid, orang besar serta sekalian rakyat Terengganu terhadap Clifford dan pegawainya bagi pihak kerajaan British, dan juga segala bukti yang telah didapati oleh Clifford menunjukkan adanya pemimpin "pemberontak" itu dalam kawasan rumah Tok Engku Sayid pada 6 hari bulan Jun yang baharu lepas dan juga maklumat yang telah didapati oleh Clifford daripada Penghulu Amat, daripada Esah isteri Mat Kilau di Jubai dan banyak lagi. Tiga jam lamanya Clifford mengambil masa menerangkan semuanya itu kepada Sultan Terengganu serta orang besar baginda yang hadir di balai penghadapan.

Setelah Clifford selesai menerangkan semuanya itu, ia pun bertanya kepada Sultan Terengganu sama ada baginda hendak atau tidak mengikhtiarkan supaya pemimpin "pemberontak" itu diserahkan kepadanya. Baginda mengatakan akan mengikhtiarkannya. Clifford menegaskan lagi, masa hendak menyiasat lagi sudah lepas, dan sekaranglah masanya untuk menyerahkan atau masih hendak menahan pemimpin "pemberontak" itu. Clifford sanggup menanti dalam tiga hari lagi jika baginda mengakui mahu menyerahkan mereka itu. Baginda pula mengatakan tidak dapat menjamin pemimpin "pemberontak" itu mesti diserahkan kepada Clifford dalam tempoh yang ditetapkan beberapa hari atau beberapa bulan. Clifford mengakhiri ucapannya dengan mengatakan ia tak dapat memilih jalan lain lagi, melainkan segera balik ke Singapura dan mengemukakan perkara itu kepada Gabenor di sana.

Pada pukul 10.00 malam itu juga (10 hari bulan Jun 1895) Hugh Clifford bertolak dari Kuala Terengganu menaiki kapal Sea Belle menuju ke Singapura. Luang Visudh ikut bersama ke Singapura. Dalam pelayaran itu Clifford telah singgah se-

bentar berjumpa Sultan Pahang (Sultan Ahmad) di Pekan dan telah menceritakan segala hal pekerjaannya. Clifford telah sampai di Singapura pada 13 hari bulan Jun 1895. Duff tinggal di Terengganu dengan angkatan Clifford yang masih ada di sana. Jesser-Coope masih tinggal di Kuala Aring dengan beberapa orang dalam pasukan itu yang sedang sakit.

Pada 17 hari bulan Jun 1895 Clifford telah menerima perintah daripada Gabenor di Singapura memanggil balik "angkatan Clifford" yang masih ada di luar sempadan (yakni di luar sempadan negeri Pahang) itu. Pada 20 hari bulan Jun, semua angkatan Clifford itu telah kembali semula ke Pahang dibawa oleh Duff dengan kapal *Sea Belle* dan pada 28 hari bulan Jun 1895 pula Jesser-Coope balik ke Pahang.<sup>1</sup>

Hasilnya angkatan Clifford gagal mencapai tujuannya hendak menangkap Tok Gajah (Rasu), Tok Bahaman, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim dan Mat Lela pahlawan Pahang yang menentang campur tangan British dalam pemerintah di negeri Pahang yang dipanggil oleh pihak British pemimpin "pemberontak" atau ada pula yang menyebut mereka "penderhaka".

Berhubung dengan Tok Gajah dan anaknya Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim serta Khadijah isteri Tok Gajah yang menghirir Sungai Terengganu dalam bulan Mei dan awal bulan Jun 1895 dikejar oleh pasukan bersenjata angkatan Clifford itu, nampaknya daripada keterangan yang telah diberi oleh Panglima Kakap Husain itu, Clifford percaya bahawa mereka telah bersembunyi dalam kawasan rumah Tok Engku Sayid di Kampung Paloh, Kuala Terengganu, sejak mereka sampai di situ pada 6 hari bulan Jun 1895 malam.

Dalam pada itu, jika benar pun seperti tuduhan Clifford yang katanya ada bukti itu, boleh jadi hanya Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim sahaja yang sampai di Paloh pada 6 hari bulan Jun itu, sedangkan Tok Gajah dan isterinya serta seorang anak angkat mereka bernama Usuh (Yusuf) tinggal di Kuala Berang dan di sekitar tempat itu, mereka

<sup>1</sup> EXPEDITION—m.s. 43-44.

menyembunyikan diri di situ tatkala angkatan Clifford melalui tempat tersebut.

Dalam buku *Mengkaji Sejarah Terengganu* (Jilid III) karangan Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang, Kuala Terengganu, ada menceritakan begini:—

"... Yang sebenarnya menurut cerita yang penulis dapati daripada beberapa orang penduduk Pasir Nering,\* Kuala Berang, yang sempat berjumpa dengan Tok Gajah dan melihat peristiwa pelariannya, menyatakan: pada hari Tuan Clifford sampai dan melalui di hadapan pangkalan Pasir Nering itu bersama pasukannya mencari Tok Gajah, maka Tok Gajah bersama isterinya yang bernama Khadijah, seorang anak angkatnya bernama Usoh (Yusuf) dan seorang kanak-kanak sedang berada di dalam sebuah perahu jalur di bawah kajang di pangkalan itu, mereka baharu sampai di situ turun dari hulu melarikan diri dikejar oleh pasukan Clifford dari Pahang. Ketika itu, penduduk kampung ramai berada di pangkalan kerana baharu balik dari huma.

"Tuan Clifford telah bertanya orang ramai yang berada di situ apakah mereka buat beramai-ramai? Seorang yang ada di situ bernama Bilal Abdullah menjawab: orang baharu sampai mudik dari kuala.

"Sebenarnya orang ramai di situ pun mengetahui Tok Gajah sedang bersembunyi dalam perahu di pangkalan itu, dan menurut satu cerita, ada seorang murid Tok Gajah yang ada bersama dengan pasukan Clifford telah terpandang yang Tok Gajah ada di situ, tetapi ianya membeku membuat tidak tahu sahaja, haruslah dengan tujuan untuk menyelamatkannya. Dan pasukan Clifford itu hilir dengan cepat ke Kuala Terengganu.

"Sementara itu anak Tok Gajah bernama Mat Kilau telah bersembunyi juga ketika itu di suatu tempat di sebelah hilir pangkalan Pasir Nering yang tidak bersama dengan ayahnya.

"Pada petang itu juga Tok Gajah telah disembunyikan oleh Penghulu Abdul Rahman bin Saleh Pasir Nering bersama dengan Pak Mat Tok Aya di rumah Pak Mat Tok Aya di kampung itu dan pada besoknya pula telah disembunyikan pula di dalam huma di darat kampung itu. Selang beberapa hari lamanya berpindah ke Gambang dan Jenerong Dalam, akhirnya ke Lata Gemuroh, iaitu suatu tempat lebih kurang empat batu daripada Pasir Nering, maka kekallah (Tok Gajah) di situ hingga akhir hayatnya, hingga sekarang tempat ini dikenal dengan nama Lata Tok Gajah."<sup>1</sup>

\*Pasir Nering, tiada berapa jauh di hulu Kuala Berang.

<sup>1</sup> KAJI—m.s. 31-33.

Gerakan yang telah dijalankan oleh angkatan bersenjata pihak British yang diketahui oleh Hugh Clifford, pemangku Residen British Pahang, mencari dan hendak menangkap pahlawan Pahang yang telah melarikan diri ke negeri Kelantan dan Terengganu dalam bulan Julai 1894, dan sekali lagi dari bulan Mac sampai bulan Jun 1895, seperti yang telah diceritakan di atas tadi, dapat diringkaskan sebagai berikut:—

(1) Pertamanya, dalam bulan Julai 1894, Hugh Clifford telah membawa angkataannya dari Hulu Pahang sampai ke hulu Sungai Tembeling, di situ angkatan itu telah berpecah dua, satu pasukan ikut Hulu Terengganu datang ke Hulu Kelantan, di Sungai Lebir dan satu pasukan lagi terus ke Hulu Kelantan. Kedua-dua pasukan itu datang mengepung pahlawan Pahang itu di lembahan Sungai Pertang, cabang Sungai Lebir di Hulu Kelantan. Tetapi angkatan pihak British itu tiada berjumpa dengan Pahlawan Pahang itu. Orang-orang Melayu di Hulu Kelantan di lembahan Sungai Lebir sentiasa menolong memberikan makanan dan menyembunyikan pahlawan itu. Engku Selia Raja dan Datuk Panglima Dalam orang besar Kelantan telah datang ke Hulu Kelantan berpura-pura hendak menolong Clifford tetapi yang sebenarnya hendak menolong pahlawan Pahang itu. Sebelum Clifford dapat meneruskan tindakannya, ia terpaksa membawa angkataannya balik ke Pahang, kerana telah dipanggil balik oleh Gabenor di Singapura, sebab Clifford tiada kebenaran membawa angkataannya masuk ke negeri Kelantan dan Terengganu. Setelah Clifford balik ke Pahang, pahlawan Pahang itu telah diberi tempat kediaman dan makanan oleh Engku Selia Raja itu di Kemuning. Pada akhir tahun 1894, pahlawan Pahang itu telah berpindah ke daerah Besut, Terengganu.

(2) Setelah kerajaan British di Singapura mengadakan rundingan dengan kerajaan Siam (Thai), Hugh Clifford telah dibenarkan membawa angkatan bersenjata pergi ke Kelantan dan Terengganu mencari dan menangkap pahlawan Pahang itu. Dalam bulan Mac 1895, Clifford telah membawa satu angkatan bersenjata yang lebih besar dari Hulu Pahang pergi ke



Hulu Kelantan, pegawai wakil kerajaan Siam ada bersama pergi dengan angkatan itu. Setelah angkatan itu gagal menemui pahlawan Pahang itu di Hulu Kelantan dan di Hulu Terengganu, angkatan Clifford telah berpecah dua: satu pasukan diketuai oleh Duff pergi ke Setiu dan Besut hingga ke hulu Besut di Terengganu, dan satu pasukan lagi, diketuai oleh Clifford, pergi ke lembahan Sungai Lebir hendak mengepung pahlawan Pahang yang dijangkakan mereka ada di Hulu Besut dan di Hulu Kelantan. Angkatan pihak British yang pergi ke Besut telah berjaya mengundurkan pahlawan Pahang itu dari Besut pergi ke lembahan Sungai Lebir, dan angkatan Clifford tidak dapat menangkap mereka kerana orang-orang besar Melayu di Besut, bahkan di seluruh Terengganu serta Sultan dan rakyat Terengganu telah menolong pahlawan Pahang itu supaya tidak dapat ditangkap oleh British, dan mereka tidak mahu menolong British menangkap pahlawan Pahang itu.

(3) Di lembahan Sungai Lebir, angkatan Clifford hampir berjaya menangkap Pahlawan Pahang itu tetapi tidak dapat kerana orang-orang Melayu Kelantan di sepanjang Sungai Lebir hampir semuanya telah menolong pahlawan Pahang itu supaya tidak dapat ditangkap oleh British. Pegawai Siam yang datang bersama angkatan Clifford itu juga tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Clifford kerana tujuan sebenar pegawai Siam itu ialah hendak meyakinkan orang Kelantan dan Terengganu akan pengaruh kerajaan Siam dalam kedua-dua negeri itu masih ada.

(4) Clifford telah bertindak keras terhadap orang-orang Melayu di Hulu Kelantan dan di Hulu Terengganu, sehingga ada kalanya ia telah memukul beberapa orang Melayu di situ kerana berkehendakkan maklumat mengenai pahlawan Pahang itu dan Clifford telah mengumpulkan orang-orang kampung serta menghimpunkan beras mereka pada beberapa tempat yang tertentu, beras itu tidak dibenarkan disimpan di rumah, dengan tujuan supaya pahlawan Pahang yang bersembunyi dalam hutan itu menderita tiada mendapat pertolongan dan

makanan daripada orang-orang kampung, bahkan orang-orang kampung sendiri telah menanggung penderitaan. Dengan demikian pahlawan Pahang itu telah meninggalkan Hulu Kelantan pergi ke Terengganu pula. Tok Bahaman dan anaknya Mat Lela dipercayai terus bersembunyi di Hulu Kelantan atau di Hulu Besut. Tok Gajah dan anak isterinya yang melarikan diri ke Terengganu telah dikejar oleh angkatan Clifford. Oleh sebab Sultan Terengganu serta orang-orang besar dan rakyat Terengganu menolong pahlawan Pahang itu, tiadalah dapat angkatan Clifford menangkap mereka.

(5) Clifford mengesyaki bahawa pahlawan Pahang itu telah menyembunyikan diri dalam kawasan rumah Tok Engku Sayid di Paloh, Kuala Terengganu, Tok Engku Sayid memang telah berjanji hendak menolong dan melindungi pahlawan Pahang itu. Walaupun kerajaan Terengganu telah mengadakan pasukan penyiasat seramai empat ratus orang mencari pahlawan Pahang itu di Kampung Paloh, namun tiada juga bertemu, Clifford tetap juga mengatakan pahlawan-pahlawan Pahang itu dilindungi oleh Tok Engku Sayid dan mengatakan pula pasukan penyiasat itu hanya merupakan satu tindakan berpura-pura sahaja. Clifford telah mendesak Sultan Terengganu supaya baginda bertindak tegas terhadap Tok Engku Sayid tetapi desakan Clifford itu tidak juga berjaya.

(6) Kerana gagal dalam tugasnya, Clifford telah meninggalkan Kuala Terengganu dan kembali ke Singapura. Pada 17 hari bulan Jun 1895 pihak berkuasa British di Singapura telah mengarahkan angkatan bersenjata yang dibawa oleh Clifford di Kelantan dan Terengganu balik semula ke Pahang.

Di sini perlu diingatkan bahawa angkatan pihak British kali kedua yang telah pergi mencari pahlawan itu mengandungi seramai 252 orang terdiri daripada mata-mata polis Melayu, Sikh dan orang Dayak serta beberapa orang besar Melayu yang memihak kepada British, dan diketuai oleh Hugh Clifford yang dibantu oleh Duff dan Jesser-Coope. Pahlawan Pahang yang dicari itu ialah Tok Gajah (Rasu), Tok Bahaman, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim dan Mat Lela.

Kegagalan Clifford menangkap Pahlawan Pahang itu, menurutnya adalah disebabkan oleh kerajaan, orang-orang besar dan rakyat Terengganu, terutama Tok Engku Sayid Kampung Paloh, orang besar penasihat Sultan Terengganu serta orang-orang besar dan ketua kampung di Besut dan di Setiu. Dalam pada itu, entah apakah maksud Clifford, dipujinya pula orang Melayu yang telah bersamanya menjalankan tugas dalam angkatan itu.<sup>1</sup>

Setelah British gagal menangkap pahlawan Pahang itu, pegawai kerajaan Siam Luang Visudh dan Luang Swat telah membawa pasukan askar Siam datang ke Kelantan hendak menangkap pahlawan Pahang itu dan akan dibawa ke negeri Siam.

Kedatangan pegawai dan askar Siam itu ialah kerana permintaan daripada kerajaan British di Singapura kepada kerajaan Siam supaya mengeluarkan pahlawan atau pemimpin "pemberontak" kata British itu, dari negeri Kelantan dan Terengganu,<sup>2</sup> dan tidaklah lagi mereka itu membahayakan usaha pihak British meneruskan penjajahan mereka di negeri Pahang.

Dalam bulan September 1895, Luang Visudh dan Luang Swat yang membawa pasukan askar Siam serta Datuk Lela Diraja (orang besar di Lebir) telah menangkap Tok Bahaman, Mat Lela, Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim di Hulu Kelantan\* dan dibawa menghilir ke Kota Baharu (Kelantan). Tetapi di pertengahan jalan Mat Kilau telah mati dan mayatnya diserahkan kepada Raja Kelantan di Kota Baharu.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 167-168; EXPEDITION—m.s. 44-47.

<sup>2</sup> Suratkhobar The Straits Times, 3 hari bulan Januari 1970: rencana oleh Allington Kennard.

\*Ada pula sumber yang menyatakan Tok Bahaman telah ditangkap oleh orang Siam di Hulu Besut, keterangan Encik Abdul Latif bin Awang, Kampung Gong Nering, Jertih, Terengganu dan Encik Zainal Abidin bin Khamis, Penghulu Mukim Bukit Kenak, Besut yang telah ditulis oleh Encik Mokhtar Hamid dalam: suratkhobar Berita Harian, 6 hari bulan Januari, 1970.

<sup>3</sup> Rencana Encik Abdullah bin Muhammad Nakula, Kelantan: dalam suratkhobar Utusan Melayu, 10 hari bulan Januari 1970.

Tetapi ada pula sumber lain mengatakan Tok Bahaman, Mat Lela, Awang Nong, Teh Ibrahim dan dua orang lagi iaitu Pak Lang Yusoh dan Haji Mat Wahid telah menyerah diri kepada pihak berkuasa Siam dalam bulan November 1895.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun nyatalah pahlawan Pahang yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa kerajaan Siam itu ialah enam orang iaitu Tok Bahaman, Mat Lela, Awang Nong, Teh Ibrahim, Pak Lang Yusoh dan Haji Mat Wahid. Pahlawan Pahang yang berenam itu telah dibawa ke negeri Siam. Di sini patutlah disebut juga iaitu adik perempuan Mat Kilau yang bernama Che' Yang Chik isteri Mat Lela telah turut sama dibawa ke negeri Siam.<sup>2</sup>

Berkenaan dengan cerita kematian Mat Kilau itu, berbagai cerita berkenaannya yang terdengar seperti yang disebutkan di bawah ini.

Pihak kerajaan Siam dan kerajaan British di Negeri Selat serta orang ramai masa itu, telah yakin bahawa Mat Kilau telah mati. Dalam Penyata Tahun 1895 bagi negeri Pahang yang ditulis oleh D.H. Wise, Residen British Pahang masa itu menyebutkan Mat Kilau diberitakan telah mati. Suratkhbar Free Press yang diterbitkan di Singapura pada 22 hari bulan Oktober 1895 memberitakan Mat Kilau juga telah mati.

Suratkhbar Free Press itu melaporkan selanjutnya: Mat Kilau telah ditemui oleh pasukan askar Siam di Hulu Kelantan iaitu di wilayah Kuala Lebir dan ia telah dibunuh kerana sewaktu Mat Kilau dibawa masuk ke dalam perahu yang akan membawanya menghilir ke Kota Baharu, ia telah melawan askar Siam yang menangkapnya itu dan askar Siam itu telah memukul kepala dan muka Mat Kilau hingga berdarah. Mayatnya telah dibawa ke Kota Baharu ditunjukkan kepada pegawai kerajaan Siam untuk mengesahkan itulah Mat Kilau. Tetapi Tok Gajah tidak dijumpai oleh askar-askar Siam itu.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 167; rancangan Datuk Haji Salehuddin bin Mat Lela: suratkhbar Berita Harian, 6 hari bulan Januari 1970.

<sup>2</sup> Rancangan Datuk Haji Salehuddin bin Mat Lela: dalam suratkhbar Berita Harian, 12 hari bulan Januari 1970.

<sup>3</sup> Rancangan Allington Kennard dalam suratkhbar The Straits Times, 3 hari bulan Januari 1970.

Satu cerita lagi menyebutkan: pada akhir tahun 1895 atau awal tahun 1896, pegawai Siam yang ada di Kelantan hendak mengadakan satu perundingan dengan pahlawan Pahang iaitu Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim, Haji Mat Wahid dan Mat Lela, dengan mengadakan Majlis jamuan besar. Dalam perundingan itu tidak diperolehi sebarang keputusan. Tiba-tiba askar Siam yang ada di situ telah bertindak liar menangkap pahlawan Pahang itu. Tetapi Mat Kilau telah melawan, dia telah dikalahkan oleh askar Siam dan terguling di lantai tidak bernyawa lagi. Orang Siam telah menyerahkan Mat Kilau yang disangkakan telah mati kepada Sultan Kelantan. Setelah itu Mat Kilau telah sedar semula daripada pengsanannya itu dan rupanya dia tidak mati. Sultan Kelantan tidak sampai hati hendak menyerahkannya kepada orang Siam. Baginda telah menyuruh Mat Kilau lari meninggalkan Kota Baharu. Untuk meyakinkan orang Siam yang Mat Kilau telah mati, baginda telah memerintahkan mengkebumikan sebuah keranda berisi batang pisang yang diperbuat seperti mayat di tempat yang bernama Bunut Payong, dekat Kota Baharu, Kelantan dan orang ramai juga percaya bahawa Mat Kilau telah mati.<sup>1</sup>

Satu cerita lagi mengatakan Mat Kilau telah mati di Kelantan kerana dipukul oleh askar Siam dengan buntut senapang. Tetapi apabila kubur Mat Kilau digali semula, didapati dalam kerandanya hanyalah batang pisang.<sup>2</sup>

Pendeknya, cerita yang mengatakan Mat Kilau telah mati di Kelantan kerana dipukul oleh askar Siam itu, sehingga masa ini masih dipersoalkan lagi benar tidaknya. Ramai orang yang

<sup>1</sup> Rencana berita ditulis oleh Encik Harun Hassan dari Pulau Tawar, Pahang, dalam suratkhbar Utusan Melayu keluaran 1 hari bulan Januari 1970, dan rencana Encik Abdullah bin Muhammad Nakula, Kelantan, dalam Utusan Melayu, 10 hari bulan Januari 1970.

<sup>2</sup> Keterangan Datuk Setia Penggawa Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh "Orang Besar Berlapan" Pahang yang ditulis oleh Encik Hamzah Sulaiman dalam Utusan Melayu, 5 hari bulan Januari 1970 dan rencana Encik Abdul Jabbar bin Abdul Rahman dalam Berita Harian 13 dan 14 hari bulan Januari 1970.

percaya, masa itu Mat Kilau tidak mati, cuma pengsan sahaja dan Sultan Kelantan telah menyuruh beliau lari supaya tidak ditangkap oleh askar Siam. Tetapi ada juga yang mengatakan masa itu beliau telah mati di Kelantan dan mayatnya telah dikebumikan di Bunut Payong, tiada berapa jauh dari Kota Baharu, Kelantan.<sup>1</sup>

Demikianlah riwayat mengenai mati atau tidaknya Mat Kilau di Kelantan pada akhir tahun 1895 atau awal tahun 1896.

---

<sup>1</sup>Rencana Encik Abdul Jabbar bin Abdul Rahman dalam suratkhbar Berita Harian keluaran 13 dan 14 hari bulan Januari 1970; keterangan Haji Mohammad bin Haji Abdullah dalam Berita Harian 18 hari bulan Januari 1970 dan 10 hari bulan Februari 1970; dan keterangan Encik Muhammad Suffian bin Datuk Salehuddin dalam Berita Harian 21 hari bulan Februari 1970.



## *Pahang dari Tahun 1895 hingga Tahun 1970*

1895. Sebelum pahlawan Pahang di Kelantan itu dibawa ke negeri Siam, dalam tahun 1895 itu juga, Sir Charles Mitchell, Gabenor Negeri Selat di Singapura, telah merancang dan menghantarkan cadangan kepada kerajaan British di London supaya negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disekutukan menjadi sebuah negeri persekutuan. Cadangan itu telah dipersetujui oleh kerajaan British dengan syarat hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Raja pemerintah keempat-empat buah negeri itu. Kerajaan British telah bersetuju supaya Sir Frank Swettenham, yang masa itu menjadi Residen British di negeri Perak, ditugaskan pergi menemui Raja pemerintah keempat-empat buah negeri itu meminta persetujuan mengenai rancangan yang hendak dijalankan itu.

Dalam bulan Julai 1895 itu juga, dengan mudah sahaja Frank Swettenham telah berjaya mendapatkan persetujuan daripada Raja pemerintah keempat-empat buah negeri itu untuk menjadikan sebuah negeri persekutuan.<sup>1</sup>

Dalam bulan Oktober 1895 itu juga, Hugh Clifford dan Frank Swettenham telah balik bercuti ke England.<sup>2</sup>

1896. Pada akhir bulan Mei 1896 Hugh Clifford telah sampai di Singapura setelah menghabiskan cutinya di

<sup>1</sup> EMERSON—m.s. 136-139.

<sup>2</sup> KAMPUNG—m.s. 45-46.



England, dan datang semula ke negeri Pahang memegang jawatannya sebagai Residen British, dan dipercayai tugas Clifford pada masa itu terutama hendak menguatkan lagi pemerintahan British di negeri Pahang setelah ia bertungkus-lumus melawan pahlawan Pahang yang telah dikeluarkan jauh dari negeri Pahang.

Sejak tahun 1896 hingga tahun 1903, Hugh Clifford telah menumpukan tugasnya sebagai Residen British di negeri Pahang, cuma setahun dalam masa tujuh tahun itu ia menjadi Gabenor bagi British Borneo dan Labuan. Ia telah minta berhenti daripada jawatan itu dan kembali bekerja di negeri Pahang.<sup>1</sup>

Setelah lebih kurang sebulan Hugh Clifford berada di Pahang, pada 1 hari bulan Julai 1896, Sultan Ahmad bagi pihak kerajaan Pahang, Sultan Perak (Sultan Idris), Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad), dan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan (Tuanku Muhammad Shah) telah menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British iaitu perjanjian yang dinamakan *Perjanjian Persekutuan*, dan sejak itu tertubuhlah Negeri Melayu Bersekutu mengandungi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Frank Swettenham diangkat menjadi Residen-Jeneral bagi keempat-empat buah negeri itu yang mempunyai kuasa pentadbir sepenuhnya di bawah perintah Gabenor Negeri Selat yang bergelar pula Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri Melayu Bersekutu.<sup>2</sup>

1897. Setahun kemudian, dalam bulan Julai 1897, Sultan Ahmad Pahang bersama Hugh Clifford dan Tengku Andak Pahang telah hadir dalam Persidangan Raja-Raja keempat-empat buah negeri itu yang pertama kalinya diadakan se-

<sup>1</sup> Sejak tahun 1904 Hugh Clifford telah bertugas di Trinidad; lepas itu ia menjadi Gabenor di Gold Coast (sekarang Ghana), Nigeria dan Ceylon. Dari tahun 1927-1929 menjadi Gabenor Negeri Selat (Straits Settlements) dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu. Clifford telah meninggal dunia pada tahun 1941. Lihat juga KAMPUNG—m.s. 46-49; ALLEN—m.s. 54.

<sup>2</sup> EMERSON—m.s. 137; 141.

jak tertubuhnya Negeri Melayu Bersekutu. Persidangan itu telah diadakan di istana Sultan Perak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, dihadiri oleh Sultan Idris Perak, Sultan Abdul Samad Selangor, Yang DiPertuan Besar Tuanku Muhammad Shah Negeri Sembilan, Sultan Ahmad Pahang, empat orang Residen British bagi tiap negeri, beberapa orang besar dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Sir Frank Swettenham Residen-Jeneral, dan persidangan itu dipengerusikan oleh Yang DiPertuannya Sir Charles Mitchell Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu (Gabenor Negeri Selat). Segala perjalanan persidangan itu telah dijalankan dengan bahasa Melayu serta dengan istiadat kebesarannya. Berhubung dengan persidangan itu Frank Swettenham telah memberi ulasannya yang pendek mengatakan, sepanjang pengetahuannya itulah pertama kali dalam sejarah Raja-Raja pemerintah keempat-empat buah negeri itu telah datang berkumpul di satu tempat, berjumpa sesama mereka dengan membawa tujuan damai.<sup>1</sup>

1901-1903. Pada tahun 1901, Frank Swettenham telah diangkat menjadi Gabenor Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu menggantikan Sir Charles Mitchell. Pada tahun 1903 Hugh Clifford telah meninggalkan Tanah Melayu dan pada tahun 1904 berkhidmat di Trinidad.

Pada tahun 1903 itu juga Sultan Ahmad Pahang serta Raja-Raja pemerintah tiga buah negeri Melayu yang lainnya itu telah menghadiri Persidangan Raja-Raja Negeri Melayu Bersekutu buat kali keduanya yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Persidangan itu telah dipengerusikan oleh Sir Frank Swettenham Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu dan dibantu oleh W.H. Treacher Residen-Jeneral Negeri Melayu Bersekutu.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>EMERSON—m.s. 141-142; ROFF—m.s. 96; Gambar dan keterangannya oleh Encik Husain Mahmud, Kuala Kangsar, dalam suratkhbar Utusan Melayu 3 hari bulan Januari 1970.

<sup>2</sup>EMERSON—m.s. 142; ROFF—m.s. 97.

1914. Setelah lebih kurang lima puluh tahun lamanya Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah menduduki takhta kerajaan negeri Pahang, pada tahun 1914 baginda mangkat di Pekan dalam usia lebih kurang tujuh puluh lapan tahun, dimakamkan di permakaman Raja Pahang di Kuala Pahang. Putera baginda Tengku Mahmud diangkat sebagai Sultan Pahang bergelar Sultan Mahmud.<sup>1</sup>

1917. Tiga tahun kemudian, pada tahun 1917, Sultan Mahmud telah mangkat di Pekan, dimakamkan di Makam Kuala Pahang juga, dan adinda almarhum yang bernama Tengku Abdullah diangkat menjadi Sultan Pahang bergelar Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Bi'llah ibni almarhum Sultan Ahmad.<sup>2</sup>

1920. Pada tahun 1920, Sultan Abdullah telah mengangkat adinda baginda yang bernama Tengku Sulaiman sebagai Tengku Besar, dan masa itu dijangkakan Tengku Sulaimanlah yang akan menggantikan kerajaan.<sup>3</sup>

1927-1928. Setelah perlembagaan Majlis Mesyuarat Persekutuan (Federal Council) dipinda dalam tahun 1927, dan Sultan Perak, Selangor, Pahang dan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan tidak lagi menghadiri Majlis Mesyuarat Persekutuan itu. Pada tahun 1938, Tengku Sulaiman telah digantikan pula oleh adindanya Tengku Muhammad menjadi seorang daripada empat orang Melayu ahli bukan rasmi dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan itu.\*

1932-1933. Pada tahun 1932, dalam zaman pemerintahan Sultan Abdullah, dengan persetujuan orang

<sup>1</sup> PAHANG—m.s. 237.

<sup>2</sup> PAHANG—gambar berhadapan m.s. 168, dan m.s. 237.

<sup>3</sup> ROFF—m.s. 199.

\*Orang-orang Melayu lain yang menjadi ahli bukan rasmi dalam Federal Council masa itu ialah Raja Sir Chulan ibni almarhum Sultan Abdullah (Perak), Tengku Musauddin (Selangor) dan Datuk Abdullah bin Haji Dahan (Negeri Sembilan).

besar Pahang dan kerajaan British juga, Tengku Abu Bakar putera Sultan Abdullah telah dilantik menjadi Tengku Mahkota Pahang, iaitu satu gelaran yang baharu diadakan di negeri Pahang, dan bakal dijadikan Sultan Pahang, pada masa itu Tengku Abu Bakar baharu berusia dua puluh lapan tahun.<sup>1</sup>

Pada 22 hari bulan Jun 1932 itu juga, Sultan Abdullah telah mangkat di Pekan dalam usia lima puluh enam tahun, jenazah almarhum itu telah dimakamkan di Makam Kuala Pahang, dan digelar *Al-Marhum Al-Mu'tasim Bi'llah*. Esoknya pada 23 hari bulan Jun 1932 tatkala hendak memakamkan jenazah almarhum itu, Tengku Mahkota Abu Bakar telah diangkat menjadi Sultan Pahang menggantikan almarhum ayahanda baginda, bergelar Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muazzam Shah. Baginda telah berkahwin dengan Raja Fatimah puteri Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak (Marhum Kaddasallah).<sup>2</sup>

Sultan Abu Bakar telah ditabalkan sebagai Sultan Pahang dalam satu istiadat dan upacara meriah yang diadakan di bandar Pekan pada 29 hari bulan Mei 1933, dan telah disambut juga dengan keramaian yang telah diadakan di seluruh negeri Pahang.<sup>3</sup>

1941. Pada 8 hari bulan Disember 1941 kerajaan Jepun telah mengisytiharkan perang melawan kerajaan British dan Amerika Syarikat. Pada hari itu juga tentera Jepun telah mendarat di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu (dekat Kota Baharu Kelantan dan Patani) dan menyerang tentera British dan sekutunya di tanah besar Semenanjung Tanah Melayu.

<sup>1</sup> Tengku Abu Bakar telah diputerakan pada 29 hari bulan Mei 1904, bersamaan dengan 14 hari bulan Rabiul Awal Tahun Hijrah 1322. Lihat juga ROFF—m.s. 199-200.

<sup>2</sup> Risalat Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu No. 38 Ogos 1958; dan rencana oleh Harry Miller dalam *The Straits Times* 29 hari bulan Mei 1957.

<sup>3</sup> STRAITS.

Dua hari kemudian, pada 10 hari bulan Disember 1941 dua buah kapal perang besar angkatan laut tentera British bernama Prince of Wales dan Repulse baharu datang ke Singapura untuk menambahkan kekuatan tentera laut British di sebelah timur, yang sedang dalam pelayarannya ke Laut Cina Selatan menuju ke utara hendak ke Teluk Siam, dan telah diserang oleh kapal terbang angkatan tentera udara Jepun di laut bersetentang dengan Kuantan (Pahang) hingga kedua buah kapal perang besar British yang dimegahkan itu tenggelam, dan sejak itu kekuatan tentera laut British di perairan sebelah timur telah lemah.

Pada akhir tahun 1941 itu juga, satu pertempuran hebat telah berlaku di Kuantan (Pahang) di antara tentera Jepun dengan tentera British kerana merebut padang kapal terbang pihak tentera British yang ada di Kuantan. Tentera Jepun telah dapat menduduki Kuantan dan tentera British telah berundur, ada yang pulang ikut jalan raya pergi ke Kuala Lumpur, dan ada pula yang pergi ke Endau dan Mersing dan bertahan pula di situ. Sejak itu Pahang telah dikuasai oleh tentera Jepun.<sup>1</sup>

1942. Setelah berperang dengan hebatnya di negeri Johor dan di Singapura, akhirnya pada 15 hari bulan Februari 1942, pihak berkuasa tentera British dan sekutunya di Singapura telah mengaku kalah dengan tiada bersyarat kepada pihak berkuasa tentera Jepun \* yang telah mengalahkan tentera British di seluruh Malaya,<sup>f</sup> dan sejak itu semua negeri

<sup>1</sup> BASTIN—m.s. 300; 304; OWEN—m.s. 51-59; 94; ZERO—m.s. 72-85; BENNETT—m.s. 43.

\*Pegawai Pemerintah Tentera British dan sekutunya di Singapura bagi seluruh Malaya masa itu bernama Lt. Jeneral A.E. Percival, dan Ketua Panglima Perang Tentera Jepun yang mengalahkan Malaya masa itu bernama Jeneral Tomoyuki Yamashita. Gabenor di Singapura masa itu ialah Sir Shenton Thomas.

+Semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang), Negeri Melayu Yang Tiada Bersekutu (Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor) dan Negeri Selat (Singapura, Melaka, Pulau Pinang dan daerahnya).

di seluruh Malaya, termasuk negeri Pahang, telah diduduki dan dikuasai oleh tentera Jepun.

Sungguhpun negeri Pahang telah diduduki dan diperintah oleh tentera Jepun, tetapi Sultan Abu Bakar tetap juga bersemayam di istana baginda di Pekan sebagai Sultan Pahang dan baginda tidak mahu merendah diri kepada pegawai tentera Jepun yang ada di negeri Pahang itu. Walaupun pihak berkuasa tentera Jepun telah mengeluarkan perintah melarang mendengar siaran radio dari London (BBC) dan Amerika Syarikat serta sekutu mereka, tetapi Sultan Pahang selalu juga cuba mendengar siaran warta berita dari London yang menyiarkan berita perang di seluruh dunia.

Masa pendudukan tentera Jepun itu, dalam tahun 1942, Sultan Pahang tidak melarang orang-orang Melayu Pahang rakyat baginda menubuhkan satu pasukan secara sulit untuk menentang pihak tentera Jepun yang ada di negeri itu. Pasukan itu disebut *Tentera Wataniah* mengandungi orang-orang Melayu Pahang hampir dua ratus lima puluh orang di bawah pimpinan seorang pemuda Melayu bernama Yeop Mohiddeen, dan dua orang lagi pemuda Melayu Pahang dalam pasukan itu bernama Encik (Tun) Abdul Razak bin Datuk Husain, berpangkat kapten mengetuai satu pasukan dan Encik Ghazali Shafie berpangkat leftenan.\*<sup>1</sup>

Berkenaan dengan Encik Yeop Mohiddeen, semasa tentera Jepun mula menyerang Malaya, beliau telah dibawa oleh tentera British ke India dan di sana beliau telah mendaftarkan

---

\*<sup>1</sup> Tun Abdul Razak bin Datuk Husain, sewaktu menulis sejarah ini, ialah Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan juga Pengarah Majlis Gerakan Rakyat Malaysia bagi menentang gerakan yang menentang Kerajaan Malaysia dengan jalan yang menyalahi undang-undang Kerajaan Malaysia. Datuk Husain bin Muhammad Taib ayah Tun Abdul Razak ialah Orang Kaya Indera Syahbandar seorang daripada Orang Besar Berempat di negeri Pahang sejak tahun 1930. Beliau adalah Naib Yang Dipertua Persatuan Melayu Pahang sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu yang pertama ditubuhkan di negeri Pahang pada tahun 1930. Pada tahun 1972, Tan Sri Ghazali Shafie menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Malaysia. Sekarang beliau menjadi Menteri Luar Negeri Malaysia.

diri dalam tentera British Pasukan 136 yang telah dirancang akan datang semula ke Malaya melawan tentera Jepun secara perang gerila. Pihak tentera British telah menghantarkan beliau ke hutan Pahang untuk menubuhkan pasukan orang Melayu menentang pihak tentera Jepun.<sup>1</sup>

1943. Dalam bulan Mac 1943, ramai orang Cina pemimpin Parti Komunis Malaya di Singapura telah dibunuh dan ditangkap oleh tentera Jepun, kerana tentera Jepun memang memusuhi Komunis.



Pasukan Tentera Wataniah Pahang 1945.

Pada masa itu kegiatan Parti Komunis Malaya di Singapura boleh dikatakan tidak berjalan lagi. Tetapi tiada lama lepas itu, dengan perlahan-lahan dan secara sulit, Parti Komunis Malaya dengan dibantu oleh beberapa orang pemuda Komunis (orang Cina) yang telah dilatih oleh pihak tentera British

<sup>1</sup>MILLER—m.s. 174.

di Singapura sejak awal tahun 1941,\* telah masuk ke hutan di negeri-negeri Melayu menubuhkan pasukan askar gerila mereka yang dinamakan "Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun", dalam bahasa Inggerisnya *Malayan Peoples Anti-Japanese Army* (MPAJA). Askar-askar pasukan itu yang ada dalam hutan negeri Pahang ialah Pasukan Yang Ke-6 tentera MPAJA yang bertujuan hendak menjalankan perang gerila melawan Jepun di negeri Pahang.+

Semasa pendudukan tentera Jepun di Malaya (1942-1945), daerah yang bersempadan dengan jalan Bentong-Karak-Manchis di negeri Pahang adalah pusat kekuatan tentera MPAJA di negeri itu.<sup>1</sup>

Dalam pertengahan tahun 1943 itu juga, beberapa orang pegawai tentera British dari Pasukan 136 yang datang dari Pulau Ceylon dengan kapal selam telah mendarat di negeri Perak (dekat Lumut). Pegawai British itu<sup>x</sup> telah berjumpa dengan seorang daripada ketua Parti Komunis Malaya (MCP) di negeri Perak bernama Chin Peng, dan mereka telah bersetuju untuk bekerjasama melawan pihak tentera Jepun di Malaya secara perang gerila.<sup>2</sup>

Tetapi dalam tahun itu juga (1943), pemimpin tertinggi Parti Komunis Malaya yang memimpin askar gerila MPAJA itu (termasuk Chin Peng) telah mengadakan mesyuarat dalam hutan dan telah membuat rancangan jangka panjang dalam perjuangan mereka di Malaya, dan satu daripada syarat dalam rancangan itu ialah mereka hendak menghalau penjajah ke-

---

\*Sekolah tempat melatih pemuda Komunis di Singapura itu diberi nama No. 101 Special Training School, seorang daripada pegawai pelatih ialah Kolonel Spencer Chapman.

+Askar MPAJA di negeri-negeri Melayu ialah Pasukan 1 di Selangor, Pasukan 2 di Negeri Sembilan, Pasukan 3 di Johor Utara, Pasukan 4 di Johor Selatan, Pasukan 5 di Perak, Pasukan 7 di Terengganu dan Kelantan, Pasukan 8 di Kedah: DOWN—Lampiran A.

<sup>1</sup>MILLER—m.s. 170.

<sup>x</sup>Di antara pegawai tentera British Pasukan 136 itu ialah John L.H. Davis, Richard N. Broome dan Spencer Chapman: MILLER—m.s. 44; dan suratkhbar The Straits Times 8 hari bulan Julai 1948.

<sup>2</sup>MILLER—m.s. 44-46.



luar dari Malaya dan menubuhkan sebuah pemerintahan *Republik Rakyat Malaya* berfaham Komunis.<sup>1</sup>

1944. Pada awal tahun 1944, pegawai tentera British Pasukan 136 telah bermesyuarat dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya Loi Tak dan Chin Peng, dalam hutan di negeri Perak, dan mereka telah menandatangani satu perjanjian yang menyatakan Parti Komunis Malaya akan membantu tentera British melawan tentera Jepun, dan pihak tentera British akan membantu askar MPAJA dengan memberi senjata baharu, peluru, bom, makanan, wang dan British juga akan melatih askar MPAJA taktik perang gerila. Sejak itu semakin bertambah ramailah pegawai tentera British Pasukan 136 di turunkan dari kapal terbang dengan payung terjun ke hutan Malaya.<sup>2</sup>

Pada masa itulah juga askar dalam pasukan Tentera Wataniah di negeri Pahang telah dilengkapi senjata secukupnya serta dilatih oleh Pasukan 136 yang telah diturunkan dengan payung terjun ke hutan negeri Pahang. Sultan Pahang adalah seorang yang dianggap sebagai panglima perang besar pasukan itu.<sup>3</sup>

1945. Pada 6 hari bulan Ogos 1945 tentera udara Amerika Syarikat telah menggugurkan bom atom di bandar Hiroshima di negeri Jepun. Dua hari lepas itu, pada 9 hari bulan Ogos 1945 digugurkan pula bom di bandar Nagasaki, dan letupan kedua-dua bom atom itu telah membunuh dan mencederakan beratus-ratus ribu rakyat Jepun. Oleh sebab itu, pada 14 hari bulan Ogos 1945, Tenno Heika, Maharaja Jepun bagi pihak Kerajaan Jepun telah mengeluarkan surat pengakuan menyerah kalah kepada pihak Amerika Syarikat dan sekutunya, dan pengakuan ini telah diisytiharkan ke seluruh dunia pada 15 hari bulan Ogos 1945. Upacara rasmi menandatangani surat pengakuan menyerah kalah Kerajaan Jepun

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 43.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 47-48.

<sup>3</sup> STRAITS.

itu telah ditandatangani oleh wakil Kerajaan Jepun di hadapan wakil Amerika Syarikat di atas kapal perang Amerika Syarikat yang bernama Missouri di Teluk Tokyo pada 2 hari bulan September 1945.<sup>1</sup>

Pada awal bulan Ogos 1945 itu, askar MPAJA di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya yang ada di hutan Malaya adalah seramai lebih kurang 7,000 orang dan mereka mempunyai senjata sebanyak lebih kurang 2,000 buah.<sup>2</sup>

Sebenarnya, kumpulan yang dinamakan Komunis Malaya masa itu terdiri daripada empat peringkat (terutama orang Cina) iaitu

- (1) orang yang sebenarnya Komunis yang menganut faham Komunis,
- (2) orang Cina puak Kuomintang\* di Malaya yang memang anti Jepun,
- (3) orang kampung dan juga orang bandar yang ingin benar hendak membalas dendam kerana mereka telah diseksa oleh askar Jepun, dan
- (4) orang jahat, penyamun atau perompak yang masuk Parti Komunis itu kerana mencari kesempatan hendak mendapatkan faedah bagi diri mereka sendiri dalam perjuangan Parti

<sup>1</sup> Bom atom yang telah digugurkan di Hiroshima pada 6 hari bulan Ogos 1945 itu telah membunuh seramai 78,150 orang dan mencederakan 37,425 orang. Bom atom yang telah digugurkan di Nagasaki telah membunuh seramai 73,884 orang. Maharaja Jepun masa itu ialah Maharaja Hirohito: ALMANAC—m.s. 143.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 49.

\*Kuomintang ialah sebuah parti politik orang Cina yang berasal dari negeri China pada tahun 1912 iaitu semasa Cina Kebangsaan berkuasa di negeri itu. Cawangan parti itu telah ditubuhkan di Singapura pada akhir tahun 1912 dan telah merebak ke seluruh Malaya. Di antara pemimpin parti itu yang terkenal kepada orang Melayu ialah Dr. Sun Yat Sen dan Chiang Kai Shek. Mulai tahun 1927 cawangan parti di Singapura telah dikuasai oleh orang Cina Komunis. Pada tahun 1949 apabila tentera Kerajaan Cina Kebangsaan di bawah pimpinan Chiang Kai Shek dikalahkan dan dihalau keluar dari tanah besar Cina oleh tentera Cina Komunis di bawah pimpinan Mao Tse Tung, Parti Kuomintang di Malaya turut hilang: SENG—m.s. 9-41.

Komunis Malaya itu. Dalam pada itu ada pula yang mengatankan dalam pertengahan tahun 1945 itu, pengikut Parti Komunis di Malaya adalah seramai lebih kurang 40,000 orang, termasuklah yang menjadi askar gerila, pencari dan penyampai maklumat rahsia, pengintip, orang yang membuat tempat perkhemahan dan tukang masak dalam hutan, orang yang mencari wang belanja dan barang yang diperlukan oleh askar gerila yang berada di hutan dan sebagainya, dan askar gerila kebanyakannya terdiri daripada pemuda Cina dan juga beberapa orang wanita Cina yang memang bersemangat dan berani. Pengikut Parti Komunis itu ada yang tinggal terpencil di hutan, dan sebilangan besarnya ialah yang tinggal di kampung dan bandar bercampur dengan orang ramai, dan jika hanya di pandang sekali lalu, tiada dapat dibezakan yang mana Komunis dan yang mana bukan Komunis.<sup>1</sup>

Pada 14 hari bulan Ogos 1945 itu juga, Sultan Abu Bakar Pahang telah dipersilakan oleh pegawai tinggi Jepun yang menjadi "Gabenor Pahang" datang ke Kuala Lipis untuk satu perjumpaan. Dalam perjumpaan yang telah diadakan di Kuala Lipis pada 15 hari bulan Ogos 1945 baginda telah mendengar ucapan "Gabenor Pahang" itu mengenai "Tindakan Tidak Bekerjasama" (non-co-operation) dan "Gabenor" itu telah menghadiahkan kepada baginda beberapa helai kain tetapi tidak sedikit pun pegawai Jepun itu membayangkan atau menceritakan mengenai kerajaan Jepun telah menyerah kalah itu.<sup>2</sup>

Pada 17 hari bulan Ogos 1945 Sultan Pahang bersama dengan Datuk Mahmud bin Mat telah berangkat dari Kuala Lipis hendak kembali ke Pekan. Di pertengahan jalan hampir dengan pekan Kuantan baginda telah berhenti kerana hendak mendengar siaran radio. Di situ, dengan tiba-tiba baginda telah "diculik" oleh sekumpulan beberapa orang askar Pasukan 136 yang lengkap bersenjata dan memakai pakaian seragam, seorang daripada ketua dalam kumpulan itu telah mem-

<sup>1</sup> DOWN—m.s. 108-110.

<sup>2</sup> STRAITS.

beritahu baginda bahawa mereka menjalankan tindakan menurut perintah dari pihak berkuasa tentera British Asia Tenggara yang berpangkalan di Pulau Ceylon, kerana bimbang kalau baginda dibunuh atau dcederakan oleh askar Jepun di tempat terpencil di negeri Pahang itu. Baginda telah dibawa oleh askar Pasukan 136 itu ke tempat perkhemahan mereka yang terletak dalam hutan sejauh tiga batu dari jalan raya. Hampir tiga minggu lamanya baginda tinggal dalam hutan bersama lapan puluh orang Cina yang mencari perlindungan di negeri Pahang. Pada 8 hari bulan September 1945 baharulah baginda sampai di Pekan dan telah disambut oleh beribu-ribu orang Melayu rakyat baginda yang mengucapkan syukur di atas keselamatan baginda.<sup>1</sup>

Pada 12 hari bulan September 1945, upacara rasmi menandatangani surat pengakuan menyerah kalah dengan tiada bersyarat telah dijalankan oleh Panglima Tertinggi Tentera Jepun di Singapura (bernama Jeneral Itagaki) di hadapan Laksamana Lord Louis Mountbatten Pemerintah Tertinggi Tentera British di Asia Tenggara di bangunan Municipal Singapura (sekarang Dewan Bandaraya). Sejak itu seluruh Malaya, termasuk negeri Pahang, diletakkan di bawah kuasa Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration*). Pegawai Pentadbir dari pihak tentera British dan askar dengan secara beransur-ansur telah dihantar ke negeri di seluruh Malaya mengambil alih pemerintahan dari tangan tentera Jepun.

Dalam tahun 1945 itu juga, seorang pegawai tentera British yang bersama Laksamana Lord Louis Mountbatten datang ke Singapura, bernama Brigadier L.H.O. Pugh, telah diperintahkan pergi mengambil alih kuasa mentadbir di negeri Pahang dari pegawai tentera Jepun. Menurut Brigadier Pugh, semasa ia sampai di negeri Pahang, didapatinya pekan Bentong, Raub, Kuala Lipis dan Jerantut boleh dikatakan dikuasai oleh askar gerila Cina (MPAJA).\* Dan semasa hendak mengadakan

<sup>1</sup> STRAITS.

\* Kebanyakan dari bandar-bandar di negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor juga begitu. Askar gerila MPAJA itu disebut oleh orang Melayu sebagai Askar Bintang Tiga, kerana pada topi mereka

perbarisan kemenangan di pekan Raub, Brigadier Pugh melihat bendera Komunis (bergambar sabit dan penukul) telah dikibarkan di pucuk tiang, dan bendera British Union Jack dikibarkan di bawahnya. Pugh telah melarang orang-orang Komunis di situ masuk campur dalam upacara perbarisan kemenangan itu jika kedudukan bendera Komunis dan bendera Union Jack itu tidak diubah iaitu bendera Union Jack mesti di atas dan bendera Komunis di bawah. Setelah kehendak Brigadier Pugh itu diturut oleh orang Komunis, baharu-lah upacara itu dijalankan.<sup>1</sup>

Lebih kurang dua bulan setengah selepas tentera Jepun menyerah kalah di Singapura, dan sedangkan negeri lain di Malaya masih dalam ancaman askar Bintang Tiga (MPAJA) yang dikuasai oleh Parti Komunis Malaya itu, pada 11 hari bulan Oktober 1945, Sir Harold MacMichael, wakil khas kerajaan British, telah sampai di Malaya dengan tujuan hendak mengambil tandatangan sembilan orang Raja pemerintah di negeri Melayu mengakui bersetuju kerajaan British menyatukan semua sembilan buah negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka (kecuali Singapura) dijadikan sebuah negeri yang dinamakan *Malayan Union* yang dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan British.

Sultan Abu Bakar Pahang telah menandatangani perjanjian yang disogokkan secara paksa oleh Harold MacMichael wakil kerajaan British itu pada 2 hari bulan November 1945 dengan hanya disaksikan oleh Tengku Muhammad ayah saudara serta Setiausaha baginda, serta Che' Engku Muhammad, juruiring baginda.

Setelah memperolehi tandatangan daripada semua Raja pemerintahan di negeri Melayu itu, pada 6 hari bulan Januari 1946, Harold MacMichael telah bertolak dari Singapura balik

---

yang berbucu lapan itu ada dilekatkan gambar tiga bintang. Dan di antara mereka itu ada pula yang berterus terang mengatakan merekalah yang mengalahkan tentera Jepun di Malaya.

<sup>1</sup>MILLER—m.s. 51.

ke London membawa surat perjanjian yang telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu itu.<sup>1</sup>

Dalam masa Harold MacMichael mengambil tandatangan Raja-Raja Melayu bagi penubuhan Malayan Union, pihak berkuasa tentera British di Malaya telah membubarkan pasukan askar gerila MPAJA (Askar Bintang Tiga) yang ada di seluruh Malaya, iaitu mulai pada 1 hari bulan Disember 1945. Semua senjata yang telah diberikan oleh British kepada askar Bintang Tiga itu telah dipulangkan semula kepada British dan askar gerila itu diberikan wang oleh British sebanyak \$350/- tiap seorang. Dalam pada itu dengan tipu muslihat pemimpin Parti Komunis Malaya, mereka telah dapat juga menyembunyikan banyak senjata, tidak diserahkan kepada British, dan senjata yang mereka sembunyikan itu mencukupi untuk melengkapkan pasukan askar gerila mereka secara rahsia untuk meneruskan perjuangan mereka di Malaya.<sup>2</sup>

1946. Tiada lama selepas itu, pemimpin Parti Komunis Malaya telah masuk ke dalam hutan, terutama di hutan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor, melengkapkan askar gerila mereka. Dalam bulan Januari 1946, jawatankuasa tertinggi Parti Komunis Malaya telah mengubah sikap mereka dan mengambil ketetapan menentang British dengan tujuan hendak menggulingkan kerajaan di Malaya, jika perlu dengan kekerasan, dan akan menubuhkan pemerintahan *Republik Rakyat* di Malaya mengikut fahaman Komunis. Pendeknya, sejak itu yakni sejak Jepun kalah, Parti Komunis Malaya telah berpaling tadah melawan "rakan seperjuangan" mereka menentang Jepun dahulu dan hendak mencapai cita-cita asal mereka menjadikan Malaya masuk ke dalam perintah orang Komunis.<sup>3</sup>

Pada 22 hari bulan Januari 1946 itu juga, pihak berkuasa Pentadbiran British di Malaya (BMA) telah mengumumkan

<sup>1</sup> REPORT.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 59-60.

<sup>3</sup> MILLER—m.s. 59-60.

dasar perlembagaan pemerintahan Semenanjung Tanah Melayu yang akan datang iaitu yang akan dijadikan *Malayan Union* mengandungi sembilan buah negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka, Singapura akan diasingkan dan ditetapkan menjadi jajahan British yang berasingan.

Walaupun rancangan kerajaan British hendak menubuhkan *Malayan Union* telah dibantah keras oleh Raja-Raja Melayu serta rakyat Melayu seluruhnya yang telah bersatu padu dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR atau UMNO—*United Malays National Organisation*) di bawah pimpinan Datuk Onn bin Ja'afar, serta telah ditegur juga oleh beberapa orang ahli Parlimen British yang mengatakan rancangan yang hendak dibuat oleh kerajaan British itu agak tergo-poh-gopoh dan dengan tidak mempertimbangkan muslihat orang Melayu di negeri mereka sendiri, tetapi kerajaan British yang merasakan itulah ketika yang sebaiknya untuk merampas hak pertuanan Raja dan rakyat Melayu di negeri mereka sendiri, telah meneruskan juga rancangan dan menubuhkan *Malayan Union* iaitu pada 1 hari bulan April 1946 dengan diketuai oleh seorang Gabernornya yang bernama Sir Edward Gent yang tinggal di Kuala Lumpur. Tetapi dengan permintaan Datuk Onn bin Ja'afar bagi pihak orang Melayu dalam pertubuhan UMNO yang memandang penubuhan *Malayan Union* itu telah merampas hak kedaulatan Raja-Raja Melayu di negeri mereka sendiri, upacara perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor *Malayan Union* yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1 hari bulan April 1946 itu telah dipulaukan oleh Raja-Raja, orang besar dan rakyat Melayu seluruhnya.

Sejak tertubuhnya pemerintahan *Malayan Union* itu, orang-orang Melayu dalam pertubuhan UMNO dengan pimpinan Datuk Onn bin Ja'afar dan pemimpin UMNO yang lain telah membantah penubuhan *Malayan Union* dengan mengadakan beberapa perarakan tunjuk perasaan secara besar-besaran yang hangat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu hingga tahun 1948.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> EDRUS—m.s. 1-35; Majalah UMNO 20 tahun.

1947. Pada tahun 1947, setelah Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (Loi Tak) yang dikatakan telah belot kepada parti Komunis itu telah menghilangkan diri keluar dari Malaya, Chin Peng telah diangkat menggantikannya sebagai Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya. Tiada berapa lama selepas itu Chin Peng telah memerintahkan orang-orangnya melakukan keganasan membunuh orang yang dipandang sebagai musuh mereka, membakar balai polis dan stesen keretapi, menyerang kereta-kereta askar kerajaan, menggelincirkan keretapi dan berbagai perbuatan mengganas, pendeknya berjuang dengan menggunakan senjata hendak menggulingkan kerajaan. Pada masa itu pengikut Chin Peng dalam Parti Komunis Malaya telah menjadi gerombolan penganas yang juga telah melakukan rompakan dan pembunuhan kejam di sana sini dan telah membimbangkan penduduk negeri. Pada masa itu gerombolan penganas Komunis itu bergerak cergas di negeri Perak, Kedah, Pahang dan Johor.<sup>1</sup>

1948. Oleh sebab bangkangan kuat dan tiada berkeputusan dari sebahagian besar orang Melayu yang menjadi ahli UMNO di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, akhirnya, pada 21 hari bulan Januari 1948, Raja-Raja Melayu dari sembilan buah negeri Melayu itu telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan kerajaan British yang dinamakan Perjanjian Persekutuan iaitu perjanjian yang membatalkan Malayan Union dan menggantikannya dengan kerajaan yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya*) yang akan dirasmikan penubuhannya pada 1 hari bulan Februari 1948. Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang, telah menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan Pahang dengan disaksikan oleh Datuk Mahmud bin Mat, Menteri Besar Pahang, dan Che' Engku Muhammad. Sejak itu kembalilah semula kedaulatan Raja-Raja Melayu di negeri mereka sendiri, dan pegawai tinggi kerajaan British di Persekutuan Tanah Melayu itu telah memakai semula gelaran Pesuruhjaya Tinggi dan Sir Edward Gent dilantik ke jawatan itu.

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 70-74.



Tetapi sejak bulan Februari 1948 itu juga gerakan pengganas Komunis di Persekutuan Tanah Melayu semakin bertambah mengganas, iaitu berikutan dengan satu persidangan yang telah diadakan di Culcutta di antara pemimpin Komunis di Asia dan dipercayai keputusan yang telah diambil dalam persidangan itu mengikut kehendak dari Jawatankuasa Pusat Komunis (Comintern). Parti Komunis Malaya telah meneruskan gerakan dengan berpura-pura membuat alasan mengatakan ia menjalankan perjuangan bersenjata itu kerana hendak membela penduduk Tanah Melayu daripada penjajahan.

Pada masa itu di merata tempat di Persekutuan Tanah Melayu telah berlaku pembunuhan yang dilakukan oleh pengganas Komunis itu terutama ke atas orang Eropah yang menjadi pengurus di ladang getah, ahli pasukan tentera dan polis. Orang-orang awam di Persekutuan Tanah Melayu masa itu setiap masa dalam kecemasan.

Pada 16 hari bulan Jun 1948, tiga orang pegawai bangsa Eropah di ladang getah di Sungai Siput di negeri Perak, dan beberapa orang Cina di negeri Johor telah diserang dan dibunuh oleh pengganas Komunis yang bersenjatakan pistol dengan bermaharajalela. Pada hari itu juga Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, telah mengisytiharkan "Undang-undang Darurat" di sekitar daerah polis Ipoh dan Sungai Siput di negeri Perak, dan di bahagian tengah dan barat negeri Johor.<sup>1</sup>

Pada 28 hari bulan Jun 1948 pula, empat puluh dua orang pengganas Komunis telah keluar dari hutan datang ke Kuala Krau di negeri Pahang dan mereka telah memutuskan dawai telefon, menyerang dan membakar balai polis di situ dan membunuh seorang isteri mata-mata di situ.

Esoknya, pengganas itu juga telah datang menyerang pekan Jerantut, 20 batu ke utara Kuala Krau, membakar balai polis di situ dan telah melepaskan tembakan ke arah orang-orang

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 82-84; BASTIN—m.s. 358; Risalat Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu No: 28, Januari 1958; suratkhbar The Straits Times, 25 hari bulan Januari 1948.

awam di pekan itu. Kemudian mereka masuk semula ke dalam hutan dan telah membawa beberapa orang Cina dan Melayu dari pekan. Tetapi kemudian orang-orang itu telah dibenarkan balik ke tempat masing-masing.<sup>1</sup>

Pada 29 hari bulan Jun itu juga (1948) Sir Edward Gent telah bertolak dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur hendak balik ke London untuk menghadiri satu persidangan. Tetapi empat hari kemudian kapal terbang yang ditumpangnya itu telah menemui kemalangan berlanggar dengan sebuah kapal terbang lain di angkasa bandar London dan Sir Edward meninggal dunia.<sup>2</sup>

Oleh sebab keganasan pengganas Komunis itu telah semakin bertambah merebak ke merata tempat di Persekutuan Tanah Melayu, pada 12 hari bulan Julai 1948, Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan undang-undang darurat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu<sup>3</sup> dan sejak itu kerajaan telah melipatgandakan gerakan menentang pengganas itu.<sup>4</sup>

Semasa undang-undang darurat mula diisytiharkan di Persekutuan Tanah Melayu, pasukan askar gerila Komunis itu diubah namanya menjadi Tentera Rakyat Malaya Anti-British (*Malayan People's Anti-British Army*—MPABA). Pada masa itu ahli Parti Komunis Malaya berjumlah hampir 14,000 orang, sembilan puluh peratus daripada anggotanya terdiri dari orang Cina terutama pemuda-pemudanya dan di antara jumlah itu, seramai lima ribu orang yang boleh menggunakan senjata, bakinya adalah mereka yang masuk dalam pasukan pembantu yang dinamakan *Min Yuen* (Pembantu), mereka bertugas memberikan makanan, barang dan wang perbelanjaan kepada askar gerila Komunis itu.<sup>5</sup>

Dalam bulan September 1948, Sir Henry Gurney telah di-

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 90.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 91.

<sup>3</sup> Darurat telah berlanjutan hingga tahun 1960 selama dua belas tahun.

<sup>4</sup> BASTIN—m.s. 358; 367.

<sup>5</sup> ULU—m.s. 145.

lantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu menggantikan mendiang Sir Edward Gent.

1949. Lima bulan selepas diisytiharkan undang-undang darurat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu itu, pada 25 hari bulan Januari 1949, pusat Parti Komunis Malaya yang dipimpin oleh Chin Peng telah mengeluarkan pengumuman kepada ahli parti tentang rancangan parti hendak menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebuah *Republik Rakyat Demokratik* cara Komunis. Enam hari kemudian, parti itu telah mengumumkan pula pasukan askar gerilanya yang dahulu bernama Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun (MPAJA) yang telah diubah namanya kepada Tentera Rakyat Malaya Anti-British (MPABA) itu, diubah pula kepada Tentera Pembebasan Bangsa Malaya (*Malayan Races Liberation Army* = MRLA) dan perubahan ini nyata bertujuan hendak menarik semua keturunan penduduk Semenanjung Tanah Melayu supaya menyebelahi atau bersimpati kepada perjuangan Parti Komunis.

Pada masa itulah Parti Komunis Malaya telah menubuhkan satu pasukan askar gerilanya di negeri Pahang terdiri daripada orang-orang Melayu yang akan bekerjasama dengan Tentera Pembebasan Bangsa Malaya (MRLA) dan pasukan itu dipanggil *Askar Melayu Ke-10* yang pada mulanya dipimpin oleh orang berfahaman kiri yang didatangkan dari Indonesia.<sup>2</sup>

Askar Parti Komunis Malaya yang dinamakan Tentera Pembebasan Bangsa Malaya dan orang Melayu dalam pasukan "Askar Melayu Ke-10" di negeri Pahang itu, pada pandangan sebahagian besar orang Melayu rakyat Pahang dan kerajaan Pahang adalah merupakan pegganas atau orang jahat yang telah melakukan beberapa keganasan dan kejahatan terhadap orang awam di negeri Pahang. Oleh sebab itu Sultan Pahang yang telah memikirkan pasukan keselamatan dari kerajaan pusat itu sahaja tidak akan mencukupi untuk melawan peng-

<sup>1</sup>MILLER—m.s. 91.

<sup>2</sup>MILLER—m.s. 114.

ganas itu, maka baginda telah menitahkan Encik Yeop Mohiddeen menubuhkan pasukan pengawal kampung (kampung guards) yang terdiri daripada orang Melayu, dilengkapi dengan senapang patah (shot guns) untuk menentang pengganas komunis (Cina dan Melayu) yang melakukan keganasan dan kejahatan di negeri itu. Pada masa itu Sultan Pahang kerap berangkat melawat ke kampung-kampung di seluruh negeri Pahang memberi nasihat dan perangsang kepada rakyat baginda supaya melawan pencerobohan pengganas Komunis di tanah air mereka sendiri.<sup>1</sup>

Pada 6 hari bulan September tahun itu juga (1949), kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan syarat menawarkan kepada pengganas Komunis yang ada di hutan supaya menyerah diri, dan banyak risalah mengenai penyerahan diri itu telah digugurkan dari kapal terbang di hutan-hutan yang disyaki menjadi tempat kediaman pengganas itu. Tetapi tawaran itu bukanlah sekali-kali kerana kerajaan hendak melonggarkan undang-undang darurat yang sedang berjalan di negeri itu.

Dalam pada itu pihak parti Komunis telah mempropagandakan pula bahawa tawaran menyerah diri itu ialah kerana "kelemahan pasukan keselamatan pihak kerajaan dan kejayaan pengganas" itu, dan pemimpin tertinggi Parti Komunis Malaya telah mengeluarkan perintah melarang anggotanya membaca risalah penyerahan diri yang dikeluarkan oleh kerajaan itu, sesiapa daripada ahli Parti yang didapati membacanya akan dihukum bunuh.<sup>2</sup>

Lima hari selepas kerajaan menawarkan penyerahan diri itu, pada 11 hari bulan September 1949, tiga ratus orang pengganas Komunis telah menyerang dan membakar stesen keretapi dan rumah pegawai stesen keretapi di Kuala Krau, Pahang. Pengganas itu juga telah menggelincirkan keretapi perisai yang datang hendak menyiasat peristiwa kebakaran stesen keretapi di Kuala Krau itu. Pengganas itu juga telah

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 118; STRAITS.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 119-120.

membunuh empat orang mata-mata, dua orang perempuan Melayu serta dua orang British jurutera keretapi.<sup>1</sup>

Pada akhir tahun 1949, orang-orang Melayu Pahang dalam pasukan pengawal kampung di negeri itu dengan dibantu juga oleh pasukan keselamatan, telah berjaya menghancurkan pasukan yang dinamakan Askar Melayu Ke-10 yang bersekutu dengan penganas komunis di negeri itu dan ramai di antara anggota Askar Melayu Ke-10 itu telah lari melindungi diri masuk ke dalam pasukan penganas komunis yang ada di dalam hutan negeri itu.<sup>2</sup>

1950. Sungguhpun pada akhir tahun 1949 ada seramai 116 orang penganas Komunis di Persekutuan Tanah Melayu yang telah menyerah diri hasil daripada risalah penyerahan diri yang telah dikeluarkan oleh kerajaan itu, tetapi pada awal tahun 1950 penganas komunis itu telah bertambah hebat lagi melakukan berbagai keganasan dan kejahatan yang telah menyusahkan orang awam, seperti menyerang dan menembak penumpang dalam bas, membinasakan lombong, keretapi, rumah, mengkelar pokok getah, dan sebagainya.<sup>3</sup>

Dalam bulan Mac 1950, Lt. Jeneral Harold Briggs telah dilantik menjadi Pengarah Gerakan di Persekutuan Tanah Melayu, dan beliau telah menggandakan lagi tindakan dari pihak kerajaan melawan penganas Komunis itu. Beliau sendiri telah melawat ke negeri Pahang melihat dan mengarahkan tindakan dari pihak kerajaan negeri itu bagi melemahkan gerakan penganas-penganas Komunis yang telah bertambah di negeri itu.<sup>4</sup>

Dalam tahun 1950 itulah Tentera Pembebasan Bangsa Melayu di negeri Pahang telah menubuhkan semula pasukan Askar Melayu Ke-10 di negeri itu. Pada masa itulah juga Chin Peng telah membawa anggota Komunis lebih kurang seramai

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 134.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 118-119.

<sup>3</sup> MILLER—m.s. 120; 136.

<sup>4</sup> MILLER—m.s. 138; 145-152.

dua ribu orang dari negeri Perak telah memerintahkan orang-orangnya memujuk orang-orang Melayu di daerah Temerloh yang luas itu untuk menyebelahi pihak Komunis, membenci British dan Kerajaan Tanah Melayu supaya bangkit membe-rontak. Pejuang-pejuang Melayu yang dahulunya menentang British di Malaya sekarang telah dibawa masuk oleh Chin Peng ke negeri Pahang menjadi pemimpin Askar Melayu Ke-10 cawangan Tentera Pembebasan Bangsa Malaya di negeri itu, iaitu seperti Abdullah C.D., Musa Ahmad, Manap Jepun dan Shamsiah Pakch.\* Orang-orang Melayu lain yang disifatkan sebagai pemimpin pengganas di negeri Pahang itu ialah Wan Ali, Wahi Anuar dan Budin bin Choh.<sup>1</sup>

Pejuang Melayu yang menyebelahi Parti Komunis Malaya itu bertujuan hendak menghalau British dari Semenanjung Tanah Melayu dengan jalan berbaik-baik dengan Parti Komunis Malaya yang mempunyai askar dan senjata yang banyak itu, seperti kata mereka, "Jika hendak memburu harimau mestilah ada anjing pemburu yang garang!"

Semasa di dalam pendudukan tentera Jepun di Malaya dahulu (1942-1945), Pasukan 136 (British) bersekutu dengan Parti Komunis Malaya melawan tentera Jepun dan anggota Tentera Wataniah yang terdiri dari orang-orang Melayu Pahang serta dipimpin oleh orang Melayu dari Pasukan 136 itu juga hendak menentang tentera Jepun. Tetapi apabila tentera Jepun telah menyerah kalah, perhubungan itu telah bertukar dan agak sulit keadaannya. Parti Komunis Malaya telah berpaling tadah menentang British yang mereka pandang sebagai penjajah itu. Parti Komunis Malaya hendak menggulingkan kerajaan dan menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebagai

---

\*Abdullah C.D. berasal dari daerah Parit, Perak, Manap Jepun dilahirkan di Temerloh, ibunya Jepun, bersekolah Inggeris di Kuala Lipis, memasuki pasukan Volunteer F.M.S. masa pendudukan tentera Jepun di Malaya, ia menentang Jepun, pernah menjadi setiausaha Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya cawangan Temerloh. Shamsiah Pakch bekas Ketua 1 Awas (Angkatan Wanita Sedar) di Singapura.

<sup>1</sup>MILLER—m.s. 119; 172-176; STRAITS'

sebuah *Republik Rakyat* berbentuk Komunis, dan tentu sahajalah tindakan Parti Komunis Malaya dalam mencapai maksudnya itu ditentang oleh pihak tentera British. Oleh sebab itu, orang-orang Melayu, yang walaupun pada masa penduduk Jepun dahulu ada yang dipandang oleh sebahagian orang Melayu sebagai pejuang kebangsaan, sekarang telah dipandang oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Tentera Wataniah di Pahang serta pihak tentera British yang membantu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan sebilangan besar orang Melayu, sebagai penjahat atau pengganas yang menyebelahi Parti Komunis. Begitulah keadaan yang sedang berjalan di Persekutuan Tanah Melayu pada masa darurat itu.

Pasukan Askar Melayu Ke-10 yang ada di negeri Pahang itu, pada mulanya mereka banyak menjalankan tindakan di tempat yang ramai diduduki oleh orang Melayu, iaitu di Pahang Utara, di sebelah utara Jalan Karak, Mentakab dan Temerloh, di kampung di tepi anak sungai hingga ke sempadan Pahang dengan Terengganu. Wan Ali dan pasukannya kerap melakukan keganasan di wilayah Jerantut dan orang-orang awam di situ begitu takut kepadanya.<sup>1</sup>

Pada masa itu mukim Sanggang dalam daerah Temerloh dan mukim Bukit Segumpal di selatan pekan Temerloh telah dikuasai oleh pengganas Komunis. Penghulu mukim Sanggang telah dihalau oleh pengganas Komunis dan telah berpindah ke pekan Temerloh. Ketua pengganas Melayu di situ bernama Budin bin Choh.<sup>2</sup>

Budin bin Choh itu akhirnya telah dibunuh oleh dua orang Melayu Pahang yang telah menjalankan muslihat pura-pura bersahabat baik dan berdamping dengan Budin bin Choh selama lebih kurang dua bulan baharulah mereka dapat membunuh Budin bin Choh dan pembunuhnya itu telah menerima hadiah daripada kerajaan sebanyak \$2,000/-.<sup>3</sup>

Pada satu hari, ada sepuluh orang Melayu Pulau Tawar

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 172.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 176.

<sup>3</sup> MILLER—m.s. 176.

(dekat Jerantut) telah dibawa mengadap Sultan Pahang. Mereka telah bersumpah di hadapan baginda akan membunuh Wan Ali yang sedang mengganas di wilayah Jerantut itu. Sultan Pahang sukacita mendengarkan pengakuan mereka itu. Akhirnya, dengan menjalankan tipu daya yang sulit, mereka telah dapat membunuh Wan Ali di Pulau Tawar dan mayatnya telah diarak ke Jerantut, dan orang yang membunuh Wan Ali itu telah menerima hadiah daripada kerajaan sebanyak \$10,000/-. Sultan Pahang telah mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka. Sejak itu baharulah penduduk di Jerantut merasa lega daripada ancaman Wan Ali yang sangat ditakuti itu.<sup>1</sup>

Pengganas yang dipimpin oleh Wahi Anuar telah diburu dan diserang oleh pasukan keselamatan kerajaan. Wahi Anuar telah dapat melarikan diri masuk ke dalam hutan, dan ia telah merayau dalam hutan selama sebelas hari dengan memakan taruk kayu sahaja, dan akhirnya telah menyerah diri di balai polis di wilayah Jerantut.<sup>2</sup>

Setelah Wan Ali mati dan Wahi Anuar menyerah diri, pihak Parti Komunis Malaya telah menubuhkan satu pasukan campuran pengganas Cina dan Melayu di negeri Pahang diketuai oleh Manap Jepun.

Pasukan Manap Jepun telah bertindak di daerah Kuantan, di pantai timur Pahang hingga ke sempadan Pahang dengan Terengganu. Penduduk di sempadan itu memang cukup kenal dengan nama Manap Jepun sebagai ketua pengganas yang gagah berani dan dikatakan juga kebal. Dua tahun lamanya Manap Jepun bermaharajalela melakukan keganasan di negeri Pahang. Pasukan Polis dan Askar Melayu pihak kerajaan tidak dapat menangkapnya. Tetapi akhirnya, dalam bulan Mei 1952 Manap Jepun telah dapat dibunuh oleh sepasukan askar Gurkha dalam hutan kira-kira dua puluh batu dari pekan Kuantan, mayatnya telah dibawa ke rumah sakit pekan Kuantan.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> MILLER—m.s. 176.

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 176-177.

<sup>3</sup> MILLER—m.s. 177.



1951. Dalam mesyuarat agung pertubuhan UMNO yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 hari bulan Ogos 1951, Tuanku Abdul Rahman Putra ibni almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah Kedah, telah dipilih dan dilantik menjadi Yang Dipertua UMNO menggantikan Datuk Onn bin Ja'afar yang telah menarik diri daripada UMNO.<sup>1</sup>

Dua minggu selepas itu, pada hari Sabtu 7 hari bulan Oktober 1951, Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, telah mati ditembak dalam satu serang hendap oleh pasukan penganas komunis pada satu selekoh jalan raya (Jalan Gap) dalam hutan dekat Bukit Fraser ketika dalam perjalanannya hendak ke Bukit Fraser. Mayatnya telah dikebumikan di perkuburan Cheras di selatan Kuala Lumpur pada hari Isnin, 8 hari bulan Oktober 1951.

Sebulan kemudian, pada 7 hari bulan November 1951, pekan Teras di Pahang Barat mempunyai penduduk seramai dua ribu orang tiada berapa jauh dari tempat Sir Henry Gurney dibunuh, telah diselongkar oleh pasukan tentera dan polis kerajaan, dan daripada bukti yang telah didapati oleh kerajaan, menunjukkan bahawa saudara mara dan orang-orang yang menyebelahi penganas Komunis yang menembak Sir Henry Gurney itu ada di pekan Teras. Pekan ini telah dikenakan perintah berkurung yang keras dan semua penduduk pekan itu telah dihukum denda oleh kerajaan.<sup>2</sup>

1952. Pada awal tahun 1952 Jeneral Sir Gerald Templer telah sampai di Kuala Lumpur menjadi Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan juga menjadi Pengarah Gerakan melawan penganas Komunis di Persekutuan Tanah Melayu. Sejak itu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menjalankan berbagai cara yang lebih keras dan tegas terhadap penganas Komunis dan orang-orang yang disyaki menyebelahi atau bersimpati kepada penganas komunis itu, sehingga

<sup>1</sup> UMNO'

<sup>2</sup> MILLER—m.s. 190, 196; suratkhbar The Straits Times, 9 hari bulan Oktober 1951.

pada masa Templer, gerakan komunis itu telah bertambah, tetapi masih belum dapat dihapuskan, darurat masih berjalan terus.

1955. Dalam bulan Julai 1955 di Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan pilihanraya memilih calon dari parti politik yang akan memegang teraju pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu. Dalam pilihanraya itu calon dari Parti Perikatan (gabungan parti UMNO-MCA-MIC)\* telah mendapat kemenangan besar mengatasi parti politik yang lain. Tunku Abdul Rahman Putra telah dipilih dan diangkat menjadi Ketua Menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sejak itu, walaupun masih dalam keadaan darurat, Tunku Abdul Rahman Putra serta rakan-rakan beliau dari parti UMNO-MCA-MIC telah berusaha bersungguh-sungguh mendesak kerajaan British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 28 dan 29 hari bulan Disember 1955, Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan Encik David Marshall Ketua Menteri Singapura masa itu, dan Datuk Sir Cheng Lock Tan Yang Dipertua Persekutuan Cina Malaya (MCA) telah berjumpa dalam satu majlis pertemuan yang telah diaturkan dengan Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya yang diiringi oleh pegawai komunis di bawahnya iaitu Chen Tien dan Abdul Rashid Madin,\* di Baling, Kedah. Dalam pertemuan itu mereka telah berunding dengan berterus terang tentang penyerahan diri dari pihak Parti Komunis Malaya kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi akhirnya rundingan mereka itu telah gagal. Chin Peng dan rakannya telah balik semula ke dalam hutan meneruskan perjuangan mereka menentang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan Tunku Abdul

---

\*MCA = Malayan Chinese Association (Persekutuan Cina Malaya); MIC = Malayan Indian Congress.

\*Abdul Rashid bin Madin (atau Rashid Mydin) berasal dari Gopeng, Perak.



Sultan Abu Bakar

Rahman dan rakan-rakannya meneruskan perjuangan hendak mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

1957. Pada 31 hari bulan Ogos 1957, Sultan Abu Bakar Pahang serta semua Raja-Raja pemerintah negeri Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan orang-orang besar dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah berhimpun di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, dan pada hari itulah dalam satu upacara yang gilang-gemilang Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang bermula pada 31 hari bulan Ogos 1957 dan sejak itu Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Duke of Gloucester yang mewakili Ratu Inggeris (Queen Elizabeth II) ada hadir sama di Stadium Merdeka tatkala Tunku Abdul Rahman mengumumkan perisytiharan kemerdekaan itu. Pada 2 hari bulan September 1957, Persidangan Raja-Raja Melayu bagi Persekutuan Tanah Melayu telah memilih dan mengangkat Tunku Abdul Rahman ibni almarhum Tuanku Muhammad Shah, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu.

1960. Subuh hari Jumaat 1 hari bulan April 1960, Tunku Abdul Rahman Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu telah mangkat di Kuala Lumpur. Jenazah almarhum telah dimakamkan di Makam Diraja Negeri Sembilan di Seri Menanti. Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Selangor, telah diangkat menjadi Yang di-Pertuan Agong yang kedua bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 31 hari bulan Julai 1960, Sultan Hisamuddin Alam Shah, Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, telah mengumumkan perisytiharkan rasmi tamatnya darurat di Persekutuan Tanah Melayu yang telah berjalan selama dua belas tahun (1948-1960).

1963-1970. Pada 16 hari bulan September 1963, semasa Sultan Abu Bakar memerintah di negeri Pahang, juga semasa Sayid Putra Raja Perlis menjadi Yang di-

Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, di bawah pimpinan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra, Persekutuan Tanah Melayu telah dicantumkan dengan Sarawak, Sabah dan Singapura menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat yang lebih besar dinamakan Malaysia. Tetapi pada 9 hari bulan Ogos 1965, Singapura telah berpisah dari Malaysia menjadi sebuah negara asing yang merdeka dan berdaulat.

Pada akhir bulan Disember 1969, seorang tua yang telah beberapa lama memakai nama Muhammad Din bin Ibrahim dan berbagai nama lagi, dan digelar juga Mat Siam, tinggal di Kampung Batu Lima, Jalan Gambang-Kuantan, Pahang, telah dibawa oleh cucunya datang ke Kampung Pulau Tawar, Jerantut, Pahang, dan katanya di situlah kampung asalnya.

Pada hari Jumaat, 26 hari bulan Disember 1969, beliau telah dibawa oleh keluarganya ke masjid di Kampung Pulau Tawar itu kerana hendak sembahyang Jumaat. Sejurus sebelum sembahyang Jumaat, di hadapan orang-orang kampung itu yang hendak menunaikan fardu Jumaat, orang tua yang selama itu disebut "Mat Siam" itu telah memberitahu kepada orang ramai dalam masjid itu mengatakan bahawa dialah yang sebenarnya Mat Kilau anak Tok Gajah (Rasu) yang telah berperang menentang campur tangan British dalam pemerintahan di negeri Pahang dari tahun 1891-1895 dahulu dan sekarang beliau telah berumur 122 tahun sambil menunjukkan tanda atau parut di badannya sebagai bukti.

Berita pengumuman "Mat Siam" yang mengakui dirinya Mat Kilau itu telah ditulis oleh Haji Alang Ahmad pemberita suratkhbar Utusan Melayu di Temerloh, dan esoknya pada hari Sabtu, 27 hari bulan Disember 1969, berita itu pun tersiar dalam suratkhbar Utusan Melayu yang terbit di Kuala Lumpur dan telah tersebar luas ke seluruh Malaysia dan Singapura.

Sejak itu suratkhbar berbahasa Melayu di Malaysia telah melaporkan mengenai berita yang luar biasa itu dan telah menarik perhatian orang ramai di seluruh Malaysia dan Singapura terutama orang-orang Melayu. Orang awam, ahli-ahli dan peminat sejarah Tanah Melayu, khususnya sejarah Pahang,

serta orang-orang besar Melayu juga, terutama penulis dan pemberita suratkhbar, telah datang menziarahi beliau di Pulau Tawar dan di rumah beliau di Batu Lima Jalan Gambang-Kuantan. Pendapat dan ulasan yang menyetujui atau yang mempercayai pengakuan Mat Siam itu, telah tersiar dalam suratkhbar hampir setiap minggu selama lebih kurang dua bulan. Dalam pada itu ada juga sebilangan kecil orang yang belum dapat mempercayai pengakuan itu, kerana mereka lebih percaya mengatakan Mat Kilau sebenarnya telah meninggal dunia pada tahun 1895-1896 dahulu.

Oleh sebab pengakuan luar biasa itu telah menarik perhatian ramai di seluruh Malaysia dan Singapura terutama kepada orang Melayu yang merasa megah akan perjuangan pahlawan mereka pada masa yang silam, pada 8 hari bulan Januari 1970, kerajaan Pahang telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan menyiasat pengakuan "Mat Siam" yang mengatakan ianya Mat Kilau anak Tok Gajah pahlawan Melayu Pahang yang terbilang itu. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Datuk Haji Abdul Aziz bin Ahmad, seorang daripada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang, dan ahli jawatankuasa itu terdiri daripada Encik Zakaria bin Hitam (Setiausaha), Encik Ibrahim bin Arshad, Kapten Muhammad Ali bin Muhammad, Encik Abdul Razak bin Hitam, dan Encik Ash'ari bin Haji Ya'akub.

Ahli Jawatankuasa itu telah menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka untuk menyiasat hal itu. Akhirnya pada 8 hari bulan Julai 1970, Jawatankuasa itu telah menyerahkan laporan mengenai penyiasatan itu kepada kerajaan Pahang. Setelah kerajaan Pahang mengkaji laporan Jawatankuasa itu, dan setelah dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang, dengan persetujuan Sultan Pahang (Sultan Abu Bakar Riayatuddin Shah), pada 6 hari bulan Ogos 1970, Tan Sri Haji Yahya bin Muhammad Seh, Menteri Besar Pahang, bagi pihak kerajaan Pahang, telah mengisytiharkan bahawa orang tua yang tinggal di Kampung Batu Lima, Jalan Gambang-Kuantan, Pahang, yang selama ini memakai nama Muhammad bin Ibrahim atau Muhammad Din bin Ibrahim atau Mat Siam itu sebenarnya beliaulah Mat Kilau anak Tok Gajah,

pahlawan Pahang yang terbilang pada akhir kurun masihi yang ke-19 dahulu.

Selain daripada mengandungi keterangan yang mengisahkan bahawa "Mat Siam" itulah Mat Kilau, laporan jawatankuasa itu menerangkan juga beberapa riwayat berhubung dengan perjuangan Mat Kilau dengan rakan seperjuangannya menentang British dahulu, dan laporan itu telah menambahkan lagi keterangan Sejarah Pahang yang telah disebutkan dalam buku ini.

Sepuluh hari selepas diisytiharkan bahawa Mat Siam itu sebenarnya Mat Kilau, pada pagi hari Ahad, 16 hari bulan Ogos 1970, Mat Kilau telah meninggal dunia di rumahnya di Kampung Batu Lima, Jalan Gambang-Kuantan, dalam usia lebih kurang 122 tahun.<sup>1</sup> Pada petang hari itu juga jenazah Allahyarham itu telah dikebumikan di perkuburan Kampung Kedondong, dekat kubur ibunya (Teh Mahada), tiada berapa jauh dari kampung asalnya Pulau Tawar, Pahang, dengan upacara penuh kehormatan negeri. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia<sup>2</sup> di Kuala Lumpur telah menghantarkan ucapan takziah kepada isteri dan kaum keluarga Allahyarham itu. Dalam satu kenyataannya, Tun Abdul Razak telah mengatakan, nama Mat Kilau akan tetap kekal dalam sejarah negara sebagai pahlawan yang menentang penjajahan. Semangat Mat Kilau bukan sahaja menjadi satu tauladan tetapi juga satu unsur ilham rakyat menghadapi masalah masa depan bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Pada 29 hari bulan Mei, di negeri Pahang, khususnya di Pekan, telah diadakan keramaian besar kerana memperingati

<sup>1</sup> Walau bagaimanapun jumlah umur ini berbeza dengan yang disahkan oleh Jawatankuasa Penyelidikan yang menetapkan antara 105 atau 106 tahun.

<sup>2</sup> Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia sejak 22 hari bulan September 1970. Beliau meninggal dunia pada 14 hari bulan Januari 1976 dalam usia 54 tahun. Kemudiannya diganti oleh Datuk Hussein bin Dato' Onn.



**MAT KILAU**



ulang tahun bagi keputeraan Sultan Abu Bakar Pahang<sup>1</sup> yang telah berusia enam puluh tahun dan telah berkerajaan selama tiga puluh lapan tahun.

Negeri Pahang sebagai sebuah daripada negeri di Persekutuan Tanah Melayu dalam Malaysia yang merdeka dan berdaulat itu akan terus menjalani sejarahnya untuk peringkat zaman yang akan datang dengan harapan semoga mencapai kemakmuran dan kemajuan bersama.

---

<sup>1</sup> Sultan Abu Bakar telah mangkat pada 5 hari bulan Mei 1974. Putera baginda yang bernama Tengku Ahmad Shah yang juga menjadi Putera Mahkota Pahang, telah dilantik sebagai Sultan Pahang dengan gelaran Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhun Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Perlantikan ini dibuat pada 7 hari bulan Mei 1974. Baginda telah dipilih dalam Persidangan Raja-Raja pada tahun 1974 menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Berikutan dengan kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 29 hari bulan Mac 1979, Sultan Ahmad Shah yang menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-7. Takhta Kerajaan Pahang diserahkan kepada putera baginda yang bernama Tengku Abdullah Tengku Mahkota Pahang, yang menjadi Pemangku Raja Pahang selama tempoh Sultan Ahmad menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

## INDEKS

### A

- Abdul Ghafur, Sultan (Pahang) : 63, 73, 79.
- Abdul Jalil Muazzam Shah, Sultan (Raja Abdul Jalil, Raja di Baroh) : 103, 116.
- Abdul Jalil Rahmat Shah, Sultan (Raja Kechil) : 90.
- Abdul Jalil Riayat Shah III, Sultan (Raja Bujang) 74, 81, 85.
- Abdul Jalil Riayat Shah IV, Sultan (Tun Abdul Jalil) : 87, 94, 98.
- Abdul Jamal Shah, Sultan (Pahang) : 61, 62, 70.
- Abdul Jamil Shah, Sultan (Pahang) : 47, 48, 50, 52, 70.
- Abdul Kadir, Sultan (Pahang) : 59 - 63, 70.
- Abdullah C.D. : 433.
- Abdullah, Encik (Kampung Bera) : 197, 198, 292, 308, 312.
- Abdullah Ma'ayat Shah, Sultan (Raja Abdullah; Raja Seberang; Raja Bongsu) : 64-66, 71-74, 81, 85.
- Abdullah Munshi : 128-134.
- Abdullah, Sultan (Pahang) : 414-415.
- Abdul Majid, Ungku (Johor) : 239, 251.
- Abdul Rahim (Panglima Dalam Terengganu) : 345.
- Abdul Rahman bin Andak, Datuk (Johor) : 329.
- Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad Shah, Tuanku : 439.
- Abdul Rahman Putra, Tunku : 436-437, 439.
- Abdul Rahman, Sultan (Riau-Lingga) : 116-117, 120, 122, 126.
- Abdul Rahman, Temenggung : 115, 118-119, 122.
- Abdul Rashid Madin : 439.
- Abdul Razak bin Datuk Husain, Tun : 417, 442.
- Abdul Samad, Sultan (Selangor) : 184, 187, 191, 202, 412.
- Abu Bakar, Sultan (Tengku Mahkota; Sultan Pahang) : 415, 417, 422, 427, 435, 438-439, 441-444.
- Abu Bakar Wan (Temenggung; Maharaja; Sultan Johor) : 144, 150, 154, 158-162, 165-170, 178, 177-184, 207, 209-217, 220-221, 235-241, 249-250, 253-257, 273-274, 337-340.
- Achek : 60, 69, 71-84.
- Adriaen Koek : 118, 121.
- Ah Chin : 201.
- Ah Chu : 265-267.
- Ahmad, Sultan (Melaka) : 2.
- Ahmad, Sultan (Raja Ahmad, Pahang) : 63-64, 70, 73, 75.
- Ahmad Shah, Sultan (Marhum Shaikh) : 42-47, 48, 51, 52.
- Ahmad Shah, Sultan (Marhum Tengah) : 103.
- Ahmad Al-Muazzam Shah, Sultan (Wan Ahmad; Bendahara; Sultan Pahang) : 2, 128, 134, 138-351, 412, 414.
- Alang Ahmad (dari Perak) : 252.
- Alauddin Riayat Shah I, Sultan (Melaka) : 42-45, 70.
- Alauddin Riayat Shah III, Sultan (Johor) : 55-57, 59, 70, 85.

Alauddin Riayat Shah III, Sultan (Raja Mansur, Johor) : 67, 71-72, 85.  
 Albuquerque, Alfonso d' : 50.  
 Ali ibni Sultan Husain Shah, Sultan : 2, 155, 178, 180.  
 Ampang (di Kuala Lumpur) : 197.  
 Andak, Engku : 293.  
 "Askar Bintang Tiga" (Lihat: Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun = Malayan People's Anti-Japanese Army = MPAJA).  
 "Askar Melayu Ke-10" (di Pahang) : 430-434.  
 Awang Nong (anak Tok Gajah) : 270, 329-330, 342, 356, 357, 363, 366, 390-391, 395, 401, 405.  
 Awang Pen : 374.  
 Awi Chakri (Lihat: Okya Chakra).  
 Awi Dichu (Lihat: Okya Tejo).  
 Ayuthia (Siam-Thai) : 32, 48, 55.

## B

Baginda Umar (Lihat: Sultan Umar, Terengganu).  
 Bahaman, Datuk (Panglima Kakap; Orang Kaya Pahlawan; Orang Kaya Semantan) : 144, 155, 158, 163, 166, 174, 186, 197, 201, 204, 274, 279, 282, 287, 292, 297-307, 309, 311-312, 321-322, 325-329, 331-335, 338-360, 363, 366, 370, 375, 380, 390-391, 401, 405.  
 Baling (di Kedah) : 439.  
 Banchi Negeri Pahang Tahun 1891 : 302.  
 Bangkahulu (Bengkulin) : 118, 122.  
 Batang Berjantai (di Selangor) : 199, 202.  
 Batang Tiga (di Melaka) 106  
 Batak Rabbit, Kampung (di Perak) : 202.  
 Batu Balai (di Pahang) 326.  
 Batu Berapit (di Pahang) : 326.  
 Batu Buruk (di Terengganu) : 10.  
 Batu Hampar, Kampung (di Semantan, Pahang) 307, 321, 322.  
 "Batu Lintang" : 8.  
 Batu Pahat : 33.  
 Batu Pasir Garam (di Pahang) : 6, 10.  
 Batu Sawar (di Johor) : 71, 78, 81.  
 Batu Tabor : 194.  
 Belfield, F. : 281, 293, 314.  
 Bendahara Ganchoong : 141.  
 Bendahara Muda Wan Koris (Lihat: Wan Koris).  
 Bendahara Pekok (Lihat: Tun Abdul Jamal).  
 Bendahara Seri Maharaja Tun Muta-hir (Melaka) : 49.  
 Bendahara Tun Abbas (Lihat: Tun Abbas).  
 Bendahara Tun Abdul Majid (1770-1802) : 104-113, 117.  
 Bendahara Tun Ali (1806-1857) : 115, 119-122, 126, 136-137, 157.  
 Bendahara Tun Hasan : 100-104.  
 Bendahara Tun Husain (di Terengganu) : 97-100.  
 Bendahara Tun Koris (1803-1806) : 114.  
 Bendahara Tun Muhammad (Marhum Mangkat di Laut) : 114.  
 Bendahara Tun (Wan) Mutahir (1857-1863) : 141-176.  
 Bengkalis : 78  
 Bentan, Pulau : 52, 54.  
 Bentayan : 2.  
 Bernaldo Drago : 53.  
 "Besi Mawas" : 10.  
 Besut (di Terengganu) : 162, 335, 343, 345, 356, 359-362, 364-366, 371-372, 374-379, 380-383, 386-391, 404-406.  
 Betawi (Jakarta sekarang) : 79, 106.  
 Birch, J.W.W. : 213.  
 Blundell, E.A. : 141, 144, 149.  
 Bom Atom : 420.  
 Bomoh Ali (di Terengganu) : 374-375.  
 Bonham, Samuel George : 137.  
 Boroma Trailokanat : 33.  
 Boromoraja II : 32.  
 Braam, Jacob Pieter van : 106.  
 Broek, Abraham van den : 65, 66.  
 Brunci : 68.  
 Budin bin Choh : 434.

Budu (di Hulu Pahang) : 161, 219, 222-223, 226-227, 313, 316, 320, 323, 335.  
 Bukit Betong (di Jelai, Pahang) : 218, 294, 319, 340.  
 Bukit Chandan (di Perak) : 413.  
 Bukit Chintamanis (di Pahang) : 6.  
 Bukit Fraser : 436.  
 Bukit Gombak (di Selangor) : 197.  
 Bukit Jong : 6, 9.  
 Bukit Kuda (di Selangor) : 10.  
 Bukit Nenas (di Kuala Lumpur) : 193.  
 Bukit Piatu (di Johor) : 88.  
 Bukit Raja Muda (di Pahang) : 64.  
 Bukit Sungai Tukul (di Johor) : 88.  
 Bulang, Pulau : 76, 111, 115, 116.  
 Bunut Payong (di Kelantan) : 409.  
 Bustanu's-Salatin (Hikayat) : 50, 61, 62.

## C

Callenfels, Dr. P.V. van Stein : 6.  
 Cameron, William : 220, 231, 244.  
 Castanheda : 54.  
 Cavenagh, Sir Orfeur : 155, 157, 166-168, 177-179.  
 Chaiya (Jaiya) : 22.  
 Chandrabhanu : 22-23.  
 Changgut : 330.  
 Chao Ju-kua : 16, 22.  
 Chapman, Kolonel Spenser : 419.  
 Chawangan (di Besut, Terengganu) : 357, 379, 388.  
 Che' Engku Besar (isteri Wan Koris) : 144, 155.  
 Che' Engku Chik : 155.  
 Che' Puan Bulang : 144, 116.  
 Che' Yang Chik (isteri Mat Lela) : 407.  
 Chegar Batang (di Besut, Terengganu) : 335, 357, 380-381, 388.  
 Chekua : 340.  
 Chen Tien : 439.  
 Cheng Ho : 19.  
 Cheng Lock Tan, Sir : 439.  
 Chenor (di Pahang) : 113, 125, 145-148, 160, 163, 167, 170, 187, 281, 313, 331.  
 Chin Peng : 419, 427, 430, 432, 439.

Chiengmai (di Thailand) : 36.  
 Chini : 20-21, 27.  
 Chu-fan-chi : 16, 22.  
 Chulan, Raja Sir : 414.  
 Clarke, Sir Andrew : 207-210.  
 Clementi Smith, Sir Cecil : 213, 225, 227-231, 236, 259, 267, 269, 271-280, 336.  
 Clifford, Hugh : 239, 243-267, 270-271, 277, 281, 285, 293, 297-298, 300-302, 305-306, 312-313, 317-320, 323-326, 330, 333-334, 341-342, 353-355, 358-373, 377, 380-406, 411-413.  
 Collings, H.D. : 6.  
 Couperus, Abraham : 108.

## D

Daing Chelak (Yamtuan Muda Riau II) : 91, 96-100, 104.  
 Daing Kemasi : 91.  
 Daing Kemboja (Yamtuan Muda Riau III) : 100-104, 107.  
 Daing Masuru : 96.  
 Daing Menambun : 91.  
 Daing Menampok (Raja Tua) : 96.  
 Daing Mengetok : 96.  
 Daing Merewah (Yamtuan Muda Riau I) : 91, 96-97.  
 Darurat : 428-429, 434, 437-439.  
 Datuk Abdullah bin Haji Dahan (Negeri Sembilan) : 414.  
 Datuk Husain bin Muhammad Taib (Pahang) : 417.  
 Datuk Kaya Haji Mat (Kampung Buloh, Terengganu) : 373-377.  
 Datuk Kaya Hasan (Temerloh) : 222.  
 Datuk Lela Diraja (Kelantan) : 361, 363, 387, 389, 406.  
 Datuk Lela Setia (Kampung Kerbau, Pahang) : 290.  
 Datuk Mahmud bin Mat : 422, 427.  
 Datuk Malik (di Hulu Terengganu) : 365-368.  
 Datuk Panglima Dalam (Kelantan) : 355, 359, 380, 403.  
 Datuk Raja Balang Long (di Jelebu) : 222.  
 David Marshall (Singapura) : 439.

Davidson, F.G. : 251.  
 Davidson, J.G. : 205.  
 Dekker, Louis de : 222  
 Desborough, C.E.M. : 293, 302-304,  
 309.  
 Dickson, W.L.H. : 6.  
 Dong-son : 11-12.  
 Duarte Coelho : 53.  
 Duff, R.W. : 315, 324-326, 328-329,  
 333, 349, 351, 363-367, 368,  
 372-387, 389-392, 394, 399-401,  
 404, 405.  
 Duit "Tampang" (di Pahang) : 131,  
 134.  
 Duke of Gloucester : 439.  
 Dungun (di Terengganu) : 99, 167.  
 Dunn, Frederick L. : 6.

## E

Elizabeth II, Queen : 439.  
 Enche' Engku Muda (di Besut, Te-  
 rengganu) : 379, 386.  
 Enche' Tuit (Orang Kaya Indera Pah-  
 lawan, Chenor) : 145.  
 Endau : 98, 113, 138, 141, 155-157,  
 159, 162, 207-209, 220, 416.  
 Engku Muda Mansur (Lihat: Wan  
 Mansur).  
 Engku Muda Muhammad : 111, 114,  
 116.  
 Engku Saiyid (Lihat: Saiyid Umar).  
 Engku Selia Raja (di Kelantan) : 355-  
 356, 359, 380, 403.  
 Eredia, Godinho de : 2, 18, 21, 24.  
 Esah (isteri Mat Kilau) : 355, 356,  
 391, 400.

## F

Farquhar, William : 118.  
 Fei Hsin : 19.  
 Fleming, T.C. : 288, 305, 326.  
 Floris, Pieter : 68.  
 Fort Filipina (Kota Belanda di Kuala  
 Linggi) : 103.  
 Francisco Vasconcellos : 54.

## G

Gali (di Raub, Pahang) : 186.  
 Ganchong (di Pahang) : 128, 139,  
 145, 148.  
 Gendut, Encik (Imam Perang Raja;  
 Imam Perang Indera Mahkota;  
 Haji Abdul Halim) : 186, 197,  
 198, 257, 262, 281, 311.  
 Gent, Sir Edward : 426-429.  
 Genting Semangkok : 185.  
 Genting Simpah : 194.  
 George Scaife : 229, 244.  
 Gerahi : 22.  
 Ghazali Shafie : 417.  
 Goh Hui (Chan You Wee) : 265-267,  
 275.  
 Goh Swee Sui : 222.  
 Gray : 123-125.  
 Gua Kechil : 6.  
 Gunong Senyum : 6.  
 Gunong Hulu Kenering : 364.  
 Gurney, Sir Henry : 429, 436.

## H

Hagen, van : 195.  
 Haji Abdul Rahman (Hakim) : 267.  
 Haji Abdul Rahman Kechau : 156.  
 Haji Abdul Rauf (anak Tok Gajah) :  
 339-341.  
 Haji Abu Bakar (dari Perak) : 169,  
 174.  
 Haji Andak (Hakim) : 267.  
 Haji Arshad (Singapura) : 229, 224.  
 Haji Hasan (Chenor) : 146.  
 Haji Mat Nuh (menantu Tok Gajah):  
 366.  
 Haji Mat Tahir (Ter) : 182.  
 Haji Mat Wahid : 333, 407-408.  
 Haji Menteri (di Kelantan) : 385.  
 Haji Muhammad Nur : 184, 186,  
 191-192, 194, 200-205, 220, 227,  
 229, 256, 257, 317-319, 322,  
 325.  
 "Hamba Raja" (di Pahang) : 132.  
 Hang Nadim, Laksamana : 46, 54,  
 55.  
 Hang Tuah, Laksamana : 44-45.

Harold Briggs, Lt. Jeneral : 432.  
 Harris : 314-315, 329.  
 Hikayat Pahang : 128, 149, 153,  
 165, 183, 267, 301, 316, 317-  
 319, 349.  
 Hiroshima (di Jepun) : 420.  
 Hisamuddin Alam Shah, Sultan (Se-  
 langor) : 439  
 Ho Ah Yun : 222.  
 Hsing-ch'a Sheng-lan : 19.  
 Hubback, T.R. : 6.  
 Hujung-medini (Johor) : 17.  
 Hukum Benam : 136.  
 Hukum Bunoh : 135.  
 Hukum Palong : 136.  
 Hukum Salang : 133.  
 Hukum Sula : 133.  
 Hulu Bernam : 202.  
 Hulu Cheka : 324, 326.  
 Hulu Kelang : 194, 196-198, 205.  
 Hulu Kelantan : 333, 339, 343-345,  
 350, 353, 355, 362, 371, 383,  
 403, 404, 406.  
 Hulu Muar : 2, 32, 170.  
 Hulu Nenggiri : 333.  
 Hulu Selangor : 107-108, 185, 191,  
 196, 197, 199, 203, 204.  
 Hulu Slim : 243.  
 Hulu Yam : 201.  
 Husain (Orang Kaya Indera Pah-  
 lawan, Chenor) : 187, 194, 196,  
 198, 200-203, 270, 281, 289,  
 291, 292, 300, 324.

## I

Ibrahim (Daing Ronggek), Temeng-  
 gung Tun : 123, 137, 141, 142,  
 150, 155, 162.  
 Imam Haji Abdullah (Kelantan) : 342.  
 Imam Perang Gendut (Lihat Gen-  
 dut).  
 Imam Perang Indera Gajah Pahang  
 (Lihat: Tok Gajah).  
 Imam Perang Indera Mahkota (Lihat:  
 Gendut).  
 Imam Perang Rasu (Lihat: Tok  
 Gajah).  
 Imam Perang Sanggang : 321.  
 Imam Perang Usoh (Yusoh, Yusuf):

Indo Cina : 11-12.  
 Irving, C.J. : 211.  
 Iskandar Muda, Sultan (Acheh) : 69,  
 71-76.  
 Itagaki, Jeneral : 423.  
 Ivans, L.H.N. : 6.

## J

Jambi : 79-81.  
 Jelai (di Pahang) : 125, 130, 146,  
 151, 159, 167, 215, 218, 245,  
 298, 311, 313, 319, 331, 341.  
 Jempul (di Pahang) : 314-315, 325,  
 338.  
 Jenagor, Kampung (di Terengganu) :  
 367-368, 395.  
 Jenang Login (di Endau) : 208, 209.  
 Jepun Menyerang dan Menduduki  
 Tanah Melayu : 415-420, 422-  
 424.  
 Jeram Ampai (di Hulu Pahang) : 348,  
 349-351, 380.  
 Jeram Kangkong (di Hulu Pahang) :  
 332.  
 Jeram Kelemang (di Hulu Tereng-  
 ganu) : 377.  
 Jeram Kijang (di Hulu Kelantan) :  
 391.  
 Jeram Kuai (Koi) (di Hulu Pahang) :  
 27, 34.  
 Jeram Panjang (di Hulu Kelantan) :  
 391.  
 Jerantut : 197, 325, 326-435.  
 Jervois, Sir William : 210-211, 212.  
 Jesser-Coope, A.B. : 363, 377, 378,  
 388, 394, 401, 405.  
 John Dickson : 277.  
 Johor : 56-59, 61, 67, 71-97, 115,  
 118, 122, 141, 154, 161, 165,  
 166, 168, 173-174, 176, 178,  
 184, 207, 215, 219, 220, 249,  
 257, 416.  
 Johor Lama : 81, 88-89.  
 Jubai, Kampung (di Hulu Kelantan) :  
 391, 392, 400.

## K

Kampar (di Sumatera) : 54, 78.  
 Kampung Bera : 123.

- Kampung Berangan (di Besut, Terengganu) : 389.
- Kampung Besut (di Terengganu) : 374-376.
- Kampung Bolok (di Semantan, Pahang) : 312.
- Kampung Bukit Sarak (di Terengganu) : 388.
- Kampung Buloh (di Terengganu) : 373-375.
- Kampung Chempaka (di Semantan, Pahang) : 312.
- Kampung Cina (di Pahang) : 3, 67, 130, 132, 133, 145.
- Kampung Chini (di Pahang) : 21.
- Kampung Datuk Bendahara (di Pahang) : 132.
- Kampung Kelubi (di Semantan, Pahang) : 305-306.
- Kampung Lanchar (di Hulu Kelantan) : 355, 384, 392, 394.
- Kampung Marhum (di Kuala Pahang) : 95, 139, 144.
- Kampung Matang (di Hulu Terengganu) : 371.
- Kampung Melaka (di Hulu Terengganu) : 365, 366.
- Kampung Melor (di Hulu Terengganu) : 365-366, 379.
- Kampung Nibong (di Terengganu) : 371.
- Kampung Pagi (di Hulu Pahang) : 6, 9, 330.
- Kampung Paloh Nyiur (di Terengganu) : 371.
- Kampung Pertang (di Hulu Pahang) : 153.
- Kampung Raja (di Besut, Terengganu) : 379.
- Kampung Seladang (di Terengganu) : 376.
- Kampung Setiu (di Terengganu) : 378.
- Kampung Si Gading (di Besut, Terengganu) : 381-382, 388.
- Kampung Sungai Lang (di Selangor) : 10.
- Kampung Tapah (di Hulu Terengganu) : 316, 365, 372-373, 378.
- Kampung Tasek (di Besut Terengganu) : 372-387, 388.
- Kampung Tenggiling (di Hulu Kelantan) : 330, 334.
- Kampung Tuan Shaikh Ahmad (di Hulu Kelantan) : 391.
- Kampung Wan Ahmad (di Terengganu) : 376.
- Kanching (di Selangor) : 197, 200-201.
- Kapitan Cina : 135, 237, 244, 266.
- Kebudayaan Besi-kuno : 11, 12.
- Kebudayaan Dong-son : 11, 12.
- Kebudayaan Gangsa : 11, 12.
- Kebudayaan Gangsa-Besi : 11, 12.
- Kedah : 25.
- Kedondong, Kampung (di Pahang) : 328, 348, 442.
- Kelana Jaya Putera (Daing Merawah) : 96, 97.
- Kelang : 10, 11, 17, 32, 184, 192, 198, 243, 270.
- Kelantan : 1, 17, 158-161, 166, 211, 232, 322, 330-334, 338-342, 344, 355-356, 358-360, 389-390, 391-394, 403-409.
- Kemaman (di Terengganu) : 126-127, 136, 143-145, 152, 167.
- Kemboja : 11.
- Kempe, Inspektor : 279.
- Kemuning (di Kelantan) : 355-356, 390-403.
- Kenaboi (di Jelebu) : 229.
- Kepong (di Selangor) : 194-196.
- Kerimun, Pulau : 121.
- "Keris Melela" : 265.
- "Keris Penyalang" : 136.
- Kesang : 180.
- Kesuma Dewi, Raja : 51, 55.
- Khadijah (isteri Tok Gajah) : 356, 390, 395, 401.
- Khatib Bahrain : 161, 171, 172, 199.
- Khatib Rasu (Lihat: Tok Gajah).
- Khatib Umar : 324.
- Khoja Hasan, Laksamana (Melaka) : 47, 49.
- Khoja Zainal : 59.
- Kimberley, Lord : 217.
- Koming (Imam Perang Raja) : 144.
- Kot Month'ienban : 22.
- Kota Baharu (Kelantan) : 359, 362.
- Kota Biram : 262.
- Kota Gelangi : 6, 187, 218.

- Kota Pahang : 262.  
 Kota Seberang (di Johor) : 71.  
 Kota Tinggi (di Johor) : 78, 83-84, 87, 88.  
 Kota Tongkat : 6.  
 Kuala Alor (di Hulu Kelantan) : 354  
 Kuala Ampul (di Hulu Kelantan) : 335, 338, 342, 344, 345, 350, 354, 383, 393.  
 Kuala Aring (di Hulu Kelantan) : 335, 385, 391, 392, 394.  
 Kuala Atok (di Hulu Pahang) : 329.  
 Kuala Bera : 174.  
 Kuala Berang (di Terengganu) : 368, 371, 372, 377, 395, 402.  
 Kuala Besut (di Terengganu) : 379, 388.  
 Kuala Cheka : 326-327.  
 Kuala Chini : 314.  
 Kuala Endau : 156.  
 Kuala Kangsar (di Perak) : 413.  
 Kuala Kelang : 243.  
 Kuala Kemia (di Besut, Terengganu) : 357.  
 Kuala Krau (di Pahang) : 428, 431.  
 Kuala Kubu (di Selangor) : 201-205, 343, 358.  
 Kuala Langat (di Selangor) : 10.  
 Kuala Lebir (di Kelantan) : 407.  
 Kuala Lipis : 246, 281, 284, 287, 288, 293, 294, 305, 307, 311, 317-322, 326, 331, 348, 360, 361, 422, 423.  
 Kuala Lumpur : 193-197, 243, 325, 413, 416, 426, 429, 436, 439, 440.  
 Kuala Miak (di Hulu Kelantan) : 385-386, 387.  
 Kuala Pahang : 65, 98, 99, 104, 129, 139, 144, 156, 175, 180, 249, 268, 281, 287, 293, 315, 414.  
 Kuala Pering (di Hulu Terengganu) : 365.  
 Kuala Pertang (di Hulu Kelantan) : 382-383.  
 Kuala Poh : 222.  
 Kuala Reh : 364.  
 Kuala Rek (di Hulu Kelantan) : 355, 361, 387-391.  
 Kuala Rompin : 112.  
 Kuala Sat (di Hulu Pahang) : 364.  
 Kuala Sedili (di Johor) : 150, 175.  
 Kuala Selangor : 103, 105, 107-108, 187, 199, 201.  
 Kuala Selinsing : 256.  
 Kuala Setiu : 377, 388.  
 Kuala Telemong (di Terengganu) : 371, 387, 395.  
 Kuala Tembeling (di Hulu Pahang) : 63, 164, 165, 167, 300, 305, 327, 331, 332, 336, 342, 347-350, 357, 363, 375, 380.  
 Kuala Terengganu : 10, 137, 143, 151, 166-168, 237, 344-345, 359, 364, 368-373, 395-400, 405.  
 Kuala Terengganu Hulu : 365.  
 Kuantan : 6, 134, 138, 141, 157, 159, 178, 263, 269, 281, 315, 322, 422, 435.  
 Kubu Masjid (di Selangor) : 200.  
 Kuomintang : 421.

## L

- Langkasuka : 17.  
 Lata Gemuruh (di Terengganu) : 402.  
 Laut Kanderang : 15.  
 Lepar : 134.  
 Ligor : 22-23, 25-26, 32, 36, 48-49.  
 Lim Ah Sam : 222.  
 Lingga (Daik) : 73-74, 80, 110, 113-117, 120-122, 137, 138, 142, 150, 180, 217.  
 Linggi : 101-102.  
 Lockhart, D.B. : 288.  
 Loewenstein, John : 6.  
 Loi Tak : 420, 427.  
 Long Pandak (Kelantan) : 99.  
 Lord Minto : 115.  
 Low, Hugh : 239.  
 Luang Pati Pak Pacha Kom : 356.  
 Luang Swat (Luang Sevasti Borirom) : 361-362, 367, 370, 378, 406.  
 Luang Visudh Parihar : 361-362, 367-370, 378, 406.  
 Lubuk Gadong (di Besut, Terengganu) : 357.  
 Lubuk Pelang (di Pahang) : 47, 52, 170.



Lubuk Terua (di Semantan, Pahang):

281, 297-298, 301-303, 312-313,  
321, 326.

Lumut (di Perak) : 419.

Lyons, Kapten : 351.

## M

MacCallum : 211, 307, 329.

MacMichael, Sir Harold : 424-425.

MacNaught, W.E. : 6.

MacPherson, Kolonel : 181.

Madamalinggam : 22.

Maharaja Dewa Sura (Pahang) : 20-  
21, 25, 34, 41.

Maharaja Dewa Sura (Ligor) : 25.

Maharaja Perba, Datuk (Tok Raja, di  
Jelai) : 145, 147, 151-153, 155,  
159, 162, 165-167, 173, 177,  
184, 203, 213, 214, 218, 223,  
227, 245, 254-256, 268, 270,  
274, 281, 282, 283, 285, 290-  
292, 294, 298, 300, 311-313,  
316-320, 324, 331-332, 336-337,  
339, 341-344, 349.

Maharaja Tajau : 18, 20.

Mahavamsa : 22.

Mahmud, Tun atau Tengku (Regent;  
Tengku Besar; Sultan Pahang  
1914-1917) : 187, 216, 247, 267,  
272, 275, 281, 284, 287, 290,  
302, 305-307, 312-315, 325, 338,  
414.

Majapahit : 1, 17, 25, 26, 36.

Majlis Mesyuarat Negeri (Pahang) :  
281, 289, 290-293, 299-302.

Makam Chondong : 69, 77.

Makam Langgar (di Pahang) : 41.

Makam Nibong : 60.

Makam Tauhid (di Johor) : 78, 83,  
87-88.

Makam Tembuni : 60.

Makam Tujuh Beradik : 69, 77.

Makam Ziarat Raja Radin : 50.

"Malayan Union" : 424-427.

Malaysia : 440.

Manap Jcpun : 433, 435.

Marhum Batangan (Sultan Sulaiman  
Badrul Alam Shah) : 103.

Marhum Berdarah Puteh (Sultan

Alauddin, Melaka) : 45.

Marhum Besar (Sultan Abdul Jalil  
II, Raja Bujang) : 82.

Marhum Bongsu (Sultan Ibrahim  
Shah) : 82.

Marhum Bukit Chengkeh (Sultan  
Abdul Rahman, Riau-Lingga) :  
126, 142.

Marhum Bukit Nangka (Sultan Zainal  
Abidin I, Terengganu) : 99.

Marhum di Bukit (Sultan Zainal  
Abidin, Pahang) : 60.

Marhum di Hilir (Sultan Mahmud  
Shah, Pahang) : 56.

Marhum di Tanjung (Sultan Hasan,  
Brunci) : 67.

Marhum di Tengah (Sultan Muzaffar  
Shah, Pahang) : 59.

Marhum Janggut (Daing Kemboja) :  
104.

Marhum Kaddasallah (Sultan Iskandar  
Shah, Perak) : 415.

Marhum Kampar (Sultan Mahmud  
Shah, Melaka) : 54.

Marhum Keratun (Sultan Muham-  
mad, Riau-Lingga) : 137.

Marhum Kota Tinggi (Sultan Mah-  
mud Shah II) : 83, 87.

Marhum Mahkota Alam (Sultan Is-  
kandar Muda, Aceh) : 76.

Marhum Mangkat di Julang (Sultan  
Mahmud Shah II) : 83, 87, 89,  
96.

Marhum Mangkat di Kayu Anak  
(Yamtuan Muda Tun Mahmud,  
Johor) : 89, 96.

Marhum Mangkat di Kota (Daing  
Chelak) : 100.

Marhum Mangkat di Kuala Pahang  
(Sultan Abdul Jalil IV) : 95.

Marhum Mangkat di Laut (Bendahara  
Tun Muhammad, Pahang) : 113.

Marhum Mangkat di Pahang (Sultan  
Abdul Jalil III, Raja Bujang) : 82.

Marhum Muda Pahang (Raja Muda  
Abdullah, Pahang) : 69, 71, 77.

Marhum Mursyid (Raja Haji Abdul-  
lah, Riau) : 150.

Marhum Padang Saujana (Bendahara  
Tun Habib Abdul Majid) : 83.

- Marhum Pahang (Sultan Abdul Gha-  
 fur, Pahang) : 69, 71, 76, 79.  
 Marhum Pulau Bayan (Raja Ali, Yam-  
 tuan Muda Riau V) : 113.  
 Marhum Saleh (Sultan Salchuddin,  
 Selangor) : 104.  
 Marhum Seluyut (Sultan Muzaffar  
 Shah, Johor) : 72.  
 Marhum Syahid (Sultan Mansur Shah  
 II, Pahang) : 61.  
 Marhum Shaikh (Sultan Ahmad  
 Shah, Pahang) : 47, 52, 170.  
 Marhum Sungai Baru (Daing Merc-  
 wah, Yamtuan Muda Riau I) : 97.  
 Marhum Tambelan (Sultan Abdullah  
 Ma'ayat Shah) : 74, 79, 81.  
 Marhum Teluk Ketapang (Raja Haji):  
 106, 114, 117, 126.  
 Marhum Tengah (Sultan Ahmad  
 Shah) : 103.  
 Marrison, G.E. : 31.  
 Martin Lister : 240.  
 Maskelyne, N.S. : 269.  
 Mas Radin : 93.  
 Mas'udi : 15, 16.  
 Mat Kelubi : 335, 343, 346-349, 363.  
 Mat Kilau : 270, 291, 313, 316, 323-  
 324, 327-330, 333, 335, 338,  
 340, 342-348, 350-351, 353-356,  
 358, 359, 363-366, 370, 390-392,  
 395, 400, 401, 402, 405-409.  
 Mat Lela : 338, 343, 356, 358, 359,  
 363, 366, 390, 401, 405-408.  
 Mat Soh : 154, 159.  
 Matelief, Laksamana Cornelis : 65-  
 66.  
 Maxwell, William E. : 293, 297, 298,  
 304, 336, 338.  
 Megat Seri Rama : 83.  
 Melaka : 2, 18, 20, 25, 27, 31-37, 39-  
 48, 54, 60, 66, 75, 78, 102, 106-  
 108, 118, 121-122, 126.  
 Melanesia : 7.  
 Melayu-Purba (Proto-Malays) : 8.  
 Melayu-Lolinesia : 8.  
 Melayu Pesisir atau Melayu Jati  
 (Deutero-Malays) : 12.  
 Menezes Antonio de : 66.  
 Menteri Jana Putera : 34.  
 Mersing (di Johor) : 416.  
 Michell, W.C. : 281, 285, 293.  
 Michell, W.W. : 281.  
 "Min Yuen" (Pembantu-pembantu) :  
 429.  
 Ming Shih (1368-1643) : 18.  
 "Missouri" (kapal perang) : 421.  
 Mitchell, Sir Charles : 355, 358, 411-  
 413.  
 Mounbatten, Lord Louis : 423.  
 Muar : 2, 45, 49, 54, 60, 155.  
 Muhammad Akil (Mat Akil), Imam  
 Perang : 171, 172, 182, 196, 199.  
 Muhammad Che' Engku (Pahang) :  
 424, 427, 1.  
 Muhammad Shah, Tuanku (Negeri  
 Sembilan) : 412.  
 Muhammad Tahir (Singapura) : 229,  
 244.  
 Muruj al-Dhahab : 15.  
 Musa Ahmad : 433.  
 Musauddin, Tengku (Selangor) : 414.

## O

- Okya Chakra : 31.  
 Okya Tejo : 33.  
 Onn bin Ja'afar, Datuk : 426, 436.  
 Orang Kaya Bakti : 135, 248, 264.  
 Orang Kaya Dewa Pahlawan (di  
 Bangau, Pahang) : 148, 290.  
 Orang Kaya Indera Maharaja Perba  
 di Jelai (Lihat: Maharaja Perba).  
 Orang Kaya Indera Pahlawan di  
 Chenor : 136, 148, 171, 182,  
 187, 194, 196, 198, 200, 201,  
 204, 270, 281, 289, 291, 293,  
 300, 324.  
 Orang Kaya Indera Segara di Temer-  
 loh : 136, 148, 164, 165, 174,  
 182, 201, 270, 289, 291, 292,  
 293, 300.  
 Orang Kaya Indera Syahbandar :  
 136, 165, 172, 175, 194, 270,  
 281, 289, 291, 324, 314.  
 Orang Kaya Lela Setia Raja di Lipis :  
 161, 166, 167, 171, 173, 185,  
 194, 203, 214-215, 222, 226,  
 228, 232, 245, 253, 270, 286,  
 289, 291, 292.

Orang Kaya Semantan (Lihat: Bahaman).  
 Orang Kaya Setia Wangsa di Lipis (Orang Besar Berlapan) : 227, 244, 291, 300, 310, 320.  
 Orang Mendahiling : 193, 198, 200-202.  
 Orang Rawa (Rao) : 159-160, 164, 167, 169, 170, 172, 173, 184, 186, 193, 202-204.  
 Ord, Sir Harry : 183, 192-193, 198, 207.  
 "Orion", H.M.S. (kapal perang) : 272.  
 Owen, J.F. : 299, 322.

## P

- Padang Saujana (di Johor) : 83.  
 Pagoh (di Johor) : 2, 45, 49, 51.  
 Pak Alang Yusoh (Yusuf) : 329, 330, 407.  
 Palamisolatatosini : 19, 20.  
 Palembang : 79.  
 Paloh, Kampung (di Kuala Terengganu) : 344, 346, 364, 366, 369, 375, 396-399, 401, 405-406.  
 Panchor (di Johor) : 88-90.  
 Panglima Garang Yusoh (Imam Perang Setia Raja) : 327, 328, 329, 347-349, 363, 373.  
 Panglima Kakap Husain : 363, 390-391, 394-396, 401.  
 Panglima Kechil : 208, 209.  
 Panglima Muda Jempul (Pahang) : 313-315, 324, 338.  
 Panglima Perang Mansu : 156, 157, 160.  
 Panglima Raja Mat Ali (Pahang) : 153, 159.  
 Panglima Sultan (Pahang) : 71.  
 Parti Komunis Malaya (Malayan Communist Party = MCP) : 419-427, 430-439.  
 Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) : 437.  
 Pasir Atas : 329.  
 Pasir Gayam (di Selangor) : 200.  
 Pasir Jelai (di Besut, Terengganu) : 384.  
 Pasir Nering (di Terengganu) : 402.  
 Pasir Tambang (di Pahang) : 167, 246, 351.  
 Pasukan 136 (British) : 418, 419, 420, 422.  
 Patani : 18, 22, 25, 28, 59, 63, 68, 75, 76, 211, 359.  
 Patih Ludang : 57-58.  
 Peacock, B.A.V. : 6.  
 Pekan : 2, 25, 107, 123-125, 129-132, 146, 147, 152, 153, 164, 170, 171, 174, 178, 180, 182, 183, 187, 193, 195, 198, 211, 213, 215, 222, 229, 231, 233, 236, 237, 245-247, 252, 254, 267, 268, 271, 274, 279-280, 293, 298, 313-315, 320, 326, 328, 340, 349, 360, 401, 415, 423.  
 Pekan Lama : 50, 60, 68-69, 77, 112, 134.  
 Penarikan : 2, 50, 124.  
 Pengganas Komunis : 428-429, 430-436.  
 Penghulu Abdul Rahman bin Saleh (di Pasir Nering, Terengganu) : 402.  
 Penghulu Amat (di Terengganu) : 375-376, 400.  
 Penghulu Raja (di Tembeling, Pahang) : 300, 332.  
 Penghulu Tok Bakti (di Hulu Terengganu) : 365-366.  
 Penjara di Pahang : 135.  
 Penjum (di Pahang) : 215, 226, 229, 232, 244, 246, 263, 281.  
 Penrose : 293.  
 Penyusok : 113.  
 Perak : 1, 69, 202, 210, 213, 227, 231, 244, 252, 295, 307, 321, 322, 333, 350, 411, 412, 425, 427, 428, 433.  
 Perang Endau : 155-157.  
 Perang Kanching (di Selangor) : 201.  
 Perang Kuantan : 157.  
 Perang Orang Kemaman : 144.  
 Percival, Lt. Jeneral A.E. : 416.  
 Permaisura Teluk Chini : 20.  
 Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) : 427, 436.  
 Persidangan Raja-Raja : 412, 413.

Pertemuan di Baling (Kedah) : 437.  
 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Ber-  
 satu (UMNO) : 426-427, 436.  
 Petaling (di Selangor) : 196.  
 Phaya Tiphā (di Patani) : 359.  
 Phra Khlang : 56.  
 Pickering, W.A. : 267, 271.  
 Pina, Antonio de : 53.  
 Pinto, Ferdand Mendez : 58-59.  
 "Pluto" (kapal) : 207.  
 Prapancha : 17.  
 "Prince of Wales" (kapal perang) :  
 416.  
 Pugh, Brigadier L.H.O. : 423.  
 Pongsawadan Luang Prasoeit : 32-33.  
 Pulau (di Hulu Kelantan) : 334, 346.  
 "Pulau" (kapal Sultan Johor) : 207,  
 249.  
 Pulau Aur : 92, 180, 181.  
 Pulau Bayan (di Riau) : 111.  
 Pulau Kaban : 182, 183.  
 Pulau Penyengat (di Riau) : 117,  
 121, 138.  
 Pulau Sekijang (di Singapura) 118.  
 Pulau Seri Buat : 180, 183.  
 Pulau Tawar (di Pahang) : 6, 160,  
 198, 214, 218, 232-233, 246,  
 270, 287, 298, 305, 307, 328.  
 Pulau Tekong (di Singapura) : 141,  
 143, 150.  
 Pulau Tinggi : 92, 178, 180, 181.  
 Pulau Tioman : 58, 92, 113, 162,  
 166, 181, 183.  
 Pura : 3, 20, 21, 25, 34, 36.  
 Puteri Bakal (Melaka) : 45, 51, 70.  
 Puteri Bakal (Terengganu) : 61.  
 Puteri Bongsu Chendera Dewi : 62,  
 64, 69, 70, 77.  
 Puteri Kamaliah : 73.  
 Puteri Lela Wangsa : 34, 37, 39.  
 Puteri Mengindera : 41.  
 Puteri Onang Kening : 59.  
 Puteri Puteh (Lihat: Raja Puteh).  
 Puteri Seri Alam (Sultanah Tajul  
 Alam Safiatuddin Shah, Achch) :  
 75, 78.  
 Puteri Wanang (Onang) Seri : 34, 37,  
 39.

## R

Raffles, Thomas Stamford : 115,  
 118.  
 Raja Abdullah (Kelang) : 184.  
 Raja Abdul Rahman bin Raja Ja'afar  
 (Yamtuan Muda Riau VII) : 126,  
 128, 137.  
 Raja Ahmad (suami Raja Puspa  
 Dewi) : 51, 61.  
 Raja Alam (Siak) : 100, 101.  
 Raja Ali bin Daing Kemboja (Yam-  
 tuan Muda Riau V) : 107, 111,  
 114.  
 Raja Ali Haji (Riau) : 83.  
 Raja Asal (di Selangor) : 192-194,  
 196, 201.  
 Raja Bajau (Yamtuan Muda Raja  
 Bajau) : 70, 74, 78, 81.  
 Raja Bakal (Lihat: Puteri Bakal).  
 Raja Bongsu (Lihat: Sultan Abdullah  
 Ma'ayat Shah).  
 Raja Bujang (Lihat: Sultan Abdul  
 Jalil Riayat Shah III).  
 Raja Dewi (puteri Sultan Mahmud  
 Marhum Kampar) : 59, 70.  
 Raja Empeh : 219, 228.  
 Raja Fatimah (kakak Sultan Mahmud  
 Marhum Kampar) : 50.  
 Raja Fatimah (puteri Sultan Alaud-  
 din II, Johor) : 61, 70, 85.  
 Raja Fatimah binti Sultan Iskandar  
 Shah Perak : 415.  
 Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang,  
 Yamtuan Muda Riau IV) : 100,  
 102-107.  
 Raja Haji Abdullah bin Raja Ja'afar  
 (Yamtuan Muda Riau IX) : 126,  
 142, 150.  
 Raja Haji Mahmud (Selangor) : 240,  
 252, 263.  
 Raja Idris (Perak) : 240.  
 Raja Ismail (Raub) : 219.  
 Raja Ismail (Siak) : 104.  
 Raja Ja'afar bin Raja Haji (Yamtuan  
 Muda Riau VI) : 114, 117, 121,  
 126.  
 Raja Kasab (Siak) : 61, 64, 69, 70.  
 Raja Khadijah (puteri Sultan Mah-  
 mud Marhum Kampar) : 52, 70.

- Raja Lumu (Selangor) : 100, 105.  
Raja Mahadi (Selangor) : 185, 187, 188, 191-192, 194-199, 202.  
Raja Mahmud (Tengku Besar Riau-Lingga. Lihat: Sultan Mahmud Muzaffar Shah).  
Raja Mahmud atau Raja Ahmad (putera Raja Kasab, Siak) : 62, 69, 70.  
Raja Mahmud (Raja Buang, Siak) : 100, 101.  
Raja Maimunah (anak Daing Perani) : 111.  
Raja Mansur (Lihat: Tun Dalam, Terengganu).  
Raja Merlang : 45, 51, 70.  
Raja Muda Abdullah (Raja Muda Pahang) : 63, 68-71, 77.  
Raja Mughal (Sultan Iskandar Thani, Aceh) : 62, 64, 69, 70, 75, 75, 77, 78.  
Raja Muhammad (dari Terengganu) : 51.  
Raja Muhammad Yusuf (Yamtuan Muda Riau X) : 138, 150.  
Raja Nara Singa (Sultan Abdul Jalil) : 51, 70.  
Raja Olah (Lihat: Raja Wati).  
Raja Puspa Dewi : 51, 61.  
Raja Puteh atau Puteri Puteh (Puteri Kecil Besar) : 61, 62, 64.  
Raja Seberang (Lihat: Sultan Abdullah Ma'ayat Shah).  
Raja Suboh : 61.  
Raja Sulaiman : (Lihat: Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah).  
Raja Sulong (Sultan Muzaffar Shah II, Perak) : 62, 69, 70, 79.  
Raja Tempasok : 109.  
Raja Umar (putera Raja Puspa Dewi) : 51, 61, 85.  
Raja Uteh : 252.  
Raja Wati (Raja Olah) : 41, 52, 70.  
Raja Weng (Raja Ismail di Terengganu) : 366, 372.  
Ram Singh : 347.  
Rama Khamheng : 24.  
"Rantai Hujan Panas" : 156.  
Rasu, Khatib (Lihat: Tok Gajah).  
Raub : 6, 9, 159, 184, 186, 226, 229, 263, 268, 303, 305, 323.  
Rawang (di Selangor) : 201.  
Read, W.H.M. : 208, 225.  
Reid, Lt. : 323.  
"Repulse" (kapal perang) : 416.  
Resende, Baretto de : 74.  
Riau : 80, 83, 89, 92-114, 122, 127, 128, 137, 142, 150.  
Robinson, William : 215.  
Rodger, J.P. : 239, 276, 279-280, 284-285, 289, 292-295, 304, 309, 312, 314-315, 321, 322, 325-327, 335.  
Rodyk dan Davidson : 220.  
Ruch (di Hulu Pahang) : 329.  
Sai (Teluban) : 17, 24.  
Sayid Abdullah : 124.  
Sayid Ali (Kampung Badoh) : 290, 308, 310, 335.  
Sayid Alwi : 124.  
Sayid Hasan bin Ahmad Al-Attas (Pahang) : 336, 338.  
Sayid Husain (Pahang) : 361, 371, 374-375, 378, 379, 381, 382, 385.  
Sayid Idrus (dari Kemaman) : 144, 148.  
Sayid Mashhor (di Selangor) : 188, 191, 197, 199, 202.  
Sayid Muhammad bin Ahmad Alsagoff : 241, 249, 251, 256.  
Sayid Seman (Uthman) : 361, 371, 378.  
Sayid Putra (Raja Perlis) : 439.  
San-fo-ch'i : 16.  
Sanggang (di Pahang) : 187.  
Saudagar Awang Ngah : 345.  
Sayong (di Johor) : 57.  
"Sea Belle" (kapal) : 234, 239, 252, 399.  
Seah Song Seah : 251, 252.  
Seberang Engku Ngah, Kampung (di Kuala Terengganu) : 344, 345.  
Sedili Besar : 40, 162.  
Sejarah Melayu (oleh Tun Sri Lanang) : 21, 26, 27, 31, 33, 35, 56, 55.  
Sejarah Melayu (Naskhah Perpustakaan Raffles No. 18) : 35, 52, 55.  
Selangor : 1, 10, 100, 105, 107-108, 185, 187, 191, 204, 210, 280,

- 293, 304, 307, 323, 358, 411, 412, 425.
- Seluyut : 92.
- Semantan (di Pahang) : 134, 160, 287, 297-299, 303-304, 305, 308, 312, 321-322, 325-326.
- Serendah (di Selangor) : 201.
- Seri Akar Raja : 40, 43, 44.
- Seri Dewa Raja (Melaka) : 48.
- Seri Dharmaraja (Ligor) : 22-23.
- "Seri Lingga" (kapal) : 237.
- Seri Nara Diraja Tun Ali (Melaka) : 33.
- "Seri Pahang" (buaya) : 21.
- Seri Wijaya (Palembang) 16, 23.
- Setiu (di Terengganu) : 372, 377, 378.
- Shaikh Muhammad Taib dari Perak) : 169, 174, 203.
- Shamsiah Pakeh : 433.
- Siak : 78, 100-102.
- Siam-Thai : 25-26, 31-35, 48-49, 75.
- Siantan, Pulau : 91.
- Sieveking, G. de G. : 6.
- Silva, Joao de : 62.
- Skeat, W.W. : 25.
- Slim (di Perak) : 202.
- Snell, Dr. : 6.
- Souza, Alfonso de : 54.
- Stewart : 314-315, 325.
- Su Kim : 265.
- Sukhotai : 22, 23.
- Suliatang : 155, 170.
- Sultan Abdullah (Perak) 225.
- Sultan Daud (Terengganu) : 123.
- Sultan Hasan (Brunei) : 64, 67.
- Sultan Husain Shah (Singapura) : 2, 119, 120.
- Sultan Ibrahim Shah (Johor) : 82.
- Sultan Ibrahim Shah (Selangor) : 105-108.
- Sultan Idris (Perak) : 413.
- Sultan Iskandar (Kelantan) : 41.
- Sultan Iskandar Thani (Acheh) : 62, 64, 69, 70, 76-78.
- Sultan Ja'afar (Perak) : 169.
- Sultan Khoja Ahmad (Siak) : 61, 69.
- Sultan Mahmud (Pahang) : 52-53, 70.
- Sultan Mahmud Muzaffar Shah (Riau-Lingga) : 137, 138, 142-143, 150, 151-152, 159, 167-168, 180.
- Sultan Mahmud Shah (Marhum Kampar) : 2, 25, 46-55, 70, 85.
- Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat di Julang) : 83-87, 91.
- Sultan Mahmud Shah III : 103, 104, 107-110, 113-116, 119.
- Sultan Mansur Shah Melaka (Raja Abdullah) : 34-42, 70.
- Sultan Mansur Shah I (Pahang) : 50-52.
- Sultan Mansur Shah II Pahang (Marhum Syahid) : 60, 62, 70.
- Sultan Mansur Shah Terengganu (Lihat: Tun Dalam).
- Sultan Mansur (Kelantan) : 359.
- Sultan Mansur Shah II (Terengganu) : 123, 126, 129.
- Sultan Muhammad Shah (Sultan Pahang I) : 39-41.
- Sultan Muhammad II (Sultan Mulut Merah) : 159.
- Sultan Muhammad Shah (Riau-Lingga) : 126-127, 137.
- Sultan Muhammad (Terengganu) : 129, 137.
- Sultan Muzaffar Shah (Melaka) : 31, 33.
- Sultan Muzaffar Shah II Perak (Raja Sulong) : 62, 69, 70, 79.
- Sultan Muzaffar Shah Johor (Marhum Seluyut) : 72, 85.
- Sultan Muzaffar Shah (Pahang) : 56-59, 70.
- Sultan Salehuddin Selangor (Lihat: Raja Lumu).
- Sultan Shaikh (Pahang) : 47.
- Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (I) : 96, 101-103.
- Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (II) : 142.
- Sultan Umar Terengganu (Baginda Umar) : 137, 143, 151, 157, 166-169.
- Sultan Zainal Abidin (Pahang) : 59-60, 70.
- Sumner, H. : 284, 288, 305.

- Sungai Ampul (di Hulu Kelantan) : 334.
- Sungai Bera (di Pahang) : 2, 123, 148, 174, 178.
- Sungai Duri (di Pahang) : 172, 314-315, 320, 325.
- Sungai Endau : 1, 3, 166, 183, 207.
- Sungai Galas (di Hulu Kelantan) : 346, 361.
- Sungai Jelai (di Pahang) : 1, 2, 161, 246.
- Sungai Jempul (di Pahang) : 2, 123.
- Sungai Kemia (di Hulu Besut, Terengganu) : 357, 360, 374, 380, 381, 389, 390.
- Sungai Kerbat (di Hulu Terengganu) : 371, 379, 393, 395.
- Sungai Lebir (di Hulu Kelantan) : 330, 331, 334-335, 345, 354-355, 361, 382-385, 387-395, 403-404.
- Sungai Lipis : 2, 6, 7, 9, 244, 246.
- Sungai Mentong (di Hulu Terengganu) : 366.
- Sungai Miak (di Hulu Kelantan) : 385, 391.
- Sungai Muar : 2, 173, 212.
- Sungai Pertang (di Hulu Kelantan) : 354-355, 382, 392, 403.
- Sungai Rek (di Hulu Kelantan) : 335, 384.
- Sungai Relai (di Hulu Kelantan) : 335.
- Sungai Seriting : 2, 49, 123, 178, 222.
- Sungai Slim (di Perak) : 243.
- Sungai Tembeling (di Pahang) : 1, 3, 6, 7, 9-11, 246, 300, 330, 331, 402.
- Sungai Terengan (di Hulu Terengganu) : 353, 364, 366.
- Sungai Ujong : 155, 210.
- Suraim Singh : 284.
- Sutan Bangka Ulu : 202.
- Sutan Garang : 149.
- Sweettenham, Frank : 211, 216, 227, 231-238, 271, 277, 411-413.
- Sycrs, Kapten H. Charles : 280-283, 295, 304, 306, 307.
- Talbot, H.L. : 350-351.
- Tambelan, Pulau : 74.
- Tamberalingga : 22.
- Tan Hai Seng : 252-253.
- Tanah Merah (di Kelantan) : 355, 389.
- Tanjung Batu (di Johor) : 89.
- Tanjung Betong (di Jelai, Pahang) : 245.
- Tanjung Karang (di Selangor) : 200.
- Tanjung Langgar (di Pahang) : 3, 41, 148, 314.
- Tanjung Malim : 343.
- Tanjung Pahang : 20, 21.
- Tanjung Palas (di Melaka) : 106.
- Tanjung Pinang (di Riau) : 109.
- Tanjung Puteri (Johor Baharu) : 176.
- Tanjore (di India) : 22.
- Tan-ma-ling : 22, 26.
- Tao-i Chi-leo : 16, 22.
- Tasik Bera : 123, 148.
- Tasik Chini : 21.
- Teh Da (anak Tok Gajah) : 329.
- Teh Ibrahim (anak Tok Gajah) : 329, 343, 356, 359, 362, 363, 366, 390, 395, 401, 405-408.
- Teh Muhammad (di Sanggang) : 187, 201.
- Telanai Trengganu : 43-45.
- Teluk Belanga (di Singapura) : 123, 137, 144, 150, 157, 162.
- Teluk Chini : 21.
- Teluk Ketapang (di Melaka) : 106.
- Teluk Lubok Pua : 6, 9.
- Teluban (Sai, Saiburi) : 24, 27.
- Tembeling (di Pahang) : 11, 26, 148, 152, 161, 164, 167, 281, 300, 328, 340, 343, 361.
- Temenggung Abdul Halim (Daing Kechil) : 114, 115.
- Temerloh : 161, 270, 281, 297, 299, 304, 321, 335, 348, 434.
- Templer, Sir Gerald : 436.
- Tengku Abdul Jalil (putera Sultan Husain Shah) : 130.
- Tengku Abdul Rahim (Terengganu) : 237.
- Tengku Ali (putera Sultan Husain Shah) : 130.
- Tengku Ali (adik Tengku Mahmud, Pahang) : 307, 308, 312, 321.

## T

Tajul Alam Safiatuddin Shah, Sultanah (Acheh) : 78.

- Tengku Andak (Pahang) : 281
- Tengku Chik (di Besut, Terengganu) : 379-388.
- Tengku Guah (di Besut, Terengganu) : 379-385.
- Tengku Hamidah (Engku Puteri) : 117, 121.
- Tengku Husain atau Tengku Long : (Lihat: Sultan Husain Shah : 114, 116-119.
- Tengku Kamariah : 89-90, 95, 100.
- Tengku Kudin (Selangor) : 187-188, 191-192, 196-200, 202, 204, 211, 280.
- Tengku Mandak : 89, 95, 96.
- Tengku Muhammad (putera Sultan Ahmad, Pahang) 414, 424.
- Tengku Sulaiman (putera Sultan Ahmad, Pahang) : 414
- Tengku Tengah (Tengku Erang) : 89, 90, 94, 95, 96.
- Tengku Tipah : 96
- Tengku Umar (Terengganu) : 123, 126-127, 136.
- Tenno Heika (Maharaja Jepun) : 420
- Tentera Pembebasan Bangsa-bangsa Malaya (Malayan Races Liberation Army = MRLA) : 430.
- Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun (Malayan Peoples' Anti-Japanese Army = MPAJA) : 419-420, 423-425, 430.
- Tentera Wataniah (di Pahang) : 417-418, 434.
- Terangkera (di Melaka) : 129.
- Teras (di Pahang) : 251, 281, 323, 436.
- Terengganu : 1, 10, 17, 29, 41, 43, 83, 93, 97-99, 110, 121, 123, 126-127, 144, 151-152, 157-159, 166-168, 211, 237-238, 342, 344-346, 351-355, 356-358, 360, 362, 365-409.
- Tersang (di Pahang) : 6, 9, 253, 263.
- Thomas, Sir Shenton : 416.
- Thomson, G.W. : 6.
- Tibbetts, G.R. : 13.
- "Tikam Tandang" : 136.
- Timmerman Thyssen : 120-121.
- Tok Abu Bakar (di Hulu Pahang) : 231.
- Tok Busu Dolah (Abdullah) : 159.
- Tok Engku Sayid (Sayid Abdul Rahman; Tok Engku Paloh; Tok Engku Keramat) : 344-345, 359, 364, 375, 396-400, 405.
- Tok Gajah (Khatib Rasu; Imam Perang Rasu, Imam Perang Indera Gajah Pahang): 160, 167, 171, 173, 174, 184, 185, 194, 196-201 213-214, 223, 227-228, 231-233, 246-248, 256-257, 262, 268, 274, 281, 286, 287, 289-292; 300, 310, 313-314, 321, 326, 328-334, 338-350, 353-358, 363, 366, 370, 374, 390-392, 395, 401-402, 405.
- Tok Mekong Hasan (di Besut, Terengganu) : 357, 380.
- Tok Mekong Kemia (Pak Lipah, di Besut, Terengganu) : 357, 380, 382, 390.
- Tok Menteri Ahat (di Jelebu) : 222.
- Tok Muda Andak : 195.
- Tok Muda Bidin (di Semantan, Pahang) : 307.
- Tok Muda (Mat) Akhir : 336, 346.
- Tok (Muda) Sentul (Orang Kaya Lipis) : 185, 203, 214.
- Tok Raja (Lihat : Maharaja Perba, Jelai).
- Tok Tuit (Orang Kaya Indera Pahlawan, Chenor) : 182, 187.
- Tok Uteh (di Gali, Pahang) : 186.
- Townly, E.F. : 293.
- Treacher, W.H. : 413.
- Tuan Embong (Wan Embok) : 128, 145, 174.
- Tuan Hitam : 227, 248, 256.
- Tuan Kechut : 184, 288, 315.
- Tuan Mandak : 155, 299, 302, 315.
- Tuan Muda : 265.
- Tuan Ngah : 128.
- Tuan Shaikh Kechil : 215.
- Tuan (Sayid) Wok : 335, 357, 380, 382.
- Tuhfatu'n-Nafis (Hikayat) : 83, 103.
- "Tulang Mawas" : 9, 11.
- Tun Abbas (Lihat : Bendahara Tun Abbas).
- Tun Abdul Jalil (Bendahara Paduka Raja Johor) : 83, 87, (Lihat :



- Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV).
- Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok; Bendahara Tua) : 91-95.
- Tun Abdul Jamal, Temenggung (anak Bendahara Tun Abbas) : 98, 112-113.
- Tun Abdul Jamil, Laksamana (Paduka Raja) : 76, 81-83.
- Tun Abdul Majid (anak Bendahara Tun Abbas) : 98, 102, 104. (Lihat : Bendahara Tun Abdul Majid).
- Tun Abdul Mutalib (anak Bendahara Tun Abdul Majid) : 112, 113.
- Tun Abdullah (Bendahara Paduka Raja) : 88, 89.
- Tun Besar (anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak, Melaka) : 39.
- Tun Besar (Che' Puan Busu; Tengku Ampuan Pahang) : 189, 230, 252, 310.
- Tun Dalam (Raja Mansur, Terengganu) : 97-98, 102, 105, 110.
- Tun Fatimah : 55.
- Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Padang Saujana) : 83, 87, 93.
- Tun Hamzah (Bendahara Pahang) : 40, 42.
- Tun Husain (Bendahara di Terengganu) : 93, 98, 99.
- Tun Isap Berakah (Bendahara Paduka Tuan) : 55.
- Tun Koris (anak Bendahara Tun Abdul Majid) : 112.
- Tun (Wan) Koris (Lihat : Wan Koris).
- Tun (Tengku) Long (puteri Sultan Ahmad, Pahang) : 189, 230, 237, 252.
- Tun Mahmud (Yamtuan Muda, Johor) : 88-89.
- Tun Mas Jiwa (Bendahara Seri Maharaja, Johor) : 88-89.
- Tun Muhammad (Engku Tanjung) : 115, 128, 150, 146, 230.
- Tun Perak : 33, 34, 39, 44.
- Tun Selamah (anak Bendahara Tun Abdul Majid) : 107-108.
- Tun Seri Lanang : 20, 33, 35, 51, 71.
- Tun Teja : 46.
- Tun Telanai : 35.
- Tun Umar (Melaka) : 33.
- Tun Zainal Abidin (Terengganu) : 93, 97. (Lihat : Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu).
- Tung Hsi Yang K'au : 73.
- Tweedie, M.W.F. : 6.
- U
- Umbai, Kampung (di Melaka) : 2, 178.
- V
- Vietnam Utara : 10.
- W
- Wahi Anuar : 433, 435.
- Walker, R.S.F. : 322, 323, 326-329, 332, 350, 353, 354;
- Walter Egerton : 349
- Walter Knaggs : 229, 256.
- Wan Abdullah (adik Wan Aman) : 182.
- Wan Abdul Rahman (Wan Aman) : 128, 144, 148, 154, 159-161, 164, 171, 175, 182, 185-188, 191.
- Wan Abdul Rahman Engku Ngah (Bendahara) : 230, 253.
- Wan Ali : 433-434.
- Wan Da (adik Wan Aman) 144, 148, 164, 182-185, 187, 191, 203.
- Wan Daud bin Wan Pahang (Maharaja Setia Raja; Haji Wan Daud) : 159, 160-162, 167, 171, 173, 177-178, 213, 223, 285-287.
- Wan Embong : 146-147, 153-154, 159.
- Wan Esah (isteri Tengku Long atau Tengku Husain) : 116.
- Wan (Abdul) Hamid (di Jeran Ampai) : 342.
- Wan Ibrahim (adik Wan Aman) : 199.
- Wan Idris (Orang Kaya Maharaja Perba, Jelai) : 145-147, 151-155.

159, 161-164, 166, 173, 177, 184,  
203, 213, 214, 218.  
Wan (Tun) Koris (Engku Muda;  
Bendahara Muda Pahang) : 128,  
144, 148-149, 155, 164-166, 175,  
177.  
Wan Koteh : 256.  
Wan Lingga : 213-215, 219, 226.  
Wan Mahmud, Temenggung (anak  
Wan Ismail) : 199, 230, 237.  
Wan Mansur (Engku Muda) : 198,  
205, 219-220, 234, 236, 242-247,  
253, 270, 281, 289, 311, 314.  
Wan Muhammad (Datuk Muda Setia;  
Orang Kaya Maharaja Perba, Jelai)  
: 147, 148, 152, 155, 163, 167,  
177, 184, 203-204, 213-214, 218,  
219, 223, 245, 256, 268, 270,  
201, 282, 285, 290, 291, 298,  
300, 311-313, 319-324, 331-332,  
336, 339-341, 343-344, 349-350.  
Wan Selat bin (Haji) Wan Daud : 223.  
Wan Sulaiman : 128.  
Wan Tanjung : 336, 339.  
Wang Ta-yuan : 16-17.  
Weld, Sir Frederick : 213, 215-218,  
221, 236, 239-243, 249-254, 257-  
259, 273, 277.

William Fraser : 241, 250, 263, 269.  
William-Hunt, P.D.R. : 6.  
William Paterson : 263.  
Wise, E.A. : 281, 297, 304, 306, 307,  
312, 326, 329, 342, 350-351.

## Y

Yamshita, Tomoyuki : 416.  
Yamtuan Muda Raja Bajau (Lihat :  
Raja Bajau).  
Yeo Pan : 241.  
Yeop Mahideen : 417, 431.  
Yap Ah Loy : 196-197, 201.

## Z

Zainal Abidin (I), Sultan (Tereng-  
ganu) : 97, 99.  
Zainal Abidin (II), Sultan (Tereng-  
ganu) : 110.  
Zainal Abidin (III), Sultan (Tereng-  
ganu) : 237-238, 345, 369-370,  
397, 400.  
Zaman Batu : 5-13.  
Zaman Gangsa : 10-11.  
Zaman Gangsa-Besi : 11, 13.